

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT YANG PERTAMA
PENGKAL PERSIDANGAN KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEPULUH**

**PADA 20 HINGGA 24 APRIL, 2003
BERSAMAAN
18 HINGGA 22 SAFAR 1424**

DIKELUARKAN OLEH:

**Pejabat Dewan Undangan Negeri,
Terengganu**

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada:

**SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU**

**PERSIDANGAN
PADA HARI AHAD, 20 APRIL, 2003**

Hari Ahad,
20 April, 2003

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 1]
2. Doa [Muka 5]
3. Titah Ucapan Di Raja [Muka 5]

[Bersambung]

20 APRIL 2003

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 10.10 PAGI**

H A D I R

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA

Dato' Haji Husain bin Awang, DPMT.,JP.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, SSMT.

WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Dato' Haji Mustafa bin Ali, DPMT.

WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.

WAKIL MANIR

Yang Berhormat Dato' Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong, DPMT.

WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Chik, SMT.

WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tun Dato' Haji Mohd Salleh bin Abas,

SSM.,PMN.,SPMT.,

WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.

WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Haji Yahya bin Ali, PJC.

WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah, PJC.

WAKIL TEPUH

Yang Berhormat Haji Awang bin Jusoh, JP.,PJK.

WAKIL CUKAI

20 APRIL 2003

Yang Berhormat Encik Wan Hassan bin Mohd Ramli. PJK.
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Ismail bin Haji Mamat. PJK.
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Nik Muhammad Zawawi bin Salleh. PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Abdullah bin Mat Dan. PJK.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh. PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Haji Azman Shapawi bin Abdul Ram. PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Dr. Haji Sulaman bin Abdullah. PJK.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Haji Mohamad bin Hitam. PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Encik Shaharizukirnain bin Abd. Kadir.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak.
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Ismail bin Harun. PJK.
WAKIL AJR PUTIH

Yang Berhormat Haji Hassan bin Mohd Salleh.
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Haji Abdul Aziz bin Haji Abas.
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Haji Mehamad bin Sulong.
WAKIL KIJAL

20 APRIL 2003

Yang Berhormat Haji Roslan bin Haji Ismail,
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Encik Rozali bin Muhammad,
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Encik Md. Azmi bin Lop Yusof,
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,
SPMT..DSMT..PJN..JSM..PJC..PPN..PJK.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang,
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali,
DPMT..AMT..AMN..PJK.
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Encik Rosol bin Wahid. PJK.
WAKIL AJIL

20 APRIL 2003

**HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Y.M. Dato' Ku Abd. Azah bin Syed Alwee.
DSMT..DPMT..PJC..PJK..BLB

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Encik Ahmad Kamal bin Md. Shahid

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Ibrahim *u* Mat Nor bin A. Rahuman.
DPMT..ASM..PJC..PJK..BLB

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Wan Mohd Rubi bin Wan Jusoh. SMT..PJK.

20 APRIL 2003

D O A

Dibaca oleh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA DEWAN KELUAR
DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI MEMPERSILAKAN DULI YANG
MAHA MULIA TUANKU AL-SULTAN DAN DULI YANG MAHA
MULIA PERMAISURI TERENGGANU BERANGKAT KE MAJLIS
DEWAN UNDANGAN NEGERI.

TITAH UCAPAN DI RAJA

Bismillahirrahmanirrahim, wabihi nastain
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang terhormat
Yang Di Pertua Dewan Undangan Negeri dan

Yang terhormat
Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri

Alhamdulillah, beta bersyukur ke hadrat Allah subhanahu wataala kerana dengan limpah izin dan inayah-Nya dapat Beta dan Permaisuri hadir di majlis perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Yang Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Kesepuluh pada hari ini.

Beta juga bersyukur dan gembira dengan suasana tenteram dan aman damai di Negeri Terengganu Darul Iman pada masa kini. Keadaan ini akan memantapkan lagi pengurusan halacara-halacara pembangunan insan dan ekonomi bagi mencapai matlamat kesempurnaan rakyat negeri. Tahap perpaduan kaum berada dalam keadaan membanggakan dengan sifat saling hormat menghormati serta tolong menolong antara satu sama lain berjalan dengan baik. Khusus untuk umat Islam di terengganu, Beta berharap kesatuan dan perpaduan ummah dijadikan perkara penting dalam kehidupan seharian.

Perpecahan umat Islam akan hanya merugikan ummah dalam semua aspek dan bertentangan dengan perintah Allah subhanahu wataala. Keadaan sedih dan pilu yang sedang berlaku kepada umat Islam di merata tempat di seluruh dunia seharusnya menjadi pengajaran kepada semua muslimin dan muslimat. Justeru, beta menyeru setiap muslim untuk kembali kepada ajaran al-Quran dan al-Sunnah dalam menangani cabaran-cabaran semasa. Tindakan ini perlu bagi

memastikan umat Islam akan terus maju. Suasana ini perlu dikekalkan supaya Negeri Terengganu Darul Iman akan terus meraih kejayaan. insya Allah.

Beta difahamkan pembangunan negeri Terengganu Darul Iman direncanakan berdasarkan dua elemen utama iaitu pembangunan insan dan pembangunan ekonomi. Beta yakin dengan penumpuan kepada dua elemen ini, pewujudan sebuah masyarakat beriman, berilmu dan beramal soleh serta peningkatan kualiti hidup rakyat akan tercapai. Kedua-dua elemen ini penting sebagai tonggak kemajuan negeri untuk sampai ke tahap syumul. Beta gembira kerana kerajaan terus memberi penekanan kepada kedua-dua elemen ini dalam merancang, melaksana, memantau dan menilai program-program dan projek-projek pembangunan. Tema '*Membangun Menurut Islam*' adalah paksi rujukan yang tepat bagi memajukan negeri. Cabaran utama kerajaan ialah dalam mengimbangi pembangunan dunia dan akhirat rakyat negeri supaya rakyat akan maju bukan sahaja daripada aspek kerohaniannya tetapi juga dari kebendaannya.

Dalam menuju matlamat pembangunan insan, Beta berharap kerajaan meneruskan aktiviti-aktiviti tazkirah, dakwah dan tarbiyah kepada seluruh umat Islam di negeri ini. Tindakan ini harus diambil dari setahun ke setahun sebagai kesinambungan untuk memberi peringatan betapa pentingnya nilai-nilai Islam dijadikan amalan kehidupan harian. Beta yakin dengan program-program berteraskan Islam, gejala-gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah, kejadian jenayah, keruntuhan akhlak akan dapat dibendung malah dihapuskan sama sekali di negeri ini. insya Allah.

Penekanan kepada penyempurnaan akhlak adalah tugas utama kerajaan untuk mencapai matlamat dalam pembangunan insan. Bagi mencapai hasrat ini, semua jabatan dan agensi kerajaan perlulah bersatu tenaga supaya mesej Islam sebagai ad-din dapat dipraktikkan setiap hari oleh rakyat setempat. Dalam pada itu usaha-usaha harus juga dilakukan untuk menarik golongan remaja mendekati majlis-majlis ilmu di masjid-masjid dan surau-sarau sebagai kaedah meningkatkan tahap keimanan dan ketaqwaan. Beta berharap program-program untuk mengembalikan kecermelangan Islam di negeri Terengganu Darul Iman akan berjaya dengan kerjasama semua pihak.

Pendidikan adalah salah satu aspek paling penting untuk memajukan rakyat. Justeru sektor pendidikan perlulah diberi pengkhususan bagi memastikan rakyat negeri sentiasa menambah ilmu pengetahuan dari peringkat pra-sekolah lagi. Secara amnya beta berpuashati dengan prestasi pencapaian pelajar-pelajar sekolah di Terengganu yang sentiasa meraih kejayaan dalam peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM. Walaupun begitu beta berharap kerajaan meneruskan usaha-usaha untuk meningkatkan lagi tahap pencapaian ini kerana masih ada lagi ruang untuk berbuat demikian.

Di samping itu juga, Beta menyarankan ilmu fardhu ain dan bahasa arab diberi penekanan kepada pelajar-pelajar sekolah melalui aktiviti-aktiviti tambahan. Walaupun kelas-kelas tambahan fardhu ain telah diadakan, Beta rasa langkah yang lebih bersepadu perlu dilakukan bagi mengukuhkan asas keagamaan pelajar-pelajar sekolah. Tindakan ini perlu sebagai persediaan awal untuk menghadapi cabaran-cabaran globalisasi dan ledakan maklumat semasa. Dalam mengharungi kehidupan harian, ilmu pengetahuan untuk kehidupan di dunia dan akhirat perlulah menjadi bekalan setiap muslim. Oleh itu Beta berharap penumpuan kepada bidang pendidikan

20 APRIL 2003

dalam kedua-dua aspek ini terus menjadi paksi agenda pendidikan di Terengganu. Beta memberi perhatian kepada bidang pendidikan kerana kepentingannya sebagai wahana untuk membentuk generasi pemimpin dan rakyat yang bertaqwa, berilmu dan berakhlak, seterusnya menjayakan program pembangunan insan.

Pengurangan kadar kemiskinan akan terus menjadi agenda utama kerajaan. Beta mahu kerajaan terus memberi penumpuan kepada keluarga-keluarga miskin yang memerlukan bantuan bagi memudahkan kehidupan. Dalam pada itu, rakyat serta sektor swasta perlu juga memberi sumbangan bagi membantu golongan yang tidak bermasib baik ini. Beta faham kekangan kewangan yang melanda negeri telah memberikan kesan yang besar terhadap usaha-usaha pengurangan kadar kemiskinan di negeri ini. Justeru, Beta menyarankan pendekatan bersepadu semua jabatan dan agensi kerajaan serta badan-badan bukan kerajaan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dilaksanakan. Langkah ini penting untuk memastikan keberkesanan setiap program yang dirancang dan dilaksanakan. Beta bersetuju bagi menangani gejala sosial ini pendekatan berteraskan prinsip Islam dapat mencapai kejayaan yang lebih cemerlang. Adalah diharapkan kerajaan akan terus memantapkan lagi usaha-usaha mengurangkan kadar kemiskinan seiring dengan program-program lain bagi memastikan tercapainya matlamat pembangunan dunia dan akhirat.

Beta berpuashati program penyediaan perumahan kepada rakyat terus menjadi program utama kerajaan. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan jumlah rumah yang diperlukan di Terengganu ialah sebanyak 32,000 unit dengan rumah kos rendah sebanyak 9,700 unit. Dengan angka-angka ini sebagai sasaran, Beta berharap kerajaan dan sektor swasta akan melipatgandakan usaha dan bekerjasama untuk mencapai sasaran ini. Secara keseluruhannya, strategi pembangunan perumahan di Terengganu diasaskan dengan program-program seperti perumahan awam kos rendah, penswastaaan tanah kerajaan; konsortium perumahan rakyat, perumahan sektor swasta dan perumahan rakyat. Dalam hal ini, kerajaan perlu terus memberi perhatian kepada golongan yang berpendapatan rendah supaya mereka tidak ketinggalan dengan arus kemajuan di Terengganu. Beta dimaklumkan dari tahun 2002 hingga 2003, sejumlah 1,900 buah rumah kos rendah akan siap dibina. Beta yakin kerajaan akan terus memberi penumpuan kepada program-program menyediakan rumah kediaman di Terengganu.

Beta juga turut gembira kerana kerajaan telah berusaha untuk mengagihkan tanah kepada rakyat yang tidak mempunyai tapak untuk mendirikan rumah. Tindakan ini membuktikan keprihatinan kerajaan kepada rakyat dalam menyediakan keperluan asas kehidupan. Dengan adanya tanah dan juga rumah, rakyat akan mengharungi kehidupan harian dengan lebih selesa dan sejahtera. Beta difahamkan sehingga Januari tahun ini hampir 34,000 permohonan tanah dari rakyat telah dapat diselesaikan oleh kerajaan. Beta mengucapkan syabas kepada semua pihak yang telah memainkan peranan bagi menjayakan program ini.

Pertumbuhan ekonomi Negeri Terengganu pada tahun lepas ialah sebanyak 3.1 peratus. Angka ini meningkat sedikit jika dibanding dengan tahun sebelumnya. Senario ekonomi yang perlahan ini adalah kerana kelembapan yang dialami susulan peristiwa-peristiwa yang telah berlaku di rantau ini dan juga seluruh dunia. Di Terengganu, sektor yang terus menyumbang secara langsung kepada

ekonomi negeri ialah perkilangan, perkhidmatan, pertanian dan pembinaan. Selaras dengan kekangan semasa dalam membangunkan ekonomi negeri, Beta menyarankan kerajaan memfokus sumber kepada tiga strategi iaitu menambahkan prasarana untuk pembangunan industri, meningkatkan kualiti tenaga kerja dan menyempurnakan tahap sosioekonomi rakyat.

Sektor pertanian masih lagi mempunyai tempat sebagai sektor ketiga yang akan terus merangsang ekonomi negeri. Beta berharap kerajaan akan memajukan sektor ini kerana kepentingannya sebagai pengeluar makanan dan juga pewujud peluang-peluang pekerjaan. Tambahan pula sektor ini memerlukan fokus khusus kerana sebahagian besar petani, nelayan dan penternak masih boleh dikategorikan sebagai miskin. Oleh yang demikian kerajaan haruslah memberi perhatian yang serius kepada pembangunan dan pengembangan sektor pertanian ini. Beta dimaklumkan pada tahun lepas sektor ini menyumbang sebanyak RM700 juta kepada KDNK negeri.

Pada dasarnya strategi dalam sektor pertanian bertujuan untuk memaksimumkan pendapatan petani, penternak dan nelayan melalui penggunaan sumber secara optimum. Program serta projek yang akan dilaksanakan ialah dengan meningkatkan pengeluaran makanan, produktiviti dan daya saing, mengeratkan rangkaian dengan sektor-sektor lain serta memulihara dan menggunakan sumber secara mampan. Bagi melengkapkan strategi ini beta menyarankan supaya ruang pemasaran seperti pasar borong dan pusat-pusat pengumpulan disediakan; pengeluaran hasil dengan penggunaan input, pengetahuan dan teknologi terkini diperhebatkan; konsep pengurusan sektor pertanian secara komersial dengan menggalakkan penglibatan swasta dan memastikan tenaga kerja dan sumber yang ada digerakkan ke arah meningkatkan pengeluaran secara berkesan.

Sektor perkilangan terus berkembang di Terengganu terutama dalam industri petrokimia dan industri kecil dan sederhana berasaskan sumber. Industri petrokimia lebih tertumpu kepada pengeluaran produk hiliran yang kebanyakannya beroperasi di Kertih dan Chukai. Khususnya untuk industri kecil dan sederhana pula bidang-bidang yang aktif ialah pembuatan perabot dan pemerosesan hasil-hasil pertanian dan perikanan. Sektor ini masih lagi menyumbang kepada ekonomi negeri tetapi dengan kadar perlahan terutama dalam industri-industri petrokimia, besi keluli, berasaskan kayu, berasaskan hasil-hasil pertanian dan kraftangan. Walaupun begitu sektor ini dijangka akan diteraskan oleh sektor industri kecil dan sederhana memandangkan aktiviti-aktiviti perkilangan semasa banyak tertumpu kepada pembinaan kilang-kilang sektor ini.

Pelaburan langsung masih lagi penting untuk menangkinkan ekonomi negeri melalui sektor perkilangan. Walaupun pelabur-pelabur asing telah berkurangan tetapi pelabur-pelabur tempatan masih dapat menampung pelaburan langsung di Terengganu. Antara sektor yang sentiasa menarik pelaburan langsung ialah sektor industri kecil dan sederhana. Beta berharap kerajaan terus mengadakan program-program bagi menarik pelaburan langsung sama ada asing ataupun tempatan ke Terengganu. Dalam hal ini, Beta gembira dengan jumlah pelaburan langsung pada tahun lepas sebanyak RM4.7 bilion. Walaupun begitu adalah diharapkan pelaburan ini akan dapat dimanfaatkan oleh para usahawan dan tenaga kerja tempatan. Bagi menggalakkan pelaburan langsung ke Terengganu terutama dalam sektor IKS dan industri berasaskan sumber, Beta mencadangkan insentif-insentif ditingkatkan lagi supaya menarik minat pelabur-pelabur. Beta

yakin pelaburan langsung akan terus memainkan peranan untuk merangsang ekonomi terutama dalam sektor perkilangan.

Sektor perkhidmatan adalah antara penyumbang besar kepada ekonomi negeri Terengganu. Industri-industri yang menyokong sektor perkhidmatan ialah perdagangan, kewangan, pelancongan, kerajaan, utiliti dan hartanah. Walaupun begitu, di Terengganu sektor ini masih lagi berada pada tahap awalan dari perspektif nilai ditambah. Sektor ini banyak diterajui oleh industri pelancongan dan industri perdagangan. Pada tahun 2002, industri pelancongan menyumbang RM540 juta kepada ekonomi negeri Terengganu.

Keusahawanan adalah salah satu aspek yang dapat menyokong usaha-usaha kerajaan bagi mewujudkan golongan menengah di Terengganu. Selain daripada itu para usahawan adalah pemangkin ekonomi negeri sebagai pengusaha dalam berbagai-bagai industri. Keusahawanan juga akan membuka peluang-peluang pekerjaan kepada tenaga kerja tempatan dalam sektor perkilangan. Manakala dalam sektor perdagangan pula keusahawanan akan memberi peluang-peluang berniaga. Telah terbukti di negara-negara Asia Timur yang berjaya, bahawa usahawan-usahawan sektor industri kecil dan sederhana adalah prasyarat bagi menjadi negara industri.

Beta dimaklumkan terdapat 42 peratus sahaja jumlah keseluruhan usahawan yang berjaya memasarkan barangan masing-masing ke luar Terengganu. Kebanyakan barangan ini adalah dari sektor industri kecil dan sederhana. Walaupun begitu sumbangan usahawan-usahawan ini masih belum sampai ke tahap yang memberangsangkan. Setakat ini barangan yang terkenal asalnya dari Terengganu ialah songket sahaja. Oleh itu, beta berharap ramai lagi pengusaha yang akan berjaya memasarkan barangan dari Terengganu dan sekaligus mempromosikan negeri Terengganu sebagai salah sebuah negeri yang berjaya dalam sektor industri kecil dan sederhana. Dalam hubungan ini, beta menyarankan kepada para usahawan yang berjaya di luar Terengganu untuk memberi sumbangan khidmat dan sokongan kepada usahawan-usahawan di Terengganu bagi memasarkan barangan dan lain-lain. Langkah ini akan memberi peluang kepada para usahawan tempatan menimba ilmu dan pengalaman daripada usahawan-usahawan antarabangsa yang telah berjaya, insya Allah.

Beta bersyukur kerana negeri terengganu adalah sebuah negeri yang bertuah yang telah dianugerah allah subhanahu wataala dengan berbagai-bagai sumber asli. Antaranya ialah petroleum, emas, timah, bekalan air, flora dan fauna dan lain-lain lagi. Untuk memastikan anugerah ini berkekalan dari satu generasi ke satu generasi, beta berharap kerajaan mengamalkan konsep pembangunan lestari. Konsep ini akan berasaskan dengan elemen-elemen hubungan manusia dengan allah subhanahu wataala, hubungan sesama manusia dan hubungan manusia dengan alam sekitar. Selain daripada itu halacara pembangunan yang melibatkan sumber asli perlu diuruskan dengan mengambilkira manfaat yang akan diperolehi oleh rakyat setempat. Justeru, setiap program dan projek pembangunan akan memulihara sumber asli dan juga alam sekitar, insya allah.

Beta dimaklumkan di Terengganu gunatenaga banyak tertumpu kepada sektor pertanian, perkhidmatan dan perkilangan. Walaupun begitu sektor yang memberi peluang-peluang pekerjaan yang lebih stabil ialah sektor perkilangan dan perkhidmatan. Justeru kerajaan perlu terus menstrukturkan gunatenaga supaya bilangan tenaga kerja dalam sektor tradisional dikurangkan

manakala sektor produktif ditingkatkan. Sektor perkilangan dan perkhidmatan memberi sumbangan nilai ditambah yang lebih stabil daripada sektor-sektor lain. Pada tahun 2002 kadar pengangguran di Terengganu ialah sebanyak 3.6 peratus. Walaupun angka ini menunjuk kepada gunatenaga penuh tetapi usaha-usaha harus diteruskan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan tenaga kerja. Tindakan ini akan memastikan gunatenaga akan memperolehi pekerjaan yang lebih berdaya maju dan berpendapatan lebih.

Pembangunan prasarana sosial dan ekonomi perlu diteruskan oleh kerajaan memandangkan talapnya yang masih boleh dipertingkatkan. Oleh yang demikian pembinaan sekolah, masjid, hospital, balai bomba, balai polis, jalan raya dan lain-lain masih lagi diperlukan di Terengganu. Selain daripada itu, peningkatan kemudahan-kemudahan asas sedia ada perlu juga dilaksanakan supaya keselesaan dan kesejahteraan hidup rakyat sentiasa meningkat. Sehubungan dengan ini Beta menyeru kepada pihak yang bertanggungjawab untuk melaksanakan projek-projek yang akan memberi manfaat besar kepada rakyat dan negeri. Antaranya ialah Projek Lebuh Raya Pantai Timur, pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud dan jalan kereta api Kertih-Kemaman-Gebeng. Dalam pada itu, Beta berpuashati projek menambak Sungai Terengganu yang sedang giat dilaksanakan. Semua projek prasarana yang berjaya dilaksanakan akan memberi manfaat bukan sahaja kepada rakyat setempat tetapi juga di negeri-negeri jiran.

Peranan Pihak Berkuasa Tempatan akan menjadi lebih penting dengan proses pembandaran yang berlaku pada setiap tahun. Warga bandar akan meminta perkhidmatan yang lebih berkesan dan semasa ke semasa selaras dengan peningkatan kualiti hidup. Justeru, Beta berharap kesemua penguasa tempatan di Terengganu akan terus memberi perkhidmatan yang efektif dan efisien untuk keselesaan penduduk di bandar.

Beta difahamkan projek-projek pembandaran sedang berjalan dengan kerjasama sektor swasta melalui kaedah penswastan. Langkah ini bertepatan dengan keadaan semasa yang memerlukan sektor swasta memainkan peranan yang lebih penting untuk menyumbangkan aktiviti-aktiviti ekonomi di Terengganu. Selain mengembang aktiviti-aktiviti ekonomi, program pembandaran akan juga meningkatkan kemudahan awam dan sosial kepada penduduk setempat. Di samping itu, tindakan ini akan mewujudkan persekitaran bandar yang lebih selesa dan teratur. Antara kawasan-kawasan yang akan dimajukan ialah di Bukit Dendong, Besut, Bukit Besar dan Padang Hiliran, Pulau Duyong, Kuala Terengganu, Paka, Dungun dan Kuala Kemaman, Kemaman. Beta percaya penduduk di kawasan-kawasan ini akan menerima manfaat daripada projek-projek ini. insya Allah.

Teknologi komunikasi dan maklumat atau ICT telah menjadi semakin penting dengan ledakan maklumat yang dapat disebar di seluruh pelusuk negeri. Justeru, penekanan yang khusus haruslah diambil oleh kerajaan untuk memastikan rakyat Terengganu tidak ketinggalan dalam bidang ICT. Pada masakini ICT adalah salah satu medium yang popular untuk menyebarkan maklumat. Beta yakin rakyat negeri terutama golongan remaja dapat membuat penilaian dengan bijaksana apabila menerima maklumat. Beta percaya kerajaan akan terus memastikan pembangunan ICT tidak akan mempengaruhi rakyat dengan gejala-gejala yang tidak berfaedah. insya Allah.

Salah satu matlamat pembangunan ICT di Terengganu adalah untuk merapatkan jurang digital rakyat. Hasrat kerajaan negeri ialah untuk memberi pendedahan mengenai ICT kepada seluruh

lapisan masyarakat, tidak kira tempat mahupun usia. Dengan kaedah sebegini, maklumat mutakhir akan dapat disalurkan kepada masyarakat bandar dan luar bandar di Terengganu. Maklumat yang tepat dan cepat akan memastikan setiap tugas, kerja dan keputusan yang dibuat akan dilaksanakan dengan lebih bijaksana. Secara amnya, pendedahan kepada ICT terutama melalui internet akan membantu rakyat untuk meningkatkan taraf kehidupan.

Pengurusan pentadbiran awam negeri adalah penting bagi memastikan semua program dan projek kerajaan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Beta mahu pegawai-pegawai dan kakitangan awam di Terengganu meningkatkan prestasi perkhidmatan kepada rakyat sesuai dengan permintaan semasa yang memerlukan keberkesanan terbaik. Satu aspek pentadbiran awam yang dapat dipertingkatkan ialah tahap kemesraan semasa memberi khidmat kepada rakyat. Pentadbiran awam seharusnya mesra rakyat kerana ia berkhidmat untuk kepentingan negeri dan rakyat. Justeru, usaha-usaha untuk mengamalkan konsep bekerja sebagai satu ibadah perlulah diberi perhatian. Konsep ini adalah salah satu strategi untuk meningkatkan mutu perkhidmatan sektor awam kerana ia melibatkan aspek dosa dan pahala dalam melaksanakan tugas harian.

Beta yakin jumlah penjawat awam negeri dan persekutuan yang melebihi 37,000 orang di Terengganu telah lebih daripada mencukupi untuk memberi khidmat cemerlang kepada penduduk seramai 950,000 orang. Pada masa yang sama, beta berharap semua pegawai dan kakitangan kerajaan akan terus menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran dari semasa ke semasa supaya sektor awam masih lagi relevan kepada pengurusan pentadbiran awam negeri. Kursus dan latihan yang menekankan kepada 'total quality management', pemikiran kreatif dan inovatif, pengurusan masa, teknik-teknik analisis, pengurusan strategik, pentadbiran efektif dan lain-lain lagi perlulah dimanfaatkan. Tahniah juga diberikan kepada semua jabatan dan agensi kerajaan yang telah berjaya memperolehi persijilan MS ISO 9000. Beta percaya prestasi perkhidmatan pentadbiran awam di Terengganu akan terus meningkat demi kemajuan semua lapisan masyarakat di Terengganu. Beta sentiasa memberi peringatan kepada penjawat awam kerana kepentingan sektor awam dalam menguruskan program-program dan projek-projek pembangunan negeri.

Beta berdoa kepada Allah subhanahu wataala agar sentiasa memberi rahmat dan hidayah-Nya kepada seluruh rakyat dan kerajaan Beta yang dipimpin oleh Menteri Besar Beta, Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang. Beta juga mengucapkan terima kasih kepada semua anggota pentadbiran awam dan keselamatan di Terengganu yang terus memberi perkhidmatan cemerlang bagi keselesaan dan kesejahteraan kehidupan rakyat di seluruh pelusuk negeri.

Beta berharap matlamat untuk menjadikan Negeri Terengganu Darul Iman sebagai negeri maju berteraskan Islam dan yang sentiasa dirahmati Allah subhanahu wataala akan tercapai, insya Allah. Semoga usaha-usaha murni ini mendapat keredhaan-Nya.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, Beta merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Yang Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Kesepuluh.

Selamat bersidang. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

20 APRIL 2003

DULI YANG MAHA MULIA TUANKU AL-SULTAN DAN DULI YANG MAHA MULIA PERMAISURI TERENGGANU BERANGKAT DARI MAJLIS DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA MASUK SEMULA KE DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan persidangan Dewan sehingga ke hari esok, Isnin 21 April, 2003 jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan dengan membaca *tasbeeh khafarah* dan surahtul Ashr.

PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.50 PAGI.

**PERSIDANGAN
PADA HARI ISNIN, 21 APRIL, 2003**

Hari Isnin,
21 April, 2003

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 13]
 2. Ucapan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua [Muka 17]
 3. Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan [Muka 18]
 4. Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:
Soalan Bertulis [Muka 19]
Soalan Lisan [Muka 20]
 5. Usul Yang Telah Diberi Notis
Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Di Raja [Muka 41]
- [Bersambung]

21 APRIL 2003

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

H A D I R

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Haji Husain bin Awang, DPMT.,JP.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Dato' Haji Mustafa bin Ali, DPMT.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Dato' Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong, DPMT.
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Chik, SMT.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tun Dato' Haji Mohd Salleh bin Abas,
SSM.,PMN.,SPMT.,
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Haji Yahya bin Ali, PJC.
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah, PJC.
WAKIL TEPUH

Yang Berhormat Haji Awang bin Jusoh, JP.,PJK.
WAKIL CUKAI

21 APRIL 2003

Yang Berhormat Encik Wan Hassan bin Mohd Ramli, PJK.
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Ismail bin Haji Mamat, PJK.
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Nik Muhammad Zawawi bin Salleh, PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Abdullah bin Mat Dan, PJK.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh, PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Haji Azman Shapawi bin Abdul Rani, PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Dr. Haji Sulaiman bin Abdullah, PJK.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Haji Mohamad bin Hitam, PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Encik Shaharizukirnam bin Abd. Kadir.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak.
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Ismail bin Harun, PJK.
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Hassan bin Mohd Salleh.
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Haji Abdul Aziz bin Haji Abas.
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Haji Mehamad bin Sulong.
WAKIL KIJAL

21 APRIL 2003

Yang Berhormat Haji Roslan bin Haji Ismail,
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Encik Rozali bin Muhammad,
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Encik Md. Azmi bin Lop Yusof,
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,
SPMT.,DSMT.,PJM.,JSM.,PJC.,PPN.,PJK.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang,
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali,
DPMT.,AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Encik Rosol bin Wahid, PJK.
WAKIL AJIL

21 APRIL 2003

**HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Y.M Dato' Ku Abd. Azah bin Syed Alwee.
DSMT .DPMT .PJC .PJK .BLB

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Encik Ahmad Kamal bin Md. Shahid

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Ibrahim a Mat Nor bin A. Rahman.
DPMT .ASM .PJC .PJK .BLB

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Wan Mohd Rubi bin Wan Jusoh. SMT. PJK

21 APRIL 2003

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula dan marilah sama-sama kita memulakan dengan umul Quran – Al-Fatihah.

UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tuan Guru Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Dato'-Dato' dan para hadirin yang dihormati dan dirahmati Allah sekalian.

Terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah s.w.t. dengan inayah dan limpah kurnia-Nya, kita sekali lagi berada di Dewan yang mulia ini. Persidangan Dewan kali ini adalah Dewan Pertama Penggal Kelima Bagi Dewan Undangan Negeri Kesepuluh. Bermula daripada kelmarin, 20 April 2003 dan akan berlansung sehingga 24 April 2003.

Kelmarin telah berlangsung upacara perasmian penggal serta kita telah mengikuti Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan yang telah menggariskan dasar-dasar dan prinsip-prinsip asas serta halatuju kerajaan. Perbahasan terhadap Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia akan diperuntukkan masa yang secukupnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, iaitu hari ini dan esok, 21 dan 22 haribulan April, Dewan akan bersidang separuh sehingga jam 1.30 tengah hari. Dan pada 23 haribulan April, masa untuk penggulungan sepenuh hari dan pada 24 adalah diperuntukkan kepada Tertib Pekerjaan Dewan seterusnya.

Dewan ini juga tidak lupa untuk mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang yang baru, dengan ucapan 'selamat bertugas' dan adalah diharapkan dengan sumbangan tenaga dan fikiran baru nanti akan lebih meningkatkan martabat Dewan yang mulia.

Akhirnya sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi kerjasama kepada saya dalam mengendalikan Dewan ini selama ini. Dan diharapkan kerjasama yang serupa dapat dilakukan dengan memohon Ahli-ahli Yang Berhormat terus menerus dan sentiasa mematuhi tertib susila Dewan yang mulia.

Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

21 APRIL 2003

KERTAS-KERJAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan yang dibentangkan ialah

1. Peruntukan Tambahan Anggaran Perbekalan Tahun (2003) (No. 1) 2003
(DUN. Bil. 1/2003)
2. Penyata Kewangan Tahun 2001 Majlis Daerah Dungun.
(DUN. Bil. 2/2003)
3. Penyata Kewangan Tahun 2001 Majlis Perbandaran Kuala Terengganu.
(DUN. Bil. 3/2003)
4. Penyata Kewangan Tahun 1999 Yayasan Islam Terengganu.
(DUN. Bil. 4/2003)
5. Penyata Kewangan Tahun 2000 Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu.
(DUN. Bil. 5/2003)
6. Penyata Kewangan Tahun 2001 Majlis Perbandaran Kemaman
(DUN. Bil. 6/2003)
7. Penyata Kewangan Tahun 2001 Majlis Daerah Besut.
(DUN. Bil. 7/2003)

21 APRIL 2003

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SOALAN-SOALAN BERTULIS
[Lampiran A]

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jawapan-jawapan kepada soalan-soalan bertulis yang telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ialah soalan-soalan daripada:

1. Y.B. Dato' Haji Mohaamd @ Abu Bakar bin Ali
(Wakil Kemasik)
2. Y.B. Encik Rosol bin Wahid
(Wakil Ajil)
3. Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah
(Wakil Seberang Takir)
4. Y.B. Haji Azman Shapawi bin Abdul Rani
(Wakil Rantau Abang)
5. Y.B. Dr. Haji Mamad bin Puteh
(Wakil Kuala Berang)
6. Y.B.M. Tengku Putera bin Tengku Awang
(Wakil Telemong)

21 APRIL 2003

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Kemasik untuk mengemukakan soalan-soalan lisan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

Adakah Kerajaan Negeri sedar mengenai kejadian tanah kebun penceroka di Felda Kerteh Satu, Ketengah Jaya, Dungun, yang dimusnahkan oleh Jawatankuasa Syura Rakyat (JSR) dan apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap perkara tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Kemasik ingin tahu sama ada Kerajaan Negeri sedar mengenai kejadian tanah kebun penceroka di Felda Kerteh Satu, Ketengah Jaya, Dungun, yang dimusnahkan oleh Jawatankuasa Syura Rakyat dan apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap perkara tersebut.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tidak ada kejadian yang didakwa berlaku oleh Yang Berhormat daripada Kemasik sebagaimana yang dinyatakan dalam soalan ini

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya suka memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa di sekitar Ketengah Jaya, Kerteh Satu yang berkait dengan soalan yang dikatakan itu, sebenarnya ada satu rancangan kerajaan untuk menyediakan tapak rumah dalam rancangan RTB bagi generasi kedua Felda. Dan rancangan ini adalah dalam pemantauan, penyeliaan PTG, Pejabat Tanah dan salah satu daripada projek besar yang diuruskan, yang kita manfaatkan Juru Ukur swasta dalam perancangan baru polisi kerajaan. Saya suka memaklumkan perkara ini kerana ada usaha-usaha gangguan yang dibuat pada projek rancangan kerajaan yang sedang kita lakukan sekarang. Oleh kerana kawasan ini memang masuk dalam Wilayah Ketengah, kerana Wilayah Ketengah ini mengandungi tiga daerah, Kemaman, Dungun, Hulu Terengganu bukan kepunyaan Ketengah. Tetapi ada orang-orang yang tidak bertanggungjawab termasuk Pengerusi Ketengah yang datang untuk mengganggu malah maklumat yang saya terima, sekat pemandu jentolak daripada membuat pembersihan kepada kawasan yang kita nak bangunkan ini, kawasan yang telahpun diberikan laluan oleh PTG, Pejabat Tanah untuk dibersihkan.

Saya suka menasihatkan kepada mereka yang berkenaan, khususnya kepada Yang Berhormat Wakil Kemasik supaya memaklumkan kepada Pengerusi Ketengah dan mereka-mereka yang bersamanya, termasuk Rela saya difahamkan, supaya tidak melakukan kerja-kerja anti-pembangunan yang seperti ini kerana apa yang kita nak lakukan ini ialah untuk kepentingan rakyat. Kalaupun nak cari kepentingan politik, tak usahlah menjual diri dengan begitu murah sebenarnya. Tindakan keanak-anakkan yang dilakukan oleh Pengerusi Ketengah, saya rasa tak layak dengan beliau. Jadi saya harap Yang Berhormat Kemasik dapat beri kerjasama untuk menjayakan untuk

generasi kedua Felda yang dulunya tak buat tapi kita nak buat sekarang, sedang buat. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Mengikut kata Yang Berhormat tadi, menyatakan tanah tersebut diserahkan kepada PTD untuk menguruskannya. Yang setahu saya, tanah tersebut diurus oleh satu jawatankuasa yang ditubuh oleh JSR kawasan tersebut. Adakah Kerajaan Negeri memberi restu ataupun memberi kebenaran kepada JSR tersebut untuk mengeluarkan borang, untuk mengadakan temuduga tak setahu Pejabat Tanah, memungut duit melalui satu syarikat yang dimasukkan terus ke akaun syarikat tersebut di Bank Islam.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Syarikat benda tu? Penjelasan sedikit. Nama syarikat benda, sebab tak wujud syarikat tu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, saya minta laluan untuk saya menjelaskan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sepatutnya Yang Berhormat Kemasik tak tanya soalan ini kerana penglibatan, saya dah sebut tadi daripada PTG, Pejabat Tanah. Dan dalam melaksanakannya sebagai satu mekanisma satu jawatankuasa di kalangan generasi kedua ini dari segi membantu telah ditubuhkan. Itu tidak menjadi satu kesalahan sebagaimana juga kita memanfaatkan juru ukur swasta dalam mempercepatkan proses pelaksanaan projek ini. Jadi tidak timbul sama sekali masalah JSR atau tidak ... ada satu jawatankuasa, kita akui ada satu jawatankuasa untuk membantu pelaksanaannya. Dan saya difahamkan juga salah seorang daripada mereka yang terlibat ini, tanggungjawab dalam ini seorang guru kerana sama-sama nak memberikan sumbangan kepada menjayakan jawatankuasa ini, telah ditukarkan ke tempat lain kerana dilihat kejayaan projek yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan sekarang. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tidak mempertikaikan pemberian tanah kepada rakyat, tapi cara pelaksanaan. Sekarang JSR diberi kuasa untuk memungut duit, mengeluarkan surat kepada mereka yang berjaya mendapatkan tanah tersebut, bayaran RM980 seorang melalui satu syarikat guaman. Ini yang saya tak faham, sepatutnya pengendalian ini dilakukan oleh Pejabat Tanah bukan diberi kuasa bulat-bulat kepada JSR.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, cara kita tak sama dengan kerajaan dulu. Kerajaan dulu dia serah kepada JKKK, JKKKlah yang menentukan nak bagi tanah siapa, tanah siapa ... kita tak buat begitu. Penglibatan kita sebagaimana saya sebut tadi, peringkat yang paling atas PTG, Pejabat Tanah, kita memanfaatkan juru ukur swasta yang juga tidak pernah digunakan oleh kerajaan dulu. Dan bila juru ukur swasta mestilah ada duit yang dikutip untuk dibayar kepada juru ukur swasta. Dan Yang Berhormat sebut tentang peguam, memanglah itulah cara kita, kita tak buat cara-cara yang tak betul macam kerajaan dulu buat, ambil cek orang ni, tukar orang ni. Kita tak buat begitu, seperti yang berlaku dalam Babena dulu. Tapi kita buat mengikut cara-cara kita, berdasarkan peguam, cara yang telus, itu cara kita. Terima kasih.

21 APRIL 2003

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *a* ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tidakkah ini menyalahi undang-undang dari segi Kanun Tanah Negara?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Tak dok langsung bercanggah dengan undang-undang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan seterusnya, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *a* ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua --

Baru-baru ini didedahkan anak EXCO Kerajaan Negeri Terengganu menggunakan Wang Zakat untuk melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah

- a) Sudahkah EXCO berkenaan menjelaskan semua bayaran tersebut kepada MAJLIS sebagaimana yang dilaporkan.*
- b) Adakah EXCO dan Wakil Rakyat lain yang turut mendapat bantuan wang zakat daripada MAJLIS bagi membiayai pendidikan anak-anak mereka keluar negara.*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh.

Soalan nombor dua daripada Wakil Kemasik, berbunyi "Baru-baru ini didedahkan anak Exco Kerajaan Negeri Terengganu menggunakan Wang Zakat untuk melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah. Jadi kalau kira soalan tu, tak nak jawab sebab dia kata 'menggunakan.' Kalimah 'menggunakan' tu saya rasa tak betul.

Walau bagaimanapun untuk maklumat Dewan yang mulia ini, terlebih dahulu saya mengucap terima kasih kepada Wakil Kemasik yang mengemukakan soalan ini. Dan saya menunggu masa yang seperti ini untuk memberi penjelasan dan penerangan terutama sekali kepada orang-orang yang lebih bertanggungjawab terhadap perkara ini. Jadi yang pertamanya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam Islam perkara-perkara yang berkaitan dengan pengagihan semula harta yang dipungut oleh pihak kerajaan. Pada kebiasaannya Allah Taala tidak membenarkan pengagihan itu dibuat atau ditentukan oleh Naib, malah Allah Taala sendiri yang menentukan. Umpamanya dalam harta pesaka, orang perempuan boleh satu orang lelaki boleh dua. Jadi Allah Taala bagi sendiri kalau Nabi bagi orang tidak terima. Begitu juga dalam harta rampasan perang, untuk menentukan siapa dapat, siapa dapat, Allah Taala bagi sendiri. Jadi kalau Nabi bagi ada orang tidak puas hati jadi Allah Taala tentu sendiri.

Begitu juga berkaitan dengan zakat ni, sebagaimana didapati di dalam hadis Nabi s.a.w. di mana di antara lain Nabi bersabda yang bermaksud: *Dalam perkara zakat Allah Taala tidak redha*

keputusan yang dibuat oleh Nabi, tidak redha keputusan yang dibuat oleh orang lain daripadanya, sehingga Allah Taala membahagi sendiri 8 bahagian. Maka kalau kamu termasuk dalam salah satu daripada bahagian itu maka Aku beri kepada kamu.

Jadi dalam perkara zakat ini, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Allah Taala berfirman yang bermaksud: *Zakat itu untuk orang fakir, orang miskin, amir, orang baru berjinak-jinak nak masuk Islam, memerdekakan hamba, orang berhutang dan fisabillah untuk sabilillah.* Ini Allah tetap begitu dan Allah Taala itu amat mengetahui, lagi bijaksana Dia bagi ada tu orang fakir, orang miskin, amir dan fisabillah. Fisabillah luas maknanya, kalau zaman dulu fisabillah itu orang yang berperang di medan perang. Walaupun dia kaya, dia banyak hartanya, walaupun dia pengeluar zakat tetapi dia adalah berperang fisabillah maka salah satu daripada 8 itu adalah hak untuk diberikan zakat.

Jadi oleh kerana itu, saya diamanahkan untuk menjadi Pengerusi Jawatankuasa Zakat maka selepas daripada pertukaran kerajaan, daripada kerajaan dulu kepada kerajaan baru ni, saya dapati bahawa banyak pelajar-pelajar kita yang belajar di luar negara, di India, di Pakistan, di Yaman, di Jordan, di Syria, di Mesir dan lain-lainnya yang mana mereka itu tidak mendapat mana-mana bantuan daripada pihak Kerajaan Negeri Terengganu. Sebab kita dalam negeri Terengganu ini ada dua agensi yang membiayai pelajar-pelajar, agensi yang pertama ialah Yayasan Terengganu yang membuat satu polisi bahawa Yayasan membiayai pelajar-pelajar yang belajar di pusat-pusat pengajian tinggi dalam dan luar negara, yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Maka pelajar-pelajar yang belajar di pusat-pusat pengajian tinggi di dalam dan luar negara dan tidak mendapat pengiktirafan daripada JPA maka dibiayai oleh wang zakat, iaitu fisabilillah. Bila kita buat pemantauan ramai yang tidak dapat maka Jawatankuasa Zakat telah bersetuju dengan izin pihak Majlis dan pihak kerajaan bahawa semua pelajar-pelajar kita belajar di mana saja, di dalam dan luar negara yang tidak dapat mana-mana bantuan diberi melalui bantuan wang zakat. Jumlahnya pada masa dulu, masa kerajaan dulu ada tapi tak boleh semua ada pilih-pilih. Jadi bayarannya RM1,500 dan kita telah dapat naikkan sebanyak 60% kita bayar RM2,600.

Jadi oleh kerana itu kita beri kepada pelajar-pelajar tak kira anak siapa sekalipun. Maka oleh kerana itu bila selepas kita buat lawatan dan kita dapati begitu, kita beri tawaran kepada semua pelajar. Maka pelajar-pelajar ini ada membuat permohonan dan semua permohonan yang cukup dengan syarat-syarat maka Jawatankuasa Zakat meluluskannya. Maka di antara yang diluluskan itu termasuk ada anak Ahli Exco, kita tidak tahu sama ada diketahui oleh ayahnya tidak pokoknya anak dia membuat permohonan. Dia dari sudut syarat cukup, kelayakan cukup, dari sudut Islamnya cukup, kita beri. Sehingga dia didedahkan bahawa kononnya anak Ahli Exco dapat zakat juga anak orang miskin tak dapat. Itu adalah satu anggapan yang bohong, tidak ada mana-mana pelajar yang mempunyai kelayakan, kita semua bayar. Dan ini tidak menggugat hak orang miskin, orang fakir yang lain, asnaf yang lain.

Tapi masyarakat kita dilanda oleh buta agama, buta Islam maka tidak ada perkara-perkara besar yang hendak dikritik kepada kerajaan yang ada maka perkara remeh temeh ini dibesar-besarkan digunakan oleh orang-orang yang sudah kehabisan modal. Untuk meneruskan perjuangannya dalam negeri Terengganu ini maka dia hebohkan perkara remeh temeh ini dalam surat khabar, dalam TV yang sekarang ini perkara remeh temeh ini tak ada dah lepas 21 siri, tak ada dah. Maka

dengan sebab atas rasa tanggungjawab daripada pihak ahli Exco yang berkenaan dia kata dia nak bayar baliklah. Kita dengan segala dukacitanya, dia nak bayar balik terima jugalah. Makna dukacita sebab kita nak belanja duit zakat sebab dengan impak tu dia bertambah, duit zakat tu jadi bertambah pasal kita belanja pada jalan-jalan yang betul. Kalau nak banding zaman Barisan dulu RM12 juta saja setahun, tahun 2000 kita boleh RM20, 2001 boleh RM28, tahun 2002 boleh RM32 lebih, tahun 2003 ini tidak tahu boleh banyak mana, mungkin banyak lagi. Jadi sebab itu ahli Exco berkenaan bayar.

Soalan yang berikutnya, dia kata adakah anak-anak ahli Exco yang lain. Setakat ini tak dok lagi, tak dok orang minta hak saya ingat, kalau ada orang minta, saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Zakat, saya nak bagi. Jadi anak pembangkang, anak siapa tak kira. Sebab itu bertemu dengan Yang Berhormat Dato' L.A. dulu, dia kata kalau sekiranya Jawatankuasa Zakat tidak luluskan permohonan ini maka Jawatankuasa Zakat yang bersalah sebab dia menghalang hak orang. Memang dia ada hak, Allah Taala kata yang bermaksud: *Fardhunya, wajib kena bagi*. Jadi maka buta agama banyak berlaku dalam negara kita sebab tu dia pertikai perkara ini.

Jadi dengan dukacitanya dia bayar dan mengikut kenyataan ini pada 11 Februari lepas dia bayar. Kemudian adakah anak-anak Exco yang lain? Buat masa sekarang tak dok, kalau ada yang minta memang saya beri, kalau ayah dia nak bayar dia punya pasal. Anak bekas-bekas Exco ada, anak bekas Exco, anak bekas wakil rakyat pun ada. Sebagai contohnya tiga tahun lepas, anak bekas ahli Parlimen bukan PAS, saya tak nak sebut nama, tapi dalam Terengganu UMNOlah MCA tak dok Parlimen; anak bekas ahli Parlimen Negeri Terengganu dia nak sambung pelajaran keluar negara oleh sebab tempat yang dia menyambung pada masa itu belum diiktiraf oleh JPA universiti itu maka kita bayar dengan wang zakat dua tahun, iaitu pada 2000 dan 2001. Tapi bila mari 2002, kita tengok universiti itu sudah diiktiraf kita tukar kepada Yayasan Terengganu. Itu ketelusan kita. Sepatutnya dua tahun dulu, tahun 2002 dulu, dia kata bekas ahli Parlimen ni banyak duit, bukan ahli bekas Parlimen saja sekarang jawatan tinggi pula kerja dalam UMNO. Pegawai Khas dalam UMNO Pusat, menyerang kita pula tapi bagi sebab ini hak orang ramai, kita diberi amanah saja. Tapi saya dukacita, kalau nak berpolitik pun cari modal hak sedap-sedap sedikitlah jangan modal hak remeh temeh ini, kalau habis modal berhenti. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan, Yang Dipertua. Apakah kerajaan sekarang dari segi asnaf pembahagian zakat tersebut mementingkan fisabilillah daripada fakir dan miskin?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tidak timbul, semua dipenting hak fakir miskin penting, hak fisabilillah penting, ada orang miskin tak dapat beritahu kita, kita akan bagi dari masa ke semasa tidak pernah tutup permohonan. Sepanjang tahun permohonan untuk orang miskin, untuk orang fakir, untuk baili rumah orang miskin, rumah orang fakir tidak pernah ditutup. Permohonan yang layak diberi dan tidak habis lagi duit zakat lagi, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Soalan tambahan, Yang Berhormat Yang Dipertua. Soalan tambahan saya, oleh kerana isu ini sudah menjadi isu yang besar sebenarnya dipaparkan dalam media massa, apakah kerajaan bercadang

mengambil tindakan undang-undang di atas isu ini sebagaimana yang dicatat dalam Warta baru-baru ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Itu soalan lain, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, setakat ini belum lagi. Kita sebenarnya malas layan benda-benda begini sebab kita banyak kerja lagi, benda remeh temeh kalau kita layanpun tidak jadi apa juga.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya bukan mempertikaikan berhubung dengan asnaf fisabilillah, saya mempertikaikan mengapa anak orang yang berada, gajinya beribu-ribu diberi pertimbangan untuk mendapatkan bantuan daripada wang zakat ini? Bukankah ada saluran-saluran lain yang boleh diberi kepada anak-anak mereka ini. Dan yang saya rasa dukacita ialah apabila perkara ini didedahkan pada peringkat pertama, peringkat awal, Yang Amat Berhormat Menteri Besar mempertikaikannya, dinafikannya dan mengatakan ini satu fitnah, satu pembohongan. Tapi apabila didedahkan bahawa ada anak-anak Exco yang mendapat kelulusan ini, dapat dibuktikan tiba-tiba jawapannya berubah. Lepas itu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar mengatakan bahawa Exco tersebut akan bayar balik. Ini yang dipertikaikan, ini bukan perkara remeh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dia tanya pula kenapa orang banyak pitis boleh, tadi saya dah terang dah. Dia ada lapan, hak orang tak dok pitis, hak orang ada pitis, hak ni untuk hak orang ada pitis. Fisabilillah tu kalau hak orang perang dia banyak pitis, dia boleh bayar zakat tapi hak dia ada sebab fisabilillah tu hak Allah Taala tetap. Katalah kita lantik Amir, Amir tu siapa, orang banyak pitis tapi dia bahagian amir bolehlah dekat dia bukan mesti orang miskin. Kalau dia kata kenapa ditimbangkan kepada orang banyak duit, orang tak dok duit tidak diberi, itu memang salahlah. Tapi tidak ada yang tidak boleh, semua kita beri belaka, anak siapapun boleh semua. Cuma anak Menteri Besar dok minta lagi, kalau mintapun kita nak beri tapi dia tak minta nak buat macam mana.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau boleh mengapa Yang Amat Berhormat Menteri Besar suruh bayar balik?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bayar balik bukan ... awak baca mana, baca surat khabar, surat khabar Al-Haq ke guana. Ini ayah dia nak bayar balik, bila tanya Yang Amat Berhormat

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tunggu dulu saya nak jawab ni, jangan biadab sangat.

21 APRIL 2003

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Saya minta penjelasan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya tengah nak jawab
ni. duduk dulu.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jangan marah. jawab
soalanlah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Bukan marah tapi biar
beradab sedikit ... dia tak dok modal.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Perkataan 'biadab' tu saya
minta tarik balik. Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya tarik balik hak
saya kata 'biadab' tadi. Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakil Ajil, sila duduk.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Memang bukan semua
perkara secara detailnya ada dalam maklumat pihak Yang Amat BERTHORMAT. Jadi bila Yang Amat
BERTHORMAT berhubung dengan pihak ahli Exco yang berkenaan, maka ada setengah ahli Exco yang
tahu, ada yang tidak tahu anak dia dapat. Jadi oleh sebab itu ahli Exco yang berkenaan rasa
bertanggungjawab, dia kata dia nak bayar balik tak apalah sebab anak dia minta orang sibuk-sibuk
sangat. Ini untuk ... saya tak tahulah kenapa dia nak bayar balik tu bagi saya, dia kata nak bayar
balik, saya kata bakpa nak bayar balik anak tuan layak tapi dia nak bayar balik juga, tu saya kata
saya dukacita tu terima jugalah. Wallahualam.

YANG BERTHORMAT HAJI MEHAMAD BIN SULONG (Wakil Kijal): Yang BERTHORMAT Dato'
Yang Dipertua, penjelasan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan dah tamat. Soalan
berikutnya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik).
Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua. soalan yang ketiga -

*Kerajaan Terengganu telah mengambil keputusan menutup MRSM-YT
Dungun dan Besut. Apakah rasionalnya penutupan itu dibuat dan apakah
yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri terhadap bangunan MRSM yang
dikosongkan itu.*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada pihak Wakil Kemasik yang telah mengemukakan soalan ini. Saya suka baca soalan ini biar orang tak dok kertas Dewan tidak tahu soalan dia – *Kerajaan Terengganu telah mengambil keputusan menutup Maktab Rendah Sains Mara-YT Dungun dan Besut. Apakah rasionalnya penutupan itu dibuat dan apakah yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri terhadap bangunan Maktab Rendah Sains Mara yang dikosongkan.* Tuan-tuan ikuti perkembangan, betul ke soalan ni? Kerajaan Terengganu buat keputusan nak tutup. Jadi macam mana kita nak fikir, jadi balik, dia pusing balik.

Sebenarnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri tidak pernah berhasrat dan mengambil keputusan untuk menutup Maktab Rendah Sains Mara-YT Dungun dan Besut sebagaimana yang didakwa itu, tidak pernah. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini Dato' Yang Dipertua, Yayasan Terengganu menerima surat daripada pihak Mara pada 31 Julai 2002 yang ditandatangani oleh Tuan Haji Zamani bin Mohd Noor, yang telah dihantar kepada pihak pengurusan Yayasan Terengganu memaklumkan dengan dukacita terpaksa menamatkan kerjasama Mara-Yayasan Terengganu atas alasan-alasan yang tertentu, 31 Julai 2002. Kemudian Yayasan Terengganu memang rasa atau Kerajaan Negeri Terengganu melalui Yayasan Terengganu merasa sangat terkilan di atas perbuatan itu. Maka Yayasan Terengganu berjumpa pula dengan pihak Pengarah Mara pada 18 Oktober 2002. Jadi pada masa itu Yang Berhormat Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Sharif meminta agar kerjasama yang dijalin sejak dari tahun 1995 diteruskan dari masa ke semasa demi masa depan anak-anak bangsa yang memerlukan perhatian dan juga bimbingan. Di samping itu Yayasan Terengganu bersedia mematuhi keperluan-keperluan yang dikehendaki oleh Mara. Namun begitu pada 24 Oktober 2002, salinan surat diterima daripada Mara mengatakan permohonan untuk meneruskan aktiviti pengajaran, pembelajaran di Maktab Rendah Sains Mara-YT Besut dan Dungun tidak dapat dipertimbangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan. Walaupun pihak pengurusannya, pihak pentadbiran di pihak Mara bersetuju tetapi Menteri Pembangunan Usahawan telah memutuskan bahawa dia tidak mahu meneruskan kerjasama itu. Itulah dia yang putuskan. Maka habislah cerita, tidak timbul soalan kita tutup, kita apa dan sebagainya.

Jadi soalan yang berikutnya ialah, apa kita buat bangunan itu. Jadi bila dia dah tak mahu dah kerjasama dengan kita, dan untuk maklumat Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, untuk maklumat Dewan dan hadirin sekalian, kita pembangunan fizikal di Besut memang bagus dan di Dungun oleh sebab-sebab tertentu kita tidak dapat perbesar dalam jangka masa terdekat. Kuota yang diberikan kepada Terengganu 20/80, 80/20 dulu kita pihak Yayasan Terengganu, pihak kita bersetuju diturunkan daripada 80 kepada 50, jadi 50/50, Mara bersetuju. Dan Besut oleh kerana tempat cukup kekalkan kuotanya rakyat Terengganu 80 dan lain-lain 20 peratus. Maknanya kita telah bertolak ansur, kemudian mereka tak nak sambung juga.

Saya tak tahulah saya sebut dulunya ada dua draf MoU yang hendak ditandatangani, satu masa orang Terengganu jadi Menteri Pembangunan Usahawan, masa tu Menteri Pembangunan Usahawan sekarang jadi Pengarah Mara. Ada dua draf perjanjian, mula-mula atas nama Pengerusi Mara dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada masa itu, kemudian Menteri Perusahaan dia, Menteri tak bersetuju, dia nak sains sendiri buat draf. Jadi oleh sebab itu orang yang dulu jadi Pengarah Mara le ni jadi Menteri nak balas dendam hak dulu barangkali, hak Menteri dia tak nak

pakai. Saya tak tahu khilaf dalaman yang menjadi mangsa ialah rakyat negeri Terengganu yang memerlukan satu bimbingan yang lebih baik. Jadi oleh sebab dia tidak nak kerjasama dengan kita, kita pun bangunan kita takkan nak biarkan begitu saja, kita kata kalau kerjasama tidak mahu diteruskan maka bangunan ini bolehlah dikosongkan. Kita beri dua pilihan, sama ada bangunan dikosongkan atau kerjasama diteruskan, masih ada *option*. Jadi Mara mengambil pilihan yang pertama tidak meneruskan kerjasama dan mengosongkan bangunan itu. Maka apabila bangunan itu dikosongkan, saya dah bagi tahu dalam Dewan ini, kita akan menggunakan bangunan itu untuk pengajian Maktab Kolej Sains Al-Quranulkarim di dalam negeri Terengganu di kedua-dua Maktab Rendah Sains Mara ini, insya Allah. Yang ada soalan yang dikemukakan daripada Jabi, kalau tidak salah ingat dalam perkara ini dan kita tidak abaikan.

Saya telah mengisytiharkan di dalam Dewan Undangan Negeri mulia ini Kelas Mulia Bestari, Kuala Berang tak dok pasal-pasal dia tutup, dengan kemudahan-kemudahan yang ada, ditamatkan kerjasama. Ekoran daripada itu kita menubuhkan sebuah sekolah agama Kolej Islam Sains Negeri Terengganu, Kuala Berang. Dan Alhamdulillah, pencapaian peperiksaan dalam peperiksaan yang lalu adalah amat memuaskan berbanding dengan sekolah-sekolah yang lain. Insya Allah, Kerajaan Negeri jika tidak ada apa-apa gangguan dalam bidang pendidikan ini mempunyai perancangan yang tersendiri dan sedia bekerjasama dengan mana-mana pihak untuk menampung keperluan-keperluan pendidikan dan untuk meningkatkan kebolehan ilmu pengetahuan di kalangan anak-anak negeri Terengganu khususnya. Sekian, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Persilakan Yang Berhormat Wakil Ajil.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Soalan tambahan, boleh?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi? Sila.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Apakah Kerajaan Negeri bersetuju dimana penutupan MRSM ini adalah jelas yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan, Dato' Seri Nazri dalam debat yang diadakan secara langsung. Di mana ini membuktikan satu kezaliman yang paling dahsyat di Terengganu dan boleh masuk dalam satu buku 'gelombang biru' di antara kezaliman UMNO. Apakah kerajaan bersetuju?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih soalan itu. Sebenarnya kita tidak buat apa-apa tuduhan kepada mereka, maknanya biar rakyat tahu sendiri, rakyat Terengganu rakyat cerdik, rakyat terpelajar, sekurang-kurangnya hak duduk dalam pedalaman, hak duduk di Telemong, duduk di Kemasik, hak tu tak tahulah tu. Tapi yang duduk di bandar semua reti dalam perkara ini, bukan Wakil Telemong, hak duduk di pedalaman mungkin tak sempat nak baca, orang asli .. mungkin tak sempat nak baca. Harap maaf Wakil Telemong, dengan tidak ada apa-apa prejudis. Jadi oleh sebab itu zalim tak zalim kita tak tahu, bagi kita banyak lagi benda-benda lain yang boleh kita *highlightkan*. Sekarang ni Kerajaan Negeri dok tonjolpun keburukan-keburukan lawan kita, kita tunjuk kebaikan kita, kita bagi tanah, kita buat ini, kita buat itu, kita buat baik. Hak orang buat buruk, dia buatlah, dia punya tanggungjawab dia dengan Allah. Itu, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Persilakan Yang Berhormat Ajil.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama –

Benar atau tidak terdapat beberapa orang pelajar telah menyumbungkan pelajarannya di KUSZA tanpa kelulusan SPM. Jika benar kenapa hal tersebut berlaku.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan Wakil Ajil ini yang pertama berkait dengan KUSZA. Soalan yang berkaitan dengan KUSZA ini dikemukakan juga oleh Wakil Hulu Besut, 24 April 2003 dan dikemukakan juga oleh Wakil Bukit Tunggul pada 23 April 2003.

Sebenarnya kalau kiranya kita dah jawab soalan serupa pada persidangan yang lalu dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Wakil Kemasik sendiri. Oleh sebab soalan ini ada berbangkit lagi, selepas persidangan Dewan itu ada persidangan akhbar lagi wakil daripada Ajil yang menerangkan penyelewengan Kerajaan Negeri Terengganu termasuklah dalam KUSZA kerana menerima pelajar yang tak ada SPM. Yang kita dah terang kepada soalan yang dikemukakan oleh Wakil Kemasik.

Namun begitu soalan ini mari lagi. Jadi saya nak gabung sekalilah. Wakil Ajil kata *benar atau tidak terdapat beberapa orang pelajar telah menyumbungkan pelajarannya di KUSZA tanpa kelulusan SPM. Jika benar kenapa hal tersebut berlaku.* Manakala wakil daripada Hulu Besut pula tanya, *sila nyatakan perkara berikut:*

- i) *Bilangan pensyarah KUSZA yang berjawatan tetap, kontrak dan sambilan.*
- ii) *Bilangan pensyarah dan pelajar yang diambil tidak punya SPM dan adakah pengambilan tersebut tertentangan dengan etika perjawatan dan kelayakan memasuki KUSZA.*
- iii) *Adakah pengambilan pelajar dan pensyarah KUSZA yang tidak mempunyai SPM pernah dibuat oleh kerajaan yang lalu.*

Mari Wakil Bukit Tunggul pula tanya, *sila nyatakan berapa ramai pelajar-pelajar yang telah diterima masuk ke Kolej Agama Sultan Zainal Abidin tanpa kelulusan SPM mengikut tahun 1990 hingga 2002.*

Jadi saya jawab sekaligus, pada tahun 1995 pelajar yang tidak ada SPM yang memasuki KUSZA sebanyak 54 orang, 1996 40 orang, 1997 5 orang, 1998 9 orang, 1999 9 orang, 2000 adalah 11 orang, 2001 8 orang, 2002 38 campur 7, 45 orang, itu pelajar. Jadi guru pula, ada juga yang diterima tidak ada SPM, saya nak terangkan di sini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jumlah semua guru KUSZA, tetap 127, kemudian sementara 56 orang, kontrak ada 13 orang. Adakah pengambilan pelajar dan pensyarah KUSZA yang tidak mempunyai SPM pernah dibuat oleh kerajaan yang lalu? Saya jawab pada pemerintahan yang lalu ada menerima pensyarah yang tidak ada SPM seramai 28 orang, masa kerajaan yang lalu. Masa kerajaan yang baru, tahun 2001 seingat

saya ada 2 orang kerana kita perlu kepada jurusan Bahasa Arab maka pensyarah ini kita ambil secara kontrak kerana dia tidak ada SPM tapi kelayakan dia pensyarah bahagian Bahasa Arab. Dan pada tahun baru ni, dua-dua guru dah ambil SPM, ada SPM dah sekarang. Alhamdulillah. Jadi pada kerajaan yang lalunya seramai 28 orang yang ada nama-namanya dengan saya ini yang tidak ada SPM dan tidak pernah timbul perkara ini atas pelantikan secara kontrak. Sekian, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Manir): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua. Dikatakan tadi sejak 1995 telah ada pelajar yang tanpa SPM. Boleh nyatakan daripada negeri mana atau negara mana pelajar-pelajar ini diambil?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, negeri mana-manapun dok ada, tak dok SPM. Jadi kadang-kadang hak detail-detail itu saya perlu notis juga. Saya ni bukan pegawai pejabat.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan, Yang Dipertua. Kerana saya difahamkan sejak tahun 1995 dulu ialah diambil pelajar-pelajar dari luar negara sememangnya mereka tidak ada SPM. Tetapi di dalam iklan yang dikeluarkan surat-surat khabar, pengambilan pelajar untuk ke KUSZA mestilah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya 5 Kepujian untuk rakyat Malaysia dan lulus Bahasa Inggeris dalam peperiksaan SPM, SPMV atau GPE O Level atau setaraf dengannya. Jadi kenapa pengambilan ini tidak mengikut apa yang diiklankan dalam surat khabar?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya dah terang dulu ini adalah kes khas sebagai percubaan yang pertama. Itupun kita dah beri syarat pelajar-pelajar ini jika mereka ingin mendapat diploma KUSZA maka dia hendaklah mengambil peperiksaan SPM lulus dalam masa dua tahun dia belajar itu, sebelum daripada dia masuk tahun ketiga atau keluar daripada KUSZA, ini percubaan. Alhamdulillah, pelajar-pelajar yang kita ambil baru ni, ada di antara mereka dapat A semua, dapat A semua mata pelajaran termasuk mata pelajaran Bahasa Inggeris dan sebagainya. Ini satu kejayaan yang besar berbanding dengan ... ini bukanlah kita buat satu perkara yang luar biasa tapi perkara kes khas. Ini bukan tindakan yang dibuat oleh pihak pengurusan KUSZA saja malah universiti-universiti tempatan yang lain juga berbuat perkara yang sama. Yang Berhormat Yang Dipertua, saya jelaskan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BI NWAHID (Wakil Ajil): Adakah pihak kerajaan menyedari bahawa dengan amalan yang dilakukan ini akan menimbulkan krisis keyakinan terhadap KUSZA di kalangan ibu bapa dan juga di kalangan pelajar-pelajar itu sendiri? Kerana maklumat yang saya dapati, hingga sekarang Diploma Multimedia untuk tahun 2003 ada 3 orang saja. Adakah kerajaan menyedari hal tersebut kesan daripada tindakan yang tidak profesional yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Dan pihak kerajaan mengatakan semua dapat A Bahasa Inggeris dan sebagainya. Jadi ini satu dasar yang boleh dipertikaikan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, kes ini tidak menimbulkan keraguan kepada mana-mana pihak. Keraguan yang timbul

bukan daripada kes ini, keraguan yang timbul adalah kerana kempen yang tidak sihat daripada orang-orang yang tertentu menyatakan jangan masuk KUSZA, tak boleh masuk universiti, jangan masuk KUSZA nanti payah dapat kerja. Ada orang yang ditawarkan dia tarik balik, ada kes yang seperti ini. Orang negeri Terengganu, kita tahu latar belakang, dia kata awak tak boleh pergi KUSZA

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Dipertua, itu satu tuduhan yang melulu Yang Dipertua, boleh kemukakan bukti.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Itu satu tuduhan melulu, boleh kemukakan bukti?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya boleh tunjuk bukti, tapi bukan hari inilah sebab hari saya tidak bawa. Bukti tu saya ingat Wakil Ajil tak nak tanya ... saya boleh bawalah. Dan ini kita ada buat pemantauan ada di antara guru-guru sekolah, Guru Besar sekolahpun buat kempen seperti ini selain daripada orang-orang tertentu, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ini satu tuduhan, Yang Dipertua. Satu tuduhan yang tidak yang patut dikemukakan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Ajil

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): bila minta bukti, jangan takut bayang-bayang menyalahkan orang lain.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang kita terima tu Kementerian Pendidikan boleh menyiasat, bukan hak tak dok SPM tu belajar IT, dia belajar syariah saja. Dia belajar Syariah, Usuluddin dia boleh sambung ke Azhar, dia boleh sambung ke Yaman, Jordan, tak dok kena mengena dengan SPMpun, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Biarlah kita telus sedikit dan kita buat macam ni, kita lapor, buat mesyuarat dalam Ahli Majlis, dalam Majlis bersetuju Majlis ada orang cerdik-cerdik, Professor ada, Tan Sri ada, cerdik belaka bukan macam Wakil Ajil, Dato' Yang Dipertua, tak boleh nak banding, jauh langit dengan bumi budak-budak ni memikir. Kita nak beri perkhidmatan pendidikan sebanyak mungkin kepada rakyat negeri Terengganu, kenapa kita curiga. Kenapa kita curiga kerana kita terima pelajar oleh kerana datang daripada Maahad Darul Quran dekat rumah Menteri Besar. Kita persilakan sahabat-sahabat kita sebelah sana, buka sebanyak mungkin sekolah-sekolah menengah agama dan jika ingin menghantar pelajar ke KUSZA secara terbuka jika dia layak kita terima. Jangan prasangka kepada kita, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan, Yang Dipertua. Kita bukan prasangka

21 APRIL 2003

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Ajil, soalan tambahan dah tamat.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dok jelas, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan sudah berakhir, teruskan

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN NWLAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Yang Dipertua. Soalan kedua –

Berapakah kos pembinaan jalan pintas dan Jalan Sultan Ismail ke Jalan Batas Baru (Sebelah bangunan SATU). Apakah rasionalnya pembinaan tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, kos pembinaannya yang terkini dikira RM230,000 saja dan termasuklah kos pemasangan lampu isyarat RM120,000. Rasionalnya meringankan tekanan lalulintas. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan, Yang Dipertua. Kos yang dikatakan RM230,000 termasuk RM120,000 lampu isyarat. Persoalannya kenapa sehingga sekarang projek tersebut terbengkalai? Kerana ini memburukkan pandangan di tengah bandar Kuala Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini tidak termasuk kategori projek sakit kita perlu memantapan tanah.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Lama benar pemantapan, Yang Dipertua, adakah kerana tak dok pitis kerana saya difahamkan ini disumbangkan oleh bukan MPKT.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tidak ada hak untuk membuat komen.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Dipertua, saya sebagai rakyat dan mewakili rakyat dalam Dewan yang mulia ini, saya ada hak untuk berkata untuk kepentingan rakyat

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Awak boleh soal

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): dan pihak kerajaan sebenarnya, sepatutnya menilai kerana masalah sekarang yang dihadapi oleh pengguna kedai-kedai tersebut masalah tandas. Dan saya rasa satu tindakan yang tidak bijak, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan, Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan ekoran lepas pada ni. Dengan membina jalan tersebut kerana kita nak tahu berapakah harga tanah di sekitar Kuala Terengganu dan apa salah kawasan tersebut dibina bangunan. Jadi dua persoalan, yang pertama kenapa tandas tidak dibina semula dan yang kedua, kenapa tidak dibina bangunan dengan tanah yang begitu mahal di Kuala Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Dipertua, pembangkang tidak ada hak untuk nak komen, dia boleh soal saja, itu hak Dewan. Awak cerdik, awak lulus di mana cerdik sangat?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): 'Cap Ayam' Exco, soal soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Lulus di mana?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jawab soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Bangunan apa nak buat?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Atas kebijaksanaan Kerajaan Islamlah, buat benda- bendapun?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Nak buat bangunan tu, bangunan

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Cuma masalah sekarang kenapa tandas tidak dibina

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Saya beri peluang nak buat bangunan apa atas jalan tu?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Exco fikirilah, Exco bijak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ini bukan padang bola ni, Dewan ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Cakap terlalu susah, Yang Dipertua.

21 APRIL 2003

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jawab soalan, Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Bert hormat

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya tak dengar, Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Soalan itu tak layak dijawab, terlalu bodoh.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Oleh kerana soalan 'cepu emas' dan tak dapat dijawab oleh Exco yang mungkin tidak bijak.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan yang ketiga, Yang Dipertua --

Warta Darul Iman telah dikeluarkan sejak PAS memerintah Negeri Terengganu. Nyatakan jumlah edaran sehingga kini, kos percetakannya hingga tahun 2003 dan dimanakah warta tersebut dicetak.

YANG BERTHORMAT HAJI YAHYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Bert hormat Dato' Yang Dipertua, soalan seterusnya daripada Wakil Ajil berbunyi -- *Warta Darul Iman telah dikeluarkan sejak PAS memerintah Negeri Terengganu. Nyatakan jumlah edaran sehingga kini, kos percetakannya hingga tahun 2003 dan dimanakah warta tersebut dicetak.*

Yang Bert hormat Dato' Yang Dipertua, soalan ini kalau tidak silap saya pernah ditanya beberapa ketika dahulu, jadi saya telah jawab dalam sidang yang berkenaan. Cuma saya bermurah hati untuk jawab juga kerana ada perkembangan baru, iaitu Warta Darul Iman dikeluarkan tiap-tiap dua minggu sekali, jumlah yang dicetak dan diedarkan setiap kali keluaran maklumat terakhir yang saya terima ialah sebanyak 35,000 naskah, bertambah sejak sebelum daripada ini. Dan kos percetakannya sehingga Mac 2003 ialah sebanyak RM992,000 dan seterusnya adalah menjadi polisi kerajaan yang telah kita keluarkan dalam siaran ataupun pekeliling, keutamaan berhubung dengan urusan percetakan hendaklah ditawarkan dan diberi kepada syarikat anak Kerajaan Negeri, iaitu Percetakan Yayasan Islam Terengganu.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan, Yang Dipertua. Saya difahamkan Percetakan Yayasan Islam Terengganu tidak ada mesin untuk mencetak akhbar. Adakah ini benar?

YANG BERTHORMAT HAJI YAHYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Tak benar Dato' Yang Dipertua, kalau tak dok mesin nak cetak macam mana Percetakan Islam boleh mencetak bukan saja surat khabar begitu juga berpuluh-puluh ataupun beratus-ratus tempahan yang lain.

21 APRIL 2003

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya difahamkan Warta Darul Iman juga diedarkan kepada Badan Perhubungan PAS negeri-negeri lain. Adakah hal tersebut benar?

YANG BERTHORMAT HAJI YAHYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Tak jadi masalah Dato' Yang Dipertua, memang kita banyak terima permintaan memang kita tak mampu pun dengan jumlah yang diedarkan sebanyak 35,000 naskah ini kerajaan tak sempatpun nak edar kepada semua pihak. Jadi kita mengambil sikap terbuka kepada mana-mana pihak yang dirasakan penting, kita akan salurkan edaran ini sebagai menyalurkan risalah daripada kerajaan.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan, Yang Dipertua. Adakah penyaluran tersebut ataupun pengagihan tersebut adalah dibayar ataupun secara percuma?

YANG BERTHORMAT HAJI YAHYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Secara percuma saja, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kalau secara percuma, adakah ini menunjukkan bahawa duit rakyat negeri Terengganu, anak watan negeri Terengganu juga diedar atau digunakan oleh rakyat negeri lain? Adakah ini bukan satu penyelewengan, Yang Dipertua?

YANG BERTHORMAT HAJI YAHYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Saya tak faham Dato' Yang Dipertua, soalan daripada Wakil Ajil ni sebab apabila kita nak mengedarkan risalah ataupun perkembangan tentang kerajaan ini kita tidak membebankan rakyat. Yang saya susah hati sekarang ni, saya tanya Pengerusi Percetakan Yayasan Islam Terengganu ... yang saya susah hati sekarang ni, UMNO berhutang kepada Percetakan Yayasan Islam Terengganu, UMNO berhutang bukan saja UMNO Bahagian-Bahagian, UMNO Kelantan, UMNO Selangor lebih daripada RM100,000 daripada dulu sampai sekarang tak bayar lagi, itu yang lebih saya susah hati. Masalah rakyat dapat percuma tidak masalah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dipersilakan Yang Berhormat

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kalau berhutang kutiplah, Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Seberang Takir.

YANG BERTHORMAT HAJI YAHYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): UMNO ni jenis liat bayar hutang.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Habis dah Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dok bayar samanlah.

21 APRIL 2003

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Silakan Yang Berhormat Wakil Seberang Takir.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama –

Yayasan Islam Terengganu difahamkan telah mewujudkan beberapa jawatan baru secara sementara dan kontrak untuk Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam tahun 2001, 2002 dan 2003. Pengisian kepada jawatan-jawatan tersebut telahpun dibuat yang mana mereka yang dipilih adalah terdiri dari penyokong kuat parti. Pewujudan jawatan dan lantikannya tidak pernah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri seperti mana yang disyaratkan mengikut Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu Bil. 14 Tahun 2001 – Kawalan Pewujudan dan Pengisian Jawatan.

- i. Berapakah bilangan lantikan yang telah dibuat dalam tahun 2001, 2002 dan 2003 seperti yang dimaksudkan di atas?*
- ii. Apakah nama jawatan-jawatan tersebut dan dimanakah mereka ditempatkan?*
- iii. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri kepada mana-mana agensinya yang tidak mengendahkan peraturan yang telah ditetapkan?*

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ucap terima kasih. Soalan Seberang Takir ni panjang yakni sastera, dia mengarang dulu lepas tu dia tanya. Kalau tidak payah saya nak beri penjelasan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau tak tahu soalan. Soalannya berbunyi -

Yayasan Islam Terengganu difahamkan telah mewujudkan beberapa jawatan baru secara sementara dan kontrak untuk Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam tahun 2001, 2002 dan 2003. Pengisian kepada jawatan-jawatan tersebut telahpun dibuat yang mana mereka yang dipilih adalah terdiri dari penyokong kuat parti. Pewujudan jawatan dan lantikannya tidak pernah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri seperti mana yang disyaratkan mengikut Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu Bil. 14 Tahun 2001 – Kawalan Pewujudan dan Pengisian Jawatan.

Kita ucap tahniah maklumat-maklumat yang detail ada pada sahabat kita parti pembangkang. Jadi saya nak beritahu, jawapannya begini – tidak ada sebarang jawatan baru secara sementara dan kontrak untuk Kumpulan Pengurusan dan Profesional diwujudkan dalam tahun 2001, 2002 dan 2003 oleh Yayasan Islam Terengganu. Oleh itu soalan satu, soalan dua dan tiga tidak ada kaitan.

Kemudian soalan susulan – Berapakah bilangan lantikan yang telah dibuat dalam tahun 2001, 2002 dan 2003 seperti yang dimaksudkan di atas? Apakah nama jawatan-jawatan tersebut dan dimanakah mereka ditempatkan? Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri kepada mana-mana agensinya yang tidak mengendahkan peraturan yang telah ditetapkan?

Jawabnya, tak ada jawatan baru yang diwujudkan bagi tahun-tahun yang tersebut. Jadi soalan berikutnya tidak berbangkit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat akan bersetuju dengan saya membenarkan kalau kemudiannya saya dapat membuktikan apa yang telah dinafikan oleh Yang Berhormat tadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Sila buktikan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Kalau saya boleh membuktikan kemudian bukannya sekarang, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Persidangan yang lain pun boleh, insya Allah. Kita terbuka, insya Allah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Rantau Abang.

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua soalan yang pertama –

Berapakah kekosongan jawatan hingga ke Mac 2003 mengikut setiap jabatan dan berapakah jumlah kakitangan sementara yang masih berkhidmat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Rantau Abang ingin tahu berapakah kekosongan jawatan hingga ke Mac 2003 mengikut setiap jabatan dan berapakah jumlah kakitangan sementara yang masih berkhidmat?

Dengan izin Dato' Yang Dipertua, kekosongan jawatan mengikut setiap jabatan sehingga Mac 2003, adalah seperti berikut:

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	-	62 kekosongan
Kewangan Negeri	-	3
Akauntan Negeri	-	1
Hal Ehwal Agama Negeri	-	140
Jabatan Kebajikan Masyarakat	-	11

21 APRIL 2003

Jabatan Kerja Raya	-	529
Jabatan Pengairan dan Saliran	-	46
Pegawai Daerah Besut	-	10
Pegawai Daerah Dungun	-	13
Pegawai Daerah Hulu Terengganu	-	5
Pegawai Daerah Kemaman	-	29
Pegawai Daerah Kuala Terengganu	-	17
Pegawai Daerah Marang	-	17
Pegawai Daerah Setiu	-	17
Pegawai Tanah dan Galan	-	36
Pegawai Tanah Besut	-	27
Pegawai Tanah Dungun	-	6
Pegawai Tanah Hulu Terengganu	-	13
Pegawai Tanah Kemaman	-	21
Pegawai Tanah Kuala Terengganu	-	17
Pegawai Tanah Marang	-	22
Pegawai Tanah Setiu	-	16
Mulkamah Syariah Negeri	-	12
Perancang Bandar dan Desa	-	1
Perhutanan Negeri	-	104
Perkhidmatan Haiwan	-	34
Pertanian Negeri	-	65
Bekalan Air	-	1
Pegawai Mufti Negeri	-	11
Istana	-	1

Jumlahnya		1,287

Manakala bilangan kakitangan sementara yang masih berkhidmat adalah seramai 151 orang. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang).
Sejalan tambahan, Dato' Yang Dipertua, daripada jumlah yang seribu orang lebih ini, adakah atentawa sebarang kesan kepada pentadbiran di negeri ini dan di sana berapakah jumlah kewangan sebenar yang berjaya dipmaifkan daripada jawatan yang tidak diisi seribu lebih itu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Berlek).
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kekurangan-kekurangan yang dinyatakan tadi tidak menjeraskan prestasi perkhidmatan kerana beberapa kaedah makenisma baru yang diperkenalkan untuk memogkatkan perkhidmatan.

21 APRIL 2003

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, adakah pihak kerajaan bercadang untuk membuat pengisian dengan kekosongan yang berlaku ataupun dikekalkan dengan kekosongan yang berlaku?

YANG BEHRORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penilaian keperluan perkhidmatan dijalankan daripada masa ke semasa dan pengisian juga dilakukan daripada masa ke semasa mengikut keutamaan dan keperluan-keperluan yang terpaksa diisi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):
Terima kasih, Dato' Yang Dipertua. Soalan nombor dua –

Berapakah jumlah hutang PBSNT (Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu) dalam penggunaan Stadium Sultan Ismail?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk):
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua berbunyi – Berapakah jumlah hutang PBSNT (Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu) dalam penggunaan Stadium Sultan Ismail?

Sehingga Mac 2003, pihak Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu mempunyai hutang tak berbayar berjumlah RM207,781.90. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, adakah Persatuan ini tidak mampu membayar kepada Kerajaan Negeri ataupun tidak dituntut, ataupun apa yang berada di sebalik kelewatan pembayaran tersebut?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, fenomena bayar hutang dan kemampuan ini nampaknya tidak bersaing. Orang yang berhutang sentiasa meletakkan bayar hutang orang akhir tapi gunakan kesempatan dahulu.

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):
Dato' Yang Dipertua, adakah sehingga kini kerajaan telah membuat satu penjadualan kepada PBSNT untuk membayar hutang ataupun kerajaan bercadang hendak menjadikan hutang itu hutang lapuk saja?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berbagai-bagai kaedah, mencari, menuntut dan merayu bayaran balik bayaran hutang ini dilakukan tetapi kadang kala perasaan kemanusiaan dan mahu melihat Persatuan meneruskan dengan aktiviti-aktiviti kesukanan itu, kita rasa tidaklah begitu mencengkam.

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):
Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

21 APRIL 2003

SANG BERTHORMAT DATO YANG DIPERTUA: Ahli Yang Berhormat. masa yang diperuntukkan sejam untuk soalan-soalan lisan telah tamat maka Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 10.45 pagi. Dewan ditangguhkan

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.45 PAGI.

21 APRIL 2003

PUKUL 11.05 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin sekalian, Dewan disambung semula.

USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH UCAPAN DI RAJA

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju merakam dan merafakkan sembah ucapan penghargaan dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan kerana menyampaikan Titah Di Raja mengenai dasar-dasar kerajaan bersempena dengan pembukaan Penggal Persidangan Yang Kelima Bagi Dewan Undangan Negeri Kesepuluh, dan bersetuju merafakkan sembah ikrar taat setia Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dan persediaan memberi kerjasama yang erat kepada pentadbiran supaya dapat melaksanakan dasar-dasar kerajaan dengan memuaskan demi kepentingan negeri dan rakyat seluruhnya."

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Usul ini telah mendapat sokongan, sekarang adalah masa untuk perbahasan. Sebelum daripada saya berikan peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membuat ucapan perbahasan, suka saya menarik perhatian mengenai beberapa perkara. Pertama, sebaik selepas pihak penyokong untuk membuat ucapan masa diperuntukkan kepada Ketua Penyokong ialah sebanyak 40 minit maka begitulah juga pembahas pertama daripada pembangkang sebaik saja selepas penyokong pertama membahaskan, diberikan juga masa 40 minit. Dan selepas daripada itu, setiap ahli yang berucap hanya diberi masa sekadar 20 minit sahaja dan dikehendaki supaya selepas tiap-tiap dua penyokong akan diberi peluang kepada satu pembangkang. Itu tertib yang akan saya gunakan dalam persidangan kali ini. Sekarang saya buka untuk perbahasan, silakan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu, Ketua-ketua

21 APRIL 2003

Jabatan serta hadirin hadirat yang hadir pada sidang Dewan kali ini. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

Alhamdulillah, kita bersyukur kepada Allah s.w.t kerana dapat sama-sama kita dalam menguruskan tanggungjawab kita dalam memastikan kesinambungan pemerintahan dan pentadbiran di negeri Terengganu Darul Iman berjalan dengan lancar. Dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diruangsang dan peluang untuk membuka tirai dalam ucapan merakamkan ucapan penghargaan dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan dalam menyampaikan Titah Di Raja kelmarin sempena merasmikan pembukaan Penggal Persidangan Yang Kelima Dewan Undangan Negeri Kesepuluh.

Alhamdulillah, kita mengharapkan bahawa setelah tiga tahun pemerintahan Barisan Alternatif yang dipimpin oleh Parti Islam se-Malaysia (PAS) memerintah negeri Terengganu Darul Iman dan kita dapati sepanjang pemerintahan ini dengan moto, dengan konsep yang diperkenalkan iaitu *Negeri Aman, Rakyat Beriman* dan menyahut apa yang pernah difirmankan oleh Allah s.w.t. sebagai *baudatun thaibatun warabunrafal* membawa suasana keadaan yang aman dan tenteram di negeri Terengganu Darul Iman. Ini disebut sendiri dalam ucapan Tuanku Al-Sultan di mana baginda sendiri merasa selesa dengan suasana dan keadaan ketentermaan dan aman damai yang berada di negeri Terengganu Darul Iman. Dan kita mengharapkan suasana yang seperti ini berterusan di masa-masa yang akan datang.

Berbagai-bagai usaha yang dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri Terengganu untuk menyatupadukan masyarakat di negeri Terengganu Darul Iman tanpa mengira perbezaan kaum, warna kulit, bahasa dan sebagainya supaya dapat hidup dalam satu suasana yang keadaan aman damai, supaya dapat hidup dalam suasana bersatu padu sama telah lagi kita telah meletakkan asas membangunkan negeri Terengganu Darul Iman menurut apa yang diwahyukan oleh Allah s.w.t. Menurut kehendak Allah s.w.t. bagi mengembalikan syariat Allah dan bagi mengembalikan al-Quranulkarim sebagai sumber panduan kepada manusia. Dan sudah barang pasti membawa suasana kesejahteraan dan kita mengharapkan roh daripada hasrat kita itu, matlamat kita itu insya Allah akan dikecapi oleh semua peringkat. Kerana itulah kita melihat perpaduan kaum bukan hanya melibatkan masyarakat Melayu di negeri Terengganu Darul Iman tetapi khususnya melibatkan masyarakat-masyarakat yang lain, masyarakat bukan Islam khususnya masyarakat Tionghua. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tuan Guru yang sudi turun ke daerah-daerah mengadakan perjumpaan dan program bersama dengan masyarakat bukan Islam. Dan ini telah memberi satu gambaran bahawa kerjasama yang rapat dan ianya mendapat sambutan yang hangat, sambutan daripada masyarakat Tionghua supaya hidup dalam satu masyarakat yang bersatu padu dan ianya memberi sokongan yang padu kepada kepimpinan Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman. Di kawasan saya sendiri contohnya, Kampung Batu 5, yang majoritinya merupakan penduduk masyarakat Tionghua, kehadiran Dato' Seri Tuan Guru Menteri Besar dan kepimpinan negeri menggambarkan hasrat kita sendiri sebagai Kerajaan Negeri Terengganu, pemerintah Negeri Terengganu dan kepimpinan Parti Islam se-Malaysia (PAS) sendiri yang diajar oleh lunas-lunas agama Islam supaya tidak membelakangkan masyarakat ini. Dan ianya dapat memberi satu suasana kegembiraan kepada masyarakat walaupun setelah hari tersebut sempena penyampaian *ang-pow*, sempena tahun baru masyarakat Cina pada petang tersebut diadakan juga program pembahagian wang ehsan, pukul 3.00 Tok Guru bagi untuk

masyarakat Tionghua dalam masa yang sama di sebelah tempat yang sama, pukul 4.30 wang ehsan juga turut dibagi. Kadang-kadang masyarakat Cina tu dengan suka, ketawa memberitahu kepada saya, dia kata bagus hari ni, dia kata sejak PAS memerintah satu kail boleh dua ikan, dua ikan dalam satu pancing, satu kail dapat dua ikan; pukul 3.00 Kerajaan Negeri Terengganu bagi pukul 4.30 balik nun pula bagi, jadi dia senyum suka. Kita harap sokong PAS lagi masa akan datang. Maksudnya kepimpinan kita di Negeri Terengganu Darul Iman, hasil yang kita tunjukkan tidak memberi gambaran sebenar sebagaimana yang diwar-warkan oleh pihak pembangkang sendiri ataupun media, sebagaimana memberi gambaran bahawa masyarakat Tionghua berada dalam keadaan keluh kesah.

Itulah yang kita harapkan supaya perpaduan ummah khususnya di kalangan umat Islam dan juga perpaduan masyarakat di negeri Terengganu ini dapat terus dipupuk oleh pihak kepimpinan Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman. Dan sebab itulah kita merasakan bahawa apa yang disogokkan selama ini ataupun apa yang didakwakan oleh pihak pembangkang ataupun yang dahulunya pernah memerintah negeri Terengganu, bahawa Parti Islam se-Malaysia (PAS), Barisan Alternatif ni satu kelompok, satu puak yang suka memecah-belahkan masyarakat. Tapi realitinya setelah kita memerintah tiga tahun, tiga tahun lebih kita memerintah di negeri Terengganu dan tiga penggal di negeri Kelantan, kita dapat membuktikan bahawa suasana dan perkembangan, keadaan aman tenteram sejak kita memerintah di Terengganu menolak akan dakwaan pihak pembangkang tersebut. Yang kita dapati negeri yang perintah oleh bukan Barisan Alternatif berlakunya krisis perkauman dan sebagainya seperti yang berlaku di negeri Selangor. Kerana itulah kita mengharapkan suasana ini dapat dikekalkan walaupun di sana pihak pembangkang cuba mengadakan ataupun cuba mewujudkan suasana-suasana yang menggambarkan keluh kesah masyarakat negeri Terengganu, contohnya mengadakan demo sekali sekala, walaupun dikatakan demo daripada rakyat. Contoh yang berlaku di kawasan Dungun lebih kurang 30 orang ataupun yang berlaku di hadapan Wisma Darul Iman sendiri, yang kami dahulunya masa pihak pembangkang tidak pernah mengadakan program-program seperti itu. Maksudnya tunggu pilihan raya kita bertanding secara gentlemen. Ni dalam keadaan demikian untuk mewujudkan suasana menggambarkan masyarakat yang berada dalam keadaan keluh kesah, untuk mewujudkan suasana yang tidak tenteram ataupun suasana yang tidak aman. Kadang-kadang pihak yang terlibat mempergunakan masyarakat ataupun orang-orang tua dalam memenuhi ataupun meramaikan orang yang mengadakan demonstrasi itu. Ini dikemukakan ataupun didedahkan oleh pihak Urusetia Penerangan Negeri sendiri, apabila hadir kawasan orang berdemo tanya seorang Mak Cik, "Mak Cik tidak mari sini buat apa?" Dia kata, mereka sendiri tidak tahu, kata ingat majlis hari raya rupa-rupa mari demo, buat bantahan seolah-olah benci kepada kerajaan kepimpinan negeri Terengganu, yang suka nak kahwin ramai ataupun menggunakan wang kerajaan dan sebagainya untuk kepentingan peribadi. Sedangkan kita sedia maklum apa yang kita bahaskan dalam sidang Dewan Undangan yang lalu tidak sebagaimana yang diwar-warkan atau tidak sebagaimana yang gambar-gambarkan oleh pihak pembangkang sendiri. Saya pun dok tahulah berapa ramai kepimpinan kita yang suka kahwin ramai, tidak ada. Tapi itulah yang cuba ditonjolkan atau cuba dikempen sampai peringkat bawahan dan sebagainya. Kerana itulah kita mengharapkan suasana aman damai seperti ini dapat kita wujudkan ataupun dapat kita kekalkan agar kelangsungan pentadbiran dan pemerintahan ini dengan suasana ataupun konsep kita yang *Membangun Menurut Islam* insya Allah, akan dapat memberi satu *tassawuf*, satu gambaran yang baik bukan hanya kepada penduduk negeri Terengganu tetapi juga kepada penduduk dari luar negeri Terengganu.

Dan Tuanku Al-Sultan juga menyentuh tentang suasana yang amat mendukacitakan yang melanda kepada negara-negara Islam sendiri khususnya yang terakhir yang berlaku di bumi Iraq, sebelum pada ini bagaimana umat Islam di antara, mengalami berbagai-bagai penderitaan di Rantau Balkan, di Afghanistan, di Turki, di Kashmir, di Palestin, di Selatan Filipina dan sebagainya. Dan yang terakhir kita melihat bagaimana umat Islam di antara dan dizalimi di bumi Iraq dengan berbagai-bagai tentakulum, dengan berbagai-bagai alasan, dengan berbagai-bagai tuduhan tetapi hari ini dapat kita lihat bagaimana hasrat sebenarnya musuh Allah s.w.t. itu. Bagaimana kita melihat musuh sebenar yang dipimpin oleh Amerika dan Britain yang hadir ke bumi Iraq dengan alasan untuk memusnahkan senjata berbahaya tetapi sehingga hari ini tuduhan dan fitnah itu tidak dapat dibuktikan. Dan kita juga melihat bagaimana sebenarnya ia cuba menunjukkan kekuatan, kekuasaan seolah-olah sebagai polis dunia dan tidak menghormati lagi pandangan masyarakat dunia. Tidak menghormati lagi pandangan negara-negara umat Islam dan negara-negara bukan Islam sendiri supaya hak dan kebebasan rakyat di bumi Iraq dalam memilih kepimpinan dan juga dalam menentukan hala tuju pemerintahan untuk ditentukan oleh rakyat dan negeri mereka ataupun negara mereka sendiri itu dihormati. Dan kita melihat hasrat sebenarnya tidak lam dan tidak bukan adalah untuk merampas kekayaan daripada bumi umat Islam tersebut, ingin merampas dan menguasai minyak ataupun panna minyak yang kita sedia maklum Iraq merupakan antara pengeluar minyak yang kedua terbesar selepas daripada Arab Saudi dan cuba ingin menguasai elemen tersebut. Dan mereka menggunakan berbagai-bagai alat media massa, melakukan pembelakangan dalam maklumat dan sebagainya. Dan kerana itulah kita melihat dari kalangan penerbit di Malaysia sendiri, wartawan di Malaysia sendiri sanggup pergi ke Iraq untuk mendapat maklumat dan berita sebenar. Saya mengucapkan tahniah atas kesungguhan mereka walaupun sebahagian mereka dicolek dan sebagainya tetapi hasrat mereka untuk memberi maklumat sebenar kepada penduduk Malaysia.

Tetapi apa yang mengecewakan dalam suasana yang kita lihat hari ini apa beza Amerika dengan Kerajaan Persekutuan, Barisan Nasional. Amerika datang ke Iraq, kita sedia maklum dengan berbagai-bagai tuduhan, berbagai-bagai fitnah tetapi yang sebenarnya yang membuka pekong dada mereka adalah untuk merampas hasil minyak di negara Iraq itu sendiri. Mereka menggunakan berbagai-bagai media, berbagai-bagai media massa, alat saluran maklumat dan sebagainya untuk menutup segala kekejaman, kejahatan mereka itu sendiri. Dan mereka cuba untuk mewar-warkan ketakutan mereka kerana itu kita bertanya apakah yang kita hadapi hari ini, rakyat negeri Terengganu, tidak sama seperti apa yang dilakukan oleh Amerika terhadap rakyat Iraq. Apa yang rakyat negeri Terengganu hadapi hari ini lebih kurang sama saja. Inilah kita melihat betapa hipokritnya kerajaan pimpinan Barisan Nasional peringkat Pusat, menyokong perjuangan rakyat Iraq dan membenci tuduhan yang dilakukan oleh Amerika Syarikat tapi dalam masa yang sama adalah sebagai dalangnya datang ke Terengganu merampas hasil daripada negeri Terengganu. Walaupun hasil itu merupakan hasil yang terlalu sedikit, 100% hasil sumbangan minyak 5% saja yang diperuntukkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu tetapi menunjukkan kekuasaan dia, menunjukkan kesombongannya, dia merampas tanpa mengira hasrat sebenar rakyat negeri Terengganu. Hasrat sebenar rakyat bawahan negeri Terengganu yang telah memilih parti Barisan Alternatif yang dipimpin oleh PAS untuk memerinah, mereka merampas hak tersebut. Tidak ada beza UMNO, Barisan Nasional dengan Amerika yang dilakukan di bumi Iraq.

Begitu juga dengan media massa, kita hairan bagaimana dari kalangan wartawan sanggup pergi memperjudikan nyawa mereka di bumi Iraq untuk memberi maklumat kebenaran dan kesahihan berita untuk makluman rakyat di Malaysia. Tetapi dalam masa yang sama jarak yang terlalu hampir antara Kuala Lumpur dan Terengganu mereka menggunakan berbagai-bagai alat mass media untuk memburukkan kepimpinan Kerajaan Negeri Terengganu. Berbagai-bagai gambaran yang ditonjolkan dengan "Terengganu Kita", "Salam Pantai Timur" dan sebagainya; berapa kali duduk tayang budak-budak angkut kerusi di bangunan balai raya seolah-olah Kerajaan Negeri Terengganu menganiaya pelajar-pelajar dan sebagainya. Sedangkan tidakkah dia tunjuk balai raya-balai raya yang masih lagi diberi keizinan oleh Kerajaan Negeri Terengganu, lebih daripada 80 buah balai raya di seluruh negeri Terengganu yang Kerajaan Negeri Terengganu masih lagi memberi keizinan untuk diguna pakai oleh pihak KEMAS, tetapi mass media memainkan peranan. Itulah kita melihat sikap hipokritnya kepimpinan UMNO berbanding dengan dasar luar mereka dan juga dasar dalaman negeri kita sendiri. Inilah kekecewaan yang kita lihat dengan suasana yang berlaku.

Dalam masa yang sama apa yang perlu boleh mengambil pengiktibaran dan pengajaran. Apa yang berlaku di bumi Iraq, kita melihat betapa gagahnya dasar semangat nasionisme yang dipegang oleh pemimpin-pemimpin sekularisme, pemimpin-pemimpin yang kebanyakannya majoriti umat Islam. Tetapi malangnya negara-negara seperti ini dipimpin oleh mereka yang bacul dan penakut, mereka berpegang kepada dasar nasionalisme Arab yang hari ini kita dapat lihat sejauh mana dasar yang telah dipegang itu cukup rapuh. Walaupun Iraq di kelilingi bangsa Arab, walaupun Iraq di kelilingi oleh negara-negara Arab, walaupun Iraq dipimpin oleh mereka yang mengaku sebagai seorang muslim tetapi kebanyakan mereka tidak berpegang kepada ajaran Islam yang syumul; kebanyakan mereka berpegang kepada dasar nasionalisme, kebanyakan mereka berpegang kepada dasar sosialis dan mereka kadang-kadang berat kepada komunis barat ataupun mereka menjadi alat kepada kapitalis barat. Hari ini kita dapat lihat sendiri realiti yang berlaku di hadapan mata kita sendiri, walaupun selama ini mereka mendakwa perjuangan mereka untuk bangsa Arab; apa yang berlaku umat Islam di Palestin, apa yang berlaku kepada umat Islam di Iraq, tidakkah di kelilingi oleh bangsa Arab, kepimpinan Arab. Inilah dasar yang rapuh yang dipegang oleh kepimpinan-kepimpinan bangsa Arab. Inilah dasar yang diperjuangkan oleh UMNO, Barisan Nasional, yang masih lagi berpegang kepada dasar semangat perjuangan bangsa Melayu. Sedangkan kita sedia maklum Rasulullah s.a.w. pernah memperingatkan bahawa assabiyah, perjuangan berdasarkan nasionisme, perjuangan berdasarkan bangsa tidak diterima oleh Allah s.w.t. yang bermaksud: *Bukan dari kalangan kami mereka yang berjuang atas dasar assabiyah, dasar*

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Yang Berhormat Yang Dipertua. Baca biar habis ayat tu.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Awak belajar, bacalah, dah faham dah dok apalah.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Baca sambungan tu, jangan baca sekerat.

21 APRIL 2003

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, apa yang ingin saya gambarkan betapa sikap assabiyah perjuangan yang diperjuangkan

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Dipertua, penjelasan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Yang Berhormat Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya dok beri laluan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Baca hak kemudian tu, jangan nak

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tidak benarkan. Yang Berhormat jangan layan kalau sekiranya orang yang cuba minta penjelasan, jangan layan melainkan setelah saya izinkan. Yang Berhormat nak minta penjelasan, sila minta izin dari saya jangan bercakap *direct*.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kerana itulah kita melihat apa yang disarankan oleh Tuanku Al-Sultan supaya kembali kepada ajaran sebenar yang berteraskan kepada al-Quran dan Sunnah dalam menangani cabaran semasa. Inilah merupakan satu faktor yang dicadangkan oleh Tuanku Al-Sultan, inilah sebenarnya sumber kekuatan kepada umat manusia itu sendiri tanpa mengira bangsa, tanpa mengira bahasa, tanpa mengira ras warna kulit, tanpa mengira batas geographi tapi kita kembali kepada al-Quran dan sunnah yang dijadikan, yang diciptakan oleh Allah s.w.t. Inilah sebenarnya sumber kekuatan. Apa yang dilakukan oleh perjuangan bangsa-bangsa Arab menggambarkan kegagalan, kegagalan itu sepatutnya kita boleh mengambil iktibar supaya kita kembali kepada perjuangan Islam. Dan kita melihat bahawa Parti Islam se-Malaysia (PAS) di Terengganu, Kelantan dan di Malaysia amnya menggambarkan hasrat ini supaya kembali kepada Islam. Kita tidak mengira di kalangan ahli PAS itu sendiri ada bangsa Cina, ada bangsa India, apa bangsa saja tapi dengan hasrat dia itu kembali kepada Islam. Berbanding dengan UMNO walaupun kadang-kadang ahlinya bukan Islam, dia mengira sebagai nasionlisme dia berdasarkan kepada bangsa Melayu semata-mata.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Laluan ... sila.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Apa salahnya nasionlisme tersebut. Boleh jelaskan, apakah silap dan salahnya nasionlisme tersebut terhadap pandangan agama?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya telah memberi satu gambaran apa yang berlaku realiti di bumi Iraq, bagaimana perjuangan yang diteraskan kepada bangsa dia tidak membawa ke mana-mana, dia tidak memberi ketahanan yang

utuh sebagaimana yang dibina dalam Barisan Nasional. MIC berdasarkan teras Indianya, MCA berdasarkan teras Cinanya, UMNO berteraskan bangsa Melayunya. Tetapi kita mengharapkan supaya dibina kekuatan dalam perjuangan berteraskan kepada agama Allah s.w.t. yang kita letakkan sempadan-sempadan itu. Inilah kita melihatkan bagaimana mereka yang berteraskan kepada perjuangan ini mereka sanggup pergi ke Iraq walaupun dia berbagai-bagai bangsa di dunia. Perjuangan sahabat di Afganistan, di Palestin disokong oleh berbagai-bagai bangsa, berbagai-bagai bahasa tetapi mereka mempunyai satu agama, satu perjuangan dan satu akidah. Inilah sebenarnya hasrat yang ingin kita bina dalam mewujudkan masyarakat khususnya di negeri Terengganu dan di Malaysia amnya untuk

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rantau Abang minta laluan.

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Paka menyebut apa yang berlaku di Iraq. Kita melihat bagaimana kesungguhan kerajaan Barisan Nasional yang mengadakan tunjuk perasaan di stadium dengan cara menyanyi secara aman, menari secara aman. Adakah itu dianggap tepat dengan kehendak agama kita?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hak tu atas penilaian Yang Berhormatlah. Jadi hadir tiga empat ratus lepas tu kecil orang kampung pula, dok tahulah takut itu bersesuaian dengan hasrat sebenar yang dilaung-laungkan oleh UMNO dan disebut dalam mesyuarat agung UMNO Bahagian sendiri menggambarkan bahawa itu satu gelombang besar, dua demonstrasi yang dilakukan di Dungun dan di Kuala Terengganu itu sebagai satu gelombang besar yang akan menjatuhkan kepimpinan PAS. Kita tengoklah macam mana sebenarnya kehendak rakyat dalam pilihan raya yang akan datang.

Dato' Yang Dipertua, saya sendiri mengucapkan terima kasih kepada kepimpinan Kerajaan Negeri Terengganu yang sungguh-sungguh untuk membawa negeri Terengganu, rakyat negeri Terengganu kembali kepada apa yang diperintah oleh Allah s.w.t. berusaha melaksanakan syariat Islam, berusaha melaksanakan tuntutan Islam. Beberapa kali rang enakmen yang dibentangkan tidak lain dan tidak bukan untuk meletakkan perjalanan Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman atas rel yang diredai oleh Allah s.w.t. Dan kesungguhan kerajaan dalam melaksanakan syariah termasuk Hudud, Qisas, Takzir dan sebagainya dan kita melihat bahawa hasrat kita ni bukan hanya di sini saja tetapi juga kehendak masyarakat umat Islam termasuk juga di mana-mana tempat di mana masyarakat Islam hari ini sudah mula menyedari untuk kembali kepada ajaran Islam.

Saya berkesempatan bersama dengan Pengerusi Pelaksanaan Syariah dan juga Timbalan Pengerusi, dan juga ahli Jawatankuasa dalam meninjau pelaksanaan syariat yang dilakukan di Sudan dan juga dilakukan di Negeria. Di kesempatan ini saya kadang-kadang merasakan bertapa dan berdoa kepada Allah s.w.t., alangkah baiknya Dato' Seri Dr. Mahathir sebelum beliau pergi pada bulan sepuluh ini dia mengarahkan sebagaimana yang pernah diarahkan oleh Omar Bashir selaku pemerintah di negara Sudan supaya bermula di peringkat Persekutuan dan di peringkat negeri-negeri, diarahkan supaya kembali kepada syariat Islam, kembali kepada hukum Islam. Di penghujung usia yang seperti ini kalaulah ini dilakukan kita merasakan bahawa negeri, negara Malaysia mungkin akan satu hari kembali kepada teras dan dasar perlembagaan yang diletakkan

oleh syariat Islam. Kerana itulah kita melihat Sudan setelah 10 tahun melaksanakan syariat Islam dia berjaya membendung suasana jenayah yang dahulunya cukup tinggi kerana mereka keadaan, suasana kemiskinan dan sebagainya. Kerana itulah kita melihat bahawa suasana yang ada setelah pelaksanaan syariat Islam amat membanggakan.

Begitu juga saya merasakan kalaulah tidak seumpama Omar Bashir yang mengarah di peringkat Persekutuan, kalaulah sekiranya Perdana Menteri bersikap seperti Presiden di Negeria seorang Kristian memimpin negara Negeria yang mempunyai penduduk seramai 136 juta orang, mempunyai 36 wilayah, 12 wilayah dipimpin oleh kepimpinan Islam, parti Islam menang hanya 12 negeri, 24 negeri lagi dipimpin oleh kepimpinan Kristian. Orang Kristian sokong pemimpin Kristian mereka dan pemimpin Negeria, pemimpin Persekutuan mereka adalah seorang yang penganut Kristian tetapi sikap terbuka Presiden walaupun dia seorang pemimpin Kristian memberi laluan kerajaan negeri yang dipimpin oleh masyarakat Islam, dipimpin oleh parti Islam, memberi laluan kepada mereka untuk melaksanakan syariat. Dan hari ini pun mereka menang pada tahun 1999, hari ini mereka berjaya melaksanakan syariat Islam tanpa mendapat tentang daripada Kerajaan Pusat. Amat malang kita di negeri Terengganu dan Kelantan, kita baru masuk dalam Dewan ada orang saman dah kerana meluluskan dalam Dewan kita ni bertentangan dengan perlembagaan Pusat. Yang menentang itu, yang nak saman itu pun orang mengucap dua kalimah syahadah, pemimpin yang ada mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam, seorang yang menganut agama Islam tapi cuba menghalang pelaksanaan syariat yang berlaku di negeri Terengganu dan negeri Kelantan. Ini amat mengecewakan kita. Sebab itulah kita mengharapkan bahawa perubahan sikap ini dapat dilakukan agar ianya dapat memberi manfaat kita bersama di masa-masa akan datang, insya Allah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Besi, minta laluan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ya, sila.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Penjelasan. Sepanjang pemerhatian-pemerhatian Yang Berhormat ke negara-negara tersebut yang melaksanakan hukum Islam tadi, dah ramai ke yang dipotong tangan dan sebagainya? Sebab di negara kita ni belum lagi dilaksanakan tapi dah ada orang nak buat sup tangan dan sebagainya. Ini saya nak tanya.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Setakat yang kita dapati dan maklumat yang diterangkan masih tidak ada lagi satu kes yang melibatkan potong tangan tetapi dia telah membendung kadar jenayah yang berkait dengan kecurian. Sama telah lagi suasana rakyat yang ramai, faktor ekonomi tetapi sepatutnya membawa permasalahan sosial melibatkan kecurian tetapi pelaksanaan syariah itu berjaya membendung kerana itulah mendapat sokongan masyarakat. Walaupun peringkat awal dia sebut sibuk masing-masing menentang pelaksanaan tersebut macam di Malaysia jugalah, macam Terengganu, Kelantan jugalah. Tapi bila lama suasana tu baik, perkembangan tu dan dapat memberi satu implikasi yang baik akhirnya mereka sendiri menyokong dan mendokong apa yang dilakukan oleh kepimpinan kerajaan negeri wilayah masing-masing untuk melaksanakan syariat Islam.

21 APRIL 2003

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakil Ajil minta laluan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Masa singkat dah ni Dato' Yang Dipertua, biar giliran dialah pula.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak beri laluan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dato' Yang Dipertua, Tuanku Al-Sultan juga menyentuh tentang supaya kepimpinan Kerajaan Negeri Terengganu meningkatkan kefahaman masyarakat dalam khususnya berkait dengan Islam, supaya diperbanyakkan aktiviti tazkirah, membanyakkan aktiviti yang melibatkan dakwah dan sebagainya. Dan ini sepatutnya dipertingkatkan dengan kerjasama berbagai-bagai jabatan dan juga agensi. Walau bagaimanapun kita berbangga sempena kedatangan Ramadan yang lalu bagaimana masjid-masjid, surau-surau dipenuhi dengan program-program tazkirah dan sebagainya. Tidak sebagaimana berlaku di negeri Selangor yang menghalang program tazkirah di bulan Ramadan atas alasan mengganggu dan sebagainya. Tetapi kita merasakan

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Penjelasan, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Tunggal minta laluan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ya, sila.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih. Yang Berhormat Paka, tadi Yang Berhormat Paka sebut tentang kebanyakan program tazkirah di masjid-masjid dan surau-surau. Tapi apa pendapat atau pandangan Yang Berhormat Paka, ada golongan tertentu yang mengugut supaya jangan pergi ke masjid-masjid dan surau-surau yang diadakan majlis tazkirah, majlis ilmu, sekiranya pergi nanti tak dapat habuan yang dijanjikan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Habuan tu wang ehsanlah, Dato' Yang Dipertua, biasalah. Hatta satu kes yang saya dapat makluman, orang nak pergi sembahyang Jumaat tu *warning* lagi, boleh nak pergi sembahyang Jumaat lepas dia baca khutbah baru boleh pergi kalau tidak dok bagi wang ehsan. Itu biasalah, zaman Nabi berlaku seperti itu dan kita anggap itu sebagai rintangan insya Allah, akan mematangkan masyarakat negeri Terengganu, insya Allah.

Dan Dato' Yang Dipertua, kita juga perlu menangkis salah faham masyarakat hasil daripada kempen ataupun yang dilakukan oleh pemimpin UMNO yang terdahulu yang telah memasukkan fahaman dan juga ajaran yang bercanggah dengan Islam, bercanggah dalam memahami Islam. Dasar sekularisme yang telah diterapkan, yang ditinggalkan oleh penjajah dahulu sehingga salah faham dalam banyak-banyak perkara. Sehingga yang mutakhir ini permasalahan jihad, bagaimana saya baca kenyataan yang dibuat oleh Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr.

Abdul Hamid Othman yang memberi ingatan kepada umat Islam negara ini tentang erti sebenar jihad supaya tidak terikut dengan erti kata jihad dalam mengorbankan nyawa dan sebagainya. Sebab dia anggap bagi beliau, menuntut umatnya supaya berjihad dalam memperkukuhkan ekonomi, sosial dan politik bagi mengelak daripada ditindas oleh musuh-musuh Islam, yang mengecilkan skop jihad. Dan ini berlaku sampai ke peringkat bawahan, bukan kita menafikan jihad dalam erti kata membasmi kemiskinan, ekonomi, sosial dan sebagainya tapi dalam masa yang sama menafikan jihad dalam meletakkan tuntutan Allah s.w.t. untuk menjadikan agama Allah s.w.t. pada tempat yang paling tinggi sekali dan ini merupakan tuntutan dan kewajipan kita bersama.

Begitu juga dalam isu pendidikan, walaupun kita menyedari kepimpinan Kerajaan Negeri bersama dengan pegawai dan kakitangan berusaha dengan bersungguh-sungguh bagi memajukan pendidikan di negeri Terengganu Darul Iman. Walaupun kita melihat suasana dan tekanan Kerajaan Pusat, kes MRSM-YT, dengan kes tekanan kepada guru-guru dan sebagainya dan penderaan terhadap guru sendiri. Bagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mustafa Ali tadi, bagaimana berlaku kawasan saya sendiri, kawasan Ketengah Jaya

YANG BERTITAHU DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat mana tadi?

YANG BERTITAHU HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Pengkalan Berangan, Dato' Yang Dipertua. Bagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Pengkalan Berangan, termasuk kawasan saya sendiri seorang guru yang pernah dah ditukar ke Sarawak nak suruh tukar lagi yang kedua kerana terlibat dalam masalah pengagihan tanah dan sebagainya. Dan saya juga ada bukti bagaimana Jabatan Pendidikan sendiri yang kita rasa dipaksa oleh pihak-pihak tertentu supaya mendapat maklumat berkaitan dengan guru dan staf yang terlibat dengan politik pembangkang. Sepatutnya negeri Terengganu ni, hak Jabatan Pendidikan patut ambil tindakan puak UMNOlah sebab dia pembangkang tapi bila kita *check* tengok, jadi guru yang menyokong kerajaan tu yang dia ambil tindakan bertentangan dengan arahan pimpinan Pusat tadi. Pimpinan Pusat kata semua kakitangan, semua ... menyokong kerajaan jadi hak Terengganu ni kakitangan termasuk guru dia kena sokong kerajaan PASlah sebab kita ni kerajaan. Jadi masalah UMNO duduk ingat dia lagi memerintah, macam mana. Tengok laporan ni ... *sehubungan dengan itu Pengetua Guru Besar diminta memantau aktiviti dan penglibatan guru dan staf di sekolah masing-masing dalam politik parti pembangkang*. Dia politik ni, dia lepas pada waktu sekolah ikut pandai dialah dia sokong PAS ke, UMNO ke, kan kata telus, kata demokrasi. Ini bukan demokrasi ni bangsa jenis *demo keras macam besi* nak ikut dia saja seorang. Sepatutnya ketelusan yang ada dalam berpolitik, kita ni bukan dalam zaman batu lagi dah kata zaman moden, alaf baru supaya masyarakat ni bebas membuat pilihan di dalam arus politik yang sedia ada. Sebab itu kita mengharapkan supaya perkara-perkara seperti ini tidak berlaku.

Dan juga pihak kerajaan supaya mengambil cakra pendidikan yang melibatkan peringkat prasekolah. Dan saya juga bersetuju pandangan ini supaya pihak kerajaan daripada peringkat prasekolah supaya kita mendidik mereka ini supaya mendapat pendedahan Islam yang sebenar daripada peringkat prasekolah. Saya mengucap ribuan terima kasih kepada pihak kepimpinan yang telah mengutarakan konsep Sekolah Rendah Agama Bersepadu yang menampakkan memberi kejayaan yang baik. Tapi kita mengharapkan pihak swasta dapat memberi kerjasama memandangkan kekangan kewangan dan sebagainya supaya kerjasama yang diadakan di peringkat

swasta supaya dapat membuka sekolah konsep yang dibentangkan ataupun yang ditawarkan oleh pihak Kerajaan Negeri Terengganu, iaitu bentuk Sekolah Rendah Agama Bersepadu ini supaya mendapat kerjasama di peringkat swasta untuk mewujudkan di seluruh peringkat DUN ataupun di peringkat kampung, mukim dan sebagainya untuk mengadakan sebanyak mungkin Sekolah Rendah Agama Bersepadu yang mengikut kurikulum yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman.

Dato' Yang Dipertua, Tuanku Al-Sultan juga menyentuh tentang fardhu ain juga Bahasa Arab. Saya amat bersetuju supaya Kerajaan Negeri Terengganu meningkatkan hal seperti ini dengan kewangan MAIDAM dan sebagainya, kita merasakan kewangan itu perlu banyak lagi disalurkan untuk meningkatkan kefahaman berkait dengan Islam dan khususnya dengan bahasa. Saya juga mencadangkan untuk pihak Kerajaan Negeri mewujudkan Pusat Bahasa dan Dakwah di Negeri Terengganu Darul Iman bukan hanya Bahasa Arab tetapi juga bahasa-bahasa lain khususnya Bahasa Cina dan sebagainya. Orang Cina datang belum merdeka dah, kadang-kadang dah lama berkawan dengan kita, kita sendiri pun dok faham dia bercakap dan sama telah lagi untuk berdakwah menyampaikan mesej, yang sampai secara benar, secara jelas dan sebagainya agar pemahaman bahasa ini dapat dikuasai oleh masyarakat dan juga anak bangsa negeri Terengganu ini bukan hanya Bahasa Inggeris dan juga Bahasa Arab, Bahasa Cina dan bahasa-bahasa lain untuk memudahkan dakwah dan juga penyebaran pemahaman Islam seluruh masyarakat kita, insya Allah.

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Penjelasan, Yang Berhormat. Berkenaan dengan masyarakat yang bukan Islam, berdasarkan lawatan Yang Berhormat ke Nigeria 12 kawasan dikuasai oleh kumpulan Islam, adakah semua kawasan-kawasan tersebut diwakili oleh orang Islam disudut kepimpinan dan rakyat. Jika ada orang yang bukan Islam dalam negeri tersebut, adakah berlaku penentangan terhadap dakwah Islam dan pelaksanaan syariat di 12 kawasan tersebut?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dato' Yang Dipertua, untuk makluman kepada soalan sahabat saya, di mana-mana dunia di atas muka bumi ini tidak semua yang satu bahasa, satu bangsa ataupun satu agama termasuk juga di Sudan dan di Nigeria. Di sana banyak orang Kristian, sama telah lagi 24 lagi yang diperintah oleh orang Kristian, 12 negeri yang diperintah oleh orang Islam. Dalam negeri Islam pun ada orang Kristian, dalam negeri yang diperintah oleh orang Kristian pun ada orang Islam, mereka boleh duduk hidup rukun dan damai walaupun yang menjadi teras adalah syariat Islam. Sebab Islam dan juga hukum hakam syariah tidak menghalang pelaksanaan ataupun pengamalan agama masing-masing dan itu masalah agama masing-masing melibatkan minum arak contohnya, makan babi dia tidak ada dikenakan tindakan sama macam negeri Terengganu juga. Cuma orang UMNO saja kata hak kerajaan buat ni PAS reka, kita bawa hukum ni *compare* dengan hak Nigeria, Sudan serupa ia juga. Jadi kita tidak tahu macam mana hak UMNO kata hak hukum Allah Taala, sebab kita tengok sama tidak ada perbezaan antara yang dilakukan di Terengganu ataupun yang dilakukan di negeri-negeri.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Ajil): Ya, sila.

21 APRIL 2003

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih. Sepatutnya Yang Berhormat Paka tidak perlu lagi bercakap tentang Hudud sebab Tuanku telahpun tandatangan. Jadi tak kenalah, itu satu. Yang kedua, saya difahamkan semasa lawatan tersebut sejumlah duit yang dibawa orang rombongan telahpun dicuri di tempat yang telah dilaksanakan Hudud itu. Apakah ini betul?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, cakap bab Hudud sampai kiamat lagi Quran tu dok *nasah* lagi tu kita kena cakap sampai kiamat, dia ada sokmo orang baru beranak, orang dok faham kena syarah sokmo. Bukan nanti dah Tuanku sain jangan cakap bab ni, dok kita cakap bab sembahyang dari dulu lagi dah. Dah orang sembahyang belaka dah cakap apa lagi bab sembahyang, memang kena cakap sokmo

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Dipertua, laksanakan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dalam proseslah tu.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Cakap, burung kakak tua boleh bercakap

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dalam proseslah tu, seperingkat ... seperingkat bukan Tuhan, Allah Taala kata *kum fa ya kum* jadi, kita ni ada kaedah diakan, orang mengandungi sembilan bulan, ke orang balik nun beranak selalu sekali gus sehari.

Yang Berhormat Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Masa Yang Berhormat ada tiga minit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya menyentuh tentang pengagihan tanah kepada rakyat yang dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri Terengganu. Saya mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama dan dokongan semua peringkat termasuk PTG, jabatan peringkat daerah dan sebagainya dalam mengagihkan kes tanah. Tapi yang mengecewakan sebagaimana disebut termasuk yang berlaku di Ketengah Jaya, ditimbulkan dalam Dewan ini. Yang Berhormat Kemasik sendiripun pergi ceramah beritahu masyarakat, ni JSR buat salah nak ambil tindakan biar masuk jail belaka, silalah tidak ada masalah. Nak suruh masuk lokap belaka JSR sebab kes nak bagi tanah kepada rakyat. 40 tahun dia memerintah dia dok bagi, giliran kita bagi susah sekali dia, saya hairan. Dia pergi kecek orang kampung jangan terima tanah ni, mahallah ... apalah, hak kemudian dia kempen apa benda, jangan ambil tanah tu sebab berhantu, berhantu pun masuk. Saya dok cakap nak pergi syarah kepada anak buah, berhantu sebab tanah tu ada kawasan kubur

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, ini satu pembohongan yang tak sepatutnya dilakukan oleh seorang wakil rakyat.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Pembohongan macam mana, kawasan saya hari-hari pergi silau UMNO kata jangan terima tanah, habis *point* dah dia akhir sekali jangan ambil berhantu, berhantu pun kempen juga.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, bila saya kata *berhantu*, bila saya kempen?

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dengar ni, Yang BERTHORMAT salah faham, yalah dah lama duduk ... biar saya terang. Saya kabar Yang BERTHORMAT turun ke peringkat Ketengah Jaya royat nak saman JSR, hak saya kata hak berhantu ni bukan Yang BERTHORMAT kata, orang UMNO kata, ke Yang BERTHORMAT kata juga? Salah faham tu, saya dok kata Yang BERTHORMAT kata bab hantu ni, sebab orang UMNO kata.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Takut orang PAS tu berlagak macam hantu.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dok boleh kenal pula hantu dengan orang, jadi berat.

Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, hak kita buat ni juga sama dengan orang UMNO sendiri, ni saya baca ni, ni hak baru lagi ni – Mesyuarat Perwakilan UMNO 2003 Bahagian UMNO Kawasan Dungun. Masyarakat di situ, yang dicadangkan usul oleh UMNO Felda Kerteh I kawasan yang terlibat, tak apa saya tolong baca – *supaya penyediaan penempatan generasi kedua perlu disediakan apabila UMNO berkuasa semula*. Lambatnya UMNO mikir tengok, 40 tahun dia dok buat dia kalah, dia kata kalau memerintah semula kita sedia tanah generasi kedua. Hak kita *sodok* tu nak bagi tanah generasi kedua. Yang Kemasik takut sangat tu sebab melibatkan tanah kawasan Felda Kerteh 5, Felda Kerteh 6, dua-dua ni masuk dalam kawasan Yang BERTHORMAT. Jadi hak orang-orang muda pakat sokong PAS belaka, tu yang dia *serun* sangat tu. Sebab orang muda, generasi kedua sokong kita belaka dah. Tanah yang dikatakan mahal lebih kurang RM980.00, tanah tersebut termasuk juru ukur swasta, termasuk upah tolak. Zaman UMNO dulu bila dia bagi tanah, kita tanah "dah mu UMNO bagi tanah kawasan mana?" dia tak boleh nak tunjuk, duduk dalam hutan, kan duduk dalam paya tapi kita ni nk *clear* tanah, termasuk dengan jalan. Maknanya kerajaan kita tahu masalah kewangan, kita tolong selesai masalah ni dengan kerjasama rakyat yang bersedia, siap dengan jalan masuk, siap dengan tapak bersih tapak, siap buat rumah saja.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang BERTHORMAT Yang Dipertua, penjelasan. Saya rasa hak Yang BERTHORMAT duduk berpuluh-puluh tahun kita duduk selesa semuanya, UMNO buatlah kalau nak kata yang buat. Sila jelaskan, jangan duduk kata yang buruk saja.

21 APRIL 2003

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): yang Berhormat Dato Yang Dipertua, kita sedia maklum sejak PAS memerintah baru buka permohonan balik tanah. Hak baru ni saya pergi bersama dengan Yang Berhormat Pengkalan Berangan

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Penjelasan sekali lagi Yang Berhormat. Saya rasa

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Nanti dulu ... biar saya terang dulu

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): PAS nak jual tanah sebagai nak pancing undi

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Satni baru tanya, dok dan nak jawab lagi tanya pula, berattlah lagu ni. Baru ni saya pergi ke Bukit Besi, Felda terangau bagi geran 28 orang, hak naik tu jalan merangkak dah ni ... tua dah. Ada seorang mak cik tu menangis sebab tok laki dia mati dah, nak berkongsi kebahagiaan hari terima geran tok laki arwah dah. Maknanya sampai tua tunggu baru boleh geran kenapa UMNO dok bagi dahulu. Begitu juga yang melibatkan permasalahan tanah di Ketengah Jaya dan saya mengharapkan pihak kerajaan menyelesaikan khususnya membebaskan ahli peneroka daripada cengkaman Felda. Saya cukup prihatin dalam masalah ini khususnya mereka yang akan tanam semula termasuk Felda Kerteh Satu termasuk Felda Kerteh Empat. Kalau mereka tak dapat geran ni mereka terpaksa balik menyerahkan tanah mereka kepada Felda. Kita tanah Felda merupakan satu agensi yang kaya raya hasil daripada pengorbanan yang dilakukan oleh peneroka membuka tanah. Mungkin kita tidak tahu apabila tanah tu 10 ekar diserahkan kepada Felda balik untuk mengusahakan tanaman semula berapakah caj yang dikenakan oleh Felda untuk yang dipaksa bayar terhadap peneroka kepada Felda. Di situ saya ada makluman iaitu sebanyak RM66,000 dia akan bayar balik, walaupun peringkat asal konsep dia telah dicabut lebih kurang RM17,000, dengan RM17,000 tu dapat menyelesaikan proses tanam semula tapi realitinya bahawa cengkaman Felda tu akan menyebabkan peneroka ni menjadi hamba kepada tanah mereka sendiri. Maknanya generasi demi generasi mereka akan terus berhutang dengan agensi Felda. Sebab itulah kita mengharapkan supaya pihak kerajaan mempercepatkan usaha mengeluarkan geran kepada mereka ini supaya mereka bebas, mereka bebas untuk membuat pilihan, untuk mengusahakan tanah mereka sendiri supaya mereka ni tidak lagi menjadi hamba di zaman moden kepada Felda yang seperti ini.

Dato' Yang Dipertua,

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Masa Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Habis dah ke?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Masa Yang Berhormat sudah habis.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ada masa kecemasan ke?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak ada ... sudah lebih dah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Satu lagi, saya *last* Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Satu minit.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Satu lagi saya suka menyentuh dengan peranan Pihak Berkuasa Tempatan, kita mengharapkan supaya dapat mewujudkan persekitaran yang dihasratkan oleh Tuanku Al-Sultan iaitu suasana yang selesa dengan membanyakkan pusat rekreasi dan infra atas hasrat hari Sabtu kita lancarkan hari cuti sebagai Hari Keluarga. Dalam masa yang sama kita mengharapkan supaya Pihak Berkuasa Tempatan dapat menganjurkan program-program pengisian dan juga program-program memanfaatkan infra yang ada supaya tidak tinggal dalam keadaan yang tidak terjaga dan tidak diberi manfaat. Dan juga suasana khususnya negeri sempadan Pahang ke nak masuk Terengganu supaya dapat mewujudkan persekitaran suasana yang dikatakan *sesejuk mata memandang*, menggambarkan perbezaan antara negeri yang dipimpin, diperintah oleh Parti Islam se-Malaysia (PAS) supaya memperbanyakkan tanda-tanda ayat-ayat al-Quran, gambaran dan suasana sebagainya, nasihat-nasihat insya Allah memberi kepada masyarakat umumnya bahawa kita ke arah pelaksanaan untuk melaksanakan syariat Islam dan juga *Membangun Menurut Islam*.

Dan satu lagi saya mengharap Pihak Berkuasa Tempatan juga dapat mengubah nama-nama yang tidak sesuai dengan konsep Islam ataupun budaya ataupun akhlak Islam. Mengubah nama jalan ataupun nama-nama kampung yang kita rasa lebih sesuai, lebih bermakna dalam erti kata *Membangun Menurut Islam*. Baru ni saya pergi ... contohnya, ke DUN sahabat saya

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup dah tu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): DUN sahabat saya, buat contoh satu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup dah tu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Se lagi Yang Berhormat ... jadi gantung.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup dah, terima kasih ... terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): iaitu Kampung Cawat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, masa dah cukup. Yang Berhormat tak hormat saya sekejap lagi ramai orang tak hormat.

21 APRIL 2003

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jadi memandangkan walaupun gantung, gantunglah jadi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Dato' Yang Dipertua kerana memberi ruang kepada saya untuk membahas ataupun menjunjung kasih kepada ucapan Tuanku Al-Sultan, semoga-moga sidang Dewan kita ini akan diberkati Allah. Sekadar itu saja, wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sila Wakil Kemasik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan, para pemerhati yang saya hormati sekalian.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk turut sama membahas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan sempena dengan mesyuarat yang pertama Penggal Persidangan Yang Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Kesepuluh, yang disampaikan kelmarin. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, menyentuh Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan, saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri Terengganu iaitu berhubung dengan Titah Ucapan Tuanku dalam sektor pertanian; saya ingin penjelasan mungkin perkara ini kalau tidak mendapat penjelasan akan timbul kekeliruan yang berbunyi "Beta dimaklumkan pada tahun lepas sektor ini, iaitu sektor pertanian menyumbangkan sebanyak RM700 juta kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negeri." Apakah yang dimaksudkan sebanyak RM700 juta yang dapat dihasilkan dalam sektor pertanian ini? Adakah pendapatan yang diperolehi oleh petani-petani? Kalau RM700 juta, kalau pendapatan RM1 juta seorang bermakna 700 orang. Kalau pendapatan RM100,000 seorang bermakna 7,000 yang mendapat hasil tersebut. Kalau pendapatan RM10,000 seorang hasil pertanian bermakna 70,000 rakyat Negeri Terengganu hasil daripada pertanian. Ini yang kurang jelas, saya minta penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri di atas Titah Ucapan tersebut.

Yang kedua, berhubung dengan hasil pelancongan, Tuanku bertitah "pada tahun 2002 industri pelancongan menyumbangkan RM140 juta kepada ekonomi Negeri Terengganu." Lebih kurang setengah bilton hasil pelancongan yang didapati oleh Kerajaan Negeri Terengganu melalui pelancong-pelancong yang datang ke Negeri Terengganu. Ini juga saya mohon penjelasan.

Dan yang ketiga, Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga berharap supaya projek Lebuhraya Pantai Timur dapat dilaksanakan oleh pihak yang bertanggungjawab. Di sini siapa yang bertanggungjawab? Sebab dalam Dewan yang lepas Kerajaan Negeri sendiri mengatakan bahawa pelaksanaan projek ini yang bermula daripada Jabor hingga ke Besut telahpun diserahkan kepada satu syarikat iaitu Diamond Link Sdn. Bhd. Jadi yang mana satu, siapa yang Duli Yang Maha Mulia tujukan? Sebab saya juga bersependapat dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, di mana Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dalam perasmian Dewan Rakyat bahawa Titah Ucapan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Dato' Seri mengatakan bahawa ucapan dibuat oleh Kerajaan UMNO. Saya juga bersependapat

21 APRIL 2003

bahawa ucapan ini juga dibuat oleh Kerajaan PAS. Jadi menjadi tanggungjawab oleh kerajaan pada hari ini untuk memperjelaskan apa yang saya sebut tadi.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, PAS telahpun diberi mandat untuk memerintah dan mentadbir Negeri Terengganu selama tiga tahun lima bulan, hari ini dah tiga tahun lebih saya dapat bahawa pentadbiran yang ada pada hari ini kurang berjaya, sesetengahnya gagal dari segi pembangunan negeri sendiri, dari segi pentadbiran, penswastaan dan sebagainya, tidak berjaya. Dan ada setengah-setengah rancangan yang dibuat tidak merupakan perancangan yang dibuat secara *total*, secara berkesan sama ada perancangan jangka pendek ataupun jangka panjang. Tapi kebanyakan apa yang dilakukan oleh kerajaan pada hari ini merupakan rancangan *ad-hoc* rancangan tergesa-gesa yang boleh mengelirukan orang ramai, mengelirukan rakyat, yang boleh kita katakan satu pentadbiran yang bercelaru, berkecamuk ada yang timbul, baru buat keputusan sebagaimana yang saya pertikaikan pada pagi tadi, iaitu pemberian tanah di Ketengah Jaya. Saya bukan mempertikaikan pemberian tanah itu sebagaimana yang dikatakan oleh Wakil Paka sebentar tadi. Saya mempertikaikan cara pelaksanaan di mana pihak yang bertanggungjawab, Pejabat Tanah Daerah tidak mengetahui, tidak terlibat langsung dalam urusan pembahagian tanah. Yang mengeluarkan borang bukan Pejabat Daerah, bukan Pejabat Tanah, bukan ditandatangani oleh Pegawai Daerah ataupun Pentadbir Tanah Daerah, ditandatangani oleh Pengerusi JSR. Saya ada contoh borang, merebut rakyat isi borang, setengah borang dijual, borang pula borang maklumat pemohon. Dalam Dewan lepas saya sebut, katanya itu borang maklumat bukan borang permohonan. Kalau bukan borang permohonan mengapa mengisi maklumat ini panggil temuduga, diberi tanah, kelulusan dan sebagainya. Yang sepatutnya

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat, penjelasan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya tak beri penjelasan.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Atas borang tu dia tulus apa tu?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Besi, dia tak beri laluan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya tak akan beri, nak bercakap bercakap selepas pada ini, masa yang diberi kepada saya terhad.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Dato' Yang Dipertua, saya dah bagi tahu saya tak akan beri laluan

21 APRIL 2003

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): ... kawasan Paka, kita nak tanya juga

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MO HAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya dah sebut.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): ... yang Yang Berhormat kata borang tu jual, berapa rial, siapa dia jual?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Paka

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Takut Yang Berhormat jual.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya tanya Yang Berhormat dah Yang Berhormat kata, berapa rial?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya dimaklumkan bahawa ada orang membayar untuk mendapatkan borang ini.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Mana bukti dia?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Paka, biar tertib ada sedikitlah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sepatutnya borang permohonan tanah dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Dacrah dengan lambang Kerajaan Negeri di atas.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya minta laluan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Buruk minta laluan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Okey.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Saya minta borang tu diserahkan kepada kerajaan untuk nak menilai borang apa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Lepas ni akan saya serahkan, insya Allah.

YANG BERHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Dipertua, saya minta laluan, nak tambah sedikit saja Kemasik beri dok kepada saya, kita kawan baik lama ni.

Saya nak tanya tadi sebab saya terkilan, Yang Berhormat Kemasik kata tadi kelulusan pun diberi oleh JSR, jadi saya tengok borang keputusan yang diberi oleh JSR tu. Macam mana kelulusan diberi oleh JSR? Kalau bolehlah. Tolong buat mari, nak tengok juga saya ni kalau besarnya JSR kalau boleh beri kelulusan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, insya Allah saya akan buktikan. Borang ini sepatutnya dikeluarkan oleh Pejabat Tanah dengan lambang Kerajaan Negeri di atas, dengan ditandatangani oleh Pentadbir Tanah Daerah bukan boleh dikeluarkan sewenang-wenangnya.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Yang Dipertua. Adakah ini menunjukkan bahawa JSR lebih besar daripada DO di daerah-daerah?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya nak kata lebih besar tu ataupun JSR lebih besar tapi kuasa yang diberi untuk meluluskan sesuatu tanah diberi kepada JSR, seolah-olah JSR lebih besar daripada Pegawai Daerah.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Penjelasan, Yang Berhormat Yang Dipertua. Ada kedengaran DO takut kepada JSR, betul ke Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang DO takut ke JSR ni, saya dengar-dengar cerita ada.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): DO mana?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Ada ... ada DO beritahu saya pun ada.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Royat gok seorang, DO mana hak takut ke JSR?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tak apa tak beritahu, cari sendirilah.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, biasanya apabila Pejabat Tanah mengeluarkan borang Pejabat Tanah yang panggil temuduga, penemuduga terdiri daripada Pentadbir Tanah Daerah, Penolong Pegawai Daerah, Jabatan Pertanian yang terlibat tapi yang berlaku yang menemuduga ialah JSR, bermula lapan pagi sampai dua belas tengah malam, temuduga tanah.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Penjelasan, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tak payah penjelasan, jangan saya.

21 APRIL 2003

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Ramai dok orang pergi, orang rainai dok pergi?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya tak akan beri laluan lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Air Putih

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Saya Kemaman kan.

YANG BERHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Dipertua, minta kebenaran Yang Dipertua, dok bukan ... nak minta penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Ini hakikat sebenarnya, pergilah tanya orang Ketengah Jaya.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Saya tanya tajuk borang tu saja, cuba baca tajuk borang tu.

YANG BERHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Dipertua, mint ...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya minta Bandar dulu, Bandar minta laluan Yang Berhormat Kemasik, beri dok?

YANG BERHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Dia beri Yang Berhormat Dato, terima kasih ... terima kasih Yang Berhormat Kemasik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Dok ... dok saya nak terima ucapan saya. Saya panjang lagi baru satu tajuk saja baru, tanah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak beri Yang Berhormat Bandar.

YANG BERHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Saya nak tanya sedikit saja sebab JSR tu, nak ulasan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Bandar, dia tak bagi. Yang Berhormat Permaisuri, sila duduk

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya boleh beri laluan, jika ucapan saya tak habis Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua sambung.

21 APRIL 2003

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya? Saya tak faham. Tak jelas apa Yang Berhormat cakap?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Kalau laluan saya beri kepada penjelasan dan sebagainya, kalau saya tak cukup masa boleh ganti masa saya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Masa persidangan dia sudah ada had Yang Berhormat, bijak pandai Yang Berhormatlah guna masa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Kalau dia sudah ada had, saya tak beri laluan.

Apabila borang ini diisi menjadi tanggungjawab Pejabat Tanah untuk memanggil temuduga, bukan JSR yang menemuduga daripada lapan pagi hingga pukul dua belas malam. Lepas itu kelulusan diberi pula keluar oleh Jawatankuasa RTB Mukim Rasau, Kerteh .. kelulusan bukan daripada Pejabat Daerah, bukan daripada Pejabat Tanah. Jawatankuasa

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sila baca ayat tu. Kelulusan guana? Biar dia baca.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Kalau bukan kelulusan mengapa minta peserta bayaran?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Baca ayat tu?

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Baca dulu ayat tu, kita tahu macam mana bunyinya.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kita orang ni Melayu belaka, faham insya Allah.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Borang pun dok tunjuk, ayat tak mahu baca nak faham macam mana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Biarlah saya habis bercakap, lepas ni saya akan serah semua.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Dok, saya nak tahulah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Kenapa yang ganggu sangat ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, Permaisuri.

21 APRIL 2003

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Saya tak setuju Yang Berhormat

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa. saya minta dia baca.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Minta dia baca. kita nak dengar.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Permaisuri, sila duduk. Sila baca Yang Berhormat

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *a*. ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): *Perkara Nilai Kaedah dan Tempoh Pembayaran RTB*

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Baca tajuk borang dulu ... baca tajuk borang tu dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *a*. ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): *Borang Maklumat Pemohon.*

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Borang Maklumat Pemohon bukan borang permohonan tanah tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *a*. ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): *Borang Maklumat Pemohon, mengapa*

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Borang Maklumat Pemohon bukan borang tanah. Borang Maklumat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *a*. ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Dah kenapa beri kelulusan kepada pengisi borang ini.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Telemong sila duduk. Permaisuri sila duduk. Yang Berhormat Kemasik, sila teruskan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *a*. ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Orang yang isi borang ini, lepas tu temuduga dapat ini

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baca yang itu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *a*. ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang ini. *Perkara tajuk adalah dirujuk, nilai pembayaran setiap pemohon berserta*

21 APRIL 2003

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Baca dari awal ... baca dari awal Yang Berhormat, baca dari awal biar jelas. Baca dari awal sampai habis.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): *Nilai Kaedah Pembayaran RTB Penempatan 5.*

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dari awallah baca.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Okey, daripada atas saya baca.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Kalau saya baca makan masa panjang. Yang Berhormat sanggup beri masa tambahan kepada saya?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Surat tu dalam maklumat saya, saya tahulah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakil Paka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Dah kalau ada maklumat kenapa lagi suruh baca.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dok betullah tu, satu tuduhan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak bagi kepada semua orang, saya tak bagi kepada semua orang. Jangan kata saya ikut orang sana, saya duduk marah daripada tadi ... Wakil Telemong sila duduk ... Wakil Telemong sila duduk. Masa kepada Kemasik untuk membaca surat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya nak teruskan ucapan saya. Ini ada resit bayaran yang diarahkan masuk dalam sebuah bank di atas nama Azman & Wan Hilmi Associate, Bank Islam Malaysia Berhad Nombor Account: 13017010065877, ini masuk RM980.00 seorang kalau 1,000 masuk bermakna RM980,000.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Baca ayat dari awal ... satu pembohongan Yang Berhormat Yang Dipertua. Saya memang dok puas hati bab ni, Yang Berhormat Yang Dipertua.

21 APRIL 2003

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakil Paka sila duduk. Saya mengarahkan kepada Yang Berhormat Kemasik sila baca.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Saya baca tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baca daripada awal, semua sekali ayat surat dalam tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
*Penyelaras, RTB Mukim Rasau, Kerteh
d-a K20 Rumah Kedai Ketengah,
23300 Ketengah Jaya.*

Peserta RTB
Nama saya potong.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Baca habislah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Nama orang tak boleh nak baca.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Bacalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Ini borang, takkan nak sebut nama orang yang terlibat pula, jaga maruah orang. Kita tak maruah ke?

*Peserta RTB Pembangunan Penempatan 5,
23000 Ketengah Jaya, Dungun, Terengganu.*

*Melalui Pengerusi JSR
Ariffin Jusoh,
Pengerusi JSR Felda Kerteh 5,
Kerteh, Kemaman, Terengganu.*

Tuan Puan,

*Nilai Kaedah dan Tempoh Pembayaran
RTB Penempatan 5*

Perkara tajuk adalah dirujuk.

21 APRIL 2003

Nilai pembayaran setiap pemohon peserta adalah sebanyak RM980 (Ringgit Malaysia: Sembilan ratus lapan puluh sahaja). Semua pemohon diminta menjelaskan pembayaran melalui syarikat guaman yang dilantik atas nama Azman, Wan Hilmi & Associate di mana-mana cawangan Bank Islam Malaysia Berhad. No. Akaun: 13017010065877 bermula dari 11 Februari, 2003 hingga 31 Mac, 2003. Para pemohon diminta membuat fotostat pendua borang deposit wang masuk dan menyerah kepada Pengerusi JSR bukan Pejabat Tanah, untuk direkodkan. Resit rasmi akaun terima bayaran akan dikeluarkan kemudian oleh syarikat guaman yang dilantik.

Nilai pembayaran yang tersebut di atas adalah untuk pembayaran lapan item, pengurusan, guaman, kerja ukur, pembersihan, penyediaan asas dan termasuk dalam kebajikan pemohon.

Sukacita dimaklumkan, jika permohonan tuan gagal atau wakil boleh menuntut kembali wang bayaran tersebut tanpa apa-apa faedah diperolehi.

Ini yang dikeluarkan oleh JSR.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah masalah benda?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): JSR keluar ... saya mempertikaikan JSR mengatasi Pejabat Daerah.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Bert hormat Dato' Yang Dipertua,

YANG BERTHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Laluan

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sejak ... nanti dia baca habis surat tu, tandatangan siapa tu?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tandatangan, saya yang benar Zawawi bin Mohd Noor, Setiausaha RTB Ketengah Jaya. Salinan Y.B. ADUN Paka, Tetuan Azman, Wan Hilmi & Associate, Pengerusi JSR. Tak ada salinan kepada Pejabat Daerah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang, Paka minta penjelasan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya tak beri, dia dah nama nama dia di sini.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Betullah kita minta penjelasan sebab masyarakat mungkin tidak tahu dalam ni. Yang Bert hormat baca tu surat yang ke berapa, dia ada sebelum pada tu surat ... sebelum pada tu.

21 APRIL 2003

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a. ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Saya baca surat yang ada dengan saya.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dia ambil kerat hak tengah dah hak kepala sebelum pada ni dok tu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a. ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Saya mempertikaikan bukan yang ini, mengapa di belakangkan Pejabat Tanah? Itu yang daripada mula tadi saya mempertikaikan.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, saya suka memberi penjelasan di sini.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, laluan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a. ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Saya tak beri laluan. Ini yang saya kata berlaku berclaru, kata orang kampung *bolok*.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Dia tak *bolok*, UMNO buat *bolok*. Barang dok *bolok* ni, UMNO yang *bolok*.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a. ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Kalau dok *bolok*, bagaimana berlaku pergaduan di atas tanah tersebut?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Siapa yang gaduh, UMNO yang *bolok*.

YANG BERTHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Dipertua, saya nak khabar ... nak penjelasan saja. Saya khabar kepada Yang BERTHORMAT Kemasik ni, JSR tu dia tu ialah jentera kerajaan juga jadi dia tolong buat kerja Pejabat Tanah, jadi untuk mempercepatkan proses. Kena faham keadaan dia, sebab kita nak beri tanah cepat-cepat kepada orang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a. ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Saya faham Dato' Yang Dipertua, saya kata kenapa Pejabat Tanah di belakangkan?

YANG BERTHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Dok belakang, JSR di bawah Pejabat Tanah.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Yang Dipertua, penjelasan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakil Telemong ni bercakap atas kapasiti mana ni? Sila duduk. Sila Wakil Kemasik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Dan saya berharap Dato' Yang Dipertua, tidak ada gangguan lagi selepas daripada ini. Masa saya dah 20 minit dah terlepas. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini celaru yang pertama. Adakah cara ini mengikut Islam ataupun tidak saya tidak tahu, masing-masing renung sendiri.

Yang kedua, berlaku pembohongan dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Terenggamu. Contoh, pada tahun lepas ... 2001, Dewan ini telah dibentangkan dengan enam Enakmen Pentadbiran Syariah, sebelum dibentangkan, saya nak ulang balik, pemimpin-pemimpin kerajaan berceramah di merata tempat "*kita akan bentangkan undang-undang yang terulung,*" "*kita akan bentangkan Enakmen yang belum lagi dibuat di negeri-negeri lain, yang pertama.*" Apabila dibentangkan kita dapati bahawa lima daripada enam adalah tiru bulat-bulat daripada undang-undang yang dipakai di Wilayah Persekutuan.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Tak dok modal tu ... tak dok modal tu, modal lama tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya nak menunjukkan bahawa berlaku pembohongan, menipu rakyat dalam perkara ini nak menegakkan agama Islam, nak menegakkan pentadbiran cara Islam tapi tipu rakyat dengan mengatakan bahawa yang terulung, yang terbaik. Saya nak sebut di sini, penipuan. Selepas tu yang ini belum selesai, belum lagi digazet, bentang Hudud secara tergesa-gesa selepas tu buat pindaan. Tuanku Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenan tandatangan, selepas Tuanku tandatangan baru hantar rombongan pergi kaji tempat lain. Apa makna ni? Seolah mempersendakan kerajaan dan mempersendakan Tuanku. Selepas dilulus, sain baru nak pergi belajar, nak cari tempat lain sebagaimana Wakil Paka sebut tadi. Ini satu perbuatan yang tidak sepatutnya berlaku oleh kerajaan yang mengatakan nak melaksanakan Islam. Dan hari ini belum lagi digazet, lepas tu menyalahkan Kerajaan Pusat, menyalahkan UMNO mengapa tak salah diri kita sendiri yang takut melaksanakan Hudud pada hari ini. Ini tidak sepatutnya berlaku sebab tu saya kata bercelaru.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): UMNO dok takut ke hukum Hudud tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang takut PAS bukan UMNO.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): UMNO tak buat langsung.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tak buat langsung guana, tak laksanakan seolah-olah ada kepentingan lain. Saya tak nak layan lagi, Dato' Yang Dipertua.

Lepas tu hari ni, Dewan ni nak pinda pula Undang-Undang Tubuh ... hak tu kita bahas kemudian. Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri nak pinda.

Lepas tu bercelaru lagi dengan wang zakat. Tadi kita bincang panjang, saya bukan mempertikaikan pemberian wang zakat kepada anak Exco melalui asnaf fisabilillah, bukan itu. Saya mempertikaikan mengapa orang yang berada, saya nak sebut sekali lagi, Exco yang memerintah negeri dapat peruntukan wang zakat. Pada mulanya apabila didedahkan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kata pembohongan, fitnah, minta bukti. Serah bukti kata tak apa pula, lepas tu dipertikaikan. Yang Amat Berhormat sendiri melalui Berita TV mengatakan bahawa akan dibayar balik. Jadi ini bercelaru yang tidak sepatutnya berlaku.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua, saya ingat bukan orang yang bercelaru. Yang Berhormat sendiri kepala bercelaru.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya tak beri laluan. Ini tidak sepatutnya berlaku, berilah ke orang miskin dulu ramai lagi orang miskin yang memerlukan. Pula kata ayah kepada pelajar tersebut

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Macam wang chsan tulah bagi ke orang kaya belaka.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak memberi penjelasan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta laluan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Jangan siapa buat celaru,

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jawab dalam jawapan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya doh royat tadi, kita beri semua tak dok orang miskin tak boleh. Kalau tak dok modal tak usah cakaplah mari Dewan ni, malu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bukan modal

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Malu ... orang bodoh mari Dewan ni memang malu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakil Manir.

21 APRIL 2003

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Dok sepatutnya beri kepada anak Exco, orang yang memerintah negeri Terengganu, apa rakyat di bawah tengok. Itu yang kita pertikaikan, dari segi moral bukan dari segi undang-undang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Memang orang dok reti Islam, dok tahu Islam, dok tahu agama tak dok moral.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Ya, yang buat ni reti Islam tapi buat tidak bermoral, lebih tidak bermoral. Anak Exco

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Salahkah dengan Islam?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Saya tak kata salah.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Doh apa?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Saya kata tak sepatutnya berlaku kepada anak Kerajaan Negeri yang memerintah. Doh kalau tak salah mengapa Yang Amat Berhormat Menteri Besar suruh bayar balik?

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): UMNO buat tu betul belaka.

YANG BERHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Setahu saya Yang Amat Berhormat tak suruh bayar balik, ini rela hati

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakil Bandar

YANG BERHORAMT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Ni rela hati dia nak bayar.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Bandar dan Bukit Besi, minta izin nak bercakap.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Saya teruskan ... jadi ini tidak sepatutnya berlaku. Lepas tu ada pula, dua tiga orang wakil rakyat dilantik Amil Korporat. Wakil Rakyat dilantik Amil Korporat, tak ada orang lain ke? Tak adakah kakitangan lain, Tok Imam apa semua yang bagi kelulusan kepada Wakil Rakyat?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Penjelasan Yang Berhormat. Barangkali asnaf Amil ada juga barangkali, banyak barangkali jumlahnya.

21 APRIL 2003

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *a* ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Itu tidak tahu, mengikut kaedah mesti ada asnaf untuk Amil 1/8. Lepas tu katanya, wang zakat ini juga telahpun dipohon oleh Wakil Rakyat untuk dijadikan belanja *entertainment* keranian. Ini ada, di bawah asnaf mana? Yang tidak sepatutnya berlaku.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Yang Dipertua Mungkin insabillillah juga

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *a* ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Mengapa terjadi perkara ini?

YANG BERHORMAT HAJI MD AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Tunjuk saya Yang Berhormat Yang Dipertua, tuduh-tuduh tu zakat untuk *entertainment* .

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *a* ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya ada, saya tak akan tunjuk sebab saya nak jaga maruah

YANG BERHORMAT HAJI MD AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Sebab dia kata sat in Yang Dipertua, pasal dia sebut *entertainment* saya nak tahu *entertainment* maksud dia .

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *a* ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Keranian

YANG BERHORMAT HAJI MD AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Ayat tu kena betul, *entertainment* dengan keranian lain tu, nak kata kaya, senang lain

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *a* ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Keranian – memohon untuk mendapatkan keranian daripada wang zakat.

YANG BERHORMAT HAJI MD AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Jadi bukan *entertainment*, jangan sebut *entertainment*.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *a* ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bukan *entertainment*, *entertainment* luas saya faham, terima kasih Yang Berhormat, keranian. Katanya, yang ini ada juga bayar gaji kepada guru agama yang sebenarnya bukan guru agama, ada kaitan dengan kader-kader PAS dan sebagainya. Jadi ini penyelewengan yang berlaku, yang menjadi keliru bercelaru

Lepas tu yang keempat Dato' Yang Dipertua, lesen pajak gadai. Pada tahun 2001 Kementerian Kewangan, Kerajaan Persekutuan telahpun meluluskan 6 lesen pajak gadai kepada Kerajaan Negeri Terengganu, lulus 2001. Dengan kelulusan tersebut Kerajaan Terengganu pada masa tersebut tender lesen-lesen ini untuk dibuka di seluruh pelusok negeri Terengganu, tender pajak gadai konvensional. Sepatutnya untuk menjadikan sebuah negeri, negeri Islam yang dikehendaki, yang dilaungkan *Membangun Bersama Islam*, maju bersama Islam, apa salahnya dengan kelulusan yang diberikan oleh Kementerian Kewangan, daripada Kerajaan Persekutuan kelulusan pajak gadai ini

21 APRIL 2003

diambil kesempatan oleh Kerajaan Negeri untuk membuka Muasassah Gadaian Islam di setiap daerah. Ada 6. Kuala Terengganu dah ada yang UMNO buat dulu disambung oleh PAS. Buka di Besut, Setiu, Hulu Terengganu, Marang, Dungun, Kemaman cukup 6. Tidak diambil kesempatan disebabkan Kerajaan Negeri memandang duit ... ditender. Yang masuk tender siapa, Kuala Terengganu ... saya baca, Kawasan Kuala Terengganu I tender dimasuk RM45,999.00, yang dapat Dato' Seri Dato' Kaya Pati, Pajak Gadai Ban Lee, No. 62, Jalan Bandar, 20100 Kuala Terengganu.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Saya bagi masa sedikit saja.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Adakah pajak gadai ini tidak mengamalkan riba?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Lebih pada riba lagi.

YANG BERHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Dipertua,
lalu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Yang kedua, Kuala Terengganu II tender yang dimasuk RM39,399.00 dapat kepada Ong Liok Chee, Pajak Gadai Ming Lee, No. 11, Jalan Banggol, Kuala Terengganu.

YANG BERHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong):
Yang Dipertua, yang ni riba ke dok?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Sama saja.

YANG BERHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Dipertua,
penjelasan. Ni lalu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar minta lalu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Kuala Terengganu III ... sekarang saya tak beri lalu masa saya tinggal 5 minit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Sama dia, dia
bagi kita tak bagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Sama saya geng tak apa.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Pada hal kita nak khabar, itu warisan UMNO belaka tu, lesen, lesen UMNO bagi.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Kuala Terengganu III, RM505.00 masuk tender Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu, 18A, Jalan Sultan Sulaiman, Jalan Kedai Hilir, Kuala Terengganu, satu masuk muasassah Empat Kemaman, masuk tender RM28,888.00 Dato' Tan Chok Meng, Pajak Gadai Yen Lee, No. K279, Jalan Kampung Tengah, Kemaman Dungun, masuk tender RM8,888.00 Yong Meng Cho, Pajak Gadai Seng Lee, No. K-30, Jalan Lim Tek Wan, Dungun, Nombor 6, Kuala Berang masuk tender RM5,555.00 Tan Song Huat @ Tan Chong Huat, Pajak Gadai Kiat Lee, No. 672, Ground Floor, Jalan Besar, Kuala Berang.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Penjelasan, Dato' Yang Dipertua, ini di kampung saya nak tanya, hak ni riba ke dok ni?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Telemong, minta izin nak bercakap.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Minta izin Dato' Yang Dipertua, saya nak tanya ini di Kuala Berang di kawasan saya, kampung saya adakah pajak gadai Islam ataupun ada riba juga Islam ni tubuh?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya tak faham Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sepatutnya pihak Kerajaan Negeri, macam saya sebut tadi gunakan kesempatan ini untuk membuka Muasassah Gadaian Islam di tiap-tiap daerah tapi ini ditender

YANG BERTHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya tak beri laluan, saya tak ada masa

YANG BERTHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Sebab apa ditender, sebab ramai orang berebut, puak-puak UMNO nak juga tu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar minta izin, minta laluan ... tak beri.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Lesen-lesen tersebut akan tamat pada 1 Januari 2004, masih hidup sehingga hari ini. Setelah lesen tersebut tamat pemegang lesen hanya dibenarkan membuat urusan penebusan sahaja selama 6 bulan, iaitu sehingga 30 Jun, 2004. Masa panjang lagi kebenaran diberi kepada pajak gadai konvensional ini. Cakap nak Islam, tak mahu riba, dapat kelulusan tender.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Zaman UMNO dulu ada dok tu?

21 APRIL 2003

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tak usah kira zaman dulu, ni saya cerita hak nak Islam ni. Dato' Yang Dipertua, perkara seperti ini tidak sepatutnya berlaku dalam pemerintahan yang ada pada hari ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Masa Yang Berhormat lima minit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Ni saya kata masa tak cukup.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Dulu dalam Dewan yang pertama atau Dewan yang kedua tahun 2001, apabila

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka minta laluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya tak ada masa ...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Nak tanya wakil Menteri Kewangan saja, sebab isu masalah konvensyenal dan Islam. Pajak Gadai

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Izinkan saya teruskan ucapan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka minta laluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya kata tak beri, saya dah kata awal-awal tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak beri laluan, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): ... satu ketika, kerajaan mengumumkan bahawa Pengerusi-pengerusi anak syarikat Kerajaan Negeri tak akan menerima elaun, elaun Pengerusi, elaun Pengarah dan sebagainya. Bekerja secara sukarela sebab masing-masing dah ada elaun. Saya dah kemuka satu soalan dulu, yang mana Wakil Pengkalan Berangan jawab bagi minta notis, sampai hari inipun tak jawab. Ada satu syarikat, saya tak akan sebut nama saya nak jaga maruah yang menerima, Pengerusi Syarikat imbuhan Pengarah yang diterima tahun 2002 penyata 2001, penyata 2002 kita tak terima lagi sebab akan keluar pada 2003, Pengerusinya imbuhan Pengarah selaku Pengerusi imbuhan Pengarah RM25,000 campur Exco RM12,000, imbuhan lain RM5,408.00 jumlah semua bayaran setahun RM42,408.00, Pengerusi. Kata dulu tak terima elaun, ini RM42,000 setahun dibayar kepada

21 APRIL 2003

Yang terhormat dalam penyata. Lepas tu ada Wakil Rakyat Parlimen di dalam ini yang juga sebagai Pengerusi, bayaran Pengarah RM20,000, Exco RM9,000 imbuhan RM4,056.00 jumlah RM33,056.00, Pengarah bukan Pengerusi. Pengarah dapat RM33,000 setahun hampir RM3,000 sebulan, dulu kata percuma, tak bayar bekerja secara sukarela. Ini rakyat nak tahu. Lepas tu ada pegawai tinggi kerajaan seorang.

YANG BERTHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Laluan. Yang Dipertua. Wakil Kemasik tu faham dok?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar minta laluan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya dok beri, jawapan dalam ucapan Pegawai Tinggi kerajaan seorang juga dibayar RM20,000, RM9,000 dan RM4,056.00 berjumlah RM33,056.00 sama dengan Wakil Parlimen, tinggi. Beritahu kepada rakyat kita kerja percuma, sukarela dapat dekat RM4,000 sebulan, mana sukarejanya?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ajil minta laluan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tak beri, saya nak habis dah. Kalau Dato' Yang Dipertua, beri masa saya tambah tak apa.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Satu minit lagi.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Seminit lagi? Saya ada banyak lagi.

Akhir sekalilah, tak apa saya potong saya akan cari kesempatan lain. Akhir sekali, kelmarin saya baca surat khabar Berita Minggu dan Sunday Times, ada wawancara di antara NST dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, panjang cerita. Saya dapati bahawa ada atempat-tempat tertentu Yang Amat Berhormat Dato'. Akhir sekali, kelmarin saya baca surat khabar Berita Minggu dan Sunday Times, ada wawancara di antara NST dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, panjang cerita. Saya dapati bahawa ada tempat-tempat tertentu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar bersetuju dengan tindakan, perjalanan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, bersetuju. Ini satu pendekatan yang baik, apa yang dibuat oleh Dr. Mahathir kata Dato' Seri Menteri Besar, bukannya semua tak betul, ada yang betul, yang betul kita boleh setuju. Jadi dengan itu, apa salahnya kita orang Melayu yang beragama Islam duduk semeja berunding cara jalan penyelesaian untuk mewujudkan perpaduan di antara rakyat di Malaysia hari ini supaya tidak berlaku sebagaimana yang berlaku di negara Arab, Perpecahan Arab, Iraq jadi mangsa, kalau boleh duduklah berbincang, ...

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, masa Yang Berhormat.

21 APRIL 2003

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
..... berbaiklah kita sesama Islam supaya rakyat akan dapat faedah daripada kita sesama kita, rakyat akan mendapat manfaat daripada kita selaku pemimpin

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat, masa dah tamat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
..... boleh menuju ke arah itu. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Silakan Yang Berhormat yang lain. Perbincangan masih dibuka, Bukit Tunggal sila.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tuan Guru Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan dan para pemerhati sekalian.

Alhamdulillah, saya bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana dengan izin-Nya sekali lagi saya masih lagi dapat sama-sama menghadiri sidang Dewan pada kali ini dan berpeluang untuk sama-sama menjunjung kasih bagi membincang Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan pada hari semalam. Terima kasih juga kepada Dato' Yang Dipertua, kerana memberi peluang yang sangat berharga ini kepada saya bagi memberi sumbangan sedikit sebanyak dalam persidangan pada kali ini.

Dato' Yang Dipertua, dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku semalam saya dapati penekanan yang agak penting telah diberikan dalam sektor pelancongan. Peringatan ini boleh kita lihat dalam muka surat 11 di perenggan yang terakhir dan saya petik dengan izin, insya Allah "*Sektor perkhidmatan adalah antara penyumbang besar kepada ekonomi negeri Terengganu. Industri-industri yang menyokong sektor perkhidmatan ialah perdagangan, kewangan, pelancongan, kerajaan, utiliti dan hartanah. Walaupun begitu, sektor ini masih lagi berada di tahap awalan dari perspektif nilai ditambah. Sektor ini banyak diterajui oleh pelancongan dan industri perdagangan. Pada tahun 2002, industri pelancongan menyumbang RM540 juta kepada ekonomi negeri Terengganu.*"

Dato' Yang Dipertua, memanglah tidak dapat kita nafikan bahawa sektor pelancongan adalah merupakan satu sektor yang berkembang maju dan sangat berpotensi untuk dimajukan di negeri ini dan juga di dalam negara kita Malaysia ini. Negeri kita sebenarnya mempunyai banyak tempat menarik yang dapat menarik pelancong-pelancong dalam dan luar negeri untuk sama-sama menikmati keindahan Negeri Terengganu Darul Iman ini. Negeri kita mempunyai pusat-pusat pelancongan yang telah dibangunkan telah sekian lama seperti Tasik Kenyir, Hutan-hutan Lipur dan pulau-pulau pesisir pantai yang sangat menarik. Namun begitu apa yang saya perhatikan masih banyak lagi perkara-perkara yang perlu kita lakukan demi untuk memajukan sektor ini. Antaranya saya mengambil peluang ini di Dewan yang mulia untuk mencadangkan, yang pertamanya tentang

sistem perhubungan darat ataupun jalan raya khususnya Lebuhraya Pantai Timur ataupun *motorway* yang sekian lama dicadangkan untuk dibangunkan. Semoga bila siapnya lebuhraya yang akan memendekkan perjalanan dari Kuala Lumpur khususnya ia akan menggalakkan lagi kehadiran pelancong-pelancong dalam negara. Kerana kalau masa perjalanan dari Kuala Lumpur dipendek sekitar tiga hingga empat jam, saya rasa insya Allah, ramai pelancong-pelancong akan menggunakan jalan raya dan mereka boleh datang sehari dua dan boleh balik semula berbanding dengan menggunakan kapal terbang yang mana lapangan terbang kita pun sekarang masih lagi dalam cadangan untuk dibesarkan tetapi hingga sekarang nampaknya tidak ada apa-apa tanda yang boleh membawa ke arah pembesaran lapangan terbang. Oleh itu sebagai alternatif yang saya kira tidak memerlukan belanja sebesar membuat lapangan terbang ialah mempercepatkan Lebuhraya Pantai Timur yang dicadangkan oleh Kerajaan Pusat ataupun *motorway* yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri. Begitu juga jalan-jalan untuk menuju ke tempat-tempat Hutan Lipur, pusat-pusat pelancongan ini juga harus diperbaiki dari masa ke semasa bagi memudahkan dan menyelesaikan pengguna-pengguna jalan raya yang menggunakan kenderaan persendirian khususnya.

Faktor yang kedua ialah tentang kebersihan, kebersihan jalan ke pusat-pusat pelancongan dan tempat pelancongan itu sendiri hendaklah dijaga dan dipertingkatkan dari masa ke semasa. Kecantikan tidak akan terserlah dan bererti sama sekali sekiranya jalan penuh dengan najis binatang dan tempat pelancongan penuh dengan sampah sarap. Kadang-kadang kalau kita pergi ke pusat-pusat pelancongan, kereta baru basuh, kalau sekadar najis kambing boleh tahan lagi tapi tahi kerbaupun ada, lembupun ada, elak kiri kena kanan, elak kanan kena depan tidak ada tempat yang boleh kita elak lagi akhirnya kita akan balik dengan kereta yang penuh dengan najis lembu masuk bandarpun kita rasa malu selepas itu. Jadi bayangkanlah kalau seorang pelancong datang daripada Kuala Lumpur nak balik ke Kuala Lumpur dengan kereta yang penuh dengan najis-najis lembu dan

.....
YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat dekat mana tu? Ada lagi ke tu?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Saya baru pergi ke satu pusat pelanconganlah, kalau sebut nanti

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): DUN mana Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): DUN, saya ingat DUN di kawasan Hulu Terengganu. Saya pernah bawa pemuda-pemuda untuk pergi *rehlah* ataupun membuat *tamrim* di sana dan memang kita dapati bahawa perjalanannya sangat tidak menyelesaikan kita, nak laju dan sebagainya.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Takut orang Telemong, lembu orang UMNOlah tu.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Inilah sebenarnya, bukan saja kita kata tanggungjawab Majlis-Majlis Daerah tapi sikap rakyat kita sendiri

kadang-kadang perlu juga kita pertingkatkan, kata orang kerajaan telah menyediakan tempat-tempat, padang yang luas untuk peliharaan ternakan-ternakan ini tapi masih lagi dibiarkan berkeliaran di waktu malam dan sebagainya. Jadi kalau malam pandu laju mungkin, tak laju pun takut kerbau tak nampak, dia sama warna dengan jalan raya. Jadi semoga perkara ini dapat kita ambil tanggungjawab bersama antara Majlis-Majlis Daerah, JSR, mungkin pihak UPI sama-sama beri penerangan, penjelasan, memberi kesedaran kepada rakyat tentang pentingnya kita sama-sama menjaga kebersihan kampung kita kerana juga merupakan tuntutan dalam Islam sendiri.

Begitu juga di tempat-tempat pelancongan kadang-kadang kita mempunyai banyak yang dipenuhi dengan flora dan fauna yang sungguh menarik tetapi kadang-kadang sampah-sampah dibuang merata-rata walaupun telah disediakan oleh tong-tong sampah oleh pihak Majlis Perbandaran. Jadi ini mungkin saya rasa tarbiah bukan saja dalam peningkatan dari segi ilmu-ilmu agama yang khususnya tetapi juga tentang akhlak menjaga kebersihan diri sendiri, menjaga kebersihan rumah tangga, menjaga kebersihan tempat tinggal dan sebagainya. Ini saya rasa perlu dipertingkatkan dan digembleng tenaga di semua pihak kerana kotor ni banyak, selain daripada hak orang comel pun jadi hodoh, penyakit pun banyak yang akan menimpa kita seperti denggi, malaria, tie-fox, colera dan sebagainya. Tapi dia cuma satu saja, kotor ni dia tidak terlibat dengan SARS yang ditakuti selama ni SARS tu. Oleh kerana Kerajaan Pusat nak tutup SAR dia mari SARS. Itu cubaan kepada kita semua untuk melihat perkara ini dengan lebih mendalam lagi, insya Allah.

Yang ketiganya, kita perlu juga memajukan kawasan bandar khususnya kawasan-kawasan baru yang sudah ada kemudahan pengangkutan dan yang dekat dengan pusat bandar. Kerana ini tidak melibatkan pembinaan infra yang baru yang sudah tentunya pembinaan infra yang baru ini memakan belanja yang besar. Sebagaimana contohnya, saya ambil contoh yang terdekat Bandar Kuala Terengganu. Kita sebenarnya patut bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana dianugerahkan oleh Allah s.w.t. sebuah bandar yang sangat cantik, yang sangat menarik dengan kedudukan di tepi laut, di pesisir pantai yang indah dan di tepinya dialiri oleh Sungai Terengganu yang cantik dan dihiasi dengan pulau-pulau yang cantik dan menarik. Tapi malangnya semuanya itu sehingga kini tidak dieksploitasikan dengan sepenuhnya malahan ada yang dibiarkan begitu saja sudah sekian lama seperti Pulau Wan Man. Pulau Wan Man tumbuh dengan semak samun, tak ada penghunipun, Pulau Sekati yang kedudukannya dekat dengan Muzium Negeri pula dibiarkan sekian lama tanpa ada sistem perhubungan. Dan saya sebenarnya pernah dimaklumkan bahawa akan dibina sebuah jambatan dari Losong Muzium ke Pulau Sekati, dan terus ke sama ada Teluk Pasu ataupun Tanjung Bunut. Tapi sehingga sekarang sejauh mana tindakan yang diambil oleh pihak yang berwajib, tidaklah dapat saya pastikan. Oleh itu saya mengharap dan mencadangkan agar kedua-dua pulau ini dapat dibangunkan dengan sewajarnya demi untuk memperkayakan lagi produk pelancongan di Negeri Terengganu Darul Iman ini.

Di samping itu, kita membangunkan tempat-tempat pelancongan ini juga saya ingin memperingatkan pihak kerajaan supaya tidak diabaikan kebajikan penduduk-penduduk tempatan. Janganlah hendaknya penduduk tempatan disisihkan dan dijadikan mangsa untuk kepentingan pembangunan pelancongan untuk kepentingan orang luar. Oleh itu saya mencadangkan supaya dapat dibangunkan pulau-pulau yang menjadi perkampungan nelayan itu sebagai pusat pelancongan secara *homestay* yang akan menyerlahkan keunikan kehidupan nelayan di Pantai

Timur yang mungkin boleh menjadi satu tarikan kepada pelancong luar dan akan menambah pendapatan kaum nelayan kita sendiri, insya Allah.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, oleh itu saya mengharap projek penambakan pasir sekitar Pulau Duyung, Pulau Ketam, Pulau Besar dan Pulau Haji Siah dapatlah disegerakan. Dengan itu penyusunan semula perumahan penduduk di pulau-pulau tersebut dapat dibuat sebelum pusat maritim dibangunkan sepenuhnya. Apa yang saya maksudkan di sini ialah supaya kita dapat memberi keselesaan kepada penduduk-penduduk tempatan dahulu, pasir yang sedang dikorek sekarang di Muara Sungai Terengganu tu bolehlah ditambah di antara Pulau Haji Siah, Pulau Besar dan Pulau Ketam ke Pulau Duyung itu, dan kita boleh beri lot-lot tanah kepada penduduk-penduduk tempatan supaya kesesakan yang berlaku di Pulau Duyung dan Pulau Ketam dapat kita kurangkan, dan dapat dibina longkang-longkang, parit-parit yang selesa yang boleh mengalirkan air kotor ke Sungai Terengganu dan akhirnya akan mewujudkan sebuah kampung yang teratur, yang tersusun, yang bersih. Dan insya Allah dapat dijauhkan dari berbagai-bagai penyakit yang sedia menunggu bila-bila masa sahaja sekiranya kebersihan ini tidak dijaga. Jadi janganlah kita tunggu sehingga berlaku satu wabak yang besar baru kita nak bertindak secara yang terburu-buru. Semoga perancangan ini dapat kita buat daripada awal, daripada sekarang insya Allah semua akan selamat hingga bila-bila masa, insya Allah. Justeru itu kita barulah dapat melihat satu perkampungan yang tersusun, yang bersih dan semoga dengan adanya gabungan di antara perkampungan nelayan tradisional yang bersih, pusat industri maritim di Pulau Duyung, *water front* dari Kedai Binjai ke Pulau Kambing dan industri pelancongan di Pulau Wan Man dan Pulau Sekati, mungkin suatu masa nanti bandar Kuala Terengganu bukan saja menjadi pusat perdagangan tapi juga menjadi pusat pelancongan yang sangat istimewa dan popular di sebelah Pantai Timur ini, insya Allah.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua yang keempatnya, kita juga perlu memastikan pintu masuk ke bandar Kuala Terengganu menjadi menarik dan bersih. Contohnya Pekan Batu 6 sendiri adalah merupakan pintu masuk ke bandar Kuala Terengganu khususnya bagi pelancong yang menggunakan kapal terbang dan juga pelancong dari negeri Kelantan. Oleh itu saya rasa telah tiba masanya bagi pihak Kerajaan Tempatan memikirkan dengan serius ke arah memajukan pekan ini. Kalaupun tidak dapat diwujudkan satu Majlis Kerajaan Tempatan yang baru, saya mencadangkan suatu jabatan yang khusus hendaklah diadakan dengan segera yang pegawainya hanya bertugas untuk maksud itu bukannya pegawai yang ditempatkan secara sementara. Keadaan persekitaran di Pekan Batu 6 sekarang amatlah tidak memuaskan dengan bangunan yang lama dan tidak nampak langsung keceriaannya, longkang yang tersumbat dan jalan-jalan yang sempit malahan Pejabat Pos pun sehingga kini belum ada lagi di Pekan Batu 6, walaupun dah lama bernama pekan. Mungkin kerana zaman dulu yang ditinggalkan kerana di situ merupakan tempat yang kuat dari pihak parti pembangkang pada ketika masa yang lalu.

Mengenai sistem perparitan juga di Batu 6 ini amatlah tidak memuaskan. Pasarnya ada tapi air-air yang busuk yang kotor itu bertakung, tidak dapat mengalir ke sungai maknanya tidak boleh dibuang terus ke sungai dan terus ke laut. Oleh itu mengenai sistem perparitan, kita bukanlah mengharapkan sistem yang sofistikated yang menelan belanja berjuta-juta ringgit tetapi cukuplah satu sistem perparitan yang murah yang dapat mengalirkan air ke longkang ke Sungai Nerus yang peuntukannya mungkin kurang daripada RM100,000.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, zaman kerajaan kurang duit ni kita fahamlah kerana sekatan ekonomi oleh Kerajaan Pusat, mungkin kita perlu mengubah sedikit strategi pembangunan kita iaitu dengan memecahkan projek-projek besar kepada yang kecil-kecil dan dibuat sedikit-sedikit secara berperingkat-peringkat. Saya menyebut perkara ini kerana saya pernah berbincang dengan pegawai-pegawai kerajaan yang diarahkan untuk menyediakan pelan pembangunan Pekan Batu 6 ini dan cadangan yang diberikan memanglah amat menarik, amat sofistikated. Tetapi apabila saya lihat dari segi kosnya amat tinggi pula, melebihi RM1 juta hingga sampai RM2 juta. Maka sudah tentulah bila cadangan ini diangkat kepada pihak berkuasa Kerajaan Negeri akan ditolak. Tolak bukan kerana cadangan tidak baik tetapi ditolak kerana kita masih kekurangan kewangan. Saya percaya sekiranya wang royalti dapat pada Kerajaan Negeri Terengganu, perkara ini tidak jadi masalah tapi yang malangnya ada penyangat, ada perompak yang sengaja menyusahkan Kerajaan Negeri, menyusahkan rakyat. Rakyat yang miskin, seperti orang Batu 6 miskin-miskin belaka, tak dok orang kaya-kaya, tak dok korporat tetapi insya Allahlah supaya perkara ini dapat dipertimbangkan, kita buat cara kecil-kecil, sedikit-sedikit akhirnya masalah ini akan dapat kita selesaikan satu masa nanti.

Pekan Batu 6 juga kalau kita lihat sekarang ini pembangunan di Kuala Terengganu ni banyak dilebihkan di sebelah Kuala Terengganu Selatan sedangkan penduduknya lebih ramai di sebelah Kuala Terengganu Utara, iaitu sebelah Bukit Tunggal, Tepuh, Batu Rakit, Manir dan sebagainya. Dan pembangunan sekarang sedang pesat seperti perumahannya berlaku di sebelah Kuala Terengganu Utara. Kerajaan Alhamdulillah, saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri yang telah banyak meluluskan tapak-tapak lot rumah di kawasan Batu Rakit, di kawasan Tepuh, Gong Badak, Baruh Tok Jiring, mungkin di Padang Nenas, mungkin juga di Bukit Bayas dan sebagainya. Ini merupakan tempat pertumbuhan penduduk yang sangat pesat, dan juga lot tanah di Banggol Tuan Muda, di Bukit Petiti dan sebagainya. Ini akan menambahkan lagi percambahan dan pertumbuhan penduduk yang sangat tinggi. Jadi sekiranya perkara kemajuan di sebelah Kuala Terengganu Utara ini tidak diambil kira saya bimbang suatu masa nanti dia akan berlaku suatu masalah sosial, suatu masalah kemudahan asas yang berkurangan yang menyusahkan rakyat khususnya dari segi jalan raya. Jalan raya sempit, hari-hari saya duduk di Batu 6 tu jem lebih teruk daripada Kuala Terengganu pada waktu-waktu tertentu. Masalah air sekarang di bahagian Gong Badak, Batu Rakit, tekanan air rendah, malam tak ada air, waktu perlu air, air tak dok hak perlu ada pula. Jadi inilah keadaan yang sedang berlaku. Oleh itu kalau perkara ini tidak difikirkan saya bimbang kita akan menghadapi suatu krisis yang besar dalam masa dua tiga tahun yang akan datang ini. Dan bagaimana krisis air berlaku, krisis jalan raya berlaku, perparitan tidak selesai, bagaimana pelancong-pelancong nak datang dan kalau datangpun dia akan melihat keburukan negeri Terengganu bukannya keselesaan, keindahan yang dikatakan *Negeri Cantik Budaya Menarik* itu tidak dapat diserlahkan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, adalah menjadi harapan saya dan seluruh warga khususnya warga DUN Bukit Tunggal

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Masa Yang Berhormat ada tiga minit lagi.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Insya Allah, saya boleh habis setengah minit lagi. insya Allah.

Seluruh DUN Bukit Tunggal untuk melihat suatu masa yang terdekat Pekan Batu 6 ini tidak lagi menjadi orang duduk gelar le ni *Pekan Koboi* tetapi menjadi sebuah bandar satalit yang serba maju, maju menurut Islam, insya Allah. Maju bandarnya, insya Allah jadi bandarlah pekan dah lama nama pekan, maju sebagai sebuah bandar dari segi fizikalnya dan rakyatnya insya Allah, dari segi agamanya, sudah banyak yang faham agama. Sebab tu masalah zakat orang duduk heboh-heboh, orang Batu 6 faham belaka dah dok usah nak hebohlah, tidak makan isu ni di Batu 6 dan Bukit Tunggal, dia orang mengaji agama belaka dah tahu asnaf, hak mana wajib hak mana dok kecuali orang Kemasik tidak tahu. Jadi pergi Batu 6lah belajar agama, insya Allah kita boleh faham tentang zakat ini supaya tidak timbul isu-isu lagi. Macam mana Ketua UMNO Penerangan Negeri Terengganu yang timbul isu zakat, nampak sangat dok mengaji, dok tahu agama. Marilah Masjid Batu 6, Masjid KUSZA kita ajar benda ni, menadah kitab insya Allah boleh faham tak payah tanya sini, dok nampaklah kebodohan kita tu insya Allah.

Sekian, wabillahi taufik wahidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sila Teluk Pasu.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang saya hormati Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Negeri Terengganu, para Exco dan Ahli Dewan Undangan Negeri, pegawai kerajaan dan hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah dalam kesempatan ini suka saya sama-sama mahu berkongsi idea terutama dalam membincangkan dan membahaskan Ucapan Titah Tuanku Al-Sultan. Yang menarik kepada saya ialah dalam Titah Ucapan itu banyak menyentuh aspek-aspek pembangunan insan di samping dalam dasar pembangunan negeri sebuah negeri memang sedia kala mereka banyak membincangkan pembangunan fizikal. Tetapi manusia walaupun pembangunan fizikal begitu hebat tetapi kalau manusia tidak dibina dari sudut fikiran, hatinya terutama akidah maka sudah tentu manusia yang duduk dalam tamadun yang begitu bagus tetapi mempunyai suatu kelakuan yang begitu hebat. Pernah dulu dipercakap tentang tamadun, satu zaman dulu kita menyentuh soal undang-undang rimba. Tetapi selepas mana suatu zaman semua manusia telah diberi *education* pendidikan sehingga suatu ketika manusia pernah bercakap tentang demokrasi, bercakap tentang soal-soal kebebasan bersuara dan sebagainya. Tetapi apa yang kita alami pada saat-saat di akhir zaman, kebebasan itu sudah tidak ada malahan undang-undang rimba kembali semula berkuasa. Kita lihat apa yang berlaku serangan Amerika kepada sebuah negara Iraq yang berdaulat, yang ianya juga mengajar kepada kita pengalaman ini supaya kita berfikir.

Suka saya menyentuh pembangunan insan perlu diambil berat perhatian oleh Kerajaan Negeri. Walaupun di sana ada suara-suara menyatakan mana pembangunan. Tapi saya lebih suka menekan masalah pembangunan insan, itulah Ucapan Titah Tuanku. Pembangunan insan perlu diberi penjelasan yang semasak-masaknya sebagai suatu pendidikan. Kenapakah perlu pendidikan pembangunan insan? Kerana di zaman di akhir zaman ini kita menghadapi situasi yang mencabar. Kalau mengikut suatu hadis Rasulullah s.a.w. Baginda bersabda yang bermaksud:

Akan datang kepada manusia satu zaman, yang pada zaman itu sesuatu kerajaan tidak boleh diperolehi melainkan dengan pembunuhan dan paksaan. Yang pada zaman itu sesuatu kekayaan tidak diperolehi melainkan dengan rompakan, rampasan dan kebatilan. Yang pada zaman itu suatu kesukaan orang ramai tidak diperolehi melainkan terpaksa keluar daripada dasar-dasar agama dan mengikut hawa nafsu. Oleh itu barangsiapa yang sempat pada zaman itu lalu dia bersabar di atas kemiskinan, kefakiran sedang dia mampu untuk mencari kekayaan. Dia boleh bersabar di atas kebencian orang, sedang dia mampu mencari kesukaan orang. Dia boleh bersabar di atas kehinaan, sedang dia mampu untuk mencari kemuliaan. Allah memberikan kepadanya pahala 50 orang para sidikin daripada orang-orang yang membenarkan mempercayakan Aku, kata Rasulullah s.a.w.

Hadis ini memang benar berlaku di zaman dunia hari ini. Untuk memperoleh satu kerajaan terpaksa menggunakan kekerasan seperti berlaku kepada Amerika ke atas sebuah negara yang berdaulat di negeri Iraq. Walaupun kita melihat Amerika, kita kena lihat juga apa yang telah dilakukan yang kita sama-sama saksi kepada sebuah negara Malaysia yang mempunyai kerajaan *federalnya* dan ada kerajaan *state*. Kita sama-sama saksi, tak perlu sebut di sini. Kalau pernah kita bila berlaku peperangan Iraq yang CNN menguasai media massa, para pemimpin dunia mempertikaikan kebenaran yang dilaporkan oleh CNN. Maka kita kena lihat juga bagaimana mass media digunakan di peringkat *federal* tidak membenarkan langsung kepada negeri-negeri yang dianggap pembangkang oleh mereka diberi cara penjelasan. Kalaupun kita jelas pada ceramah, ada permit-permit dan sebagainya. Itulah yang dihadapi oleh semua orang dan masing-masingpun memahami perkara ini. Inilah yang dikatakan paksaan. Bagaimana sesebuah kerajaan mahu naik hanya memaksa sesuatu syarikat atau sesuatu kuasa tidak dibenarkan kepada yang lain.

Kemudian kekayaan begitu juga. Bagaimana kerajaan sebuah negeri di bawah kerajaan *federal* dengan kekangan Akta, dengan kekangan beberapa benda, pelabur asing kalau nak berniaga di negeri yang berdaulat ini tidak boleh melainkan dengan perakuan kewangan negeri dan sebagainya. Ini menjadi perkara-perkara yang perlu kita tanda tanya. Begitu juga persoalan kalau nak orang suka kepada kita terpaksa kita pejam mata mengetapkan dasar-dasar agama. Tapi perkara-perkara ini menjadi ujian kepada para pemimpin terutama pemimpin yang mahu menegakkan Islam. Mana ada Nabi-Nabi dan Rasul-Rasul tidak ada musuh, tetap Nabi-Nabi sebagai pemimpin yang terulung yang diiktiraf oleh Allah Taala. Dan inilah saya mahu menyedarkan rakan dan juga apa yang diistilahkan pembangkang masing-masing memahami situasi dan tabiat perjuangan sesuatu perkara. Kalau kita meletakkan Islam sebagai suatu dasar perlulah kita bersabar dalam apa-apa perkara.

Suka saya menyebut lantaran itu kenapa situasi ini berlaku. Situasi ini berlaku boleh diolah oleh dua faktor yang penting. Faktor pertama kerana manusia di akhir zaman mengejar harta benda dan pangkat. Benarlah sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: *Kasih atau cinta kepada harta benda dan pangkat, kedudukan ketinggian boleh menumbuhkan sifat munafik di hati seperti tumbuhnya rumput-rumputan kerana air*. Oleh itu kenapa berlakunya serang menyerang. Kita boleh baca dan tafsir, kerajaan baru naik dan ada yang kalah dalam perlawanan. Kita yang berdemokrasi ini, biarlah kita masuk ke depan dan menjadi satu *gentlemen*, kita berlawan bukan melalui kempen-kempen yang tidak baik kerana kita bimbang perkara ini menimbulkan sifat munafik. Para Nabi-Nabi dan Rasul berjuang dan para ulama kerana mahu melihat suatu sistem Islam dilaksanakan dalam suatu pemerintahan negara kerana menyahut firman Allah Taala yang bermaksud:

Sesungguhnya Aku jadikan di muka bumi khalifah. Makna khilafah itu, pengalng gantu kenabian selepas Nabi tidak ada di dalam membangunkan, meiqomahkan din yang dikatakan al-Islam dinnu Allah. Bagaimana kita nak serapkan Islam itu agama Allah cara hidup dalam manusia, dalam kehidupan manusia, politik, mensiasahkan, mentadbir, mengurus dunia dengan agama. Tetapi penyakit-penyakit yang menghalang pengurusan khilafah ini ialah nifak. Nifak bergantung kait dengan harta benda dan pangkat kerana itu penyakit nifak boleh merosakkan di muka bumi bukan bolch membaiki. Itu yang pertama.

Yang kedua, kerana memang tabiat manusia suka mencari kemewahan. Kemewahan bukan boleh membela tapi memusnahkan. Apabila Allah Taala menyebut dalam surah *Al-Waqi'ah* tiga golongan di hari qiamat kelak termasuk *ashabussima* golongan kiri yang berada situasi panas dalam neraka. Kenapa ini berlaku, Allah Taala tunjuk sebab yang bermaksud: *Dulunya mereka ini mewah, bila mewah mereka suka melakukan dosa-dosa besar. Di antara perkara dosa-dosa besar ini melibatkan diri dalam perkara haram iaitu riba. Kerana itu dasar Kerajaan Negeri mengharankan riba. Ini jelas tetapi masalah kepada kita kenapa boleh berlaku operasi-operasi terutama sekali tentang perniagaan. Kepada sebuah negeri, kalau kita ini negeri Terengganu Malaysia boleh tidak jadi masalah tapi bila kita bawah Kerajaan Pusat maka adalah Kerajaan Puat mengaturkan program-program supaya menghalang pelaksanaan yang hendak dilakukan oleh negeri. Kemudian boleh dikatakan mengejar kemewahan ini dapat digambarkan dengan erti kata mengutamakan kehidupan dunia daripada akhirat. Sedangkan orang yang mendapat kecelakaan ialah seperti mana firman Allahutaala yang bermaksud: *Adapun orang yang melampaui batas, yakni melampaui daripada batas yang Allah Taala tetapkan, dan mengutamakan kehidupan dunia, sesungguhnya nerakalah tempat kediaman.**

Dua perkara ini melampaui batas dan mengutamakan kehidupan dunia adalah sebab kesusahan di hari akhirat kelak yang melibatkan masuknya neraka. Oleh itu Allah Taala menjelaskan dengan kita tidak mengikut hawa nafsu adalah sebab membolchkan seseorang itu masuk syurga di samping takut diadil oleh Allah s.w.t. melalui firmanNya yang bermaksud: *Adapun orang-orang yang takut makam Tuhannya dan mencegah diri daripada mengikut hawa nafsu, sesungguhnya syurgalah tempatnya.*

Bagaimana menyelesaikan masalah program yang berlaku dalam masyarakat, yang banyak sekali program, penyelesaiannya ialah pembinaan manusia, pembangunan manusia. Dan pembangunan manusia ini mempunyai empat peringkat yang telah sedia kala, yang telah dijelaskan oleh Allah kepada Nabi Ibrahim, kepada Muhammad s.a.w. sama, firman Allahutaala yang bermaksud: *Dia Allah menganugerahkan kepada orang yang heriman kerana membangkit di kalangan mereka seorang Rasul, yang Rasul bertugas, berperanan dengan empat peranan, sebagai seorang pendidik, membaca kepada orang heriman ayat-ayat Tuhan, supaya dengan bacaan tersebut orang beriman akan memahami asasnya tasawwuf Islam, kefahaman bahawa Islam ini mencakupi semua aspek bidang termasuk individu, keluarga, masyarakat dan kerajaan.*

Yang kedua peringkat selepas itu *mentazkirah* mereka itu dalam mereka hendaklah dibersihkan daripada sirik, daripada dosa dan sebagainya. Peringkat ketiga, mengajar mereka kitab Al-Quran yang dalamnya segala sistem-sistem, segala-galanya yang berkenaan manusia ada dalam Quran. Inilah peringkat *tahaquh* peringkat *takamud* mendalam sesuatu ilmu. Dan peringkat keempat,

mengajar *al-hikmah* kebijaksanaan. Kebijaksanaan sekali gus diletak kepada kepimpinan yang menerajui sesebuah negara ataupun negeri, *barangsiapa yang diberikan ilmu hikmah sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang baik.*

Empat peringkat ini, peringkat pertama tasawwuf Islam supaya rakyat umum memahami erti Islam kemudian bersama dengan kerajaan melaksanakan dasar-dasar Islam. Peringkat kedua, bagaimana melahirkan para *musabat* yang sudah faham untuk bekerja, peringkat penghayatan kepada para *amili*. Peringkat ketiga ialah peringkat, mengeluarkan *muqabat* yang akan menerajui sesebuah masyarakat. Dan peringkat keempat, bagaimana melahirkan kepimpinan, pemimpin yang dikata yang layak menjadi ahli syura, ahli mesyuarat. Sepatutnya kepimpinan Islam bermula Menteri Besar, Exco dan sebagainya adalah memahami dasar Islam dan gabungan dari profesional yang melaksanakan bagaimana operasi kerajaan ini, sepatutnya begitu kepada negeri-negeri yang lain daripada negeri yang telah disebutkan tadi. Oleh kerana itu

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Masa ada satu minit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Minta izin, minta beberapa minit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak boleh.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Oleh kerana itu saya amat menyokong Titah Di Raja ini dan kerajaan sedang melakukannya termasuk apa yang disebut melalui MAIDAM beberapa jawatankuasa pengembangan termasuk Jawatankuasa Pengamal Islam banyak menggunakan beberapa kaedah bagaimana mengembangkan Islam di seluruh pelosok masyarakat. Dan melalui pendidikan beberapa sekolah-sekolah agama bersepadu melalui dakwah iaitu bagaimana kita telah *mengup-gradekan* khutbah melalui baca khutbah berkutbah. Sebenarnya berkutbah itulah yang dibuat oleh Rasulullah s.a.w. baca khutbah itu orang yang lemah, yang tidak ada idea kita sediakan nota dan dibaca. Kita mahulah stail lama dan termasuk penggunaan yang dikatakan operasi UPI dan API. Dan yang terdekat ialah para mubaligh yang melalui setiap DUN bagi mengembangkan Islam secara yang sebenarnya.

Itulah sahaja Dato' Yang Dipertua, wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, saya beri peluang kepada pihak pembangkang. Silakan Ajil.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, adik-adik para pemerhati, tuan-tuan rakan-rakan yang dihormati sekalian. Pertama sekali marilah kita melahirkan rasa syukur setinggi-tingginya dan terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua Dewan kerana memberi ruang, peluang dan kesempatan kepada saya untuk membahas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan sempena Mesyuarat Yang

Pertama Penggal Persidangan Yang Kelima Dewan Undangan Negeri Terengganu Kespuluh, iaitu kelmarin.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dalam masa yang terbatas dan terhad ini saya cuba ingin pergi secara sepintas lalu beberapa perkara yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan iaitu berkaitan dengan sumber alam dan sumber semula jadi. Antara lain titah Tuanku pada hari kelmarin ialah "*selain daripada itu hala cara pembangunan yang menyebabkan sumber asli perlu diuruskan dengan mengambil kira manfaat,*" saya ulang lagi sekali "*dengan mengambil kira manfaat yang akan diperolehi oleh rakyat setempat. Justeru itu, setiap program dan projek pembangunan akan memulihara sumber asli juga alam sekitar, insya Allah.*" Jadi ini harapan yang dituahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan untuk kita, untuk pihak Kerajaan Negeri menguruskan sumber alam dengan cara yang berhemah, cara yang bijaksana dan cara yang cukup baik. Kerana apa yang kita perhatikan selama lebih kurang tiga tahun lima bulan pemerintahan Kerajaan Negeri PAS di dalam negeri Terengganu Darul Iman kita dapati masalah yang sering timbulkan ialah berkaitan dengan perhutanan. Yang mana beberapa kampung di sekitar Hulu Terengganu yang mendapat sumber air bersih daripada tadahan ataupun air kesihatan, yang ditakung di atas bukit-bukit, hari ini mereka telah tidak dapat menggunakan lagi air-air tersebut kerana air-air tersebut telah keruh, air tersebut telahpun menjadi kotor akibat sistem pembalakan, tender-tender balak ataupun kawasan-kawasan balak yang dibuka dengan begitu luas. Ini suatu perkara yang saya rasa cukup tidak adil kepada rakyat atau dengan kata lain, kezaliman kepada rakyat. Ada yang mengadu kepada saya mengatakan bila mereka buka paip saja keluar daun kakong, keluar batang kakong kerana kongsi balak yang ada, yang dibuat tanpa mengambil kira tempat tadahan ataupun tempat takungan air, yang mana kongsi balak tersebut berada di atas kawasan tadahan tersebut. Diharap pihak kerajaan mengambil berat akan hal tersebut kerana ini akan menganiaya rakyat.

Selain daripada itu Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ada dengar cerita, cerita berkaitan dengan masalah balak juga. Yang mana di sekitar Hulu Terengganu lebih daripada 45 kawasan balak yang tidak ditender dan saya ingin memetik kata-kata tulisan yang tertera dalam Manifesto PAS 1999 iaitu Perkara 11 berkaitan dengan perhutanan dan juga perkayuan. 11.1. Yang Dipertua dengan izin, saya baca Manifesto ini - *Mengawal pembalakan dan memulihara hutan dan memastikan kawasan tadahan hujan dan alam sekitar terjaga.* Yang kedua, 11.2. - *Menurunkan harga kayu bagi pasaran tempatan dan mengadakan dasar eksport terpilih dalam menumpukan industri hiliran perkayuan iaitu barangan kayu siap.* Yang ketiga, *mengumalkan sistem tender terbuka dalam pemberian kawasan balak dan* 11.4. *Lesen pembalakan akan disemak dan industri perkayuan disusun semula bagi mengawal pembaziran, menjaga pengeluaran produk bermutu dan memberi pulangan yang tinggi.*

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Minta laluan, Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO` YANG DIPERTUA: Wakil Ajil, Paka minta laluan?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya masa terhad, Yang Dipertua.

21 APRIL 2003

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak bagi, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Nak juga, ambillah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sebab nak tanya ni saja... terima kasih Wakil Ajil. Sebagaimana yang telah dijelaskan, saya menyokong pandangan ucapan ADUN Wakil Ajil atas manifesto PAS yang telah banyak mengurangkan pembalakan. Sebagaimana yang sedia maklum, sejak 1995 hingga 1999 dan berbanding Kerajaan Barisan Alternatif 2000, 2001 dan 2002, angkanya cukup jelas. Saya ambil perbandingan tahun 1998, 24,090.30 hektar pembalakan dilakukan di zaman pemerintahan UMNO, hak yang paling tinggi sekali zaman PAS memerintah iaitu tahun 2000, 8,127 hektar berbanding tahun 1998, 24,000.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalnya Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Jadi hak air keruh ni hak dulu ni, banyak sangat pembalakan zaman dulu.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Yang Dipertua. Kalau tidak tahu tidak usah bercakap mengganggu saya, Yang Dipertua. Saya cakap ni hak tender baru ni ada di tangan saya ni 45 kawasan. Dan persoalannya yang pertama air keruh tadi, persoalan yang kedua yang dinyatakan dalam manifesto mengamalkan sistem tender terbuka dalam pemberian kawasan balak. Keempat puluh lima kawasan, ni Hulu Terengganu saja tidak ada satu pun, saya ulangi lagi sekali, tidak ada satu pun yang ditender semuanya dianugerahkan. Dan saya dapati di sini ramai yang dapat ni adalah Pengerusi-Pengerusi JSR terutama dalam kawasan saya. Mungkin ni umpan untuk nak perubah saya pilihan raya akan datang, wallahaualam. Tapi pengalaman kita, bermain balak ni boleh bala, Yang Dipertua.

Yang Berhormat Yang Dipertua, oleh hal yang demikian apa yang ingin kita nyatakan di sini

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Ada pengalaman dah ... penjelasan Dato' Yang Dipertua. Ada pengalaman hal balak.?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Apa yang ingin kita nyatakan di sini ... Yang Dipertua, saya dok beri laluan. Ingin saya perjelaskan di sini ialah kewibawaan dan kesungguhan pihak kerajaan yang melaung-laungkan slogan *Membangun Menurut Islam*. Kerana apa yang kita perhatikan pembalakan ramai yang datang bertemu dengan saya mengatakan bahawa janji yang diberi, saya dengar cerita, tak nak percaya nak percaya ni cerita. Cerita yang dimaklumkan kepada saya mereka yang dapat kawasan balak ni diberi janji 70/30, 70 kepada PAS atau Kerajaan Negeri, 30 kepada tuan punya lesen. Dan dia mengadu kepada saya, dia kata dia tidak puas hati. Kawasan seorang hamba Allah di Hulu Dungun, memaklum kepada saya kawasan yang diberi kepada dia lebih kurang 500 hektar di sekitar Kuala Jengai dan dijual tanpa pengetahuan dia dengan harga RM1.2 juta. Dan dimaklumkan kepadanya untuk dibagi dua 50/50 kerana *anta banyak sokong parti maka kita bagi 50/50*. Tapi malangnya Yang Dipertua, aduan diterima kepada saya, dia jumpa saya nak khabar bahawa dia kata yang dapatnya 30 pun tidak

21 APRIL 2003

dapat, kalau RM1.2 juta dibahagi 50/50 akan dapat RM600,000 seorang tapi dia bersumpah depan saya dia cuma dapat RM160,000 sahaja. Kemudian bayaran yang kedua dia dapat RM80,000 dia masuk dalam akaun dengan nama bersama. Oleh kerana dia ni mungkin ada masalah tidak pandai baca, tidak pandai menulis maka akaun bersama tersebut Yang Dipertua, ditipu juga RM80,000, akaun bersama tapi sains seorang, RM80,000 tu lepas juga. Saya harian orang yang berserban, berjubah pun ambil juga pitis begini, Yang Dipertua.

Ini persoalan yang boleh memimbulkan suasana keharuan, suasana kecelaruan siapa yang sebenarnya beriman dan siapa sebenarnya yang berlakon beriman. Kerana kita yakin suasana sekarang untuk nak nampak seseorang itu beriman tidak susah, beli kupiah, beli serban, berjubah nampaklah ia beriman. Nabi ada berpesan yang bermaksud: *Allah tidak pandang kepada luaran, Allah tidak pandang kepada harta benda tapi Allah pandang kepada hati dan juga amalan.* Ini yang mengelirukan kita, Yang Berhormat Yang Dipertua. Ini sesuatu yang berlaku, saya rasa tidak sepatutnya berlaku di dalam sebuah kerajaan yang berslogankan *Membangun Menurut Islam.*

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya difahamkan juga, saya dengar-dengar cerita, tak nak percaya nak percaya, nak percaya macam rasa tidak betul juga. Dikatakan ada seorang hamba Allah bawa pitis satu juta ringgit Malaysia, bukan satu juta rupiah, bukan satu juta bhat, satu juta ringgit Malaysia. Dia kata sebelum dia bawa kepada seorang politik negeri Terengganu ni, dia timbang dulu duit tersebut dan berat duit satu juta ni baru saya tahu Yang Dipertua, berat duit satu juta ni RM10 campur RM100, 16 kilo duit satu juta letak dalam supik plastik nak diberi kepada Exco. Nak kata dok percaya pun, rasa-rasa betul tak nak percaya pun mungkin benda ini betul. Jadi ini persoalan, kadang-kadang saya cuba kaitkan keadaan ini bagaimana iblis menipu Adam dan Siti Hawa. Dia menipu dengan berpakaian alim bukan pakai

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Yang Dipertua, pohon laluan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): ... tapi menipu Siti Hawa dan Nabi Adam dengan pakaian alim. Jadi 16 kilo yang diberi ini bernilai satu juta ...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, Kampung Raja minta laluan?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Beri ... beri

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Adakah Dewan ini tempat cerita seribu satu malam ke ataupun tempat mengeluarkan kenyataan. Jadi minta buktilah dan Exco mana yang diberikan?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Yang Dipertua. Saya dengar cerita, nak kata dok betul mungkin betul. Nak kata dok betul, mungkin betul. Jadi saya dengar cerita, cuma siasatlah Hisbah ada, semua ada. Dan kita tidak sangka benda ni boleh berlaku

21 APRIL 2003

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Penjelasan Yang Dipertua. Berita dalam Al-Haq takut dok?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): tapi bila kita kaitkan fakta sejarah bagaimana penipuan yang dilakukan oleh iblis maka tak mustahil benda berlaku. Yang BERTHORMAT Yang Dipertua. Jadi ini keadaan yang berlaku yang mana keadaan, suasana yang bawa pitis satu juta. Itu satu kes.

Yang kedua bawa pitis RM30,000 pun saya dengar cerita juga. RM30,000 bawa cek, oleh kerana cek RM30,000 ni nak pergi ke bank kena penerima tu sains dulu dia tidak nak nampak nama dia di bank sains, jadi dia pun minta tukar dan beri pula dalam bentuk *cash*. Dan dalam bentuk *cash* ini pula Yang BERTHORMAT Yang Dipertua,

YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Minta laluan sedikit. Cukuplah satu orang pembongong menceritakan apa yang semua dia dengar.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya tak nak layan, Yang Dipertua, masa saya terhad.

YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Pembongong itu ialah menceritakan apa yang semua dia dengar. Itu pembongong namanya.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dok tahu bohong dok bohong tetapi saya dengar cerita. Jadi RM30,000 ini

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Penjelasan, Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): hamba Allah tersebut minta lebih.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Yang Dipertua, penjelasan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Air Putih minta laluan? Dia tak beri Yang BERTHORMAT.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): minta lebih untuk nak membuktikan bahawa kepada tauke dia bahawa dia telah derma sebanyak RM30,000. Tapi kata hamba Allah yang menerima duit tersebut, dia kata, dok kan ehsan derma ke orang miskin minta duit juga ... minta resit juga. Jadi melaburlah ... habislah terbang RM30,000. Jadi itu cerita-cerita yang saya dengar, Yang Dipertua. Betul tak betul, kena ada satu siasatan kerana apa yang berlaku

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua, penjelasan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): pemberian kawasan-kawasan balak ini yang diusahakan oleh mereka-mereka banyak daripada luar Terengganu...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Air Putih minta laluan?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): yang dahulu diberi janji untuk nak menjalankan projek-projek pembangunan dan balak-balak ini secara yang berhemah, dengan cara yang cukup wibawa hari ini saya nampak tidak ada satu pun yang berlaku.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Penjelasan. Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Ajil, Air Putih minta laluan?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sila, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Saya pun ada dengar cerita juga. Yang Dipertua, orang yang pergi tu kata khabarnya dia bagi kepada Wakil Ajil. Saya pun ada dengar cerita juga.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Betul Yang Dipertua, saya ada terima 1,000 ekar Exco balak beri saya kawasan bukit di Kuala Jengai. Yang Dipertua, Bagus Exco balak PAS ni beri Wakil Ajil dan hak tanya tu banyak juga dapat. Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Saya pun sama juga dengar cerita.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Alhamdulillah, bersyukur marilah kita bersyukur dengan rezeki

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Pasal tu dia pergi dekat Wakil Ajil, hak sejuta tadi dengan hak RM30,000 tadi pasal tu dia jumpa Wakil Ajil.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih dengan pandangan yang diberi. Oleh yang demikian Yang Berhormat Yang Dipertua, maka kita sebagai orang yang telah diberi amanah untuk menjaga alam flora dan fauna, untuk menjaga kestabilan alam agar tidak dirosakkan oleh tangan-tangan sebagaimana firman Allah yang memberi peringatan kepada kita tanpa mengira agama, bangsa, fahaman politik dan sebagainya agar dapat mengurus alam dengan secara yang terbaik agar keseimbangan alam, kemudahan atau suasana flora dan fauna tidak akan dapat dirosakkan oleh mereka-mereka yang rakus. Kerana kita yakin ada cuma dua tiga orang saja tauke-tauke balak, dua tiga orang saja tauke-tauke balak dan yang paling kaya

21 APRIL 2003

saya difahamkan, yang paling banyak dapat kawasan ialah seorang bukan Melayu daripada Wakaf Tapai. Yang dapat banyak kawasan-kawasan tersebut untuk diusahakan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Ajil, saya berhasrat untuk tangguhkan Dewan ini setakat hari ini dan saya akan beri masa kepada Yang Berhormat esok 10 minit

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sambung esok Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Besok 10 minit lagi saya akan beri kepada Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih banyak, Yang Dipertua. Sekian, saya sambung besok, wabillahi taufik wahidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga hari esok, Selasa, 22 haribulan empat jam 9.30 pagi dengan sama-sama kita membaca *tasbih khafarah* dan *surahtul Ashr*'.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.30 PETANG.

**PERSIDANGAN
PADA HARI SELASA, 22 APRIL, 2003**

Hari Selasa,
22 April, 2003

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 90]
2. Soalan-soalan Lisan [Muka 94]
3. Usul Yang Telah Diberi Notis
Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Di Raja [Muka 116]
[sambungan perbahasan]

[Bersambung]

22 APRIL 2003

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

H A D I R

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Haji Husain bin Awang, DPMT.,JP.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Dato' Haji Mustafa bin Ali, DPMT.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Dato' Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong, DPMT.
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Chik, SMT.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tun Dato' Haji Mohd Salleh bin Abas,
SSM.,PMN.,SPMT..
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Haji Yahya bin Ali, PJC.
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah, PJC.
WAKIL TEPUH

Yang Berhormat Haji Awang bin Jusoh, JP.,PJK.
WAKIL CUKAI

22 APRIL 2003

Yang Berhormat Encik Wan Hassan bin Mohd Ramli. PJC.
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Ismail bin Haji Mamat. PJK
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Nik Muhammad Zawawi bin Salleh. PJK
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Abdullah bin Mat Dan. PJK.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Dr Haji Mamad bin Puteh. PJK
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Haji Azman Shapawi bin Abdul Rani. PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Dr Haji Sulaiman bin Abdullah. PJK
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Haji Mohamad bin Hitam. PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Encik Shaharizukirmain bin Abd. Kadir.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak.
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Ismail bin Harun. PJK.
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Hassan bin Mohd Salleh.
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Haji Abdul Aziz bin Haji Abas.
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Haji Mehamad bin Sulong.
WAKIL KIJAL.

22 APRIL 2003

Yang Berhormat Haji Roslan bin Haji Ismail,
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Encik Rozali bin Muhammad,
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Encik Md. Azmi bin Lop Yusof,
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,
SPMT..DSMT..PJM..JSM..PJC..PPN..PJK.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang,
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali,
DPMT..AMT..AMN..PJK.
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Encik Rosol bin Wahid, PJK.
WAKIL AJIL

22 APRIL 2003

**HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Y.M. Dato' Ku Abd. Azah bin Syed Alwee.

DSMT..DPMT..PJC..PJK..BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Encik Ahmad Kamal bin Md. Shahid

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Ibrahim a Mat Nor bin A. Rahman.

DPMT..ASM..PJC..PJK..BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Wan Mohd Rubi bin Wan Jusoh. SMT.. PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Dato'-Dato', para hadirin sekalian, Dewan disambung dengan sama-sama membaca umul Quran – Al-Fatihah.

Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini dimulakan dengan Soalan-soalan Lisan. Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Kemasik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan. Soalan saya yang pertama –

Sila jelaskan hasil lawatan Jawatankuasa Khas yang diketuai oleh Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Dakwah dan Pelaksanaan Syariah Negeri mengenai pelaksanaan Hudud ke Negara Timur Tengah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, seterusnya Ketua Jabatan dan para pemerhati sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

Untuk maklumat Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan juga Ahli-ahli Dewan sekalian, wakil daripada Kemasik mengemukakan soalan pertamanya yang berbunyi – Sila jelaskan hasil lawatan Jawatankuasa Khas yang diketuai oleh Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Dakwah dan Pelaksanaan Syariah Negeri mengenai pelaksanaan Hudud ke Negara Timur Tengah.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagai ringkasnya bahawa lawatan ini adalah dibuat untuk meyakinkan terutama kepada para pegawai yang terlibat secara langsung kepada pelaksanaan Undang-undang Islam di dalam negeri Terengganu ini, terutama sekali di dalam perkara Hudud dan Qisas. Maka orang yang paling rapat atau orang yang paling terlibat dalam perkara ini ialah dua orang, iaitu Ketua Hakim Syarie dan Ketua Pendakwa Mahkamah Syariah. Maka dengan lawatan ini kedua-dua orang pegawai yang kita bawa amat yakin bahawa yang dikatakan pelaksanaan Undang-undang Islam, Hudud dan Qisas dan lain-lainnya itu benar-benar berlaku dalam dunia hari ini. Jadi dari sudut itu hasilnya kita rasa kita berjaya.

Selain daripada itu kita juga dapat meninjau perkara-perkara lain sampingan yang kita kira bermanfaat juga bagi kita untuk melaksanakan syariat di negeri Terengganu. Kita sempat melawat Sudan dan Nigeria, sebab masa di Nigeria perang dah berlaku jadi pada masa itu ke negara-negara kita tangguhkan. Dua negara ini berbeza, Sudan ialah Kerajaan Persekutuannya telahpun menetapkan ataupun telah mengubah dan meminda Perlembagaannya semenjak tahun 1983 lagi menjadi satu Perlembagaan Islam dan undang-undang berjalan dan kuat kuasa di negara itu semuanya Islam, sama ada Hudud, Qisas dan lain-lain. Adapun di Nigeria, Nigeria sebuah negara yang berbentuk *federal* juga yang mana Presidennya beragama Kristian, rakyatnya adalah lebih

kurang 115 juta, majoriti orang Islamnya sebanyak 12 wilayah saja. Namun begitu Kerajaan Perskesutuan mengizinkan mana-mana negeri yang dikuasai oleh orang Islam untuk melaksanakan undang-undang Islam dan memberi kedudukan taraf para hakim sama dengan hakim-hakim Mahkamah Sivil.

Yang keduanya juga ialah dari sudut penguatkuasaan undang-undang syariah itu kepada rakyat mereka, sebagaimana dalam negara Sudan juga rakyat atau warganegaranya terdiri daripada berbagai agama, yang besarnya ialah agama Islam dan agama Kristian. Begitu juga di Nigeria khususnya Kano yang tempat kami pergi, rakyatnya terdiri daripada orang Islam dan bukan Islam maka undang-undang itu berkuatkuasa ke atas orang-orang Islam. Dan kepada orang bukan Islam berkuatkuasa secara *mutadis mutandis*. Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Sila jelaskan berapakah kos lawatan tersebut?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Awal ... setakat ini lebih kurang RM100,000, belum sampai RM100,000.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Soalan tambahan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Betulkah di dalam rombongan tersebut terdapat dua orang wakil rakyat daripada Kelantan yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan, Exco Negeri Kelantan mengikut serta dalam program ini ialah seramai satu orang saja. Mereka belanja sendiri, kita tak tanggung belanja dia. Sekian.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan, Yang Dipertua. Saya ingat soalan ini sama dengan soalan yang saya kemukakan di dalam soal ini, kemudian saya nak fahamkan apakah perbezaan di antara undang-undang Syariah yang dijalankan di Nigeria dan juga Sudan dengan undang-undang Syariah yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu pada sesi yang lepas. Adakah sama yang kita luluskan ataupun sama dengan Kerajaan Pusat yang dikatakan negara Islam yang dijalankan sekarang ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, saya minta maaf tadi saya tidak istiharkan, sebenarnya soalan serupa datang daripada Wakil Bukit Tunggal iaitu soalan nombor dua muka surat 4. Dan juga soalan daripada Wakil Ladang, soalan serupa jadi saya jawab sekali gus dah tadi.

Jadi balik kepada soalan tambahan mengenai perbezaan, saya ada bawa balik undang-undang dia, keseluruhan Undang-undang Hudud dan Qisas yang dibawa di sini iaitu ada, Hududnya ada lima dibawa zina, syuruk, syariqak, irafak dan qazak, dan satu lagi Qisas macam kita buat jugalah. Begitu juga dengan penguatkuasaan ini terhadap orang bukan Islam secara *mutadis mutandis* macam kita buat jugalah. Saya ingat saya nak kekallah dan laporan awal telah kita buat kepada

pihak Setiausaha Kerajaan Negeri dan insya Allah secara lengkapnya kita akan maklumkan kemudian. Tapi tidak timbul pula bila buat serupa tu dia kata "awak tiru saya ke?" Dia pun tak tanya saya, jadi saya pun kata kalau dia tanya saya "awak tiru saya?" saya tanya "ke awak tiru saya?" tak dok timbul perkara tu. Rupanya Islam ni sama di Nigeria, di Malaysia sama, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan. Jadi nampaknya yang dok sama hak UMNO yang dok samanya. Cuma sekali lagi yang saya nak tanya

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Hak UMNO mana ada, tak dok Hudud hak UMNO.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Oh! tak dok lagi ingat ke ada doh silap sayalah. Soalan tambahan saya satu lagi, ada perbezaan masalah sosial ataupun jenayah di negeri yang diperintah oleh Islam dengan yang tidak diperintah secara Islam?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang banyak beza terutama sekali dari keselamatan, keamanan dan sebagainya. Kemudian dari sudut sosialnya memang baguslah ... kalau Nigeria ni ada satu perkara istimewa lagi saya dok cerita tadi, iaitu kalau orang lelaki Nigeria di Kano khususnya kalau kita tanya dia "awak sudah kahwin?", dia kata sudah kahwin. Tapi kalau kita tanya dia "berapa awak punya isteri?" kalau seorang dia senyap saja, kalau lebih baru dia senyum jawab "saya ada dua atau tiga." Tapi kalau seorang dia malas nak cerita, pasal apa itu saya tidak tahu.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tadi dijelaskan oleh pihak kerajaan bahawa lawatan ini adalah untuk meyakinkan pihak pegawai yang terlibat dengan Undang-undang Syariat di negeri Terengganu. Apakah kedua-dua pegawai ini belum yakin dengan Hudud?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebelum ini bukan dia tak yakin dengan Hudud dan Qisas, dia yakin tapi masalahnya Hudud dan Qisas ni orang cerita berjalan zaman Rasulullah dulu. Jadi kalau kita kata di Nigeria jalan, di Sudan jalan, dia kata "ya ke?" Soalan tu kalau dok terbit dari mulut pun terbit dari hati dia. Jadi bila mereka tengok sendiri, mereka berjumpa dengan pihak berkewajipan dan melihat bagaimana pelaksanaannya, mereka sangat gembira dan balik dengan senyum walaupun dalam suasana perang pada masa itu, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat,

22 APRIL 2003

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Satu penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Soalan tambahan ... satu penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan lagi?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan saja. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa bukan undang-undang UMNO, undang-undang UMNO tak ada. Apakah undang-undang yang dibawa ini undang-undang PAS.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tanya pula dah jadi tadi tanya hak UMNO buat. Kita buat ni orang duduk riuh, dia kata undang-undang Hudud PAS dalam Malaysia ni bising sekali. Jadi maknanya kebetulan pula wakil daripada sebelah sana tanya, hak kita serupa dengan hak sana atau tidak, kita jawab kebetulan serupa banyak. Habis tu hak UMNO macam mana, mana ada lagi, Hudud UMNO tak dok lagi. Kita ni khabar Hudud dan Qisas ni dalam Islam tapi orang gelar Hudud PAS sebabnya diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri yang dikuasai oleh parti PAS.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan dah berakhir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua –

Apakah reaksi Kerajaan Negeri Terengganu terhadap cadangan jajaran baru Projek Lebuh raya Pantai Timur (LPT) yang dikemukakan oleh Kementerian Kerja Raya dan adakah Kerajaan Negeri masih berminat dengan projek tersebut.

YANG BERHORMAT HAJI YAHYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor dua daripada Wakil Kemasik berbunyi – Apakah reaksi Kerajaan Negeri Terengganu terhadap cadangan jajaran baru Projek Lebuh raya Pantai Timur (LPT) yang dikemukakan oleh Kementerian Kerja Raya dan adakah Kerajaan Negeri masih berminat dengan projek tersebut.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri sejak daripada dulu sentiasa konsisten, mengambil sikap terbuka dan berusaha bagi menjayakan mana-mana projek yang berkaitan dengan kepentingan rakyat dan juga orang ramai. Maka oleh kerana itu soal adakah Kerajaan Negeri tidak berminat terhadap LPT ini tidak berbangkit sama sekali.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya kemukakan soalan ini disebabkan Kerajaan Negeri telahpun menandatangani satu perjanjian dengan Syarikat Diamond Link untuk melaksanakan lebuhraya yang dimaksudkan ini. Sedangkan dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengatakan bahawa pihak bertanggungjawab mempercepatkan pembinaan lebuhraya ini. Jadi ini menimbulkan kekeliruan, sila jelaskan perkara ini.

YANG BERHORMAT HAJI YAHYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingat tidak ada apa-apa kekeliruan. Apa yang dirancang oleh Kerajaan Negeri berhubung dengan kedua-dua projek ini, insya Allah kita akan laksanakan. Kerajaan akan meneliti kedua-dua cadangan ini dan insya Allah kita akan mengambil yang terbaik. Jadi saya ingat tidak berbangkitlah.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam Titah Ucapan Tuanku tidak disebut pun berkenaan dengan *motorway* yang dirancang oleh pihak Kerajaan Negeri. Adakah pihak Kerajaan Negeri tidak memaklumkan hal tersebut kepada Tuanku?

YANG BERHORMAT HAJI YAHYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Tak berbangkit Dato' Yang Dipertua, ini amalan biasa tiap kali mesyuarat Exco, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tuan Guru Menteri Besar akan memaklumkan kepada Tuanku berhubung dengan perkembangan-perkembangan yang berlaku dalam pentadbiran kerajaan. Tinggal lagi saya suka nak menyebutkan di sini, projek Lebuhraya Pantai Timur ni sebenarnya projek lama yang mana Kerajaan Negeri, sebagaimana yang dah saya jelaskan berkali-kali dalam Dewan ini, menaruh harapan yang tinggi supaya projek ini diteruskan. Kita telah mengadakan kunjungan hormat, lawatan ke Kementerian Kerja Raya berjumpa sendiri dengan Menteri. Dan kita dijanjikan projek ini akan dilaksanakan secara serentak, satu bermula daripada Karak ke Kuantan dan satu lagi bermula daripada Jabor ke Cendering. Itu taklimat rasmi di hadapan pegawai-pegawai tinggi kerajaan akan dilaksanakan secara serentak.

Sebagaimana yang saya jelaskan sebelum daripada ini bahawa malangnya dengan kesungguhan kerajaan datang berbincang, hampir dua tahun sehinggalah beberapa bulan ke belakang ini apabila Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengadakan projek lebuhraya ini ... saya tidak tahu mungkin mereka merasakan ini akan memberikan satu keuntungan politik kepada Kerajaan Negeri yang mahu membina sendiri, baru dua tiga bulan ini Kerajaan Pusat aktif semula. Saya ada berjumpa jugalah sebab di kalangan pegawai-pegawai ini kawan-kawan kita juga, mereka mengatakan mereka pening kepala, masa Kerajaan Negeri bersungguh-sungguh meminta projek ini diteruskan mereka peram lebih kurang dua tahun. Apabila Kerajaan Negeri bercakap nak buat *motorway* baru dia sibuk, yang jadi mangsanya kami dia kata. Itu masalah.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi disebut oleh pihak kerajaan bahawa antara *motorway* dan LPT ini akan dipilih mana yang lebih baik dan disebut berkali-kali dalam Titah Tuanku supaya disegerakan pembinaan dan penyediaan LPT ini adakah LPT lebih baik? Dan apakah masalah sebenarnya yang dihadapi, setakat ini antara rundingan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat?

YANG BERTHORMAT HAJI YAHYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Masalah yang ada sekarang ialah apabila projek LPT ini diaktifkan balik, pihak Kementerian mengemukakan satu cadangan baru, yang melibatkan suatu *aliament* baru di mana sudah tentulah ... kalau Kerajaan Negeri boleh bersabar dua tahun tunggu untuk diteruskan projek ini, takkan Kerajaan Negeri tak boleh diberi peluang untuk membuat satu kajian secara teliti. Sepatutnya secara profesional, pihak Kementerian sebelum dia mengemukakan satu cadangan baru daripada Jabor ... sekarang ni berakhir ke Sungai Tong yang melibatkan satu *aliament* ataupun satu jajaran yang berlainan sama sekali dengan cadangan asal. Jadi oleh kerana itu Kerajaan Negeri merasa sangat dukacita, kalaulah *aliament* atau jajaran yang dikemukakan itu dirunding dulu, diajak berbincang sebab Kerajaan Negeri pun taklah koman sangat, kita ramai tenaga-tenaga profesional untuk melihat dari segi *viability*, dari segi *prospect* projek ini. Tapi apabila tidak diajak berunding daripada awal, tentulah kita memerlukan satu kajian yang munasabah supaya apa-apa keputusan yang kita buat nanti merupakan satu keputusan yang dibuat secara profesional.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD (@) ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apakah

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan lagi, Yang Berhormat dah tiga dah?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD (@) ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Tak boleh minta penjelasan?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup dah, sama saja penjelasan dan soalan tambahan sama. Soalan ketiga.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD (@) ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Soalan ketiga, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua –

Sila kemukakan bukti mengenai dakwaan Kerajaan Negeri bahawa Kerajaan Pusat menghalang kemasukan Pelabur ke Negeri Terengganu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan Wakil Kemasik berbunyi – Sila kemukakan bukti mengenai dakwaan Kerajaan Negeri bahawa Kerajaan Pusat menghalang kemasukan Pelabur ke Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini suka saya menjelaskan memang terdapat kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan Pusat, oleh pemimpin-pemimpin UMNO yang memberikan gambaran yang tidak baik kepada negeri Terengganu yang boleh menjejaskan tanggapan sikap pelabur-pelabur dan pelabur asing untuk datang ke Terengganu. Salah satu daripada kenyataan-kenyataan yang dibuat, sebagai satu contoh apabila kita mengambil alih kerajaan awal bulan Disember, satu kenyataan yang dibuat oleh Menteri yang menjaga MITI, kenyataan dalam NST (The New Straits Times) 18 Disember 1999, oleh Menteri yang berkenaan dan boleh rujuk kepada NST ini, saya sebut sedikit ni oleh

kerana seluruh dalam Bahasa Inggeris sebenarnya. Sebab ini dia bercakap kepada pelabur yang sebahagian besarnya pelabur asing apabila beliau membuka satu majlis yang dianjurkan di Pulau Pinang. Saya sebut begini saja cuma lebih kurangnya '*Terengganu mungkin boleh kehilangan daya tarikan sebagai tempat pelaburan yang dipilih.*' 18 Disember kenyataan ini keluar yang kita kerajaan belum sampai sebulan, yang memberikan satu gambaran yang sangat tidak baik oleh seorang pemimpin Kerajaan Pusat. Dia menyatakan lagi lebih kurang maknanya '*berdasarkan pengalaman Kelantan tak boleh nak diramalkan apa yang akan berlaku, tak ada kestabilan,*' kita baru tak sampai sebulan, belum lagi buat kerjapun kenyataan seperti ini. Jadi akhir dia sebut, pelabur-pelabur daripada Eropah, USA, Jepun, Taiwan walaupun tak suka kepada negeri-negeri yang diperintah oleh pembangkang masih ada negeri-negeri yang lain. Negeri-negeri itu disebut, Penang, Perak dan Johor. Kenyataan-kenyataan yang seperti ini satu kenyataan yang *demaging* kepada negeri yang baru saja perintah, tak tahu apa lagi tetapi sudah ada suatu prejudis yang seperti ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mengharapkan wakil pembangkang boleh rujuk kepada kenyataan ini bagaimana satu sikap yang seperti ini. Kemudian ada pelabur-pelabur yang datang selepas itu, kita jumpa adalah orang-orang besar yang berasal daripada negeri Terengganu, asalnya orang politik, tanya macam mana kalau nak melabur di Terengganu. Kalau boleh dia kata, tak usah pergi ke Terengganulah negeri lain kan banyak lagi. Ini cara-cara yang telah dibuat. Jadi inilah satu perkara, satu gambaran yang sebenarnya sangat tidak, nak kata patriotik pun, boleh gunakan perkataan itu. Tapi mungkin orang bertanya macam mana walaupun dalam keadaan yang seperti itu, Terengganu masih lagi dapat menarik pelaburan. Oleh kerana adanya suatu tindakan yang seperti itu Terengganu terpaksa kena kerja kuat, Kerajaan Terengganu kena kerja kuat untuk mendapatkan pelaburan-pelaburan termasuk demostik dan juga pelaburan asing. Dan hampir seluruh Ahli-ahli Exco yang diketuai oleh Menteri Besarnya, boleh dikatakan semua terlibat dengan pelaburan ini. Kecuali kalau tak terlibat pun saya boleh sebut dua barangkali, iaitu Yang Berhormat yang jaga Hal Ehwal Antara Kaum dan Wanita kalau dia nak cari pelabur pun pelabur jenis lain bukan jenis ni. Yang seorang lagi Hisbah, dia tak *direct* dengan pelaburan tapi tak terlepas juga kalau ada kes-kes yang perlu dibuat. Jadi sebab itu seluruh Exco ini, Exco Dakwah walaupun bunyi Dakwah tapi terlibat dengan pelaburan, soal *plantation* dan sebagainya. Exco Kerajaan Tempatan oleh kerana jaga perumahan, inipun ada pelaburan. Usahawan, Wakil Mempelam pun, Pertanian pun, semua sekali terlibat dan kita bekerja sebagai satu team dengan UPEN sebagai ko-ordinator bagi setiap projek.

Alhamdulillah, apa yang telah kita lakukan itu walaupun pembangkang kadang-kadang selalu sebut kenapa misi perdagangan buat pada negeri ni, negeri ni, itulah nak menghadapi kerja-kerja negatif yang dilakukan oleh pemimpin-peimpin UMNO dan pemimpin-pemimpin Kerajaan Pusat.

Yang terakhir kalau boleh saya sebut, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Baru-baru ni pelaburan seperti pelaburan yang dibuat oleh ... yang jaga usahawan dan pertanian, pergi melawat Medan, satu perkara yang kerajaan dulu tak buat, tak terfikir pun sebab dia tak kreatif tapi Exco-Exco kita ni kreatif, barangkali saya bagi tahu orang tak percaya, pergi nak *check* burung layang. Bagaimana satu industri burung layang-layang dan insya Allah perkara ini sedang kita kaji bagaimana perkara ini boleh kita manfaat. Sampai begitu daya kreativiti yang dibuat oleh Exco. Alhamdulillah kita mampu menghadapi keadaan-keadaan yang seperti itu. Walau macam manapun

akhir-akhir ini kenyataan-kenyataan yang seperti itu dia mula sudah kurang dan akhirnya tak ada lagilah kenyataan-kenyataan yang terbuka setelah kami sendiri pun mengambil langkah-langkah secara senyap-senyap walaupun kita tak kecam dia kata, "kenapa you duduk buat kenyataan-kenyataan yang macam ni, kenyataan ni tak baik." Dan Yang Berhormat kita pun mewakili Kerajaan Negeri menyertai rombongan yang dibuat oleh MITI. Jadi boleh *defusekan* dia punya kenyataan-kenyataan yang seperti itu. Jadi Alhamdulillah, walaupun ada kenyataan yang seperti itu, perbuatan seperti itu kita telah berjaya mengatasi keadaan ini dengan kesungguhan yang ada pada kita, kepimpinan Kerajaan Negeri dan dengan sokongan kuat dan padu daripada UPEN, pegawai-pegawainya yang bekerja sebagai *team*, dari segi teknikalnya merekalah yang buat kerja ini, insya Allah. Terima kasih kepada semua mereka ini. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa tidak ada sekatan yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau dok faham lagi gok saya dok tahu macam mana nak beri faham ke Wakil Kemasik ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Duduklah dulu, saya duduk bercakap ni ... saya dok habis lagi. Tak dok orang yang kata akan buat satu surat 'jangan masuk ke negeri Terengganu,' tok dok orang buat begitu. Pencuri yang mencuri pun dia tak dok lepas dia mencuri dia letak, ni baucar dia hak barang-barang yang dia curi barangkali, tak dok orang buat macam tu. Tapi dia buat senyap-senyap, inilah maksud daripada menghalang secara tidak langsung dengan langkah-langkah yang dilakukan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau betul-betul menghalang tidak akan ada ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengatakan bahawa sebanyak RM477 bilion datang ke Terengganu?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Inilah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya dah sebut tadi kalau pun itu ucapan tapi *counter* kita, usaha kita telah berjaya mengatasi keadaan itu dan akhir-akhir ini memang ada kerjasama ... saya pun selalu sebut ada kerjasama yang baik daripada MIDA dan daripada MITI sendiri setelah mereka menyedari apa pun yang dibuat sebenarnya satu pekerjaan yang sia-sia jadi tinggallah pekerjaan yang sia-sia tu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tambahan Dato' Yang Dipertua, 19 hari iaitu 18 Disember 1999 saya rasa kenyataan itu saja kalau dikatakan halangan tak adil. Barangkali itu adalah satu nasihat daripada Menteri MITI untuk Kerajaan Terengganu dan diikuti oleh Kerajaan Terengganu tidak menukar dasar sebegitu rupa menyebabkan hasilnya pada hari ini. Tetapi diwar-warkan di Dewan ini, kepada rakyat dengan

satu war-war yang jahat, contoh yang jahat betapa halangan daripada Kerajaan Pusat menghalang, bila minta bukti ... 19 hari tu sebenarnya kata yang dibaca tadi tu, Terengganu mungkin kehilangan pelaburan, bukan dia halang. Ini jelas tetapi saya percaya telah diputar belitkan oleh PAS memburukkan pihak ... dan menyemarakkan lagi konfrantasi dengan Kerajaan Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato ' Yang Dipertua, saya sebut ni kepada orang yang mengaji orang yang mengaji saja tak faham apa yang saya jelaskan ini. Sepatutnya beliau faham bahawa benda-benda ni apabila seorang ketua buat kenyataan seperti itu anak buah dia pun 'yalah' bagi negeri Terengganu tak usah pergi ke negeri Terengganu secara senyap-senyap, sebagaimana Perdana Menteri buat satu kenyataan semua ikut kenyataan itu.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Kita minta bukti Yang Berhormat, tidak ada bukti hanya ini saja bukti yang dikemukakan beri bukti kepada Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Sabar ... sabar,

YANG BERHORMAT DATO ' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Telemong, beri peluang dia menjawab.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Sabar sedikit saya duduk bercakapkan ni. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya dah sebut tadi bila seorang ketua dia buat kenyataan begini kemudian diikuti dengan yang lain

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat bantahan, ini satu kenyataan yang jahat, menuduh satu tuduhan yang jahat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Telemong,

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Ya ... saya faham Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: ini bukan gelanggang gusti.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya bantah Yang Berhormat, kalau gelanggang gusti kita pergi dekat nun dah pergi tumbuk, jadi kita bantah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila duduk ... sila duduk giliran Yang Berhormat bercakap kita dengar.

22 APRIL 2003

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Kalau mengikut peraturan kalau nak minta bercakap kepada Yang Dipertua, jangan pergi langgar bodoh begitu bukan boleh buat begitu.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Dipertua, saya membantah kenyataan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila duduk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, perkara Yang Berhormat bolch bantah, boleh apa pun tapi inilah kenyataan dan perkara yang berlaku. Yang Berhormat boleh bantah, boleh apa pun tetapi ini adalah kenyataan dan boleh *check*, saya bolch sebut setengah daripada nama-nama tu tapi saya tak nak sebut nak jaga dia punya nama lagi, orang-orang yang pelabur datang kata siapa yang *you* jumpa ini orang yang saya jumpa.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekali lagi saya membantah ... minta laluan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak boleh sila duduk, peluang kepada Yang Berhormat menjawab.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dia beri Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Biar dia jawab dulu lepas tu saya panggil Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dia dah beri saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat duduk dulu biar dia jawab, saya beri peluang kepada Yang Berhormat sebentar lagi.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Bantah ni tengah-tengah Dato' Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin memberi satu cadangan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta maaf Wakil Wakaf Mempelam, beri peluang kepada Pengkalan Berangan menjawab.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya dah menyebut tadi kalau saya nak sebut contoh banyak yang saya dengar. Baru-baru ni ada seorang pelabur, ni yang terakhir datang sebagai satu contoh, bahawa apabila mereka datang sendiri, dia kata duduk dengar-dengar jauh-jauh ni Terengganu macam ni, macam ni ... bila datang sendiri persepsi berubah. Dia kata saya nak dapatkan *apointment* nak jumpa Exco yang jaga industri di negeri lain berbulan-bulan saya tak dapat, ini kali pertama saya datang dah dapat berjumpa dengan Exco yang jaga industri. Terima kasih dia kata, ini telah memberi satu gambaran baik, itu contoh. Ertinya kempen-kempen secara senyap dan dalam akhbar itu telah memainkan peranannya memberi gambaran yang tidak baik kepada negeri Terengganu. Kesan apabila ini dinyatakan surat khabar yang menjadi *culprit* dalam banyak-banyak keadaan perkara-perkara ini, kalau mereka tak siar orang tak tahu tapi mereka siar orang tahu. Jadi inilah yang menjadi masalahnya tetapi saya kata, pada waktu ini dan akhir-akhir ini kerjasama itu sudah baik setelah mereka menyedari betapa buat macam tu pun ... sebenarnya memberi kesan bukan saja kepada Terengganu memberi kesan kepada seluruh Malaysia. Kerana apabila orang bercakap tentang Malaysia ni begini, banyak lagi perkara-perkara lagi dari sudut politiknya mengatakan datang ke Terengganu tidak ada kehidupan yang boleh ... macam-macam. Tapi akhirnya dia sedar kesannya kepada Malaysia sendiri walaupun sebut Terengganu, Terengganu adalah sebahagian daripada Malaysia. Jadi mereka berhenti tak boleh, kata ke Terengganu pun sama juga pandangan orang luar macam Malaysia. Jadi ini yang mengubah persepsi itu. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Boleh Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih di atas penjelasan yang saya rasa jauh menyimpang daripada soalan asal dan terbukti kepada kita bahawa jawapan yang diberi oleh pihak kerajaan apa lagi pihak Exco Kanan Kerajaan Negeri, sebenarnya tidak ada halangan dan tidak ada sebagaimana yang dituduh oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat untuk menghalang pelabur masuk ke Terengganu. Hanya diberi contoh satu, kita terima contoh ini sebenarnya sebagai satu nasihat dan pandangan, dan inilah saya minta pihak Dewan dan Kerajaan Negeri sedar bahawa kerjasama sangat penting dan tuduhan sebagaimana yang dipanjang-panjangkan termasuk tuduhan mempolitik dan sebagainya, sebenarnya tidak betul. Yang ini Kerajaan Islam mesti lihat sebagai kita bertanggungjawab dan jangan membuat tuduhan sebagaimana yang dibangkitkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Soalan berikutnya, silakan Wakil Ajil.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, soalan yang pertama –

22 APRIL 2003

Berapa ramaikah pelajar yang ditaja oleh TDM untuk menyambung pelajar mereka di London. Apakah kursus yang mereka ambil di sana.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, setakat ini belum ada lagi.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya difahamkan telah ada seramai 26 orang pelajar yang dihantar ke Kolej Islam London. Adakah itu betul di bawah tajaan TDM?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Macam mana, saya dok faham soalan tu?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya difahamkan daripada sumber yang boleh dipercayai bahawa terdapat 26 orang pelajar yang ditaja oleh TDM melanjutkan pelajaran mereka di Kolej Islam London, adakah itu betul?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, setakat ini tidak ada lagi. Kalau Wakil Ajil tak mahu baca soalan dia, saya tolong baca – *Berapa ramaikah pelajar yang ditaja oleh TDM untuk menyambung pelajar mereka di London. Apakah kursus yang mereka ambil di sana*, itu soalnya. Ada dua perkataan, pertama 'ditaja' yang kedua 'di London'. Dua-dua tak ada, di London tak ada, ditaja tak ada.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Mungkin ini kesilapan taip Yang Berhormat Yang Dipertua, 'menyambung pelajaran'.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Menyambung pelajaran, mungkin silap taip kemudian di London silap taip atau tidak?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Di London, betullah London.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya jawab, setakat di London tidak ada.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kalau di U.K. United Kingdom, ada? Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Itu mungkin soalan akan datang, Dewan akan datang mungkin boleh soal. Hari ni setakat tu saja, terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan, Yang Dipertua. Saya nampak pihak kerajaan cuba mengelak daripada menjawab soalan ini. Adakah pelajar ditaja oleh TDM melanjutkan pelajaran mereka ke U.K.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Ajil, dia sudah jawab tak ada bukan elak, tak ada. Carilah satu soalan tambahan yang sesuai dengan jawapan tidak ada itu.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya tanya soalan tambahan tadi, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, saya bukan mengelak, kalau saya mengaji sekolah dulu kalau nak pas periksa molek, soalan begitu jawab begitulah. Soalan lain jawab lain nak pas periksa guana, di tanya di London, tak dok di London, saya jawab tak doklah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Jawapan di London, bagaimana di United Kingdom?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Maknanya itu soalan lain, soalan lain tu tunggu persidangan akan datanglah, ke Yang Dipertua nak suruh saya jawab juga soalan lain pun?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagai soalan tambahan kepada soalan asal. Adakah pelajar-pelajar yang dihantar oleh TDM untuk menyambung pelajaran mereka di United Kingdom?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Sebab itu saya kata soalan lain? Kalau Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kata kena jawab juga, saya jawablah. Saya nak tanya Dato' Yang Dipertua, soalan lain dok kena mengena dengan hak tu.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan lagi. Adakah pelajar-pelajar yang dibiayai oleh TDM ke Britain?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Silakan Wakil Ajil untuk mengemukakan soalan seterusnya. Sila teruskan kepada soalan yang berikutnya

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dok dengar Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila teruskan dengan soalan berikutnya.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Dipertua. Soalan yang kedua saya ditolak berkenaan dengan syarikat yang saman Kerajaan Negeri RM1.3 bilion, soalan yang ketiga –

22 APRIL 2003

Di dalam dasar pelancongan yang digubal oleh Kerajaan Negeri, dalam perkara 9.1.1. menyatakan bahawa pelancong Islam hendaklah menutup aurat dan pelancong bukan Islam hendaklah berpakaian sopan. Apakah definisi berpakaian sopan tersebut. Apakah tindakan yang telah diambil kepada mereka yang melanggar etika tersebut.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang dikemukakan oleh Wakil Ajil ini berkaitan dengan perkara 9.1.1. mohon penjelasan berkaitan dengan dasar pelancongan yang digubal oleh Kerajaan Negeri yang menyatakan pelancong Islam hendaklah menutup aurat dan pelancong bukan Islam hendaklah berpakaian sopan. Apakah definisi berpakaian sopan tersebut. Apakah tindakan yang telah diambil kepada mereka yang melanggar etika tersebut.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagai jawapan kepada soalan yang dikemukakan. Bersesuaian dengan hasrat dan misi Kerajaan Negeri untuk menjadi Terengganu sebagai sebuah negeri pelancongan berteraskan Islam, kerajaan menerapkan ciri-ciri pelancongan mengikut kaca mata Islam dengan menggabungkan kepentingan keperluan duniawi dan ukhrawi. Dan atas asas itulah dasar pelancongan negeri Terengganu ini digubal dan telahpun dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tuan Guru Menteri Besar. Dan dalam persidangan Dewan yang lalu saya telah menyebutkan bahawa dasar ini setelah daripada diluluskan akan dibentuk satu jawatankuasa untuk mengkaji bagi memenuhi kehendak dasar pelancongan negeri ini. Jawatankuasa Pelan Tindakan Pelancongan Negeri Terengganu telah ditubuhkan pada 23 Januari 2003 dan menunggu untuk diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pengesahannya. Dan dalam kita meletakkan butiran-butiran, kata-kata di dalam dasar ini kita berhati-hati di mana sebahagian dimaksud yang dikatakan pelancong bukan Islam hendaklah berpakaian sopan ialah berpakaian sopan di tempat-tempat umum yang melibatkan tempat-tempat kehadiran orang ramai dari masyarakat, rakyat yang ada di Terengganu dalam kaedah supaya mereka memberikan perhatian kepada budaya dan etika masyarakat tempatan. Itu adalah semasa kita meletakkan perkataan 'pelancong bukan Islam hendaklah berpakaian sopan.' Dan tindakan yang diambil ialah pertama kita melihat di dalam dasar ini ada banyak butiran-butiran yang disebut ini 9.1.1. Setelah daripada pengesahan penubuhan Jawatankuasa Pelan Tindakan Pelancongan Negeri ini yang dipengerusikan oleh saya sendiri, barulah kita akan mula mengkaji satu persatu daripada dasar-dasar yang ada ini untuk kita laksanakan dalam bentuk tindakan.

Saya ingin untuk menjelaskan dalam kita mengambil kaedah bagi kita nak menerapkan perjalanan dasar ini kita ada tiga perkara yang akan diberi perhatian oleh kita. Yang pertama ialah pendidikan, kerana kalau kita melihat kepada *hikmatutasrik* iaitu dalam persoalan membabitkan masalah arak yang begitu menebal di kalangan orang Arab Jahiliah. Ada empat ayat yang diturunkan oleh Allah s.w.t. secara beransur-ansur sebelum daripada pengharaman *total*. Maka kaedah *nikmatautasrik* ini ialah diberikan dalam bentuk yang pertamanya pendidikan dan kefahaman. Itu tindakan yang akan diambil pertamanya oleh kerajaan. Dan kerangka bagaimana tindakan itu akan dilaksanakan melalui jawatankuasa ini. Yang kedua ialah pelaksanaan iaitu setelah daripada kita memberikan kefahaman, pelaksanaan itu akan dibuat berdasarkan kepada garis panduan yang ada dalam Dasar Pelancongan Negeri. Dan yang tiga selepas daripada itu jika sekiranya ada bidang-bidang

penguatkuasaan yang perlu dan boleh dibuat akan diambil berdasarkan kepada enakmen-enakmen yang ada di negeri Terengganu ini. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan, Yang Dipertua, pihak kerajaan nampaknya tidak menjawab persoalan. Soalan saya apakah definisi 'berpakaian sopan tersebut?' Definisi ataupun takrif?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): 'Pakaian sopan' yang saya maksudkan ialah memakai pakaian berdasarkan kepada apa yang tidak dilihat sebagai pakaian menjolok mata, itu definisinya. Dan hendaklah diberikan perhatian di tempat-tempat umum yang mana kadang-kadang kelihatan dulu, kadang-kadang kelihatan pelancong pakai kain batik, kain batik lepas yang tidak terikat dengan kelihatan seluar dalamnya. Ni tempat-tempat umum ni kena jagalah, insya Allah. Kita akan beri perhatian untuk definisi itu.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan, Yang Dipertua. Adakah perempuan berseluar pendek dikatakan berpakaian sopan di tempat awam?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Hak tu tak payah tanya, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, faham sendiri dah tu.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dan adakah pihak sedar bahawa tindakan yang akan dikenakan itu tidak ada peruntukan dalam mana-mana enakmen?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Memang kita dah maklum, saya rasa kalau jenis bukan pelupulah, kita dah maklum dulu bidang yang boleh kita ambil tindakan bila ada enakmen itu, boleh diambil tindakan. Jika tidak ada maka kita hanya memberikan khidmat nasihat saja untuk mereka melihat bahawa apa yang perlu ialah kami perlukan supaya satu bentuk pelancongan yang ada di negeri Terengganu ni berasaskan dengan dasar ini ialah supaya diberikan perhatian dan penghormatan kepada budaya dan etika masyarakat setempat. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dipersilakan Yang Berhormat

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan, Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakil Seberang Takir.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Bagi pihak Seberang Takir, Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Soalan pertama -

Kerajaan Negeri difahamkan telah memindahmilikkan sekeping tanah milik Tabung Warisan di Paya Berenjut, Kemaman kepada sebuah koperasi bernama Koperasi Insaf. Koperasi ini bercadang untuk memajukan tanah tersebut dengan projek perumahan dan pekedaian. Lembaga Pengarah Koperasi ini dipengerusikan oleh Tuan Haji Roslin dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri bertindak sebagai Pengerusi Lujnah Syariahnya dengan beberapa orang pemimpin kanan yang lain.

Soalan:

- i. Berapakah keluasan tanah yang telah dipindahmilikkan?
- ii. Apakah balasan yang diterima oleh Tabung Warisan hasil dari pindahmilikkan ini?
- iii. Mengapakah Tabung Warisan tidak membangunkan sendiri projek di atas tanah tersebut?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan Wakil Seberang Takir berbunyi:

Kerajaan Negeri difahamkan telah memindahmilikkan sekeping tanah milik Tabung Warisan di Paya Berenjut, Kemaman kepada sebuah koperasi bernama Koperasi Insaf. Koperasi ini bercadang untuk memajukan tanah tersebut dengan projek perumahan dan pekedaian. Lembaga Pengarah Koperasi ini dipengerusikan oleh Tuan Haji Roslin dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri bertindak sebagai Pengerusi Lujnah Syariahnya dengan beberapa orang pemimpin kanan yang lain.

Dia tidak ada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tak faham 'pemimpin kanan yang lain' siapa dia, pemimpin UMNO ke pemimpin PAS. Kemudian soalnya:

- i. Berapakah keluasan tanah yang telah dipindahmilikkan?

Jawabnya, tidak ada dan tidak pernah.

- ii. Apakah balasan yang diterima oleh Tabung Warisan hasil dari pindahmilikkan ini?

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pindah milik tidak membawa hasil tetapi membawa balasan dia *consideration*, tak dok akhir. Oleh itu tidak relevan.

- iii. Mengapakah Tabung Warisan tidak membangunkan sendiri projek di atas tanah tersebut?

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya percaya dan masih ingat Yang Berhormat Wakil Seberang Takir ni Exco gamak 20 tahun, kerajaan tidak berniaga, kerajaan tidak menjadi pemaju. Jadi saya pun tak tahu, Tabung Warisan ni ditubuh semasa dia menjadi Exco takut-takut dia ingat lagi tetapi dia tak ada di sini, mana-mana peruntukan dalam artikel tabung itu yang mengatakan tabung ni boleh menjadi *developer* ataupun kontraktor. Jadi ini meleset Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG B ERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Kalau Tabung Warisan tidak dibenarkan berniaga mengapa pihak Kerajaan Negeri memberi kepada anak-anak syarikat lain yang boleh menjalankan perniagaan daripada memberi kelulusan kepada koperasi ini?

YANG B ERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Kemasik dia dengar dok yang saya cakap tadi, nak tanya dia. Pasal dia cakap luas tadi, kuat dia cakap.

YANG B ERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jangan marah ... jawab molek.

YANG B ERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dok marah, cuma tanya saja. Saya jawab tadi tidak pernah ada pemberian ... beri ke orang lain, beri ke orang lain macam mana doh dok beri.

YANG B ERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya kurang jelas jawapan yang diberi yang pertama kata tidak berkaitan, yang kedua dia kata tidak ada tu, kemudian yang ketiga ... jadi bercanggah ketiga-tiga soalan tersebut. Jadi yang mana satu yang kami boleh pegang daripada ketiga-tiga jawapan hasil soalan daripada Seberang Takir ini.

YANG B ERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MU TTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jawapan saya tak boleh pegang boleh faham. Kalau dia tak faham jawapan saya ... beratlah, nak pegang macam mana benda tak dok ekor, Jawapan saya, Kerajaan Negeri tidak pernah memindah milik sekeping tanah milik Tabung Warisan kepada Ko-Insaf. Dan untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya ahli-ahli pembangkang yang tak faham ni, Tabung Warisan dia mempunyai Perlembagaan dia sendiri Kerajaan Negeri tidak boleh nak ganggu hal dia pasal dia punya *legal identity* hak-hak kuasa di bawah perundangan yang tersendiri bukan kerajaan buat keputusan.

YANG B ERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Jadi betulh mengatakan bahawa kawasan ini kepada Koperasi Insaf untuk dimajukan?

YANG B ERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Soalannya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ni saya rasa susah, kena faham soalan

22 APRIL 2003

ni dan kena faham jawapan. Kerajaan Negeri difahamkan telah memindah milikkan, saya kata tidak pernah timbul soal memindah milikkan *it's transfer* orang putih kata, dengan izin.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya faham, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat, habis dah tiga soalan tambahan, masa tidak mencukupi Yang Berhormat. Terus kepada soalan berikutnya daripada Wakil Rantau Abang.

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama –

Sila nyatakan berapakah sehingga Mac 2003 bagi setiap mukim kekosongan Imam dan Bilal?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, soalan Wakil Rantau Abang berbunyi – Sila nyatakan berapakah sehingga Mac 2003 bagi setiap mukim kekosongan Imam dan Bilal?

Jawapannya kekosongan Imam/Bilal hingga Mac 2003 bagi setiap mukim berdasarkan daerah-daerah adalah seperti berikut:

Daerah	Imam	Bilal	Jumlah
Kuala Terengganu	54	60	114
Kemaman	28	28	56
Dungun	32	12	44
Besut	23	40	63
Hulu Terengganu	44	46	90
Marang	16	23	39
Setiu	38	29	67
		JUMLAH:	473

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Soalan tambahan, Yang Berhormat Dato'. Sejak bilakah kekurangan ini berlaku dan apakah punca utama? Adakah kerana tidak dilantik sejak daripada awal lagi ataupun berlaku peletakan jawatan, ataupun pencen ataupun dipecat daripada jawatan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kekosongan ini berlaku telah lama lagi bukan disebabkan oleh pemecatan dan pemberhentian. Tapi mengikut keperluan semasa dan berdasar kepada kaedah yang ada tiap masjid tiga Imam dan tiga Bilal. Jadi oleh sebab itu ada masjid yang cukup kuota tiga Imam, tiga Bilal dan ada masjid-masjid yang belum cukup kuotanya tiga Imam dan tiga Bilal. Jadi yang belum cukup itu berdasar keperluan semasa maka kita berdasar kepada cadangan daripada Ahli Jawatankuasa Masjid kita akan tambah dan isi kekosongan itu dari masa ke masa.

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato', soalan tambahan. Dengan kekosongan yang berlaku tidakkah terjejas dari segi perkhidmatan yang berlaku di masjid di setiap kampung yang terlibat itu. Setakat ini adakah laporan akibat kekurangan yang berlaku masalah pentadbiran ataupun pengurusan di masjid?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, kerajaan berdasar laporan Jawatankuasa Masjid berkenaan jika ada berlaku kekurangan atau keterjejasan dalam perkhidmatan maka Jawatankuasa Masjid boleh membuat laporan kepada pihak Jabatan Hal Ehwal Agama, Bahagian Dakwah dan dia boleh mencalonkan atau mencadangkan mana-mana orang dalam mukim berkenaan yang layak menjadi Imam atau Bilal untuk ditemudugakan dan dilantik seterusnya, insya Allah.

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Soalan tambahan. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai satu *target* masa tertentu untuk menyelesaikan masalah kekosongan sama ada enam bulan ataupun setahun daripada sekarang?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kita bertindak berdasar kepada laporan dan keperluan semasa di masjid itu sebab masjid tidak sama, ada masjid kecil, ada masjid besar, ada anak mukim sedikit bilangannya, ada anak mukim banyak bilangannya. Yang perlu kepada kesempurnaan tiga, bolehlah dilaporkan oleh Jawatankuasa Masjid dan tindakan seterusnya insya Allah kerajaan akan mengambilnya.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila soalan seterusnya, Yang Berhormat Wakil Bandar.

YANG BERHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Bismillahirrahmanirahim. Dato' Yang Dipertua, soalan nombor satu –

Berapakah Foreign Direct Investment (F.D.I.) ke Terengganu tahun 2001/2002. Dan apakah bidang pelaburan F.D.I. tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan Wakil Bandar berbunyi - Berapakah *Foreign Direct Investment (F.D.I.)* ke Terengganu tahun 2001/2002. Dan apakah bidang pelaburan F.D.I. tersebut.

Untuk menjelaskannya bagi tahun 2001 ada tiga bilangan projek di bawah F.D.I. ini bernilai RM3.4 juta, satu mengenai chip board, yang keduanya pintalan benang, yang ketiganya elektronik. Pada tahun 2002, satu projek sahaja tetapi projek ini besar dan jumlah pelaburannya RM4.7 bilion sebagaimana yang dinyatakan dalam Ucapan Titah dan barang produk yang akan dikeluarkan ini disebut *synthetic rubber powder, thermoplastic elastomer* ini perkataan-perkataan yang teknikal kalau nak sebut mudahnya ialah 'kitar semula tayar terpakai'.

Dan untuk maklumat Dewan ini, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, laporan yang dibuat oleh MIDA dan juga MITI bagi tahun 2002 dengan kemasukan RM4.7 bilion maka negeri Terengganu mengatasi pelaburan asing ini bagi seluruh negeri-negeri di Malaysia. Biasanya yang menjadi tempat pelaburan Selangor, Johor, Penang tetapi bagi Selangor sendiri projek baru F.D.I. ini hanya RM1.8 bilion dan Pulau Pinang sudah berkurangan sebanyak RM418 juta, Johor RM1.4 bilion dan kalau dicampurkan perkembangan *expention* industri yang sedia ada ini daripada pelaburan asing negeri Terengganu masih mengatasi semua negeri-negeri yang lain yang ada di Malaysia. Alhamdulillah. Dan ini saya suka menyebut ini adalah hasil daripada termasuk kerjasama yang akhir-akhir ini daripada semua pihak termasuk MITI, termasuk MIDA yang telah saya sebut tadi apabila mereka dapati bahawa menyisihkan Terengganu dan Kelantan ini memberi kesan yang menyeluruh kepada Malaysia, tindakan-tindakan seumpama itulah merugikan. Alhamdulillah, dan dengan telusan yang ada pada Kerajaan Negeri, terbukaan kepada Kerajaan Negeri dan seluruh pegawai-pegawainya kita mempunyai pelaburan yang terbesar untuk tahun 2002. Cumanya saya suka juga nak minta kerjasama daripada pihak pembangkang terutamanya supaya jangan ... sebab projek ini projek yang telah diluluskan pelaksanaannya mungkin akan memakan masa sedikit sebanyak, proses antara lulus dengan makan masa tu dia boleh jadi berlaku. Saya sebut ini kerana pengalaman kita, dalam kita membuat satu industri maritim di muara Sungai Terengganu yang telah kita adakan, yang dibuat oleh MSFT satu program pembangunan yang ada sebenarnya kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan Pusat tetapi kempen yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin parti pembangkang, oleh UMNO dengan anak buahnya membuat sebaran-sebaran yang tidak bertanggungjawab sehingga kita terpaksa mengadakan satu majlis dialog dengan rakyat setempat. Tetapi apabila kita mengadakan majlis dialog dia tidak datang, main pukul curi, tu yang payah sebab itu tidak mendapat penjelasan yang sebenarnya. Tetapi Alhamdulillah, hari ini oleh kerana mereka dah faham maka projek itu sedang berjalan. Jadi saya harap projek-projek yang lain juga apabila masuk sama ada F.D.I. ataupun domestik *investment* saya haraplah semua pihak memberi kerjasama ini sebab kepentingannya ialah kepada rakyat negeri Terengganu. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua. Kalau pelaburan RM4.7 bilion itu berapakah peluang pekerjaan dapat diwujudkan?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak jelas.

YANG BERTHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Berapakah peluang pekerjaan akan diwujudkan di atas hasil pelaburan itu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita belum lagi dapat satu butiran yang terperinci pada waktu ini. Jadi dalam masa yang mungkin tidak begitu lama kita akan dapat butir-butiran apabila projek ini nak ditake-off jadi kita boleh dapatlah. Pada waktu ini belum ada suatu yang muktamad tapi pastinya dia akan menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tambahan, Dato' Yang Dipertua. Bilakah dijangka projek ini akan bermula dan kita bimbang kalau ada masalah apa-apa pula UMNO dipersalahkan. Dan kita menyokong penuh untuk kebajikan rakyat Terengganu tetapi takut masalah-masalah yang remeh temeh harap diselesaikan dan disegerakan pembinaan serta pewujudan pelaburan yang disebut itu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih banyak kepada Wakil Telemong akhirnya sedar tentang apa yang kita dilakukan selama ini, Alhamdulillah. Dan insya Allah kalau tak ada gangguan, insya Allah benda ni akan berjalan tapi saya tak dapat pasti sebab ini soal syarikat, soal pelaburan yang kita sendiri ... itu bergantung kepada dia punya *time frame* yang diset sendiri yang kita tidak tanyalah secara detail sangat walaupun hubungan terus menerus. Mungkin yang akan datang ni kita akan dapat gambaranlah bila projek ini akan *take-off*, insya Allah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Pembetulan sedikit Yang Berhormat, kita harap segala kemudahan diberi dan segala *red-tape* dihapuskan supaya dtidak ditomah macam-macam, syabas kita ucapkan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Alhamdulillah sebenarnya kita boleh sampai ke sini hasil daripada *red-tape* yang dikurangkan, keterbukaan yang kita ada, kita memudahkan kemudahan-kemudahan berdasarkan kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang sedia ada dan insya Allah perkara ini akan berjalan mengikut *on track*lah insya Allah. Terima kasih]

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dipersilakan Yang Berhormat Kampung Raja.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama –

Dimaklumkan bahawa kadar jenayah bagi negeri Terengganu telah menurun bagi tahun 2001 dan 2002. Berapakah kadar penurunan tersebut. Apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada penurunan itu.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Kampung Raja ingin tahu iaitu daripada soalan dimaklumkan bahawa kadar

22 APRIL 2003

jenayah bagi negeri Terengganu telah menurun bagi tahun 2001 dan 2002 Berapakah kadar penurunan tersebut Apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada penurunan itu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebenarnya kadar jenayah bagi negeri Terengganu secara perbandingan bagi tahun 2001 dan 2002 telah menurun sebanyak 1,565 kes atau 39.6%. Bagi tahun 2001 jumlah kes jenayah keseluruhan sebanyak 3,980 kes sementara bagi tahun 2002 sebanyak 2,384 kes. Jenayah ini diukur berdasarkan jenayah indek yang merangkumi jenayah bunuh, cuba bunuh, samun berkawan senjatapi, samun berkawan tanpa senjatapi, samun bersenjata api, samun tanpa bersenjatapi, rogol berdasarkan cedera di bawah Kamun Keseksan Seksyen 324-326, pecah rumah dan curi, curi motokar, lori, van, motosikal, ragut dan lain-lain curi. Penurunan kadar jenayah indek adalah secara perbandingan di antara dua tempoh yang sama

Di antara faktor yang menyumbang kepada penurunan kadar jenayah ialah meningkatnya kesedaran di kalangan semua pihak bahawa pencegahan jenayah adalah merupakan tanggungjawab bersama. Juga peningkatan sekarang ini adalah hasil daripada usaha yang digigih yang telah dilakukan oleh pelbagai pihak terutamanya oleh agensi Kerajaan Persekutuan, Negeri dan NGO seperti Polis, Agensi Dadah Kebangsaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Perpaduan Negara, Jabatan Hal Ehwal Agama, UPI, Mubaligh, JSR, PEMADAM dan lain-lain, dengan mengadakan pelbagai program dan aktiviti seperti ceramah, seminar, forum, kempen, kelas agama, pameran dan sebagainya. Di samping itu faktor peningkatan penguatkuasaan dan operasi yang dilakukan oleh agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri juga telahpun memberi saham dalam pengurangan ini. Di samping itu, peningkatan kerjasama daripada orang ramai kepada agensi yang bertanggungjawab secara langsung terutamanya Polis dengan memberi maklumat mengenai penjenayah dan peningkatan penangkapan jenayah termasuklah penagih-penagih dadah. Di samping itu usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi melaksanakan undang-undang jenayah Islam, Hudud, Qisas dan Takzir tidak kurang pentingnya dalam memberi sumbangan kepada penurunan kadar jenayah di negeri ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat Oleh kerana masa yang diperuntukkan bagi soalan-soalan lisan telahpun tamat, saya tangguhkan Dewan ini hingga jam 11.00 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10 40 PAGI

PUKUL 11.00 PAGI

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dewan disambung semula dengan perbincangan usul menjunjung kasih Titah Ucapan Di Raja. Kelmarin kita tangguh Dewan dengan ucapan daripada Wakil Ajil, hari ini Wakil Ajil boleh menyambungkan ucapan beliau dalam masa tidak melebihi 10 minit, dipersilakan.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerana memberi peluang yang kedua untuk saya membincang Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 20 haribulan yang lalu.

Yang Berhormat Yang Dipertua, kelmarin saya telah memperkatakan beberapa isu berkenaan dengan balak, hari ini saya akan memperkatakan lagi hal-hal yang berkaitan dengan ucapan ataupun Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku terhadap beberapa perkara demi untuk kepentingan rakyat negeri ini khususnya.

Yang Berhormat Yang Dipertua, satu hal lagi berkenaan dengan pembalakan di negeri Terengganu iaitu isu sebuah syarikat yang menyaman Kerajaan Negeri RM1.3 bilion. Walaupun soalan ini saya tanyakan dalam sesi soal jawab tapi saya nampak soalan ini telah tidak dijawab dan ditolak oleh Dewan atas berbagai-bagai alasan yang diberi. Walau bagaimanapun, saya rasa ini suatu perkara yang tidak boleh dipandang ringan kerana ini sebenarnya akan melambangkan atau menjejaskan imej Kerajaan Negeri yang mana perkara sebegini jarang berlaku, sebuah syarikat menyaman Kerajaan Negeri atas sebab balak. Jadi kita harap agar, walaupun perkara ini sedang dibawa ke mahkamah, tapi saya difahamkan kawasan ini iaitu seluas 41,000 ekar di Tebat dan Petuang telahpun dijual. Saya kurang pasti sama ada kenyataan tersebut betul ataupun tidak tapi telah dijual kepada syarikat baru, yang mana saya difahamkan syarikat baru ini telah membayar sebanyak RM20 juta kepada Kerajaan Negeri.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan isu penjawat awam kerana di sini ada Tuanku menitahkah berkaitan dengan hal-hal penjawat awam negeri yang mana perlu untuk meningkatkan kursus latihan dan menekankan *total quality management*. Tapi apa yang merisaukan kita di peringkat rakyat dan masyarakat bawahan iaitu berkaitan dengan kekuasaan dan kerakusan serta tidak profesionalisme pengurus-pengurus di peringkat kampung yang diketuai oleh JSR, yang mana JSR setengah-setengah tempat lebih berkuasa berbanding dengan DO. Dan saya ada dengar cerita, bahawa ada DO yang terlalu takut kepada Pengerusi-Pengerusi JSR ini sehingga dikatakan "kalau orang ini nak pergi berjumpa dengan DO tersebut, DO tersebut hampir terkencing di dalam biliknya."

YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang Dipertua, laluan?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, ini suatu perkara yang tidak sewajarnya berlaku.

22 APRIL 2003

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakil Kampung Raja minta laluan?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): ... sebagaimana yang dikatakan oleh Wakil Kemasik kelmarin bahawa majlis atau proses penyerahan ataupun proses untuk memberi tanah juga melibatkan JSR

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Saya pohon laluan, perkataan yang disebut tu terlalu kasar.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, ...

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Ajil tunggu sekejap, ada minta laluan?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya dok beri, Yang Dipertua sebab masa terhad.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia dok beri.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Dia sebut perkataan yang terlalu kasar.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat boleh bercakap Yang Dipertua, selepas ucapan saya ini. Selain daripada itu Yang Berhormat Yang Dipertua, sama ada Kerajaan Negeri sedar atau tidak sehingga 15 haribulan dua belas, bermula dari 6 haribulan dua belas 1999 sehingga 15 haribulan dua belas tahun 2002, pertukaran yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri terhadap Pegawai-Pegawai Tadbir Negeri ialah sebanyak 15 kali ertinya dalam masa tiga tahun telah berlaku 15 kali pertukaran. Jadi kesan pertukaran ini bukan sahaja ke pada individu yang terlibat tapi yang paling pokok ianya akan menjejaskan proses pentadbiran dan pengurusan negeri. Bagaimana seorang Pegawai Tadbir yang ditukarkan baru duduk dua bulan ataupun tiga bulan, ataupun paling-paling lama enam bulan, setengah-setengah jabatan kemudian ditukarkan tanpa alasan yang munasabah. Mungkin kerana mereka ini bukan puak-puak yang membangkang ataupun puak-puak yang menentang ataupun mereka ini bukan satu aliran dengan kerajaan pemerintah. Atas sebab tersebut sebanyak 15 kali pertukaran telah dilakukan yang mana pertukaran yang paling hebat melibatkan seramai 55 orang iaitu pada 31 haribulan dua belas tahun 2001. Ini satu perkara yang sepatutnya ...

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Minta penjelasan Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): ... diambil berat oleh pihak kerajaan untuk memastikan keberkesanan pentadbiran Kerajaan Negeri.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakil Paka minta laluan?

22 APRIL 2003

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kita faham bahawa hari ini saya difahamkan tidak ada

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dato' Yang Dipertua, minta laluan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakil Ajil, Wakil Paka minta laluan?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya tak beri, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sebab 55 orang dia kata tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak beri.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Oleh kerana tidak ada peruntukan khusus untuk *maintenance* kerja-kerja selenggara kenderaan-kenderaan jabatan, saya difahamkan banyak kenderaan-kenderaan pejabat, Pejabat Daerah, Majlis Daerah, Pertanian dan sebagainya yang tersadai, yang tidak boleh diguna pakai untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab. Ini juga suatu perkara yang perlu diberi perhatian yang serius oleh pihak kerajaan untuk memastikan keberkesanan, untuk memastikan keefisienan pihak pentadbiran untuk memastikan hasil dan kualiti yang setanding dengan apa yang dilaung-laungkan *Membangun Menurut Islam*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Kampung Raja minta laluan?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya tak beri, Yang Dipertua. Yang Berhormat Yang Dipertua, selain daripada itu berkenaan dengan penjawat awam ini juga dalam manifesto PAS Perkarā 6.3. iaitu yang berbunyi 'Membuka peluang kenaikan pangkat dan perpindahan perkhidmatan bagi membaiki mencapai kecemerlangan pekerja dan menghapuskan amalan pilih kasih, nepotisma, kronisma dalam perkhidmatan.' Hal ini juga saya nampak cuma *indah khabar dari rupa* kerana apa yang berlaku rungutan daripada pegawai-pegawai kerajaan negeri mengatakan bahawa ramai penjawat-penjawat ini diambil daripada mereka-mereka yang telah pencen, mereka-mereka yang telah bersara dan ini sekali gus menutup peluang pegawai atau penjawat-penjawat awam ini untuk pergi ke tingkat atau tahap yang lebih tinggi. Ini juga satu perkara yang perlu difikirkan.

Selain daripada itu Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan pelancongan saya difahamkan pihak Kerajaan Negeri telah menolak satu permohonan untuk membuka petrol stesen di Kenyir yang mana ini sebenarnya, penolakan ini sebenarnya memberi kesan yang sangat mendalam kepada pengusaha-pengusaha bot, pengusaha-pengusaha perahu-perahu pelancongan di di Tasik Kenyir untuk mendapatkan minyak. Mereka terpaksa mendapatkan minyak tersebut di

Kuala Berang yang jauhnya lebih kurang 50 kilometer daripada Tasik Kenyir. Jadi apakah pihak kerajaan tidak menyedari akan hal tersebut sehingga menafikan hak, sehingga menolak permohonan yang sememang untuk membela rakyat di sekitar Tasik Kenyir yang mana dalam keadaan yang sedemikian ini sebenarnya secara tidak langsung akan menyulitkan dan juga seolah-olah menyekat rezeki pengusaha-pengusaha bot tersebut ditambah pula dengan kehadiran para pelancong ke Tasik Kenyir hari ini jauh lebih merosot berbanding dengan beberapa tahun yang lalu. Ini juga satu perkara yang perlu diambil perhatian untuk memastikan bahawa apa yang dijanjikan *Membangun Menurut Islam*, membangun untuk kesenangan rakyat tidak akan menjadi satu retorikal, tidak menjadi suatu *indah khabar dari rupa* yang mana ini akan menjejaskan imej Islam itu sendiri. Kerana Islam adalah suatu perkara yang cemerlang, Islam adalah satu perkara yang gemilang dan Islam adalah suatu perkara yang terbilang. Oleh kerana tindakan-tindakan sebegini seolah-olah menolak dan menarik istilah perkataan Islam itu sendiri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA. Yang Berhormat, masa untuk Yang Berhormat satu minit. Satu minit lagi.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, oleh kerana banyak perkara yang saya ingin perkatakan di sini ... yang ingin saya timbulkan juga di sini ialah kemerosotan pendidikan di KUSZA, yang saya difahamkan sehingga tarikh ini ada tiga orang saja pelajar yang mengambil atau yang mendaftar jurusan Multimedia. Jadi ini suatu perkara yang perlu diambil berat agar kolej yang menaikkan nama Terengganu ini tidak akan dipandang rendah oleh kolej-kolej lain di Malaysia.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kalau boleh betul, setakat ini 15 orang.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, dan saya difahamkan penawaran ke kolej tersebut pada tahun ini seramai 1,000 orang tapi yang mendaftar sehingga ini adalah 400 orang, sama ada betul atau tidak pihak kerajaan kena perhatikan.

Seterusnya Yang Berhormat Yang Dipertua, apa yang saya ingin katakan di sini bahawa satu hamba Allah yang memiliki tanah di Baruh Tok Jiring atas nama Ismail bin Yacob dan isterinya Wok bt. Ismail telah dinafikan haknya walaupun di dalam tanah tersebut telah didirikan sebuah rumah, telah ditanam dengan berbagai-bagai pohon tanaman yang boleh dimakan. Bayangkan 30 tahun hamba Allah ini menceroka menghidupkan tanah tersebut tapi apabila pembahagian dilakukan dinafikan haknya.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang Dipertua, minta laluan?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dan akhirnya sekali, kesimpulannya Yang Berhormat Yang Dipertua, apa yang saya ingin nyatakan di sini ialah kepada Titah Tuanku ini yang pertama, Duli Yang Maha Mulia Tuanku masih kurang berpuas hati dengan pencapaian Negeri Terengganu dari segi projek pembangunan kerana masih mengulangi Lebuhraya

Pantai Timur, pembesaran lapangan terbang dan juga jalan keretapi Kertih-Kemaman-Gebang dan tidak menyebut langsung berkenaan *motorway*. Yang kedua, Tuanku yakin hanya Kerajaan Barisan Nasional saja yang dapat membela nasib rakyat dengan projek perumahan disebut dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan juga mengiktiraf kecemerlangan pendidikan, Dasar Pendidikan Negara yang dibuat program-programnya oleh Jabatan Pendidikan sehingga mencapai kecemerlangan UPSR, PMR, SPM dan STPM. Ini jelas menunjuk kepada kita

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Masa Yang Berhormat sudah tamat.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): bahawa apa yang dinyatakan oleh Tuanku itu sebenarnya berkait dengan apa yang telah kita laksanakan sebelum pihak Kerajaan Negeri memerintah. Untuk akhir Yang Dipertua, kita harap agar pihak kerajaan dapat menjawab soalan-soalan yang diberi dengan cara yang berhemah, jangan bertindak sekadar semata-mata bercakap untuk telus tetapi dalam tindakannya tidak telus. Yang keduanya Yang Berhormat Yang Dipertua, yang terakhirnya saya ingin

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tamatkan, masa dah habis Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): menyatakan bahawa apa yang dikatakan perkataan 'biadab' kelmarin

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Masa dah habis Yang Berhormat, sila tamatkan. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Perbahasan dibuka, sila. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap? Sila Permaisuri.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, sekalian hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah s.w.t. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua yang memberi peluang sedikit kepada saya untuk saya menyokong dan sama-sama berbahas dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan yang mana dalam ucapan ini pertama mula Al-Sultan sendiri bersyukur dan gembira dengan suasana tenteram dan aman damai di negeri Terengganu. Walaupun dalam keadaan 17 siri yang dipaparkan di dalam TV Barisan Nasional tentang kezaliman-kezaliman yang dilakukan oleh Kerajaan PAS dengan menggunakan satu buku iaitu *Gelombang Biru* yang dilancarkan oleh Pemangku Perdana Menteri baru-baru ini, yang mana kita melihat di dalam buku ini dipaparkan *Himpunan Kezaliman PAS di Terengganu*. Maknanya buku yang dicatat di sini dengan kisah-kisahnyanya menggambarkan bahawa Terengganu ini berada dalam keadaan huru-hara dengan adanya pemerintahan yang zalim. Namun begitu ucapan ini dapat

dijawab dengan jelas di mana Al-Sultan sendiri bersyukur dan gembira dengan suasana tenteram dan damai di Terengganu. Ini memberi satu hujah kepada kita bahawa tipu daya yang dibuat oleh UMNO, Barisan Nasional dalam buku ini terjawab dengan sendirinya. Namun begitu oleh kerana buku ini telah dipaparkan dan saya rasa saya perlu mengambil kesempatan untuk menjawab sepatah dua dalam kawasan saya sendiri, yakni *Imam Guna Peguam Cari Keadilan* dalam buku ini

Bercakap dalam soal Al-Sultan sendiri berkata tentang kesatuan dan perpaduan ummah maka kalau kita melihat kepada buku ini mengatakan *Imam Guna Peguam Cari Keadilan* berlaku di Kampung Banggol. Kisah ni kisah yang panjang di zaman UMNO dahulu, zaman kerajaan dahulu perpecahan berlaku begitu lama sehingga 10 tahun lebih. Jadi Allah s.w.t. telah memberi satu perubahan yang baru Alhamdulillah, dengan izin Allah kerajaan baru dipimpin oleh Tuan Guru sendiri dan kita bersama-sama mendokong perjuangan ini untuk melihat perpaduan yang sebenar wujud. Maka dengan itu kita mengambil penyelesaian yang pertama di kawasan Kampung Banggol ini untuk menyatukan kembali suasana yang tegang, di mana kita menyelesaikan dengan cara hikmah, kita mengambil satu Imam yang baru yang ditemudugakan untuk menjadi Imam di masjid tersebut. Namun dalam keadaan itu peristiwanya di mana Imam tersebut ditemuduga tetapi tidak lulus kerana bacaan Fatihahnya tidak memuaskan. Pejabat Agama mengeluarkan satu surat dan kita terima keadaan ini. Lalu kita membaiki semula, kita betulkan balik kita panggil Imam, kita baca balik, kita tengok dekat mana tidak memuaskan. Ini perkara biasa, di zaman Kerajaan UMNO dulu saya pernah bertugas di Pejabat Agama hampir tiga kali kita panggil Imam untuk ditemuduga dan tidak lulus. Kita latih dia sehingga Pejabat Agama mempercayai bahawa dia telah dapat untuk jadi Imam. Dalam surat pertama ini, memanglah surat yang tidak lulus tetapi setelah kita mengambil perjalanan surat yang lulus tidak dipaparkan. Dan UMNO telah mengambil kesempatan untuk memecahbelahkan penduduk di kampung ini, di mana telah mengambil nama-nama orang UMNO dicatat dan diprotes Imam ni kerana tidak betul baca Fatihah. Kita selesaikan balik, lalu kita

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Boleh . . . boleh kita *gentlemen*, sila.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih. Yang Berhormat ada bawa surat Imam tersebut telah lulus dalam Dewan yang mulia ini?

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Ada surat kita bawa, kita bawa surat. Kita buat kerja, kita bawa surat . . . sekarang ini surat ni tak lulus kemudian surat temuduga balik Pejabat Agama ada mengatakan "Sukacita dimaklumkan tuan akan ditemuduga semula masa dan tempat yang akan ditentu kemudian." Lepas itu surat temuduga dia datang dan akhirnya kerajaan telah mengutuskan satu surat kepada Imam tersebut untuk bertugas. Dengan cara ini kita menyatukan kembali kampung kita, akhirnya dalam tempoh belasan tahun itu dapat disatukan dalam satu . . .

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Minta penjelasan sekali lagi, Yang Dipertua

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Silakan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Surat yang kedua tu, surat suruh bertugas ke surat lulus temuduga?

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Surat menjadi Imamlah.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Surat lulus tu, ada ke tidak? Surat berkenaan dengan kelulusan temuduga bukan surat

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Dia kalau dok temuduga macam mana surat nak lulus, mesti ada surat temuduga.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Orang PAS boleh buat belaka. Yang Dipertua, hak dok betulpun boleh buat.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Kenapa nak bohong dekat sini, kita bawa semua, alat perkakas kita bawa.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Dipertua, penjelasan sekali lagi?

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Panjang ni, masa 10 minit, 20 minit banyak lagi nak royat ni, yang ni cukuplah.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Nak sedikit lagi.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Bolehlah sedikit lagi.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Baca surat kelulusan, sura kelulusan tu baca.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Surat Bertindak sebagai Imam/Khatib/Bilal Sembahyang Jumaat menurut Fasal 169 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Terengganu. Bahawa saya Haji Mokhtar bin Abdullah, masa tu Pesuruhjaya sekarang ni jadi Dato' dah, Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu dengan ini memberi kuasa kepada Encik Abdul Ghani bin Muda Imam yang kita lantik. Jadi saya nak ceritanya itu ringkaslah, makna akhirnya suasana menjadi tenang dan Alhamdulillah setakat ini

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dato' Yang Dipertua, laluan.

22 APRIL 2003

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Cukuplah soalan ni, nak pergi hak lain pula.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tadi kuasa, ni kelulusan sebab tadi surat yang tidak lulus tu ada di situ, cuba baca yang tidak lulus dan yang lulus itu, saya minta Permaisuri baca.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Panjang pula cerita nak bahas bab ni.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Surat saja.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Surat dok lulus kita baca dah, satni baca doh satni.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tadi bukan lulus, tu memberi kuasa.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Mengaji banyak mana yang payah.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Ini yang dibantah oleh rakyat, ini sebenarnya dibantah oleh rakyat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Cukuplah, saya dok bagi doh, hal lain pula saya nak bercakap.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Fatimah dok betul, ini yang dibantahnya.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Kerajaan panggil semula temuduga balik

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dia lulus Fatimah tu, kelulusan Fatimah tu ada ke tidak?

YANG BERHORMAT DATO` YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya tutup.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Cukuplah huk tu panas dah banyak lagi perkara nak cakap ni. Selesai hak masalah ni, maknanya jelas bahawa Al-Sultan sendiri mengakui bahawa untuk menjaga perpaduan dan di mana dalam pembuka bicara dengan jelas bahawa Al-Sultan sendiri mengatakan gembira dengan suasana tenteram, aman damai di Terengganu. Jadi kita harap supaya UMNO khususnya Barisan Nasional faham kedudukan ini

dan saya harap buku-buku yang seperti ini yang tidak jelas, yang memecahbelah masyarakat ini harus dipantau dan dibuat dengan cara hikmah.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saman Yang Berhormat, saman. Sila saman kalau benda ni tak betul.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Kita tak payah saman kita tahu dah mahkamah, royalti minyak bertahun-tahun tunggu kalau batukpun tangguh setahun. Tak payah samanlah rakyat akan tengok betapa bodoh dan jeleknya perkara yang berlaku.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Maknanya pendedahan ni betul.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Tak apalah biarlah rakyat nilai pilihan raya, insya Allah rakyat nilai pasal Gelombang UMNO kata nak ambil balik, kita tengoklah insya Allah, kita serah kepada rakyat. Masa tak dok banyak doh kita ni nya kacau demo.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat, 15 minit lagi.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): 15 minit lagi, ada lagi insya Allah.

Kita tengok dalam muka surat 2, Al-Sultan sendiri menyeru supaya setiap muslim untuk kembali kepada ajaran Al-Quran dan Al-Sunnah dalam menangani cabaran semasa. Ini satu hujah yang cukup baik yang harus kita letak bersama di mana Allah Taala sendiri, dalam ayat Al-Quran sendiri memberitahu kepada kita semua bahawa dalam apa keadaan sekali pun sudah tentulah kita akan bertelingkah dan ada perkara-perkara yang tidak dapat kita selesaikan, namun Allah s.w.t. telah menghantar kepada kita satu panduan yang jelas iaitu Al-Quran dengan Sunnah ini satu panduan bagi kehidupan kita. Justeru itu kita mengharap kerajaan sendiri akan memandu negeri ini berlandaskan kepada Al-Quran dan Sunnah dan juga kita meminta pihak pembangkang sendiri kalau ada apa-apa perkara yang bercanggah dengan Al-Quran dan Sunnah ini hendaklah kita jaga supaya ianya berlaku dalam keadaan Allah s.w.t. redha. Seperti peristiwa yang berlaku ini di mana Terengganu, Kami Bersama Dunia dalam Warta yang dikeluarkan pada 20 Zulhijjah iaitu perhimpunan yang kita buat di Stadium di mana kita kumpul rakyat Terengganu bersama-sama untuk memprotes, membantah ancaman Amerika dan Britain untuk menyerang Iraq baru-baru ini lebih kurang 50,000 kita buat dengan cara yang kita rasa dan kita yakin bahawa Allah s.w.t. redha dengan cara kita. Memang kita panggil rakyat kita keluar, sembahyang hajat, kita sembahyang jemaah dan kita doa dan kita berkumpul, dan kita berbincang dan kita berbicara dengan apa yang ditentukan oleh Allah s.w.t. Namun begitu UMNO Barisan Nasional menggunakan kesempatan yang sama di Stadium sendiri dengan aturcara yang kita lihat pada mulanya dipanggil Aman Malaysia tapi bila kita tengok dalam TV, media massa diulang lagi, ulang lagi maka isu itu digunakan untuk menekan kita. Isu yang sama digunakan untuk menekan kita di mana dia mengatakan bahawa kita tidak bersama dalam perhimpunan tersebut. Sedangkan kita faham dalam perhimpunan tersebut, kalau kita tengok dalam Dewan Rakyat sendiri bersidang di mana telah

diaku dalam perhimpunan tersebut ada unsur-unsur maksiat di sana, adanya unsur-unsur konsert yang dibawa penyanyi-penyanyi bukan saja daripada Malaysia bahkan daripada Hong Kong untuk menarik rakyat. Kemudian digunakan kesempatan tersebut untuk menyatakan bahawa perpaduan ala-Malaysia, yang tidak nak hari ini 'ala' sesiapa tetapi yang hendak dipandu ialah 'ala' yang diajar oleh Allah kepada kita Al-Quran dan Sunnah sekiranya ia bercanggah harus kita sama-sama menolak dalam keadaan ini. Ini perkara yang harus kita lihat secara yang lebih besar, insya Allah.

Kemudian saya nak masuk sedikit berkenaan dengan ucapan Sultan juga, dalam muka surat 3 iaitu pembangunan insan. *Pembangunan insan ini Beta berharap kerajaan meneruskan aktiviti tazkirah, dakwah, tarbiyah kepada seluruh rakyat negeri Terengganu.* Isu ini saya ucap syabas kepada Exco yang terlibat kerana insya Allah setakat ini kita melihat bahawa suasana masjid-masjid dan surau sudah mula berubah, di mana kita sentiasa mendengar di cerong-cerong masjid dan surau suara-suara untuk memahami Islam secara yang lebih *syumul*. Kalau dulu kita melihat bahawa politik ini tidak boleh diajar di masjid, ini fahaman kita, politik tidak boleh diajar di masjid kalau ajar di masjid boleh menjadi masalah, menjadi rosak masyarakat. Sedangkan kita faham politik itulah yang kita ada di sini, kerana politiklah kita boleh berbahas, kerana politik kita boleh berhujah, kerana politik satu negeri tumbang, satu negeri boleh dibangunkan. Sedangkan perkara yang begitu besar telah diajar oleh masyarakat dahulu, bahawa politik tidak boleh diajar kerana menyebabkan pecahbelah dalam masyarakat. Jadi budaya ini sudah hilang, insya Allah di mana pada hari ini di mana-mana masjid kita membawa penceramah-penceramah daripada luar dan dalam untuk menceritakan suasana sebenar, penghayatan sebenar yang harus kita tegakkan dalam sebuah negara khususnya negeri Terengganu Darul Iman ini.

Dalam soal pendidikan, rata-rata kalau kita tengok dulu, awal-awal kita memerintah sibuk berkenaan tidak lulus tapak sekolah terutama wakil rakyat daripada pembangkang Wakil Rakyat daripada Ajil, Telemong, ayahanda saya orang lama daripada Seberang Takir, berkenaan dengan tapak-tapak sekolah ini Alhamdulillah, hari ini kalau kita tengok dalam jawapan bertulis dengan jelas kerajaan telah beri terlalu banyak tapak-tapak sekolah ini yang mana dengan jelas kepada kita bahawa kita tidak berpolitik tentang perkara ini. Kalau kita tengok dalam Permaisuri walaupun kawasan yang kecil, yang namanya Permaisuri anak bongsu, kita melihat hampir 11 tempat yang kita bagi dan ada satu lagi insya Allah, kita akan pertimbangkan dalam mesyuarat akan datang untuk kita bagi satu tapak yang baru saya harap Exco boleh tinbang tengok apa yang diminta satu tapak baru di Kampung Bintang, keperluannya di sana. Jadi maknanya perkara-perkara yang dituduh kepada kita itu akan terjawab sehari demi sehari dan terserlah di mana pada hari ini kemampuan kerajaan yang memerintah khususnya yang dipimpin oleh ulama pada hari ini, kita dapat masih bertahan walaupun kita punya kewangan yang cukup mendesak kita dalam beberapa perkara.

Dan terbukti dalam pendidikan ini peperiksaan yang kita lalui UPSR, PMR, SPM dan STP begitu cemerlang yang kita lihat. Namun dalam perkataan yang sedih juga kita melihat bagaimana hari ini peristiwa yang semalam pun dibincang hangat iaitu penutupan Maktab Rendah Sains Mara dua tempat di Dungun dan juga di Besut. Dalam penutupan UMNO dengan jelas mengatakan kita yang menutup, sehingga dia bercakap di TV, dia bercakap di ceramah di mana-mana mengatakan Kerajaan Terengganu zalim dan naiknya kain-kain rentang di mana-mana mengatakan di antara kezaliman kerajaan ialah menutup Maktab Rendah Sains Mara ini. Sedangkan dengan jelas dalam

debat yang kita tengok sendiri secara langsung, kita tengok bagaimana debat itu di mana Dato' Nazri sendiri bercakap dengan jelas bahawa kuasa saya menutup MRSM ini, tidak ada kuasa orang lain kuasa dia. Dan kita lihat semua dalam siaran langsung tersebut, ini membuktikan dengan jelas bahawa Kerajaan Pusat khususnya Barisan Nasional ada maksud yang terlalu dangkal dan ada unsur jahat di sana untuk menutup sekolah tersebut sedangkan kepentingan anak Melayu Terengganu ini amat besar di sana untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan sebagainya. Akhirnya peristiwa itu berlaku di mana dengan jelas kerajaan kita sendiri, saya ingat Yang Berhormat Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri daripada Pengkalan Berangan sendiri telah berjumpa dengan Perdana Menteri dalam soal ini untuk berbincang kembali menyelesaikan masalah supaya tidak berlaku penutupan. Ini dengan jelas bahawa kerajaan bersama-sama berbincang, memberi kerjasama cukup baik, kalau kita tengok dalam jawapanpun ada di sana jawapan di mana dijelaskan bagaimana tindakan yang dibuat oleh Yayasan Terengganu, perbincangannya, permesyuaratannya, tindakan yang dibuat akhirnya keputusan juga daripada Kerajaan Pusat khususnya kepimpinan UMNO Barisan Nasional, dengan jelas menutup sekolah tersebut. Dan kita terima keadaan ini lalu kita mengambil langkah yang lain dan saya mengucapkan syabas kepada Exco yang terlibat kerana menggunakan kekosongan yang ada walaupun keadaan ekonomi kita yang tersempit namun kita bertindak sekadar kemampuan kita. Dan kita harap sekolah yang kita cadangkan selepas daripada ini adalah satu sekolah yang akan boleh menampung ruang-ruang yang masih kosong.

Bercakap dalam soal ini juga Al-Sultan juga menyaran supaya ilmu fardhu Ain dan Bahasa Arab diberi penekanan. Ini cukup jelas di mana kita mempunyai Al-Sultan yang komited dengan agama ini menekankan kepada fardhu Ain dan Bahasa Arab tetapi yang sedih yang berlaku sekarang ini di mana-mana pun iaitu Sekolah Agama Rakyat ini mula dipinggirkan oleh Kerajaan Pusat khususnya Barisan Nasional di mana dengan jelas dalam ucapan Perdana Menteri sendiri, kalau kita tengok dalam media massa, dalam TV saban hari diperkatakan kenapa kita menutup Sekolah Agama Rakyat ini. Di antara sebab kalau kita tengok, banyak terlalu sebabnya sehingga kita pun celaru mana sebab yang sebenar. Mula-mula dia kata Sekolah Agama Rakyat ini tidak mengajar agama yang betul, kita pun duduk tengok mana hak betul mana hak tidak betul, tidak ada jawapan.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Laluan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Boleh, insya Allah.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya minta penjelasan, adakah ditutup SAR oleh Kerajaan Pusat ataupun apa? Sebenarnya jangan dikelirui di Dewan ini.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Terima kasih, terima kasih Yang Dipertua, soalan yang cukup baik daripada kekanda saya daripada Telemong, dia kata adakah kerajaan tutup dan mana bukti kerajaan tutup? Dalam debat tersebut telah jelas, dalam debat tersebut satu surat daripada Kerajaan Johor dengan jelas bahawa operasi sekolah tersebut telah ditutup, itu yang tutup. Tapi kerajaan dia punya pendirian, dia kata dia tidak tutup cuma dia tak bagi.

22 APRIL 2003

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Penjelasan, debat mana ni?

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Ya?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTARA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Debat mana ni?

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Tak tahu lagi kalau begitu, kalau begitu Y.B. kita tak tahu lagi.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya minta penjelasan Wakil Permaisuri tapi jangan gopoh. Beri penjelasan betul-betul, jangan gopoh. Perjelaskan isu ini supaya tidak keliru, kita jangan jadi jurucakap, hebat bercakap isu tak ada dan mengelirukan orang ramai.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Saya nak bercakaplah ni tapi jangan potong lagi. saya baru nak mula doh sekat doh payah sampailah, baru sejujrah baru. Pertama dia kata Sekolah Agama Rakyat ni ditutup dengan beberapa alasanlah di antaranya kerana mengajar ajaran yang tidak betul. Maksudnya ajaran tak betul tu dia tak berani juga nak kata

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Dipertua, saya minta pembetulan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Nanti dulu

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tidak ditutup, kerajaan tidak memberi bantuan

YANG BERHORMAT DATO` YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Telemong, beri peluang biar dia jawab, beri Yang Berhormat Permaisuri jawab.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Saya jawab, insya Allah. Kerajaan kata tidak tutup, itu *statement* dia tidak tutup tapi kita kata kalau lembu pun kita bela tak bagi air dan rumput lama-lama matilah.

YANG BERHORMAT ENCIK SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD KADIR (Wakil Jabi): Minta laluan.

YANG BERHORMAT DATO` YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Jabi minta laluan?

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Boloh, sila sahabat.

YANG BERHORMAT ENCIK SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADAR (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, saya pohon penjelasan daripada Permaisuri, sebagaimana yang ditimbulkan oleh ADUN Telemong tadi bahawa kerajaan tak tutup cuma tak beri bantuan. Jadi sebagaimana yang kita lihat seorang ayah yang memelihara anak tak beri makan ataupun sebagaimana orang yang menanam padi tapi disekat airnya. Adakah sama sebagaimana yang disebut oleh ADUN Telemong tadi, tidakkah dengan sebab menyekat air ataupun tak beri makan menyebabkan pokok itu akan mati dan anak itu akan mati sebagaimana Sekolah Rendah Agama Rakyat yang akan mati disebabkan tiada bantuan daripada kerajaan?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dato' Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Soalan dia, dia tanya saya.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Ya, soalan dia tidak betul.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan dia tuju kepada Permaisuri, Yang Berhormat Wakil Telemong giliran Permaisuri bercakap.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih Permaisuri. Perbandingan yang diberi oleh Jabi amat jauh Yang Dipertua dan sebab-sebab yang dibaca cuma saya nak pembedulannya ditutup ataupun tidak diberi bantuan, itu saja. Sudah berpuluh-puluh tahun diberi bantuan dan tidak diberi itu sebab-sebabnya bukan ditutup.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Telemong cukup, beri masa untuk dia menjawab.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Terima kasih. Jadi saya tak jumpa lagilah orang tanam padi kalau tidak bubuh air hak dalam baruh melainkan hak atas bukit saya tak tahulah, dalam baruh mesti nak ada air kalau tak ada air dia akan mati. Sekolah Agama macam itulah, dia tak tutup tapi dia ada belit sedikit di sana, dia tidak tutup dia tak bagi bantuan tapi dia nak suruh hidup sendiri. Tak apalah, saya ingat ini boleh

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Saya dok beri doh hak ni, saya banyak lagi nak bercakap ... apa benda?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dok beri doh, sedikit saja. Bagus Permaisuri, terima kasih banyak. Yang Dipertua, kita telah berbudi banyak doh kepada

Sekolah Agama Rakyat Jadi kita minta PAS pula biar jadi *ayadiuha* pula, bagaimana komen Permaisuri?

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Terima kasih, kita dalam perkara agama ini kita tak kira siapalah UMNO ke, Barisan Nasional ke bila berbentuk agama kita beri sokongan. Tapi UMNO dalam perkara ini dia kena jelas bahawa Sekolah Agama ini dia takut, sebab-sebabnya dia bagi tujuh lapan sebab tapi *point* yang paling besar yang kita tengok bahawa Sekolah Agama Rakyat ini yang dikatakan oleh setengah-setengah ahli politik, dia kata Sekolah Agama Rakyat ini juga tempat mengajar adanya unsur-unsur tempat mendidik menjadi pegganas dan sebagainya. Namun banyak-banyak tu yang kita tengok, sebenarnya dia takut kepada perkembangan yang berlaku dalam dunia pada hari ini, yang mana orang agama ini sudah mula dapat ditonjol ke hadapan, kalau dulu orang pakaian jubah, pakai serban ini dia rasa tak layak nak duduk di pejabat duduk main di surau, di masjid hari ini kita melihat bahawa budaya itu sudah hilang dalam pemikiran masyarakat, di mana masyarakat sudah menerima bahawa mereka-mereka beragama ini walaupun keadaan berjubah, berserban mereka mampu memimpin dan terbukti pada hari ini. Jadi benda-benda yang semacam ini saya harap kerajaan terutama Kerajaan Pusat akan menilai balik perkara ini kalau sekiranya dia bercita-cita melihat Islam ini dengan dasar yang dia buat bahawa mengisytiharkan negara Malaysia ini Negara Islam sudah tentulah dia berfikir semula, adakah layak dia bertindak di atas Sekolah Agama Rakyat ini sedangkan Al-Sultan sendiri menyarankan kepada kita Kerajaan Terengganu supaya fardhu Ain dan Bahasa Arab ini diberi penekanan yang sungguh-sungguh.

Kembali kepada masalah lain, masa saya amat suntuk ini . . .

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA Masa Yang Berhormat ada seminit lagi tu.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Seminit . . . saya pun nak gulung selalulah kalau seminit, saya nak minta kerajaan melihat kawasan saya terutamanya projek perumahan, kawasan saya Permaisuri yang saya tengok masih sunyi dan sepi dengan projek besar, iaitu saya nak minta projek perumahan di Putera Jaya di Permaisuri bukan di Kuala Lumpur, dilihat kembali. Kemudian kita nak minta juga di Kuala Baru, Kuala Mangkok yang mana kita melihat masalah masyarakat setempat yang berlakunya kadang-kadang malapetaka yang kita tidak ingini, saya harap perkara ini harus dilihat bersama oleh kerajaan dalam menangani perkara tersebut. Dan saya nak jawab juga berkenaan tuduhan dalam Al-Haq mengatakan bahawa Permaisuri khususnya ada 80 lot tanah saja yang diselesaikan oleh kerajaan, mengatakan bahawa kerajaan ini membohongi rakyat. Hari ini saya nak baca, saya nak bagi tahu bahawa setakat ini bermula pada hari ini Rancangan Peserta Tanah Berkelompok yang telah dikeluarkan Lesen Menduduki Sementara sebanyak . . . campur Langkap dengan Permaisuri iaitu 1,256 lot, yang ini kita telah memberi LMS. Dan pengeluaran Borang 5A, Borang 5A ni lepas bayar jelas boleh geran, iaitu sebanyak yang telah kita keluarkan setakat ini 1,064 lot. Kemudian tanah haram, tanah ni yang dikatakan 30 tahun tadi tu, PAS baru memerintah 3 tahun, 30 tahun ni zaman UMNO patut UMNO selesai dah. Jadi saya nak bagi tahu dalam kawasan sayalah khususnya jumlah pengeluaran Borang 5A bayar jelas bagi permohonan tanah Pemustautin Tanpa Hak sebanyak 411 lot, satu tahniah yang cukup besar yang saya beri kepada kerajaan khususnya pimpinan Tuan Guru.

Itu saja, terima kasih terutama kepada Yang Berhormat Dato' memberi ruang kepada saya, yang kasar itu, yang tidak baik itu daripada kelamahan saya, yang baik daripada Allah s.w.t. kita adukan supaya Allah s.w.t. sentiasa merestui kepimpinan kita dan terus mentadbir Terengganu dengan aman dan berpandukan al-Quran dan Sunnah. Asslamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Dibukakan lagi, sila Air Putih.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para pemerhati dan muslimin muslimat yang dihormati Allah sekalian. Alhamdulillah, sama-sama kita bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana pada pagi ini diberi kesempatan lagi kepada kita untuk membuat perbahasan di dalam Dewan ini di atas Ucapan Titah Sultan pada 20 haribulan yang lalu.

Saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri yang mana telah disebut oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan berhubung dengan keamanan di dalam negeri Terengganu ini setelah diperintah oleh Kerajaan Barisan Alternatif. Cuma yang menjadi celaru, yang dibuat celarunya oleh UMNO dan Barisan Nasional saja tapi Alhamdulillah, rakyat pada hari ini rata-rata memberi sokongan kepada kerajaan baru dengan beberapa perkara yang telah dilakukan oleh Barisan Alternatif terutama sekali berhubung dengan tanah. Sebab itulah kita tengok kelmarin sehinggakan pihak pembangkang, sebut kata hal tanah saja mengigau selalu, celaru selalu pas dalam kepala diapun celaru sehingga membuat tuduhan DO takut kepada JSR, kencing, Wallahualam.

Alhamdulillah, oleh kerana perkembangan yang ada dalam negeri Terengganu ini berhubung dengan tanah yang begitu banyak sekali yang telah diluluskan oleh pihak Kerajaan Negeri yang telah disentuh oleh sahabat-sahabat saya tadi dan semalam oleh Wakil Paka berhubung dengan tanah, kami juga mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri kerana di kawasan kami juga telah pun banyak ... sebagaimana yang disebut oleh Permaisuri tadi. Malahan sudah puluhan tahun tiap kali pilihan raya tarik rantai, hari tu rantai besi le ni pakai rantai plastik doh, tiap pilihan raya tarik rantai lepas pilihan raya ni insya Allah kita bagi ... kalau nak bagi kena undi Barisan, 30 tahun lebih kecek ke rakyat. Inilah kerja Barisan Nasional, UMNO, tipu, kecek, putar belit memang kerja dia, kalau tak tipu, tak belit bukan UMNO. Alhamdulillah, setelah kita perintah baru tiga tahun, tiga dengan empat puluh, maklumlah kalau nak banding tiga dengan empat puluh jauh *jelak*. Tapi Alhamdulillah, tiga tahun ni kita dapat meluluskan, hak empat puluh tahun

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bahasa apa guna tadi?

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Jauh *jelak* orang Terengganu faham dohoh. Kita perintah tiga tahun ini dapat Alhamdulillah, Kerajaan Negeri dapat prihatin dapat lulus

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bahasa bangku Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): dan Kemaman mengharapka insya Allah, kalau Tuan Guru, Yang Amat Berhormat pergi seminggu buat program siang malam pun saya rasa tak dan habis.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Dipertua, penjelasan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Dipersilakan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya cadangkan Air Putih ni tukar Air Keruh, Yang Dipertua, *jelak* sangat.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Pasal tu saya kata doh, kepala tu dahlah celaru berat ... celaru serupa ya ... serupa ya celaru tak dok kerja lain masuk dalam Dewan ni. Alhamdulillah, jadi saya kira telah pun banyak terutama sekali hasil kerjasama daripada pihak pegawai-pegawai kerajaan Pejabat Tanah dan PTG, dan agensi-agensi lain Felda dan Felcra, di kawasan Kemaman saja setakat ni telah menunggu beberapa program ataupun aturcara yang sedang menunggu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tuan Guru untuk merasmikan atau untuk menjadikan majlis kesyukuran kerana kelulusan-kelulusan tanah yang telah diluluskan oleh pihak kerajaan.

Cuma saya ingin menyentuh sedikit berhubung dengan beberapa perkara untuk memberi kemudahan lagi kepada rakyat. Setelah Kerajaan Negeri mengenakan 10 peratus daripada nilai tanah semasa maka di sini saya ingin memberi sedikit pandangan kepada kerajaan. Memang di antara tanah-tanah yang ada di dalam kawasan-kawasan terutama sekali di Kemaman beberapa kategori tanah, satu tanah yang telah ditambah oleh pihak kerajaan dan dibagi lot. Tanah ini syarat yang biasanya dikenakan oleh kerajaan hendaklah menyediakan rumah kemudian akan dibagi geran hakmilik kekal. Tetapi apa salahnya pada pihak kerajaan untuk menimbang balik kepada tanah yang tidak ditambun yang diberi sama ada di dalam paya ataupun di tanah bukit yang memerlukan kepada perbelanjaan rakyat untuk menambunnya dan untuk memproses tanah-tanah bukit. Apa kiranya kalau kerajaan dapat menimbangkan tanah-tanah yang seumpama ini setelah rakyat menambun dengan sendiri dan memotong bukit-bukit yang tinggi untuk dijadikan tapak lot rumah, diberi hakmilik sebelum mereka ini menyiapkan rumah. Ini adalah baik kepada rakyat kita yang sekarang ini memang kita telah mengetahui dengan kewangan yang begitu terbatas oleh pihak Kerajaan Negeri untuk menambun tanah untuk dibagi kepada rakyat tetapi kita mampu untuk memberi lot-lot yang belum siap dengan sepenuh, melainkan tanah itu tanah yang tidak payah ditambun dan tidak payah dipotong.

Walaupun demikian, saya mengucapkan terima kasi kepada Kerajaan Negeri yang mempunyai kewangan yang sedikit tetapi dapat memerintah dengan baik. Perbezaan dengan Kerajaan Barisan Nasional dahulu, duit ribu-ribu juta dulu tetapi memerintah negeri tidak begitu aman, selalu disebut oleh Kerajaan Barisan Nasional, perpecahan ... perpecahan, Alhamdulillah zaman kita ni tak dok perpecahan. Rakyat duduk kata celaru ... celaru kelmarin tu bukan rakyat, pemimpin UMNO saja

yang celarunya rakyat dok celaru. Kita panggil rakyat *interview* beratus-ratus, berduyun-duyun rakyat mari, tak dok masalah walaupun borang JSR. JSR buat keluar borang rakyat mari juga, menunjukkan rakyat dok celaru. Inilah satu dalil yang cukup jelas, yang celarunya golongan mereka dan Alhamdulillah.

Saya ingin juga mengambil perhatian berhubung dengan tanah ni terutama sekali hakmilik tanah peneroka Felda yang telah disebut oleh sahabat saya daripada Paka pada semalam, yang mana hakmilik kepada peserta Felda ni hampir makan masa 25 tahun baru habis bayaran kepada pihak Felda kepada pihak kerajaan, ini satu masa yang amat panjang. Saya rasa pihak Kerajaan Negeri boleh menyemak semula dari segi peraturan-peraturan tanah yang boleh kita mengeluarkan hakmilik segera, hakmilik sebelum daripada habis hutang dengan Felda. Berhubung dengan hutang dengan Felda terserah kepada peserta dengan Felda tetapi bagi kita pihak Kerajaan Negeri, kalau sekiranya ada peraturan-peraturan ataupun undang-undang yang boleh kita lihat bersama untuk kita memberi hakmilik kepada peserta-peserta Felda yang sekarang ini memang di kalangan peserta-peserta Felda telah begitu tua, dah lama tidak boleh geran lagi. Apatah lagi apabila kita nak beri geran ada pula kacau-ganggu, kita nak bagi geran daripada pucak Ajil nun pergi ke Neram duduk kempen, geran palsu ... geran palsu, ini penyakit besar yang berlaku pada Kerajaan Negeri.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Waki Ajil): Penjelasan, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Sila.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Yang Dipertua. Itu satu tuduhan Yang Dipertua, saya tidak pernah melafazkan itu geran palsu. Demi Allah, saya tak pernah melafazkan itu geran palsu. Itu satu tuduhan, saya minta tarik balik, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Saya pun boleh juga pakai ayat kelmarin, 'saya dengar orang kata,' boleh juga. Tapi 'tiga Abdul' dia pergi belaka tiga-tiga, ada hak bawa golok, ada hak ... sama saja nak merompak belaka. Ada pula hak pergi kacau-ganggu, nak beri geran, royat geran palsu ... tak beri tanah, kata bila lagi kerajaan bagi beri tanah? Beri tanah, sibuk pula ... saya rasa barangkali puak-puak takut ke tanah, takut ... pada hal mati masuk dalam tanah. Tak apalah, baru-baru ni kita buat penyampaian hakmilik kepada orang asli, orang asli tu pun pergi kecek juga tak beri terbit tak usah ambil geran tapi betulan orang asli dekat saya cerdik, cerdik daripada hak pergi mengempen.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Ya, sila.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hak tukang kecek, ke hak kecek orang asli tak beri sunat, sama ke?

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Tak apalah, kalau saya kata teruk lagikan marah pula. Tapi Alhamdulillah orang asli cerdik, dulu dia kata 30 tahun dia

merintah tak bagi orang merintah baru nak bagi dia sekat pula kita. Ini penyakit cerdik tak cerdik orang asli. Allhamdulillah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bahasa orang asli macam tu Yang Berhormat?

YANG BERTHORAMT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Lebih kurangnya ... dekat hamba lebih kurang begitulah. Saya kembali lagi kepada hakmilik Felda tadi. Sekarang ini terutama sekali di kawasan pedalaman, terutama di kawasan saya yang memang hasil kelapa sawit berkurangan disebabkan beberapa halah terutama sekali dari segi buahnya tidak begitu baik dan harganya tidak begitu baik maka potongan untuk menjadikan hakmilik tu terlampau panjang. Maka sampai masa ketikanya kelapa sawit terpaksa ditebang maka peserta terpaksa berhutang lagi, hakmilik tak dapat lagi maka berlakulah perkara-perkara kesukaran kepada rakyat terutama sekali berhubung dengan kematian yang tidak dapat hakmilik geran maka nak buat pesaka, nak buat tarikh tak boleh. Apabila berlaku kerajaan mengambil balik nak bayar atas dasar kerajaan tak boleh, maka saya mengambil kesempatan dalam Dewan ini supaya Kerajaan Negeri memikir dan menganbil perhatian kepada peserta-peserta yang berada di dalam tanah Felda berhubung dengan hakmilik yang dinanti oleh peserta-peserta Felda.

Satu lagi yang saya ingin kemukakan di sini dalam Dewan ini berhubung dengan tekanan-tekanan yang dilakukan oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Saya melihat tidak ubahlah seperti Amerika menekan kerajaan Iraq, setelah dia nak pergi rompak duit royalti minyak di Iraq, dia pula royat tak apa kita akan baiki ... membina Iraq dengan duit ehsan. Sama saja macam negeri Terengganu ni juga, cuma buat lawa saja kononnya dialah pembela rakyat, pembela kepada Islam. Macam serupa juga buat lawa nak bela Pulau Batu Putih, negeri serah ke orang tak bela, nak bela Pulau Batu Putih hak duduk tenggalam dengan tidak di dalam air, *celup celak-celup celak* dalam air. Pulau terbutir serah dok ambil kira, ini kezalaman yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional kepada negara itu sendiri. Inilah perkara yang mendukacitakan kita dan pada petang kelmarin ucapan daripada Yang Berhormat sahabat saya daripada Kemasik, hari ini tidak hadir, nak ajak bermuafakat, nak bincang molek, lama doh belum kita merintah hari tu kita ajak bincang sokmo doh, ajak debat tak jadi, ajak apa-apa saja doh kita ajak ... zaman dia merintah dulu Peristiwa 13 Mei semua rakyat tahu Kerajaan Barisan terhimpit panggil PAS ajak bincang. Boleh saja kita duduk dekat dia, dia tendang kita, ini perangai Barisan Nasional, UMNO ni kerja dialah. Walau macam mana pun kami sebagai Wakil Rakyat tidaklah nak menolak dari segi perbincangan-perbincangan ataupun permuafakatan-permuafakatan yang diajak yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Alternatif, PAS ni, insya Allah saya rasa pimpinan kita sentiasa terbuka dalam hal-hal ini. Tetapi janganlah masa kita rasa tersempit kita ajak orang, masa rasa kita segar sedikit, naik sayap sedikit kita tebas orang. Inilah perkara-perkara yang tidak sepatutnya berlaku kepada Kerajaan Barisan Nasional, UMNO.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin sebut lagi beberapa perkara berhubung dengan bangunan-bangunan yang ada di dalam tanah kerajaan sama ada dibina oleh pihak Ketengah ataupun agensi-agensi lain, seperti balai raya, dewan dan sebagainya. Saya mengharapkan pihak kerajaan supaya mengeluarkan surat supaya penjagaan dewan ataupun balai raya sama ada digunakan oleh Kemas, dikeluarkan surat melalui Pejabat Daerah kepada JSR ataupun kepada Majlis-majlis Perbandaran,

tak kira bangunan itu dibuat oleh siapa saja asalkan ia hakmilik kerajaan, hakmilik tanah kerajaan dan insya Allah, sekarang ni memang Barisan Nasional, UMNO nak guna tapak tulah nak kempen dia pun, nak pergi kempen ceramah atas balai raya tulah. Pasal tu kalau orang ambil balai raya sibuk sangat sebab tak dok tempat, tak dok sarang le ni, tak boleh nak telur molek. Insya Allah, kalau kerajaan mengeluarkan surat hakmilik penjagaan kepada Pejabat Daerah dan ke pada JSR mudah-mudahan JSR akan jaga dengan baik dan membuat aktiviti-aktiviti kemasyarakatan di atas balai raya dan dewan-dewan yang masih lagi sekarang ini tidak diberi kuasa hakmilik kepada Pejabat Daerah dan kepada JSR untuk menjaga kawasan-kawasan, balai-balai raya dan dewan-dewan yang masih ada lagi di dalam tanah kerajaan.

Satu perkara lagi yang ingin saya sentuh dan orang lain sebut belaka hal kawasan dia, kawan pun nak sebut jugalah. Memang orang sudah sedia maklum DUN Air Putih ni walaupun orang kata air keruh pun tak apa keruh putih, kawasan saya ni memang kawasan luaslah dengan infranya buruk, tidak mencukupi terutama sekali berhubung dengan penggunaan air yang amat ketara setakat ini oleh kerana loji-loji air yang dibina dulunya terlampau kecil dan penduduk terlampau banyak dan menyebabkan kegunaan air tidak mencukupi ada kawasan-kawasan terpaksa dicatu. Memanglah kalau dulu orang duduk sibuk nak buat padang golf, buat padang golf tak apa tempat orang main, tempat minum air kita utamakan dulu. Kita tidak nafikan dia buat juga tapi dia utamakan padang golf dulu patut tengok juga rakyat nak minum air dulu buat juga air dulu menyelesaikan masalah rakyat. Tapi Alhamdulillah, saya harap pihak Kerajaan Negeri yang ada pada hari ini

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan Yang Dipertua, penjelasan.

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Sila ... sila.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Adakah masalah air ini melibatkan juga pemberian kawasan balak menyebabkan air keruh?

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Guana kata, sekali lagi gok?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Adakah masalah di kawasan Air Putih tersebut kesan daripada kerja-kerja pembalakan di kawasan tersebut sehingga menimbul masalah air kepada penduduk di situ?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Apa kaitannya?

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Saya rasa tidak mustahil juga tapi dilakukan oleh kerajaan dulu, hak dulu tebang balak banyak le ni sedikit saja, orang sebut dah baru ni kan. Le ni berapa ribu saja hak dulu berpuluh-puluh ribu, kes dulu ni, semua kes dulu belaka. Oleh kerana kawasan saya ada kawasan agak jauh dan satu perkembangan yang baik juga di kawasan saya yang barangkali tidak dilihat oleh kerajaan dulu dan sekarang dan saya ingin mengambil perhatian kepada kerajaan yang ada pada hari ini terutama sekali walaupun kita tidak ada kewangan yang baik dari segi Kerajaan Negerinya tetapi Kemaman ni Alhamdulillah dengan

adanya Majlis Perbandaran yang agak kaya sedikit daripada orang lain, maka saya melihat di kawasan Jabor bersempadan dengan Pahang boleh dimajukan oleh kerana di sana pun ada pelabuhan dan di Kemaman pun ada pelabuhan. Insya Allah, rakyat di luar negeri sekarang ni lebih mari Terengganu sebab mari Terengganu ni rumah tak kena cukai pintu, duduk balik Pahang kena cukai pintu baik duduk balik Terengganu. Jadi saya haraplah kawasan saya ni di bawah pimpinan Majlis Perbandaran Kemaman yang memang telah pun dirancang oleh Yang Dipertua dulu untuk dimajukan. Cuma saya mintanya supaya dipercepatkanlah kerana kawasan DUN Air Putih ni kebanyakan orang-orang kampung, orang-orang darat, memang kebanyakannya kerja menjadi petani dan menjadi pekerja-pekerja kilang yang sesuai di kawasan kami tu dibangunkan dengan kemajuan yang akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Itulah harapan kami.

Agaknya pada pagi ini sekadar itulah saja ucapan saya dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan yang memberi sokongan yang padu kepada kerajaan yang ada pada hari ini sehingga berjaya kita melaksanakan memerintah negeri Terengganu ini walaupun ditekan, dibom oleh Kerajaan Barisan Nasional Pusat tetapi Alhamdulillah, Tuhan menyebelahi kita. Wabillahi taufik wa hidayah wasalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Air Putih yang menggunakan masa pada kadar yang paling ekonomik dan ucapan yang menggunakan istilah baru, dua istilah baru yang dikemukakan pada pagi ini satunya *celup celak* dan keduanya *jauh jelak*. Jadi saya bukakan lagi untuk perbincangan.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Bisillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Dewan, wakil-wakil jabatan, tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati sekalian. Pertama syukur Alhamdulillah dan ucapan terima kasih saya kepada Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap sama dalam menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sempena perasmian Sidang Kelima Bagi Dewan Undangan Negeri Kesepuluh pada dua hari lepas. Dan mengambil peluang sama dalam ucapan untuk mengucapkan jutaan tahniah dan junjung kasih di atas ucapan yang jelas oleh baginda Tuanku.

Dato' Yang Dipertua, di dalam peluang yang sama-sama kita mendengar Titah Ucapan Tuanku berkenaan sekali gus pada hari berkenaan kita juga telah didedahkan oleh dua akhbar utama negara iaitu temuramah NST dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, dipaparkan dalam surat khabar Berita Harian dan NST. Secara keseluruhannya saya melihat suatu kesedaran baru Yang Amat Berhormat dan juga PAS sendiri barangkali sebagai Pemangku Presiden PAS, di mana Yang Amat Berhormat sebagai Ketua Kerajaan selama tiga tahun lima bulan merasakan suatu bebanan yang amat besar untuk mentadbir sebuah negeri apa lagi untuk mentadbir sebuah negara, dan sokongan beliau telah diberikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku peneraju serta kejayaan yang telah dibawa oleh Perdana Menteri dalam negara kita ini telah pun diakui seluruh dunia. Terima kasih kita ucapkan, ini melambangkan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, suatu yang perlu kita fikirkan bersama terutamanya Ahli-ahli Dewan, sahabat-sahabat saya daripada Air Putih yang kita dengar sebentar tadi apa yang diperkatakan.

Dato' Yang Dipertua, dalam Titah Tuanku jelas dan saya rasa begitu terharu dengan penekanan yang diberikan oleh baginda Tuanku walaupun begitu kita kena faham bahawa ucapan seorang Sultan kepada rakyatnya, kepada pemimpin kerajaannya tidak sebagaimana ucapan kita, tidaklah sebagaimana rakan kita daripada Air Putih tadi, dengan begitu senang kita nak perkatakan. Tapi kita perlu faham ... yang saya faham penekanan diberi sejak awal oleh Tuanku mengenai kesatuan dan perpaduan ummah merupakan perkara penting yang perlu dikekalkan, perlu disemarakkan dan perlu dijadikan panduan oleh Kerajaan Negeri untuk menjadi Terengganu Darul Iman kita ini berjaya dalam hasrat kita bersama.

Yang kedua Dato' Yang Dipertua, diberi penekanan pembangunan yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri, iaitu pembangunan insan dan pembangunan ekonomi supaya landasan yang betul dan landasan ini disokong, diperakui oleh baginda Tuanku supaya diletakkan dan dilandaskan supaya negeri Terengganu ini lebih berjaya sebagaimana yang kita harapkan. Jelas di sini dan saya percaya inilah hasrat kita bersama. Dato' Yang Dipertua, saya melihatkan untuk menjadi kejayaan ataupun kecemerlangan itu sendiri, inilah faktornya perpaduan dan kesatuan. Tetapi Dato' Yang Dipertua untuk mewujudkan perkara ini bukanlah senang di dalam kita bernegara dan juga dalam kita membentuk suatu perkara bukan senang, mudah untuk diperkata tapi sukar untuk kita lakukannya. Dato' Yang Dipertua, kita sedar perpaduan dan kesatuan ini wujud atau boleh diwujudkan dalam suasana yang harmoni bermula daripada kasih sayang, kasih sayang yang berlandaskan Islam, yang indah, yang berteloransi, yang tegas dan syumul bukanlah Islam yang dibawa dengan hanya betul di sebelah pihak kita semata-mata, dengan menutup pintu dan membuat andaian bahawa orang lain tidak betul, orang lain tak boleh belaka, kita yang boleh. Inilah yang kita bimbang dan inilah yang dibimbangi oleh Tuanku kerana Kerajaan Negeri yang kita ada pada hari ini sebenarnya kerajaan yang kuat, 28 kerusi berbanding dengan 4 kerusi saja pembangkang. Dan pembangkang ini sebenarnya tugas dia untuk membetulkan sebagaimana Yang Amat Berhormat mengakui di dalam temuramah berkenaan bahawa beliau berkata kita mengakui peranan pembangkang. Dan sebagai pembangkang juga, Kerajaan PAS juga kita perlu wujudkan pembangkang di dalam PAS itu sendiri supaya lahir teguran-teguran yang membina, supaya lahir hasrat bersama yang kita kehendaki itu. Inilah pokok pangkalnya Dato' Yang Dipertua, kalau kita lihat pada hari ini dan ucapan Ahli-ahli Dewan sanggahan dan sebagainya, saya tidak pernah dengar dalam Dewan ini tiga tahun lima bulan supaya ucapan terima kasih, satu ucapan tahniah kepada peranan Kerajaan Barisan Nasional, UMNO selama berpuluh tahun yang dikatakan menjadikan negeri Terengganu sebagai sebuah negeri yang berjaya daripada sebuah negeri yang mundur, rakyatnya begitu rupa pada hari ini telah berjaya termasuk Ahli-ahli Dewan, termasuk juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar, termasuk Ahli Exco dan sebagainya.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, minta laluan sedikit?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Permaisuri minta laluan?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Biar saya teruslah Dato' Yang Dipertua ...

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Boleh?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Bolch ... boleh tapi kena pendek.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Terima kasih ... terima kasih, terima kasih Yang Dipertua. Saya rasa soalan tadi tu ... pernah wakil-wakil rakyat kita ada cakap kita ucap terima kasih kepada UMNO juga yang baik, kita tak nafi macam Dewan ni pesaka dia. Alhamdulillah terima kasih. Tapi yang tak baik tu tetap tak baik, jangan kata umum begitu tadi.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Okay, terima kasih. Jadi inilah pokoknya Dato' Yang Dipertua, supaya kesedaran yang pertama dari Permaisuri ini ... ini satu perubahanlah, mudah-mudahan hati kita, kalbu kita terbuka. Kita terima segala kritikan ini bukanlah kritikan yang tidak membina, bukanlah kami bangkitkan perkara fitnah dan kita sebagai pemerintah pula jangan segala-gala yang kita buat tu betul. Kerana apa yang kita buat ini sebenarnya perlu dilihat oleh orang lain, cermin itu daripada orang lain.

Jadi Dato' Yang Dipertua yang kedua ... yang pertama itu saya kata sebagai individu rakyat, sebagai individu masyarakat dalam negeri kita ini untuk mewujudkan kesatuan dan perpaduan setiap individu itu hendaklah mempunyai etika yang tinggi, kualiti hidup yang tinggi. Ia membolehkan seseorang individu itu mempunyai etika yang tinggi ia bermula daripada hati kalbu kita. Maka Dato' Yang Dipertua, saya menjelaskan di sini sebagai kita orang pemimpin politik, kita sebagai orang yang bertanggungjawab di Dewan yang mulia ini, hendaklah bermula dengan hati yang mulia, hati yang ikhlas serta kalbu yang baik, jangan ada buruk sangka, jangan ada perkataan yang tidak baik dan jangan ada suatu syak wasangka kepada pihak yang lain walhal kita tidak mengetahui sebenarnya apa yang berlaku selagi perkara itu tidak jelas kepada kita. Tapi Dato' Yang Dipertua, inilah yang berlaku kepada pemimpin-pemimpin PAS sebenarnya. Apa yang mereka war-warkan seluruh negara konon-kononnya dalam pilihan raya 1999, mereka menang 28 kerusi mereka menganggap rakyat Terengganu keseluruhannya berada di belakang mereka. Tapi Dato' Dato' Yang Dipertua, sebenarnya kita semua tahu, semua rakyat tahu kemenangan PAS itu bukan bererti rakyat menyokong PAS, sebenarnya kemenangan yang berlaku itu adalah satu isu seluruh negara yang besar. Sedarlah wahai Kerajaan Negeri sebenarnya banyak peranan yang perlu dimainkan supaya ... ini peluang yang diberikan oleh Allah s.w.t., peluang yang diberi oleh rakyat untuk memperjelaskan perjuangan Islam yang diperjuangkan berpuluh tahun itu sebenarnya.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Yang Dipertua, laluan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Kampung Raja minta laluan?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Yang Berhormat ada masa Yang Berhormat, kita diberi 20 minit seorang.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Sedikit saja nak tanya.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya minta maaf.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak bagi.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tak apa, Yang Berhormat boleh bangkit nanti, terima kasih. Inilah peluang kepada kita, jangan kita melakukan ... ini hak dok betul semua ni, berpuluh tahun dok betul. ini semua dok betul ... ini semua dok betul, semuanya didedahkan kepada rakyat. Malah institusi JKKK yang berada di kampung-kampung yang selama ini bergerak, walaupun kita mengakui kesemuanya tidak lengkap dan tidak sempurna selagi dipanggil manusia tapi dihina sebegitu rupa dan dijanjikan kepada rakyat penggantian JSR yang sebegitu rupa yang diberitahu pada tahun 2000, harapan rakyat menggunung tinggi. Tapi apa kita lihat pada hari ini sebenarnya, apa yang diberitahu oleh rakan saya pada hari kelmarin daripada Kemasik, apa yang berlaku daripada atas hingga ke bawah tidak ada ilmu, tidak ada pendidikan kepada kepimpinan ini diberi tetapi apa yang dibuat ialah mengikut sesuka hati. Inilah hasilnya tidak segan-segan rakyat bercakap

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Laluan, Yang Diipertua?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): pada hari ini Dato' Yang Dipertua, di rata-rata rakyat bercakap bahawa pemimpin-pemimpin

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Minta penjelasan, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): termasuk pemimpin JSR ini berleluasa malah

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka minta laluan?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, dia dah ada masa dia, dia bercakap kelmarin saya tidak beri laluan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Minta penjelasan, sebab dia sebut bab JKKK ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak bagi.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dato` Yang Dipertua, malah pegawai-pegawai kerajaan yang satu ketika dulu memberi tumpuan dan harapan yang besar kepada Kerajaan PAS untuk membimbing mereka tetapi meleset sama sekali.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tak berani *setabok* nak tanya.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Jadi Dato` Yang Dipertua, jelas pada hari ini rakyat, pegawai kerajaan semua bercakap apa yang dinyatakan oleh pemimpin PAS ini, Kerajaan Negeri ini sebenarnya indah *khobar dari rupa*. Indah kata-kata daripada tindakan dan inilah yang dibimbangkan oleh kerajaan di bawah naungan baginda Tuanku. Dato` Yang Dipertua, saya ingin menyarankan

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Dato` Yang Dipertua, penjelasan?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): saya menyarankan supaya kita sama-sama

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Penjelasan Wakil Telemong?

YANG BERHORMAT DATO` YANG DIPERTUA: Air Putih minta laluan?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Air APutih sudah doh, beri saya pula.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Yalah, boleh *sekolek* jadi.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih, dok boleh *sekolek* doh. Saya nak sedikit lagi ... Dato` Yang Dipertua, masa ada lagi kepada Kerajaan Negeri, Kerajaan PAS kerana pada hari ini rata-rata rakyat telah sedar ... saya percaya kalaulah dari segi kekuatannya pada hari ini kalaulah besok Yang Amat Berhormat Menteri Besar atau Yang Dipertua setuju, besok bubar dua tiga Dewan Undangan Negeri, adakan pilihan raya termasuk kawasan yang kuat mencelah Bukit Besi, Bandar, rakan saya di Permaisuri, termasuk Air Putih, termasuk Paka, saya pasti Dato` Yang Dipertua, rakyat akan menyedarkan pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri mereka tidak akan menyokong pemimpin PAS. Ini ingatan awal saya.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Penjelasan, Dato` Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Laluan, Dato` Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Dengar saya kata dulu, dengar saya kata dulu Kampung Raja

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat
Dato' Yang Dipertua, dua ni minta penjelasan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
.... ini saya mengingatkan kepada PAS, ini dicatat, saya minta Dewan mencatat ... saya
mengingatkan pada hari ini sebab ruang masih ada untuk memperbetulkan, beri pendidikan yang
betul kepada mereka-mereka ini supaya memimpin negeri kita ini dengan baik.

Dato' Yang Dipertua, apa lagi yang kita sebut dalam Titah Tuanku juga menyebut supaya
ditekankan dan bagi Tuanku sokong pembangunan yang ditekankan kepada pembangunan insan
dan pembangunan ekonomi. Dato' Yang Dipertua, dalam masa yang ringkas ini saya lihat apa
yang ditekankan oleh Kerajaan Negeri untuk membangunkan rakyat serta insan-insan ataupun
individu yang berada di dalam negeri kita ini dengan sebegitu rupa sangat baik, saya percaya betul
dengan ungkapan sebegini malah saya menyokong tetapi keliru di atas slogan-slogan yang cantik-
cantik, comel-comel belaka, *Membangun Menurut Islam* dan sebagainya. Tetapi apa tindakan, apa
yang dibuat oleh Kerajaan Negeri jauh daripada keadaan sebenarnya yang kita lihat. Dato' Yang
Dipertua, kita tengok apa yang berlaku di dalam kampung percanggahan yang besar, akuilah Dato'
Yang Dipertua, JSR tidak berperanan sebagaimana yang diharap oleh Kerajaan Negeri. Saya tahu,
kita di dalam Dewan ini mengharapkan tindakan baik, yang sempurna tetapi tidak dijalankan dengan
baik. Masjid, surau saya tidak melihat suatu pertambahan kehadiran yang ramai malah apa yang
berlaku dalam masjid, surau ada berlaku kekeliruan yang besar, ketakutan yang besar kepada
mereka-mereka sebagai orang tengah, atas pagar untuk pergi ... apa lagi hari Jumaat dengan
khutbahnya menghentam sana sini sebagainya. Ini suatu perkara yang perlu dibaiki dan tidak perlu
diteruskan.

Dato' Yang Dipertua, begitu juga di atas kerakusan pimpinan Kerajaan Negeri kita dengan
memberi amaran kepada pihak-pihak yang terlibat dengan Kerajaan Negeri terutamanya pegawai-
pegawai Kerajaan Negeri, terutamanya Imam dan Bilal dengan amaran yang sebegitu rupa, yang
sebegitu keras, yang begitu ... sehinggakan dicanggah Imam dan Bilal, amarannya *jangan terlibat
dengan JKKK*, bukan jangan minum arak, jangan buat berjudi tapi *jangan terlibat dengan JKKK*
semata-mata. Tetapi Imam dan Bilal yang pandang jauh ke depan, mereka sebenarnya Dato' Yang
Dipertua jelas menentang dan tidak meletakkan jawatan sebagaimana diarahkan. Begitu juga saya
melihat sekali lagi sebagaimana yang dibangkit oleh sahabat saya Wakil Ajil, dalam tempoh tiga
tahun 15 kali pertukaran pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu dan sebagainya
dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Kalau kita tengok dalam 15 kali ini, kalau dibagikan dengan tiga
tahun seolah-olah setiap pegawai ini bertugas selama 2.4 bulan, tidak sampai dua bulan setengah di
satu-satu tempat. Bagaimana mereka hendak bertindak untuk menjalankan dengan efektif tugas-
tugas mereka ... nak kenal kampung pun tak dan lagi Dato' Yang Dipertua, sut-sut dia kata, biarlah
... ikut pandailah. Sebab itulah JSR berkeluasa, JSR menggunakan peluang ini seolah-olah
merekalah yang mengatur itu dan ini dan sebagainya. Perlu diketahui Dato' Yang Dipertua, ini
tidak berkesan. Saya memohon perkara ini diambil perjalanan.

Dato' Yang Dipertua, kelam kabut bertambah di mana kalau kerajaan dulu kita telah menyusun daripada kita susah sampai kita dapat kesenangan dan sebagainya; kita menyusun pembangunan insan ini, menubuhkan agensi-agensi Kerajaan Negeri yang boleh membangun dengan cepat dan juga dengan berkesan. Yayasan Islam Terengganu, Yayasan Terengganu, YPK, MAIDAM dan sebagainya ditubuhkan oleh kerajaan dahulu supaya perkara ini berlaku. Kita lihat pada hari ini Dato' Yang Dipertua, jelas diakui oleh kerajaan pada hari ini meneruskan peranan agensi-agensi ini. Tetapi sayang Dato' Yang Dipertua, peranan agensi-agensi ini diubahsuai dan nak cepat, maksud yang boleh saya katakan di sini, biar agensi-agensi ini menjadi mata dan telinga parti kerajaan, parti PAS. Jadi ini yang kita persoalkan Dato' Yang Dipertua dan saya ingin menggesa di Dewan yang mulia ini kembalikan peranan agensi-agensi ini dengan begitu baik dan berkesan supaya mereka dapat dilihat oleh rakyat sebagai tempat berteduh, tempat bernaung untuk melihat negeri Terengganu ini makmur dan maju dengan hasrat yang suci mulia itu.

Dato' Yang Dipertua, saya agak kesal apabila laporan telah diketengahkan tetapi tidak diambil tindakan. Saya ingin mendedahkan kepada Dewan ini di dalam sebuah Yayasan yang saya sebut tadi berlaku suatu penyalahgunaan kuasa oleh pihak tertinggi yang menerajui sebuah yayasan ini, iaitu Yayasan Pembangunan Keluarga Negeri Terengganu. Di mana pelajar-pelajar atau orang ramai, anak-anak rakyat di bawa ke Yayasan ini untuk didedahkan dengan berbagai-bagai kemahiran supaya anak-anak ini dapat sedikit sebanyak yang tidak dapat pergi ke IPTA dan sebagainya pengajian mereka diteruskan tapi dididik, diberi kemahiran boleh memasuki pasaran dan menjadi ketua keluarga dan juga ahli keluarga dapat menyumbang kepada hasil kerja atau pendapatan mereka kepada keluarga. Tetapi Dato' Yang Dipertua, inilah orang kita cakap senang tetapi melihat peluang di hadapan maka goyah iman mereka. Satu perkara telah berlaku di mana peruntukan yang diberi kepada Yayasan Pembangunan Keluarga Negeri Terengganu telah disalahgunakan di mana anak-anak yang dilatih di Bengkel Jahitan Yayasan ini telah digunakan dengan begitu bijak untuk kepentingan pihak-pihak tertentu. Saya bagi contoh Dato' Yang Dipertua, pihak YPK telahpun terkenal daripada dahulu, daripada Kerajaan Barisan Nasional melatih anak-anak ini kemudian diberi bantuan, bukan saja bantuan diberi elaun harian kepada pelajar-pelajar atau pelatih-pelatih di sini. Tetapi dalam pengurusan kerajaan baru ini Dato' Yang Dipertua, Tabung Kemahiran Negara daripada Kementerian Sumber Manusia yang menyumbangkan satu sumbangan yang besar kepada YPK dengan jumlah yang sebegitu baik tapi digunakan oleh Pengarah berkenaan pada ketika itu dengan melihat ini satu peluang perniagaan, dengan menubuhkan pula anak syarikat dan dipindahkan bantuan yang dikatakan bantuan itu sebagai pinjaman kepada ... kalau boleh saya sebut di sini kepada sebuah syarikat yang ada kepentingannya oleh Pengarah Yayasan Pembangunan Keluarga, yakni Syarikat Forum Timur Sdn. Bhd. Dato' Yang Dipertua, jumlahnya besar berlaku di sini, RM950,000 dan barangkali sebab kesedaran awal ... terima kasih dan tahniah diucapkan kepada Kerajaan Negeri tetapi tidak cukup. Kesedaran awal dilihat di atas penyelewengan dan salahguna ini maka berlakulah barangkali pertukaran pentadbir di pejabat ataupun di agensi berkenaan tetapi tidak cukup Dato' Yang Dipertua. Saya ingin melihat Jawatankuasa Hisbah melihat perkara ini dan jika ada perkara ini ini berlaku jangan sorot, dedahkan kepada rakyat dan tindakan perlu diambil. Tetapi saya tidak nampak pada hari ini orang yang berkenaan masih kekal, bukan kekal di situ tetapi masih bertindak dalam parti PAS dan masih terlibat agensi utama Penerangan Negeri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Masa Yang Berhormat satu minit lagi.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Yang kedua peluang saya yang sedikit ini, saya ingin mendedahkan juga dalam dasar tanah Kerajaan Negeri yang begitu baik, saya ucapkan terima kasih, tahniah sambungan daripada berpuluh-puluh tahun tadi isu tanah ni nampaknya baik. Tetapi Dato' Yang Dipertua, saya ingatkan Kerajaan Negeri pada hari ini tidak boleh buat apa, tak dok benda lain yang buat melainkan tanahlah yang menjadi modal, menjadi pancingan mereka kepada rakyat. Sebab itulah semua wakil bercakap tanah dan sebagainya.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Nak buat benda lain guana duit demo ambil, harap ke tanah saja.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya ingin mengemukakan satu perkara yang berlaku di Kuala Berang iaitu penganugerahan dua lot tanah PT. 8363 dan PT. 8364, Mukim Kuala Berang. Diberi kepada dua penama, Abidin bin Abdul Samad dan Ismail bin Othman, kawasan ini kawasan pinggir Pekan Kuala Berang. Dato' Yang Dipertua, Kuala Berang tu bandar tak berapa besar mana tapi ini kawasan tanah bandar. Dalam Dasar Tanah Kerajaan Negeri sangat baik, dasarnya nak beri tanah ... dasar tanah baru untuk 1/4 ekar ataupun 0.100 hektar seorang sebagai tapak rumah kepada rakyat. Satu lagi Dasar Tanah Haram untuk buah-buahan dan sebagainya lebih kurang dua hektar, kelapa sawit satu hektar dan sebagainya. Saya sokong usaha ini diteruskan tetapi ini tanah bandar kepada pemilik Encik Ismail bin Othman bukan orang Terengganu. Saya tengok daripada ICnya ada 02 bukan 11 di situ, Dato' Yang Dipertua. Tetapi dianugerahkan dua lot tanah ini dengan keluasan hampir 10 hektar, di tanah bandar. Dan jawapan kepada soalan saya, untuk pembinaan Pusat Tarbiah dan Pendidikan, kita sedar Pusat Tarbiah ni Pusat Tarbiah PASlah, parti PAS.

Saya nak beritahu Dewan Dato' Yang Dipertua, di kawasan ini juga kita melalui Jabatan Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Persekutuan telah memohon untuk membina sebuah sekolah rendah, Dato' Yang Dipertua. Kerana sekolah rendah yang ada di kawasan ini tidak dapat menampung

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Masa Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): tapi ditolak, ditolak penganugerahan kepada Kementerian Pendidikan untuk rakyat buat sekolah tetapi diberi kepada orang ini, bukan buat Pusat Tarbiah saya tengok tanam timun Cina pada hari ini. Jadi sebenarnya dia berselindung ... saya boleh nasihatkan kepada

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Laluan Yang Berhormat Telemong?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): saya nasihatkan kepada Dewan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat, masa

22 APRIL 2003

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
.... sedikit saja lagi Yang Berhormat Yang Dipertua, nak perhabis ayat ini, saya banyak lagi point-point tapi nak habis ayat ini saja. Anugerahlah ... tak usah berilah kepada Abidin, kepada Ismail tanah-tanah ini, berilah kepada parti PAS dan jadikan mereka ini sebagai Pemegang Amanah saja pun tak apa. Kita tidak membantah sebab Parti PAS sebagai Kerajaan Negeri, beri tak apa nak buat bangunan Tarbiah tapi jangan berselindung di sebalik individu ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Terima kasih, saya minta maaf banyak Yang Dipertua. Banyak perkara yang perlu saya bangkitkan tetapi dengan masa yang terhad tetapi niat saya, harapan saya semoga kita dapat memainkan peranan di Dewan yang mulia ini membangunkan negeri kita ini sebagaimana dikehendaki oleh Tuanku, melihat kejayaan negeri Terengganu selaras dengan hasrat kita semua.

Sebagai akhirnya, Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekian, terima kasih

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
..... nak sambung ayat akhir

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih ... terima kasih

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Terima kasih banyaklah. Wabillahi taufik wahidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, dipersilakan lagi. Rantau Abang.

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):
Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, muslimin, muslimat yang dihormati lagi dikasih sekalian.

Ada beberapa perkara yang saya nak sentuh daripada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan. Yang pertama yang berkait dengan perpaduan di mana semua umat mengajak pengikut masing-masing ke arah perpaduan tambahan lagi dari sudut agama Islam kita. Dalam al-Quranulkarim Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud: *Sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara di antara satu sama lain.* Dalam satu hadis yang lain, yang diajar di sekolah di peringkat menengah yang bermaksud: *Tidak sempurna iman seseorang daripada kamu jika kamu*

tidak kasih kepada orang yang lain, yang beriman sebagaimana kamu kasih ke atas diri kamu sendiri. Dalam perkara ini, suka saya menarik perhatian ucapan daripada Wakil Kemasik yang menyentuh tentang Berita Minggu 20 April. Bagaimana kenyataan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tuan Guru yang telah memberi sokongan kepada Perdana Menteri dari sudut dasar luar kepada Amerika dan tidak mengambil pinjaman daripada IMF di peringkat kewangan dunia. Atas asas inilah maka dikatakan sudah wujud satu perpaduan yang baik antara PAS dan juga UMNO, dan juga Kerajaan Barisan Nasional. Untuk maklumat semua, isu perpaduan ini menjadi isu yang utama yang dibincang sejak tahun 80-an lagi sehingga timbul isu-isu muzakarah dan juga debat. Dan Setiausaha Agung PAS Pusat telah menghantar surat kepada Setiausaha Agung UMNO sejak daripada dulu untuk mengadakan muzakarah dalam perkara-perkara yang ditimbulkan perpecahan orang-orang Melayu dan orang-orang Islam tetapi sehingga hari ini tidak mendapat jawapan yang positif. Sebenarnya kami daripada Parti Islam se-Malaysia (PAS) terbuka dalam menghadapi isu-isu bersama. Saya nak ambil contoh beberapa perkara, dalam isu Sekolah Agama Rakyat, Naib Ketua Pemuda PAS Pusat sanggup menyahut cabaran daripada seorang Menteri, Wakil Rakyat Cenderoh untuk hadir dalam satu program yang berbentuk terbuka untuk membincangkan tentang Sekolah Agama Rakyat. Di mana Wakil Pemuda ini turun di atas nama Parti Islam adapun wakil daripada Parlimen Cenderoh turun di atas nama peribadi, tak sanggup turun di atas nama UMNO ataupun Barisan Nasional. Untuk maklumat semua, beratus-ratus keping kad yang kita beri kepada beliau untuk membawa penyokong dan pengikut masing-masing tetapi Ahli Parlimen Cenderoh menyerahkan balik kad kerana alasan dia turun di atas dasar peribadi bukan di atas dasar parti. Dalam isu politik Almarhum Dato' Presiden sanggup bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana isu yang melibatkan bersama dari sudut menentang penjajahan kepada umat Islam di Palestin.

Dalam kita membincangkan masalah perpaduan pada masa yang sama Kerajaan Pusat memandang serong kepada Kerajaan Negeri dengan mewujudkan berita-berita, siaran-siaran merendahkan Kerajaan Negeri. Dan untuk maklumat semua Kerajaan Negeri juga telah menghantar surat kepada Perdana Menteri untuk membincangkan masalah royalti petroleum, yang diambil daripada Kerajaan Negeri dengan cara yang dianggap beradab tetapi tidak mendapat apa-apa jawapan daripada pihak Kerajaan Pusat.

Yang kedua, Tuanku Al-Sultan juga menyentuh masalah tazkirah, dakwah dan tarbiah yang menggambarkan hasrat Kerajaan Negeri, hasrat Sultan sendiri nak melihat Kerajaan Negeri kita berada dalam keadaan baik. Tetapi yang menimbulkan masalah ada agensi-agensi lain, jabatan-jabatan lain, saya bercakap secara terang seperti PDRM yang menganjurkan konsert dalam negeri kita, yang seolah-olah tidak menghormati hasrat Kerajaan Negeri, tidak menghormati hasrat pihak istana sendiri dalam masalah nak menjaga keharmonian dan kebaikan kepada rakyat negeri.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Alhamdulillah kesungguhan yang ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri, saya alu-alukan di atas memupuk perpaduan dan kebaikan kepada rakyat dengan penubuhan UPI, dengan penubuhan mubaligh di peringkat cawangan, kampung atau seumpamanya dan juga mewujudkan tazkirah di bulan Ramadan. Sepanjang 30 malam di Pantai Batu Buruk rakyat boleh bersembahyang dengan baik dan boleh mendengar tazkirah tiap-tiap malam yang tidak berlaku di negeri lain yang diperintah oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Dalam ucapan saya pada hari ini juga saya nak mengucapkan syabas kepada Majlis Daerah Dungun. Beberapa minggu lepas mereka berjaya merampas beratus-ratus keping VCD lucah dengan kerjasama yang cukup baik daripada Pejabat Daerah dan PDRM Kawasan Dungun. Saya ucapkan tahniah, mudah-mudahan kerja yang baik ini dan kesatuan yang ditunjukkan dapat diteruskan daripada masa ke semasa.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dari sudut pendidikan. Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan juga menyentuh masalah pendidikan. Kerajaan Negeri mengambil berat masalah pendidikan. Sebagai contoh, dalam jawapan bertulis yang diberikan tapak sekolah yang dituluskan di bawah Kerajaan Negeri semasa pemerintahan Kerajaan Barisan Alternatif dengan suatu jumlah yang besar, iaitu sebanyak 53 buah yang telah dituluskan tapak oleh Kerajaan Negeri dan banyak lagi yang dalam proses kelulusan dengan keluasan lebih daripada 346 hektar, satu jumlah yang sangat luas. Adapun ada berita-berita luar yang menyatakan bahawa Kerajaan Negeri seolah-olah tidak berminat pendidikan, melewat-lewatkan, menolak dan scumpamanya dengan tidak dipaparkan kepada rakyat mengapa tempat-tempat ini ditolak, apakah Kerajaan Negeri nak buat di atas tempat yang ditolak itu, tak diberitahu kepada rakyat di seluruh negara.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya juga melahirkan perasaan sedih dengan penutupan MRSM Dungun dan juga di Besut. Saya mengambil contoh, dua MRSM ini antara MRSM yang terbaik dan di Dungun tahun lepas merupakan keputusan MRSM yang terbaik di seluruh negara dari sudut keputusan peperiksaan. Dan dua-dua MRSM ini pelajarnya lebih daripada 1,000 orang, cuba kita bayang daripada 1,000, 800 saja anak-anak jati negeri Terengganu kita yang cerdas, daripada anak-anak orang PAS, anak-anak orang UMNO, anak nelayan, anak petani, anak pegawai, anak pekebun. 800 orang ini jika mereka dididik dan tarbiah dengan baik, ditabur seluruh negeri, seluruh daerah insya Allah akan menjadi kepimpinan yang boleh membangunkan negara dengan baik dan negeri Terengganu dengan baik pada masa yang akan datang. Saya tidak menafikan walaupun dipindah ke MRSM lain mereka boleh belajar tetapi di sana berlaku pertukaran budaya, berlaku masalah kewangan yang melibatkan keluarga, berlaku masalah payah lawatan dan scumpamanya yang menimbulkan sedikit kesan kepada pelajar-pelajar tersebut. Saya pernah hadir di MRSM tersebut tiap-tiap tahun dalam program kecemerlangan yang dianjurkan oleh pihak Yayasan. Kita boleh tengok ketawa hilai anak-anak kita, bagaimana sukanya ibu bapa

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Penjelasan, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):
Saya ada sedikit lagi, lepas ni saya bagi. Saya bagi lepas ni, duduk dulu. Kita boleh tengok bagaimana suara hilai anak-anak kita, guru-gurunya dan keluarganya hadir di majlis penyampaian anugerah daripada pihak Yaysan Negeri. Tetapi saya yakin suara-suara ini mungkin tidak dapat didengar lagi di MRSM dalam masa terdekat selepas daripada ini. Sila -

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, Wakil Telemong.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya nak minta penjelasan Rantau Abang, Maktab Rendah

Sains Mara Dungun ni, pihak mana yang menajanya kemudian di atas bangunan milik siapa Maktab Rendah ini. Dan berlaku perkara itu adakah Yang Berhormat yakin sebenarnya perundingan daripada pemilik bangunan dengan penaja tidak baik, tidak molek sehingga berlaku peristiwa yang tidak diingini oleh kita semua. Dan saya yakin, sebab Maktab Rendah Sains Mara ini dibina sebelum tahun sembilan puluh sembilan lagi. Ini bermaknanya kegagalan Kerajaan Negeri, agensi Kerajaan Negeri untuk berunding dan menjadi hasrat sebagaimana Yang Berhormat tadi tercapai. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tak bercadang nak jawab semua sekali apa yang dibangkit oleh Wakil Telemong. Cuma dalam jawapan soalan bertulis yang saya kemukakan kepada pihak kerajaan telah menyatakan dengan jelas bagaimana perbelanjaan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 1985 sehingga 2002 yang melebihi daripada RM7 juta lebih, satu perbelanjaan yang sangat besar. Dan saya tidak nafikan di sana ada perbelanjaan juga daripada pihak Mara yang melibatkan tenaga-tenaga pengajar. Dan saya berharap Exco yang berkenaan dapat menjawab dengan lebih detail selepas daripada ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Sultan juga menyebut masalah pengurangan kadar kemiskinan. Sebenarnya tanggungjawab membela orang miskin ini bukan sahaja daripada Kerajaan Negeri malah daripada Kerajaan Pusat. Alhamdulillah, Kerajaan Negeri walaupun tidak ada kewangan yang cukup, dirampas royalti petroleum tetap membayar dengan kadar yang tinggi RM60.00 dinaikkan kepada RM100.00, RM100.00 dinaikkan sehingga RM250.00. Dan tak berlaku negeri-negeri lain yang diperintah oleh Kerajaan Barisan Nasional yang dianggap kaya, yang dianggap mewah, yang dianggap pandai mentadbir, ada yang bayar RM50.00 saja, kita mengatasi daripada apa yang dibayar oleh negeri lain. Dari sudut kerajaan pula saya tidak nafikan mereka juga membayar kepada rakyat yang miskin daripada ehsan dan seumpamanya. Di tangan saya ada laporan

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Penjelasan, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Saya nak bercakap, ada sedikit lagi lepas ni saya bagi.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Minta penjelasan?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak bagi laluan.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Laporan Parlimen mengatakan perbelanjaan duit ehsan, mungkin orang kampung rasa sedikit barangkali RM300.00 saja boleh, barangkali Kerajaan Pusat tak bagi banyak. Laporan Parlimen daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyatakan bahawa tahun 2000 saja wang ehsan yang dibelanjakan ke Terengganu RM360 juta. 2001, RM295,750,000.00, 2002 RM939 juta,

22 APRIL 2003

empat bulan tahun 2003 hingga 15 Mac, RM77,350,000.00. Ini perbelanjaan yang melibatkan RM1.67 bilion

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka) Yang Berhormat, Yang Berhormat tahu ke dok pas ke mana pitis tu?

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang) Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, oleh kerana duit ehsan ni tak diberi pengurusan kepada kita, kita dok tahu di mana perbelanjaan. Dan rakyat negeri Terengganu pada hari ini tak sampai satu juta.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong) Penjelasan, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang) Sedikit lagi

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong) Saya minta penjelasan

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA, Dia tak beri laluan

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang) Rakyat negeri Terengganu tak sampai satu juta, jika kita ambillah dengan mudah satu juta semua rakyat ni dapat RM300.00 seorang, yang miskin, yang kaya, yang tua, yang muda, yang cacat, yang sihat dapat RM300.00 seorang baru RM300 juta. Sekarang RM1.600 juta, di mana kewangan ini yang sepatutnya dipertikaikan kepada masyarakat dan kita mendedahkan perkara ini untuk menjadi pemikiran kepada masyarakat bagaimana kewangan ni ditadbirkan sekarang yang didedahkan oleh pihak Parlimen. Dan untuk maklumat Yang Dipertua, kita rasa amat malang apa yang berlaku sekarang, walaupun Kerajaan PAS tak boleh duit ehsan Alhamdulillah rakyat boleh melalui saluran-saluran lain. Tetapi ada kenyataan baru daripada Timbalan Menteri Kewangan, saya nak baca dengan izin Dato' Yang Dipertua - *Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Mohd Shafie Salleh berkata ini kerana penemuan telaga minyak yang jauh daripada pesisiran pantai Terengganu membolehkan ia dinyatakan sebagai milik Kerajaan Pusat sekali gus digunakan untuk membiayai negeri-negeri lain. Oleh itu kita menerima beberapa permohonan daripada negeri lain yang mengatakan mengapa hanya Terengganu saja yang layak mendapat dana khas sedangkan ia milik Kerajaan Pusat. Perkara ini masih di peringkat kajian oleh Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan dianggotai oleh wakil beberapa Kementerian*

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka), Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, minta laluan? Adakah Yang Berhormat Rantau Abang bersetuju kalau saya beri pandangan, sesungguhnya pihak Kerajaan Pusat tidak berpuas hati dengan kepimpinan UMNO yang membahagikan wang ehsan ini, cara dia yang menyebabkan wang ehsan tersebut ingin diagihkan luar daripada negeri Terengganu

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa dah memang timbul satu keraguan daripada kepimpinan Kerajaan Pusat melihatkan jumlah yang begitu banyak

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Penjelasan, Dato' Yang Dipertua. Penjelasan Yang Berhormat Wakil Rantau Abang?

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):
..... tetapi tak diagihkan dengan yang sepatutnya.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Sebenarnya wang ehsan itu tak wujud dah Yang Berhormat. Wang ehsan ni sebenarnya tidak wujud, kalau kita lihat istilah yang ada sekarang ini.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tukar Dana Khas, serupa ya saja.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Itu lain ...ejanya lain, belajar sekolah sedikit ke tak pandai mengaji?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Takkan Dana Khas jadi bhat Thailand pula.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Peluang diberi kepada saya ni untuk lahan?

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):
Yang Berhormat Dato',

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat Rantau Abang.

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):
Wakil Telemong menyebut bahawa wang ehsan ni lain daripada dana khas. Ini jawapan daripada Parlimen, soalan dia di Parlimen – *Apakah perbezaan di antara Tabung Pembiayaan Wang Ehsan dan Tabung Dana Khas Persekutuan?* Menteri jawab – *Untuk maklumat Yang Berhormat pada peringkat awal peruntukan yang diberikan kepada Kerajaan Negeri dikenali sebagai Program Wang Ehsan bermula 2002 akaun tersebut ditukar nama kepada Program Dana Khas. Pertukaran nama tidak melibatkan peruntukan khusus.*

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Cuba sebut apa perbezaan dia, dia mesti ada perbezaan?

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):
Tidak melibatkan apa-apa peruntukan khusus, nama saja tukar.

22 APRIL 2003

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Tukar nama, tukar nama faham lah tu.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Mesti lain.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Macam Malaysia Negara Islam lah, tukar nama saja.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Ismail dengan Satiful, mana sama?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, biar dia memberi penjelasan

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Sultan juga menyebut tentang masalah tanah. Dalam bab chsan tadi dibayar RM300.00 seorang dalam masa setahun jika dibagi ikut hari 80 sen sehari, itu saja yang dicapai oleh rakyat daripada RM1.6 bilion yang dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat.

Dalam masalah tanah, Sultan memuji keprihatinan Kerajaan Negeri yang telah meluluskan 34,000 permohonan tanah yang telah selesai. Alhamdulillah. Pihak Kerajaan Negeri lain dan PTG Negeri lain gagal untuk menyelesaikan masalah tanah sebagaimana yang dibuat oleh Kerajaan Negeri. Cuma saya nak mengambil satu kisah, satu peristiwa yang berlaku 19 Mac baru-baru ini di Dungun, apabila Pejabat Tanah Dungun mengadakan temuduga terbuka bagi RTB tapak rumah Padang Pulut. Kita boleh tengok bagaimana kejahatan-kejahatan beberapa pihak lain, yang kata terus terang saya kata JK KK. Ada satu siaran TV untuk maklumat wakil-wakil pembangkang *Salam Pantai Timur* dipanggil JK KK ni *Jin Kafir Kacau Kampung*, dalam TV saya tak sebut dalam TV sebut. Kita setakat *Jin Kacau Kampung*, dia sebut benar JK KK ni *Jin Kafir Kacau Kampung* dalam satu sendaloka yang dibuat. Ini RTM nipun Zainuddin Maidin juga yang keluar.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dia berlakon orang PAS lah tu, perangai orang PAS begitulah tu dilakonan semula. Sebenarnya itulah sebenarnya

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Wallahualam, sama ada berlakon PAS wallahualam tapi itulah yang distarkan dalam TV.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasihlah mengaku tu ... terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pada 19 Mac bagaimana lebih kurang 20 orang wakil-wakil UMNO, JK KK kampung yang menunjuk perasaan seolah-olah membantah pembahagian tanah. Malah ada JK KK yang pergi ke rumah penduduk kampung "awak jangan hadir lah temuduga, kalau

hadir temuduga pun saja ini semua kempen musim pilihan raya.” Dia ingat PAS ni macam UMNO dulu, yang hanya beri borang, panggil temuduga kemudian senyap begitu saja. Dan juga saya berharap kepada pihak Pejabat Tanah, apabila membuka suatu kawasan RTB pertanian ke, tapak rumah biar buat kajian tempat itu sesuai atau tidak. Saya nak ambil contoh apa yang berlaku di zaman Kerajaan Barisan Nasional di Dungun, ada dua kawasan satu kawasan dia Lubuk Kawah, satu kawasan dia nama Padang Pak Samad yang telah diberi TOL di zaman UMNO beratus-ratus orang tetapi tidak ditunjukkan lot sehingga sekarang. Lalu kita mengarahkan Pejabat Ukur kita turun, bila turun hanya lima peratus saja kawasan yang boleh digunakan untuk tapak rumah, 95% lagi ditenggelami oleh paya sehingga ke tengkok, sampai tenggelam orang, sampai dekat pinggang. Cuma saya berharap penelitian dibuat pada masa yang akan datang.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Masa Yang Berhormat seminit.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Dato' Yang Dipertua, di Parlimen baru ni juga membincangkan sempadan pilihan raya. Saya nak mengambil kesempatan di Dewan yang mulia pada hari ini merasakan sangat sedih dengan sikap SPR yang seolah-olah saya anggap alat kepada UMNO, Kerajaan Barisan Nasional. Bagaimana negeri yang kuat orang Melayu, yang majoriti orang Islam yang kuat PAS, Terengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis tak ditambah walaupun satu daripada kerusi Parlimen. Adapun negeri-negeri lain, negeri Johor, negeri Pahang, negeri Melaka, Negeri Sembilan ditambah jumlah-jumlah kerusi Parlimen. Alasan SPR beritahu, berdasarkan kepada pertambahan penduduk.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya nak tanya Yang Berhormat, adakah Kerajaan Negeri Terengganu mencadangkan tambahan? Saya nak tanya Yang Berhormat, adakah Kerajaan Negeri Terengganu, PAS mencadangkan tambahan kepada SPR? Sebab SPR tidak boleh jawab dalam Dewan ni, saya nak tanya Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini cadangan daripada SRP berdasarkan kajian dia, berdasarkan kajian daripada SRP sendiri peringkat Parlimen, di mana Terengganu berlaku pertambahan peratus penduduk 21.76% di Terengganu, di Pahang saja

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tidak adil kepada SPR, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Telemong, sila duduk.

YANG BERTHORMAT MULIA ATENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya nak adil kepada SPR, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila duduk, dia nak terang dulu.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Yang bela sangat SPR ni ke UMNO belakang SPR ni?

22 APRIL 2003

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Tidak . . . sebab dia . . .

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya kata Yang Berhormat Telemong sila duduk hormat Dewan sedikit. Saya nak beri peluang dia jawab.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Terengganu pertambahan peratus penduduk 21.76 peratus tak ditambah walaupun satu kerusi Parlimen. Adapun di Pahang, 21.34% makna dia sedikit daripada Terengganu ditambah 3 kerusi Parlimen yang menggambarkan bahawa Kerajaan Pusat cukup bimbang kalau tambah di Terengganu tiga empat lagi semua akan dimenangi oleh Parti Islam se-Malaysia (PAS) boleh menggegarkan di Parlimen pada masa yang akan datang.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Masa Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):
Saya ada dua perkara lagi Dato'.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak boleh dah.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):
Dia ganggu lama saya tadi Dato'.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa ganggu tu, lebih dah.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):
Walaupun ada benda saya nak sebut lagi, setakat itulah saya ucap terima kasih kepada pihak Dewan mudah-mudahan memberi kebaikan kepada kita. Wallahualam, wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Wakil Jabi tadi nampak minta, sila.

YANG BERTHORMAT ENCIK SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para pemerhati, hadirin, hadirat, muslimin, muslimat sekalian. Terlebih dahulu saya rakamkan ucapan terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk sama-sama menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Tuanku Al-Sultan semasa merasmikan Dewan kita pada kali ini.

Di dalam ucapan Tuanku Al-Sultan ada menyebut permasalahan gejala sosial, di mana Tuanku menyebut bahawa penyelesaian secara adalah merupakan cara terbaik untuk menyelesaikan masalah gejala sosial yang ada di negeri Terengganu ini. Walaupun kita dimaklumkan bahawa berlaku penurunan dari segi kadar jenayah di negeri Terengganu tetapi kita mengharapkan supaya penurunan ini lebih meningkat di masa-masa yang akan datang. Oleh kerana itu saya menyarankan

kepada Kerajaan Negeri supaya meninstitusikan satu institusi baru selain daripada JSR dan juga Jawatankuasa Masjid di peringkat kampung, iaitu insituti PAKAT ataupun lebih dikenali Pakatan Kawalan Kampung. Dengan adanya peruntukan dan bantuan yang khusus daripada Kerajaan Negeri untuk mengemaskan lagi institusi yang sedia ada sekarang, di mana kita lihat institusi PAKAT yang ditubuhkan di peringkat DUN dan di peringkat Daerah, di peringkat kampung kadang-kadang mengalami masalah dari segi kelengkapan peralatan oleh kekangan kewangan dan masalah kewangan yang tidak disalurkan kepada mereka.

Di dalam Titah Ucapan Tuanku Al-Sultan juga ada menyebut berkaitan dengan perlu diadakan usaha untuk menarik golongan remaja untuk mendekati masjid. Saya menyarankan kepada kerajaan supaya kerajaan meningkatkan lagi motivasi-motivasi kesedaran para remaja, di mana program-program yang khusus untuk remaja seperti XPDC ataupun *summer camp*, yang kita lihat sekarang ini *summer camp* hanya ditumpukan kepada golongan pelajar saja. Tetapi kita mengharapkan supaya dibuat satu perubahan dalam program *summer camp* di mana kita kumpulkan remaja-remaja bermasalah, yang menghadapi masalah sosial di peringkat masing-masing, penagih-penagih dadah, kaki-kaki lepak, bohsia, bohan seumpamanya kita kumpulkan, kita aturkan program *summer camp* untuk memberi kesedaran baru kepada mereka.

Saya juga menyarankan supaya diadakan kuliah secara mingguan ataupun tetap kepada para Imam dan Bilal. Kerana kita dapati masih terdapat Imam Bilal berfahaman sekularisme yang memahami Islam dari konsep yang sempit, kita rasa tidak cukup dengan sekadar kursus yang diadakan sekali sekala ataupun hanya mendengar ucapan semasa majlis penyampaian elau sahaja. Tapi kita mesti adakan kursus ataupun kuliah secara mingguan ataupun tetap bagi Iman dan Bilal ini untuk memberi fahaman secara jelas kepada mereka, apa dia Islam yang *syumul* yang dipraktikkan dalam negeri ini.

Dato' Yang Dipertua, Tuanku juga ada menyebut berkenaan dengan sektor pertanian. Di mana kita lihat sekarang ini sektor pertanian golongan yang terlibat dalam sektor pertanian ini adalah golongan-golongan yang orang kata putus *hir* dah, *hir* ni satu istilah sebagaimana jauh *jelak* jugalah. Putus *hir* makna dia dah tua sangat dah yang menyebabkan kalau kita melihat dari segi Jawatankuasa Padang Ragut umpamanya, di antara sebut berlakunya kemunduran ataupun tidak membanggunya padang ragut disebutkan jawatankuasa itu dianggotai oleh orang-orang yang putus *hir* yang sudah tidak ada kecergasan dari segi minda dan juga dari segi tenaga dia, orang kata sekru longgar dah, longgar sekru yang menyebabkan kegiatan, aktiviti pertanian tidak dapat berjalan dengan lancar. Kita dapati golongan belia tidak berminat dengan aktiviti pertanian mereka lebih suka untuk berhijrah ke Singapura tapi sekarang doklah disebabkan SARS ni, Kuala Lumpur, Johor tapi yang terlibat dengan aktiviti pertanian kita dapati hanya sebilangan kecil sahaja daripada golongan belia yang terlibat dengan aktiviti pertanian, ternakan, perikanan dan seumpamanya. Oleh kerana itu saya menyarankan kepada Kerajaan Negeri supaya kita lebih memberi pendedahan tentang peluang-peluang yang ada pada generasi belia untuk menarik minat mereka supaya menceburi bidang-bidang pertanian. Kerajaan Negeri perlu merancang secara bersungguh-sungguh bagaimana untuk melahirkan usahawan dan belia tani yang berjaya di negeri kita ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin menyebut berkenaan dengan masalah tanah. Saya ucap syabas kepada Kerajaan Negeri, saya dimaklumkan bahawa PTG Terengganu diberi satu

peluang di peringkat nasional untuk membentangkan satu kertas kerja berkenaan dengan bagaimana penyelesaian tanah yang begitu cepat yang dapat dilaksanakan di negeri Terenaganu. Dan saya dimaklumkan juga kita telah meletakkan *target* sehingga Mac 2003, 50,000 permohonan kita mahu luluskan permohonan tanah tapi saya dimaklumkan sehingga sekarang telah melebihi daripada *target* yang kita tetapkan itu, dah lebih daripada 50,000. Ini satu kejayaan yang cukup cemerlang yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dan masalah kelulusan tanah ini apabila berlakunya pertukaran kerajaan kita dapat lihat banyak tanah-tanah yang telah lebih daripada 40 tahun, 30 tahun telah dapat diselesaikan. Di mana kita dapat lihat apa yang dilakukan oleh kerajaan yang lalu bukan sekadar mereka menipu rakyat yang terdiri daripada orang PAS, mereka bukan saja menzalimi orang PAS di dalam masalah kelulusan tanah tetapi kita dapati ramai yang menerima hakmilik adalah orang-orang UMNO, rakyat-rakyat daripada parti UMNO yang telah dianak-tirikan, yang telah ditipu, yang telah dizalimi oleh kerajaan mereka sendiri.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, begitu juga dari segi masalah perpaduan. Kita menekankan masjid sebagai tempat untuk kita mulakan perpaduan tetapi cukup sedih apa yang berlaku dalam DUN saya sendiri di DUN Jabi. Masjid Jabi, bila orang PAS nak naik ke masjid tiba-tiba dihalang oleh pemimpin-pemimpin UMNO setempat. Mereka nak angkat Tok Imamlah sedangkan Imam yang bertugas itu ialah Imam yang dilantik oleh Jabatan Hal Ehwal Agama, yang menyebabkan berlaku kekacauan, kekeruhan di atas masjid. Walaupun UMNO melaungkan slogan mahukan perpaduan tetapi yang sebenarnya mereka adalah merupakan jaguh yang memecah-belahkan masyarakat khususnya apabila ditubuhkan satu jawatankuasa yang diharamkan oleh Kerajaan Negeri yang dikenali sebagai JKKK, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung yang sedang melakukan kekacauan dan kerosakan di dalam masyarakat kampung hari ini.

Dato' Yang Dipertua, oleh kerana masa yang singkat dan ramai lagi sahabat-sahabat saya mahu menyampaikan ucapan, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan saya mengakhiri ucapan dengan wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sila Seberang Takir.

YANG BERTHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Beri masa saya sekejap Dato' Yang Dipertua, sebab masa Yang Berhormat Wakil Jabi sedikit sangat beri, ana lima minit.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Seberang Takir dulu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat rakan-rakan seperjuang Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, tuan-tuan hadirin, hadirat yang saya hormati sekalian.

Turut sama di dalam perbahasan menjunjung kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku dua hari yang lalu, sukaiah saya menyatakan beberapa perkara. Pertama Yang Berhormat

Dato' Yang Dipertua, saya mengharapkan satu Titah Ucapan yang agak panjang dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang mencakupi banyak perkara tapi malangnya harapan saya itu meleset, Duli Yang Maha Mulia Tuanku hanya berucap lebih kurang setengah jam sahaja dan terasa benar ucapan itu tawar, hambar dan tidak menarik. Ini bukan satu penghinaan kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku, seperti yang kita maklum bersama oleh kerana ini adalah titah

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang Dipertua, minta laluan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kampung Raja minta laluan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam Dewan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri, maka sekali gus menunjukkan ketawaran, kehambaran bahan-bahan yang adun oleh pihak yang berkuasa negeri. Ada yang minta laluan ke Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kampung Raja.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Dato' Yang Dipertua, adakah Yang Berhormat daripada Sebarang Takir melihat dari sudut sastera sedangkan ucapan Duli Yang Maha Mulia itu adalah merupakan fakta ... adakah dinilai ucapan itu sebagai nilai sastera?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Sebarang Takir): Tuan Yang Dipertua, saya pohon kesabaran Yang Berhormat Wakil Rakyat Kampung Raja mengikuti hujah saya dan insya Allah mudah-mudahan dapatlah kiranya Yang Berhormat membuat kesimpulan sama ada saya buat perkiraan kasar atau perkiraan halus.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Sebarang Takir diminta *speed* sedikit pasal masa terhad, saya terpaksa kena hentikan bila cukup masa. Masa Yang Berhormat sudah berjalan lima minit tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Sebarang Takir): Jadi Yang Berhormat minta saya selesaikan pukul 1.30?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pukul 1.12 saja.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Sebarang Takir): Pukul 1.12, saya ingatkan pukul 1.30.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tadi ada dibandingkan Amerika dengan Kerajaan Barisan Nasional, Bush dengan Mahathir, minyak Iraq dengan royalti di Terengganu. Tidak sampai di situ saya rasa harus jugalah dibandingkan Saddam dengan siapa di Terengganu ni, dengan Haji Hadi ke? Setakat itu pertanyaan saya.

Tapi apa pun Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa dukacita kerana nada temuduga, wawancara yang telah disebut oleh Ketua Kerajaan Negeri Terengganu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar seperti yang disebut oleh sahabat-sahabat saya, Alhamdulillah cukup bagus semacam berlaku satu *paradigm shift* tapi nipanya tidak dikongsi bersama oleh orang-orang, wakil-wakil rakyat seperti Paka dan lain-lain. Barangkali harus dia mendalami lagi apa yang telah disebut oleh ketuanya itu, Dato' Yang Dipertua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, menyentuh sedikit berhubung dengan pendidikan. Saya agak terkejut bila Yang Berhormat Wakil Ajil menyebut sekarang didapati pendaftaran mengikut kursus di KUSZA hanya 400 orang saja, ternyata jauh daripada yang biasa. Kalau ditanya kepada Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Negeri tentulah dia mengatakan seperti yang disebut dua hari yang lalu bahawa ada semacam kempen untuk memburuk-burukkan KUSZA termasuklah guru besar sendiripun. Saya pernah jadi guru besar Tuan Yang Dipertua, kadang-kadang murid-murid-kita atau bekas murid-murid kita yang mengambil peperiksaan SPM selalu bertanya dengan kelulusan kami ini kursus apa yang patut kami masuk, ke IPT mana yang patut kami masuk. Kita beri nasihat, kalau yang tak bagus, kita kata tak bagus kita tidak nak menganiayakan budak-budak. Jadi kalau adalah guru besar yang mengatakan bahawa sekarang tidak sepatutnya anak-anak Terengganu masuk ke KUSZA, saya rasa guru besar tu guru besar yang betul-betul bertanggungjawab, bukan guru besar yang nak kempen nak merendah-rendah taraf KUSZA.

Jadi oleh kerana masa tidak panjang Dato' Yang Dipertua, saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menyerahkan saja pentadbiran KUSZA kepada Kementerian Pendidikan. Saya percaya Persatuan Akademi KUSZA setuju, Dewan Tertinggi Pelajar insya Allah setuju, Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung bukan saja di Terengganu akan setuju dan sebahagian besar daripada sahabat-sahabat saya dalam Dewan Undangan Negeri inipun bersetuju dengan cadangan ini.

YANG BERTHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Berhormat Yang Dipertua, laluan. Laluan sedikit saja sebab pasal KUSZA ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Tuan Yang Dipertua tidak benar beri laluan. Biasanya laluan yang seluas-luasnya dibuka selepas saya bercap.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakil Bandar munta laluan Yang Berhormat? Sebarang Takir, Bandar minta laluan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Saya tahu Yang Dipertua, saya tak beri Tuan Yang Dipertua, saya tahu dia nak menyokong cadangan saya Tuan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Yang Dipertua, laluan. Sebab ini nak munta laluan, dia nak munta serah KUSZA ni ...

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak bagi laluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Saya tak bagi laluan, Yang Dipertua saya tak beri laluan. Dia boleh berkira sekarang untuk menjawab memberi sokongan ataupun sebaliknya.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): UMNO Negeri bersetuju ke tidak?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): UMNO Negeri setuju.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Barangkali boleh ceramah dalam agaknya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat Air Putih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Sekolah Agama Rakyat, saya pun rasa dukacita juga kerana soalan bertulis saya ditolak dengan sebab-sebab tertentu, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua tolak. Oleh kerana perkara ini saya rasa penting kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri memang menyebut sebagai satu kempen dalam khutbah berhubung dengan SAR. Minta maafah saya guna perkataan kempen dalam khutbah, saya nampak begitu digunakan mimber masjid untuk kempen. Tapi yang peliknya Duli Yang Maha Mulia Tuanku tidak sebut SAR di Terengganu, mungkin barangkali SAR ini tidak mustahak di Terengganu oleh sebab itulah soalan saya tidak dijawab dan Tuanku sendiri, walaupun Tuanku pernah berjumpa, pernah menerima mengadap Ketua Pemuda PAS beberapa waktu yang lalu tapi tidak disebut, saya pun rasa harian. Jadi mungkinlah saya boleh buat kesimpulan Dato' Yang Dipertua, oleh kerana di Terengganu SAR tidak banyak, tidak penting dan tidaklah selayaknya dijadikan bahan kempen dalam khutbah di masjid-masjid.

Mana yang betul Dato' Yang Dipertua, penutupan ataupun pengosongan MRSM? Kita boleh berkelahi sampai dua tiga hari tentang masalah ini. Boleh kita kata Kerajaan Negeri meminta supaya dikosong dengan bahasa halusnya ertinya tutuplah. Kita juga boleh mengatakan bahawa Kementerian Pembangunan Usahawan suruh tutup, tak habis. Tapi apa yang mustahak di sini biarlah kita pastikan bahawa Alhamdulillah, anak-anak kita yang disebut lebih kurang 800 orang itu telah selamat diberi tempat belajar dan setengah-setengah tempat ini saya percaya, saya tahu benar lebih baik daripada MRSM di Dungun dan lebih baik daripada MRSM di Besut. Dulu pun timbul masalah pengurusan antara Yayasan Terengganu dengan Mara tapi kita berkelahi di meja perundingan kita selesaikan masalah. Tapi pentadbiran Yayasan Terengganu sekarang terlalu mengikuti orang politik, taat membabi buta kepada orang politik, tidak mahu berunding dengan Mara merasakan kerajaan negeri Terengganu ni terlalu besar, terlalu kaya ... tutup, tutuplah kami boleh buat apa saja. Sebenarnya langkah ini tidak menguntungkan kita, tidak menguntungkan anak-anak kita di Terengganu, mengapa harus kita berkonfrantasi dengan Kerajaan Pusat yang kita

tahu lebih berkuasa dalam hal pendidikan, lebih berupaya, lebih mempunyai *resource* punca-punca kekuatan daripada kita, kita seharusnya beri kerjasama untuk keselamatan anak-anak kita.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, minta laluan sedikit?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Permaisuri minta laluan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat telah berucap tadi.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Saya capak bab ni saja.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak bagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): patut berucaplah benda inilah satu perkara yang mustahak tadi.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Saya capak panjang dah tadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Tak pandai pilih *priority* ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak bagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Tak bagi, tak apalah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya amat setuju dengan apa yang disebut oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku tentang dua projek besar yang belum kita nikmati faedahnya, iaitu pembesaran lapangan terbang dan lebuhraya. Tapi berkali-kali di dalam Dewan ini kita dimaklumkan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bahawa lebuhraya ini akan ditukar dengan *motorway* dan akan dibangunkan tidak berapa lama lagi. Dan katanya, saya difahamkan telah diberi kepada sebuah syarikat bernama *Diamond Link*. Saya tertarik hati dengan syarikat ini, syarikat mana yang gagah ni, jadi saya buat *research* saya dapati malangnya *Diamond Link* ini yang Pengarahnya empat orang, dua orang daripadanya yang berbayar satu ringgit satu ringgit, *two dollars company* dengan izin, Dato' Yang Dipertua. Jadi saya tidak yakin bagaimana Duli Yang Maha Mulia Tuanku boleh diyakinkan dengan sebuah syarikat yang hanya modal dua ringgit untuk melaksanakan satu projek, yang pernah disebut dulu, lebar *motorway* ini 3 kilometer. Jadi kadang-kadang kita dok faham juga

.....

22 APRIL 2003

YANG BERHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Laluan Yang Dipertua, penjelasan. Rekod hak tengok, rekod bila hak dua ringgit tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Dua puluh tiga haribulan tiga. Saya tidak bohong dalam masalah ni, tidak baik. Wakil Bandar tak tahulah, takut Wakil Bandar ingat selama ini saya orang yang suka berdusta tak apa.

YANG BERHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Ada bukti bolehlah kita

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Boleh ... ada bukti dengan kita, ada bukti jadi jangan susah hati Wakil Bandar. Kita boleh duduk semeja minum teh tarik nanti saya boleh tunjuk tengok, terima kasih.

Dato' Yang Dipertua, saya rasa sedih bila Yang Berhormat Pengerusi Pendidikan mengatakan dalam jawapan kelmarin tidak ada pegawai-pegawai baru diambil di Yayasan. Tapi saya dimaklumkan, saya tidak tahulah boleh saya sebut maklum Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, boleh terima ini sebagai bukti saya tak tahu, tahun 2000

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak betul fakta. Saya bukan kata tidak ada pegawai baru, jawatan baru, itu soalan. Jawatan baru tidak diwujudkan. Jadi biarlah faham kita pernah jadi kerajaan, antara pegawai dengan jawatan lain kena betul sedikit jangan loyar buruk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Saya nak sebut, jawatan baru diwujudkan. Jadi Yang Berhormat tak kurang loyar buruknya juga. Saya tak tahu seorang alim menggunakan bahasa yang cukup biadab, dari kelmarin dah saya perhatikan Dato' Yang Dipertua. Kalau boleh sebagai orang yang lebih tua sedikit menasihatkan kepada Yang Berhormat Wakil Manir ni, biar ada sedikit tertib dan adab, terima kasih Dato' Yang Dipertua. Sabarlah, kalau tidak betul hujah dalam jawapan Yang Berhormat Dato'.

Seorang Penolong Pengarah Dakwah di Ibu Pejabat Kumpulan A, tahun 2003 seorang Penolong Pengarah Pendidikan di Ibu Pejabat Kumpulan A, Pegawai YIT Daerah Setiu Kumpulan A, Pegawai YIT Daerah Besut Kumpulan A, Pegawai YIT Daerah Hulu Terengganu Kumpulan A, pegawai yang sama di daerah Kemaman Kumpulan A, pegawai yang sama di daerah Dungun Kumpulan A, kemudian Pegawai Penyelaras YIT Daerah Kuala Terengganu Kumpulan B dan Pegawai Penyelaras YIT Daerah Besut Kumpulan B. Saya rasa setahu saya, saya pernah duduk dalam Ahli Lembaga Yayasan, pengwujudan A ... A ni yang sebenarnya bukan kekosongan tapi adalah jawatan-jawatan baru. Saya tahu boleh dibuat, mana-mana kekosongan untuk menempatkan orang baru kita boleh letakkan asalkan ada sarangnya di sana, Dato' Yang Dipertua, tapi ini bukan sarang lama ni, ini sarang baru, jawatan baru. Insya Allah, sama-sama Dewan ini dengarlah jawapan daripada Yang Berhormat yang berkenaan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Masa untuk Yang Berhormat dua minit lagi.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Ya Dato' Yang Dipertua, kalau begitu kedudukannya barangkali haruslah saya simpulkan untuk menyokong bercelarunya Kerajaan Negeri Terengganu sekarang dengan merujuk kepada kenyataan-kenyataan Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang mengatakan bahawa suasana sekarang adalah amat tenteram dan damai. Kalau boleh saya sebut menggunakan pepatah lama *air tenang jangan disangka tiada buaya*, tenang-tenang yang dilihat itu sebenarnya di dalamnya mengandungi kegelisahan di kalangan rakyat, mengandungi ketidakpuasan dan ketidak keyakinan terhadap pemimpin-pemimpin dan pentadbir negeri. Ketenangan yang dilihat itu sebenarnya mengandungi rasa tidak yakin, rasa serik terhadap penderitaan yang dialami, semacam protes terhadap tekanan ke atas pegawai-pegawai kerajaan. Sebagai contoh disuruh tulis dipaksa menghadiri majlis tazkirah dan sebagainya, termasuklah majlis berbuka puasa tahun yang lalu Majlis Perbandaran Kuala Terengganu. Dan tidak kurang juga ketenangan yang diperhatikan itu sebenarnya ada semacam konfrantasi terhadap Kerajaan Negeri Terengganu dengan Polis. Sepatutnya kita tidak boleh berkonfrantasi, kita tidak boleh menggambarkan kepada rakyat Terengganu bahawa kita tidak boleh bekerjasama dengan Polis. Jadi sebab itu saya rasa sepetah kata orang putih, Tuanku telah *dimistead* telah dikelirukan oleh Kerajaan Negeri Terengganu dengan membuat kenyataan bahawasanya suasana Kerajaan Negeri Terengganu sekarang aman damai. Tapi realitinya Dato' Yang Dipertua, keadaan yang sebaliknya yang wujud di negeri ini. Dato' Yang Dipertua

Dato' Yang Dipertua, zakat dalam jawapan Yang Berhormat Wakil Manir sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Pelaksanaan Syariah mengatakan bahawa perkara ini kecil, itu terpulanglah kepada pandangannya tapi kepada saya Dato' Yang Dipertua, perkara ini besar bukan perkara remeh temeh. Tapi walau bagaimanapun, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas rasa tanggungjawab sahabat saya dua orang Exco yang membayar balik. Yang saya peliknya, bayar balik tu tidak betul tapi diterima, sepatutnya kalau perbuatannya tidak betul jangan diterima. Jadi ini mengelirukan, berclaru pandangan orang yang mana satu. Jadi kepada orang yang celik agama, kepada saya yang tidak celik agama ni saya boleh mengatakan ini tidak betul. Tapi kepada orang yang celik agama juga tak dapat nak memberi satu ketegasan. Jadi sebab itu saya rasa kedua-dua orang Exco ni walaupun beragama tapi tidak celik agama, jadi oleh kerana takut kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atau menghormati Yang Amat Berhormat Menteri Besar, walaupun tidak betul, walaupun tidak perlu dibuat, dia bayar juga. Jadi atas dasar ini saya rasa molek kita sama-sama ucap tahniah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Masa dah tamat dah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua. Wassalamualaikum warahmatu lillahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi yang nak bercakap? Berapa orang lagi... yang terakhir, sila.

YANG BERTHORMAT HAJI MD AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat

Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan- tuan, Ketua-ketua Jabatan, para pemerhati dan seterusnya kepada pemberita-pemberita yang ada di atas tu, kalau boleh tolong tulis benda hak molek tu tolong tulislah, jangan tulis-tulis hak dok molek saja. Jadi saya berharaplah pemberita-pemberita tu telus dengan penulisan beliau supaya rakyat di seluruh Malaysia ni dapat gambaran yang betul keadaan di negeri Terengganu.

Alhamdulillah, syukur kepada Allah s.w.t. kerana kita diberi rahmat oleh Allah kepada kita dapat kita berada di sini dan saya diberitahu dulu sebelum Dewan bersidang ni dia kata Dewan ni penuh dah, nak minta kad jemputan pun tak dok sebab dia kata hak Dewan sidang hak terakhir, dia kata ingat nak dekat pilihan raya doh boleh jadilah. Saya berharap kita sentiasa bersedia, pilihan raya besok pun kita bersedia. Jadi saya berharap ini tidaklah sidang kita yang berakhir untuk Terengganu.

Alhamdulillah, syukur kepada Allah s.w.t. kerana kita berada di sini dan saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuanku kerana ucapan beliau yang saya fikir lain pada yang lain ucapan beliau di dalam Dewan ini mengenai keadaan negeri Terengganu. Alhamdulillah, saya di sini kerana diberi masa yang begitu suntuk, saya nak membawa beberapa perkara yang patut saya bawa di sini ialah khususnya kepada perpaduan ummah yang dijadikan perkara penting dalam kehidupan seharian di negeri Terengganu ini. Alhamdulillah, Kerajaan Negeri Terengganu telah berjaya setakat ini untuk membawa rakyatnya bersatu sungguhpun keadaan kawan saya dari Seberang Takir tadi, Yang Berhormat Seberang Takir kata ia menunjukkan keadaan nampak di air tenang tapi bawah teruk, itu cerita lama cerita hak kerajaan dulu, kerajaan hari ini dia tenang, tenang sungguh, tak dok keruh-keruh adalah sedikit sebab memanglah manusia tu memang tak sempurna

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Tapi buaya ramai bawah.

YANG BERTHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Buaya hak ada tu Dato' Yang Dipertua, buaya hak lama dok mati lagi. Dia buaya lama dia berat sedikit, dia duduk dalam dia tahu. Alhamdulillah, jadi keadaan begitu tenang di negeri Terengganu ni sehingga kerajaan kita ni irihati oleh orang-orang luar dan juga khususnya daripada UMNO Negeri Terengganu. Yang saya jadi terkilannya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyeru di sinilah rakan-rakan saya daripada UMNO dan saya seru kepada Kerajaan Persekutuan khususnya, tolonglah mempercepatkan perbincangan kes royalti kerana ini betul-betul celaru rakyat. Kerana apa saya kata celaru, kalau betul-betullah wang ehsan yang dibelanjakan tadi dan juga bersama dengan Dana Khas dibelanja sekitar RM1.7 bilion itu satu duit yang begitu banyak dan dikatakan Dana Khas

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Yang Dipertua. Tadi dikatakan tenang ni celaru pula, mana satu nak pegang ni, Yang Dipertua?

YANG BERTHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): UMNO buat saya celaru ni. Jadi RM1.7 bilion duit yang begitu banyak dicelarkan rakyat negeri Terengganu, saya

minta, saya ni wakil rakyat dan rakan-rakan saya munta sebagai rakyat negeri Terengganu minta mahkamah dibicarakan segera akan perkara royalti.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Mahkamah membicarakan segera bukan dibicarakan Yang Berhormat ... membicarakan segera.

YANG BERHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Kalau faham tu dok apalah

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya betul.

YANG HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Dah faham dah tu. Minta maaf Yang Dipertua, jadi saya ni bahasa Melayu ni kurang sedikit kalau dia suruh bahas bahasa orang putih, insya Allah.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Pembangkang izin Yang Berhormat Yang Dipertua, Bahasa Inggeris pun dok apa, sila.

YANG BERHORMAT MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Kalau Bahasa Tionghua boleh ke tidak? Jadi saya berharaplah kalau betul-betul Kerajaan Persekutuan peruntukkan RM1.7 bilion duit ini disalurkan kepada negeri Terengganu dan duit ni dikatakan duit daripada petroleum, makna *confirm* dengan izin Dato' Yang Dipertua, mereka ni perompak besar *Confirm*, inipun salah kita tengah bicara hari ini, mu pergi belanja dah duit ni. Ini satu kesalahan. Dan apabila Menteri ... Timbalan Menteri tadi saudara saya kata Dana Khas mungkin di ... dengan izin, saya baca surat khabar orang putih – *sharing state off-shore oil case under study* maka esokkan hari rakan saya dari Seberang Takir kata, tolonglah Dana Khas ini hanya wajar untuk rakyat negeri Terengganu. Bakpa begitu Yang Berhormat Seberang Takir, yang sepatutnya dari awal duit ni untuk rakyat negeri Terengganu diletakkan di negeri Terengganu kerana ni amanat rakyat. Kenapa kita dari awal kita dah suruh potong dan hari ini ... kalau orang buat gertak, dia dah kata ... tambahan pula rakan saya dari Seberang Takir dia kata, sejak 20 tahun lalu perolehan daripada hasil minyak ini disalurkan kepada Kerajaan Negeri ini bagi membolehkan lebih banyak projek pembangunan dilaksanakan, 20 tahun bukan salur melalui lain.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Laluan, Dato' Yang Dipertua ... laluan Yang Berhormat Bandar?

YANG BERHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Sila.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Bandar duduk ... saya ingat banyak kali dah dalam Dewan ini pasal duit ... duit ... adakah duit ini menjamin perpaduan dan kesatuan yang utuh di negeri Terengganu ini?

YANG BERHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Allahuakbar, dia tanya kita pula duit. Dia sendiri cari duit dia kata kita, wang adalah satu benda yang mustahak.

Dia macam tubuh badan kita juga, kita nak makanan, kalau tak dok makanan kita nak bergerak guana. Jadi benda ni jangan kelirukan rakyat.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tapi Yang Berhormat, banyak masuk kampung, masuk hutan duduk rompak balak nun, sebab duit sangatlah tu barangkali. Betul, Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Saya fasal balak ni dok jadi nak cakap Dato' Yang Dipertua, minta maaf. Cakap pasal curi balak tak usah cakaplah, pasal kita sama-sama dua tiga puluh tahun dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Perkara yang tidak kaitan tidak perlu layan.

YANG BERHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Cuma saya cakap di sini pasal duit royalti ni memang saya berasa hati, Dato' Yang Dipertua. Saya berharaplah rakan-rakan saya ni tolong royat kepada memanda Perdana Menteri supaya benda ini dibicarakan besok. Buatlah kes ini kepentingan kepada rakyat keseluruhan, jangan kelirukan hal ini lagi. Esok kita tahu dengan izin, *confirm* ke tidak duit ini hak rakyat negeri Terengganu. Kita tidak mahu benda ini dilanjutkan begitu lama kerana ini mustahak. Kalau kes Dato' Seri Anwar dapat disegerakan perbicaraannya, apa salah kes ini, kes ini patut disegerakan. Saya betul-betul sebagai wakil kepada rakyat negeri Terengganu, saya seru supaya kes ini dibicarakan. Dengan izin, *once and for all* kita *settle* benda ini. Saya bercakap pasal minyak ni memang Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tapi Bahasa Malaysia pun tak *pelak* Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Ya, Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, Bahasa Malaysia pun tak *pelak*.

YANG BERHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Alhamdulillah, terima kasih Dato' Yang Dipertua. Jadi tadi kawan saya daripada Seberang Takir minta ditadbirkan KUSZA ni oleh Persekutuan. Sekolah tidak cukup dah nak dipergunakan ni KUSZA, kalau beri dia Allahuakhbar, *rabok* ... dia buat konvensyen UMNO di situ. Dok sungguh ini bukan cakap main-main, ada satu Sekolah Teknik Jalan Kuala Berang, pintu gerbang hak Dato' Mahathir melawat tahun 2000 saya ingat ... 2001, ada lagi. Bendera sampai buruk pun ada lagi. Bakpa sekolah ni sekolah hak Barisan Nasional?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Pembetulan Yang Berhormat, Jalan Kuala Berang tak dok Sekolah Teknik, setahu sayalah.

YANG BERHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Saya dok tahulah Sekolah Teknik dok Sekolah Teknik tapi sekolah tepi jalan. Yang saya mempertikaikan pintu gerbang tu sampai karat dah. nak lebur dah. cat UMNO lebur dah nak bubuh lagi di situ.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Aji): Tuan Yang Dipertua, bakpa takut sangat pintu gerbang dengan bendera tu. takut ke tengok bendera dengan pintu gerbang?

YANG BERHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Dia bukan takut ... tadi kawan saya kata Jabatan Pendidikan ni dia suruh Guru Besar dia pergi selidik cikgu-cikgu hak mana ada kepentingan politik nak ambil tindakan. Tapak sekolah sendiri dipergunakan oleh UMNO, bakpa tak tanya? Kalau boleh semua sekolah ni tak dibenarkan oleh UMNO dipergunakan bakpa cikgu saja nak siasat. tapak tu. Kementerian Pendidikan tolong tengok sedikit benda ni. jangan beri belaka tengok dekat mana dia boleh buat ceramah.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang hadir di tapak sekolah itu ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Tidak salah saya rasa dia hadir di situ dan memberi ceramah dan ucapan kepada rakyat dia. Perdana Menteri.

YANG BERHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Sekolah bukan dihadiri oleh semua pemimpin-pemimpin. Sekolah Cabang Tiga dihadiri oleh Naib Presiden UMNO, Muhammad Muhd Taib dengan Polis sendiri pergi ekskot. Polis keliru dan le ni. Muhammad Muhd Taib ni datang ke sini pegang jawatan apa benda dalam kerajaan nak ekskot dari *airport*.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat pembetulan. Saya pun hadir. dia mewakili Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya hadir saya. Yang Berhormat dok hadir dengar cerita saja barangkali.

YANG BEHRORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Hadir dok hadir. tapak apa Muhammad Muhd Taib pegang dia wakil. kalau wakil pun dia mesti orang kerajaan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya boleh wakil . . .

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Telemong, sila bertertib. Bolah tanya tapi sila bertertib.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Minta penjelasan Yang Berhormat. Sebab Kerajaan Persekutuan pernah wakil kepada Yang Berhormat ADUN Bandar untuk hadir majlis hari raya di Medan Bandar, Jalan Pulau Kambing. Kita boleh wakil belaka Yang Berhormat. jangan salah faham kepada orang ramai di sini.

YANG BERTHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Okey, cukup saya nak jawab. Saya wakil tu atas Kerajaan Negeri, itu urusan kerajaan. Hak Dato' Muhd Taib buat di Sekolah Cabang Tiga ni bukan kerja hak kerajaan, jadi Polis keliru juga pergi ekskot Tan Sri Muhd Taib, apa benda jawatan dia pegang, Naib Presiden UMNO saja dia pergi ekskot, apa benda? Ini dah kelirukan Polis, sampai dipergunakan Polis untuk buat konsert. Buat konsert, permit ada ke tidak tidak tahu ... esok Kerajaan Negeri akan jawab kepada saya. Permit tak dok pergi buat poster dengan simbol UNNO dengan Polis, tak dok permit MPKT pun tak dok buat dekat padang, belah kek malam tu, Naib Ketua Pemuda UMNO Bahagian Kuala Terengganu, belah kek.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan, Yang Dipertua? Terima kasih, adakah ini jelas menunjukkan perpaduan antara UMNO dengan Polis, Yang Dipertua?

YANG BERTHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Allahuakhbar ... ni cabut ... cabut doh ni.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya minta Yang Dipertua, sedikit lagi. Inikah juga nampak sakit hatinya PAS ni khususnya ADUN Bandar kepada Polis ni?

YANG BERTHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Saya dok sakit hati sepatutnya Polis ni berlaku adil kepada rakyat, tak kira parti, tak kira rakyat besar kecil, hak mana hijau, biru ke tak boleh, kita mesti duduk tengah bakpa nak bersetongkol dengan UMNO. Satu perjumpaan dekat Sekolah Losong, Cabang Tiga ada juga Polis dia nak pergi buat program rakyat tapi dalam bendera UMNO penuh. Ini tidak mempergunakan sekolah? Kata program dengan rakyat nak beri ceramah pasal keselamatan oleh pihak Polis tapi bendera UMNO penuh. Ini jelas, banyak tempat-tempat sekolah ni dipergunakan oleh UMNO. Saya berharap Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan tengok benda jangan cuba nak siasat cikgu mana sebelah ni ... sebelah ni, jangan. Kalau boleh tempat tu dilarang ... tengok dekat mana UMNO boleh buat ceramah dia.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Masa tiga minit lagi, Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua. Saya nak memperingatkan kawan saya dari UMNO ni, saya baru baca surat khabar dengan izin, Dato' Yang Dipertua – *Work Ministeris shaft project worth 12 billion dollars*, habis dah ni duit ... duit Dana Khas boleh habis, ni sampai dia kata projet RM12 bilion hak seluruh Malaysia dia nak *shaft* dalam *Eight Malaysia Plan*, Rancangan Malaysia Kelapan. Rancangan Malaysia Kelapan dia ada RM26 bilion dia *burget*, 12 bilion dia nak *shaft*. Saya berharap rakan-rakan saya daripada parti pembangkang UMNO ni khususnya tolong khabar, tolonglah jangan shaft jalan hak nak buat di kawasan saya ni, dari hak Cabang Tiga ke Bandar ni RM46 juta saja. Saya dengar benda tu pun dia nak *review* banyak lagi projek-projek boleh jadi ... saya dah kata dalam sidang Dewan yang lepas, UMNO Terengganu tolonglah jadi macam UMNO Kelantan bawa semua projek-projek ni, tadi kata nak bawa projek pembangunan negeri Terengganu, ini cara dia. Buat *airport, airport* tu dari dulu ... dari dulu bukan hari ni kita bangkit, bukan Tuanku bangkit

hari ni. Tuanku dulu dah bangkit dah. Dulu, zaman dulu RM7 bilion *airport* pun tak boleh buat. Kalau kita tak boleh buat hari ini, dia pergi merungut ... RM7 bilion pas ke mana? Nak buat *airport* bukan *airport* tu buat bawah tanggungan Kerajaan Negeri *airport* patut ditaja di bawah Persekutuan. Dari dulu duduk buat apa? UMNO Terengganu ni, Perdana Menteri Dr. Mahathir dok percaya, saya ingat Terengganu ni dalam masa 20 tahun seorang saja Menteri ada lahir, saya ingat Dato' Manan Othman saja seorang. Lepas tu tak dok, sebab dia tidak percaya kepada UMNO Terengganu.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): Dato' Yang Dipertua, laluan Ni orang UMNO, masa UMNO dahulu *out-side* juga ni. Pertama, Menteri tu salah, yang kedua saya nak munta juga Kerajaan Negeri ... saya nak sokong Yang Wakil Bandar, sebab Kelantan walaupun dia bawah PAS dia boleh *airport* baru, maknanya Kerajaan Negeri Terengganu kena bijak, kena pandai juga. Kalau pandai boleh ... sebab tak pandai tak boleh.

YANG BERTHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Tadi saya khabar dah, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dua kali tulis surat kepada Perdana Menteri nak jumpa. Surat tu pun dok jawab, macam mana? Sampai hari ini Perdana Menteri secara *official* tak berani nak berjumpa Yang Amat Berhormat Dato' Seri To' Guru, sebab apa? Kalau betul-betul Kerajaan Pusat telus untuk membangun bersama-sama negeri Terengganu ni, mari jumpa ketua dengan ketua cakap. Apa salahnya buat macam negeri Kelantan macam-macam ada ... cuma Kelantan beza Alhamdulillah, keluar *airport* saja nampak bendera PAS besar depan. Terengganu tak boleh buat begitu, kita harap kita boleh buat begitu kita carilah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Bandar, sila simpulkan.

YANG BERTHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Jadi oleh kerana masa dok banyak doh ni, jadi saya minta maaflah kalau saya terkasar kata. Cuma saya nak peringatkan kepada rakan-rakan saya ni daripada UMNO ni, tolonglah tengok ... RM12 bilion ni banyak dia nak *shaft* ni, tolong bawa projek saya tu dan juga saya menyeru kepada kerajaan

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan sedikit lagi, Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Saya nak gulung dah ni

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dok beri doh. Okcy, terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): dan juga saya menyeru kepada kerajaan hari ini terutama di Bandar ni memanglah tempat tinggalnya kurang, saya berharap dipercepatkan permohonan untuk mendirikan rumah-rumah kos rendah yang banyak di dalam bandar ini. Sekian, wabillahi taufik wahidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

22 APRIL 2003

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berhasrat untuk tangguhkan Dewan ini sehingga hari esok Rabu, 23 April jam 9.30 pagi. Dan insya Allah, pada pagi besok masa untuk penggulungan.

Jadi dengan ini saya tangguhkan Dewan dengan *tasbih khafarah* dan surahtul Ashr'

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.30 PETANG.

**PERSIDANGAN
PADA HARI RABU, 23 APRIL, 2003**

Hari Rabu,
23 April, 2003

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 167]
2. Soalan-soalan Lisan [Muka 171]
3. Usul Yang Telah Diberi Notis
Usul Menjunjung kasih Atas Titah Ucapan Di Raja [Muka 194]
[penggulangan perbahasan]

[Bersambung]

23 APRIL 2003

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

H A D I R

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Haji Husain bin Awang, DPMT..JP.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Dato' Haji Mustafa bin Ali, DPMT.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Dato' Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong, DPMT.
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Chik, SMT.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tun Dato' Haji Mohd Salleh bin Abas,
SSM..PMN..SPMT..
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Haji Yahaya bin Ali, PJC.
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah, PJC.
WAKIL TEPUH

Yang Berhormat Haji Awang bin Jusoh, JP.,PJK.
WAKIL CUKAI

23 APRIL 2003

Yang Berhormat Encik Wan Hassan bin Mohd Ramli. PJK.
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Ismail bin Haji Mamat. PJK.
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Nik Muhammad Zawawi bin Salleh. PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Abdullah bin Mat Dan. PJK.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Dr. Haji Mamat bin Puteh. PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Saiful Bahari bin Mamat.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Haji Azman Shapawi bin Abdul Rani. PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Dr. Haji Sulaiman bin Abdullah. PJK.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Haji Mohamad bin Hitam. PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Encik Shaharizukirmain bin Abd. Kadir.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak.
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Ismail bin Harun. PJK.
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Hassan bin Mohd Salleh.
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Haji Abdul Aziz bin Haji Abas.
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Haji Mehamad bin Sulong.
WAKIL KIJAL

23 APRIL 2003

Yang Berhormat Haji Roslan bin Haji Ismail,
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Encik Rozali bin Muhammad,
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Encik Md. Azmi bin Lop Yusof,
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,
SPMT.,DSMT.,PJN.,JSM.,PJC.,PPN.,PJK.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang,
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali,
DPMT.,AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Encik Rosol bin Wahid, PJK.
WAKIL AJIL

23 APRIL 2003

**HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Y M. Dato' Ku Abd. Azah bin Syed Aiwee.

DSMT..DPMT..PJC..PJK..BLB

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Encik Alunad Kamal bin Md. Shahid

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Ibrahim /a Mat Nor bin A Rahman.

DPMT..ASM..PJC..PJK..BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Wan Mohd Rubi bin Wan Jusoh. SMT.. PJK.

23 APRIL 2003

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua jabatan, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan Dewan disambung semula, marilah sama-sama kita memulakan dengan umul Quran – Al-Fatihah.

Soalan-soalan Lisan. Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Kemasik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama –

Sila sebutkan jumlah rakyat Terengganu yang menggunakan khidmat Muassasah Gadaian Islam Terengganu semenjak tahun 2000 hingga sekarang dan berapakah nilai gadaian yang dicatatkan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jumlah rakyat negeri Terengganu yang menggunakan khidmat Muassasah Gadaian Islam Terengganu semenjak tahun 2000 hingga sekarang iaitu 27 Mac yang lalu ialah seramai 91,094 orang dengan nilai gadaian sebanyak RM91,327,140.00.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk membuka Muassasah Gadaian Islam ni di setiap daerah?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Memang menjadi rancangan Kerajaan Negeri untuk membuka Muassasah Gadaian Islam ini bagi setiap daerah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Manir): Soalan tambahan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Kalau Kerajaan Negeri ada cadangan, mengapa Kerajaan Negeri tidak menggunakan kelulusan pajak gadai yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan untuk melaksanakan Muassasah Gadaian Islam?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, pihak Muassasah Gadaian Islam Terengganu di bawah MAIDAM bercadang untuk mendapat premis-premis baru, permit-permit baru maka yang lama itu juga diusahakan supaya ditukar kepada sistem pajak gadai secara konvensional kepada cara Islam. Setakat ini kita telahpun membuat beberapa rundingan dengan pihak pengusaha pajak gadai itu supaya mereka tukar kepada sistem Islam.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, maksud saya mengapa pada masa tersebut Kerajaan Negeri tidak menggunakan kesempatan yang ada di atas kelulusan yang diberi oleh Kementerian

23 APRIL 2003

Kewangan untuk membuka pajak gadai menggunakan untuk menubuhkan Muassasah Gadaian Islam ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya dah beri tahu kita harapkan dapat lesen-lesen baru yang lama itu kerajaan sambung kepada cara lama untuk kita dapat menarik pengusaha-pengusaha pajak gadai ini kembali berusaha mengikut cara Islam. Sebab itu saya kata dah gunakan. Yang ini akan tamat 31 Disember akan datang dan kalau dia tidak bersedia insya Allah, kita akan gunakan permit-permit itu untuk pajak gadai Muassasah Gadaian Islam.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD a ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Penjelasan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Apa maksud kalau dia tidak bersedia? Bermakna tuan punya lesen tersebut tidak bersedia untuk memberikan balik, kalau dia bersedia untuk meneruskan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya, kalau mereka tidak bersedia menukarkan daripada konvensyenal kepada Islam, maka permis mereka tamat pada 31 Disember 2003 maka selepas itu kita tidak akan sambung lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD a ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tak faham ...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, tiga soalan tambahan sudah pun selesai. Sila masuk soalan kedua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD a ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Soalan yang kedua, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua

Apakah rasionalnya Kerajaan Negeri memberi sewa bangunan Dewan Sivik Mercang kepada sebuah syarikat bukan Bumiputera dan berapakah jumlah hasil sewaan yang diperolehi sebulan serta berapa lamakah tempoh sewaan yang dipersetujui

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Kemasik ingin tahu apakah rasionalnya Kerajaan Negeri memberi sewa bangunan Dewan Sivik Mercang kepada sebuah syarikat bukan bumiputera dan berapakah jumlah hasil sewaan yang diperolehi sebulan serta berapa lamakah tempoh sewaan yang dipersetujui.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua jawabnya, Kerajaan Negeri tidak memberi sewa Dewan Sivik Mercang kepada mana-mana orang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD a ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya difahamkan bahawa Dewan Sivik tersebut diberi

kebenaran oleh Majlis Daerah Marang. Bukankah Majlis Daerah Marang merupakan Kerajaan Negeri?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mengikut Perlembagaan Malaysia kita ada tiga lapis kerajaan, Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Kerajaan Tempatan. Jadi Kerajaan Tempatan bukan Kerajaan Negeri.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerana jawapan yang begitu tepat. Soalan ketiga –

Apakah bukti yang menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Terengganu melaksanakan dasar pemerintahan Islam dan Undang-Undang Syariah manakah yang digunakan oleh Kerajaan Negeri pada masa ini.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan, hadirin dan hadirat sekalian. Soalan Yang Berhormat wakil daripada Kemasik berbunyi – Apakah bukti yang menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Terengganu melaksanakan dasar pemerintahan Islam dan Undang-Undang Syariah manakah yang digunakan oleh Kerajaan Negeri pada masa ini.

Soalan ini mengandungi dua perkara, yang pertama dasar pemerintahan Islam, yang kedua Undang-Undang Syariah. Dasar pemerintahan Islam ditentukan oleh Al-Quranulkarim dan Nabi kita Muhammad s.a.w. Di sana ada ayat-ayat Quran yang menegaskan ciri pemerintahan Islam yang menjadi kepada pemerintahan Islam. Di antaranya ialah ayat dalam surah Al-Imran yang bermaksud - *Dan hendaklah ada di kalangan kamu satu golongan yang menyeru kepada kebaikan, yang menyuruh kepada yang baik dan mencegah kemungkaran, mereka itulah orang-orang yang mendapat kemenangan.* Para ulama tafsir mengatakan di antara golongan itu ialah golongan yang memerintah.

Yang kedua, surahtul Haj' iaitulah firman Allahutaala yang bermaksud – *orang-orang yang kami berikan kepada mereka kuasa memerintah bumi mereka mendirikan sembahyang, mereka menunaikan zakat, mereka menyuruh kepada yang baik dan mereka mencegah kemungkaran; dan bagi Allah sajalah akibat segala urusan.* Ayat ini mengatakan bahawa dasar pemerintahan Islam itu mestilah pemerintah yang ada hubungan dengan Allah s.w.t. bermula daripada sumbernya sehinggalah matlamat dan tujuannya. Dan pemerintah itu mestilah melaksanakan sistem ekonomi Islam, di antaranya ialah zakat, mengagihkan harta kepada mereka yang berhak. Dan dasar pemerintahan itu ialah menyuruh kepada yang baik dan mencegah kemungkaran.

Yang ketiga ayat dalam surahtul Nur yang juga menyatakan dasar pemerintahan Islam, iaitulah firman Allahutaala yang bermaksud – *Allah berjanji kepada orang-orang yang beriman dan yang mengerjakan amalan yang soleh di kalangan kamu, yakni di kalangan orang yang beriman itu ada satu golongan orang yang beriman yang diberi kepada mereka telah mereka menunaikan*

tanggungjawab sebahagian daripada ciri mengerjakan amal yang soleh dan beriman itu ialah mereka diberi pemerintahan, dan mereka menjadi agama yang ia redha memerintah *tanqin*. Islam mestilah menjadi agama yang memerintah, ini satu ciri yang penting daripada pemerintahan Islam.

Adalah menjadi dasar dan dimaktubkan di dalam Undang-undang Tubuh yang memimpin Kerajaan Negeri dan dimaktubkan di dalam Undang-undang Tubuh PAS yang memimpin Kerajaan Negeri. Dimaktub di dalam Undang-undang tubuh Fasal 5.1. dan 6.1. menyatakan bahawa di antara tujuan dan matlamat PAS ialah mendirikan pemerintahan Islam yang melaksanakan hukum syariat.

Yang kedua, apakah Undang-undang Syariah ataupun hukum syariat yang digunapakai. Di mana hukum syariat ini mengandungi dua perkara yang penting, iaitulah amar makruf dan nahi mungkar. Dalam perkara amar makruf kita telah melaksanakan beberapa perkara bagi memasukkan roh Islam di dalam kerajaan, iaitulah mewujudkan tazkirah secara mingguan dan mengadakan usrah dengan Pegawai Kerajaan yang dimasukkan di dalamnya suatu roh yang menjadikan urusan pentadbiran itu mempunyai perhutungan dosa dan pahala. Dan kerajaan juga telah menubuhkan API (Akademi Pembinaan Insan) dan UPI (Unit Pembinaan Insan). Inilah sebahagian daripada amar makruf dan hasil daripada amar makruf ini Alhamdulillah, kita telah mencapai satu kejayaan yang besar di dalam pentadbiran ...

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Yang Dipertua.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Nanti saya habis dulu ... iaitulah di mana 37 jabatan kerajaan dan agensi kerajaan telah mendapat ISO 9002. Ini satu pencapaian yang sangat menarik dan 37 ini ialah daripada 46 jabatan kerajaan. Ini satu pencapaian dan saya mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai kerajaan.

Yang kedua, nahi mungkar di mana nahi mungkar ini kita melaksanakan berdasarkan kepada *fi'qah alawiyah* iaitulah fikah berdasarkan kepada senarai keutamaan, didahulukan kepada perkara yang tidak menjadi masalah pindaan undang-undang dan perlombongan. Di mana kita telah mengambil langkah menutup hiburan-hiburan maksiat, mengharamkan hiburan-hiburan maksiat dan kita juga menutup premis-premis maksiat, iaitulah premis perjudian kepada semua kaum, Islam dan bukan Islam. Arak kepada orang Islam saja oleh kerana hukum syariat tidak boleh mengganggu dalam perkara yang diberi izin oleh agama lain kepada penganut-penganutnya. Di mana pelaksanaan ini kita menghadapi cabaran-cabaran dan ini termasuklah juga di dalam asam garam pemerintahan Islam yang mesti dihadapi.

Yang kedua kita di dalam langkah melaksanakan Undang-undang Takzir, sebahagian daripadanya telah dilaksanakan dan kita di dalam langkah melaksanakan Undang-undang Hudud dan Qisas. Ini adalah merupakan hukum-hukum syariat yang sedang dilaksana dan akan dilaksanakan, insya Allah. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Oleh demikian, undang-undang mana digunapakai pada hari ini? Undang-undang Syariah mana yang digunapakai? Sebab Undang-undang Syariah 1986 telahpun dimansuhkan digantikan dengan yang baru tetapi yang baru tidak

mendapat kerjasama daripada Pusat dan juga Polis; dan Hudud belum lagi digazet. Jadi saya ingin pastikan undang-undang mana yang pakai untuk pentadbiran syariah pada hari ini?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Apabila Yang Berhormat mengatakan bahawa kita tidak mendapat kerjasama daripada Kerajaan Pusat, ini adalah bukti bahawa Kerajaan Pusat menentang pelaksanaan syariat. Satu perkara yang sangat penting di mana undang-undang syariat ini merangkumi segala aspek, bukan saja aspek jenayah termasuklah pentadbiran, pendidikan dan lain-lain. Sebagaimana saya nyatakan dalam jawapan saya tadi bahawa undang-undang syariat ini mestilah bersumberkan kepada prinsip Negara Islam yang dinyatakan oleh al-Quran dan Sunnah, di mana kita telah menegakkan prinsip ini bukan saja ditulis dalam manifesto bahkan disebut di dalam perlembagaan parti. Dan ini adalah menjadi tanggungjawab dan kita melaksanakan berdasarkan kepada *fi'qualawiyak*. Ini perlu kepada penjelasan yang panjang insya Allah, saya akan jawab dalam ucapan saya nanti, dalam penggulungan. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat mengatakan tadi bahawa Kerajaan Persekutuan menentang undang-undang syariat sedangkan undang-undang syariat yang dipakai oleh Kerajaan Negeri hari ini adalah undang-undang syariat yang diguna pakai di Wilayah Persekutuan, yang telahpun ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong. Bagaimana Yang Amat Berhormat mengatakan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak menyokong atau menghalang undang-undang syariat?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Wakil Kemasik belum mengetahui bahawa undang-undang syariat ini ada dua jenis. Yang pertama, undang-undang syariat yang ada nas dalam al-Quran dan Hadis, yang ini mengatasi Kerajaan Persekutuan. Inilah hukum Allah Taala di mana seluruh kerajaan termasuk kuasa besar dunia tunduk di bawah perintah Allah Taala. Yang ini ulama-ulama mazhad tidak boleh pinda, satu. Yang kedua, undang-undang yang tidak ada nas, undang-undang yang tidak ada nas ini pemerintah boleh berijtihad tetapi pemerintah yang berijtihad itu mestilah berlandaskan kepada prinsip Islam, di mana asas negara itu hendaklah diasaskan kepada Islam daripada awal. Kita perlu menyedari bahawa asas negara kita Malaysia adalah asas sekularisme bukan berdasar kepada Islam. Inilah semangat daripada Perlembagaan Persekutuan yang mesti difahami oleh Yang Berhormat. Oleh kerana itulah maka di dalam peruntukan Perlembagaan dan jadualnya menyatakan bahawa Enakmen Pentadbiran Agama yang diberi kepada negeri tidak boleh mengatasi undang-undang yang diputuskan oleh Persekutuan. Inilah satu syirik yang besar yang ditentang oleh Nabi-Nabi dan Rasul-Rasul a.s. Kita menyedari bahawa pemimpin Kerajaan Pusat jahil, tak tahu Islam dan yang tahu Islam pun tak beri tahu kepada yang tak tahu. Ini yang menjadi masalah. Oleh kerana itulah kita mengajak mereka muzakarah dan berbincang secara ilmu bukan berdebat. Kita menyedari bahawa mereka diselubungi oleh kekebalan dalam perkara ini. Ini memerlukan masa. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Amat Berhormat

23 APRIL 2003

Dato' Menteri Besar, adakah Malaysia hari ini bukan Negara Islam?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Ya, bukan negara Islam. Malaysia adalah negara orang Islam ini kena faham. Yang Berhormat kena faham antara Negara Islam dan negara orang Islam. Negara orang Islam lain, ini milik orang Islam ini tidak dinafikan. Negara Islam mestilah mempunyai ciri-ciri yang saya sebut tadi dan kita menyedari bahawa Nabi kita Muhammad s a w mendirikan Negara Islam untuk mengajar umat Islam bagaimana mendirikan Negara Islam sebagaimana baginda mengajar sembahyang, puasa, zakat dan haji, begitulah baginda mengajar mendirikan Negara Islam. Oleh kerana itulah baginda Rasulullah s a w telah menolak tawaran menjadi raja dan pemimpin oleh pemimpin Mekah. Baginda ditawarkan menjadi raja, menjadi pemimpin, nak diberi segala kewangan baginda telah menolak kerana apa menolak, kerana negara yang hendak diserahkan itu bukan berdasarkan prinsip Islam. Maka baginda berhijrah ke Madinah dan mendirikan sebuah negara, dan dimeteraikan suatu piagam, piagam ini menyamai perlembagaan dalam konteks undang-undang perlembagaan yang ada hari ini, di mana di dalam perlembagaan itu menyatakan bahawa bermaksud - *Apa-apa perkara yang menjadi pertelingkahan dan perselisihan di dalam negara maka sumber rujukan yang tertinggi ialah Allah dan Muhammad s a w*. Ini tidak ada dalam Perlembagaan Persekutuan. Dan sekiranya Yang Berhormat pergi melawat Arkib Negara, Arkib Negara di sana ada minit mesyuarat Suruhanjaya Reed, di mana minit mesyuarat Suruhanjaya Reed ada dibincangkan tentang Islam sebagai agama Persekutuan. Di sana ada satu desakan daripada masyarakat di masa itu, kumpulan ulama, apabila Suruhanjaya Reed menggubal Perlembagaan mereka minta supaya diletakkan Islam di dalam Perlembagaan. Maka letaklah di dalam Perlembagaan, Islam sebagai Agama Persekutuan. Suruhanjaya Reed menafsirkan, dan boleh rujuk kepada Arkib Negara, bahawa yang dimaksudkan Islam sebagai Agama Persekutuan dengan mengelakkan Malaysia sebagai sebuah Negara Sekular yang tidak menjadikan Islam sebagai agama yang memerintah dan berdaulat. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan terakhir

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Satu saja. Adakah Negeri Terengganu hari ini sebuah negeri Islam? Dan tunjukkan negara-negara lain yang mengatakan negara Islam?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Negeri Terengganu adalah sebuah negeri Islam sejak 700 tahun yang lalu di mana Batu Bersurat menjadi bukti Islam adalah hukum yang tertinggi tetapi telah dirampas oleh penjajah pada tahun '28. Walaupun kita telah mencapai kemerdekaan tetapi pemulihan terhadap kuasa Islam belum lagi dilaksanakan dengan sepenuhnya. Di mana Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai matlamat untuk memerdekakan ini, ini dinyatakan oleh kenyataan Perdana Menteri sendiri. Saya baca beberapa kenyataan Perdana Menteri antaranya ialah kenyataan yang dibuat di Nilam Puri pada 3 Mac, 1994, beliau menyatakan hukum rejam kepada pezina adalah primitif. Yang kedua, kenyataan Perdana Menteri kepada para wartawan pada tahun 1994 selepas mesyuarat MT UMNO yang ada dalam pita rakaman kami, *saya ingin memastikan bahawa negeri-negeri yang diperintah*

oleh BN tidak akan melaksanakan Hukum Hudud, hukum Hudud ni bukan hukum PAS, hukum Islam. Kemudian kenyataan pada 14 Ogos 1994 di Pasir Mas, Kelantan, beliau mengatakan sukar dilaksanakan hukum syarak kerana masyarakat Malaysia bukan seratus peratus Islam. Ini menandakan bahawa Perdana Menteri tidak tahu bahawa Negara Islam yang didirikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. bukan seratus peratus umat Islam di sana masyarakat majmuk. Bahkan di peringkat awal negara itu didirikan majoriti adalah bukan Islam tetapi orang Islam menguasai, dan orang yang bukan Islam menerima untuk tunduk di bawah pemerintahan Islam dan melihat keadilan Islam secara praktikal, ini yang berlaku. Dan Islam itu sendiri adalah agama masyarakat majmuk, makna agama masyarakat majmuk di sini bukan mesti orang yang bukan Islam masuk Islam, kalau boleh kita mahu mereka masuk Islam, kalau mereka tidak masuk Islam kita tak boleh paksa mereka. Tetapi mereka mestilah dilayan dengan adil di bawah pemerintahan Islam dan ini berlaku 1,300 tahun lebih tetapi perkara 1,300 lebih ini telah dipadamkan oleh serangan penjajahan terutama serangan pemikiran dan kebudayaan melalui Malay Collage, melalui sekolah-sekolah yang ditubuhkan sehingga perkara negara disisihkan daripada umat Islam. Ini yang menjadi masalah. Sekain.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau Malaysia hari ini bukan sebuah Negara Islam, soalan saya adakah Terengganu hari ini negeri Islam? Adakah Negeri Terengganu hari ini negeri Islam?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan dah tamat, Yang Berhormat. Berbalik

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Adakah Terengganu hari ini sebuah negeri Islam?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sudah dijawab.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Biar saya jawab ... Terengganu hari ini adalah negeri Islam sebaik saja kami mengambil alih pada November, 1999 dan kami berusaha untuk melaksanakan, untuk membebaskan belunggu ini. Ini dalam perjalanan untuk merealisasikannya sedikit demi sedikit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebelum daripada beralih kepada soalan daripada Wakil Ajil, saya suka menarik perhatian Dewan, Yang Berhormat Kemasik telah berjanji untuk menyerahkan satu salinan borang dalam satu ucapan dulu kelmarin tak sempat saya nak beri ingat, jadi diharap supaya Yang Berhormat dapat serah hari ini. Seterusnya saya pergi kepada soalan Wakil Ajil, silakan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, soalan yang pertama --

23 APRIL 2003

Kerajaan Negeri telah mengadakan forum di masjid-masjid di negeri ini sejak memerintah. Nyatakan jumlah masjid yang terlibat dan berapakah kos keseluruhannya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai, tuan-tuan, puan-puan yang dihormati dan dikasihi sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Wakil Ajil dalam soalan pertamanya ingin tahu berapakah bilangan forum yang diadakan di masjid-masjid, berapa bilangannya dan berapa belanja. Setakat ini 9 buah masjid diadakan forum di dalamnya dan kos ialah sebanyak RM24,956.00.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan. Dinyatakan tadi bahawa kos untuk mengadakan forum ini di sembilan buah masjid ialah RM24,956.00. Sejauh mi bagaimanakah sambutan terhadap forum-forum yang diadakan itu?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Setakat yang kita buat. Alhamdulillah sambutannya adalah baik.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan. Yang Dipertua. Adakah kerajaan bercadang untuk nak meneruskan lagi forum-forum sebegini pada masa-masa yang akan datang?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Insya Allah, kita akan meneruskan lagi.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan. Yang Dipertua. Saya difahamkan jumlah sebanyak RM24,000 hampir RM25,000 ini adalah dibiayai oleh wang zakat. Adakah hal tersebut betul?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya terangkan Masjid Marang dia belanja daripada Pejabat Menteri Besar, yang lain-lain daripada MAIDAMlah

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kenapa Masjid Marang saja daripada Pejabat Menteri Besar, tidak daripada MAIDAM?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam kerajaan banyak agensi, duit-duit pun punca, banyak kita agih bagi-bagi sedikit seorang.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan yang berikut Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan Yang Dipertua satu lagi, kalau diizinkan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak boleh, empat dah.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya nak tanya asnaf mana menggunakan duit ini ... tak apalah Yang Dipertua. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua –

RUANE-TATI telah dijadikan syarikat sendirian berhad. Apakah tujuan tindakan tersebut dan nyatakan siapakah pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Syarikat tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua ya? Soalan yang kedua ni berkaitan dengan Ruane-TATI, Ruane-TATI telah dijadikan syarikat sendirian berhad. Apakah tujuan tindakan tersebut dan nyatakan siapakan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Syarikat tersebut.

Tujuan penubuhan Ruane-TATI Sdn. Bhd adalah membolehkan syarikat ini berdaya saing dan dapat mengembangkan kursus jangka pendek setanding dengan pusat latihan di peringkat antarabangsa, terutamanya dalam bidang Ujian Tanpa Musnah (NDT). Dengan ini pelatih lepasan Ruane-TATI terutamanya anak Terengganu berpeluang menjadi jurutenik profesional dalam industri minyak dan gas di Malaysia dan di peringkat antarabangsa, selain dapat mengurangkan kadar kemiskinan anak Terengganu sendiri. Di samping itu, Ruane-TATI dapat menjana pendapatan yang membolehkan pengurangan pergantungan kepada sumbangan kerajaan oleh syarikat induknya iaitu TATI.

Lembaga Pengarah terdiri daripada orang-orang berikut:

Wakil Manir	-	Pengerusi
Ahli Parlimen Kuala Nerus	-	Ahli Lembaga Pengarah
Ahli Parlimen Setiu	-	"
YM. Dato' Tengku Hassan bin Tengku Omar	-	"
Encik Abdul Majid bin Hassan	-	"
Dr. Saiful Bahri bin Hj. Mohamed	-	"
Encik Solahudin bin Mohamed	-	"

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tahniah dengan jawapan yang diberi. Soalan tambahan, Yang Dipertua. Dikatakan tadi bahawa Pengerusi Ruane-TATI ialah wakil daripada Manir. Soalannya, saya difahamkan bahawa wang zakat juga digunakan untuk membiayai pelatih-pelatih yang mengikuti kursus Ujian Tanpa Musnah di Ruane-TATI yang mana saya dimaklumkan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir) Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ulang semula soalan saya dok dengar

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil) Dok dengar? Saya difahamkan bahawa pelatih-pelatih yang mengikuti kursus Ujian Tanpa Musnah di Ruane-TATI ini juga menggunakan wang zakat iaitu sebanyak RM6,000 untuk kursus dua bulan. Adakah ini betul?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir) Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam skim mengatasi masalah kemiskinan maka MAIDAM menganjurkan atau membiayai kursus jangka pendek di Ruane-TATI ini kepada orang-orang yang dipilih oleh Ruane-TATI daripada anak orang miskin. Jadi dengan sebab itu dalam masa setahun dua kali Ruane-TATI ambil iaitu sepuluh, sepuluh jadi dua puluh orang satu tahun dibiayai oleh pihak MAIDAM peruntukan orang miskin sebanyak RM6,000 satu orang kursus selama dua bulan bagi orang-orang yang kurang berkebolehan dalam Bahasa Inggeris. Tapi kalau yang dah mahir dalam Bahasa Inggeris dia kursus satu bulan saja

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil) Soalan tambahan, Yang Dipertua, saya merasakan di sini ada dengan izin *conflict of interest* kerana Wakil Manir sebagai Pengerusi Ruane-TATI dan beliau juga sebagai Pengerusi Zakat. Jadi adakah ini berlaku dalam pengurusan hal tersebut?

YANG BERRHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir) Yang Behormat Dato' Yang Dipertua, itu tanya undang-undanglah ada *conflict* atau tidak, saya Pengerusi Zakat pun Zakat hak kerajaan juga, TATI saya jadi Pengerusi hak kerajaan juga, tak dok apa-apa perolehan yang diperolehi oleh saya. Sebab itulah saya berani meluluskan peruntukan itu untuk mengatasi masalah kemiskinan. Pelajar-pelajar yang lulus di sini dapat kerja, gaji dia antara RM1,500 hingga RM3,000 jadi satu keluarga ni kita dah tamat kemiskinan dia. Kita buat dua kali setahun iaitu sepuluh, sepuluh satu kali. Yang itu saya tidak tahu, ada *conflict* atau tidak.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil), Soalan tambahan Yang Dipertua. Setakat ini pelatih-pelatih yang telah dibiayai oleh wang zakat ini, adakah mereka ni telah mendapat pekerjaan daripada kursus yang mereka ikuti ini? Kalau ada, berapa jumlah yang telah dihantar itu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir) Bilangan saya perlu secara detailnya saya perlu notis tapi maklumat yang diberi kepada saya oleh MAIDAM, semua yang tamat sudah dapat kerja. Kita boleh anggarkan berapa, dua kali dalam masa satu tahun, sepuluh-sepuluh maknanya 20 orang setahun, kalau tiga tahun maknanya dia ada 60 orang. Yang tamat semua dah dapat kerja. Alhamdulillah

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil) Soalan tambahan, Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA Cukup Yang Berhormat, dah habis tiga soalan. Soalan berikutnya

23 APRIL 2003

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang ketiga –

Nyatakan jumlah tempat atau premis yang masih mendirikan solat Jumaat tanpa kebenaran JHEAT mengikut daerah sehingga kini. Dan berapakah tempat atau premis yang telah diluluskan untuk solat tersebut oleh Kerajaan PAS.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tiga ini Wakil Ajil ingin tahu jumlah tempat atau premis yang masih mendirikan solat Jumaat tanpa kebenaran JHEAT iaitu Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu, mengikut daerah sehingga kini. Dan berapakah tempat atau premis yang telah diluluskan untuk solat tersebut oleh Kerajaan PAS.

Yang masih berdiri solat Jumaat tanpa kebenaran 17 buah, daerah Kuala Terengganu 3

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kurang jelas, Yang Dipertua. Berapa ... 17?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): 17 ... ya tujuh belas. Daerah Kuala Terengganu tiga, daerah Besut 10, daerah Dungun satu, daerah Hulu Terengganu satu, daerah Marang satu. Setiu satu. Kemaman tak ada, bagus Kemaman. Yang telah diberi premis oleh Kerajaan Negeri yang baru ialah sebanyak 10 buah dan yang telah ditutup 23 buah. Sekian.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Dipertua, ulang sekali lagi yang ditutup 23? Soalan tambahan, Yang Dipertua. Dinyatakan di sini masih ada lagi sebanyak 17 buah tempat yang mengadakan sembahyang Jumaat tanpa permit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dok berapa jelas, ulang sekali lagi.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dikatakan tadi, terdapat 17 buah dan yang paling banyak ialah di daerah Besut. Kenapa Besut paling banyak berbanding dengan daerah-daerah lain?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, daerah Besut ni dulu banyak lagi dah kita tutup banyak dah tinggal 10 lagi daerah Besut. Jadi Yang Berhormat Yang Dipertua, orang Besut ni jenis sayang ke surau dia tak nak tinggal lagi. Kita kata balik ke masjid dia kata sayang ke surau dia lagi. Jadi orang Besut kita kena buat secara beransur-ansurlah lagi pula hak tukang asas dulu di Besut tu dia lari pergi belah alik sana dah. Lari belah alik sana, dia buat se lagi dekat rumah dia sembahyang. Jadi insya Allah, hak fesyen lagu ni beralih belah alik nun, kita akan selesai habis, insya Allah.

23 APRIL 2003

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa daerah Besut ini adalah masalah yang dinyatakan itu adalah disebabkan oleh ada suara-suara sumbang dahulu mengatakan bahawa masjid yang dibina oleh Kerajaan Barisan Nasional tidak sah sembahyang Jumaatnya. Jadi oleh kerana mereka mahu supaya orang yang mengeluarkan fatwa tersebut menarik balik fatwa tersebut. Jadi sehingga kini tidak ada mereka yang menarik itu. Jadi apakah ini disedari oleh pihak kerajaan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, hak orang beri fatwa dulu tu dah lari, dah masuk belah alik nun. Jadi kita sedang betul sedikit sebanyak. Jadi kita dah betul banyak sebab itu sudah banyak 23 kita boleh tutupkan. Jadi ini sedikit memakan masa, yang berkaitan dengan manusia ni dia memakan masa. Ini zaman perubahan baru tiga tahun dapat tutup 23, itu pun berjaya jugalah. Saya bersama-sama dengan Wakil Ajil juga berhasrat supaya mereka ni balik semula kepada masjid-masjid yang didirikan oleh kerajaan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya difahamkan dulu masih banyak lagi tempat yang menggunakan premis tanpa kebenaran adalah kerana fatwa-fatwa yang tidak berapa jelas untuk mempengaruhi. Jadi sehingga hari ini, kenapa hal tersebut masih berlaku dan yang paling dominannya di daerah Besut yang mana macam di Hulu Terengganu sendiripun sekarang masih ada lagi satu. Apakah tindakan kerajaan untuk nak menyelesaikan masalah ini kerana ini sebenarnya menjejaskan imej perpaduan umat Islam itu sendiri. Ada tindakan kerajaan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerajaan mengambil tindakan secara beransur-ansur dan berhalus tidak ada tindakan undang-undang yang kita ambil. Jadi sebab itu perkara berbangkit di Hulu Terengganu, Masjid Lama Tengkuawang bila kita dah pindah masjid baru, mula-mula pakat pindah belaka lepas tu ada orang pula nak sembahyang masjid lama lagi, dia balik. Jadi kita cuma nasihat dia, tak ada tindakan yang tegas diambil. Begitu juga daerah Besut, mungkin ada fatwa-fatwa tertentu pada masa yang lalu sebelum daripada kerajaan baru yang mengambil alih. Jadi oleh sebab itu kita menasihati orang kampung supaya balik semula ke masjid, jadi kebetulan pula orang yang buat fatwa dulu sekarang ni dia isytihar masuk UMNO dah. Isytihar masuk UMNO pun dia buat perangai lama juga, buat tempat sembahyang dekat rumah dia. Jadi kita dalam perkara ini sangat berhati-hati sebab masalah ibadat tak boleh buat secara keras dan secara berdialog, bersemuka, bermuzakarah antara satu sama kita. Satu-satu tindakan saya rasa yang diambil adalah tindakan yang terbaik buat masa ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Silakan

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Seberang Takir.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Seberang Takir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama –

Kerajaan Negeri melalui PTB Holdings Sdn. Bhd. difahamkan bercadang untuk membangunkan sebuah projek komersil di atas tapak milik PTB Land Sdn. Bhd. di Padang Hiliran, Kuala Terengganu iaitu bersebelahan dengan Pasar Tani. Kerajaan Negeri dikatakan berhasrat untuk menyerahkannya kepada sebuah syarikat kroni Parti Pemerintah iaitu Pembinaan ANZ Sdn. Bhd. untuk membangunkannya.

Soalan:

- i. Adakah pihak PTB. Land Sdn. Bhd. telahpun bersetuju untuk menerima tawaran Pembinaan ANZ Sdn. Bhd. untuk membangunkannya?*
- ii. Kenapa projek ini tidak ditender untuk dibangunkan?*
- iii. Berapakah hasil yang akan diperolehi oleh PTB. Land Sdn. Bhd. dari pembangunan yang dijalankan oleh Pembinaan ANZ Sdn. Bhd. itu nanti?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Seberang Takir, Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Nгах, bekas Exco Kerajaan Negeri Terengganu ingin tahu Kerajaan Negeri melalui PTB Holdings Sdn Bhd. difahamkan bercadang untuk membangunkan sebuah projek komersil di atas tapak milik PTB Land Sdn. Bhd. di Padang Hiliran, Kuala Terengganu iaitu bersebelahan dengan Pasar Tani. Kerajaan Negeri dikatakan, tadi difahamkan, ni dikatakan berhasrat untuk menyerahkannya kepada sebuah syarikat kroni Parti Pemerintah iaitu Pembinaan ANZ Sdn. Bhd. untuk membangunkannya. Itu intro dia Yang Berhormat.

Soalannya:

1. Adakah PTB Land Sdn. Bhd. telahpun bersetuju untuk menerima tawaran Pembinaan ANZ Sdn. Bhd. untuk membangunkannya?
2. Kenapa projek ini tidak ditender untuk dibangunkan?
3. Berapakah hasil yang akan diperolehi oleh PTB Land Sdn. Bhd. dari pembangunan yang dijalankan oleh Pembinaan ANZ Sdn. Bhd. itu nanti?

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya sengaja sebut tadi Yang Berhormat Wakil Seberang Takir ini ialah bekas Exco Kerajaan Negeri Terengganu. Yang pertama sekali, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, PTB Holdings Sdn. Bhd. mempunyai *legal identity* yang tersendiri dengan izin. Dan begitu juga PTB Land Sdn. Bhd. mempunyai *legal identity*nya yang tersendiri dengan

izin. Kedua-duanya adalah dua identiti yang mempunyai hak-hak yang tersendiri dan tak boleh PTB Land kalau harta dia PTB Holdings nak ganggu walaupun dia anak syarikat.

Yang ketiga, saya telah membuat cari rasmi di Pejabat Tanah, tidak ada harta milik yang didaftarkan dengan PTB Holdings Sdn. Bhd. ataupun PTB Land Sdn. Bhd. Oleh itu tidak timbul harta PTB Holdings Sdn. Bhd. atau PTB Land Sdn. Bhd. yang hendak diberi kepada kroni parti yang memerintah.

Yang ketiga, pemerintah pada hari ini tidak ada kroni, kroni hanya yang dibangkitkan di dalam Persidangan Agung UMNO iaitu kroni-kroni Perdana Menteri Malaysia saja dan Kerajaan Negeri Terengganu tidak mempunyai krom. Terima kasih

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Kalau tanah yang dimaksudkan tidak dimiliki oleh PTB Holdings Sdn. Bhd. ataupun PTB Land Sdn. Bhd. seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sekarang, siapakah yang memiliki tanah yang dimaksudkan itu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Selepas pada ni dirujuk kepada Yang Berhormat Batu Buruk dan Yang Berhormat Seberang Takirlah. Selepas daripada ini dirujuk kepada Yang Berhormat Batu Buruk dan Yang Berhormat Seberang Takir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Saya kurang jelas soalan dia, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya nak minta dia ulang sekali lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Ringkasnya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kalau tanah yang dimaksudkan itu tidak dimiliki oleh PTB Holdings Sdn. Bhd. dan tidak juga oleh PTB Land Sdn. Bhd., siapakah tuan punya atau pemilik tanah itu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bukan Pendaftar Tanah Kuala Terengganu ataupun Pendaftar Tanah Negeri Terengganu. Dia boleh buat cari rasmi.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, nampak gaya pihak Exco Kerajaan tidak menjalankan tugas dengan baik. Sepatutnya apabila soalan ini timbul beliau telah bersedia untuk menjawab siapakah pemilik, saya nampak Exco ini cuba metarikan diri daripada menjawab soalan-soalan, Yang Dipertua. Ini satu sikap yang tidak wajar ditunjukkan dalam Dewan ini, Yang Dipertua. Bagaimana pandangan, Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Saya nak tahu, sikap apa yang dia kata? Sikap apa?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sikap yang tidak wajar ditunjukkan dalam Dewan ini yang cuba mengelak jawapan-jawapan yang sebetulnya diberi kepada Dewan ini. Yang Dipertua

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, kalau bekas Exco tidak tahu nak buat soalan hak dok pernah jadi Exco, wakil rakyat biasa teruk lagi. Kita kena tahu nak buat soalan dan kita kena tahu subjek apa, kita boleh buat cari rasmi ... dua ringgit saja bayar. Lain kali nak buat soalan, kita kena cari jangan duduk raba-raba ... difahamkanlah ... dikatakanlah, saya dengar orang cerita. Kata dengar *hear say* dengan izin, tak boleh dijadikan bukti. Dulu bawa mari kertas fotostat, fotostat tidak boleh diterima. Saya dah beritahu dah berkali-kali jadi minta tolonglah biar Dewan yang mulia ini diisikan dengan perkara-perkara yang ada ketepatan maklumat mengikut kaedah-kaedah yang sedia ada.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, komen. Pasal Yang BERTHORMAT memberi jawapan sedang memberi komen saya rasa saya berhak membuat komen di sini, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Komen ... ni bentuk soalan Yang BERTHORMAT.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Bahawa Yang BERTHORMAT kalau tidak tahu menjawab, kalau tidak mahu menjawab, katakanlah tidak tahu atau tidak mahu menjawab jangan menyalahkan orang yang menyoal.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang BERTHORMAT, soalan tambahan bukan masa komen.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Soalan tambahan, Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, saya berani mengatakan kroni kerana saya dapati selain daripada perkara yang ditimbulkan ini beberapa tempat lagi telah diberikan kepada syarikat ini tanpa sebarang tender, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, saya bertanggungjawab saya nak minta berapakah yang diberi kepada kroni yang dikatakan kroni ini, syarikat ini. Sila jelaskan.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Dipertua, gambaran daripada jawapan wakil kerajaan ini tidak menggambarkan Kerajaan Islam yang disebut Yang Amat BERTHORMAT Menteri Besar sebentar tadi.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tidak kena mengena dengan soalan Yang BERTHORMAT. Dipersilakan Yang BERTHORMAT Wakil Rantau Abang.

23 APRIL 2003

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang):
Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, soalan yang pertama –

Apakah reaksi Kerajaan Negeri dalam isu "Terengganu Kite" yang disiarkan oleh RTM?

YANG AMAT BERHORMAT DATO` SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, soalan Wakil Rantau Abang berbunyi – Apakah reaksi Kerajaan Negeri dalam isu "Terengganu Kite" yang disiarkan oleh RTM?

Soalan yang sama juga dikemukakan oleh Wakil Kampung Raja pada besok hari, 24 haribulan yang berbunyi Adakah sebarang kesan yang dikenal pasti oleh Negeri Terengganu selepas tersiarinya 21 siri "Terengganu Kite". Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengambil tindakan sewajarnya ke atas pihak yang telah berbohong dan menfitnah rakyat dan Kerajaan Negeri Terengganu melalui siri-siri tersebut.

Oleh kerana soalan ini dalam maksud yang sama maka saya mohon izin Dato` Yang Dipertua, untuk menjawab sekali gus kedua-dua soalan ini.

Tuan Yang Dipertua, daripada siasatan dan kaji selidik yang dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri kita dapati bahawa tidak ada sebarang kesan negatif terhadap Kerajaan Negeri yang timbul daripada siaran ini. Yang kedua, kita dapati siaran ini kadang-kadang membantu Kerajaan Negeri untuk memberi promosi secara percuma kepada seluruh negara ini. Di sana disebut bebarapa program yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri iaitulah menghapuskan tol dan cukai pintu di negeri Terengganu. Mereka menggambarkan seolah-olah Kerajaan Negeri tidak mampu untuk mencari wang ganti daripada penghapusan ini. Alhamdulillah, melalui pegawai-pegawai kita yang merancang kita dapat pulangan kewangan yang lebih baik daripada membebankan rakyat. Di mana Kerajaan Negeri mengambil langkah tidak membebankan rakyat lebih daripada apa yang ada. Kemudiannya membantu Kerajaan Negeri mempromosikan beberapa perkara yang dilakukan oleh kerajaan yang lalu, menonjolkan masalah tak puas hati rakyat daripada beberapa perkara kemiskinan dan seumpamanya. Di mana ini adalah saki baki hampir 40 tahun mereka memerintah, kita hanya baru memerintah tiga tahun. Dalam masa tiga tahun sudah tentulah merupakan satu masa yang pendek mengapa mereka tidak boleh buat dalam masa 40 tahun.

Dan saya berpendapat bahawa siaran ini lebih ditumpukan kepada penduduk di luar Terengganu. Penduduk di luar Terengganu memang mereka bertanya-tanya dan ini juga menjadi satu iklan untuk pelancongan ke negeri Terengganu menyebabkan ramai pelancong datang ke Terengganu sehingga meningkat daripada masa-masa yang lalu.

Yang ketiga, Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap program yang diatur kerana kita menganggap itu adalah telatah-telatah *ayam gila mengeram*. Walaupun dia sudah tidak jadi kerajaan dia menganggap bahawa dia masih lagi berlagak sebagai kerajaan pada hal negara kita yang mengamalkan demokrasi bukan saja mengadakan pilihan raya di peringkat Pusat, pilihan raya juga di peringkat negeri. Maka semua pihak hendaklah menerima keputusan pilihan raya di peringkat negeri, hendaklah tunggu pilihan raya yang akan datang

Tetapi mereka telah mengambil tindakan-tindakan seolah-olah mereka memerintah lagi tak tunggu pilihan raya yang akan datang. Menonjolkan JKKK, pada hal JKKK adalah bidang Kerajaan Negeri bukan Kerajaan Pusat, dibuatnya JKKK melanggar peraturan, melanggar perlembagaan, diberi promosi dalam TV. Ini adalah menunjukkan bahawa seolah-olah mereka buat tidak sedar keputusan pilihan raya.

Kemudian mereka menggunakan modal berbaki yang ada untuk disiarkan dalam TV dengan menyalahgunakan media milik kerajaan. Di mana RTM itu bukan media parti, itu milik kerajaan hendaklah dilakukan secara profesional bukan secara tidak profesional. Apa yang dilakukan hari ini secara tidak profesional dan menyalahi adab-adab dan moral demokrasi berparlimen sebagaimana yang diamalkan di seluruh dunia. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato', soalan tambahan. Kadar buta huruf di Terengganu ada empat peratus dan sebahagian kecil penduduk di Terengganu masih lagi di luar bandar yang tidak mendapat maklumat yang banyak kecuali menjadikan radio dan TV sebagai nas kepada mereka. Adakah kerajaan memantau di peringkat kampung, adakah "Terengganu Kite" walaupun dikatakan tidak memberi kesan tapi saya merasakan kebimbangan dengan berita yang tidak beretika ini akan meracuni empat peratus penduduk kita yang buta huruf?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri tidak bersikap percuma kerana Urusetia Penerangan telah mengambil langkah-langkah yang wajar melalui kemampuan dan bidang kuasa yang ada pada Kerajaan Negeri, kita telah menyalurkan maklumat-maklumat balas kepada rakyat, maklumat-maklumat yang betul dan sehingga hari ini telah mula berjalan dan mendapat respons yang baik. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Soalan tambahan. Timbalan Menteri Penerangan ada menyebut bahawa Berita CNN dan BBC ni banyak berbohong dengan laporan berita-berita daripada Iraq. Adakah Yang Amat Berhormat bersetuju jika saya mengatakan bahawa RTM pun mempunyai banyak persamaan dengan sikap CNN dan juga BBC yang memaparkan berita yang bohong dalam penjelasan kepada masyarakat?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Tuan Yang Dipertua, saya dok tahu RTM belajar dengan CNN ataupun CNN belajar dengan RTM. Yang itu saya dok tahu, jadi terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. RTM menyiarkan apa yang berlaku di negeri Terengganu kalau RTM sebagai saluran pembohong, sila nyatakan apakah yang tak benar dalam "Terengganu Kite" tersebut?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Tuan Yang Dipertua, untuk maklumat Yang Berhormat penyiaran secara profesional yang diamalkan seluruh negara dunia hendaklah mengambil maklumat daripada semua pihak, bukan sahaja daripada pihak

kerajaan termasuk daripada pihak pembangkang. Oleh kerana itulah banyak negara dalam dunia yang menyiarkan sidang Parlimen secara langsung, England menyarkan sidang Parlimen secara langsung, Amerika Syarikat secara langsung, Thailand secara langsung, Jepun secara langsung supaya rakyat boleh tahu apa diucap oleh wakil rakyat mereka, apa yang disoal oleh wakil rakyat mereka di Parlimen. Amalan yang seperti ini tidak ada dalam negara kita, siaran yang dibuat hanyalah sebelah pihak saja. Ini yang menjadi masalah, oleh kerana itu jawapan yang diberi dalam Dewan tidak sampai kepada rakyat, ini menjadi masalah. Dalam masa yang sama kita nak mengadakan ceramah dilarang, tak dibenar, dibuat peraturan mereka boleh menggunakan RTM yang masuk tiap-tiap buah rumah. Inilah tidak profesioanal yang berlaku dalam negara kita. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Soalan tambahan, Dato`.

YANG BERTHORMAT DATO` YANG DIPERTUA: Dipersilakan Yang Berhormat Waki Bandar.

YANG BERTHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Bismillahirrahmanurrahim. Dato` Yang Dipertua, soalan pertama -

Adakah permit hiburan dikeluarkan kepada pihak Polis pada pertunjukan nasyid bersama rakyat yang dianjurkan oleh UMNO pada 28.3.2003 bertempat di Padang Polis Kuala Terengganu baru-baru ini. Jika permit tidak dikeluarkan apakah tindakan Kerajaan Negeri kepada penganjur tersebut.

YANG BERTHORMAT DATO` HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, Wakil Bandar ingin tahu adakah permit hiburan dikeluarkan kepada pihak Polis pada pertunjukan nasyid bersama rakyat yang dianjurkan oleh UMNO pada 28.3.2003 bertempat di Padang Polis Kuala Terengganu baru-baru ini. Jika permit tidak dikeluarkan apakah tindakan Kerajaan Negeri kepada penganjur tersebut.

Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, saya baru dengar cerita macam ni. UMNO adalah sebuah parti politik, Polis adalah jabatan kerajaan, dia dua-dua ni tak boleh *joint venture* ataupun lain perkataan, Polis tak boleh masuk sebagai komponen Barisan Nasional. Jadi anjuran diadakan oleh pihak Polis, di premis Polis anjuran UMNO, mungkin silap takut ni, Bandar ni silap. Nak betul ke soalan?

YANG BERTHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUOSF (Wakil Bandar): Anjuran bersama kot? Anjuran bersama UMNO dan Polis.

YANG BERTHORMAT DATO` HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, seperti mana saya jelaskan tadi tak mungkin Polis bekerjasama dengan UMNO macam ni bersama-sama pasalnya ... memang tak boleh kerja, Polis tak boleh masuk Barisan Nasional. Soalan salah ke ni? Nak betul soalan ni?

YANG BERTHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Betul dah ... soalan ni betul dah tu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Baru Buruk): Kalau soalan betul, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bermakna kita, negara kita akan menuju kehancuran. Namun demikian mengikut maklumat yang diberi oleh MPKT kepada saya, UMNO tidak pernah memohon ... jika betul dia anjur, saya tidak tahu ni, UMNO tidak pernah memohon mana-mana permit daripada MPKT bagi program 28 Mac 2003. Polis Kuala Terengganu atau pun Negeri Terengganu juga tidak pernah memohon kebenaran bagi membenarkan kawasannya digunakan oleh UMNO untuk tujuan itu. Jadi tidak timbul soal MPKT beri permit ke ... tak dok permit. Maklumat tidak ada dalam pengetahuan MPKT. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua. Jadi kalau MPKT tidak tahu, tidak beri permit jadi maknanya pihak UMNO boleh mempergunakan agensi kerajaan seperti Polis ini untuk membuat apa saja yang mereka buat di premis ... misalnya premis Polis itu? Adakah itu dibenarkan oleh Kerajaan Negeri?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang dia tanya tadi mempunyai jawapan yang tersendiri. Kalaulah UMNO boleh gunakan Polis takkanlah UMNO boleh menggunakan Polis sebegitu rupa, Polis ni profesional. Polis ada maruah dia, takkanlah Polis diperalatkan oleh UMNO. Saya tak percaya.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua. Yang benarnya bukan di Padang Polis tapi di pekarangan hadapan Ibu Pejabat Polis Negeri Terengganu. Soalan saya, dengan kehadiran berduyun-duyun rakyat ke majlis kerjasama pertunjukkan nasyid dan nasihat di malam berkenaan sempena dengan Hari Polis, boleh kita katakan ini menunjukkan sokongan rakyat, saya nampak hadirnya ahli PAS kecil besar, tua muda, orang ramai semua hadir memberi sokongan padu kepada Polis Negeri Terengganu yang berjaya dalam semua bidang terutamanya mengurangkan jenayah di negeri Terengganu ini, dan ini mendapat sokongan rakyat. Tetapi dalam masa yang sama mendapat konfrantasi daripada Kerajaan Negeri dan pada hari ini ada prejudis daripada ahli Dewan sendiri khususnya Wakil Bandar terhadap peranan Polis ini. Adakah saya katakan di sini, inilah sikap Kerajaan Negeri terhadap Polis Negeri Terengganu?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tak tahu Wakil Telemong jadi kerajaan hari ini.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya betulkan Yang Berhormat kerana saya hadir dalam majlis berkenaan kerana

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Saya dah kata tadi, saya tak percaya.

23 APRIL 2003

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya tahu saya bukan kerajaan tapi kerajaan jawab tak betul, saya betulkan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dok percaya guana benda tu berlaku, masalah berlakulah le ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Biar saya jawab ... biar saya jawab, saya bagi pihak kerajaan. Saya dah jawab tadi, saya tak percaya Polis boleh buat begitu apatah lagi UMNO yang berrmaruah dan berwibawa menggunakan Polis. Saya dah kata, saya dok percaya.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Nanti dulu

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): ... adakah perkara itu salah?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): ... saya tak beri laluan, saya tak bagi laluan. Saya dah kata Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya dok percaya Polis buat begitu, saya tak percaya UMNO boleh buat begitu, keduanya mempunyai maruah yang tersendiri. Tidak bermakna orang berdemonstrasi, orang ramai daripada tok ayah, tok nenek sampai ke budak-budak ianya suatu perkara yang halal kerana orang ramai. Perbuatan yang salah tu mesti salah, perbuatan tak ada permit mesti tak ada permit. Ini suatu perkara bukan kerana ramainya orang ni terima begini ... begini ... jadi halal, tidak boleh begitu. Ini kaedah undang-undang, saya kata tidak ada permit diminta, tidak ada permit diberi. Saya dah kata tadi, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, laluan. Jadi saya dok suka Wakil Telemong kata saya prejudis terhadap Polis, saya dok prejudis. Saya doh khabar semalam, orang UMNO ni mengelirukan saja Polis sehingga ada berlaku yang saya kata semalam, Polis boleh ekskot Naib Presiden UMNO. Macam mana boleh Polis ekskot Naib Presiden UMNO? Hak ni yang mencelarukan, mana saya prejudis ke atas Polis, saya tak dok ... saya kata, Polis terpaksa kena adil.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Bandar, itu bukan soalan tambahan.

YANG BERHORMAT HAJI MD. AZMI BIN LOP YUSOF (Wakil Bandar): Saya nak khabar sebab ... naaf, maaf Dato' Yang Dipertua, sebab Wakil Telemong saya kata prejudis terhadap Polis tadi, saya dok boleh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dipersilakan Wakil Kampung Raja.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Soalan pertama –

S.A.R. (Sekolah Agama Rakyat) dan Sekolah Agama Negeri dianggap mundur dan ketinggalan. Sejauh manakah kebenaran anggapan itu. Nyatakan prestasi bagi Sekolah-sekolah Agama Negeri Terengganu dari sudut kurikulum dan kokurikulum bagi tahun 2001 dan 2002 yang lalu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Kampung Raja dalam soalan pertamanya mengatakan S.A.R. (Sekolah Agama Rakyat) dan Sekolah Agama Negeri dianggap mundur dan ketinggalan. Sejauh manakah kebenaran anggapan itu. Nyatakan prestasi bagi Sekolah-sekolah Agama Negeri Terengganu dari sudut kurikulum dan kokurikulum bagi tahun 2001 dan 2002 yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, untuk menjelaskan dakwaan itu tidak berbangkit, bagi saya dakwaan itu tidak benar kerana sekolah-sekolah yang ditubuh di negeri ini masing-masing ada matlamatnya masing-masing. Apabila sekolah itu mencapai matlamat penubuhannya maka dia tidak boleh dianggap mundur malah dia boleh dianggarkan berjaya.

Sebagai maklumat untuk Dewan ini, Sekolah-sekolah Agama Rakyat dalam negeri Terengganu ini sebagaimana saya katakan dia tidak termasuk dalam sekolah-sekolah agama yang mundur di dalam negeri ini. Begitu juga Sekolah-sekolah Agama di bawah Kerajaan negeri 13 buah, semuanya Alhamdulillah baik dan mencapai kemajuan yang baik di bidang akademiknya dan juga di bidang kokurikulum. Sebagai contohnya, perbandingan tahun 2001 peperiksaan PMR saja lulus 96.78%, saya ingat tidak mundurlah. Yang keduanya, SPM lulusnya 93.09%, STPM 95.78%, STAM ada juga masuk sijil STAM yang baru dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan, tahun 2001 lulus 94.12% dan pada tahun 2002 lulus 100%. Jadi bagi tahun 2002, PMR lulus 97.65%, SPM 91.72% dan STPM 85.57%, dan yang tertingginya STPM tahun lepas tu yang dapat 9A Sekolah Agama Negeri Terengganu sebab itulah dalam RTM, surat khabar itu dia tak siar hak 11A, dia siar hak hak 9, hak 10, hak 11 dia tak siar. 11 tu orang tanya, mari mana ... Terengganu, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Jadi tak timbul langsung masalah kemunduran.

Kemudian kokurikulum ... banyak kalau saya cerita ni, pertandingan katalah kejohanan tahun 2001 yang dianjurkan oleh JAKIM, sukan bulan Mei yang ni pun kira-kiranya yang mendapat Johan Keseluruhannya, Sekolah Agama Terengganu. Jadi hak lain-lain banyak lagi, tak payah sebutlah, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung): Soalan tambahan, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya beri kepada tuan asal soalan.

YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menjadikan program Pengukuhan Bahasa Arab dan Fardhu Ain melalui pengajian kitab-kitab ulama muktabar sebagai sebahagian daripada kokurikulum Sekolah-sekolah Agama Kerajaan Negeri untuk memartabatkan lagi Sekolah-sekolah Agama Kerajaan Negeri?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sejak daripada tahun 2000 kurikulum Sekolah Menengah Agama bermula daripada tingkatan satu kita dah ubah balik kepada sukatan yang dipakai Al-Azhar, buku teksnya dalam Bahasa Arab semua kecuali mata-mata pelajaran Bahasa Inggeris ataupun Bahasa Melayu itu dalam Bahasa Melayulah. Jadi oleh sebab itu tidak timbul lagi tentang Pengukuhan Bahasa Arab, ditambah pula dengan program baru yang kita mulakan pada tahun 2000 iaitu mengadakan Sekolah Agama Bersepadu peringkat negeri Terengganu. Ini pun usaha untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berkebolehan di dalam bahasa-bahasa Arab, Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Kelas-kelas *Tafakuh* kita adakan sekarang ini adalah untuk memperlengkapkan lagi kebolehan Bahasa Arab kepada bukan saja pelajar-pelajar Sekolah Agama tetapi orang-orang yang sudah tamat pengajiannya di peringkat Sarjana Muda yang ingin mengemaskinikan bahasanya pun kita adakan, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Kampung Raja, oleh kerana masa tidak mengizinkan soalan Yang Berhormat ada satu lagi, saya beri peluang

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Soalan tambahan saya, Yang Berhormat Yang Dipertua?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: memperlengkapkan soalan Yang Berhormat, sila.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Soalan tambahan saya satu, Yang Dipertua, bertembung tadi?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan yang kedua daripada Yang Berhormat, boleh kemukakan.

YANG BERTHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan yang kedua -

Daerah Besut dilorek sebagai daerah pertanian. Apakah pelan strategi dan pelaksanaan yang telah dan akan dilaksanakan bagi merealisasikan matlamat tersebut.

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan Wakil Kampung Raja ingin tahu tentang daerah Besut yang dilorekkan sebagai daerah pertanian. Apakah pelan strategi dan pelaksanaan yang telah dan akan dilaksanakan bagi merealisasikan matlamat tersebut.

23 APRIL 2003

Dato' Yang Dipertua, saya ingin memaklumkan bahawa daerah Besut adalah merupakan satu daerah utama yang mana penduduk menjalankan aktiviti pertanian, malah jelapang padi bagi negeri Terengganu juga terdapat di daerah Besut.

Bagi merealisasikan matlamat dan pelaksanaan projek-projek pertanian di Besut dan juga daerah-daerah lain di negeri ini, kerajaan telah melancarkan Pelan Induk Pertanian Negeri 2001 – 2010 bertujuan memaksimumkan pendapatan sektor pertanian melalui penggunaan sumber secara optimal, termasuk memaksimumkan sumbangan pertanian kepada pendapatan negeri dan pendapatan eksport.

Strategi atau pendekatan yang diambil adalah dengan cara:

- i) Memenuhi keperluan makanan negeri
- ii) Meningkatkan daya saing dan daya untung
- iii) Meningkatkan pembangunan bersepadu sektor kecil pertanian
- iv) Mengukuhkan ekonomi makro negeri
- v) Menerima pakai pembangunan mampan.

Adapun dari segi pelaksanaan yang telah dan akan dilaksanakan bagi merealisasikan matlamat berkenaan itu, maka kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang sedia ada diteruskan dalam meningkatkan prasarana, menambahkan input membaik pulih tanah dan dalam konteks yang baru menambahkan lagi lebih banyak projek-projek termasuk projek akuakultur. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana masa untuk soalan-soalan telahpun berakhir maka dengan ini saya tangguhkan Dewan sehingga jam 11.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.40 PAGI.

PUKUL 11.00 PAGI

YANG BERTHORMAT DATO` YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Amat Berhormat Dato` Seri Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Dato`-Dato`, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Dewan disambung semula iaitulah penggulungan atas perbahasan menjunjung kasih terhadap Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia. Sekarang saya buka untuk penggulungan, silakan Yang Berhormat Sura.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Bismillahirrahmanirrahim Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato` Seri Tuan Guru Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para pemerhati, hadirin, hadirat yang saya muliakan.

Pertama saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua kerana memberi ruang kepada saya untuk menggulung sebahagian daripada apa yang dibangkitkan khususnya oleh Wakil Bukit Tunggul berkaitan dengan beberapa cadangan yang perlu diambil perjalanan oleh pihak kerajaan dalam sektor pelancongan. Dalam satu buku *Second Apec Tourism Forum* satu kajian laporan yang dikeluarkan daripada tahun 1996 berkaitan dengan halangan-halangan yang dikenal pasti menjadi halangan kepada pembangunan pelancongan di Asia Pasifik dan termasuk kajian adalah dikeluarkan oleh Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan untuk menjadi tatapan bagi diambil tindakan juga oleh kerajaan-kerajaan negeri. Ada enam perkara yang menjadi halangan utama dalam pembangunan sektor pelancongan, saya nak sebutnya daripada enam itu pertama adalah *infrastructure*. Dan di bawah tajuk *infrastructure* itu report daripada *Apec Report* ini yang dikeluarkan pada tahun 1996 ada tujuh perkara utama yang menjadi halangan kepada pembangunan pelancongan. Dengan izin Yang Berhormat Yang Dipertua, saya baca, yang pertama ialah *airport capacity of conjunction* iaitu keupayaan tampungan lapangan terbang atau pun kesesakan, menduduki senarai paling atas yang menjadi halangan kepada pembangunan sektor pelancongan. Yang kedua, *airline capacity* keupayaan penerbangan, yang ketiga *air space conjunction* kesesakan laluan penerbangan, yang keempat *accommodation capacity* keupayaan tampungan penginapan, yang kelima *accommodation standard* taraf nilai penginapan, yang keenam *ground transport problem* permasalahan pengangkutan darat dan yang ketujuh *border crossing check point* yang ini kita tidak ada, laluan kemasukan sempadan.

Apa yang saya ingin ucapkan terima kasih kepada Wakil Bukit Tunggul kerana memberikan perhatian kepada perkara yang menjadi ... saya tidak tahu sama ada beliau membaca buku ini atau pun tidak tapi satu pandangan yang cukup bernas dan saya ucap terima kasi kerana memberi saranan kepada Kerajaan Negeri. Tetapi seperti yang kita umum sedia maklum iaitulah Kerajaan Negeri amat bersetuju bahawa pembesaran lapangan terbang termasuk juga kita lihat permasalahan yang berlaku memang menjadi permasalahan yang besar sebenarnya kepada pembangunan pelancongan negeri. Dan begitu juga kita lihat di antara kajian ini yang dikeluarkan report, laporan ini berkaitan dengan permasalahan pengangkutan darat. Itu juga Kerajaan Negeri amat bersetuju supaya *motorway* atau pun Lebuhraya Pantai Timur ini dapat dibina bagi memajukan sektor pelancongan negeri.

Yang kedua yang juga dibangkitkan ialah berkenaan dengan kebersihan, iaitu sebenarnya kalau di dalam setiap mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Kebangsaan Pelancongan yang saya hadiri di peringkat Pusat yang dipengerusikan oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, memang perkara kebersihan ni sentiasa dibangkitkan. Dan di antaranya ialah kebersihan masjid juga diberikan perhatian kerana sebahagian daripada perjalanan yang dilakukan oleh pelancong melibatkan jalan darat dan tempat-tempat persinggahan di antara negeri-negeri itu ialah masjid. Satu usaha yang cukup baik yang telah dimulakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu bermula daripada Januari 2002 dengan membuat penggredan penilaian tahap kebersihan masjid. Saya ucap tahniah kepada jabatan berkenaan kerana telah mengambil satu perjalanan memang sentiasa dibangkitkan di dalam mesyuarat Pembangunan Pelancongan di peringkat Kebangsaan. Iaitu penggredan berdasarkan kepada yang pertama aspek kebersihan kawasan masjid atau landskap, yang kedua kebersihan bangunan masjid, yang ketiga kebersihan dan kerapian *mehrab* dan peralatan perabot, yang keempat kebersihan tandas, tempat wuduk dan lain-lain tempat kemudahan awam di mana semua ini adalah diberikan penggredan oleh pihak jabatan pada setiap bulan. Alhamdulillah ini satu usaha yang cukup baik dan insya Allah akan menjadi satu pemangkin kepada pihak kerajaan untuk melihat bagaimana penyusunan ini dapat dibuat pula di tempat-tempat persinggahan pelancongan yang lain.

Yang ketiga keselamatan yang dibangkitkan ini adalah kalau kita melihat kepada elemen utama di samping produk-produk pelancongan yang sedia ada di Terengganu, kita lihat prasyarat tarikan pelancong ke Terengganu ni dia mesti ada tiga elemen utama, di samping produk sedia ada, ada tiga elemen utama. Yang pertama keselesaan itu telah dibangkitkan oleh Wakil Bukit Tinggi kemudahsampaian termasuk sebahagiannya perjalanan darat dan juga perjalanan udara, dan darat ini termasuk jarak perjalanan tempat dan waktu perjalanan. Yang kedua kebersihan telah dimasukkan ke dalam elemen itu, yang ketiga keselamatan di mana jaminan keselamatan dan keamanan ketika berada di tempat yang dikunjungi atau dilawati menjadi salah satu dari perkara dan elemen yang paling penting kepada pelancong. Sebab itu apabila kita melihat kepada peri pentingnya soalan keselamatan dan keamanan dalam industri pelancongan secara khusus seperti yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan di dalam ucapan titahnya, *Beta juga bersyukur dan gembira dengan suasana tenteram dan aman damai di Negeri Terengganu Darul Iman. Keadaan ini akan memantapkan lagi pengurusan halacara-halacara pembangunan insan dan ekonomi bagi mencapai matlamat kesempurnaan rakyat negeri.* Oleh kerana industri pelancongan memberi kesan sampingan ekonomi kepada rakyat yang terlibat dalam industri ini maka aspek keamanan dan keselamatan mestilah diberikan perhatian. Ayat Allah s.w.t. mengajar kita bahawa keamanan akan membawa sumber dan punca ekonomi, Allah s.w.t. menyatakan di dalam ayat Surahtul Baqarah, ayat 126 yang bermaksud – *Dan ingatlah ketika Nabi Allah Ibrahim berdoa, wahai Tuhan jadikan negeri ini negeri yang aman dan kurniakan rezeki kepada penduduk-penduduknya dari segala buah-buahan.* Apa yang saya nak ambil dari ayat ini berdasarkan kepada kepentingan ialah keselamatan dan keamanan menjadi salah satu daripada elemen yang penting untuk pelancong hadir kerana ia akan membawa kesan pulangan janaan ekonomi kepada rakyat negeri yang terlibat dalam industri pelancongan.

Oleh kerana itu, apabila kita melihat apakah yang dimaksudkan dengan 'aman' itu, di mana di dalam kitab tafsir disebut 'aman' itu, yang pertama ialah aman dari serangan musuh. Alhamdulillah, kita tidak menghadapi serangan musuh kerana Baghdad pernah menjadi salah satu

daripada pusat lawatan pelancong tetapi apabila kita lihat suasana yang berlaku, dia bukan saja Baghdad bahkan di tempat-tempat lain, kita lihat bagaimana SARS, Singapura turun dengan begitu teruk, di Hong Kong sendiri dan di China. Sebab itulah perhatian diberi kepada soalan keamanan ini, aman dari serangan musuh. Yang kedua, aman dari pertumpahan darah, yang ketiga aman dari kehancuran, yang keempat aman dari bencana-bencana besar, yang disebut sebagai bencana alam. Kita lihat di Terengganu sebagai contoh, kita ambil alih pemerintahan 1999, 2000, 2001 dan 2002 kita tidak menghadapi banjir yang besar. Ini suatu kesyukuran yang kita ucapkan kerana kita dengan sebab bila banjir besar ini suatu *main-set* dengan izin Yang Berhormat Yang Dipertua, masuk dalam pemikiran pelancong ialah di Terengganu ni musim tengkujuh, banjir bah tapi kita tidak ada itu. Sebagai contoh saya nak sebut statistik PATA tahun 2002, kehadiran tempatan bermula Oktober hingga Disember, 2002 suatu jumlah 236,790 orang ini satu rekod yang cukup baik yang tak pernah kita dapati melainkan bila kita ambil alih kita dapati tidak ada banjir besar. Alhamdulillah. Tidak ada gempa bumi di Terengganu ini.

Yang kedua kita dapati bahawa kesan daripada kehadiran pelancong itu sendiri. Kalau pelancong asing bagi Oktober hingga Disember 2002, 8,958 dalam tempoh tiga bulan 2002. Dan kita lihat yang kedua ini pemerhatian saya, iaitulah hasil buah-buahan tempatan cukup menjadi tahun lepas. Dan ini juga sebahagian tarikan pelancong datang ke Terengganu menikmati hasil-hasil buahan tempatan ini dan ini saya rasa memberi angka yang baik kepada kemasukan pelancong tempatan di Terengganu ini berdasarkan kepada fakta ini. Dan yang ketiga saya dapati juga adalah suatu yang amat membanggakan kerana hasil tangkapan laut juga meningkat sehingga ada pelancong-pelancong daripada Pantai Barat yang datang untuk mereka menyewa bot-bot nelayan dan mereka pergi memancing dengan satu jumlah bayaran yang agak lumayan yang mereka sewa. Ini menunjukkan bahawa apabila kita meletakkan perjalanan untuk kita pastikan bahawa yang penting ialah kita laksanakan Islam itu (baca ayat) yang bermaksud - *Kalaulah penduduk negeri yang dipimpin yang menerajui kepimpinan itu bertakwa termasuk penduduknya, diajak ke arah bertakwa nescaya kami akan bukakan bagi mereka rezeki kemurahan Allah s.w.t. dari pintu-pintu langit dan bumi.* Dan mudah-mudahan saya mengharapkan di tahun-tahun akan datang ia menambahkan hasil yang lebih baik kepada industri-industri pelancongan. Sebab itu saya minta tekankan soal keamanan, soalan keselamatan seperti yang ditanyakan dan saya menjunjung kasih kepada ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan dan terima kasih kepada cadangan yang telah diberikan oleh Wakil Bukit Tinggi.

YANG BERTAKWA HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Penjelasan, Dato' Yang Dipertua. Yang Berhormat Dato', antara satu perkara yang penting iaitulah tentang keselamatan. Setakat ini berapakah aduan yang diterima daripada pelancong kepada kerajaan dan apakah bentuk gangguan yang diterima daripada pelancong sama ada yang melibatkan ancaman nyawa, kebendaan harta benda ataupun seumpamanya? Dan di manakah biasanya gangguan itu berlaku ... di pulau ke, di hotel ataupun di chelet ke dan apakah tindakan segera kerajaan ataupun pihak berkuasa dalam menangani aduan pelancong tersebut?

YANG BERTAKWA HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Paka): Setakat ni kita tidak menerima laporan, jadi tak dok laporan tak dok tindakanlah, ada laporan baru kita bertindak. tetapi setakat ni tak ada laporan. Cuma saya nak tekankan peri pentingnya soalan keamanan, keselamatan ni saya nak peringatlah kepada wakil-wakil pembangkang supaya jadilah

pembangking yang baik, pembangking yang *gentlemen* sebab Allah jadi kita ni dua saja, dok lelaki perempuan. *Gentlemen* maknanya lelaki yang berperwatakan biasa, kalau perwatakan luar biasa itu pondan, kalau perwatakan luar biasa. Saya nak sebut ni supaya kita menjadi pembangking yang baik sebagaimana kami pernah menjadi pembangking yang baik. Saidina Ali karamullahuwajahah pernah didatangi oleh seorang rakyat

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Penjelasan, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Saya tak beri laluan sebab saya nak tutup dah.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Saya nak minta

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Saya tak beri laluan, minta maaf ... saya tak beri laluan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
..... Yang Berhormat pernah menjadi pembangking di Dewan ni ke? Yang baik ke?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak beri laluan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BI MOHD RAMLI (Wakil Sura): Saya tak beri laluan, Yang Berhormat Yang Dipertua, saya nak pendekkan ucapan. Saidina Ali karamullahuwajahah didatangi oleh seorang rakyat bertanya, mengapa ketika pemerintahannya berada dalam keadaan seperti kelihatan kucar kacir, huru-hara, keadaan tidak tenteram, tidak damai tidak seperti zaman Saidina Othman, zaman Saidina Omar, zaman Saidina Abu Bakar, apatah lagi di zaman Rasulullah. Maka Saidina Ali menjawab, zaman Rasulullah orang seperti Abu Bakar, Omar, Othman dan aku menjadi rakyat. Di zaman

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Yang Dipertua, zaman Haji Hadi ni jauh di zaman Rasulullah ... jauh *jelak*.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Nanti dulu orang nak kias ... orang nak kias sabar dulu, deras sangat.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Saya minta Wakil Sura *gentlemen* juga. Beri laluan kepada kita, *gentlemen* sedikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Telemong.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Kemudian di zaman Abu Bakar orang seperti Omar, Othman dan aku menjadi rakyat. Di zaman Othman, aku

menjadi rakyat, orang yang seperti aku tapi di zaman aku orang seperti kamu menjadi rakyat. Sebab itu kita lihat waktu PAS Terengganu ni tidak menang dalam pilihan raya, kita secara *gentlemen* 28 orang di Jerangau Felda di Dungun, yang tidak menerima geran kita tidak pergi hasut apa-apa, kita tak hasut apa-apa sebab kita kira kita kalah kita terima kekalahan itu dan kita terus berjuang. Tetapi apa yang berlaku memalukan sebagai seorang anak muda yang baru masuk Dewan. Kita rasa malu melihat gelagat orang yang lama di dalam tugas sebagai wakil rakyat. Sebab itulah saya minta supaya jadi pembangkang yang baik, kita datang berceramah kita beritahu kepada orang terang apa dasar yang kita nak buat apabila kita diberi kuasa memerintah, apa yang kita nak buat perubahan bukan membuat serangan-serangan peribadi. Ini kena faham.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Kita tidak pernah membuat serangan peribadi. Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Saya ... saya kena sebab tu saya tahu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat buat salah, wakil kerajaan kita seranglah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Telemong.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Saya tak nak jawab

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Sebab dia tidak *gentlemen*, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta maaf sekejap. Kalauah Wakil Sura tidak *gentlemen*, Yang Berhormat lagi teruk.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya minta laluan, Dato' Yang Dipertua. Kalau dia *gentlemen*, saya kita laluan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta izin dari saya, bukan minta izin dari dia.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya minta dari Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak ada ... Yang Berhormat tak pernah minta izin dari saya terus Yang Berhormat bercakap. Sila duduk.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Saya pun nak tutup dah Yang Berhormat, nampak hangat dah tu ... dok pasal, pasal pula. Insy Allah, saya ucap terima kasih kepada Wakil Bukit Tunggal yang telah memberi cadangan-cadangan yang baik insya Allah kita akan melihat apa yang diberikan cadangan ini mudah-mudahan ... walaupun mungkin penyelesaiannya kita tidak dapat selesaikan semua tetapi sekurang-kurangnya kita memberi perhatian di tempat-tempat yang boleh kita ambil perjalanan segera dan selepas daripada itu kita akan melihat kepada kepentingan untuk memenuhi kehendak dasar berdasarkan cadangan-cadangan yang telah diberikan. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Dipertua. Wabillahi taufik waidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Wakil Tepuh.

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan para pemerhati sekalian.

Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menggulung perbahasan yang telah pun dilakukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan yang telah menyentuh perkara-perkara yang berhubung kait dengan masalah kebajikan, kemiskinan, masalah sosial. Dan antara wakil-wakil yang telah menimbulkan persoalan ini ialah wakil daripada Bukit Tunggal, Wakil jabi dan Wakil Ajil. Dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan ada menyebut mengenai pengurangan kadar kemiskinan akan terus menjadi agenda utama kerajaan. Dan kerajaan akan terus memberi penumpuan kepada keluarga miskin yang memerlukan bantuan bagi memudahkan kehidupan mereka.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, walaupun kerajaan menghadapi masalah kekangan kewangan akibat daripada rompak royalti minyak oleh Kerajaan Pusat atas desakan antaranya UMNO Terengganu, tetapi Kerajaan Negeri terus berusaha menambah sumber kewangan dari pelbagai sektor bagi melaksanakan tanggungjawabnya kepada rakyat semampu mungkin. Alhamdulillah, dengan kebijaksanaan dan ketelusan kepimpinan Kerajaan Negeri yang diterajui oleh PAS dan dengan kerjasama yang baik dari kalangan pegawai kerajaan bertindak secara profesional maka Kerajaan Negeri telah berjaya membantu golongan miskin negeri ini bukan saja bagi mengurangkan beban sara hidup mereka seperti makan minum, rumah kediaman, tapak rumah kediaman, tapak pertanian, bantuan pendidikan anak-anak mereka, bantuan perubatan dan lain-lain lagi keperluan asas hidup. Kerajaan telah meningkatkan usaha mengurangkan kadar kemiskinan dengan melaksanakan Pelan Tindakan Ekonomi Rakyat Terengganu melalui Jawatankuasa Pelaksanaan yang telah ditubuhkan yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dalam menangani masalah kemiskinan produktif ataupun yang tidak produktif. Dan di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi menyelesaikan masalah kefakiran dan kemiskinan dari kalangan mereka yang produktif di antaranya ialah pertamanya melibatkan mereka secara langsung dalam bidang-bidang pekerjaan di sektor perkilangan, pertanian seperti di kawasan perindustrian serta dalam beberapa ladang Felcra yang dikenal pasti. Yang keduanya ialah pembukaan tanah pertanian bagi membolehkan mereka berusaha ke arah

penambahan pendapatan. Antara projek-projek pertanian yang dijalankan ialah projek tembakau di Rhu Tapai, projek sayur di Besut, projek limau di Dungun dan projek cili di Marang. Yang ketiganya melibatkan mereka dalam perniagaan kecil dengan memberi pinjaman tanpa faedah melalui Yayasan Pembangunan Keluarga dan melalui skim pinjaman Amanah Ikhtiar Malaysia. Yang keempatnya memberi latihan kemahiran dan kursus motivasi kepada ketua keluarga fakir miskin dan anak-anak keluarga fakir miskin supaya mereka berusaha meningkatkan pendapatan serta membasmi sikap subsidi yang selama ini telah diajar begitu lama oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional. Dan sebagaimana dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w. yang bermaksud – *Tiada seorang yang membuka jalan bagi dirinya untuk meminta-minta melainkan akan dibukakan baginya oleh Allah pintu kemiskinan*. Jadi oleh kerana itu kita berusaha untuk memastikan rakyat yang miskin ini tidaklah sentiasa meminta-minta bantuan dan sentiasa mempunyai fikiran subsidi. Kita mahu membebaskan mereka daripada belenggu ini yang sekian lama mencengkam pemikiran mereka.

Semua perancangan dan langkah-langkah tersebut dilakukan secara bersepadu melibatkan agensi-agensi kerajaan seperti UPEN, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Yayasan Pembangunan Keluarga, MAIDAM, Yayasan Terengganu, UPI dan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan lain seperti NGO, Jabatan Pertanian, Lembaga Tembakau Negara, Felcra, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Lembaga Pertubuhan Peladang. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, Program Jaya Diri bagi peserta PPRT dalam sektor pertanian yang sedang berjalan sekarang ini melibatkan 261 orang peserta dan sejumlah 41 orang lagi akan diambil dalam pelaksanaan projek tersebut. Bagi projek ternakan ayam melibatkan 5 orang peserta sementara dalam projek perusahaan kecil atau Program Jaya Diri yang dianjurkan di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia seramai 500 orang peserta. Dan yang paling ramai sekali yang telah kita berjaya untuk melaksanakan program ini ialah di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga di mana pesertanya seramai 4,984 orang. Sementara itu Projek Mikro Pendidikan dan peluang pekerjaan kepada ketua dan ahli isi keluarga telahpun dijalankan dan penyertaannya seramai 1,000 orang. Begitu juga bagi program latihan yang dijalankan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga, iaitu latihan ini bertujuan untuk membolehkan mereka berdikari terutama dalam pemerosesan hasil-hasil tanaman dan juga makanan bagi petani dan pengusaha kecil maka di sini kita telah berjaya melatih peserta seramai 2,794 orang. Inilah usaha-usaha yang telahpun dilakukan oleh kerajaan yang begitu prihatin dengan masalah kemiskinan dalam usaha kita untuk membebaskan mereka dari belenggu yang mencengkam mereka selama ini.

Sementara itu bagi golongan miskin yang tidak produktif yang tidak berdaya untuk melaksanakan kerja-kerja bagi menambahkan pendapatan mereka maka kerajaan telah memberi bantuan dalam berbagai bentuk, bantuan am bulanan, bantuan berkala dan bantuan tahunan yang melibatkan agensi-agensi seperti JKM, YPK, UPEN, Amanah Ikhtiar Malaysia dan juga MAIDAM. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bantuan am bulanan saja Kerajaan Negeri telah membelanjakan hampir setiap melebihi RM16 juta. Dan juga kalau dikira bantuan yang lain daripada MAIDAM zakatnya pada tahun 2002 saja, kita telah membelanjakan RM13,129,356.00. Jadi boleh dikatakan semua fakir miskin di negeri Terengganu telah menerima bantuan ini. Ini tidak termasuk bantuan malapetaka atau bencana alam, atau bantuan bina dan baiki rumah, bantuan rawatan perubatan dan perbelanjaan perubatan, dan bantuan kepada para nelayan yang mengalami kerosakan bot-bot mereka yang selama ini memang tidapun dipedulikan oleh Kerajaan Barisan

Nasional. Alhamdulillah, kita telah mengambil daya inisiatif untuk membantu nelayan-nelayan yang menghadapi musibah ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam Titah Ucapan Tuanku Al-Sultan juga ada menyentuh tentang gejala sosial dengan mengatakan bahawa Beta *bersetuju bagi menangani gejala sosial ini melalui pendekatan prinsip Islam dapat mencapai kejayaan yang lebih cemerlang*. Dan perkara ini telahpun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Wakil Jabi, yang mahukan supaya kerajaan melipat gandakan usaha bagi menangani masalah gejala sosial termasuk kes jenayah. Sesungguhnya kerajaan telah mengambil daya usaha yang gigih bagi memastikan gejala sosial ini dapat diatasi dari masa ke semasa melalui berbagai program sama ada program yang berupa pendidikan kepada masyarakat ataupun program pencegahan dan juga pemulihan. Dengan kerjasama daripada agensi-agensi kerajaan bukan saja Kerajaan Negeri tetapi juga Kerajaan Persekutuan dan juga daripada NGO. Alhamdulillah, dengan kerjasama semua pihak ini maka kadar jenayah di negeri Terengganu sebagaimana yang telah saya jawab dalam soalan yang dikemukakan semalam, iaitu telah berkurangan berbanding dengan tahun 2001, 2002 penurunannya sebanyak 39.6%. Begitu juga dengan penagihan dadah pun berkurangan kalau dinisbah dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia ini, negeri Terengganu menduduki tempat yang ke-10 daripada seluruh negeri di Malaysia ini. Dan begitu juga dengan kemalangan jalan raya pun menurun, kalau dilihat kepada angkanya perbandingan pada tahun 2001 dengan 2002. Alhamdulillah, dengan usaha-usaha semua pihak ini dapat kita menangani gejala sosial dengan baik walaupun kita memanglah belum lagi berpuas hati dengan pencapaian yang ada tetapi insya Allah, dengan kerjasama semua pihak kita akan dapat terus menerus memastikan bahawa gejala sosial dapat kita turunkan kadarnya dari masa ke semasa. Sesuai dengan yang dinyatakan oleh Allah s.w.t. yang bermaksud – *Orang lelaki yang beriman dan perempuan yang beriman, saling bantu membantu di antara satu sama lain bagi menyuruh perkara yang makruh dan mencegah kemungkaran*. Inilah merupakan tanggungjawab kita bersama.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Bukit Tunggul menyentuh sedikit mengenai penyakit SARS yang melanda dunia yang begitu heboh sekarang ni. Alhamdulillah, kita di Terengganu bebas dari penyakit ini. Inilah berkat daripada usaha yang dilakukan oleh kerajaan kita dengan kerjasama daripada rakyat seluruhnya dari segi mencegah penyakit yang berjangkit. Kita mahu supaya keadaan seumpama ini dapat diteruskan

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih. Apakah langkah kerajaan untuk yang dinyatakan tadi, bahawa kerajaan telah mengambil untuk mengatasi masalah SARS di Terengganu? Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi penyakit yang cukup heboh dan teruk diperkatakan sekarang?

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Terima kasih, Yang Dipertua. Memang soal pencegahan penyakit ni adalah menjadi tanggungjawab bersama walaupun keutamaannya kepada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesihatan. Walau

23 APRIL 2003

bagaimanapun baru-baru ni ... inilah julung-julung kali Menteri Kesihatan menjemput saya bersama-sama dengan Exco-exco lain membincangkan masalah SARS ni. Selama ini memang belum terjumpanya penyakit tak pernah pun dipanggil, bila *perok* barulah panggil. Jadi ini pun satu keadaan yang baik jugalah dengan ada SARS ni barulah ada kerjasama dan insya Allah kita harap kerjasama ini berterusan bukan saja apabila timbul penyakit yang berbahaya ini tetapi juga dalam menangani masalah penyakit-penyakit yang lain. Dan untuk maklumatnya memang pihak

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan sekali. Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Nanti saya jelas dulu ... sekejap ya, ni dok sabar doh wakil pembangkang ni. Untuk penjelasannya kita ... Alhamdulillah, telah berusaha supaya bagi memastikan bahawa tahap kesihatan di negeri Terengganu ini dapat dicapai ke tahap yang maksima. Jadi oleh kerana itu melalui agensi kita yang utamanya Yayasan Pembangunan Keluarga mengadakan berbagai-bagai kegiatan untuk memastikan keluarga kita sihat. Bermula daripada keluarga sihat maka insya Allah rakyat kita akan sihat.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Yang Dipertua. Pohon laluan? Soalan saya tadi tidak dijawab, iaitu apakah langkah atau tindakan kerajaan yang telah diambil, langkah atau tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini? Dan apakah pihak kerajaan menyedari ada kes-kes *suspect* ataupun kebarangkalian yang telah dimasukkan ke hospital? Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Memanglah langkah-langkah telah banyak kita ambil, iaitu yang pertama sekali memberi kesedaran kepada masyarakat kita di Terengganu supaya mereka menjaga kesihatan, berusaha bekerjasama dengan pihak hospital dan pihak Jabatan Kesihatan supaya segala penyakit tidaklah merebak di negeri kita ni. Jadi hasil ... ini memanglah kita lihat di Terengganu sebagai contohnya, demam Aedes pun berkurangan, kalau nak di kira

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Demam Denggi, Yang Dipertua bukan demam Aedes.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): hasil daripada kerjasama

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Betul Yang Dipertua, demam Denggi bukan demam Aedes.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Serupalah tu daripada nyamuk Aedes jadi denggi pun bukan nyamuk lain. Demam Denggi ... terima kasih jugalah kerana betul sedikit. Tapi saya beri peluang untuk betul tapi kalau Yang Berhormat pembangkang ni biasa dok beri peluang langsung kalau nak betul hak dia.

Insyah Allah, kita akan terus bekerjasama dengan pihak Kementerian bagi memastikan rakyat negeri kita ni hidup sihat ... sihat segala-galanya untuk kita dapat *Membangun Menurut Islam* ini dengan sempurna.

Dalam kesempatan ini juga Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin menjelaskan kedudukan sebenarnya masalah pembahagian tanah yang ditimbulkan

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Dipertua, penjelasan. Laluan sekali lagi.

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Nanti dulu, saya nak sebut

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sebab saya nampak nak masuk tajuk lain dah.

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Ni ada kaitan dengan kawasan saya sendiri.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya tanya SARS tadi, adakah kes-kes kebarangkalian mungkin Yang Berhormat dok ingat.

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Di sini saya sebut tadi, memang di negeri ni kita bebas walaupun ada *suspect* yang dimaklumkan tapi bukan itu daripada SARS. Jadi bebas, tak usah bimbanglah insyallah, dok kena kepada negeri kita ni kalau betul-betul melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan baik.

Dalam kesempatan ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin menjelaskan kedudukan sebenarnya berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Wakil Ajil semalam, iaitu menyatakan bahawa dua penama Ismail bin Yakob dan Wok binti Ismail yang disisih daripada pengurniaan tanah di Baruh Tok Jiring. Ingin saya maklumkan bahawa dakwaan itu tidak benar sama sekali. Sebab nama Ismail bin Yakob ni memang sudah tersenarai dalam mereka yang akan dikurniakan tanah. Dan termasuk juga Wok ni insyallah, oleh kerana dia ni dua beranak jadi memanglah kita utamakan dulu mereka yang meneroka tanah ini. Jadi kita akan pastikan sama ada Wok binti Ismail ni teroka sama ataupun tidak tanah ini. Apa yang menyedihkan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, masalah tanah Baruh Tok Jiring

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): ini tidak dapat diselesaikan oleh kerajaan dulu lebih daripada 30 tahun yang lalu

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tunggu sekejap dia memberi penjelasan.

23 APRIL 2003

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): ... dan walaupun diberi tanah kepada mereka pun sebahagiannya saya dimakkumkan ialah mereka yang tidak berhak. tidak ada kena mengena dengan tanah tersebut iaitu seramai 400 orang.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakil Ajil minta laluan?

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Alhamdulillah. kita telah berjaya menemui semula mereka yang disisihkan. dinafikan hak mereka seramai 297 orang. Inilah akibat daripada kezaliman yang dilakukan oleh kepimpinan dulu kepada rakyat Terengganu ini dengan memilih mereka yang disukai saja untuk diberi tanah ini. Tapi kita di bawah Kerajaan PAS yang melaksanakan keadilan kepada semua rakyat. tidak kira siapa saja. tidak kira latar belakang politik mereka dan agama mereka. kita terus melaksanakan keadilan kepada mereka dengan memberi hak kepada mereka yang berkenaan.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Minta laluan. Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakil Ajil minta laluan?

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Bolah ... tidak ada masalah.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih banyak. Kalau tidak menjadi keberatan Dewan, saya pohon mendapatkan surat kelulusan untuk tanah Ismail bin Yakob seperti yang dinyatakan tadi itu.

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, Wakil Ajil ni dok faham lagi. Sekarang ni dalam proses kita ... semua dah kita hantar nama ni kepada pihak Pejabat Tanah dalam proses. bukan senang nak selesai hak 30 tahun lebih dalam masa setahun dua ni kita nak selesai. Inilah teruk dok teruk kerajaan dulu. bukan saja tak mahu selesai tapi dok bagi hak orang. Jadi kita sekarang ni berusaha untuk menyelesaikan perkara ni. Dan insya Allah, ni di peringkat yang terakhir dah ni.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Yang Dipertua. Saya difahamkan tanah tersebut diganti ke satu tempat lain bukan tanah di Baruh Tok Jiring.

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Tidak ... tidak senarai ada ni. yang ke-118 boleh

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kalau boleh saya pohon senarai tersebut

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Bolah saya bagi senarai ni.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Okey, terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Minta laluan.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Jadi sekadar itulah saja Yang Berhormat ada lagi.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang Dipertua, saya ingat ada satu nak tanya, adakah permohonan ni baru buat selepas 1999 ataupun dah buat permohonan zaman Barisan memerintah dahulu? Yang jadi susah sampai sekarang ni, guana?

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Permohonan ini telah dibuat zaman Barisan dulu lagi tapi tidak diendahkan. Inilah cara yang sangat baik dilakukan oleh kerajaan dulu sehingga tidak beri tanah kepada orang yang berhak. Jadi itulah apa yang hendak saya jelaskan dan dalam kesempatan ini saya sekali lagilah menyatakan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah menyampaikan ucapan ini dengan begitu baik sekali. Dan saya mengucapkan terima kasih juga kepada tiga orang wakil pembangkang yang menyatakan ucapan ini sangat baik cuma sedikit sedikitlah kepada wakil lama Seberang Takir, dok terima kasih. Itulah saja, wabillahi taufik wahidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dipersilakan.

YANG BERHORMAT HAJI YAHYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati sekalian. Pertama sekali saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian bagi menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Tuanku Al-Sultan. Walaupun, sebagaimana yang disebutkan oleh rakan saya tadi ada pihak yang tidak senang, yang merasa begitu hambar di atas Titah Ucapan Tuanku Al-Sultan atas alasan pendek, ringkas. Pendek dan ringkas ini tidak bermakna hambar, panjang pun tidak bermakna ucapan yang baik, yang pentingnya ialah apa isi dalam kandungan yang diucapkan. Kecuali orang-orang yang tidak dapat membaca apa yang tersirat saja yang boleh membuat andaian yang sedemikian. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mahu pergi *stright forward* di atas beberapa isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang pertama sekali Wakil Kemasik, Bukit Tunggal dan Bandar meminta projek lebuhraya diteruskan dan dipercepatkan. Saya sudah jawab kelmarin mungkin saya tak perlu nak panjangkan, tinggal lagi saya nak sebutkan satu dua perkara. Yang pertama sekali soal sama ada lebuhraya ini projek ataupun milik Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Negeri, sama ada atas namanya *highway* ke, *motorway* ke, perkara-perkara seumpama ini tidak penting yang pentingnya ialah kita mahu negeri Terengganu untuk jangka panjangnya akan memiliki sebuah lebuhraya yang kita membuat satu

kajian yang teliti, yang lengkap mengambil kira kepentingan-kepentingan semasa dan juga jangka panjang supaya ianya menjadi suatu kenyataan demi masa depan pembangunan dan juga rakyat negeri ini. Dan kalau tidak silap saya, Dato' Yang Dipertua, Tuanku Al-Sultan bukan kali ini saja sebenarnya menyebutkan perkara ini. Kalau kita ambil semangat atas Titah Tuanku Al-Sultan ini sudah beberapa kali tidak timbulah soal *highway* ke *motorway* ke tapi yang pentingnya baginda mahu melihat projek lebuh raya ini menjadi suatu kenyataan.

Berhubung dengan projek lebuh raya yang dicadangkan oleh pihak Kementerian Kerja Raya, taklimat telah diberikan dan hasil daripada taklimat tersebut Kerajaan Negeri telah memberikan pandangan balas. Bahkan kita telah mengambil satu tindakan yang bersifat proaktif di atas isu-isu yang penting, umpamanya pada 11 Mac 2003 Kerajaan Negeri melalui Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tuan Guru Menteri Besar telahpun menghantar satu surat rasmi kepada Dato' Seri Samy Vellu, Menteri Kerja Raya untuk mendapat kepastian yang pertamanya berapa banyak bilangan rumah yang terlibat dengan cadangan *aliment* ataupun jajaran baru yang baru dikemukakan oleh pihak Kementerian. Ni bukan yang lama ni, yang baru pula ni, dikemukakan satu pandangan baru pula. Yang keduanya Kerajaan Negeri telah menunta suatu jaminan, ini kerajaan yang berjiwa rakyat, supaya mereka yang terlibat dalam perpindahan projek ini sekiranya ianya menjadi kenyataan, apakah komitmen daripada pihak Kementerian berhubung dengan permintaan daripada Kerajaan Negeri supaya kos infrastruktur hasil daripada perpindahan penduduk yang kita nak wujudkan kawasan penempatan baru ini, setakat mana komitmen daripada Kerajaan Pusat. Sehingga sekarang surat itu belum lagi mendapat jawapan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soal mengapa Kerajaan Negeri menawarkan kepada Syarikat Diamond Link, syarikat konsesi yang dikatakan sebagai sebuah syarikat *two dollars company* dengan izin. Pada kerajaan isu ini tidak penting dan tidak berbangkit sama sekali. Jangan dilihat latar belakang syarikat hanya berdasarkan kepada entiti tadi. Dua ringgit itu hanya soal pendaftaran tetapi yang pentingnya ialah banyak faktor-faktor yang lain diambil kira yang dihubungkan dengan keyakinan Kerajaan Negeri, kekuatan kepada syarikat yang berkenaan. Bahkan kalau saya boleh menyebutkan kalau nak berdasarkan *two dollars company* sehingga sekarang ini sehagaimana yang saya jawab dalam soalan bertulis wakil daripada Telemong berhubung dengan status pembinaan projek *motorway*, saya telah jelaskan di sini bahawa sebahagian besar perkara-perkara yang melibatkan kajian yang dikatakan kajian peringkat awal itu telahpun diselesaikan. Umpamanya pemeriksaan teliti bagi penjajaran *motorway* 90% telah siap, kerja-kerja ukur tanah 60% telah siap, pengumpulan serta kajian data 100% telah siap, fasa pertama kerja kajian tanah 100%, kajian bialogistik 100% dan beberapa kajian-kajian teknikal yang lain. Dan syarikat yang berkenaan telahpun membelanjakan lebih daripada RM2 juta bagi menguruskan kerja-kerja yang saya sebutkan tadi. Takkan syarikat *two dollars company* boleh menguruskan perkara-perkara seumpama ini.

Lagi pun Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berdasarkan kepada pengalaman dan ini ada kaitan dengan UMNO, umpamanya syarikat UEM hasil daripada pecahan Syarikat Hati Budi UMNO, projek PLUS hasil penubuhannya adalah *two dollars company*. Sebuah syarikat yang menguruskan projek lebuh raya di seluruh negara yang bermula berbilion ringgit, asalnya *two dollars company*. Oleh kerana itulah isu ini sebenarnya tidak berbangkit sama sekali dan kerajaan pun sebenarnya tidak menanggung

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan. Ringkasnya soalan saya, adakah kerajaan yakin kepada Syarikat Diamond Link ini dalam mengendalikan projek ini?

YANG BERHORMAT HAJI YAHYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Sehingga ini kita yakin kepada kemampuan kepada syarikat yang berkenaan yang akan datang, wallahualam kita tidak tahu. Tetapi insya Allah, kerajaan memberi jaminan kita tidak akan mengulangi kesilapan-kesilapan, kelemahan-kelemahan yang berlaku sewaktu Kerajaan Barisan Nasional melaksanakan projek-projek yang gagal sebelum pada ini. Projek Safari Park umpamanya, akhirnya yang tinggal ialah balak yang dikeluarkan dan tiang-tiang saja yang ada. Projek tanaman sentang umpamanya, habis begitu saja. Insya Allah, kita tidak akan mengulangi, kerajaan memberi jaminan sekiranya Syarikat Diamond Link ini tidak dapat memberikan kepuashatian kepada kerajaan terutamanya berhubung dengan soal *funding* pembiayaan kepada projek ini, insya Allah kerajaan tidak akan teragak-agak untuk tidak terikat kepada syarikat yang berkenaan. Ini komitmen daripada kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Bukit Tunggal dan Bandar meminta projek *airport* baru, lapangan terbang baru dapat diteruskan. Insya Allah, dalam isu ini kerajaan tidak akan berputus asa walaupun kita telah bertemu dengan Menteri dan juga beberapa pihak hingga setakat ini masih tidak lagi menunjukkan tanda-tanda kejayaan. Tetapi insya Allah, kerajaan tidak akan berputus asa, kita akan mengambil sikap berjiwa besar sebagaimana projek lebuhraya yang saya sebutkan tadi, kita akan mengambil sikap berjiwa besar untuk insya Allah melihat pada jangka panjangnya, pada suatu masa nanti Lapangan Terbang Sultan Mahmud di Terengganu yang begitu ketinggalan ini akan menjadi suatu kenyataan. Dan insya Allah kita telah dan sedang menggunakan sama ada saluran rasmi kerajaan, yang tidak rasmi melalui pertubuhan-pertubuhan dan seumpamanya, yang kita harapkan akan menjadi *momentum* untuk projek ini diberi perhatian yang sungguh-sungguh. Sebagai suatu contoh umpamanya, dalam pertemuan wakil daripada Jawatankuasa Dewan Perniagaan Cina Malaysia Cawangan Terengganu yang berjumpa saya baru-baru ini, mengharap projek ini dapat diteruskan ini soal *prospect* ekonomi, ini soal pemangkin kepada pembangunan masa depan ekonomi negeri kita ini, saya mengatakan kepada pihak berkenaan awak sebagai orang-orang yang terlibat dalam perniagaan, bukan perniagaan-perniagaan yang kecil, perniagaan-perniagaan yang besar, awak ada hubungan dengan Menteri-Menteri di peringkat Pusat, Menteri Pengangkutan, Timbalan Menteri Kewangan dan seumpamanya, gunalah apa saja kabel yang boleh digunakan, yang pentingnya kita boleh berganding bahu supaya projek yang telahpun sebelum ini diluluskan ini, dapat menjadi kenyataan pada suatu masa nanti.

Jadi dalam perkara ini insya Allah, kita tidak mahu Terengganu terlepas sekali lagi. Sebagaimana yang berlaku dalam zaman kerajaan dulu projek-projek yang sepatutnya dilaksanakan di sini, yang sepatutnya pada waktu itu sekiranya pemimpin-pemimpin kerajaan yang dikatakan hebat, yang dikatakan bijak tetapi akhirnya projek seumpama kilang penapis minyak yang terbesar telah beralih ke negeri lain, projek Universiti Petronas, minyak ada di sini asasnya di sini beralih ke negeri lain. Insya Allah, zaman kerajaan baru ini tidak akan mengambil sikap berputus asa. Oleh kerana itu saya sangat-sangat bersetuju dengan pandangan yang telah dikemukakan oleh wakil daripada Bandar supaya kawan-kawan kita daripada pembangkang cubalah tiru sedikit perangai, sikap, pendekatan yang dilakukan oleh kawan-kawan kita di Kelantan, kawan-kawan UMNO Kelantan

23 APRIL 2003

yang mereka ini banyak membawa projek-projek, mereka ini soal politik tidak menjadi suatu faktor mengapa kita tidak boleh membawa projek-projek yang besar ke negeri masing-masing.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan dan laluan. Yang Berhormat Bandar seperti yang kita dengar kelmarin ialah dengan suara yang agak sayu minta tolong UMNO. Yang Berhormat juga percaya dan mengharapakan UMNO dalam hal ini?

YANG BERTHORMAT HAJI YAHYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Saya tidak begitu jelas apa yang disebut tadi tapi yang saya fahamnya ialah yang penting ialah kita berganding bahu, jangan kita kata apabila kerajaan tidak dapat menyempurnakan, melaksanakan satu-satu projek kita kata kerana tak pandai, kerana tidak mempunyai suatu sikap yang baik dengan Kerajaan Pusat, tidak ada PRO yang baik dengan Kerajaan Pusat, jangan. Saya mengambil sikap terbuka sebab itu saya katakan di Kelantan walaupun mereka berpolitik, ada politiking sesama mereka tapi saya nampak banyak projek-projek besar dibawa masuk termasuklah lapangan terbang baru di Kota Bharu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua mengguna keterbukaan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa UMNO Terengganu ni juga boleh diminta tolong?

YANG BERTHORMAT HAJI YAHYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Saya tak tahu dari segi hati perut, saya tak tahu hati perut, saya tak tahu. Tetapi sehingga setakat ini, belum lagi terbukti itu saja penilaian saya. Sehingga setakat ini, belum lagi terbukti paling tidak saya katakan dua projek besar yang telah diluluskan zaman kerajaan dulu, lebuhraya dan *airport* ini sepatutnya tidak menjadi masalah, okey. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Saya nak ringkas saja, sama ada percaya atau tidak kepada UMNO. Kalau dia percaya dan harap, katakanlah begitu itu saja, kalau tidak, tidak. Ringkas saja, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI YAHYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Saya nak percaya macam mana benda yang belum terbukti, kita memegang apa yang zahir.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Percaya ke tidak? Itu saja. Wakil Bandar percaya. Kalau percaya katakanlah percaya, kalau tidak katakanlah tidak, itu saja bendanya.

YANG BERTHORMAT HAJI YAHYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Saya ni Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bersikap adil saya tak nak prejudis kepada seseorang. Oleh kerana itu, sehingga terbukti baru kita boleh memberi satu penilaian sebenar sebenarnya.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, wakil daripada Ajil menyatakan tidak yakin ... kalau silap tolong betulkan saya sebab saya ada sedikit samar-samar dalam perbincangan, wakil daripada Ajil menyatakan tidak yakin projek jalan keretapi daripada Kerch ke Pelabuhan di Gebeng dan melalui Pelabuhan Kemaman dapat dilaksanakan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Dato' Yang

Dipertua, jalan keretapi milik Petronas daripada Kerteh ada pembetulan?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dato' Yang Dipertua, pembetulan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak sempat nak jawab lagi Yang Berhormat, tak tahu apa dia nak jawab dah tanya. Duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI YAHYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Biar saya jawab dulu lepas tu kalau silap tolong betulkan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Pasal fakta tadi tidak betul dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, kasihan kepada Yang Berhormat anak-anak kita duduk nilai di atas nun. Yang Berhormat tidak tahu lagi jawapan dah soal.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Minta maaf Yang Berhormat Yang Dipertua, apa yang dikatakan tadi saya nak betul sedikit fakta tu.

YANG BERHORMAT HAJI YAHYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Saya nak pergi ... kalau boleh dengar sedikit mungkin ada kelainan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ayat yang saya kod tadi pun dok betul dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, sila duduk malu ke adik-adik kita ni.

YANG BERHORMAT HAJI YAHYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Tunggu sekejap ... sabar, sabar kita *gentlemen*. Untuk pengetahuan Dato' Yang Dipertua, jalan keretapi milik Petronas daripada Kerteh ke Pelabuhan Gebeng di Kuantan, sebenarnya telahpun siap bagi membawa barang dan hasil Petronas. Petronas sekarang ini sedang menunggu keputusan Kerajaan Negeri untuk memulakan operasinya. Walau bagaimanapun, oleh kerana Petronas sewaktu kita memulakan rundingan dan juga sewaktu lawatan saya ke projek berkenaan, saya diberi taklimat atas permintaan daripada Kerajaan Negeri supaya ada suatu cawangan, laluan jalan keretapi ini bersambung ke Pelabuhan Kemaman, okey di mana inilah hasrat kerajaan. Sebab yang kita mahu dari segi pembinaan kepentingan ekonomi negeri kita ini dengan adanya pelabuhan itu sepatutnya diambil peluang dan diambil manfaat. Maka oleh kerana itu kerajaan mengambil sikap supaya sekurang-kurangnya dengan apa yang telah diberi komitmen oleh Petronas, sekurang-kurangnya dari segi rekabentuk, dari segi *design* dengan izin, laluan ke pelabuhan Kemaman dapat disediakan terlebih dahulu oleh pihak Petronas. Kerana ini merupakan perkara yang telah dibuat komitmen awal sebelum daripada ini. Sebab itu saya sendiri sebenarnya telah mengarahkan pihak UPEN untuk membuat kajian awal berhubung dengan keperluan dan juga kesesuaian perkhidmatan keretapi

untuk jangka panjangnya di negeri kita ini. Sekurang-kurang kita tahu dari segi keperluan dan juga kesesuaian supaya negeri Terengganu sabah tidak sabah, perlu dok perlu ataupun dari segi *viability*nya dengan izin adalah merupakan perkara yang kita minta dibuat kajian terlebih dahulu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, Ajil minta laluan tadi? Masih perlu?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Apa yang saya katakan tadi, bukan saya tidak yakin. Saya mengatakan daripada ucapan Tuanku, Tuanku menyebut bahawa pembinaan keretapi, lapangan terbang dan juga lebuhraya jadi seolah-olah ketidakyakinan Tuanku terhadap Kerajaan Negeri, itu maksud saya. Bukan maksud saya tidak yakin, Tuanku dalam titahnya tidak yakin. Itu saja pembetulan. Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI YAHYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Jadi dengan penjelasan saya tadi tidak berbangkitlah ... dengan penjelasan saya tadi tidak berbangkit lagilah oleh kerana jalan keretapi ini telah disiapkan. Cumanya permintaan daripada Kerajaan Negeri belum lagi dapat disempurnakan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Bandar meminta projek naik taraf jalan litar daripada Cabang Tiga ke Hotel Seri Malaysia dapat diteruskan tanpa gangguan. Projek ini juga Alhamdulillah, Kerajaan Negeri telahpun meluluskan dari segi cadangan pengambilan balik tanah yang sekarang ini sedang diambil perjalanan. Cuma saya nak ingat kawan-kawan kita daripada pembangkang, saya mendapat maklumat kalau tidak terikat tidak jadi masalah, saya mendapat maklumat sekarang ini sudah ada kempen terutamanya kepada masyarakat Cina oleh kerana projek ini melibatkan ... kalau tidak silap saya lebih kurang 65 buah kedai, lebih kurang 12 rumah kediaman dan juga premis lagi, ada kempen yang sungguh-sungguh terutamanya kepada masyarakat Cina dengan mengatakan jangan bersetuju pada projek ini sebab kerajaan PAS sekarang hendak hambat mu daripada bandar Kuala Terengganu. Ini maklumat yang saya terima, kalau dok tak apalah tapi kalau ada baik pada soalan Yang Berhormat daripada Wakil Seberang Takir tadi, berhubung dengan sama ada percaya dok percaya kepada UMNO.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, projek ini projek Kerajaan Persekutuan, apa timbulnya Kerajaan Negeri hendak hambat pula ... kempen kepada Kerajaan Negeri pula, ini projek Kerajaan Persekutuan. Saya ingin supaya projek ini tidak jadi tadi.

YANG BERTHORMAT HAJI YAHYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Biar jadi cerdik sedikit, projek Kerajaan Persekutuan pun kalau tidak dapat kelulusan Kerajaan Negeri nak buat macam mana tentulah mesti mendapat kebenaran Kerajaan Negeri.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Takut ini sebenarnya yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri tak beri kerjasama barangkali diburukkan kepada UMNO ada kempen. Ini sikap Kerajaan Negeri yang tidak bertanggungjawab barangkali.

YANG BERHORMAT HAJI YAHYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Tak apalah Yang Dipertua, kita tahu perangai UMNO, kita tahu tidak ada masalah.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya pun tahu juga, perangai PAS pun saya tahu, putar belit memang saya tahu.

YANG BERHORMAT HAJI YAHYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua, ... saya tak nak layan orang seumpama ini, Dato' Yang Dipertua, orang yang sering bercakap soal kalbu, soal

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih ... terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakil Telemong tak habis-habis dengan tabiat lama, jadilah tu ...

YANG BERHORMAT HAJI YAHYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Sebab tu saya kata,

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Memang tak habis, Yang Dipertua kalau dia tak betul memang kita tak habis.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Dipertua ada depan ni.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, minta maaf.

YANG BERHORMAT HAJI YAHYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Itu yang saya kata, saya tak nak panjang sebenarnya tapi oleh kerana Wakil Telemong ni dia menampakkan diri dia warak bercakap soal kalbu, soal hati

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tidak Yang Dipertua ... tidak, Wakil Alur Limbat ni nampak warak bercakap lebih kurang saja Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI YAHYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Tak apalah, saya tak nak panjang Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dato' Yang Dipertua kena betul Alur Limbat ni, dia kempen jahat Dato' Yang Dipertua, menuduh orang lain yang tidak dibuat oleh orang lain tapi dia dibuat oleh dia sendiri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk dulu ... dah selesai duduk. Jadilah tu.

YANG BERHORMAT HAJI YAHYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Orang nampak muda lagi tapi perangai macam orang tua lama saya nampak.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Alur Limbat ni nampak berjurus kawasan Menteri Besar, berjurus nampak, arah UPEN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nak kata lapar nasi baru pukul dua belas. Sila duduk ... duduk ...

YANG BERHORMAT HAJI YAHYA BIN ALI (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin respons wakil daripada Bukit Tunggul dan Air Putih yang menyentuh masalah bekalan air yang tidak konsisten di kawasan mereka. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerajaan mengakui bahawa masalah bekalan air memang wujud terutamanya bagi daerah Kuala Terengganu dan juga Marang. Dan sebagaimana yang telah saya sebutkan beberapa kali dalam Dewan ini, iaitu jangka panjangnya kerajaan insya Allah boleh menyelesaikan permasalahan rakyat ini apabila siapnya projek loji air di Kepong daripada *intake* pusat pengambilan air ke lojinya berserta dengan komponen-komponen projek yang lain, dari segi penyediaan tangki baru dan juga penukaran paip yang lebih besar dapat disediakan, insya Allah pada awal tahun hadapan. Sementara itu penyelesaian jangka pendek berdasarkan kes demi kes, insya Allah umpamanya dalam sehari dua ini satu pam baru akan ditukar di Bukit Losong yang juga merupakan loji kedua yang membekalkan air untuk kawasan Kuala Terengganu dan juga Marang. Dan kita mengharapkan dengan penukaran pam baru ini insya Allah, dia boleh menarik air dalam kuantiti yang lebih besar ke Bukit Berangan dan seterusnya dihantar kepada destinasi-destinasi yang lain. Dan pada masa yang sama saya juga telah berbincang dan meminta kepada pihak SATU (Syarikat Air Terengganu) supaya lebih cakna, lebih prihatin dengan permasalahan-permasalahan yang timbul dari masa ke semasa. Saya beritahu kepada pihak pengurusan biarlah kita berbelanja lebih sedikit sebab kita pada akhirnya yang kita nak beri perkhidmatan kepada rakyat. Jangan kita memikirkan dengan cara biasa, kalau kita kata dalam sebulan kita boleh mendapat pulangan sekian banyak, tak apa kalau kata bulan-bulan kebelakangan ini kita kurang sedikit sebab kita memberikan kebajikan kepada rakyat. Kita kena yakin dengan apa yang dijanjikan oleh Allah s.w.t. yang bermaksud – *Sesungguhnya setiap apa yang kamu belanjakan itu nescaya akan digantikan balik*, maknanya jangan ingat kalau kita berbelanja lebih maka pulangan kita pun akan jadi kohor kurang. Kalau kita berbelanja lebih pun kerana berkat kita berbelanja, kita yakin dengan rezeki Allah s.w.t. insya Allah pendapatan kita akan bertambah.

Masalah bekalan air di kawasan Air Putih, memang kerajaan mengakui merupakan satu masalah yang sangat kritikal. Saya nak berikan kredit, mengucapkan berbilang terima kasih kepada yang Berhormat wakil daripada Air Putih yang saya nampak memang seorang wakil rakyat yang sangat baguslah, ini saya puji dalam Dewan ni ... sentiasa *cawat getel* kata orang Terengganu dalam menangani masalah-masalah air yang begitu serius dalam kawasan beliau. Walau bagaimanapun untuk jangka pendek, masalah yang timbul dalam kawasan beliau ialah kerajaan telahpun menyelesaikan suatu kerja sebut harga yang telahpun *diawar* kepada sebuah syarikat untuk menukar pam yang lebih besar di loji Cerul. Dan insya Allah akan dijangka selesai dalam tempoh dua tiga bulan ini untuk beroperasi. Tetapi untuk jangka panjangnya sudah tentulah loji air di Cerul merupakan suatu naik taraf untuk dibesarkan. Inilah kita sedang bekerjasama dengan

berbagai pihak, kita ucap terima kasih kepada Kerajaan Pusat ... saya bagi kredit kepada Kerajaan Pusat terutamanya Ketengah sendiri oleh kerana kawasan di Kemaman ni sebahagian besarnya adalah dalam kawasan Ketengah, untuk kita berganding bahu menyelesaikan masalah rakyat ini.

Yang akhir sekali, wakil daripada Bukit Tunggal ingin mendapat penjelasan berhubung dengan masa depan Pejabat Pos Batu Enam. Insya Allah, esok masih ada, masa depan insya Allah cerah cumanya kena sabar sedikit. Untuk jangka pendek pihak jabatan berkenaan sedang berusaha untuk mendapatkan premis ataupun kedai untuk dijadikan pejabat sementara dan untuk jangka panjangnya jabatan berkenaan juga sedang mengenal pasti tanah supaya sebuah pejabat pos baru akan dapat dibina di kawasan Pekan Batu Enam. Sekian saja, wallahualam wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Seterusnya ... sila Yang Berhormat Jertih.

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tuan Guru Menteri Besar Negeri Terengganu, Yang Berhormat Ahli-ahli Exco Negeri Terengganu, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai kerajaan, tuan-tuan dan puan yang saya hormati sekalian. Saya ingin mengambil peluang dalam sedikit masa yang amat ringkas untuk membuat komen atau penjelasan bagi tiga perkara yang disebutkan di dalam perbahasan Titah Ucapan Di Raja dalam masa dua hari yang lepas.

Yang pertama ialah mengenai dengan saman yang dibuat oleh satu syarikat kepada Kerajaan Terengganu yang meminta bayar sebanyak RM1.3 bilion. Di sini Wakil Ajil telah membuat satu rungutan dan bersungut kerana soalnya telah ditolak. Yang sebenarnya perkara ini oleh kerana *suit* itu ada *pending* di hadapan Mahkamah Tinggi Negeri Terengganu maka tidaklah elok iaitu menyalahi pada susila mahkamah kalau sekiranya kes itu dibicarakan ataupun dibahaskan di dalam majlis Dewan ini kerana bukan tempat dia. Dalam erti kata yang lain, hal ini sudah menjadi subjudis benda yang ada di hadapan mahkamah maka tak bolehlah kita membahaskan di sini kerana kita sudah akan melanggar etika kita, perhubungan kita dengan mahkamah dan pihak keadilan. Tetapi untuk memberi pengetahuan sekalian yang hadir, saman itu sedang di dalam proses jawapan ataupun pembelaan yang dikendalikan oleh Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang. Setakat itu saja saya beritahu sekarang.

Yang kedua, perkara yang kedua yang saya nak timbul di sini

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, boleh minta penjelasan.

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Apa benda ni?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Sebagai Ahli Dewan saya ucap terima kasih atas penerangan itu. Tapi satu pertanyaan, saya rasa sudi kiranya Exco yang berkenaan memberi penerangan berhubung dengan apa yang disebut subjudis tadi. Oleh kerana perkara ini ada di mahkamah, tidakkah menjadi semacam subjudis juga kira-bicara, menjual-beli kawasan ini yang sedang dilakukan oleh Kerajaan Negeri sekarang, saya dimaklumkan.

YANG BERTHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Jikalau nak menjawab sama ada betul tidak betul kerajaan membuat perjanjian itu, ini perkara mahkamah, yang disoal itu depan mahkamah macam mana kita nak jawab di sini, kita tak boleh. Kalau nak tahu benda yang sebenarnya tunggu sehingga hari bicara besok. Insya Allah, kita akan keluar kita punya pembelaannya. L.A., Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang sendiri sekarang sedang merangka jawapan

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, barangkali mungkin soalan saya tu tidak dapat di ... bukan bererti Yang Berhormat tidak faham tapi tak boleh memahami soalan saya tu.

YANG BERTHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Saya memang tak faham

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Soalan saya begini ... jadi jawapan Yang Berhormat beri pun saya tak faham juga.

YANG BERTHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Tak faham juga?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Soalan saya begini saja bertolak daripada apa penerangan Yang Berhormat tadi, saya dapat tahu bahawa kawasan selebihnya itu daripada 40,000 ekar tadi yang ada perjanjian dulu dan di bawa ke mahkamah, sedang dikira-bicara jual beli. Adakah boleh jual beli itu dilakukan dalam keadaan begini? Itu saja soalan saya.

YANG BERTHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Ini mahkamah ... sama ada masuk atau tidak masuk dalam perjanjian itu urusan mahkamah apa nak soal di sini, bukan kita boleh menentukannya. Tak faham lagi ke?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Saya ingat Yang Berhormat yang boleh menentukan

YANG BERTHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Saya memang tak boleh sabar cakap macam ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Oleh kerana saya bukan orang undang-undang sebab tu saya tanya. Tapi tak dok sebab Yang

Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat yang berkenaan jadi timbul nak marah-marah, apa sebabnya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak marah ... dia tinggi suara supaya orang dengar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Okey ... terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia meninggikan suara untuk kepentingan orang ramai.

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Saya tak bagi laluan. Jadi saya yang sebenarnya, saya duduk perhati dua hari, tiga hari di sini perbincangan ini bukan betul-betul perbincangan, perbahasan ini bukan betul-betul perbahasan, ini kata orang berbebel, remeh temeh, saya sendiri pun rasa risau. Dengan sebab itulah saya berhajat dalam jawapan saya di sini nak *limitkan* tiga isu saja, tiga perkara saja. Harap tidak ada lagi cakap-cakap remeh-remeh menyebabkan saya naik panas.

Second perkara, perkara yang kedua.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya nak menasihatkan Wakil Jertih, tua lawan tua ni tak usah panaslah, *slow down*. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Itulah ... saya nak *cool down* tetapi jangan diusik-usikkan saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rupa-rupanya orang tua tak boleh usik ya?

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Yang kedua iaitu mengenai dengan sungutan yang dibawa oleh Yang Berhormat Wakil Telemong mengenai dengan salah guna Tabung Kemahiran Negara oleh YPK. Inilah kali yang pertama saya dengar sungutan itu, dari itu saya berharap jikalau Wakil Telemong boleh memberi maklumat kepada saya dengan cara bertulis atau berjumpa dengan saya sendiri insya Allah, Pesuruhjaya Hisbah akan menjalankan tugasnya. Setakat ini kita tidak ada apa-apa *information* yang kita dengar ialah dalam majlis ini saja.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ajil minta laluan?

YANG BERHORAMT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Apa benda? *No laluan ... please sit down*.

23 APRIL 2003

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak dok laluan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kalau tak nak beri laluan, cakap dengan dinding dahlah.

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): *Please sit down.* Yang ketiga berkenaan dengan kes petroleum

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Sedikit saja, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih di atas

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tidak beri laluan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Tak payah ... tak payah terima kasih lagi dah.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya minta ... laporan rasmi telah dibangkit di Dewan ini, Yang Berhormat boleh menyiasat

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak beri laluan Yang Berhormat. Sila duduk.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dia duduk ... Yang Berhormat nun duduk tu nak beri laluan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila duduk ... dia tidak beri laluan.

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Saya duduk bukan bermakna saya beri laluan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Silakan Yang Berhormat Jertih. Dia duduk berhenti *lengoh* saja.

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih): Yang ketiga ialah mengenai dengan kes petroleum. Di sini saya suka memberi makluman kepada hadirin dan juga kepada rakyat negeri Terengganu seluruhnya bahawa kes ini akan dibicarakan di Mahkamah Rayuan pada hari Isnin mulai daripada 12 haribulan Mei akan datang di Mahkamah Rayuan Kuala Lumpur, Bangunan Sultan Abdul Samad, Jalan Raja. Kes ini akan ditetap mulai bicara pada 12 haribulan dan mungkin akan berlanjutan sehingga akhir minggu itu. Jadi sesiapa hendak pergi mendengar, silalah pergi mendengar. Tetapi semalam setelah saya mendengar ucapan daripada Yang Berhormat Rantau Abang yang mengatakan RM1.7 bilion wang petroleum royalti ini telah dibelanjakan sedangkan kes itu masih berjalan, dalam proses perjalanan saya berasa dukacita sedikit. Ini bermaknanya jikalau Kerajaan Terengganu biasanya mendapat RM500 juta lebih kurang tiap-tiap tahun daripada wang ini, jadi jumlahnya semua sudah jadi RM1.5 bilion. Jadi maknanya tiga tahun pungutan daripada hasil petroleum royalti ini sudah dibelanjakan oleh

Kerajaan Persekutuan. Ini amat menyedihkan kerana kesnya ini masih berjalan sepatutnya wang itu ditinggal begitu saja untuk ditentukan siapakah yang empunya selepas daripada keputusan itu didapati. Tetapi mereka menggunakan kuasa yang mereka ada mereka terus membelanjakan wang ini dengan tidak menghiraukan sama ada mereka akhirnya akan mempunyai wang itu ataupun tidak. Ini amat-amat sekali sedih. Jadi oleh itu saya berharaplah orang-orang Terengganu mestilah bersabar supaya satu masa kelak wang itu akan dapat dikembalikan.

Selain daripada itu pula, nampaknya saya juga bersedih kerana wang itu sudahlah nak ditaburkan pula kepada negeri-negeri lain, akhirnya siapakah yang rugi, orang Terengganu yang rugi, bukan saja orang-orang PAS bahkan juga orang-orang UMNO dan juga semua rakyat negeri Terengganu akan rugi. Kerana wang hak Terengganu, dipunyai oleh Terengganu akan ditaburkan ke negeri lain yang tidak ada kena mengena dengan wang ini. Sama adalah juga kerugian yang ditanggung oleh rakyat Terengganu mengenai dengan haidro di Kenyir. Kerajaan Terengganu rugi berapa banyak hasil-hasil hutan yang telah ditenggelami oleh air dengan mendapat keuntungan ialah TNB pada masa itu LLN, tetapi apa yang rakyat-rakyat Terengganu dapat. Rakyat Terengganu tidak mendapat satu keistimewaan daripada projek Kenyir itu, rakyat Terengganu masih membayar *electricity rate* sama dengan negeri-negeri lain. Sepatutnya rakyat Terengganu mendapat keistimewaan, mendapat kurang daripada rakyat-rakyat negeri lain. Inilah yang menjadi menyedihkan kita apa sudah berlaku negeri ini dengan sebab pencakaran politik, dengan sebab nak menaikkan imej mereka masing-masing, nak memulangkan kuasa-kuasa yang mereka kalah, yang sudah hilang, mereka rela mengorbankan harta kerajaan yang dipunyai supaya dibelanjakan oleh orang lain bukan saja untuk negeri kita bahkan negeri lain yang tidak berkenaan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Penjelasan, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT TUN DATO' DR. HAJI MOHD SALLEH BIN ABAS (Wakil Jertih):
Setakat itulah sahaja, assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat Jertih.
Persilakan ... Yang Berhormat Batu Rakit, saya rasa boleh terus saya nak tamatkan Dewan sehingga jam 1.00.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit):
Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tuan Guru Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah s.w.t. kerana kita sama-sama dapat berada di Dewan yang mulia ini menjalankan tugas memimpin dengan sebaik-baiknya, insya Allah.

Terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua yang memberikan kesempatan kepada saya membuat ucapan dan gulungan dalam membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan. Saya juga merakamkan ucapan junjung kasih di atas harapan tinggi Tuanku kepada kerajaan untuk memajukan sektor ini iaitu sektor pertanian dan pembangunan luar bandar bagi tujuan pengeluaran makanan dan peluang pekerjaan. Baginda juga meminta supaya fokus khusus diberikan kepada golongan petani miskin dalam semua kategori di samping menyebutkan tentang

sumbangan semasa yang lebih besar berbanding dengan waktu-waktu yang lalu iaitu KDNK RM100 juta berbanding dengan yang sebelum kurang lebih RM630 juta. Insyallah kerajaan akan memberikan tumpuan sebaik-baiknya untuk memenuhi harapan seperti mana yang disebutkan tadi.

Di sini Dato' Yang Dipertua, saya ingin membuat sedikit ulasan tentang beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam perbahasan Titah Ucapan kelmarin. Yang Berhormat Wakil Kemasik telah menyebutkan tentang sumbangan sektor pertanian sebanyak RM700 juta kepada KDNK, apa yang dimaksudkan. Suka dinyatakan bahawa di sini angka ini didasarkan kepada angka dan perangkaan dari jabatan dan agensi pertanian, pecahannya adalah seperti berikut:

- | | | | |
|------|--------------------------|---|--|
| i) | Pelbagai tanaman | - | RM90 juta seperti kelapa sawit, getah, padi dan buah-buahan. |
| ii) | Pelbagai ternakan | - | RM88 juta seperti ayam, itik, lembu dan lain-lain |
| iii) | Pelbagai jenis perikanan | - | RM505 juta iaitu pendaratan ikan laut dan ikan kolam ataupun sangkal |
| iv) | Tembakau | - | RM15 juta |

Berkaitan dengan komen yang diberikan oleh Wakil Kemasik, iaitu

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Yang Dipertua, Pohon laluan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Haiwan tadi disebutkan lembu, kambing, ayam adakah termasuk khinzir? Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, berkaitan dengan komen yang dikatakan rancangan dibuat secara *ad-hoc* tetapi tidaklah ditujukan khusus kepada bahagian pertanian. Namun begitu saya ingin membuat penegasan bahawa bahagian ini tidak ada projek pertanian yang *ad-hoc* malah semua projek yang dijalankan sebelum ini dikekalkan dan ditambah pula dengan projek-projek baru. Mungkin ada projek *ad-hoc* semasa yang dibuat secara individual begitu ataupun oleh bantuan-bantuan tertentu di peringkat wakil-wakil rakyat tapi sebagai suatu perancangan tidak dibuat secara *ad-hoc*.

Kemudian berikutnya ialah apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Air Putih dan Yang Berhormat Paka, iaitu berkenaan dengan permintaan untuk mengeluarkan geran. Di sini saya nak sebut sedikit dalam konteks yang ada, dalam konteks Pengerusi Pertanian bahawa penyelesaian tanah Felda pemberian hakmilik dan bayaran balik tanaman semula yang tinggi yang disebutkan, iaitu kerajaan sedar dengan permasalahan yang dihadapi oleh peneroka-peneroka Felda serta masalah yang timbul dalam urusan pemberian hakmilik dan bayaran balik kos pembangunan.

Mengikut perjanjiannya, hakmilik akan diberikan setelah semua hutang-hutang pembangunan ladang dijelaskan. Kerajaan memahamai kerumitan yang dihadapi oleh peneroka-peneroka dalam menjelaskan hutang-hutang Felda akibat kejatuhan harga komoditi kelapa sawit. Kerajaan bersetuju dengan permintaan dengan peneroka supaya hakmilik diberikan kepada peneroka-peneroka yang telahpun menjelaskan sebahagian besar hutang-hutang dan masih berbaki sedikit. Sehubungan dengan itu, kerajaan akan berunding dengan pihak Felda bagi tujuan penyelesaian di atas, mana yang tersangkut, insya Allah.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, mohon penjelasan. Suka saya memohon penjelasan daripada Yang Berhormat, yang kita bangkitkan ini yang melibatkan mereka-mereka yang telah selesai menjelaskan hutang-hutang. Tetapi akibatnya terpaksa kembali terlibat dengan Felda yang akhirnya melibatkan mereka terpaksa membayar melebihi RM60,000 lebih balik kepada apabila mereka tanam semula dengan Felda.

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Dalam proses peralihan untuk mendapatkan hakmilik oleh kerana kerajaan kita sekarang baru tiga tahun dan pengurusan Felda serta pengurusan Pejabat Tanah Daerah kita, di sana ada beberapa permasalahan tentang kelambatan proses pengeluaran kebenaran untuk diberikan pengeluaran hakmilik itu oleh Felda. Jadi oleh kerana itu sebenarnya perkara itu masih di dalam perundingan untuk menyelesaikannya di peringkat-peringkat yang akan datang. Kita tidak dapat menafikan masalah ini dan sebuah Jawatankuasa, suka saya maklumkan memang sedang menguruskan perkara ini.

Di mana untuk makluman juga penyelesaian tanah-tanah yang dimajukan oleh Felda dan Felcra memang ada sebuah Jawatankuasa Khas yang sedang merundingkan dan perundingan dengan Felcra dalam penyelesaian ini, secara fizikallah penyelesaian dalam soal mengetahui status tanah dan lot dan sebagainya, kita dapati sebanyak lebih 2,300 lot tanah Felcra dapat dibagikan kepada rakyat dan ini insya Allah akan dibagikan dengan kadar yang segera. Dan perundingan dengan Felda sedang berjalan dan masih di peringkat awal.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya suka di sini menyentuh sedikit tentang ucapan Yang Berhormat daripada Air Putih yang meminta kerajaan mengeluarkan surat penjagaan bangunan yang didirikan di atas tanah kerajaan kepada JSR dalam Wilayah Ketengah. Untuk maklumat, sebuah jawatankuasa dinamakan Jawatankuasa Pembangunan Tanah Pedalaman memantau perkara ini dan berkaitan dengan perkara yang berkenaan itu memang pentadbiran tanah-tanah dalam kawasan Ketengah terletak di bawah pentadbiran daerah yang sedia ada seperti Kemaman dan Dungun. Oleh yang demikian, kuasa mentadbir bangunan-bangunan tersebut adalah terletak di bawah pentadbiran Pejabat-pejabat Daerah berkenaan. Kerajaan akan meneliti cadangan dan permintaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Air Putih di samping perkara yang telah diputuskan sebelum daripada ini.

Bukit Tunggul ada menyentuh tentang kebersihan dan keceriaan kampung, di mana kerajaan menyedari tentang tahap kebersihan dan keceriaan pada masa ini memang tidak memuaskan di setengah-setengah tempat. Langkah-langkah telah dan akan diambil bagi meningkatkan lagi suasana keceriaan dan kebersihan kampung-kampung. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa

23 APRIL 2003

Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar telah merangka dan akan memberi penekanan kepada perkara ini dan satu majlis pelancaran Program Pembangunan Komuniti Luar Bandar akan diadakan pada 6 haribulan Mei yang akan datang ini oleh Yang Amat Berhormat Dato` Seri Menteri Besar. Hal-hal berkaitan dengan kebersihan dan pembangunan kampung akan diberi perhatian khusus di bawah program yang akan dilancarkan ini.

Yang Berhormat Permaisuri juga menyentuh tentang muara Sungai Kuala Baru, Kuala Setiu Baru. Di sini saya suka memaklumkan bahawa Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang menjalankan kajian kemungkinan bagi mengadakan projek-projek sebagaimana di bawah, iaitu:

1. Projek tembatan banjir Sungai Setiu yang bertujuan menyelesaikan masalah banjir di Setiu.
2. Projek perbaikan muara dan kompleks pendaratan ikan di muara Sungai Setiu.

Kedua-dua projek ini masih di peringkat kajian oleh jabatan berkenaan.

Seterusnya disebut oleh Wakil Rantau Abang meminta kerajaan melahirkan lebih banyak usahawan tani ataupun daripada belia tani. Insya Allah, perkara ini sedang diuruskan dan program-program pun telahpun dijalankan dan di antara agensi-agensi yang menjalankannya ialah UPK dengan Program Jaya Diri Belia dan Projek Jaya Diri Tani dan lain-lain yang berkaitan dengan belia tani. Insya Allah, akan dilaksanakan sebaik-baiknya.

Cuma di sini Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, saya ingin membuat sedikit komen berkaitan dengan ucapan-ucapan daripada wakil pembangkang pada keseluruhannya yang menyentuh tentang perpaduan. Di sini saya suka menegaskan sekali lagi sebenarnya saya dapati fitnah dan kacau-ganggu oleh media massa milik kerajaan Pusat dan juga oleh ... biar saya terus teranglah kita kata UMNO peringkat negeri Terengganulah yang memimpin sebenarnya program kacau-ganggu dalam masyarakat. Saya nak bawa bukti di sini iaitu satu program yang disiarkan di dalam televisyen 17 haribulan dua tahun ini, TV1 jam 9.00 hingga 9.30 malam, yang menyiarkan tentang bagaimana hebatnya kejayaan projek pertanian di Kampung Seri Kenangan dekat Pelong, Setiu. Sebenarnya tidak ada projek yang dibuat di situ, tak dok ... kolek tak dok, pertanian yang berjaya tak dok, yang adanya ialah satu projek di bawah JSR Pelong yang dulunya diuruskan di bawah program projek dalam projek dusun nukleus. Tetapi projek itu ditinggalkan oleh Jawatankuasa Dusun Nukleus berkenaan sehingga paip-paipnya pecah dan bocor dan *maintenance* tidak dilakukan selepas naik kerajaan baru, dia give-up terus jawatankuasa itu. Tetapi JSR bertungkus lumus dengan kerajaan yang ada sekarang melalui Jabatan Pertanian dan juga Pejabat Daerah kita memulihkan tanah, membuat tanaman dengan berjaya, dengan banyaknya lebih 20 ekar kebun tanaman kontan lada. Jadi usaha untuk nak menunjukkan kejayaan, kononnya kejayaan Kampung Dusun Kenangan yang hendak ditunjukkan di bawah Program K3P di Kampung Seri Kenangan, cuba mengambil kesempatan pergi ambil gambar di Pelong tadi, ambil gambar projek lain bawa kata projek lain. Yang malangnya, dia tunjukkan kejayaan di situ ada ikan air tawar dan udang bertan-tan, sebenarnya kolam tak ada, kolam yang betul-betul tak ada pergi ambil tempat mana ikan bawa lori . berlori-lori dicurahkan dalam kolam di kampung tu, kemudian akhir bila diangkat balik petang tu semua habis busuk ikan tu mati belaka dah. Jadi ini dalam televisyen disiarkan sebagai satu fitnah dan penipuan.

Jadi saudara-saudara sekalian, saya memang setiap kali bercakap

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Yang Dipertua. Tadi dikatakan di kawasan ini tidak ada kolam, kemudian dibawa datang lori dicurahkan ke dalam kolam. Yang mana saya yang boleh nak pegang ni?

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Kolam yang diusahakan tak dok tapi dibuat secara tu untuk diletakkan ambil juga, macam tu saja bukan kolam yang diusahakan sebenarnya. Cuma kolam bagi tujuan nak ambil gambar saja.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ertinya kolam adalah di situ?

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Ialah kolam lama banyak di mana-mana pun.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tadi kata tak ada kolam. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Isinya adalah saya ingat Wakil Ajil, insya Allah fahamlah kandungan dia tu.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat penjelasan. Itu angkara siapa tu, UMNO ke PAS buat tu?

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Memang UMNOlah, saya sebut dahkan UMNO tadi. Wakil Bukit Besi tak faham juga, memang tak ada orang lain buat kacau-ganggu dalam Terengganu ni melainkan UMNO.

YANG BERHORMAT MULIA TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat, Bukit Besi memang payah faham, besi dia kena beri faham lebih sedikit.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Saya tadi nak berhenti dah Dato' Yang Dipertua, saya nak bawa satu contoh lain. Pasal dia nak sangat Telemong ni. Pembinaan rumah PPRT yang diberikan secara *tunkey* kita kata, kepada Giatmara. PPRT daripada Kementerian Luar Bandar yang dibuat sepanjang tahun 2002 sehingga 2003, ada dua kategori, satu baikpulih rumah, yang kedua bina baru rumah. Dua jenis ni, dengar baik-baik Telemong. Baikpulih rumah sebanyak 207 rumah dibaikpulih kos baikpulih rumah adalah RM5,100 jumlah barangan yang disampaikan kepada peserta PPRT ialah RM3,100 manakala RM2,000 lagi untuk kontraktor. Bina rumah baru sebanyak 70 buah rumah kos bina rumah baru ialah RM10,100. Ulasan saya, pemilihan dibuat oleh JKKK yang haram itu, terdapat diskrimenasi dan pilih kasih dan penyelewengan. Di antaranya dalam baikpulih ada kategori yang kita kelas sendirilah, satu kategori betul-betul layak, dua sederhana layak, tiga tak layak langsung. Yang betul-betul layak daripada 207 buah rumah 10% saja yang layak diberikan manakala yang bakinya terdiri daripada kategori sederhana layak atau tidak layak. Yang tak layak ni bukti dia, ada tiga buah kereta, ada Astro, itu kira tak layaklah tapi terima juga bantuan tadi di bawah JKKK tadi.

23 APRIL 2003

Gambar tunggu pilihan rayalah, tunggu masa pilihan raya kita edar gambar kita siar awal-awal beritahu sekarang ni. Ada yang kategori baikpulih sebenarnya bukan baikpulih rumah tapi buat penambahan, memperelokkan dan lain-lain yang tidak menggambarkan mereka perlu untuk baikpulih, tak perlu buat hak lain. Dalam kategori bina rumah 50% layak 50% lagi tak layak langsung, baru berkahwin anak seorang bukan berat tanggungan, di Kuala Berang ada tiga orang dalam satu keluarga, tiga orang dapat belaka, emak dapat dua orang anakpun dapat. Di Kuala Beranglah, kita cerita setakat tu dulu, Yang Berhormat Dato' faham. Yang Berhormat, minta maaf.

Jadi saudara-saudara sekalian saya masih nak menegaskan kalaulah ada usaha kacau-ganggu ini di dalam masyarakat, masyarakat tidak akan senang dan akan sejahtera. Saya mengadulah di sini kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat dan juga semua wakil pembangkang kita, tolonglah ... tolonglah kita ingat tanggungjawab kita bersama. Sebenarnya PAS sepanjang jadi pembangkang tak pernah buat kacau-ganggu macam yang dibuat sekarang ni. Dan tidak ada sejarah yang berlaku begini kecuali setelah UMNO nampak dia teruk dan kalah di Terengganu. Jadi insya Allah kita semua sedarlah, kembalilah ... kembalilah kepada perkara yang benar – *sesungguhnya telah datang kebenaran dan telah hilang segala kebatilan*. Sebenarnya batil itu sifatnya hilang, sifatnya tidak kekal. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana masa sudah nampaknya singkat, saya rasa lebih baik saya tangguhkan Dewan ini sehingga jam 2.30 petang ini. Dewan ditangguhkan.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12.50 TENGAH HARI

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Dato'-Dato', Dewan disambung semula meneruskan penggulungan terhadap Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Dipersilakan –

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan tuan-tuan dan puan-puan. Pertama-tamanya saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun memberi peringatan kepada beberapa aspek pengurusan kerajaan yang telah diletakkan di bawah portfolio yang diamanahkan kepada saya.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang pertamanya ADUN Paka yang mahu supaya antara lain PBT (Pihak Berkasua Tempatan) membangun projek-projek pembangunan dengan persekitaran yang baik, dilengkapi dengan taman-taman rekreasi yang baik dan memerlukan supaya mencukupi papan-papan tanda yang menggalakkan ke arah penghayatan Islam. Dan mencadangkan juga supaya beberapa nama, nama jalan, nama kampung yang rasa kelihatan tidak begitu sesuai diubah nama-namanya. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memanglah menjadi dasar di dalam membangun dan menyusun semula persekitaran-persekitaran penghunian perbandaran sama ada ianya merupakan kawasan bandar yang khusus ataupun perkampungan. Persekitaran-persekitaran akan diberi keutamaan semoga pembangunan itu memberi kemesraan alam dan kemudahan-kemudahan rekreasi penghuni-penghuni yang akan menduduki taman-taman dan penyusunan semula bandar-bandar tersebut. Manakala penggunaan papan-papan tanda bagi melahirkan usaha penghayatan Islam itu sedang dalam pelaksanaan dan sebahagian daripadanya telahpun dipamerkan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Berkait dengan pengubahan nama-nama jalan dan kampung, PBT memberi kesedaran kepada jawatankuasa-jawatankuasa peringkat akar umbi menilai semula nama-nama yang dirasakan tidak sesuai pada masa kini. Namun demikian, tanpa mengorbankan bahan-bahan sejarah yang menyebabkan sesuatu jalan ataupun kampung itu diletakkan dengan nama sedemikian. Misal kata, saya tak pasti kawasan Telemong ke Hulu Terengganu, Kampung Tok Imam Lapar, jadi mungkin ... DUN Manir. Yang Berhormat Manir kata DUN dia, Alhamdulillah mungkin tidak sesuai ketika ini kerana Tok Imam tak lapar tetapi ianya mungkin mempunyai ciri-ciri sejarah yang tertentu yang perlu dikekalkan nama yang sedemikian. Tapi nama Kuala Beruk, saya dengar telahpun dipinda, Pulau Babi juga telah dipinda mungkin fakta sejarahnya tidak bersama-sama dengan penggubah-penggubah baru. Namun demikian Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, usaha-usaha terus dijalankan dengan nama-nama yang lebih memesrakan kemasyarakatan yang menggambarkan tamadun yang baik.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Kemasik yang telah beberapa ketika berada dalam kerajaan mengeluh dengan mengatakan PAS memerintah tiga tahun saya dapati kurang berjaya dan

dalam aspek-aspek pembangunan. Pentadbiran PAS bercelaru, pemberian tanah, lantikan dipertikaikan dan berbagai-bagai lagi yang diluahkan sebagai ketidakpuasan hatinya. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebelum saya beranjak jauh saya ingin memohon kepada Wakil Kemasik supaya sama ada memohon maaf terbuka ataupun menarik balik pembohongan yang dilemparkan ke atas kerajaan dan juga JSR dua hari lepas. Dengan izin Dato' Yang Dipertua, dokumen yang dikatakan mengambil kuasa DO, mengambil kuasa Pejabat Tanah dan sebagainya itu oleh JSR adalah suatu pembohongan daripada faktanya. Dengan izin saya baca, surat ini kepalanya Penyelaras RTB Mukim Rasau, Kerteh di alamat K-20, Rumah Kedai Ketengah, Ketengah Jaya. Ditujukan kepada peserta RTB Pembangunan Penempatan Kerteh 5, Ketengah Jaya melalui Pengerusi JSR. Surat ini bukan surat JSR, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua yang dikatakan surat ini JSR telah mengambil kuasa DO, kuasa Pentadbir Tanah. Tapi jelas di sini, mungkin dia tidak reti baca, hanyalah surat ini dibuat untuk peserta tetapi melalui Pengerusi JSR, untuk apa, nilai, kaedah dan tempoh pembayaran RTB Penempatan Kerteh 5. Dengan izin, perkara tajuk dirujukkan -

Nilai pembayaran setiap pemohon atau peserta adalah sebanyak RM1980.00.

2. *Semua pemohon diminta menjelaskan pembayaran melalui syarikat guaman yang dilantik, iaitu Azman, Wan Hilmi & Associate, di mana-mana cawangan Bank Islam Berhad.*
3. *Nombor akaun diberi, bermula daripada 11 Februari 2003 sehingga 31 Mac 2003.*
4. *Para pemohon diminta membuat fotostat pendua borang deposit, bukan dikutip borang, bukan dikutip duit tetapi fotostat borang pendua saja, borang deposit wang masuk dan menyerahkan kepada Pengerusi JSR masing-masing untuk direkodkan. Hanyalah untuk catatan JSR masing-masing saja menunjukkan proses perjalanan ini berlaku. Tetapi tidak pernah mengatakan bahawa JSR yang memungut duit, mengambil alih kuasa Pegawai Daerah ataupun Pentadbir Tanah dan sebagainya. Resit rasmi akaun terima bayaran akan dikeluarkan oleh syarikat guaman yang dilantik.*
5. *Nilai pembayaran yang disebut di atas adalah untuk pembiayaan lapan perkara, lapan item iaitulah pengurusan, bayaran guaman, kerja ukur tanah, pembersihan kawasan, penyediaan asas, tapak rumah, lorong jalan masuk dan kebajikan pemohon. Sukacita dimaklumkan jika permohonan tuan-puan gagal tuan-puan atau wakil boleh menuntut kembali wang bayaran tersebut tanpa apa-apa faedah yang diperolehi.*

Yang benar,

Zawawi

Setiausaha RTB Ketengah Jaya.

23 APRIL 2003

Salinan kepada:

*Y.B. ADUN Paka
Tetuan Azman, Wan Hilmi & Associate
Pengerusi JSR.*

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya minta supaya pembohongan itu diminta maaf secara terbuka dan ditarik balik pembohongan yang dibuat di Dewan yang mulia ini. Kalau tidak besok saya akan buat usul

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Dato' Yang Dipertua, saya baca dah surat ni masa saya perbahaskan. Saya kata, Jawatankuasa ini diberi amanah mengutipkan duit kenapa tidak sebagaimana biasa Pejabat Tanah? Itu yang saya kata. Pejabat Tanah tidak terlibat langsung dalam pengagihan dan pemberian kawasan ini. Itu yang saya pertikaikan. Cuba ucapan saya di ... tu balik saya bukan pertikaikan apa, saya tak mempertikaikan dari segi pembahagian tanah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tidak mahu penjelasan dikeluarkan balik transkrip semalam dan kemukakan kepada Dewan yang mulia ini untuk kita lihat dan saya minta supaya dia tarik balik apa pembohongan yang dia buat. Kalau tidak besok kita akan buat usul *cancel* dia untuk dihadapkan kepada tatatertib.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Sila Yang Berhormat, saya tak takut sebab saya memperkatakan benda yang benar, iaitu pengagihan tanah ini tidak melalui Pejabat Tanah, borang dikeluarkan oleh JSR, ditandatangani oleh JSR lepas itu dikuasa oleh satu ... saya bacakan Penyelaras RTB Mukim Rasau, Kerteh. Saya tidak mempertikaikan, yang saya mempertikaikan mengapa

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Mana dia yang ditandatangani oleh JSR? Tunjuk ... mana dia? Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya minta Setiausaha Dewan tunjuk ke dia di mana tandatangan JSR ...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Nama dan cop JSR.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Tak apa, dengan izin Dato' Yang Dipertua, kalau tidak kita buat usul kepada dia ... dia ulangi bahawa ianya dibuat oleh JSR.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Kemasik, manakah satu borang yang dikatakan ditandatangani oleh JSR?

23 APRIL 2003

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, borang maklumat pemohon yang saya kembalikan bersama,
di bawah sekah pengesahan, nama dan cop JSR.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Borang yang kedua iaitu yang berkaitan
dengan Borang Maklumat Pemohon, surat yang menyatakan Penyelaras RTB Mukim Rasau,
Kerteh ditandatangani oleh siapa Yang Berhormat? Surat yang berkaitan dengan arahan
pembayaran itu adakah ianya diarah oleh JSR atau siapa?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Saya dah sebut, saya baca surat ni yang dikeluarkan oleh Penyelaras oleh RTB ... saya baca sampai
habis

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dok tandatangan ... borang yang ada di
tangan saya ini tidak ada tandatangan.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Siapa
tandatangan tu ... dia buat belit dia

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakil Paka diminta bersabar sekejap.
Borang yang ada di tangan saya ni kosong, tidak ditandatangani oleh sesiapa yang ditandatangani
hanyalah arahan daripada Penyelaras RTB Mukim Rasau, Kerteh iaitu Setiausaha RTB Kerteh
namanya Zawawi bin Mohd Nor. Itu saja yang ada yang dikemukakan oleh Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Itu saya dah baca tapi borang satu lagi borang permulaan, borang perlu ditandatangani oleh
JSR, nama dan cop JSR, pengesahan akan dibuat. Dan JSR akan memanggil temuduga

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Itu borang
maklumat ... berat sungguh. Yang kata JSR kuasai DO, benda apa kuasai DO?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Apa dia ni?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Paka ... dengan ini saya
menyatakan bahawa JSR tidak meluluskan tanah dan tidak mengarahkan untuk memungut wang.
Yang ada ialah surat yang dihantar oleh Setiausaha RTB melalui Pengerusi JSR saja, itu yang ada
dibuktikan melalui kenyataan bertulis. Oleh itu Yang Berhormat menyatakan bahawa JSR
menandatangani mengambil alih kuasa Pejabat Daerah kelmarin adalah tidak benar sama sekali.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Suruh dia tarik
balik. Yang Berhormat

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu
Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, telahpun menyatakan pengesahan apa yang saya

23 APRIL 2003

sebutkan, iaitu Yang Berhormat Kemasik telah membohongi Dewan dengan mengatakan borang yang diluluskan dan ditandatangani oleh JSR sebenarnya bukan ditandatangani oleh JSR. Ini suatu pembohongan kepada Dewan dan saya minta *ruling*.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tuan Pengerusi, saya dah jelaskan ... saya baca surat ni ditandatangani oleh Zawawi bin Mohd Nor, saya baca kepada Dewan. Yang saya pertikaikan borang permohonan asasl iaitu borang maklumat pemohon yang mendapat pengesahan daripada JSR.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bukan borang permohonan borang maklumat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Dah saya sebut borang maklumat, berapa kali saya nak sebut borang maklumat pemohon.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Walau bagaimanapun,

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah apa kait dengan DOnya?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita kena terima perkara ini secara rasional.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat sebut kelmarin ialah JSR telah mengambil kuasa Pejabat Daerah,

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Itu seolah-olah mengambil alih kuasa DO

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: meluluskan tanah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): sepatutnya tanah di bawah kuasa DO.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jadi oleh itu diminta Yang Berhormat, sila tarik baliklah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya tak tarik balik.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya beri peluang kepada Yang Berhormat tarik balik. Tak apa Yang Berhormat

23 APRIL 2003

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya rasa Yang Berhormat tadi diminta transkrip bukan hari kelmarin hari kelmarin dulu yang diucap oleh Wakil Kemasik dikemukakan kepada Dewan ni semula supaya lebih mudah kita buat keputusan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta Yang Berhormat tarikh baliklah semua Dewan ... tak payahlah tu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tarik baliklah, malu benda gok hak betul.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Pasal apa sibuk Wakil Paka ni ke ada kaitan dengan Wakil Paka ni?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sebab kawasan Paka, buat pelawok kerja JSR Paka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Pelawok apa benda betul.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Wakil Paka biar ada sopan sedikit, Yang Dipertua, serban atas kepala.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Siapa temuduga tanah tersebut?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Mu ... Ajil jangan masuk, bukan *line* mu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya minta penjelasan siapa yang temuduga?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Paka.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Serban atas kepala kena jaga, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta bertenang.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dok kira bunuh orang pun ... dia perang pun serban gok.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Serban saja.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dia dok kira ... hak pelawok, pelawoklah ... mengakulah pelawok.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kena kiranya serban atas kepala, Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Jangan cakap hadislah, dah mu pelawok.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Paka sila bertenang. Minta bertenang ... petang-petang ni

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya tak akan tarik balik sebab apa yang saya perkatalkan mempertikaikan cara permohonan ini dibuat membelakangkan Pejabat Tanah, itu saja.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Weakil Batu Buruk): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Insy Allah, besok kita akan kemukakan usul.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, satu lagi yang mudah diperkatakan dan sentiasa kedengaran diperkatakan bahawa Kerajaan Barisan Alternatif pimpinan PAS di Terengganu tak tahu dan tak pandai memerintah dan pemerintahannya, pentadbirannya bercelaru. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin memaklumkan setelah Kerajaan Barisan Alternatif pimpinan PAS ini mengambil alih kerajaan, kita telah menjalankan berbagai-bagai projek pembangunan, memenuhi apa yang dikatakan oleh Duli Yang Maha Mulia ialah untuk membina rumah mampu milik sebanyak 1,900 buah rumah. Antara program yang telah dilancarkan, yang pertama ialah projek penswastaaan yakni tanah-tanah milik kerajaan ataupun badan-badan kerajaan yang diberi pembangunan secara penswastaaan dengan izin Dato' Yang Dipertua, saya memperjelaskan di sini, sehingga kini jumlah projek perumahan dalam pelaksanaan sebanyak 10,992 unit, yang dijangka siap 2003 1,900 unit rumah awam kos rendah. Antaranya Paya Berenjut keluasan tanah 130.75 ekar 1,502 unit rumah bercampur, pemberian untuk dimajukan pada 23 Januari 2002 secara penswastaaan, Paya Berenjut lagi seluas 44 ekar sebanyak 545 unit diluluskan 23 Januari 2002. Tapak penempatan Tok Adis III, 177 unit diluluskan pada 17 Oktober 2001, penswastaaan Bukit Bayas/Tok Adis 99 ekar dan unit yang akan dibina ialah 1,073 unit. Mak Cili, Kemaman 44 ekar 724 unit diluluskan pada Januari 2003, Bukit Gasing, Marang 175 ekar rumah yang akan dibina 1,243 diluluskan 23 Januari 2002, Kampung Padang Air, Kuala Terengganu 44 ekar rumah yang akan dibina sebanyak 576 unit diluluskan 23 Januari 2002. Melalui Yayasan Terengganu Lot 81015 Mukim Sura, seluas 30 ekar sebanyak 282 unit diluluskan pada 24 Jun 2002. Lagi tanah Yayasan Terengganu Lot 15321K seluas 9.3 ekar sebanyak 134 unit. Manakala pembangunan yang akan dibina oleh Konsortium Perumahan Rakyat Terengganu Sdn. Bhd. ialah projek-projek berikut, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua:

Balai Besar, Dungun	-	698 unit
Kampung Jabi, Besut	-	134 unit

23 APRIL 2003

Bukit Kuang, Kemaman	-	141 unit
Batu Hampar	-	475 unit
Pulau Kambing	-	506 unit

Jumlah:		2.754 unit

Projek-projek ini sedang dalam proses pembinaan dan pelaksanaan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Selain daripada itu, setelah kerajaan baru mengambil alih kerajaan sebanyak 10 projek rumah awam kos rendah telah ditahan, diberhentikan pelaksanaannya walaupun surat pelantikan telahpun diberi dan ianya melibatkan lebih kurang RM80 juta projek-projek berikut:

Kuala Terengganu:		
Mengabang Lekor	-	250 unit Kontraktornya NC Desa Sdn. Bhd.
Banggol Peradong	-	Yang dibuat pecah tanahnya oleh YAB. Timbalan Perdana Menteri, Pemangku Perdana Menteri sekarang sebelum pilihan raya, sebanyak 238 unit. Akan dibina oleh GPQ Sdn. Bhd.
Besut:		
Anak Ikan	-	Akan dibina oleh Babena Sdn. Bhd. 204 unit
Gong Tengah/Pengkalan Nyirch	-	Juga akan dibina oleh Babena Sdn. Bhd. sebanyak 160 unit
Lak Lok	-	Rezi Construction 140 unit
Marang:		
Cerung Guling	-	Dulunya hendak dibuat di Mak Kemas tapi dipindahkan ke Cerung Guling akan dibina oleh GPQ Sdn. Bhd. sebanyak 239 unit.
Sungai Kerak, Marang	-	Juga GPQ Sdn. Bhd. 245 unit.
Kemaman:		
Air Putih	-	Syarikat Yusof Yasin Sdn. Bhd. 150 unit
Dungun:		
Pulau Serai	-	156 unit akan dibina oleh Hubungan Raya Sdn. Bhd.

Hulu Terengganu:
Padang Setengai

- Bina Struktur Sdn. Bhd. 200 unit

Ini merupakan Yang Berhormat Yang Dipertua, projek-projek yang disekat pelaksanaannya selama dua tahun lebih sedangkan kontraktor-kontraktor, pemaju-pemaju selain daripada GPQ merupakan penyokong-penyokong kuat UMNO yang diluluskan kepada mereka semasa pemerintahan UMNO/BN dulu. Tetapi Alhamdulillah, dengan persetujuan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri peruntukan baru saja diluluskan hujung tahun lepas dan sekarang ini projek-projek ini dalam pelaksanaan yang lancar.

Saya nak menggambarkan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Barisan Nasional yang dikatakan tak bercelaru dulu yang efisien telah membina lapan projek perumahan awam kos rendah yakni mampu milik seperti berikut:

- Bukit Kuang II - mula bina '93, siap hujung tahun '96 diagihkan pada tahun '97.
- Alur Jambu - diberi kontrak Januari '96 siap Oktober '96 diagihkan 22 haribulan tiga 1999, tiga tahun selepas siap baru bagi ini kerajaan yang efisienlah.
- Batu Hampar - diberi projek '95 siap '97 diagihkan '98.
- Pulau Redang - mula '94 siap '97 diagihkan 17.4.99 - 232 unit
- Bukit Tunggal - diberi '95 siap '98, 189 unit diserahkan pada 1998
- Bukit Kecil II - 144 unit diberi kontrak '96 siap '98, diagihkan tahun 1998.
- Kg. Buluh, Permaisuri - 108 unit diberi tahun 1997 disiapkan zaman kami dan diagihkan 19.9.02.
- Kerteh II, Kemaman - 269 diberi tahun '99 bulan tiga, siap 2001 masa kerajaan baru diagihkan 20 haribulan lapan '02 dan termasuklah 445 unit di kawasan Seberang Takir siap dah lima tahun tapi tak dibagi sehingga kita terpaksa tolong bagi, nak bagi rumah pun tak tahu jadi kita kena bagi.

Dahlah bagi rumah Dato' Yang Dipertua, kelapan-lapan projek ini bertarikh daripada '97 pengagihan sampai sekarang ini CFnya, Sijil Kelayakan Mendiaminya belum lagi diberi kepada penghuni-penghuni. Inilah menunjukkan kecekapan kerajaan yang dahulu yang memerintah.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mengenai dengan JSR mengambil kuasa DO insya Allah kita akan bincang besok tetapi saya ingin menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini, ini adalah satu tuduhan yang liar dan tidak berasas sama sekali dan JSR merupakan badan penyokong akar umbi kepada pentadbiran saja dan bukannya mereka mengambil kuasa Pegawai Daerah.

ADUN Bukit Tunggal, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memohon supaya yang pertama lembu-lembu yang merayau dan berkeliaran itu dikeluarkan daripada pandangan ... agaknya saya pun tak tahulah tapi Alhamdulillah, sejak kita berubah membangun dan membina kawasan persekitaran kita lembu-lembu yang berkeliaran ini hanya tinggal masalah saya duduk sekarang ini Bukit Tunggal dan Batu Rakit saja, Batu Buruk pun tinggal dekat Tok Adis satu lagi. Kawasan-kawasan lain dah dapat kita membentuk manusia ini menghormati keselamatan dan menghormati

persekitaran jadi berkuranganlah cuma saki-baki musim UMNO itu hari lagi hak tabiat hodoh-hodoh.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Dipertua, penjelasan. Apa yang saya maksudkan najis lembu dan kerbau ni bukan di Bukit Tunggal, di kawasan nak menuju ke tempat pelancongan. Jadi contohnya macam Sekayulah ... sebagai tempat yang jelasnya terlalu banyak sehingga mengotorkan kenderaan-kenderaan pelancong.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Terima kasih, mungkin bila dibangkitkan tu tak dikatakan tak zero kepada Sekayu. Sekayu ni pun dulu ... kerajaan dulu pernah dia upah orang kutip tahi lembu tengah jalan jadi kita tak ada peruntukan untuk tu. Tapi insya Allah kita akan bentuk masyarakat tu supaya menghormati lalu-lintas dan lembu-lembu ni kena kurung. Tapi lembu ni tak sekolah tuan dia kurung pun dia lari juga nak buat guana. Jadi insya Allah kita akan bentuk tuan punya dia.

Mengenai cadangan Bukit Tunggal untuk memajukan sekali gus kawasan Utara Kuala Terengganu, saya ingin memaklumkan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, rancangan yang sedang dalam pelaksanaan dan urusan menyempurnakan pelaksanaannya. Pekan Batu Enam menurut rancangan struktur Kuala Terengganu dan rancangan tempatan Seberang Takir - Gong Badak - Manir. Pekan Batu Enam telah dikenal pasti sebagai pusat kecil daerah. Kemudahan instruktur yang perlu disediakan berdasarkan hairaki ini termasuklah beberapa sekolah menengah, pusat kesihatan besar, pejabat pos, balai polis, surau, masjid dan berbagai-bagai lagi. Dan antara lain yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita sedang menyusun semula pentadbiran mukim dan mungkin di Utara ini juga akan ada satu pusat pentadbiran mukim yang baru dengan mengemaskinikan pentadbiran mukim di kawasan itu. Insya Allah, saya merasakan bahawa kawasan Batu Enam ini akan membangun cuma kita naknya rakyat tempatan mestilah bersedia untuk menerima pembangunan kerana pembangunan akan melibatkan tapak tanah sedangkan tanah-tanah di situ telahpun milik orang ramai. Untuk kita membangun dan menyusun semula perlukan pengorbanan dan kerjasama rakyat untuk menyerahkan ataupun membuat ke atas tanah-tanah milik mereka itu.

Mengenai dengan Pulau Sekati, Pulau Sekati ini ada campur tolak Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana ada orang yang suka merasakan Pulau Sekati ini dan Pulau Wan Man sekali gus menjadikan tempat pembiakan *marin life* ikan-ikan di situ tapi ada juga yang katakan bahawa kita perlu untuk mengubah wajahnya. Namun denikian kita bolehlah tidak utamakan kedua-dua pulau ini kerana tempat-tempat lain yang lebih mudah untuk membangun yang lebih perlu diutamakan pembangunannya sedang dalam proses pembangunan, insya Allah.

Mengenai dengan rintihannya yang mengatakan longkang-longkang bersumbat, jalan tak terbaiki dan sebagainya ini, insya Allah kita telah merumuskan baru-baru ininya bahawa berkat daripada kerjasama semua lapisan melainkan pembangkang, kerajaan kita telah dengan kerjasama yang keras daripada pegawai-pegawai kita telah meningkatkan prestasi kutipan tahunan dan daripada rekod yang biasa kita memungut lebih kurang RM200 hingga RM220 juta dulu-dulunya, 2002 saya merasakan mengikut perkiraan kita, kita telah pungut RM360 juta. Jadi peruntkan ini akan kita gunakan semaksima yang mungkin bagi manfaat rakyat khususnya projek-projek kecil ataupun *minor project*. Terima kasih.

Kemudian yang dibangkitkan oleh ADUN Ajil ... ADUN Ajil ini pun kadang-kadang tu dia, saya pun tak reti macam mana, dia laju sangat. Dia kata 15 pertukaran yang melibatkan 55 orang pegawai. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pertukaran ni kadang kala macamlah *furniture* kita dalam rumah, kalau kita tengok statik bertahun-tahun, berbulan-bulan di situ pun risau juga. Tetapi dari sudut pentadbiran ialah kepentingan-kepentingan dan kesesuaian pegawai itu adalah perkiraan yang paling utama. Bukanlah kita bertukar manusia ni, tukar pegawai ni sesuka hati. Kadang-kadangnya ia terjadi, terpaksa jadi kalau kita tak tukar pegawai pun rasa hati kenapa, berlaku kekosongan, berlaku perlunya kenaikan pangkat dan sebagainya, berlakunya pemberhentian, pencen dan sebagainya. Jadi daripada 15 ini, saya pun tak mahulah surat khabar duduk tulis 15 pertukaran kalau kira-kira apa begitu begini, berapa kali hari tukar? Takkanlah macam tu, dia tak boleh kira-kira macam matematik bertukar ni, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Saya nak jelaskan, betul saya ada dapat maklumat yang tepatnya 15 pertukaran tetapi bukan 15 pertukaran ni orang tu juga yang bertukar. Dengan izin saya baca supaya dia tak sebar perkara-perkara buruk ini, pada 6 haribulan dua belas 1999 pegawai bertukar kerana perubahan pentadbiran. Pada ketika itu bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu meletak jawatan. Akibat daripada itu berlakulah penyusunan semula pegawai-pegawai yang melibatkan hanyalah 8 orang pegawai orang saja, N1 lima orang ini menyusun semula kesesuaian jawatan, tempat dan sebagainya, N2 dua orang dan N3 satu orang saja. Jadi lapan orang bukanlah sesuatu yang mengegalkan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan kerana kepentingan pentadbiran dan penyusunan pentadbiran. Kemudian 19 haribulan dua belas tahun yang sama, satu saja iaitulah N1 kerana penempatan Pengarah Tanah dan Galian. Ini pindah dalam pejabat saja bukan ... tapi naik pangkat, kesesuaian dan sebagainya, satu orang saja tapi bilangannya satulah jadi dua. Yang ketiga, 1 haribulan enam tahun 2000 berlaku persaraan, orang pencen, pengisian kekosongan yang terpaksa disusun bila satu bergerak yang lain terpaksa bergerak, ini ramai sedikit kerana kita ambil kesempatannya untuk menyesuaikan tempat-tempat dengan khidmat-khidmat masing-masing, telah melibatkan 44 orang, N1 tiga, N2 tiga belas dan N3 28 orang. Kemudian 15 haribulan lapan tahun 2000, mengisi kekosongan dalam penyusunan semula, berlaku lagi kekosongan yang melibatkan pertukaran 15 orang., N1 dua, N2 enam dan N3 tujuh. Dan hujung tahun, 11 haribulan dua belas persaraan pegawai dan penyusunan semula, pegawai bersara kita terpaksa isi, bila kita isi dia kena bergerak melibatkan 16 orang, N1 dua, N2 enam, N3 lapan. Kemudian 1 haribulan dua belas tahun 2000 juga, N3 dua orang ini penempatan Setiausaha Sulit Kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan. Ini pemilihan kepada orang yang sesuai dan sebagainya tetapi hanyalah dua orang saja yang bergerak, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Kemudian bulan Februari 2001, N3 satu orang saja keperluan di MAIDAM. MAIDAM orang bayar zakat banyak, kita terpaksa hantar satu orang lagi tambah. Takkan yang tu pun orang panggil pertukaran juga, ini mengemaskinikan pentadbiran saja. Kemudian 15 haribulan dua juga 2001, persaraan Pegawai Daerah Kuala Terengganu dan Pemangku jawatan PTN Gred 1 bukan dengan tujuan kenaikan pangkat melibatkan 4 orang. Kalau kita tak isi jadi rugi ataupun kehilangan kepada pegawai-pegawai kita dan ini menggambarkan prestasi yang kurang jika sekiranya tempat yang sesuai tidak dipenuhi dengan pengisian. Kemudian 2 haribulan lima 2001, N3 sebelas orang pengisian Pegawai-pegawai Tadbir baru. Kita lihat Pegawai Tadbir kita kosong, kita buat pengambilan dan kita isi penyokong-penyokong ... dan ini kalau kita kiranya bukan pertukaran

23 APRIL 2003

ialah *posting* saja, penempatan pegawai-pegawai di jabatan-jabatan. Kemudian bulan Ogos, N1 dua orang terlibat, tukar ganti ini pertukaran bekas yang pencen itu harinya daripada Pengarah SATU, Pengarah Air kepada MAIDAM dan kita tukar ganti. Ini mungkin suka sama sukalah ni, jadi dia bertukar, itu berlaku. Kemudian persaraan Yang Berhormat Dato' SUK pada hujung tahun 2001, ini melibatkan ramai kerana sekali gus ada kekosongan yang lain, yang melibatkan satu SUK bila bergerak SUK yang lain pun akan bergerak kesemua kerana JUSA I ni akan melibatkan banyak perubahan-perubahan, seramai 55 orang telah terlibat. Inilah pertukaran yang paling besar dan pentadbiran di bawah SUK barunya dia menyesuaikan kaedah-kaedah pentadbiran ikut apa yang difikirkan perlu bagi mengemaskinikan jentera pentadbiran dan memberi rangsangan yang lebih baik untuk kepimpinan yang baru. Kita restui.

Kemudian satu haribulan dua pertukaran TATI-UPEN, dua orang N3 bertukar tempat saja. 4 haribulan empat 02, dua orang pegawai kembali bertugas daripada latihan belajar. Tetapi ini pun kita masuk bertukar juga walaupun macam ni, ini bukan pertukaran hanyalah kembali berkhidmat. Tetapi oleh kerana senarai tu kata pertukaran, kita pun panggil pertukaran, jadi dia bilang juga. Satu haribulan dua belas 2002, dua orang tamat tempoh pinjaman kepada INTAN. Pegawai kita balik kita buat penempatan, ini bukan pertukaran tapi kita terpaksa isi dan bergerak, bergerak ni tukarlah maknanya. Dan yang akhirnya yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, 15 haribulan dua belas 2002, persaraan pegawai-pegawai dan kenaikan pangkat telah melibatkan penyusunan semula seramai 23 orang. Jadi inilah senario yang kita katakan bahawa untuk mengemaskinikan jentera pentadbiran, pertukaran ini adalah penting dan mustahak dan untuk menentukan tempat-tempat yang lebih memberi perkhidmatan seseorang itu lebih bermakna dan efisien.

Satu lagi yang dibuat *observationnya* Yang Berhormat Dato' Yang Dipertuanya ialah penjawat-penjawat awam daripada kalangan-kalangan orang pencen. Ini yang dibangkitkan tapi tidaklah kita sampai ke tahap ramai orang pencen daripada orang yang tidak pencen berkhidmat, tapi ada kepentingan-kepentingan yang tertentu yang perlu dilanjutkan tempoh perkhidmatan seperti contoh bekas Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan, yang baru saja mengambil alih jawatan Setiausaha Kerajaan lepas menduduki kewangan hampir 10 tahun tetapi kita memerlukan lanjutan masanya dua tahun dan dia telah diberi dua tahun. Dan amalan ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bukan kita saja yang amalkan, PM setiap KSM sekarang ni sudah jadi satu budaya dilanjutkan dua tahun, satu tahun campur. Ketua Turus, IGP Ketua Polis, Ketua Hakim, keseluruhannya ini dilanjutkan kerana kepentingan-kepentingan perkhidmatan dan sebagainya.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya pohon laluan, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Apa yang saya perkatakan ialah berkait dengan manifesto PAS iaitu perkara 6.3, untuk membuka peluang kenaikan pangkat. Jadi nampaknya ini bercanggah dengan apa yang dijanjikan manifesto. Adakah Yang Berhormat bersetuju?

23 APRIL 2003

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tidak bercanggah, tidak bercanggah dan kerajaan telah melanjutkan ... Kerajaan Pusat melanjutkan dan kita ikut daripada 55 sampai 56, kita ikut. Tapi saya dah kata tadi kepentingan perkhidmatan dan kesesuaian jawatan memerlukan kepada beberapa tenaga yang telah bersara diberi lanjutan masa untuk menyudahkan beberapa program kerja mereka masing-masing.

ADUN Permaisuri meluahkan perasaan tak dok projek di kawasan dia, projek perumahan. Insha Allah, kita telah bincang kerana di bandar Permaisuri yang sebelah atas bukit tu kita dah bagi rumah dulu, kerajaan dululah tetapi masih lagi tinggal lot-lot kosong. Dan saya telah berbincang dengan Yang Berhormat yang berkenaan, dengan Ahli Parlimen, kita akan usahakan untuk meramaikan lagi rakyat di Permaisuri dan bukan seperti mana di Putrajaya nak jadikan satu Parlimen ahli yang berdaftar hanya 2,700 saja berita terakhir. Satu Parlimen 2,700 pengundi yang berdaftar. Jadi kita akan teruskan pembangunan di Permaisuri dan kita berharap Yang Berhormat akan memberi segala sokongan dan memberi segala galakkan kepada pertumbuhan-pertumbuhan penduduk di Permaisuri.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZALI BIN MUHAMMAD (Wakil Permaisuri): Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Pasir Putih ni, masih lagi duduk berungut mengenai ... Air Putih, minta maaf. Air Putih ni masih lagi duduk berungut mengenai balai raya, dewan sivik dia tak boleh nak pakai dan sebagainya. Yang Berhormat kena sabar sedikitlah, dalam keadaan orang dah dengan egonya, dengan kezalimannya, dengan kesombongan jadi kita nak berperang dengan dia pun bukan taraf kita berperang dengan dia. Jadi kita kena beri masa sedikit lagi. Kita dah bersetuju dengan dia, mula-mula kita ambil alih kerajaan, kita kata bangunan-bangunan balai raya, dewan sivik bukan tempat orang sekolah, bangunan premis-premis ini untuk kegunaan kemasyarakatan. Dulu JKKK sekarang JSR untuk mahu menggunakan aktiviti-aktiviti mereka, orang PAS, miskin-miskin PAS pun tak dok PASTI dianya pergi tumpang rumah orang, sewa sendiri. Kita dah beri dah penjelasan kepada Ketua Pengarah KEMAS dan dia bersetuju, kita bagi satu tahun. Jadi kerana kita baru saja suruh dia keluar, dia buat tidak tahu. Jadi kita nak kata-kata sangat pun macam minta hutang ni tak tergamak juga pasal kita ada maruah. Kita tidak mahulah bila kita minta hutang ni, suruh dia keluar seolah-olah mencabar maruah kita pula sedangkan maruah dia yang hodoh. Jadi perkara ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sedang dalam proses dan nampak-nampaknya di akhir-akhir ini mulalah satu demi satu dilepaskan dan dia mula menyewa rumah-rumah.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Laluan, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Saya tak boh beri laluan kepada dia. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini boleh saya akan beri laluan kepada Telemong ni pasal ni terlibat dengan dia, dibangkitkan pemberian tanah kepada Encik Ismail Osman dan Abidin, katanya kelmarin. Jadi saya nak suruh Yang

Berhormat Manir pun takut dia kata *conflict of interest* jadi saya tolong pikullah hak beban ni satu. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita telah pun isytihar kita buka permohonan-permohonan tanah dan proses oleh beberapa jawatankuasa. Jika sekiranya permohonan itu layak dipertimbangkan, diproseskan sehingga sampai ke peringkat kelulusan di Exco maka diluluskanlah. Encik Ismail Osman dan Abidin dikatakan semalam ialah diminta untuk kegunaan dianya membina markas tarbiah PAS kata ... PAS dia kata. Saya pun kata, kalaulah UMNO nak minta juga nak buat markas tarbiah UMNO, buat permohonan dulu kita proses insya Allah. Tetapi UMNO telah minta awal-awal lagi ... ni ada dengan saya ni, pemiliknya Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) macam mana PKMB jadi UMNO, tak betul juga ni. Lot No. 3224 Geran 7857 SSG 214, Bandar Kuala Terengganu 585 meter persegi, nama berdaftar ialah Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Wan Mokhtar bin Ahmad, Yang Berbahagia Mohamed bin Awang, Yang Berbahagia Dato' Dr. Yusof 'a Yusof bin Haji Mohd Nor. Kerajaan lulus, bayarannya RM1 sekaki tanah bandar ibu pejabat UMNO tu. Kita dok kisah kalaulah dia nak buat pejabat, tak apa tetapi yang sulitnya apa benda, telah dipajak kepada Lembaga Lctrik Negara Tanah Melayu bagi tempoh selama 30 tahun bermula 1 haribulan sepuluh 1980 dan didaftarkan pada 30.3.1980. Dahlah ambil boleh tanah kerajaan gadai pula 30 tahun dan hak ni kita beri syarat tak boleh gadai melainkan dengan kebenaran kerajaan. Yang ni tak dok syarat dia, syarat diluluskan ... diluluskan oleh MMKN tahun '69, seringgiti sekaki persegi ... syarat nyata - tiada, sekatan - tiada.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Laluan, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Laluan, Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya nak tanyalah kerana berkaitan dengan Wakil Batu Buruk tadi, saya nak tahu sama ada Wakil Telemong ni ada mohon atau pun tidak berkenaan dengan satu bangunan di Kampung Kepah, ada gambar dengan saya ... iaitu Pusat Pilihan Raya No.21, Dewan Undangan Negeri DUN Telemong di atas tanah Syit No. 65A yang mana didirikan di atas tanah kosong, tanah milik kerajaan, di atas rizab sungai dan jalan raya. Jadi saya nak tahu sama ada, ada permohonan atau pun tidak di atas tanah tersebut.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam ingatan saya dok sampai kepada pihak kerajaan tapi kalau sampai ke Jawatankuasa Tanah saya tak tahu kerana mungkin Yang Berhormat Kuala Berang menduduki Jawatankuasa Tanah. Jadi tuan punya pun ada, takkanlah nak buat markas pilihan raya pun minta tanah kerajaan juga, dia ada maruah juga dia dok minta. Tapi kalau di minta-minta ... man jerit-jerit kita beri juga.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Laluan Dato' Yang Dipertua. Dato' Yang Dipertua minta laluan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila ... sila.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih Wakil Batu Buruk. Pertama-tamanya yang saya bangkit Lot PT. 8363, 8364 ... terima kasihlah atas respons Wakil Kuala Berang dan terima kasih atas jawapan tanah di bandar sebagaimana kerajaan jawab tadi. Yang saya bangkitkan bukan soal kelulusan, saya kenal benar Abidin bin A. Samad, Ismail bin Othman dua-dua ini ... dilulus dua lot sebenarnya Ismail bin Othman ni hak kalah di Ajil, Abidin bin A. Samad ni Nazir kepada Unit Bimbingan Ummah API, saya pun dok tahulah ... Bina Insan di Hulu Terengganu yang jadi ekor kepada Ahli Parlimen Hulu Terengganu sokmo-sokmo Wakil Kuala Berang memang tahu, memang tidak mampu untuk buat Pusat Tarbiah Pendidikan di tanah 10 ekar ini. Saya persoalkan kalau *gentlemen* PAS, minta atas nama PAS memegang amanah kepada dua orang ni, tak apa macam UMNO minta tadi ... Tan Sri Wan Mokhtar, Yusof Nor dan juga seorang lagi tu memegang amanah kepada UMNO. Ini saya nasihat ... sebab Kerajaan PAS kita tak pertikai kelmarin, buka transkrip saya tak pertikai kalau PAS minta. Yang kita pertikaikan, rakyat Kuala Berang pertikaikan di sini kita minta 10 ekar juga lebih kurang untuk bina sekolah rendah ditolak oleh Kerajaan Negeri atas dasar untuk dijadikan penempatan pegawai-pegawai kerajaan Hulu Terengganu tetapi dilulus kepada dua orang ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat ... Yang Berhormat jangan berucap.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Ya ... Yang Berhormat beri peluang kepada saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup, tak payah berucap.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya nak jelas lagi kepada Wakil Kuala Berang bahawa ini yang dipersoalkan oleh Hulu Terengganu dan sekarang ini untuk pendidikan Pusat Tarbiah dan Pusat Pendidikan selama tiga tahun tetapi sekarang ni, Yang Berhormat sila ke Kuala Berang ... tanam timun Cina, tembikai. Saya minta Yang Berhormat ... memang saya tak minta tanah yang dibangkitkan oleh Wakil Kuala Berang tadi sebab ni rizab sungai, minta pun dok boleh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat jangan berucap ... sila duduk.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya nak jelaskan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebab pusat berkenaan kita jadikan sebagai pusat ... bukan Pusat Tarbiah, Pusat Khidmat Masyarakat bagi ADUN Telemong sebab ADUN Telemong ni memang lagi, kalau minta tanah memang PAS dok beri, iaitu Pusat Khidmat Masyarakat, di situ juga ada Kelab K3P, di situ ada juga Kelas Tadika Kemas yang dihalau, diarah pindah daripada balai raya, di situ juga ada pusat kegiatan penduduk-penduduk kampung. Dan saya minta, kalau kita salah di situ minta Wakil Kuala Berang sedok atau pindahkan tak apa, kita alu-alukan. Tapi Kuala Berang tengok kawasan Kuala Berang, berjuang bagi orang Hulu Terengganu bukan

23 APRIL 2003

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jadi terima kasih ... saya kata cukup. cukup. Sila duduk. Yang Berhormat ambil helah untuk berucap. sila duduk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. saya pun ingat dia nak *reply* juga bekas lekat wap sokomo ... tadi kata doh, gila mengeram lagi dok? Saya pun lok ke dia. gila mengeram nak buat guana.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat. saya nak terang ke Kuala Berang biar dia pandai sedikit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Dan kalau betul Yang Berhormat nak minta tu ... mari merayu. jumpa Yang Berhormat ... jumpa Yang Berhormat kalau nak.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya dok perlu minta ... saya ajar. saya beritahu supaya beliau duduk di Kuala Berang bertindak sebagaimana yang disungut oleh Kuala Berang jangan duduk di Kuala Berang bertindak tidak sebagaimana disungut oleh rakyat Kuala Berang. Yang Berhormat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): PAS memerintah negeri ni kau bukan perintah Telemong saja.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. buat akhirnya saya nak sentuh sedikitlah mengenai dengan kesilapan faham tadi mengenai pembinaan lebuh raya dan *airport*. pembesaran lapangan terbang kerana kedua-dua ini akan terlibat sama Pihak Berkuasa Tempatan.

Apa yang dinyatakan oleh Duli Yang Maha Mulia. "semoga kedua-dua ini akan menjadi realiti" itu ialah kedua-dua ini telah dirasmikan pecah tanahnya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia bulan November 1999. Jadi tentulah ... cuma hasratnya tentulah orang yang rasmi ada maruah dan kita beri dia buat tak dok apa-apa hal tetapi dia tak nak buat. macam mana. Jadi inilah maknanya bukanlah kita cari jalan kita untuk membina sendiri ni setelah berusaha mendapatkan pembinaan ini tidak terlaksana. Namun demikian oleh kerana hubungan *federal state* itu masih lagi boleh dihormati mengikut perjanjian dan konvensyen maka kita alu-alukan usaha-usaha untuk meneruskan projek-projek itu tapi janganlah dia minta dekat kitanya. dia nak buat *airport* dia nak suruh kita bayar RM200 juta. Kemudian perundingan. kita kata tak apa kita bayar RM200 juta kita beri sewa dia balik. dia tak mahu bayar. Nampak tu. tak boleh percumalah harta orang kerana ini melibatkan tanah-tanah milik. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Jadi saya rasa itulah sedikit sebanyak yang dapat saya sumbangkan dalam menggulung ucapan Titah Di Raja. Yang Berhormat. Terima kasih. wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh.

23 APRIL 2003

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Batu Buruk. Untuk nak kenderkan balik segala saraf Dewan perlu berehat. Saya tangguhkan sekejap Dewan ini sehingga jam 4.00 petang.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 3.30 PETANG.

23 APRIL 2003

PUKUL 4.00 PETANG

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullah. Dewan disambung semula dengan meneruskan penggulangan terhadap perbahasan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Dipersilakan –

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memandangkan masa persidangan akan tamat tempohnya pada pukul 5.00 petang ini, saya mencadangkan tempoh persidangan ini dilanjutkan sehingga selesai kerja-kerja pembentangan usul ucapan penghargaan dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan kerana menyampaikan Titah Di Raja, menurut di bawah Perkara 7 (1A) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong tapi ni baru pukul 4.00 baru. Adakah perlu dibawa usul sekarang?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya minta Pengkalan Berangan supaya membawa itu pada masa yang munasabah. Sekarang terlalu awal Yang Berhormat, masa masih ada

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Adakah bermakna sidang ini akan dilanjutkan petang ini?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Belum putus lagi Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Maur.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Bismillahirrahmanirahim. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai kerajaan, para pemerhati yang dihormati lagi dikasihi sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Saya ucap terima kasih kepada Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya untuk melibatkan sanna di dalam ucapan perbahasan menjunjung tinggi Ucapan Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan. Saya tidak akan membicarakan keseluruhan isi kandungan ucapan itu tapi saya memilih untuk memberi beberapa respons kepada ucapan-ucapan yang disampaikan oleh wakil-wakil yang berucap. Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap pada hari semalam.

Saya ambil perhatian kepada ucapan Wakil Seberang Takir kerana saya rasa ini penting di mana komentarnya bahawa Ucapan Titah yang disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, dia kata hambar. Jadi dalam perkara ini saya ingin merujuk kepada satu cerita orang tua-tua di zaman dulu di mana seekor burung geruda, bukan yang melarikan anak Raja China tetapi burung geruda yang

menangkap seorang insan yang sedang bekerja dalam kebunnya, mungkin dia ingat burung ke apa, wallahualam, insan itu bernama Pak Pandir, terkenal dalam cerita ... Pak Pandir. Jadi bila burung geruda bawa terbang jauh lama kelamaan dia lemah maka dia merendah atau mulakan penerbangannya dalam jarak yang rendah sedikit demi sedikit. Akhirnya bila sampai kepada sebuah istana raja maka dia terlepas ... maka jatuhlah Pak Pandir itu ke atas istana. Semua orang yang ada dalam istana termasuklah Tuanku tapi bukan Tuanku Sultan Mizan Zainal Abidin, ini cerita lama ... menganggapkan bahawa yang jatuh itu ialah orang yang datang dari kayangan. Orang kayangan ni memang orang mulialah, semua yang lain hidup di bumi tetapi yang ni jatuh daripada atas, dia ingat orang kayangan. Jadi lalu diberi penghormatan, dijaga dengan baik-baik, diberi pakaian baik-baik, diberi makan yang sedap-sedap, pagi-pagi beri makanan kuih yang sedap-sedap. Sedangkan Pak Pandir tak rajin makan kuih yang sedap-sedap macam ni, beri nasi goreng, beri ... macam-macam benda sedap. Dia tak makan, dia termenung ... dia ambil sedikit, rasa-rasa sedikit buang. Jadi orang istana ni lihat macam mana tiap-tiap hari makanan dia tak habis. Luak sedikit saja, orang kayangan ni dia tak boleh makan benda-benda sedap macam ni sepatutnya orang kayangan ni makan benda-benda sedap. Lalu dia pergi intai tengok Pak Pandir duduk berbelas seorang dia, "hai," dia kata "kalau ada Mak Andir boleh juga makan ubi-ubi bakar," kata dia. Dia biasa makan ubi bakar, Pak Pandir ni, orang beri kuih hak sedap-sedap, nasi minyak, nasi tu dia biasa makan ubi bakar jadi lidah dia jadi lagu lain tak terasa nasi lemak ke, nasi dagang ke, sop ekor ke, dia tak sedap belaka lidah dia, dia biasa makan ubi bakar. Jadi dia bersungut, kalau ada Mak Andir boleh makan ubi bakar, tiap-tiap hari. Yang menyebabkan orang istana buat kajian, kenapa orang kayangan ni, orang daripada kayangan ni tak boleh makan sedap-sedap nak makan ubi bakar juga. Selidik-selidik rupa dia Pak Pandir dia biasa makan ubi bakar dengan ubi rebus kampung. Jadi sebab itu orang makan sedap-sedap pun dok berasa apa. Jadi macam Wakil Seberang Takir juga lebih kurang, dia dok biasa dengar ucapan hak sedap-sedap macam ni dia biasa hak lagu lain, kemudian mari dia kata tawar ... hambar dok berasa apa. Memang kalau macam Pak Pandir kalau dok berasa apa betul dah. Itu cerita saja, betul dok betul tak tahu bukan saya kata ke Wakil Seberang Takir Pak Pandir, saya kata cerita tu makna dok biasa makan tu jadi dok sedap, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ikuti cerita ni ... lepas tu saya dapati tawar dan hambar juga cerita ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Pak Pandir dia dok kata makanan tu dok sedap, dia tak kata tawar, dia dok kata hambar cuma dia kata kalau ada Mak Andir saja boleh makan ubi kayu, ubi bakar dengan ubi rebus hak tu yang dia biasa.

Kemudian Wakil ... kita larat sedikitlah Wakil Seberang Takir dengan Wakil Ajil memang daripada dulu lagi duduk pakat-pakatnya pasal cerita institusi pendidikan. Kalau dulu Wakil Seberang Takir tanya TATI, kemudian persidangan yang lepas wakil daripada Kemasik tanya soal KUSZA pasal terima pelajar tak dok SPM, kita jawab belaka dah dalam Dewan. Ni mari-mari timbul panggil orang surat khabar pula, buat pertemuan dengan orang surat khabar buat kenyataan bahawa KUSZA mundur sebab ada 38 orang campur 5 jadi 43 orang yang tak dok SPM. Lepas tu campur pula, lepas tu campur pula ada dua lagi guru yang tidak ada SPM, pada hal yang dulu lebih

banyak pada tu tidak timbul. Dan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak nyatakan bahawa KUSZA bukan semakin mundur sebagaimana yang dianggapkan tetapi KUSZA adalah semakin maju, dengan syarat tidak ada apa-apa gangguan dan tindakan-tindakan yang boleh menjejaskan kewibawaan dan kemajuan KUSZA sekarang ini. Pihak Pentadbiran dan pihak Majlis KUSZA termasuk Pengerusinya sendiri berusaha untuk melengkapkan pengajian di KUSZA sampai kepada peringkat pengajian khususnya di bidang Islam sampai kepada peringkat Ph.D. Dan setakat kerajaan baru mengambil alih negeri ini dan termasuk KUSZA sudah beberapa kursus baru yang dimasuk sampai kepada peringkat ijazah yang mana ini adalah memberi kemudahan kepada anak-anak negeri Terengganu dan juga orang-orang yang berada di sekitar. Bukan saja kita mengambil pelajar pemegang diploma KUSZA tetapi juga pegawai-pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat yang ingin menyambung pelajaran kepada peringkat ijazah dalam bidang IT, dalam bidang pengurusan perniagaan, dalam bidang perakaunan mereka boleh buat ijazah di KUSZA. Ini adalah satu khidmat yang baik. Sepatutnya tidak menjadi cemuhan kepada pihak-pihak yang rasa sayang dan cinta kepada KUSZA. Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin nama manjanya KUSZA, yang kita tahu ditubuhkan oleh kerajaan yang lalu, bila kita terima kita canang dengan baik dan kita usaha untuk menjadi lebih maju.

Kita juga telah berusaha, setakat ini kita telah dapat persetujuan untuk seterusnya bahagian Pengajian Islam, KUSZA boleh mengeluarkan ijazahnya dan insya Allah, pengajian peringkat sarjana dan pengajian di peringkat Ph.D. Anak-anak Terengganu sama ada yang telah berkhidmat atau belum berkhidmat yang ingin mempelajari dalam pengajian Islam di peringkat ijazah, peringkat sarjana insya Allah, Ph.D. mereka boleh berbuat demikian di KUSZA pada masa yang akan datang ini jika tidak ada apa-apa halangan. Ini suatu perungkatan yang kita buat kepada KUSZA, sepatutnya tidak menjadi satu perkara cemuhan di atas perkara yang remeh atau perkara yang kecil seperti pengambilan pelajar. Pelajar kita yang 38 orang yang dalam negeri, dalam negara, luar negara 7 orang yang kita ambil pada tahun yang lalu, yang dalam negeri itu semuanya 100% lulus, bukan setakat 100% yang dapat semua A termasuk dalam mata pelajaran Inggeris adalah diperolehi oleh pelajar-pelajar ini. Ini satu prestasi yang baik yang perlu kita sama-sama mengucapkan tahniah dan memberi penghargaan kepada pihak pengurusan KUSZA dengan semua kakitangannya yang telah memberi perkhidmatan yang baik dan membimbing anak-anak kita dengan cara yang baik.

Cuma pada tahun ini, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Wakil Ajil yang semacam mendapat maklumat secara langsung daripada KUSZA kononnya pendaftaran pada tahun ni merosot banyak iaitu 400 orang lebih saja, bahagian IT dia kata 15 orang saja, maaf 3 orang saja. Sebenarnya pendaftaran setakat hari kelmari sudah melebihi 650 orang dan pendaftaran terus berjalan sampai kepada hari ini. Dan dikatakan peringkat IT 3 orang tak betul sebenarnya, setakat hari ini baru 15 orang, ini biasa 15 orang satu pengajian. Ada yang permintaan ramai seperti

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Nanti dulu sekejap ... sekejap, sedikit lagi saya beri. seperti pengajian Kejururawatan, orang minta ramai sampai 300 lebih dekat 400, tapi kita boleh beri penampungan 30 orang saja buat masa ini dan pihak Kementerian pula beri 30 orang jadi kita dapat 60 orang. Wakil Ajil, sila.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Dipertua. Adakah seramai 15 orang itu yang ditawarkan diploma sebenar-benar diploma ataupun ditawarkan diploma tetapi mengikut pengajian remedia 15 orang tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya boleh terang dulu, hak remedia tak masuk lagi, tak dok pendaftaran lagi. Kemudian UEL hak yang 3 tu jurusan untuk dapat ijazah belum daftar lagi. Kita dapat 654 orang pada tahun ini ada sedikit kemerosotan. Kemerosotan ini adalah disebabkan oleh beberapa perkara, saya rasalah ... saya ada garis beberapa perkara di sini, yang pertamanya pada tahun lepas polisi kerajaan atau polisi Kementerian Pendidikan yang memberi keutamaan kepada pelajar-pelajar yang nak masuk universiti, diberi keutamaan kepada pelajar-pelajar yang mempunyai sijil STPM. Jadi oleh kerana itu, oleh kerana tahun lepas diberi keutamaan kepada pemegang sijil STPM maka tahun ini pengajian STPM dibuka secara berleluasa, secara lebih hebat dan lebih banyak pada tahun-tahun yang sebelumnya yang menyebabkan kebanyakan pelajar-pelajar yang memiliki sijil STPM memasuki tingkatan 6 bawah dan atas lebih ramai. Yang ketiga, kelas matrikulasi yang dibuka secara besar-besaran oleh pihak Kementerian Pendidikan yang juga melibatkan pelajar-pelajar yang memiliki sijil SPM. Itu faktor yang mengurangkan pada tahun ini dan bukan setakat itu saja, yang keempatnya ialah pertumbuhan kolej-kolej swasta dan politeknik yang begitu di seluruh negara. Saya bukan nak ikut falsafah Pak Pandir tidak, cuma nak cerita orang lain, kita berbincang dengan kolej-kolej yang lain, di antara yang kita hubungi ialah KISDA (Kolej Islam Selangor Darul Ehsan) yang juga menurut Presidennya menerangkan dia juga mengalami kelembapan dalam pengambilan pelajar pada tahun ini daripada 1,600 yang ditawarkan 600 saja yang memberi jawapan. Berbanding dengan kita, beri tawaran sebanyak 1,000 maka kita dah mari 654, akan datang lagi insya Allah, termasuk dengan UEL dan sebagainya, saya rasa kita juga akan mendapat angka kalau tidak 1,000 pun tidak banyak. Berdasarkan perbandingan ini belum lagi patut KUSZA dicaci, dicela, diperlekeh, diperendahkan oleh rakyat negeri Terengganu yang cintakan negeri dan cintakan KUSZA (Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin). Yang Berhormat Yang Dipertua, itu serba ringkas berkaitan dengan KUSZA yang disebut-sebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Menyentuh ucapan yang disampaikan oleh Wakil Kemasik ... saya, Wakil Telemong dululah hak sedikit dulu. Pertama sekali pasal perpaduan, saya tak nak komenlah, kawan-kawan saya komen banyak dah, dikira nak cari macam le ni aman negeri Terengganu ni payah dah, ambil daripada tarikh ni bawa ke belakang maka sampai tahun ni bagus lagilah. Kebimbangan memang ada tetapi itu tidak menjadi agenda kita, bersyarah di mana-mana perpecahanlah, kalau kerajaan dulu Dewan got kata kepada parti PAS masa tu jadi pembangkang ... pembangkanglah bawa pecah belah masyarakat, tapi kita dok kata lagi. Baru ni berlaku sembahyang Jumaat di Mengabang Telipot ... tempat lain, ada dalangnya pakat pergi bagi pitis ajak pergi sembahyang Jumaat. Kita tahu, nama tak nak sebut dalam ni. Tapi kita tidak buat apa-apa, kita kata tu benda remeh temeh tidak boleh membawa kepada perpecahan kerana negeri Terengganu, kerajaan yang ada masih berupaya untuk mengawal keadaan seperti ini.

Begitu juga berlaku sembahyang Jumaat di Hulu Terengganu kawasan Dewan Undangan Negeri Telemong, kawasan sahabat saya Telemong ... tu masjid lama orang tinggal dah masjid baru kerajaan buat pindah, dia nak sembahyang juga situ. Saya percaya Wakil Telemong tidak bersetuju

tapi anak buah pergi buat juga, saya tak percayalah. Wakil Telemong memang dia tak bersetuju, itu saya percaya. Saya tak nak sentuh itu.

Kemudian dia ajak pilihan raya cepat, suruh bubar Dewan dah ... kelmarin suruh bubar Dewan hari ni kerana dia kata pilihan raya '99 tu menang PAS tu bukan orang sokong PAS, cuma orang undi PAS saja maka menang PAS. Jadi dia nak pilihan raya cepat, metang-metang dia dapat kawasan baru, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Betul sedikit Dato' Yang Dipertua. Saya kasihan juga Wakil Manir, Menteri Besar, Exco-exco, bukan bubar Dewan, kawasan-kawasan hak berahi celah sangat ni, Bandar, Bukit Besi, Permaisuri yang saya cadangkan itu. Kita pilihan raya selalu, kita try tengok sokongan kerajaan tidak terjejas, insya Allah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, metang-metang dia boleh kawasan baru. Perubahan dalam negeri Terengganu ni, persempadanan yang terlibat ialah Hulu Terengganu, terlibat Manir dengan Telemong. Sebahagian daripada ... satu peti undi Manir masuk ke Telemong, jadi dia bila masuk peti undi baru ni sedap dia, dia ajak pilihan raya selalu esok. Dok adil berdohoh lalu kasihan ke orang lain.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, sebenarnya Manir dengan Telemong ni dia pakat tapi dok sedap dia sebut cerita Pak Pandir sokmo, pakat Pak Pandir. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Secara kebetulan saja Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tidak ada prejudis kepada sesiapa.

Saya nak terang satu benda yang disebut oleh Wakil Telemong, dia kata pelatih-pelatih YPK dan dibayar oleh YPK, kemudian dia pula dibayar oleh Kementerian Sumber Manusia, yang itu saya nak nafikan. Semua pelatih-pelatih YPK mengambil bayaran hariannya adalah daripada YPK saja tidak ada seorang pun pelatih-pelatih YPK yang menerima bantuan daripada Kementerian Sumber Manusia itu, setakat ini. Sebab pelatih kita tahun 2000 ada 195 semua YPK bayar, kemudian tahun 2003 ada 170 orang pun YPK bayar. Hak Kementerian Sumber Manusia bayar tu kepada pelatih YPK tidak ada. Adapun pelatih-pelatih lain kita tidak tahulah. Jadi apa yang didakwa oleh sahabat saya wakil daripada Telemong itu kita harap tidak berlaku buat masa ini.

Kemudian beliau menimbul amaran kepada Bilal dan Imam yang menyertai JKKK. Jadi menyertai JKKK tu diberi amaran, tak beri minum arak kalau beri minum arak ... itu terkilan sedikit. Kita memang dari sudut pentadbiran kerajaan telah mengeluarkan siapa-siapa yang bekerja di bawah Kerajaan Negeri jangan terlibat dengan JKKK yang ditubuh selepas daripada tahun 1999, selepas 1999 ataupun pada tahun 2000 atau ke atasnya. Sebab pada masa itu Kerajaan Negeri, JKKK itu tidak ada yang ada ialah JSR. Adapun orang nak masuk UMNO, saya terus terang berdialog dengan orang-orang yang terlibat dengan JKKK ini, Bilal yang terlibat ini, saya kata JKKK tak boleh, itu arahan Kerajaan Negeri, awak nak jadi UMNO, nak jadi parti apa itu kebebasan awak. Itu saja kita kata. Adapun kita kata awak dok payah minum arak, tak payah buat

doh ada enakmen doh hak larang minum arak ni. Hebat pada arahan jangan minum arak sebab enakmen ada dah minum arak salah. Jadi yang itu saya ingat tidak patut di ... berbanding dengan Kerajaan Persekutuan hebat lagi, Kerajaan Persekutuan mana ada guru dia ke, siapa dia yang bekerja dalam JSR, dia beri amaran nak pilih JSR ataupun nak berhenti kerja.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): :Penjelasan, Dato' Yang Dipertua. Apa yang saya bangkit yang sebenarnya berlaku di YPK ni bukan sebagaimana dijawab oleh wakil kerajaan. Saya membangkitkan pelajar-pelajar yang diberi bantuan sebagaimana minit mesyuarat YPK pada tarikh 19 Julai 2001, sepatutnya pelajar-pelajar di bawah satu pakej jahitan itu yang ditawarkan bantuan latihan kemahiran sebanyak RM5,000.00 setahun seorang dan bukannya pinjaman. Tetapi pelajar-pelajar ini juga diarah untuk menandatangani surat perjanjian pinjaman di bawah syarikat yang saya bangkitkan dan ini perkara berlaku. Yang keduanya, arahan jelas amaran dalam pertemuan dan juga surat yang jelas kepada Imam/Bilal yang terlibat supaya tidak terlibat dengan JKKK dan akan diambil tindakan. Yang Berhormat, jelas ditampal ... kalau tengok, kalau kita pergi ke Kuala Berang, Masjid Padang Mengkuang pintu belah kanan, belah ke Kuala Terengganu jelas di situ. Cuba masuk masjid tu sangat jelas begitu rupa arahan dan inilah sebenarnya dibantah setengah Imam/Bilal dalam perjumpaan dengan Yang Berhormat di bangunan Seri Iman dan di mana-mana juga dibangkitkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, memang kita kerajaan, Ketua Jabatan masing-masing memberi amaran supaya melibatkan diri dalam JKKK, itu betul. Sebab itu satu pertubuhan haram bagi Kerajaan Negeri Terengganu. Adapun yang disebut tadi maknanya YPK, Kerajaan Negeri Terengganu tidak pernah membenarkan YPK untuk mengambil pinjaman daripada Kementerian Sumber Manusia, memang itu kita tidak pernah benarkan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih, Yang Berhormat. Saya harap Yang Berhormat dapat siasat sebagaimana Wakil Jertih bangkitkan tadi dan juga yang kedua isu tadi saya kasihan kepada Pegawai Agama Daerah yang seolah-olah bertindak memberi amaran mewakili kerajaan. Dan mereka sendiri sebenarnya tidak enak dengan perkara-perkara arahan sebegitu rupa. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, arahan itu kita beri dan kena terimalah hakikatnya bahawa sekarang Kerajaan PAS tak benar Tok Imam-Tok Imam dia menyertai JKKK.

Perkara ... perkara kecil, masjid surau tidak berubah memanglah masjid surau tidak berubah, orang saja berubah, masjid surau tu jarang-jarang kalau kita besarkan dia berubah, kalau kita cat baru dia berubah, kalau kita tidak cat baru, tukar karpet baru dia tidak berubahlah. Tapi sekarang ni berbeza ada kelas-kelas pengajian fardhu Ain dan sebagainya di masjid-masjid dan surau-surau setelah kerajaan menambah bilangan mubligh-mubligh dan guru-guru agama. Dan insya Allah, kita tunggulah perubahan-perubahan yang lebih banyak lagi pada masa yang akan datang.

Kemudian wakil daripada Paka ni minta tambah lagi kelas pra-sekolah, sekolah rendah dan sebagainya, ni memang dalam perancangan kita untuk mengadakan sebanyak mungkin sekolah-sekolah agama bersepadu di semua daerah dan kalau boleh ditiap DUN dan begitu juga kelas-kelas pra-sekolah akan diadakan secara teratur pada masa yang akan datang, insya Allah.

Kemudian Wakil Kemasik, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, banyak juga ucapan dia. Tadi dah banyak diulas oleh sahabat saya Wakil Batu Buruk, dia bercakap pasal pentadbiran kerajaan. Hak kelmarin saya dengar dia kata pentadbiran kerajaan ni gagal. Boleh ke Yang Berhormat Wakil Kemasik tunjuk contoh kepada saya satu yang gagal sebab kami pergi ke dialog peringkat daerah-daerah kami panggil semua orang yang berada di daerah itu tolong memberi maklum balas kepada kami kekurangan-kekurangan, kelemahan-kelemahan dan kegagalan. Yang gagal, boleh ke dia tunjuk satu pada hari ini kepada saya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a' ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya dah sebut banyak dua hari lepas, semak balik.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang saya masih ingat Dato' Yang Dipertua, membantu mengingatkan balik Wakil Manir, janji untuk menghapuskan pajak gadai yang mengamalkan sistem riba disebut dengan jelas oleh Wakil Kemasik. Saya rasa Wakil Manir ingat, itu gagal.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Itu tak gagal Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini belum laksana lagi. Kalau laksana dok berjaya baru gagal, ni dok buat lagi gagal guana. Itu bukan gagal, saya dah jawab ... saya akan jawab di sini hak tentang pajak gadai ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD 'a' ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, gagallah tu tak buat ... takut nak buat tu gagallah, tiga tahun lebih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya dok tahulah ahli Dewan Bahasa tak dok di sini saya nak tanya dia. Gagal dengan dok buat lagi lagu mana, serupa tu le saja ... kalau kita buat dah tidak berjaya, saya rasa hak tu gagal. Kalau dok buat lagi nak gagal guana dok buat lagi.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Maksudnya Yang Berhormat ... menjalankan syariah Islam, syariah Islam sebagaimana yang dilaung-laungkan, yang dijanjikan kepada rakyat dan kepada dunia sebenarnya tetapi masih dijalankan. Jadi cerita Pak Pandir jugalah ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dia bukan cerita Pak Pandir, Pak Pandir hak tadi tu ubi bakar tu dengan ubi rebus. Sekarang ni saya dah beritahu bahawa saya nak beritahu khusus berkaitan dengan pajak gadai. Pajak gadai riba ni saya dah beritahu tadi, zaman peralihan pentadbiran maka untuk memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha pajak gadai secara konvensional untuk kembalikan kepada Islam maka kerajaan

menyumbang lesen mereka sehingga tiga puluh satu. Dan sebagaimana saya katakan bahawa kita telah membuat siri perbincangan dengan pengusaha-pengusaha pajak gadai ini dan kita memberi cadangan kepada mereka supaya mereka kembali buat cara Islam dan mereka kata, mereka sedang buat kajian. Itu bukan gagal lagi, dok *start* lagi dan kita mengharapkan bahawa untuk menambah pajak gadai cara Islam ini kita dapat lesen-lesen baru. Dan setakat ini kita belum dapat lesen lagi dan lesen yang hak beroperasi lima setakat ini, dua di Kuala Terengganu masing-masing satu di Kemaman, satu di Dungun dan satu lagi di Kuala Berang tamat 31 Disember. Dan insya Allah, kita jika sekiranya mereka tidak sanggup kembali kepada Islam kita tidak akan sambung dan kita akan beri perkara ini kepada MAIDAM supaya dia menjalankan operasi muasassah gadaian Islam. Ini bukan bermakna gagal kita belum

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, jawapan yang diberi tu betul ke dok, ke alasan saja untuk nak mengelak. Sebab maklumat KUSZA tadi dok betul doh, remedia maklumat saya terima telah daftar 17 haribulan empat baru ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kelas remedia, maklumat KUSZA yang diberi Yang Dipertua, kelas KUSZA yang saya tanyakan tadi, pembbohongan dah kepada Dewan ni,

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Apa benda tu?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): tadi Yang Berhormat ada mengatakan kelas remedia KUSZA jelas remedia di KUSZA, tadi saya bangkit tadi ... Yang Berhormat kata belum daftar lagi tapi maklumat yang kita terima, yang terkini telah daftar Khamis baru ni, 17 haribulan empat. Ini satu pembbohongan, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya kata

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jadi jawapan tu saya nampak *lebhong* juga ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya kata belum daftar tu UEL, UEL yang belum daftar lagi. Jadi dengar baik-baik sedikit ... jadi kalau saya salah

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL LBIN WAHID (Wakil Ajil): Dok jelas, Yang Dipertua, ulang sekali lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang saya katakan tadi, yang belum daftar lagi UEL pelajar-pelajar yang tamat diploma sambung kepada program kita dengan UEL (University of East London), itu belum daftar lagi.

23 APRIL 2003

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tapi yang saya faham tadi, Yang Berhormat kata kelas remedia. Saya tanya, adakah 15 orang tu termasuk kelas remedia. Yang Berhormat jawab, remedia belum berdaftar lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Belum masuk kira lagi, belum daftar lagi ... dok habis lagi, belum dimasuk kira lagi.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya difahamkan hari Khamis baru ni telah daftar dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Hak saya difaham lain, saya kabar ni orang bertanggungjawab di KUSZA.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya harap pihak Dewan dapat semak daripada KUSZA.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya difahamkan tu lain ... saya royat hak kenyataan sebenar sekarang ni.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya sahkan, 17 haribulan empat baru ni daftar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya sahkan 17 haribulan empat baru ni telah didaftar kelas remedia.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): 17 haribulan empat ni daftar dah, jadi orang KUSZA beritahu saya dok betullah dok daftar lagi.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dokkan Exco beri jawapan dok betul juga, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Pengarah pergi serah ke Wakil Ajil yang Wakil Ajil tahu detail tu ... Pengarah pergi serah ke Wakil Ajil maklumat tu, ke Wakil Ajil ambil mana?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ni zaman internet, Yang Dipertua, zaman dunia tanpa sempadan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dalam internet tu dok boleh pakai, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Kalau hak orang tulis dalam internet boleh pakai, banyak benda kenanya ... maha firaun orang tulis dalam internet, betul ke? Dok betul ... dok boleh pakai tu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, balik kepada pajak gadai. Belum dilaksanakan katanya, telah pun berunding dengan pemilik-pemilik pajak gadai untuk dijadikan muasassah gadaian Islam. Sebilangan besar yang ditender oleh Kerajaan Terengganu telah dapat kepada pemilik-pemilik bukan Islam. Sanggup ke mereka ini menukarkan cara, prosedur dan sebagainya

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat, tender tu dah baca kelmarin, saya ucap tahniah kepada Wakil Kemasik yang dapat detail jumlah tender itu daripada pihak yang berkenaan. Saya ucap terima kasih kepada pihak yang bagi kepada Yang Berhormat Wakil Kemasik segala maklumat detail pecahan tender itu. Saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat kerana dapat perkara itu secara detail dan saya ucap terima kasih kepada orang yang beri kepada Yang Berhormat Wakil Kemasik. Jadi

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Dato' Yang Dipertua,

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Nanti ... ni giliran saya, kelmarin giliran Wakil Kemasik bercakap dah, ke nak cakap sekali lagi ni? Ni giliran saya cakap, saya nak cakap ... memang kita nak haramkan riba, yang boleh kita haram selalu kita haram selalu. Pajak gadai ni kita tangguh dulu sehingga 13 Disember tahun 2003. Ini kena faham baik-baik, dia pengharaman riba itu dalam Quran dia berperingkat-peringkat

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bermakna ...

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Nanti saya baca dulu, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, nanti saya baca rujukan pengharaman riba. Mula-mula sekali Allah Taala kata yang bermaksud - *Riba yang kamu ambil kamu sangka nak subur kepada harta kamu tetapi dia tidak subur dan tidak laba di sisi Allah Taala. Dan tujuan kamu membayar zakat yang tujuan kerana Allah maka harta mereka itu yang akan diganda.* Itu peringkat awal. Peringkat yang keduanya, menceritakan tentang orang Yahudi yang bermaksud - *mereka mengambil riba, mereka itu dilarang daripadanya dan mereka makan harta orang secara batil.* Itu peringkat yang kedua. Peringkat yang ketiga, Allah Taala kata, yang bermaksud - *Kamu orang yang beriman jangan makan riba cara berlipat kali ganda.* Peringkat yang keempat dan yang terakhir, Allah s.w.t. kata, yang bermaksud - *Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dan tinggallah apa juga bentuk riba, jika kamu beriman.* Ini dah sampai peringkat akhir, kita dah beri tempoh, dia tidak ubah maka sampai 31 Disember itu akhir bagi kita untuk tidak menyambung lesen yang telah diberi kepada mereka itu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tidak mempertikaikan itu tapi mengapa masa ada peluang, masa berpeluang, masa diluluskan oleh Kementerian Kewangan ... peluang tu ada untuk dijadikan muasassah gadaian Islam semua sekali enam ini, tapi tidak diambil peluang ini ... ya lima, satu dapat ke muasassah, tidak diambil peluang ini untuk dijadikan muasassah gadaian Islam. Mengapa tunggu ditender, nak tunggu pula dia dapat lepas tu baru nak tamatkan dia ...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dok habis lagi baca tu, saya nak jawab ni. Memang pada masa itu tender dilulus pada lima itu kepada premis biasa, sistem biasa dengan harapan ... dengan harapan, bukan tak ambil peluang, dengan harapan. Ini zaman peralihan baru menang, kalau kita sekat semua mungkin orang kata tak dok peluang nak berniaga di sini, tak beri peluang untuk dia berbincang untuk pinda kepada Islam dan sebagainya. Ini peringkat peralihan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Laluan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Telemong tunggu dulu sekejap, biar dia jawab.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Dia beri dah. Jadi inilah terbukti gagal seperti Yang Berhormat minta tadi, gagal melaksanakan syariah Islam. Saya sedih juga ni mewakili rakan-rakan saya daripada Dewan-dewan Undangan Negeri lain

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya jawab.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
..... maknanya gagal menjalankan syariah Islam sebagaimana dilaung-laungkan.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): UMNO dulu macam mana. Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Nak pertahan ... saya tengok payah nak mempertahankan riba tadi baca macam-macam tetapi tetap sekarang ni riba dilaksanakan, dukacita bagi pihak Ahli-ahli Dewan yang lain.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya boleh jawab, saya faham dah dia bercakap. Saya boleh jawab, tak dok masalah.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Dato' Yang Dipertua, zaman UMNO dulu

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya jawab ... saya jawab, awak tak usah jawab. Wakil Bukit Besi tak usah jawab biar saya jawab. Jadi memang kita tahu daripada permulaan persidangan Dewan Undangan Negeri, mula-mula bersidang dia kata bila kerajaan nak jalan Hudud, kita kata kita akan jalan, insya Allah. Bersidang sekali lagi, dia tanya pula bila nak jalan Hudud, insya Allah kita akan jalan. Kali yang ketiga dia tanya lagi, saya kata *tidak lari gunung dikejar hilang kabus maka nampaklah ia*. Kemudian dia tanya ... akhirnya dia

23 APRIL 2003

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Yang Berhormat, kita faham semua tu

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Nanti dulu ... nanti
dulu jangan bercakap lagi.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Di bawah bidang kuasa yang ada ... Yang Berhormat jawab lain daripada benda yang sepatutnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua,
saya dok beri laluan, kalau nak berdebat kita keluar dalam Dewan saya dok beri laluan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sabar sedikit Yang
Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat sila bertenang ... beri
kepada Yang Berhormat Manir untuk menjawab.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Masa kita dok buat
Hudud lagi dia kata bila nak jalan, bila kita bentang dia kata kenapa cepat sangat, kenapa dok buat
yang lain dulu. Bila kita bentang, dia kata kenapa tidak gazet lagi, kita kata insya Allah gazet tu
kita ada strategi, kerajaan pun ada strategi dia bila masa, keadaan, waktu dan suasana yang baik.
Lepas tu kita pergi luar negeri, dia kata buat dulu baru nak belajar. Kita royat, bukan nak pergi
belajar ... saya kata kita nak meyakinkan kepada pegawai-pegawai utama kita bahawa yang
dikatkan pelaksanaan syariah, Hudud dan Qisas itu benar-benar berlaku dalam dunia jangan
dianggap sebagai khayal Kerajaan Terengganu saja nak jalan. Dan bila dia tengok ada sungguh,
dia yakin maka boleh jalan. Insya Allah, kita akan warta bila kita warta dia cakap apa kita dok
tahu.

Begitu juga tentang pajak gadai, setakat 31 haribulan dua belas 2003 ni, 5 tu jalan lepas itu kita
ambil tindakan tak jalan. Tunggulah, bukan kita kata nak jalan sekali gus ... dalam manifesto kita
kata, bukan kita nak perintah tiga ni saja metang-metang dia kata dia nak ambil pula tahun depan
ke, begitu begini dia ingat dok boleh jalan tahun ke dok jalan. Lama lagi masa ... jadi manusia
bukan beranak besar selalu, dia ada jalan juga. Kalau beranak berlari selalu, pergi mandi selalu,
pergi pegang cok cangkul selalu dok payah ... ni kita beransur-ansur kita berjalan. Dalam
manifesto ada tapi kita dok royat menang jalan selalu, tak dok. Makna kita akan jalan dalam usaha
kita. Begitu juga bagi tanah, masa kita belum bagi tu rata-rawa dah pergi ceramah ... orang katalah
saya dok dengar ceramah dia, orang kata kalau dok betul tolong betullah. Wakil Telemong, dia
pergi ceramah di Kampung Pelam, Kampung Pelam tu dalam kawasan sayalah ... pasal kita kata,
royat ke orang kampung nak buat tanah kelompok perumahan. Dia pergi ceramah ke orang
kampung, dok cakaplah tuan-tuan kerajaan ni tak dok perancangan, bohong belaka. Lepas tu ukur
dah baru ni bagi.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Laluan, Yang Berhormat Yang Dipertua. Jauh sangat pergi ni. Saya suka tarik perhatian Dewan,

23 APRIL 2003

hasil daripada lima pajak gadai ni RM129,294.00 sahaja diluluskan. Dok payah lulus kepada lima orang ni boleh berniaga lain. Kalau kita laung sangat ... laung-laung syariah Islam, kita laung-laung kita kerajaan Islam orang lain dok Islam, batalkan segera ... batalkan segera banyak ni. apa benda sangat RM129,000. maruah kita, Islam yang kita nak tunjukkan. Bersyarah sedap

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, hak RM120,000 tu macam tak dok saja dengan kita, macam tak dok ... bukan kita nak pitis tu tapi nak didik orang

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dok payah tunggu Disember.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Nanti dulu ... saya nak jawab ni. Saya jawab dulu, jangan bercakap lagi. Awak minta peluang saya beri, jangan cakap-cakap tidak tahu benda begitu. Biar cakap cara orang politik, *gentlemen* sedikit ni cakap macam budak gila cakap benda apa begitu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakil Telemong minta tolong bersopan sedikit ... bersopan dengan Dewan bukan ... antara Yang Berhormat

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Dipertua, saya bersopan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Manir tu soal lain tapi dengan Dewan, Yang Berhormat Telemong kena bersopan.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Dipertua, terima kasih ... terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Jadi Yang Berhormat, kita bukan pandang RM120,000 kita kata jangka peralihan. Jangan pula orang bukan Islam kata, tak boleh nak berniaga duduk dalam negara Islam ni, negeri Islam tak dok kira bicara. Kita kata awak buat dulu kita ubah ... awak boleh ubah sebab kita kata Kelantan boleh ubah pajak gadai konvensional tu diusahakan orang bukan Islam juga dia boleh ubah cara bentuk Islam. Kenapa yang sini tak boleh ubah, itu kita mahu. Lepas tu dia tak sanggup ubah kita bolehlah cara kita, cara Islam. Bukan RM120,000 ... sebut sangat RM120,000, RM500 juta kita tidak kisah. Orang ambil RM500 juta dia mati dah Kerajaan Terengganu, kohoh segar sekarang. Alhamdulillah.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Laluan, Yang Dipertua. Terima kasih Manir. Lain kali jangan minta, minta se ... saya boleh senarai banyak lagi perkara yang gagal. Kita jangan minta lain kali.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat, saya boleh minta ... tapi itu bukan gagal, belum dilaksanakan. Biar reti sedikit bahasa hulu, sama-sama hulu kan.

23 APRIL 2003

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Laluan boleh, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): hak gagal macam kilang garam dulu, buat lepas tu jaga oleh seorang mampus, itu gagal. Ni dok buat lagi nak gagal macam mana, ada ke bahasa ... saya dok tahu siapa ke pakar Bahasa saya nak rujuk di sini.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Laluan, Yang Dipertua. Gagal melaksanakan syariah Islam, yang hari pertama saya nampak dah bila belanjawan tahun 2000 dibentangkan tahun 1999, dengan undang-undang semasa itu untuk pinjaman perumahan kakitangan kerajaan dan juga pinjaman kenderaan. Saya ingat lagi di Dewan yang mulia ini, tak riba dia kata, bukan main lagi Ahli Dewan kita ni. Tetapi ini ... dilulus, dijalan dan dilaksanakan pada masa Kerajaan PAS sekarang ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dia bersyarah ke dia nak minta penjelasan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Saya nak padan pada Yang Berhormat Manir bawa

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, giliran dia nak syarah ke giliran saya hari ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tunggu sekejap, saya nak faham apa yang dia nak kata. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Ya ... saya rasa semua Dewan faham Dato' Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua pun faham

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah habis selesai masalah duduk, duduk

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
.... saya rasa Manir pun faham dia bawa lari saja, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Sebab itu saya mencabar mana yang gagal, dia tak boleh tunjuk yang gagal yang dia tunjuk yang kita tidak boleh lagi. Kerajaan kita bukan berakhir hari ini, ada lagi, kerajaan kita masih berumur lagi, insya Allah kita akan laksanakanlah.

Kemudian ... cakap pasal tiru jadi tiru sokmo kita dok layanlah, dah Hudud dan Qisas tiru siapa, kita nak tanya hak tu. Hak Enakmen dulu saya jawab dah memanglah setakat Pentadbiran Keluarga Islam, setakat begitu begini ... setakat ke bawah tu, setakat bagi harga pesaka, memang zaman penjajah pun dijalan secara Islam. Itu ada sebab-sebab unsur mungkin berlaku ... Tapi bila kita kata Hudud dan Qisas ni kita tiru siapa dia. Tak dok pula nak jawab, Hudud dan Qisas tiru ... tak dok ucap begitu, Hudud dan Qisas nak buat kenapa cepat sangat dan sebagainya. Yang

Berhormat Dato' Yang Dipertua. Kemudian pada hari tu zakat, saya terang dah satu persatu dalam Ucapan Titah sebab lagi zakat. Saya malu nak sebut sekali lagi. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, nak jawab pun jawab hak tu le. Jadi saya tak jawablah. Muasassah gadaian saya kata, insya Allah, muasassah ini akan lahir insya Allah di negeri Terengganu ini dengan izin Allah s.w.t. kalau kerajaan yang ada sekarang ini dipanjang umurnya oleh Allah s.w.t.

Kemudian Maktab Rendah Sains Mara, Wakil Seberang Takir sebut lagi dia kata, tak dok hak Dungun, tak dok hak Besut pun kita boleh pindah tempat yang lebih selesa. Baguslah ... cakaplah begitu kita tak mahu ada di Dungun dan di Besut saja, kita dok kata di tempat orang lain tidak baik tempat kita baik. Masalah penutupan itu berlaku jangan silapkan Kerajaan Negeri, kata Kerajaan Negeri Terengganu tutup, kata kepada pegawai-pegawai kita di peringkat Yayasan tak pandai berunding. Pada halnya ... kenyataannya sama-sama pegawai, sama-sama bersetuju untuk diteruskan, yang tidak bersetuju ialah Menteri saja. Ini satu fakta yang tidak baik yang dibawa ke dalam masyarakat.

Kemudian yang ditimbul oleh Wakil Seberang Takir semalamnya ialah berkaitan dengan jawatan baru. Jawatan baru sebagaimana yang saya terangkan dalam jawapan saya ... soalan lisan Wakil Seberang Takir, saya kata tidak ada jawatan baru yang diwujudkan oleh pihak Yayasan Terengganu cuma yang ada ialah pengubahsuaian dan juga ialah memenuhi kekosongan yang ada. Saya sebut di sini dua tiga perkara, apa yang berlaku di YIT sebenarnya tiada jawatan baru diwujudkan semenjak pemerintahan PAS hingga sekarang. Penjelasan mengenai perkara tersebut adalah seperti berikut:

- 2 jawatan Penolong Pengarah di ibu pejabat seperti yang disebutkan itu adalah merupakan 2 daripada 9 jawatan tersebut yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah YIT sejak tahun 1997 lagi. Sehingga sekarang jawatan tersebut masih 9 tidak berubah, 7 jawatan tetap dan berpcencen dan 2 jawatan sementara yang diluluskan oleh Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Terengganu
- Berhubung dengan 6 jawatan Pegawai Yayasan Islam Daerah pula ialah jawatan yang diubahsuai daripada jawatan Pengetua Pusat Pendidikan. Jawatan Pengetua Pusat Pendidikan Lanjutan Yayasan Islam Terengganu yang telah wujud semenjak Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Zaman BN dulu terdapat 65 jawatan guru yang setaraf dengan Kumpulan A, pada masa itu berlaku persaingan Pusat-pusat Pengajian Yayasan Islam Terengganu dengan pusat-pusat pengajian yang lain dibuka oleh pihak swasta. Kerajaan baru telah mengembalikan semula fungsi YIT dengan mengubahsuai 7 jawatan Pengetua kepada 6 Pegawai Yayasan Islam Daerah dan 59 jawatan guru telah diubahsuai kepada 24 jawatan Penyelaras Yayasan Islam Daerah. Penyusunan dan penyclarasan ini dibuat bagi mengemaskini peranan sebenar Yayasan Islam Terengganu serta menyemarakkan gerak kerja dakwah kepada seluruh rakyat sehingga ke akar umbi tanpa mewujudkan sebarang jawatan baru. Bahkan makin kurang jawatan yang digunakan tetapi lebih berkesan dan menjimatkan perbelanjaan. Untuk makluman juga, jawatan ini adalah jawatan sementara yang dilulus oleh Lembaga saja yakni bukan jawatan tetap dan berpcencen.

23 APRIL 2003

Itu penjelasan saya kepada Wakil Seberang Takir dalam perkara ini.

Dan saya rasa lain-lain perkara yang disentuh oleh sahabat-sahabat saya yang lain seperti untuk memberi kursus kepada Imam dan Bilal, itu semua dalam perancangan dan insya Allah kita akan peringkat lagi pada masa-masa yang akan datang. Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya telah kemukakan usul tadi di bawah Perkara 7.(1A) supaya Dewan ini dilanjutkan. Jadi memandangkan bahawa jika sekali pun Dewan ini dilanjutkan mungkin tidak sempat juga bagi dua orang yang akan menggulung perkara ini. Jadi saya menarik balik usul yang saya kemukakan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat memang masa yang ada sudah tidak mencukupi untuk kita dan kalau ditangguhkan satu jam lagi pun tidak cukup juga. Jadi oleh kerana itu saya juga berpandangan lebih baik Dewan ini ditangguhkan dan akan disambung semula pada esok, Khamis 24 April jam 9.30 pagi. Dewan ditangguhkan dengan *tasbih khafarah* dan *surahtul Ashr'*

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 4.50 PETANG.

**PERSIDANGAN
PADA HARI KHAMIS, 24 APRIL, 2003**

Hari Khamis,
24 April, 2003

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 256]
2. Soalan-soalan Lisan [Muka 260]
3. Usul Yang Telah Diberi Notis
Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Di Raja [Muka 282]
[sambungan penggulungan]
4. Rang Undang-Undang:
 1. *Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) (Pindaan) 2003* [Muka 316]
 2. *Enakmen Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) (Pindaan) 2003* [Muka 319]
 3. *Enakmen Perbelakain Tambahan (2003) (No. 1) 2003* [Muka 344]
6. T A N G G U H A N [Muka 350]
7. **LAMPIRAN A** [Muka 351]
[Jawapan Bagi Soalan Bertulis]

24 APRIL 2003

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

H A D I R

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA

Dato' Haji Husain bin Awang, DPMT.,JP.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, SSMT.

WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Dato' Haji Mustafa bin Ali, DPMT.

WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.

WAKIL MANIR

Yang Berhormat Dato' Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong, DPMT.

WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Chik, SMT.

WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tun Dato' Haji Mohd Salleh bin Abas,

SSM.,PMN.,SPMT.,

WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.

WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Haji Yahaya bin Ali, PJC.

WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Abu Bakar bin Abdullah, PJC.

WAKIL TEPUH

Yang Berhormat Haji Awang bin Jusoh, JP.,PJK.

WAKIL CUKAI

24 APRIL 2003

Yang Berhormat Encik Wan Hassan bin Mohd Ramli, PJK.
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Ismail bin Haji Mamat, PJK.
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Nik Muhammad Zawawi bin Salleh, PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Abdullah bin Mat Dan, PJK.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Dr. Haji Mamat bin Puteh, PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Haji Azman Shapawi bin Abdul Ran, PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Dr. Haji Sulaiman bin Abdullah, PJK.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Haji Mohamad bin Hitam, PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Encik Shaharizukiman bin Abd. Kadir.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak.
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Ismail bin Harun, PJK.
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Hassan bin Mohd Salleh.
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Haji Abdul Aziz bin Haji Abas.
WAKIL KAMPUNG RAJA

Yang Berhormat Haji Mehamad bin Sulong.
WAKIL KIJAL

24 APRIL 2003

Yang Berhormat Haji Roslan bin Haji Ismail,
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Encik Rozali bin Muhammad,
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Encik Md. Azmi bin Lop Yusof,
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah,
SPMT.,DSMT.,PJN.,JSM.,PJC.,PPN.,PJK.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mulia Tengku Putera bin Tengku Awang,
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali,
DPMT.,AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Encik Rosol bin Wahid, PJK.
WAKIL AJIL

24 APRIL 2003

**HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERTHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Y.M. Dato' Ku Abd. Azah bin Syed Alwee,
DSMT..DPMT..PJC..PJK..BLB.

YANG BERTHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Encik Ahmad Kamal bin Md. Shahid

YANG BERTHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Ibrahim *tu* Mat Nor bin A. Rahman,
DPMT..ASM..PJC..PJK..BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Wan Mohd Rubi bin Wan Jusoh, SMT., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dewan disambung dengan sama-sama memohon berkat dan hidayah daripada Allah s.w.t. mulakan dengan membaca umul Quran – Al-Fatihah. Dimulakan dengan soalan-soalan lisan. Persilakan Yang Berhormat Wakil Kemasik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatuallahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua soalan nombor satu saya, saya rasa telahpun dijawab dalam perbahasan dan soalan lisan yang lepas. Saya pergi ke soalan yang kedua –

Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) telah membina Desa Keluarga bagi kemudahan rakyat yang berpendapatan rendah.

- (a) Berapakah jumlah Desa Keluarga yang terdapat di Terengganu dan berapakah yang telah disewakan semenjak tahun 2000.*
- (b) Sebutkan jumlah penyewa yang gagal menjelaskan sewa, bil air dan bil elektrik mengikut pecahan Desa Keluarga semenjak tahun 2000 hingga sekarang dan apakah tindakan yang dikenakan ke atas mereka oleh YPKT.*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Assalamualiakum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Kemasik ingin tahu Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) telah membina Desa Keluarga bagi kemudahan rakyat yang berpendapatan rendah. Soalannya:

- (a) Berapakah jumlah Desa Keluarga yang terdapat di Terengganu dan berapakah yang telah disewakan semenjak tahun 2000.
- (b) Sebutkan jumlah penyewa yang gagal menjelaskan sewa, bila air dan bil elektrik mengikut pecahan Desa Keluarga semenjak tahun 2000 hingga sekarang dan apakah tindakan yang dikenakan ke atas mereka oleh YPKT.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, untuk menjawabnya YPK tidak pernah membina mana-mana Desa Keluarga untuk kemudahan rakyat yang berpendapatan rendah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau YPKT tidak pernah membina Desa Keluarga siapa yang membina keluarga di Marang, Dungun dan di Kemaman, di bawah pengawasan siapa?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini soalan lain saya perlukan notis nak kaji siapa dia yang bina.

24 APRIL 2003

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *sa* ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, membina maksud dalam persoalan ini bukan mendirikan bangunan tersebut, mengendalikan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya baru mengaji hari ni ... membina dengan mengendali sama ertinya. Kalau tanya bagaimana Desa Keluarga ini dijadikan di bawah pengawasan pengendalian urusan YPK, kan senang tu kan. Ni bina *either you become a contractor*, dengan izin *or you become a developer* dengan izin, sama ada kita ni jadi kontraktor ataupun kita *finance*, kita biayai baru orang panggil bina. Mengendalikan, menguruskan kita penyewa tapi kita uruskan bangunan itu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, untuk tidak menghampakan kawan lama saya ni Wakil Kemasik, YPK telah diamanahkan untuk menguruskan penjagaan ke atas empat Desa Keluarga iaitu Desa Keluarga Kuala Terengganu, Desa Keluarga Dungun, Desa Keluarga Kemaman dan Desa Keluarga Setiu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *sa* ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bahagian (b)?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jumlah penyewa yang gagal menjelaskan sewa, bila air dan elektrik adalah sebagaimana berikut.

Desa Keluarga Kuala Terengganu:

Gagal bayar sewa sehingga Disember 2000	-	13 penyewa
Sehingga Disember 2001	-	5 penyewa
Sehingga Disember 2002	-	53 penyewa

Manakala yang gagal menjelaskan bil air dan elektrik:

Sehingga Disember 2000	-	12 penyewa
Sehingga Disember 2001	-	9 penyewa
Sehingga Disember 2002	-	16 penyewa

Desa Keluarga Dungun:

Gagal membayar sewa 2000	-	32 penyewa
2001	-	30 penyewa
2002	-	72 penyewa

Manakala gagal membayar bil air dan elektrik:

2002 ialah	-	3 penyewa
2001	-	9 penyewa
2002	-	16 penyewa

Desa Keluarga Kemaman:

Yang gagal membayar sewa 2000	-	68 penyewa
2001	-	21 penyewa
2002	-	86 penyewa

Manakala yang gagal membayar bil-air air dan elektrik:

2000	-	21 penyewa
2001	-	34 penyewa
2002	-	39 penyewa

Desa Keluarga Setiu disewakan secara pakej kepada Kolej Teknologi Bestari sehingga 30 April, 2005. Tiada tunggakan sewa dan bil elektrik dikesan.

Manakala menyusuli soalnya terhadap tindakan yang dikenakan ke atas mereka-mereka ini, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Desa Keluarga ini lain yang dipakejkan itu dengan izin, diberi kepada orang-orang yang kurang berkemampuan hak untuk mendapat *recovery* dengan izin, ataupun mendapat balik bayaran sewa tertunggak berada pada YPK tetapi kemanusiaan mengatasi tindakan. Urusan kutipan beransur-ansur dengan pendidikan kewajipan mestilah ditunaikan itu didahulukan oleh itu tindakan undang-undang tidak diambil ke atas mereka tetapi usaha untuk mengambilnya dari sudut kemanusiaan telah pun dijalankan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Boleh Yang Berhormat terangkan jumlah ringgit Malaysia atau nilai yang penyewa-penyewa tersebut tidak menjelaskan? Banyak mana yang tak jelas?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya perlu ambil *calculator* mesin kira ... lama dah saya tak kira dengan kepala. Kalau dia beritahu awal-awal saya boleh beritahu pasal ini melibatkan angka, saya rasa tak adil Kemasik tanya saya begitu melainkan dia boleh computerise dia punya kepala.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini menunjukkan bahawa ... saya telah kemukakan soalan ini

24 APRIL 2003

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Bert hormat Kemasik, dia perlu notis ... perkara yang berkaitan dengan angka. Soalan berikutnya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *a*. ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Bert hormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang ketiga –

Sila sebutkan jumlah premis Siber Café yang diluluskan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan apakah Kerajaan Negeri sedar bahawa ada premis yang menawarkan khidmat permainan game yang melalaikan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Bert hormat Dato' Yang Dipertua, MPKT 53, Kemaman 7, Besut 10, Dungun 13, Hulu Terengganu tiada. Setiu tiada, Marang 4.

Kerajaan tidak mengesan secara khusus permainan-permainan yang melalaikan kerana perkataan 'melalaikan' itu terlalu umum. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD *a*. ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih. Yang Bert hormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Persilakan Yang Bert hormat Wakil Ajil.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Bert hormat, soalan yang pertama –

Tabung Darul Iman telah dilancarkan. Sehingga bulan Mac, 2003 harapakah wang yang berjaya dikumpul dan nyatakan bentuk perbelanjaan daripada tabung tersebut

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Bert hormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Ajil ingin mengetahui jumlah wang yang telah berjaya dikumpulkan oleh TDI sejak dilancarkan dan bentuk perbelanjaan.

Jumlah wang yang berjaya dikumpulkan sejak TDI dilancarkan sehingga Mac 2003 adalah sebanyak RM4,287,677.54. Dan bentuk perbelanjaannya adalah seperti berikut:

- (i) Bantuan kebajikan
- (ii) Bantuan perubatan dan rawatan
- (iii) Bantuan mangsa bencana alam ataupun malapetaka
- (iv) Pelbagai bantuan dan perbelanjaan yang lain

Terima kasih

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan, Yang Dipertua. Adakah Ahli-ahli Yang Berhormat membuat potongan gaji untuk didermakan kepada Tabung Darul Iman ini?

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Soalan ini sudah pun ditanya dulu, sekarang dia ulang balik. Sebenar sekali kita telah meminta supaya semua pihak terutamanya di kalangan kakitangan kerajaan dan siapa saja digalakkan memberi sumbangan kepada Tabung Darul Iman ini. Tetapi dari segi wakil rakyat boleh tanya kepada Wakil Ajil sendiri sama ada potong atau tidak elau dia. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, maksud saya wakil rakyat kerajaan. Adakah semua wakil rakyat kerajaan memotong bantuan untuk tabung ini daripada penggajian yang diberikan kepada mereka?

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Dia wakil rakyat bukan saja kerajaan, pembangkang pun wakil rakyat juga. Jadi oleh kerana itu, perlulah kita beri sumbanganlah kepada TDI ini. Saya nak tanya kepada Wakil Ajil, beri ke tidak sumbangan ni? Sebelum kita tanya orang lain, kita sendiri tu ada ke dok beri sumbangan atau tidak?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Exco jawab dulu ... saya tanya dulu. Jawab soalan saya dulu, baru saya jawab soalan yang kedua tu.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Kita ada beri, cuma Wakil Ajil saya dok tahulah beri ke tidaknya.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya ada beri juga.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Kita akan *check* semula sama ada betul atau tidak. Kalau pembohongan berlaku, sangat kesal. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan, Yang Dipertua. Dikatakan tadi bantuan ... antara bantuan yang dikeluarkan daripada TDI ini ialah kebajikan. Adakah ini berlaku suatu pertindihan dengan bantuan-bantuan yang telah diberi oleh Jabatan Kebajikan di negeri ini?

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN WAHID (Wakil Tepuh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebenarnya kita telah membuat suatu penyelarasan dalam pembahagian bantuan ini di antara agensi-agensi kerajaan supaya tidak berlaku pertindihan. Tidak seperti mana yang berlaku di zaman pemerintahan Barisan Nasional dulu banyak pertindihan berlaku, jadi kita telah membuat penyelarasannya. Dan Alhamdulillah dengan penyelarasan ini dapat kita memberi satu pembahagian secara yang adil. Jadi oleh kerana itu tidak timbullah soal pertindihan di antara agensi-agensi yang terlibat dalam pemberian ini. Kecuali jika sekiranya perkara itu tidak mencukupi barulah kita minta daripada agensi yang lain untuk menambah bantuan berkenaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan, Yang Dipertua. Adakah bantuan yang diberi ini dikhususkan kepada parti-parti tertentu kerana di kawasan saya ada sebuah rumah yang kebakaran tapi tidak diberi sumbangan, saya tidak tahu sama ada tidak dilaporkan dan sebagainya. Jadi apakah pilih bulu dalam pemberian bantuan ini?

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Kita apabila melaksanakan dasar Islam dalam pemerintahan, kita merujuk kepada keadilan sosial yang dihendaki oleh Islam. Jadi oleh kerana itu tidak ada suatu ketidakadilan dalam pembahagian ini kerana kita bersedia untuk memberi bantuan kepada semua rakyat negeri kita bukan saja sesama Islam tetapi juga termasuk orang-orang bukan Islam. Jadi tidak timbul umpamanya ada pilih kasih ataupun dengan sebab perbezaan fahaman politik. Mungkin apa yang ditimbulkan oleh wakil daripada Ajil tadi, pihak yang berkenaan tidak memberi maklumat atau membuat permohonan kepada TDI. Jadi kalaulah ketinggalan itu bukanlah boleh disalahkan kepada TDI tapi ini adalah merupakan suatu kesilapan daripada mangsa berkenaan. Oleh kerana itu, kalau ada mana-mana pihak yang memerlukan bantuan daripada TDI, kita persilakan dengan seluas-luasnya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, di sini saya nak betul sedikit apa yang dikatakan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan dah habis. Seteruskan kepada soalan .

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): ... saya nak betulkan kenyataan itu. Saya rasa bukan salah mangsa itu mungkin JSR di tempat itu tidak bekerja barangkali.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskan kepada soalan ... soalan tambahan telah ...

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan yang kedua, Yang Dipertua –

Apakah definisi takrif Khatib Tamu dan siapakah yang berhak mengeluarkan surat kebenaran kepada khatib-khatib tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Wakil Ajil ingin tahu definisi ataupun takrif Khatib Tamu dan siapakah yang berhak mengeluarkan surat kebenaran kepada khatib-khatib tersebut.

Khatib Tamu yang didefinisikan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama ialah mereka-mereka yang dilantik oleh pihak pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu untuk berkhotbah dan

mengimani sembahyang Jumaat di mana-mana masjid dalam negeri ini dan orang itu bukan dari kalangan Imam atau Khatib yang telah sedia ada di masjid berkenaan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan, Yang Dipertua. Menggunakan Enakmen mana pelantikan Khatib Tamu ini didefinisikan ataupun takrifkan itu? Kalau boleh sebutkan fasal berapa?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Sekarang ini guna Enakmen barulah, Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 2001.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Fasal berapa, Yang Dipertua? Sebab saya semak tak dok Khatib Tamu ni. Boleh sebut fasal.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Fasal 169.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Boleh cuba baca fasal tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Enakmen ini kita dah bahas dah dulu ... dok payah bahas sekali lagi.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ini suatu pembohongan, Yang Dipertua, satu pembohongan ... kalau boleh nak menjelaskan bahawa itu bukan pembohongan saya mohon Dewan yang mulia ini wakil kerajaan membaca fasal tersebut ... 169 tadi tu, ke seratus berapa tadi tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dok apa dia nak kata bohongpun saya jawab begitu.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): 169 ya? Fasal berapa boleh ... kalau tidak menjadi kesalahan saya minta ulang lagi sekali fasal ke-169?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): 169 hak lama.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Hak lama? 2001 ke ... hak lama hak mana pula tu. Saya dok faham ... *saya confuse*, Yang Dipertua, saya kurang jelas boleh tolong perjelaskan di Dewan yang mulia ini. Hak lama ke, hak baru ke?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Mengikut Enakmen baru, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, enakmen ... jadi kita pakai enakmen baru. Jadi nak tahu nombor berapa tu kena rujuk semulalah sebab apa kita dah bahas dah dulu. Jadi nak bahas sekali lagi dok tu

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bukan timbul isu bahas dok bahas. Yang Dipertua. Nampak di sini satu pembohongan ... tadi kata hak baru, hak lama, keluk kelek di sini. Saya pohon penjelasan, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dok apa keluk kelek pun. lawan dengan orang keluk kelek, kita kena lawan dengan kekuk kelek juga.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya pohon mengesahkan, Yang Dipertua, ini pembohongan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, dia beri penjelasan semula. Kalau sekiranya tak betul, tak apalah.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sebelum itu Yang Dipertua, saya mahu 169 itu lama ataupun Enakmen 2001.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya kata, yang kita pakai sekarang hak Enakmen 2001.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Betul atau tidak, saya katakan fasal 169 Enakmen 2001 begitu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): 169 tadi hak lama, hak pakai sekarang ialah 2001. Mungkin saya tersilap cakap, saya kata 169 tu hak lama sekarang pakai hak baru.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Fasal berapa Enakmen baru, saya pohon penjelasan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dah payah fasallah, saya tak nak kabar fasal. Soal asalnya Khatib Tamu, fasal tu soalan tambahan jadi saya perlu notis.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dato' Yang Dipertua, tadi dia sebut dan disahkan oleh Yang Dipertua, fasal 169. Jadi kita minta dia baca tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bila saya sah?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya kata yang lama, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Jadi boleh jadi saya salah cakap.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Telemong jangan tuduh membabit

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Kita nak minta, jangan cakap tak *clear* di Dewan ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Telemong mengatakan saya mengesahkan, bila saya mengesah? Ini satu tabiat tidak baik, cukuplah berbahas dengan Exco dengan Ahli Dewan, janganlah saya dibabitkan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya minta tadi ... kita semua dengar dan Yang Dipertua angguk tadi, disebut oleh Wakil Manir 169.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Angguk apa? Taklah saya gerak kepala tak boleh.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya nak tanya Yang Dipertua, adakah Dato' Yang Dipertua tadi dengar 169?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya dok tahu, saya dok dengar. Saya tak pasti juga.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Allahuakhbar, saya ingin menarik perhatian Dewanlah, dukacita dengan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta supaya Yang Berhormat jangan mengatakan saya telah memperakui. Itu ayat Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya tarik balik ayat itu tetapi kita semua dengar tadi Yang Dipertua, termasuk Yang Dipertua saya rasa dengar 169 disebut oleh Wakil Manir sebentar tadi. Adakah Yang Dipertua dengar?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya dok pasti.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Inilah satu kenyataan kerajaan yang tidak bertanggungjawab, saya rasa di atas jawapan yang kita pohon dengan ikhlas di Dewan yang mulia. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Dipertua, saya masih tidak berpuas hati dengan apa yang dijawab, sekali 169 enakmen lama kemudian kaitkan dengan enakmen baru. Jadi yang mana satu saya nak pegang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Ajil dia minta notis tadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mengikut kaedah undang-undang iaitu walaupun tidak disebut dalam enakmen lama 169.1 dan enakmen baru tidak disebut secara jelas. Tetapi oleh sebab enakmen baru ni

perpindahan kerja-kerja kepada Majlis. Majlis boleh membuat keputusan menyerahkan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu. Jadi oleh sebab itu atas budi bicara dia, dia boleh buat cara pelantikan ini, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nampak jawapan agak berbelit-belit. Adakah enakmen lama masih terpakai setelah digazet enakmen baru? Jadi kalau masih terpakai, saya nampak ada berlaku suatu pertindihan tugas ataupun pertindihan kuasa yang akan menimbulkan lagi kecelaruan kepada mereka yang terlibat dengan hal ehwal agama ini. Inilah contoh kecelaruan, Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita kuasa daripada Majlis diperturunkan kepada Pejabat Agama. Jadi tak dok masalah Majlis telah buat keputusan turun kepada Pejabat Agama. Maksudnya jabatan boleh atas budi bicara bertindak bagaimana cara nak diberikan Khatib Tamu itu. Tidak semesti disebut secara jelas dalam mana-mana fasal, itu kaedah perundangannya. Tidak semua perkara-perkara yang ... tambah dalam pentadbiran itu disebut secara terang dan jelas dalam mana-mana enakmen. Itu kebijaksanaan pentadbiran saja.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya nampak jawapan yang amat tidak berwibawa

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan sudah habis.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya cukup tak puas hati, Yang Dipertua, sebab saya nampak pihak kerajaan keluk kelek dan menjawab ini ... kerana mungkin tidak memahami soalan ataupun cuba nak lari.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Ajil,

YANG BERTHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua, bila pembangkang ni puas hati? Memang dok puas hati sokmo.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tadi definisi 'Khatib Tamu' jadi saya berikan definisi khatib tamu. Lepas tu dalam enakmen mana, itu ... itu pun budi bicara saya nak jawab, saya tak nak jawab pun tak apa dah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Ajil, soalan berikutnya

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Eritanya Yang Dipertua, kita dapati di sini bahawa dalam enakmen baru tidak disebut pun, saya ulang lagi sekali, tidak disebut pun berkenaan dengan 'khatib tamu', betul atau tidak?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan berikutnya, Yang Berhormat. Soalan tambahan dah habis.

24 APRIL 2003

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Benda dok selesai lagi, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan dah habis.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Macam mana dah habis jawapan dok selesai dalam Dewan yang mulia ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan dah tamat. Saya dah pastikan bahawa peruntukan tiga saja soalan tambahan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Cukup tidak berfungsi Dewan ini, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, itu atas penilaian Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya minta Yang Dipertua, bertindak adillah walaupun kami empat orang tapi kami mewakili rakyat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Insya Allah, saya akan berlaku sampai bila-bila.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tapi saya nampak dua tiga hari ni wujud keadaan yang amat saya ... diraguilah. Soalan yang ketiga, Yang Dipertua –

Senaraikan nama-nama pondok/Institut/Madrasah/Pusat Pengajian yang mendapat bantuan wang zakat serta namakan siapakah pengasas tempat-tempat tersebut dan jumlah sumbangan setiap satu pada tahun 2000, 2001 dan 2002.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Ajil dalam soalan ketiganya ingin mendapat nama-nama pondok/institut/mardrasah/pusat pengajian yang mendapat bantuan wang zakat serta namakan siapakah pengasas tempat-tempat tersebut dan jumlah sumbangan setiap satu pada tahun 2000, 2001 dan 2002.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, untuk menjawab ialah seperti berikut:

1. Pusat Latihan Ihsan iaitu PULIH, Jalan Batu Tumbuh, Alur Lintang, Besut, Terengganu. Pengasasnya ialah Tan Sri Dato' Dr. Haji Mohd Yusoff bin Haji Mohd Noor. Bantuan yang diberi pada tahun 2000 ialah RM15,000, 2001 RM15,000, 2000 RM15,000.
2. Rumah Kebajikan Kanak-Kanak Yatim Islam Terengganu (Darul Falah), d/a Persatuan Kebajikan Islam (PERKASA) Terengganu. Pengasasnya Allahyarham

24 APRIL, 2003

Dato` Haji Mohd Salleh bin Haji Awang (Dato` Setia Jasa). Bantuan yang diberi pada 2000 ialah RM40,000, tahun 2001 RM40,000 dan 2002 RM40,000.

3. Madrasah Al-Falahiah Kerandang, Kg. Pondok Paku, Kerandang, Jerneh, Besut, Terengganu. Pengasasnya Tuan Haji Najmuddin bin Mohamad. Bantuan tahun 2000 RM20,000, tahun 2001 RM20,000 dan 2002 RM20,000.00.

Jadi ingatan Wakil Ajil kali ini bagus, dia tidak catat saya tulis. Jadi maknanya angka tu dia tak berapa perlu barangkali.

4. Madrasah Mazahirul Ulu, Kg. Binjai Bongkok, Bukit Payung, Marang. Pengasasnya Jawatankuasa Masjid Kampung Binjai Bongkok, Bukit Payung, Marang. Bantuan yang diberi 2000 RM10,000, 2001 RM10,000 dan 2002 RM10,000.00.
5. Pondok Remaja Inabah II (P.P. Pesantren Suryalaya), Kampung Sungai Ikan, Jalan Kelantan, Kuala Terengganu. Pengasasnya Allahyarham Ustaz Haji Mohd Usman bin Haji Abd. Latif. Bantuan tahunan 2000 tak ada, 2001 RM30,000 dan 2002 RM30,000.000.
6. Madrasah Darul Taqwa Pekan Batu Enam, Kuala Terengganu. Pengasasnya Dewan Ulama` PAS Negeri Terengganu. Tahun 2001 RM50,000, tahun 2002 RM50,000.00.
7. Madrasah Darul Ihsan Kubang Lembek, Manir, Kuala Terengganu. Pengasasnya ialah Markas Tarbiah PAS Kampung Kubang Lembek. Bantuan 2000., zakat tak ada 2000, 2001 RM50,000, 2002 RM50,000.00.
8. Ma`had Darul Quran, Masjid Rusila, Marang, Terengganu. Pengasasnya ialah Jawatankuasa Masjid Kampung Rusila, Marang, Terengganu. Bantuan diberi tahun 2000 tak ada, 2001 RM50,000, 2002 RM50,000.00.
9. Pondok Altaqwa Padang Luas, Jerneh. Pengasasnya Ustaz Haji Abas bin Said dan Lembaga Tadbir Pondok Attaqwa. Tahun 2000 tak ada bantuan diberi, tahun 2001 RM50,000, 2002 RM50,000.00.
10. Sekolah Rendah Islam Darul Taqwa, Jalan Injen Gergaji, Kemaman. Pengasasnya Cikgu Yusof bin Tahir. Tahun 2001 RM50,000, tahun 2002 RM50,000.00.
11. Maahad Tahfiz Wal Tarbiyyah Darul Iman, Jalan Kelantan, Tok Jiring, Kuala Terengganu. Pengasasnya ialah Institut Berakan. Bantuan diberi pada tahun 2000 tak ada, 2001 tak ada, tahun 2002 RM50,000.00.

12. Pusat Pengajian Taman Islam, Jalan Bakau Tinggi, Cukai, Kemaman. Pengasasnya Ustaz Haji Mohd Zawawi bin Abdullah. Bantuan diberi tahun 2001 RM50,000, 2002 RM50,000.00.
13. Kolej Universiti Darul Quran Islamiyyah, Kampung Kubang Lembek. Pengasasnya Dewan Ulama' PAS Negeri Terengganu. Tahun 2001 RM50,000, 2002 RM50,000.00.
14. Maahad Darussalam, Belakang Masjid Losong Haji Mat Shafie. Pengasasnya Dato' Haji Mohd Ghazali bin Ahmad. Bantuan tahun 2001 RM50,000, 2002 RM50,000.00.
15. Institusi Pengajian Darul Bayan (Pondok Pinang Merah) Paka, Dungun. Pengasannya ialah Y.B. Haji Satiful Bahari bin Mamat. Bantuan diberi 2001 RM50,000, 2002 RM50,000.00.

Sekian, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan, Yang Dipertua. Adakah duit-duit yang dikeluarkan ini adalah daripada duit zakat ataupun duit bantuan sumber-sumber lain.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, soalan itu tidak berbangkit sebabnya dia tanya tadi, kalau cerdiklah sedikit, senaraikan nama-nama pondok/institut/madrasah/pusat pengajian yang mendapat wang zakat. Saya pun cerita lagi ... duit zakat ke dok. Cerdik ke dok cerdik lagu tu?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Nak *test*, Yang Dipertua. Soalan tambahan, Yang Dipertua. Ada rumah-rumah ataupun pondok-pondok/institut dan pusat pengajian ini yang mendapat RM15,000, ada yang RM20,000 dan yang banyak yang RM50,000. Betul atau tidak kalau saya katakan bahawa bantuan RM50,000 itu diberi kepada pondok-pondok yang pro kepada pemerintahan Kerajaan Negeri?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tidak begitu kita beri berdasar kepada banyak sedikitnya pelajar dan berdasar kepada keperluan perbelanjaan dia. Ada yang kita beri ... umpamanya Darul Ulum tu sedikit RM10,000 sebab apa RM10,000, sebab sekolah ni juga pada masa-masa yang lalu dia dapat bantuan per-kapital daripada Kerajaan Persekutuan, jadi kita tambah sedikit sajalah.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan, Yang Dipertua. Adakah pihak kerajaan mempunyai suatu jadual bantuan ini, ertinya macam per-kapital bantuan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dok berapa faham.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Adakah kerajaan ada suatu jadual ataupun suatu peraturan dalam pemberian wang ini, ertinya kalau murid banyak ni nisbah banyak ni bayarannya ataupun beri secara *token* sekali gus macam tu?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Setakat ni kerajaan buat secara geran tahunan saja, RM50,000, RM30,000 berdasar kepada keperluan kalau ... umpamanya 2003 kita naik 20%, sebab berdasar kepada kos perbelanjaan yang bertambah.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tu baru jawab comel, Yang Dipertua. Terima kasih banyak.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Seberang Takir.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

Adakah kerajaan bercadang hendak mengadakan semula Tabung Kebajikan Nelayan Terengganu yang telah dikosongkan semenjak tahun 2000?

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Soalan yang dikemukakan oleh Wakil Seberang Takir ialah adakah kerajaan bercadang hendak mengadakan semula Tabung Kebajikan Nelayan Terengganu yang telah dikosongkan semenjak tahun 2000.

Saya mengambil kesempatan di sini, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua untuk memaklumkan dari segi rancangan kerajaan terhadap nelayan dan petani miskin ialah untuk mengurangkan kadar kemiskinan yang selama ini memang menjadi suatu masalah besar di dalam negeri. Dan untuk makluman Dewan, Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar telah meminta dengan serius daripada semua portfolio dan juga agensi kerajaan untuk memberikan tumpuan bagi menyelesaikan atau mengurangkan kadar kemiskinan setelah kerajaan berjaya menyelesaikan masalah tanah.

Jadi dalam konteks nelayan, memang kerajaan berhasrat untuk mengadakan tabung bagi membantu nelayan dengan cara melibatkan mereka di dalam koperasi-koperasi yang bolehlah disifatkan sebagai koperasi pembangunan. Ini bertujuan untuk membolehkan adanya dana kopratif bagi membantu mereka. Dan juga dalam hal ini suka saya maklumkan kita telah pun memulakan program ini di Kijal di bawah Koperasi Al-Falah. Bagi malapetaka dan juga keperluan terdesak yang lain, para nelayan setakat ini boleh memohon daripada Tabung Darul Iman. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa terdapat sebelum Kerajaan PAS berkuasa satu tabung yang dinamakan Tabung Kebajikan di mana nelayan-nelayan yang terlibat di dalam kemalangan, malapetaka dan sebagainya boleh memohon bantuan daripada sini. Jadi sekarang saya difahamkan bahawa tabung ini kosong oleh sebab soalan

yang pertama itu ditujukan kepada Yang Berhormat. Jadi saya rasa jawapan Yang Berhormat yang panjang itu tidak menepati soalan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Terima kasih. Yang Berhormat Yang Dipertua, itu kerajaan dulu ini kerajaan baru. Kita ada polisi yang baru sepadan dengan dasar, sepadan dengan kemampuan kerajaan sekarang ini. Tidak ada makna juga kerajaan meneruskan tabung yang terdahulu itu yang tidak pernah pun menyelesaikan masalah nelayan. Kita mesti membuat sesuatu yang baru yang boleh menyelesaikan masalah mereka. Semua orang tahu masalah nelayan tak selesai.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Soalan tambahan yang kedua, Dato' Yang Dipertua. Jadi begitu rupanya, soalan saya adakah kerajaan bercadang nak meneruskan fungsi tabung itu? Pendek saja bunyinya.

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Itu soalan lain. Sekarang ni matlamat sama di antara kerajaan dulu dengan kerajaan sekarang sama saja. Tapi pendekatan dan juga kaedah pelaksanaannya atau strateginya adalah berbeza. Jadi oleh kerana itu untuk meneruskan fungsi tidak menjadi masalah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan yang ketiga, lagi pendek. Adakah kerajaan bersetuju mengisih semula tabung ini?

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Kita ada cara lain yang lebih baik.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua –

Tidakkah kerajaan bercadang untuk mengadakan Tabung Kebajikan PETANI TERENGGANU? Kalau ada bagaimana asas dan bentuknya?

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan Wakil Seberang Takir yang kedua berbunyi – Tidakkah kerajaan bercadang untuk mengadakan Tabung Kebajikan PETANI TERENGGANU? Kalau ada bagaimana asas dan bentuknya?

Ya, kerajaan bercadang tetapi asas dan bentuknya itu kalau dapat saya sebutkan di sini, kita guna dua asas iaitu satu asas korporat, satu asas koperatif.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah yang disebutkan ada itu masih dalam khayalan, masih dalam kepala atau sudah pun dirancang dengan tertibnya, Dato' Yang Dipertua? Itu yang saya nak tahu.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Bila sebut ada ni dari segi hukumnya ... dari hukumlah satu ada dalam kepala, Arab kata *fizihni* wujud dalam *zihni*. Yang kedua, minta dengan izin Yang Dipertua, yang kedua ada di dalam kewujudan telah ada dah. Jadi yang ditanyakan sekarang ini ialah sama ada kerajaan bercadang mengadakan, maknanya yang bertanya tu tahu dah memang tak dok lagi tapi saya jawab ada. Walau bagaimanapun, untuk nak meyakinkan semua pihak yang di dalam Dewan ini, sebenarnya kerajaan memang serius di dalam menangani masalah ini. Sebenarnya beberapa program khusus telah dilakukan dan program ini membabitkan suatu penyusunan kerja di peringkat mukim-mukim ataupun mungkin kita boleh sebutkan sebagai di peringkat Dewan Undangan Negeri. Sebenarnya telah wujud dalam mewujudkan tabung secara koperatif tadi di semua peringkat, telah ada usaha ini. Dalam perkara petani dan nelayan sekali, sehingga sekarang telah ada 9 bentuk tabung koperatif yang telah pun ditubuhkan dalam perjalanan dan yang bakinya sedang menunggu. Kemudian dari segi tabung korporatnya ini masih dalam gagasan, usaha sedang dibuat dan diharap insya Allah semua pihak akan dapat memberikan kerjasama kepada suatu bentuk dana korporat bagi menyelesaikan tanggungjawab sosio-ekonomi mereka dan dengan ini dapat membantu nelayan. Dan ini kita harap syarikat-syarikat besar, syarikat-syarikat gergasi juga akan terbabit. Kita harap begitu yang selama ini mereka memang mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap nelayan. Wallahualam, dan petani sekali.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, nelayan ke petani?

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Ya, saya sebut petani sekali. Sebenarnya petani ni, pertanian ini termasuk nelayan. Jadi bila sebut tu makna sekali guslah. Saya soalan ni pun memang sajalah jadi dua, kalau satu pun tak apa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang Dipertua, pada mulanya saya

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tadi Yang Berhormat telah bilang soalan sendiri, satu ... tambahan pertama, tambahan kedua, tambahan ketiga. Habis dah tu, Yang Berhormat bilang dah pun soalan tadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Tambahan kepada soalan saya yang kedua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Habis dah ... yang keempat dah.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat, saya celah, belum lagi. Ini soalan dua baru satu soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya?

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Ini soalan dua ... itu saya kata tadi patutnya soalan ni satu saja, dia pecah jadi dua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Oh ya ... ya ni hal petani, minta maaf Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Jadi hak saya ke atas soalan dua masih ada lagi. Mengaku tu ... terima kasih. Jadi soalan tambahan, mulanya Yang Berhormat, saya mengaku keseriusan kerajaan tapi bila Yang Berhormat yang berkenaan jawab ditafsirkan ada ke pada wujud, wujud ke tiada begitu begini, kita pun rasa tak berapa serius, ada sekali dalam gagasan, ada sekali telah diperincikan. Saya tak nampak seriusnya kerajaan dalam mengadakan tabung ini, itu yang saya katakan. Itu bukan soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

Soalan yang ketiga.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tidak ada soalan, Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Ini tak betul ni, cara ni Yang Berhormat. Dia komen tu satu soalan jugalah, saya kena jawablah ... saya kena jawab komen tu.

Saya ingat sebenarnya pendekatan kerajaan hari ini berbeza dengan kerajaan dulu. Kerajaan dulu pendekatan dia satu program *ad-hoc* melalui fund yang diberikan kepada orang politik, orang politik pergi tabur bantuan cari pengaruh politik. Ini kerajaan dulu, sampai sekarang pun masih dibuat melalui Dana Khas. Yang kedua kerajaan dulu buat bantuan secara *departmental*, kerajaan diberikan peruntukan kepada jabatan, jabatan diberikan peruntukan melalui peruntukan itu diberikan bantuan. Ada juga bantuan yang dikeluarkan oleh Pejabat Menteri Besar berdasarkan kepada rekomen politik. Jadi itu pendekatan dulu. Pendekatan sekarang kerajaan mengambil langkah mewujudkan suatu usaha sama di antara kerajaan melalui jabatan, swasta melalui syarikat-syarikat perniagaan dan golongan korporat. Yang ketiganya melalui NGO dan orang ramai dan dengan ini mereka memberikan bantuan dan sumbangan dalam berbagai bentuk. Bila kita kata nak membangunkan nelayan, nak membantu nelayan, nak membantu petani bukan makna duit saja mesti turun, sekurang-kurang tiga perkara berkaitan dari segi kesedaran mereka, dari segi prasarana dalam masyarakat dan dari segi projek-projek yang mereka boleh lakukan dan bangunkan. Jadi kalau nak bincang soal senarai projek dan sebagainya itu pun banyak juga, ada juga. Tetapi sekarang kita nak memahamkan kepada Yang Berhormat dan juga kepada Dewan tentang langkah kerajaan jadi tidak timbul soal tidak serius. Kalau nak tahu serius tak serius kita tengok kepada kesannya ... kita tengok kepada kesannya. Dan saya yakin kesannya kepada nilai hasil atau KDNK, negerilah yang dibuat secara anggaran di peringkat negeri dan berdasarkan kepada jumlah projek yang ada, dan berdasarkan kepada jumlah orang yang terlibat dan keluasan kawasan yang terbabit dengan projek. Saya yakin masalah ini telah banyak mengatasi berbanding dengan dahulu. Ini serius bukan main-main. Wallahualam.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan yang ketiga dikemukakan tadi, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO` HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Ya, soalan yang ketiga. Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua -

Apakah rancangan-ancangan Kerajaan Negeri Terengganu untuk meningkatkan taraf hidup nelayan? Sejauh manakah berpuluh-puluh program yang telah dinyatakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Perikanan Negeri Terengganu dalam Sidang Pertama Penggal Pertama dahulu mengeluarkan hasilnya sekarang?

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Seberang Takir yang memang mengingatkan saya di dalam tanggungjawab bahkan tanggungjawab ini sebenarnya menjadi ingatan kerajaan terus menerus. Sebab itu di dalam persidangan Dewan yang dahulu aya menggariskan satu senarai 33 perkara, campur satu perkara yang berkaitan dengan tabungan ataupun dana pembangunan pertanian. Jadi di dalam soalan ini Yang Berhormat Seberang Takir ingin mengetahui rancangan-ancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan taraf hidup nelayan. Itu saya, seterusnya sejauh manakah berpuluh-puluh program yang telah dinyatakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Perikanan Negeri Terengganu dalam sidang pertama penggal pertama dahulu mengeluarkan hasilnya.

Ini pun lebih kurang sama juga sebenarnya soalan-soalan yang dibangkitkan dalam konteks rancangan-ancangan kerajaan. Maka saya di sini suka nak sebutkan rancangan ini sebenarnya luas daripada matlamatnya sampai kepada strateginya dan sampai kepada pendekatannya. Pendekatan tu pula berbeza antara satu projek dengan satu projek dan kemudian pergi kepada senarai projeknya. Jadi saya fikir di sini saya mengemukakan dari segi matlamat dan strategi yang diambil, iaitu pertama dari segi matlamatnya meningkatkan pengeluaran ikan, yang kedua menguruskan sumber perikanan secara mampan, yang ketiga membangun dan meningkatkan industri perikanan, yang keempat meningkatkan pendapatan pengusaha.

Dari segi strategi atau kaedahnya, iaitu:

1. Menggalakkan pembangunan mampan
2. Memulihkan sumber-sumber perikanan
3. Mewujudkan kemudahan infrastruktur
4. Menggalakkan penggunaan teknologi moden
5. Membangunkan semula penempatan nelayan
6. Mendalamkan muara sungai
7. Membangunkan industri pemrosesan hasil laut

Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO` HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, soalan tambahan. Begitu banyak rancangannya, apa hasilnya sekarang?

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Saya mempunyai senarai projek yang panjang dan saya yakin dari segi hasil seperti yang saya sebutkan tadi, iaitu apa yang telah dikeluarkan dari segi pengeluaran. Sebelum daripada ini sekitar RM630 juta nilai pengeluaran, sekarang sekitar RM700 juta seperti yang kita sedia maklum. Dan yang jelasnya projek-projek yang terbengkalai yang memang *totally* habis, *out* dah tidak boleh nak dibuat apa seperti roselle. Kita telah memulihkan projek itu dengan sebaik-baiknya dan dari segi penempatan nelayan kita telah buat satu penempatan nelayan yang baru di Kijal. Itu sebagai contoh hasil-hasil yang saya sebutkan.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan, Yang Dipertua. Semalam diterangkan pendapatan sebanyak RM700 juta lebih adalah sumber menunjukkan peningkatan. Apa yang saya ingin kemukakan di sini adalah yang jelaskan kelmarin berkaitan dengan pertanian tersebut termasuk sumber daripada kelapa sawit dan juga getah. Bagaimana kalau kita asingkan kelapa sawit dan getah ini tidak termasuk dalam sumber untuk petani dan nelayan ini?

YANG BERTHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN CHIK (Wakil Batu Rakit): Saya telah sebut kelmarin pecahannya satu-satu, KDNK untuk perikanan saja RM500 juta lebih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Persilakan Yang Berhormat Rantau Abang.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama –

Sila nyatakan kadar kemasukkan pelancong dari dalam dan luar negara mengikut bulan bermula Januari hingga Disember 2002?

YANG BERTHORMAT HAJ WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jumlah kemasukkan pelancong dari dalam dan luar negara mengikut bulan bermula Januari 2002 hingga Disember 2002:

Bulan	Pelancong Tempatan	Pelancong Asing
Januari	81,671	3,055
Februari	88,338	4,186
Mac	100,979	5,481
April	127,165	9,156
Mei	126,987	14,716
Jun	140,435	21,895
Julai	138,505	23,458
Ogos	128,045	24,324
September	107,756	9,920
Oktober	90,659	4,892

24 APRIL 2003

November	65,990	2,159
Disember	80,141	1,907
JUMLAH	1,276,671	125,148

Terima kasih, Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Soalan tambahan. Daripada angka yang dinyatakan tadi bermula bulan Jun sehingga September, kita melihat suatu peningkatan kadar kemasukkan pelancong. Apakah peluang yang diambil oleh Kerajaan Negeri pada masa tersebut untuk memberi kesedaran ataupun maklumat berkenaan dengan Kerajaan Negeri terutama kepada pelancong-pelancong asing?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, sebahagian daripada usaha-usaha yang dibuat ialah pakej-pakej yang dilakukan dan sebahagiannya mendapat penerangan dan taklimat di Wisma ini berkaitan dengan program-program Kerajaan Negeri. Ada juga yang kehadiran pelancong ini melalui usaha-usaha yang dibuat oleh pihak swasta dan juga program-program dan aktiviti di bawah kerajaan. Kita mengambil peluang di mana yang kita boleh ambil ialah kita juga mengadakan tazkirah kadang-kadang dalam program dan aktiviti kerajaan dan juga dalam program-program yang berkaitan yang dibuat di peringkat Kementerian menarik kehadiran pelancong ini juga, kita masukkan dalam ucapan-ucapan yang dibuat dengan memberikan juga apa yang dibuat oleh Kerajaan Negeri. Walaupun usaha ini adalah satu usaha yang berterusan jadi peluang-peluang itu akan sentiasa diambil oleh pihak kerajaan, insya Allah.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telepong): Soalan tambahan, Dato` Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI (Wakil Rantau Abang): Soalan tambahan. Apakah setakat ini timbul satu rungutan daripada pelancong asing berkenaan dasar Kerajaan Negeri ataupun sikap Kerajaan Negeri menutup tempat-tempat hiburan dan larangan minuman keras secara terbuka. Adakah timbul satu rungutan daripada pelancong asing?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Setakat ini kalau kita lihat dari jumlah kehadiran pelancong asing ini sebenarnya mereka datang ke Terengganu ini mencari kelainan dari tempat mereka yang sedia ada kerana kalau mereka hendakkan hiburan ataupun jenis-jenis yang telah disebut oleh Wakil Rantau Abang itu, tentulah di tempat mereka lebih banyak. Apa yang kadang-kadang di antaryalah, rungutan atau kompelin yang kita dapat setelah mereka pulang ialah mereka datang ke sini untuk mencari ketenangan, keheheningan dan kadang-kadang apa yang ditawarkan melalui pakej tidak menepati dengan kehendak mereka itu, itulah yang mereka tulis kepada Kerajaan Negeri. Setakat ini memang tidak ada rungutan kerana pelancong asing ini adalah ... biasanya apabila kita menerangkan dasar-dasar negeri mereka boleh ikut kerana mereka adalah berdisiplin. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tambahan, Dato' Yang Dipertua. Selain daripada pendaftaran kedatangan pelancong ini, bagaimana agaknya kaedah untuk memastikan ketepatan jumlah sebenar kehadiran pelancong berkenaan?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Bagi Negeri Terengganu memang kita menghadapi masalah untuk mendapat data sebenar atau data tepat sebab kita tidak mempunyai pendaftaran di pintu masuk iaitu melalui Kelantan ataupun Pahang. Jadi jumlah ini diambil berdasar kepada penginapan yang dibuat oleh pelancong iaitulah di hotel-hotel, itu pun tidak semua hotel, hotel utama saja yang kita ambil. Jadi angka ini berdasarkan kepada angka sebenar memang tidak dapat kita buat kerana telah dibincangkan juga berkaitan dengan ketepatan data ini kerana tak dapat kita buat kerana tidak ada satu pengumpulan data di pintu masuk, inilah yang menimbulkan masalah. Walau bagaimanapun, kita ambil ini berdasarkan kepada hotel-hotel utama penginapan yang dibuat. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Persilakan Yang Berhormat Kampung Raja.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan pertama sudah dijawab dalam soalan bersama semalam. Soalan kedua –

Asas pentadbiran Negeri Terengganu ialah "Syura". Sejauh manakah keberkesanan dan perubahan yang dikenal pasti kerana daripada dasar "Syura" yang telah diperkenalkan itu semenjak daripada Kerajaan Barisan Alternatif pimpinan PAS memerintah Negeri Terengganu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai kerajaan, para pemerhati hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian. Soalan Yang Berhormat Kampung Raja berbunyi – Asas pentadbiran Negeri Terengganu ialah "syura". Sejauh manakah keberkesanan dan perubahan yang dikenal pasti kerana daripada dasar "syura" yang telah diperkenalkan itu semenjak daripada Kerajaan Barisan Alternatif pimpinan PAS memerintah Negeri Terengganu.

Suka saya menegaskan bahawa pemerintahan secara *syura* dan pentadbiran secara *syura* adalah perintah daripada agama yang terkandung di dalam al-Quranulkarim dan diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. Firman Allahutaala yang bermaksud – *dan bermesyuaratlah kamu di dalam mengendalikan urusan. Dan urusan mereka yakni orang-orang yang beriman yang melaksanakan kewajipan dengan betul ialah bermesyuarat sesama mereka.* Dan Nabi kita Muhammad s.a.w. telah melaksanakan *syura* ini di dalam perkara yang tidak ada nas daripada Quran, dalam perkara yang tidak ada nas yang diizinkan kepadanya oleh Allah s.w.t. khusus dalam perkara yang berkaitan dengan urusan duniawi. Menunjukkan bahawa *syura* merupakan salah satu daripada sistem yang mesti diamalkan di dalam pentadbiran Islam.

24 APRIL 2003

Bagi merealisasikan perkara ini maka Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa perkara, yang pertama menubuhkan Jawatankuasa Syura Rakyat di peringkat kampung bagi menggantikan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Yang kedua, mesyuarat bersama Exco dengan pegawai-pegawai kanan Kerajaan Negeri dan mesyuarat diadakan juga secara khusus dengan jabatan-jabatan yang berkenaan sekiranya memerlukan bantuan di dalam menyelesaikan masalah-masalah yang tertentu. Yang ketiga, pertemuan, usrah dan perbincangan secara berkala yang dianjurkan oleh Persatuan Pegawai Tadbir dengan pimpinan Kerajaan Negeri. Yang keempat, dialog dengan pegawai dan kakitangan kerajaan dari semasa ke semasa. Yang kelima, dialog dengan rakyat dari semasa ke semasa. Hasil daripada amalan ini, Alhamdulillah kita telah dapat menyelesaikan masalah-masalah jabatan dan juga masalah masyarakat. Sekian.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Soalan tambahan. Apakah kerajaan bersetuju bahawa penggantian JKKK dengan JSR adalah lebih demokratik kerana JKKK dilantik oleh politik sedangkan JSR dilantik oleh rakyat terbanyak melalui pemilihan setiap tahun?

YANG AMAT BERHORMAT DATO` SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Untuk maklumat Yang Berhormat, hadirin dan hadirat sekalian, walaupun penubuhan JKKK yang diganti dengan Majlis Syura Rakyat ini adalah bidang kuasa Kerajaan Negeri sebagaimana yang dijelaskan di peringkat Pusat oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar, ini bukan bidang kuasa Kerajaan Pusat. Namun demikian, di peringkat awal ketika baru-baru kita menubuhkan kerajaan kita tidak terus membatalkan JKKK, kita tunggu sehingga habis tempoh pada akhir Disember 1999. Setelah itu maka Majlis Syura Rakyat ditubuhkan dengan diisi bersama dengan bekas JKKK walaupun dari kalangan parti pembangkang yang kita anggap boleh memainkan peranan dalam mewujudkan pentadbiran dan perpaduan di dalam masyarakat. Dalam masa yang sama Kerajaan Negeri di masa itu yang masih mempunyai peruntukan kewangan daripada royalti petroleum telah memberi peruntukan kewangan kepada Jawatankuasa Syura Rakyat bagi memberi nafas kepada mereka dalam menjalankan urusan ini. Tetapi sayangnya langkah yang kita ambil ini tidak menyenangkan Kerajaan Pusat, maksud saya yang dipimpin oleh BN, lalu mereka mengambil langkah yang bercanggah dengan Perlembagaan dan undang-undang, dengan mereka menubuh JKKK sendiri di peringkat kampung bagi mewujudkan suatu masalah di dalam masyarakat dan ini menjadi suatu cabaran kepada Kerajaan Negeri. Namun demikian, kita mengambil langkah-langkah yang bijaksana dalam menangani masalah ini.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Soalan tambahan, Dato` Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO` YANG DIPERTUA: Masa yang diperuntukan kepada soalan-soalan lisan telah pun tamat. Dengan ini saya tangguhkan Dewan sehingga jam 11.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.40 PAGI.

PUKUL 11.00 PAGI

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dewan disambung semula dengan meneruskan penggulungan terhadap perbahasan sembah ucapan penghargaan dan junjung kasih kepada Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Persilakan Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, seterusnya hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian. Pertama sekali saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan kepada semua Ahli-ahli Dewan yang mengambil bahagian dalam membahaskan Titah Ucapan ini sama ada daripada pihak kerajaan mahupun daripada pihak pembangkang.

Insy Allah, saya akan menyentuh beberapa perkara yang telah dibangkitkan dan saya ingin menyebut lebih awal perkara-perkara yang akan saya sentuh, antara lainnya ialah apa yang disiarkan oleh akhbar Berita Harian 22 April berhubung Exco PAS dapat elaun dan kemudian akhbar yang sama juga menyebut tentang adanya seorang Exco yang menerima RMI juta daripada seorang pengusaha kilang papan, yang berkait dengan perhutanan. Yang ketiganya, saya akan menyentuh juga mengenai KDNK yang disentuh oleh Kemasik dan beberapa perkara yang lain, insya Allah.

Saya pergi dulu kepada perkara yang disentuh oleh akhbar dan perkara ini dibawa oleh Yang Berhormat Wakil Kemasik, yang menyebut Exco PAS dapat elaun RM42,000 dan seterusnya, ini surat khabar yang jelas menyatakan. Saya nak sebut dulu bahawa penggunaan perkataan 'elaun' itu tidak betul dan tidak tepat sama sekali. Dan inilah yang menyebabkan timbul kekeliruan sama ada ini disengajakan atau tidak disengajakan, dia adalah satu istilah yang tidak tepat. Dalam hujah yang dikemukakan juga mengatakan ini bercanggah dengan arahan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya Exco yang menjadi Pengerusi tidak mengambil elaun. Apa yang berlaku tidak sama sekali bercanggah menepati dengan arahan yang dibuat oleh MB kerana ini bukan elaun. Saya akan menjelaskannya kemudian, Yang Berhormat Yang Dipertua, bagaimana ianya boleh berlaku kerana ... dan hari yang berikutnya akhbar juga telah memberikan bukti elaun Exco Terengganu dalam laporan syarikat, ertinya ada laporan syarikat. Kalau Yang Berhormat ada laporan syarikat itu, saya minta dia rujuk apa istilah yang digunakan di dalam laporan itu berhubung dengan perkara ini. Kerana ini boleh menimbulkan suatu salah tanggapan yang sangat *damaging* merosakkan nama seseorang. Sama ada perkara ini diambil perhatian oleh Exco yang berkenaan atau tidak tetapi saya suka mengatakan bahawa laporan-laporan yang seperti sebenarnya yang mendedahkan akhbar kepada saman malu dan sebagainya.

Yang Berhormat Yang Dipertua pada hari yang mereka ini bercakap, Yang Berhormat bercakap saya tidak ada dalam Dewan kerana saya terpaksa menghadiri kes saman malu saya sendiri yang dibuat oleh akhbar, yang menggambarkan bahawa bagaimana tidak prihatinnya laporan-laporan yang dibuat dan tidak prihatin juga Yang Berhormat sendiri melaporkan perkara ini dalam Dewan. Walau macam manapun, apabila saya membaca akhbar

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, saya mohon penjelasan. Apakah perbezaan yang pokok antara 'claun' dengan 'imbuan'?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, saya akan terangkan insya Allah ... saya nak sampai ke situ. Cuma saya nak *caution* dulu, mengingatkan supaya teliti tentang perkara ini dan Yang BERTHORMAT daripada Seberang Takir, kalau beliau ... dan saya anggap beliau tahu sebenarnya sebagai seorang yang pernah menjadi Exco duduk dalam beberapa buah syarikat mengetahui perbezaan-perbezaan istilah yang digunakan di dalam laporan-laporan syarikat. Walau macam pun, saya melihat kepada VCD yang dibuat oleh Unit Penerangan, saya dapat gambaran walaupun saya tak ada dalam Dewan, saya mendengar apa yang diucapkan oleh Yang BERTHORMAT. Ini salah satu lagi hasil gambaran bahawa walaupun tak hadir tapi boleh dengar dengan perkembangan ICT yang dibuat oleh kerajaan baru yang tak pernah ada pada kerajaan dulu.

Saya suka menjelaskan bahawa kerajaan negeri mempunyai tiga *public listed companies*, tiga syarikat awam dan saya terpaksa menerangkan ini supaya kekeliruan ini tidak timbul. Syarikat awam ketiga-tiganya ialah yang pertamanya Golden Phores Berhad, yang saya sendiri diamanahkan menjadi Pengerusinya, yang kedua TDM Berhad yang dipengerusikan oleh Yang BERTHORMAT Manir dan yang ketiganya, EPIC (*Easten Pacific Industry*) yang dipengerusikan oleh Yang BERTHORMAT Batu Buruk. Kalau kita mengikuti perkembangan dunia syarikat-syarikat awam yang tersenarai kita akan dapati banyak perkara-perkara yang mesti dalam amalan korporatnya *coporate practices, coporate govenence* yang mesti tertakluk kepada BSKL (Pasaran Saham Kuala Lumpur) yang meneliti setiap perkembangan yang dibuat dan laporan yang dibuat di dalam setiap yang dilakukan sama ada BSKL ataupun *security commission* lagi atas, yang mengawasi perjalanan-perjalanan syarikat ini.

Satu hal yang nak saya terangkan, ada perbezaan antara 'sendirian berhad' dengan 'berhad'. 'Sendirian berhad' kita mempunyai anak-anak syarikat yang sendirian berhad tetapi syarikat berhad yang tersenarai hanya tiga ini dengan ada anak-anak syarikat ini. Saya suka menegaskan bahawa apabila kita mengambil alih kerajaan dan melihat perkembangan yang berlaku kepada anak-anak syarikat kita termasuk tiga syarikat yang tersenarai ini dan perlu dilakukan sesuatu untuk memulihkan suasana dan keadaan. Dengan kesungguhan yang mesti dilakukan oleh pimpinan negeri sendiri walaupun ada pandangan-pandangan yang mengatakan bahawa adalah agak bahaya bagi pimpinan negeri yang memegang *public listed company* ini oleh kerana terdedah kepada banyak perkara yang boleh dilakukan. Tetapi atas dasar dan rasa tanggungjawab beberapa orang daripada pimpinan negeri telah ditugaskan dengan satu komitmen bahawa ... dan dengan arahan yang dibuat oleh Yang Amat BERTHORMAT Menteri Besar, mereka ini tidak benarkan mengambil claun mereka. Adalah menjadi suatu amalan bahawa setiap Pengerusi dalam syarikat termasuk syarikat *public listed*, di mana-mana pun menjadi suatu amalan biasa bahawa setiap Pengerusinya diberikan elaun bulanan kepada mereka ini. Tetapi bagi ketiga-tiga syarikat ini tidak ada seorang pun daripada kami yang mengambil claun bulanan daripada syarikat ini sebagai suatu komitmen kita menerima keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri yang diarahkan oleh Yang Amat BERTHORMAT Menteri Besar. Itu satu yang saya nak jelaskan dulu.

Jadi saya minta kepada akhbar supaya membetulkan bahawa Exco PAS dapat elaun RM42,408 ini tidak betul dan tidak tepat. Perkataan 'elaun' mesti dibuang daripada akhbar ini kalau tidak ia terlibat, akan terlibat kepada *defamation* ... Ajil nak benda ni?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Pohon laluan? Minta penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Penjelasan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): 'Elaun' minta diperbetulkan tapi jumlah itu betul ke tidak, RM42,000 tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Nanti dulu saya tengah terangkan ni. Jadi perkataan 'elaun' buang dulu, saya kata tadi kalau tidak terdedah kepada *defamation* itu terserah kepada Yang Berhormat berkenaan sama ada ini nak ambil *defamation* atau tidak tergantung kepada beliau. Tapi saya minta akhbar supaya berbuat demikian kerana mereka sejak dua hari yang lepas pun memang duduk tunggu-tunggu saya jawab hari ini.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Sebelum pembedulan akhbar, saya minta penjelasan dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Biar saya habis dulu.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Mengenai isu ini ... penjelasan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Saya akan buat penjelasan berhubung dengan isu ini, dengar dulu lepas tu baru ... akan sampailah, insya Allah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Biar dia jawab.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, seseorang Lembaga Pengarah termasuk Pengerusi dalam Syarikat Berhad menerima beberapa pemberian ataupun *fees* yang dibuat oleh syarikat. Antaranya, saya dah sebut tadi elaun bulanan Pengerusi, yang ini bagi negeri Terengganu yang ketika ini tidak ambil, *setting allowance*, kami akui bahawa ini suatu yang wajib syarikat kena bayar, *setting allowance*. Kemudian ada apa yang dipanggilkan *director fees*, *director fees* ini menjadi kewajipan kepada syarikat mesti bayar kepada semua Lembaga Pengarah. Masalah dia ambil duit tu nak bawa ke mana, itu satu hal yang lain. Adapun kewajipan komapani mesti membayar ini adalah di luar daripada bidang kuasa Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Terengganu kerana syarikat adalah syarikat awam, dipunyai oleh orang ramai termasuk saham syarikat daripada negeri Terengganu melalui SEDC. Dan sebab itu salah satu daripada agenda yang mesti dibincang dan di-

luluskan oleh mesyuarat agung syarikat yang biasanya dibuat pada bulan Jun setiap tahun, meluluskan suatu peruntukan yang dinamakan director fees kepada syarikat itu yang terdiri daripada Pengerusi dan seluruh Ahli Lembaga Pengarah. Ini adalah *normal corporate practices* yang dibuat oleh semua syarikat awam yang tersenarai. Menjadi kewajipan kerana tidak mudah bagi seseorang sekarang ini boleh menerima menjadi Ahli Lembaga Pengarah sebuah syarikat awam yang tersenarai oleh kerana banyak liabiliti yang terpaksa mereka ditanggung. Salah satu daripada perkara yang mewajibkan syarikat, apabila syarikat itu syarikat awam mesti mempunyai dua jenis kategori Ahli Lembaga Pengarah, iaitu apa yang dipanggil *non independent director*, director yang tidak bebas dan yang keduanya ialah *independent director*. Dan oleh kerana itu, sekali pun Kerajaan Negeri boleh melantik wakil bagi mewakili saham ekuiti Kerajaan Negeri yang ada dalam syarikat itu. Dalam kes EPIC misalnya, kita mempunyai saham 39% kalau tak silap saya, kita sedang berusaha supaya saham kita lebih banyak, artinya selain daripada 39% yang kita punya ada kepunyaan orang lain yang mereka juga adalah menjadi Lembaga Pengarah dalam syarikat-syarikat ini. Khususnya bagi EPIC antara Lembaga Pengarahnya ialah Dato' Tan Sri Salleh Sulong, Dato' Maznah Jalil, dua orang korporat yang terkenal duduk dalam Lembaga Pengarah yang mereka sangat tahu tentang peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah *corporate practices* yang berjalan. Dan kepada orang yang mengerti tentang perjalanan syarikat ini, soal *director fee* ini bukan satu perkara yang menjadi bahan perbincangan, bahan pertikaian kerana ini sesuatu yang diwajibkan kepada syarikat. Kerana orang ni dianggap pakar di dalam bidangnya maka dia mesti dibayar kepakarannya itu berdasarkan kepada kedudukan dan suasana syarikat itu sama ada syarikat yang membuat untung ataupun mengalami kerugian.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam kes EPIC di antara ketiga-tiga syarikat ini, EPIC, TDM dan Golden Pharos maka EPIC merupakan syarikat yang Kerajaan Negeri mempunyai ekuiti dalamnya yang telah mencatat keuntungan terus menerus termasuk waktu kerajaan dulu pun untung juga sampai sekarang masih terus untung dan meningkat keuntungan itu dan dividen yang dibayar kepada pemegang saham pun meningkat, dua tahun yang terakhir dividen yang dibayar sebanyak 12%. Dan kalau boleh nak saya sebut kedudukan hari ini berapa sen harga saham tiga-tiga ni, saya sebut dulu EPIC harga saham ini surat khabar yang terakhir, 24 haribulan hari ini, saham dia RM1.52 harga punyanya RM1.00 semua orang tahu tentang saham ini. Kemudian TDMnya 0.96 sen pada waktu ini, Golden Pharos yang saya jaga 0.24 sen, hak yang saya jaga ni paling corok, 0.24 sen EPIC yang paling tinggi RM1.52, TDM 0.96 sen. Dan oleh kerana itu bagi EPIC apa yang hendak dibayar apa yang dinamakan *director fee* dibentangkan di dalam mesyuarat agung EPIC sendiri yang diadakan pada bulan Jun. Malah dalam mesyuarat itu saya difahamkan ada ahli-ahli mengatakan kenapa *director fee* yang diberi kepada Lembaga-Lembaga Pengarah ni sedikit sangat patut tambah lagi. Sebab dia melihat berkali-kali dua-dua orang yang saya sebut nama tadi tu biasanya bayaran *director fee* agak tinggi yang diberikan oleh kerana kepakaran yang biasa. Tetapi walau macam mana pun, apa yang dicadangkan oleh Lembaga Pengarahnya itulah dia makna tak sampai lagi, orang cadang lebih tinggi tapi dibayarnya banyak tu. Dan saya suka menyebut

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa molek kalau direkomenkan supaya ditambah imbuhan kepada Pengerusi EPIC.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Saya ingat Yang Berhormat Seberang Takir tahu bab syarikat, rupa tak tahu juga.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Pasal tahu Dato' Yang Dipertua, saya cadangkan tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Cara tanya tu dok reti sebab apabila nak tambah dia tak boleh tambah Pengerusi seorang, kena fikir orang lain sama. Jadi kena fikirlah, saya ingat

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang Dipertua boleh tambah elauan Pengerusi, jangan Yang Berhormat ingat Yang Berhormat saja pandai, boleh tambah

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUS TAF A BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya sebut adalah menjadi kelaziman ... saya sebut, nak tambah boleh tetapi menjadi kelazimannya tak elok nak tambah Pengerusi saja orang lain tak tambah, tak boleh. Jadi tolonglah beri maklumat ini kepada yang tak reti hak tiga orang lagi tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Itu yang saya cadangkan molek tambah kepada Pengerusi, pasal Pengerusi telah menjalankan kerja yang sangat baik ... untung besar, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita serah kepada Jawatankuasa dalam mesyuarat agung dialah tengok macam mana, kita serah kepada mesyuarat agung dia.

Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, angka ini pun secara yang disebut ini satu komponen yang bukan setongkol begitu, saya difahamkan. Sebab dia punya syarikat *holding* ini, tiga-tiga ini dia ada dia punya syarikat-syarikat anak, adalah menjadi kewajipan juga sebenarnya setiap Lembaga Pengarah itu, selain daripada menjadi Lembaga Pengarah kepada syarikat induk dia juga duduk dalam *nomination committee* dan dalam *committee* yang lain ada duduk dalam syarikat anak untuk memastikan bahawa polisi-polisi daripada *holding* ini akan dapat difahami oleh syarikat-syarikat anak di dalam syarikat ini sendiri. Seperti yang saya difahamkan memang benar *director fee* ini ada dibayar kepada Pengerusinya sebanyak RM25,000, kepada *directors*nya biasanya RM20,000, benar saya tak nak nafikan itu. Yang lain tu ada tambahan-tambahan pada anak syarikat tetapi dalam mesyuarat diterima itu sebagai satu angka yang menyeluruh. Jadi *directors fee* sangat berbeza dengan elauan, ini yang saya nak tekankan.

Saya juga dalam Golden Pharos ni dan dalam TDM pun ada apa yang dinamakan *directors fee* tetapi oleh kerana syarikat yang saya jaga ni tak untung, untungnya tak besar maka *director feenya* tak besar. Selama kita mengambil alih dan apabila saya mengambil alih, kita dapati bahawa bermula daripada tahun '96 sampai kepada kita mengambil alih tidak pernah dibayar dividen itu kerana rugi sepanjang masa, kita sedang memulihkan sekarang ini. Alhamdulillah, dari segi operasinya kita telah buat untung walaupun untungnya tidak besar. TDM juga ... TDM dari sudut

24 APRIL 2003

bayar dividen juga waktu diambil alih tak bayar dividen tapi insya Allah tahun hadap ni TDM akan dapat bayar dividen hasil daripada prestasinya yang meningkat sekarang. Jadi sebab itu dari segi sektor

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Pohon penjelasan, Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ajil minta laluan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Nanti sekejap lagi ... dari segi sektor *plantation*nya, TDM merupakan antara syarikat yang terbaik yang tersenarai pada waktu ini ... nombor tiga terbaik, dapat nombor jugalah, insya Allah hak lain tak dapat nombor belaka. Sebab itu Saya bagi peluang apa nak tanya.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Dipertua. Adakah kerana adanya *director fee* ini menyebabkan ketiga-tiga syarikat ini menjadi ribut Ahli-ahli Yang Bert hormat?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Kurang jelas, kuat sedikit.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Adakah kerana adanya *director fee* ini menyebabkan ketiga-tiga syarikat ini menjadi rebutan untuk menjadi *director*?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Saya minta Seberang Takir ajar tapi dok ajar juga ... payahlah, nak kena mengajar sendiri payahlah. Yang Bert hormat Dato' Yang Dipertua, tak berbangkit sama sekali waktu kami lantik tak tahu pun ada banyak mana ... ada banyak mana kami tak tahu pun, masuk baru tahu rupanya sarang laba ada sini, tahi ada sini, banyak ... kita kena bersih banyak berdohoh lalu sehingga perkara ini dapat dibersihkan dan Alhamdulillah, hari ini ketiga-tiga syarikat telah mencatat keuntungan operasi semasa termasuk hutang-hutang lapuk yang terpaksa juga kami selesaikan. Ini kedudukan pada waktu ini.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Bert hormat Yang Dipertua, saya minta laluan. Terima kasih. Isu elaun supaya ditukar oleh akhbar yang dibangkit oleh Pengkalan Berangan tadi, saya percaya jelas antara 'elaun' dan 'imbuhan' untuk lirikan apa segala kaedah yang diterima oleh Ahli Lembaga Pengarah tapi jelas di sini pakej imbuhan dalam perkara laporan kewangan terdiri daripada dua perkara yakni yuran dan juga elaun mesyuarat maka tidak jauh saya rasa di antara 'elaun' dan 'imbuhan'. Yang kedua, dua isu ... minta Yang Bert hormat, yang kedua semangat yang dilaungkan oleh Yang Amat Bert hormat Menteri Besar semangat Islam pada tahun 2000 yang dilaungkan di Dewan ini semangat sukarela, diwar-warkan ke Dewan, diwar-war ke seluruh negara, rakyat dengar sukarela kononnya Exco Islam ni, kerajaan Islam ini untuk melaksanakan kerja tanpa bayaran imbuhan, elaun ataupun sebagainya. Tetapi hari ini sebagaimana Yang Bert hormat kata tadi, rupa-rupanya masuk dalam tu banyak benda bukan sarang laba sebenarnya dah masuk sayang untuk menyahut semangat Yang

Amat Berhormat Menteri Besar. Inilah sebenarnya semangat yang diminta oleh Yang Berhormat ini untuk ... gaya mana sekali pun telah diterima elaini ini, imbuhan ini dan menjadi pertikaian kita, menjadi pertikaian rakyat tidak mengikuti semangat Menteri Besar itu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Baik ... itu yang saya kata. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang saya kata dok faham tu, tu jenisnya. Pegawai-pegawai kita boleh menerangkan apa bezanya

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tak apalah kita tak faham tapi orang semua faham, Kerajaan PAS yang tak faham.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Telemong

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Sebab dia kata saya dok faham, Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat tadi dah berucap ... duduk.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya nak minta dia tarik kata 'tak faham' sebab saya faham.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk ... dengan segalanya duduk, kalau Yang Berhormat, sila duduk dengan segala hormatnya.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Kalau tak nak tarik saya tak nak duduk, Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila duduk, sila duduk.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya minta dia tarik 'dok faham' tu dulu sebab kita faham kita bahaskan isu ini.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tidak ada masalah tu Yang Berhormat, perkataan biasa.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Dok faham sungguh nak kata faham macam mana.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terlalu *simply* sangat, dia membangkitkan seolah-olah kami di barisan pembangkang ini membangkitkan perkara yang bohong.

24 APRIL 2003

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Telemong tak usah cari publisiti.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Saya nak tanya Seberang Takir

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat duduk dulu, sila duduk Yang Berhormat. Sila Pengkalan Berangan.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya minta tu dulu Yang Berhormat, faham tak faham

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat nak apa sebenar? Minta apa?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Pengkalan Berangan sebenarnya yang tidak faham untuk mengajar di luar sana tapi dia yang tidak faham.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya boleh tarik balik kalau saya terkasar, saya boleh tarik balik tetapi Yang Berhormat dok faham doh memang dok faham sungguh saya nak tarik macam mana. Saya dok boleh tarik benda yang memang itulah perkataan yang paling tepat, saya nak tarik macam mana tak boleh. Saya dok kata 'bodoh' pun, saya kata dok faham saja.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Kalau saya katakan Yang Berhormat Pengkalan Berangan ni memutarakan fakta untuk mencari *menegakkan henang yang basah* di Dewan yang mulia ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Tak apalah ini peraturan, *order* peraturan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya nak bangkit inilah, Yang Berhormat Telemong patut menghormati peraturan, waktu saya bercakap nak minta bercakap pun kena minta kebenaran daripada Yang Berhormat Speaker, tak boleh nak buat degil begitu. Terima kasih.

Saya menyebut Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, respons daripada apa yang disebut, terlalu banyak beza antara 'elaun' dengan '*director fee*', ini istilah-istilah yang mesti dipakai di dalam *coporate practices* yang saya sebut tadi, tidak boleh digunakan istilah lain, 'elaun' dengan '*director fee*' lain yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ialah elaun. Ini *director fee* yang wajib dikemukakan, saya ulangi yang wajib dikemukakan untuk mendapat kelulusan oleh mesyuarat agung syarikat yang berkenaan yang Yang Amat Berhormat Menteri Besar tak boleh campur, ini hak syarikat sebab syarikat bukan kepunyaan negeri Terengganu saja ada orang lain. Kita punya, kalau saya nak ambil angka bulat kita 40% orang lain 60%, tu tak boleh itu. Sebab itu, itu yang diputuskan. Masalah tak mahu memasukkan ... Yang Berhormat Pengerusi kata "saya tidak ..." tak boleh sebagaimana juga sebagai seorang Ahli Dewan, Ahli Dewan mengatakan "saya

24 APRIL 2003

minta Dewan jangan bayar elaun saya sebab saya tak nak," tak boleh, Dewan wajib bayar. Masalah Yang Berhormat nak bagi balik kerajaan, itu satu soal yang lain tetapi dari segi rekod audit mesti dinyatakan bahawa ini dibayar kepada Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Laluan, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat saya dok bagi jalanlah sebab tidak relevan sangat soalan-soalan itu.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Saya nak tanya

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak bagi laluan, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Saya dok bagi laluan dah ... saya tak bagi laluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):
Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon laluan. Nampaknya perbincangan begitu hangat berhubung dengan istilah 'elaun' dan 'imbuhan'. Jika sekiranya 'elaun' dan 'imbuhan' itu berbeza, saya dalam Dewan yang mulia ini dengan sukacitanya memperjelaskan bahawa Pengarah yang kita bincangkan hari ini menerima 'imbuhan' bukan 'elaun' menerima imbuhan sebanyak RM42,408.00 sebagaimana yang saya baca dalam Dewan baru-baru ini, iaitu imbuhan Pengarah RM25,000, imbuhan Exco RM12,000, imbuhan lain RM5,408.00. Jadi saya ingin menjelaskan bahawa Exco tersebut menerima imbuhan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Dok betul ... dok betul. Yang Berhormat Yang Dipertua, saya menyebut tidak boleh nak menggunakan istilah lain melainkan menggunakan istilah '*director fee*', elaun tak boleh, imbuhan tak boleh, itulah istilah yang digunakan. Tunggu dulu, saya terang dulu.

Seseorang yang hendak menjadi Ahli Lembaga Pengarah Syarikat tersenarai awam sekarang ni, dulu tak payah, mesti mendapat sijil daripada *security commission*, ertinya setiap orang kena masuk kelas semula, kena masuk kelas mengaji semula termasuk orang yang antara seorang yang paling kaya dalam Malaysia ni, Lim Goh Tong kena masuk kelas juga dengan peraturan-peraturan yang ada ni. Dan kami sendiri ... ialah kami bukan pakar ekonomi, bukan hak tu ... masuk kelas juga untuk mendapat sijil menjadi Ahli Lembaga Pengarah. Sijil apa yang dipanggilkan *good governance* ... macam-macamlah apa yang diistilahkan oleh *security commission*. Dan kami dah dapat sijil semua ni, depan saya tak dok seorang dapat sijil ni, saya berani sebut begitulah. Yang tiga orang dah dapat belaka dah sijil.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir):
Yang Berhormat, Yang Berhormat mana tahu saya dok dapat sijil?

24 APRIL 2003

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Tu saya anggarlah, Yang BERTHORMAT dapat ke?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Dalam Dewan tak boleh agak-agak sebab ini *damaging* kepada saya ni sebagai seorang Pengarah. Yang BERTHORMAT patut maaf.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Tak apa, saya nak tanya Yang BERTHORMAT, kalau Yang BERTHORMAT ada sijil saya tarik balik. Ada sijil dok?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang BERTHORMAT patut minta maaf, jangan dituduh begitu. Saya ada sijil, saya bertanggungjawab jadi jangan Yang BERTHORMAT menuduhkan orang lain.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Kalau betul Yang BERTHORMAT Seberang Takir ada sijil, saya tarik balik mengatakan dia tak dok sijil tu tapi cara bercakap tu macam tak dok sijil.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Bukan kalau lagi, saya ingat Yang BERTHORMAT tidak ada sebab itu menuduh orang lain tidak ada.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang BERTHORMAT Pengkalan Berangan, saya sepuluh sijil kalau diberi peluang insya Allah akan dapat, kalau diberi peluanglah. Cuba beri peluang kepada saya jadi Pengerusi Golden Pharos yang Yang BERTHORMAT pegang sekarang ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Buat permohonanlah kita tengok.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Nak jadi Pengerusi pula dah.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Insya Allah, kalau Yang BERTHORMAT beri peluang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Cuba hantar surat permohonan.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tak cukup lagi wang chsan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, saya pun ada sijil.

24 APRIL 2003

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sijil apa tu Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Sijil Syarikat yang dikeluarkan oleh *security commission*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sijil apa?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Sijil sebagaimana Yang Berhormat kata tadi, daripada *security commission*.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Kita minta Pengkalan Berangan terang ke Dato' Yang Dipertua ni faham, sijil apa benda dia nak ni. Sila Pengkalan Berangan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Telemong ... Yang Berhormat Telemong

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Speaker tahu, sebab tu dia tanya Yang Berhormat Kemasik ni, sijil apa takut sijil *security commission* India ke

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Dato' Yang Dipertua, bukan sijil daripada India, daripada Arab. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin jelaskan imbuhan tadi, dalam buku penyata ini disebut 'imbuhan' saya pun dalam ucapan saya dua tiga hari yang lepas, saya sebut 'imbuhan', Lembaga Pengarah menerima 'imbuhan', bayaran Pengarah, imbuhan Pengarah ... saya sebut imbuhan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, maknanya satu yang jelas kepada saya surat khabar menyatakan yang tak betul sebagaimana Yang Berhormat Kemasik sebut. Yang Berhormat Kemasik sebut 'imbuhan', surat khabar sebut 'elaun, dok betul dah surat khabar tu. 'Imbuhan' itu pun tak berapa tepat juga.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Pohon laluan, Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Ada sijil dok?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ada ... ada. Yang Berhormat Yang Dipertua, imbuhan ke, elaun ke pitis belaka Yang Dipertua, pokoknya pitis. Jadi saya rasa

tak perlu *elaboration*, perlu terang banyak-banyak dah orang faham belaka dah, rakyat dah faham, semuanya pitis. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO` HAJI MOHAMAD *a*. ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, mungkin dalam ucapan saya sebut ... saya ada sebut 'imbunan' campur 'elaun' dan sebagainya, itu yang dipetik rasanya.

YANG BERHORMAT DATO` HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, jadi saya rasa jelaslah bahawa apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kemasik itu satu yang *misleading* dengan izin, yang disebut surat khabar sebenarnya satu yang *misleading* yang menjejaskan kewibawaan Exco yang berkenaan. Adapun selanjutnya itu terserah kepada Exco yang berkenaan apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh beliau berhubung dengan perkara ini. Jadi saya rasa saya nak tutup dah bab ni, saya nak pergi bab kedua ni.

Yang keduanya, Yang Berhormat Ajil telah menyebut dalam ucapannya bahawa banyak mengenai pembalakan yang tidak ikut peraturan, tak ikut ... macam-macam lagi yang disebut Yang Berhormat yang berkenaan sehingga akhirnya, beliau sebut, saya baca ni apa yang disebut oleh surat khabar '*beliau juga memberitahu Dewan seorang Ahli Exco PAS menerima RM1 juta daripada seorang pengusaha kilang papan berhubung dengan pembalakan berkenaan.*' Ini saya nak mengingatkan Wakil Ajil supaya jangan menggunakan keistimewaan Dewan ini untuk membuat fitnah terhadap sesiapa, di sini dia tidak sebutlah siapa-siapa Exco tak sebut tetapi ini merupakan satu fitnah. Dan hari ini sebelum saya pergi lain, saya nak cabar Yang Berhormat Ajil sebut perkara ni di luar Dewan, sebut mana-mana Exco yang dia dapat maklumat itu, yang menerima duit RM1 juta; selepas ni tak apa kita keluar sama sebagai saksi, surat khabar boleh mari supaya dia boleh *repeat outside* Dewan ini untuk menyatakan tuduhan yang seperti ini supaya jangan menggunakan keistimewaan ini untuk membuat fitnah yang bukan-bukan. Kalau dia tak berani, bukan jantanlah, tak dok batulah. Ini saya sebutlah ni.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Dipertua, jawab dalam Dewan ni, saya cuma dengar cerita dan saya minta

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tak dok batulah tu.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Memang puak-puak putar belit belaka ni.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): dengar dahulu saya nak khabar ... diceritakan kepada saya dan saya minta Hisbah, Hisbah ada, Hisbah menyiasatlah maklumat ini.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ada batu dok tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): *Check* balik *hansard* Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, inilah jelas lain kali kalau nak buat tuduhan dalam Dewan ni pun biar munasabah, jangan dengar cerita kemudian bawa ni apa benda ni ... tapi walau macam manapun saya dengar daripada *tapenya* ada disebut begini ... mungkin tak jelas juga mungkin surat khabar berlebih-lebihan pun tak tahu lapor tentang Wakil Ajil ni. Ada dilaporkan pada sayalah dalam tu tak berapa jelas suara tapi saya dengar-dengar katanya ada seorang bawa duit kepada Exco ni, bawa ambil dok ambil tu dok tahu tapi surat khabar sini sebut terima dah duit ni. Jadi surat khabar ni lebih pada Yang Berhormat Ajil sendiri ... lebih pada had ni. Jadi saya mengingatkan surat khabar ni jangan melampau sangat dalam membuat laporan-laporan yang bukan-bukan yang boleh mendedahkan Yang Berhormat Ajil kepada cabaran yang saya buat ni, kalau tidak saya tidak cabar ni sebab buat begini, ni silap surat khabar. Jadi Yang Berhormat terima dok cabaran saya ni nak sebut luar ni ... dok?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya minta Hisbah menyiasat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Mudahlah ... dok apalah nak siasat tu

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Hisbah ada, Hisbah menyiasat

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Insyaa Allah,

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): kalau tidak Hisbah tak dok kerja pula.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Hisbah sendiri pun, apa yang saya nak sebutnya Hisbah dia boleh siasat dan mungkin dia panggil Yang Berhormat tetapi *damage has been done* sebab ini dilaporkan dalam akhbar 'ada seorang Exco siapa ... siapa, siapa dia Exco tu? Saya boleh menyatakan di sini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang ditugaskan untuk duduk dalam Jawatankuasa berhubung dengan tender yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ialah dua orang pegawai, SUK, Pegawai Kewangan dan satu-satunya Exco yang ada dalam tu ialah saya sendiri. Semua Exco yang lain tidak terlibat dengan perkara ni. Saya boleh mengandaikan bahawa tuduhan ini dikenakan kepada saya kerana saya satu-satunya Exco duduk dalam tu, kalau ini cara dia buat. Tapi dulupun pernah saya sebut dalam Dewan tahun 2000, 2001 saya pernah sebut bahawa tidak ada seorang yang terlibat ni. Kalau pun nak terlibat nama Exco tu sayalah, saya bersedia. Yang Amat

Berhormat Menteri Besar bagi tahu ia lampu hijau kepada BPR pada siapa hak nak siasat. kalau ada siapa saja yang menycleweng. Jadi jangan duduk cakap ikut dan begitu.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, adakah Yang Berhormat wakil kerajaan berani bersumpah dengan nama Allah, tidak pernah menerima walau satu sen pun duit daripada hasil balak ini, di Dewan yang mulia ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan bodoh tu tak payah layanlah.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bukan masalah bodoh, nak membersihkan imej. Adakah Yang Berhormat sanggup bersumpah dengan nama Allah tidak pernah menerima sebarang duit daripada sumber balak ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Kerajaan mestilah terima, ke tanya saya?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormatlah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Saya tidak pernah, demi Allah saya tidak pernah terima duit satu sen pun, kalau nak begitu.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Barang?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Ajil): Demi Allah saya kata, saya dulu cabar Yang Berhormat Telemong dok berani sampai ke le ni, ni Wakil Ajil nak boleh sakit pula ni. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ...

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL, BIN WAHID (Wakil Ajil): Jangan marah, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Ajil): Doklah saya nak ajar ni ...

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Budak-budak nak belajar dengan orang tua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebab tu saya nak ajar ni supaya mulut tu jangan celupar sangat, jangan ikut dan duduk kata ya bukan, ya bukan sebab ini akan merosakkan nama baik seseorang itu. Sebab itu saya bukan suka sangat pergi ke mahkamah ni tapi demi untuk menegakkan keadilan tiga tahun saya menghadapi kes mahkamah ni saman malu ni kerana fitnah yang dibuat oleh surat khabar dan ini ada lagi benda-benda yang macam ni. Jadi lain kali biarlah ... maknanya tapi saya nak direkodkan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya cabar Yang Berhormat Ajil supaya

repeat tuduhan ini di luar Dewan dan Yang Berhormat Ajil tidak bersedia untuk repeat di luar Dewan. Saya nak direkodkan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kemudian selain daripada itu dia menyebut tentang bagaimana cara pengurusan balak yang ada dalam negeri Terengganu. Mungkin saya tak nak mengambil masa yang panjang, saya nak sebut ini sebagaimana contoh kepada pengurusan balak negeri Terengganu antara yang terbaik bagi seluruh Malaysia. Baru 1 haribulan April yang baru lalu, Pengarah Jabatan Hutan, Haji Zulkifli Mokhtar menerima ISO 9002 daripada Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Lim Keng Yaik, baru satu haribulan ni gambar ada lagi ni, mengiktiraf pengurusan Jabatan Hutan yang berkait dengan balak ini, salah satu daripada tiga buah negeri yang mendapat sijil ini. Jadi ini ... antara yang terbaik dan cara yang kita amalkan berdasarkan kepada MC&I iaitu *Malaysian Criteria and Indicator* iaitu kaedah-kaedah *sustainable* yang diamalkan, yang dikehendaki Kementerian Pusat sendiri kita telah buat. Dan sebab itu ini diiktiraf juga MTCC (*Malaysian Timber Certification Council*) yang mengiktiraf kita dan keluar sijil 11 haribulan dua belas tahun 2002, tahun lepas kita dapat sijil, dapat ISO lagi. Saya pernah sebut keluar lagi dalam *Straits Times*, tahun lepas pun saya sebut dari sudut kesalahan-kesalahan yang dibuat oleh ... dalam negeri-negeri, negeri Terengganu yang terbaik yang dilaporkan dalam *Straits Times* pada waktu itu. Jadi sebab itu tidak ada hujah sama sekali untuk pembangkang mengatakan kita tidak menguruskannya dengan baik.

Dari segi keluasan yang kita keluarkan, sebagai perbandingan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak sebut. Bagi tiga tahun selama kita mengambil alih pentadbiran ini, 2000, 2001 dan 2002 jumlah keseluruhan kawasan balak yang kita keluarkan lesen berjumlah 39,369 hektar. Di bawah BN selama tiga tahun bermula pada '97, '98, '99, 65,323. Kita boleh keluar sebanyak-banyak yang kita nak keluar, tak ada siapa boleh tahan kerana ini hak negeri tetapi kerana cara yang kita buat itu cara yang *sustainable*, pembangunan lestari dari sudut pengurusan hutan kita memakai cara, kaedah-kaedah yang telah dilakukan, yang dikehendaki dalam segala *standard* yang diperlukan di dalam pengurusan hutan ini.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Pohon penjelasan, Yang Dipertua. Laluan ... apa komen pihak kerajaan berkenaan dengan laporan NST bertarikh 18 haribulan empat tahun 2003 berkenaan dengan pembalakan di Tasik Kenyir yang dikatakan menjejaskan, merosakkan alam sekitar?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): MST ke NST ni?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): NST.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Baik. Saya tengok laporan itu, surat khabar pun cari saya. Saya kata saya nak *check* dengan hutan dan saya pun *check* dengan hutan, hari ini saya tak bawa gambar tu sebab ingat tak tanya doh saya bawa gambar lainlah ni. Bila *check* dengan hutan tidak ada lesen balak yang dikeluarkan dalam kawasan yang disebutkan dan kawasan yang diambil gambar oleh NST itu, memang saya ni tak nak tuduhlah tetapi Ketengah yang membawa NST kemudian lapor sebab Dewan nak bersidang ni

24 APRIL 2003

takut boleh guna gambar-gambar tu. Sebab Pengurus Besar Ketengah pun dia ada penyakit juga, dia ada masalah juga, dia nak tutup masalah dia. Dia dituduh sebenarnya, dia disiasat di dalam kes menggelapkan PPRT sebanyak RM19 ke RM12 juta yang ada di Ketengah, ni yang disiasat saya pernah tengok dan KSUnya pernah dituduh

YANG B ERHORAMT DATO` HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, laluan. Saya rasa tidak adil, tidak manis, tidak bertika membabitkan orang yang tidak boleh memberi jawapan di dalam hal ini. Saya dukacita Yang Berhormat yang berkenaan membabitkan Pengurus Besar Ketengah yang mengatakan bahawa dia cuba nak menutup kes dia, ini tidak betul. Ini satu fitnah yang dibuat terang-terang depan orang ramai.

YANG B ERHORAMT DATO` HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, saya menyebut Pengurus Besar Ketengah pernah disiasat, disiasat di dalam kes ini.

YANG B ERHORAMT DATO` HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Baru Yang Berhormat sebut, Pengurus Besar Ketengah cuba menutup.

YANG B ERHORAMT DATO` HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan) Itu saya dah ganti tadi, saya sebut tuduh itu saya dah gantikan dengan disiasat. Sebab itu

YANG B ERHORAMT DATO` HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Jangan mudah-mudah sebut, Yang Berhormat. Tadi kalau mengingatkan orang lain jangan celupar, Yang Berhormat pun jangan celupar mulut tu.

YANG B ERHORAMT DATO` YANG DIPERTUA: Dia perbetul dah.

YANG B ERHORAMT DATO` HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, gambar kena gari ada cuma tunggu siasatan, lepas siasatan tu nak tuduh dok tuduh hal yang lain. Saya sebut dalam Parlimen sebab yang dituduh kepada KSU ini kerana bersubahat, bila bersubahat dia kena ada ketua dia, siapa dia ketua dia? Ketua Setiausaha tu dituduh bersubahat, ketua dia siapa dia, adakah Menteri pada waktu, adakah Pengurus Besar Ketengah. Itu suatu yang saya sebut dalam Parlimen. Jadi sebab itu, Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, mungkin saya rasalah mereka ni nak kerjasama semua nak cari peluang takut ada perkara-perkara yang boleh dijadikan modal Dewan nak bersidang dan Alhamdulillah, dia buat keluar hari ini. Saya diberitahu ... saya tengok gambar tu, sebenarnya itu adalah pengkalan bagi mengangkut balak, tu balak pun ada tepi sungai tu. Tak dok lesen dikeluarkan di situ, pokok-pokok pun banyak. Jadi Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, jadi tak usahlah

YANG B ERHORAMT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua gambar ada dengan saya ni, saya rasa kalau pengkalan banyak balak tu.

YANG B ERHORAMT DATO` HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Betul, gambar yang sama saya tengok, ada dok gambar balak atas dia punya tu

24 APRIL 2003

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tak dok ... tak dok.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Cuba bawa mari sini gambar ... balak dalam dia punya

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dalam *compound* tak dok.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Hak dalam *Straits Times*, saya tengok ada.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Lori balak ada.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Cuba beri ke Yang Berhormat Dato' Speaker saya nak tengok gambar yang sama ke gambar yang berlainan, saya nak tengok.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sila, dengan suci hati saya beri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Takut NST ada dua visi saya dok tahulah.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tapi gambar tu saya nak semula.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Dok apa, tak dok masalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mana tak dok balak, ni balak ada tambun ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Bawa saya tengok dulu, Yang Berhormat. Sebab saya tengok gambar ni ... betul-betul ni gambar yang saya tengok, mana ada lori dalam ni, dalam air ni lori ada apa dalam air, Allahuakbar.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Penjelasan, Yang Dipertua. Ada gok takut drebar lori tu Wakil Ajil tak?

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Wakil Air Putih ... Air Putih, pakai kupiah nampak lori.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau saya minta tanda Wakil Ajil dekat mana lori duduk ... yang dinamakan lori tu dekat mana?

24 APRIL 2003

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, inilah pihak kerajaan benda hak kecil nak besar juga. Tapi Yang Dipertua, cuba tengok belakang gambar tu ... bawa sini gambar tu dulu, saya boleh tu ...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Depan saya mentah-mentah cakap dok betul doh, Allahuakbar.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sampai kepada Yang Berhormat Ajil, tanda pangkah atas lori.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak pergilah seterusnya ... yang lain-lain tu saya dok jawab doh, banyak tuduhan-tuduhan tu tak betul belaka. Jadi sebab itu saya pergi kepada Wakil Kemasik yang minta penjelasan sedikit berhubung dengan KDNK ni, macam mana kedudukan, minta penjelasan benar-benar daripada pihak kerajaan. Nak tanda ... okey ... okey, tanda dah, tanda lori dekat mana, saya takut *semahor* lori dengan perahu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kan dia lukis pula gambar lori situ kan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Dipertua, cuba tengok molek, tengok dengan mata kasar dan mata hati.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Tukar dalam air di sebelahnya ada perahulah. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, boleh saya sambung ni?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat nak tengok sendiri?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Tak apalah, terserah kepada Yang Berhormat Speakerlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia ada dua timbunan balak, yang pertama dalam air di sebelahnya ada perahulah dan ada semacam drum begitu. Yang ditanda oleh Yang Berhormat ni, di atas darat saya pun tak nampak lori tu ... saya tak nampak lori. Yang Berhormat puas hati dok ke ni dengan penjelasan saya.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kalau dok nampak, minta baliklah gambar tu. Saya nampak pihak Dewan cuba *manipulate* isu, hak dalam air tu feri, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ke Wakil Ajil tak kenal lori dengan keretapi? Keretapi tak pernah tengok dok apa.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Bert hormat Pengkalan Berangan puas hati dengan penjelasan saya beri?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Saya dah menjelaskan bahawa tuduhan daripada Ajil itu tidak betul sama sekali. Tapi saya maaf dia atas kesilapan dia sebab dia orang muda yang sedang belajar, biarlah dia

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Gambar tu boleh serah balik kepada saya.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh ... boleh, selepas Dewan tak apa.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Boleh saya terus?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terus kan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUSTAFA BIN ALI (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Bert hormat Dato' Yang Dipertua, saya nak sebut tadi berhubung dengan KDNK yang diminta oleh Wakil Kemasik. Satu perkara yang mungkin *semabor* barangkali duduk ingat bila sebut KDNK ini ialah hasil kepada negeri yang boleh dimasukkan sama dengan Kumpulan Wang Disatukan, barangkali takut *semabor* situ. Dia *consolidated fund* ini Kumpulan Wang Yang Disatukan ini merupakan hasil kepada negeri, KDNK ini dua-dua istilah ini digunakan pada peringkat negara dan juga negeri. Kalau KDNK peringkat negara itu adalah peringkat negara keluaran negara kasar bagi negeri keluaran dalam negeri kasar, yakni segala hasil yang dikeluarkan oleh rakyat negeri ini dari pelbagai sektor, sebab tu tadi Yang Bert hormat Pertanian sebut daripada sektor pertanian sekian, kemudian daripada sektor pembuatan sekian, semua-semua itu merupakan KDNK ertinya yang dikeluarkan, yang dihasilkan oleh rakyat negeri ini yang menggambarkan kaya ataupun miskinnya, bukan miskin dalam pengertian kemiskinan yang mutlak begitu, dari sudut kedudukan ekonomi sesebuah negeri ataupun negara itu. Kalau KDNKnya tinggi, menggambarkan makna rakyat dalam negeri tu produktif, kalau dia tak ada KDNKnya rendah maka tidak produktif. Itu dilihat dari sudut pengeluaran. Ada lagi cara mengira dia yang dikira melalui bagaimana gaji ataupun *income* yang diperolehi seorang rakyat kumpul semua, boleh dapat juga kira ataupun bagaimana rakyat berbelanja. Dia ada tiga kaedah iaitu sama *approch, production*, daripada *income* ataupun daripada *expenditure* daripada perbelanjaan, ini boleh dikira. Jadi apa yang disebut oleh Duli Yang Maha Mulia, KDNK ini itulah gambaran kepada bahawa apabila rakyat mengeluarkan barang maka hasilnya balik kepada rakyat, dia tak masuk kepada kerajaan. Misalnya, pelancongan pelancong mari duduk di hotel, yang dapat duit pelancong ialah hotel, dia pergi pasar Kedai Payang beli kain batik, yang dapat ialah peniaga. Dia pergi pula barangkali di mana-mana beli barang makanan, yang dapatnya peniaga. Jadi rakyat yang dapat duit bukan kerajaan yang dapat duit, kerajaan dapat duit melalui barangkali lesen-lesen dan perkara-perkara lain yang ada hubung kaitnya dengan perkara itu. Jadi saya rasa jelaslah bahawa ini bukan hasil kepada negeri tetapi menggambarkan kedudukan ekonomi sesebuah negeri dan sesebuah negara itu.

Yang akhir saya nak sebut. Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, berhubung dengan Kemasik juga tak ada perancangan, tak ada polisi, tak ada dasar sama ada jangka pendek, jangka panjang, tak ada. Saya suka menyatakan bahawa memang waktu kerajaan ni mengambil alih kita tak mengambil alih daripada kosong ertinya kosong tak ada apa satu dok, sudah ada, bangunan sudah ada, bangunan dewan sudah ada, sudah banyak bangunan-bangunan yang sudah ada, pembangunan yang sudah dibuat pun ada. Kita meneruskan yang itu dengan perubahan-perubahan dan polisi yang kita buat. Dalam soal pembangunan ini apa yang penting ialah bagaimana kita nak setkan *priority* nak meletakkan *priorities* keutamaan kita nak dulukan yang mana. Semua kita nak buat tapi *priorities*nya mana, orang kaya ke orang miskin, korporat ataupun apa, nak ... nak semua. Jadi pendekatan kita berlainan, inilah yang membezakan kita. Dari segi *the setting of priorities* pembangunan negeri Terengganu ini kita lain daripada apa yang diletakkan tu, benda tu mungkin sama tapi nombor tu bertukar, mungkin nombor satu dulu jadi nombor tujuh kita dalam kerajaan yang ada ni, nombor 10 dalam kerajaan dulu jadi nombor satu kita. Inilah keutamaan-keutamaan yang kita letakkan.

Oleh kerana itu Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, kalau nak kata tak ada pelan pembangunan dalam masa tiga tahun kita telah menyediakan pelan induk pembangunan bagi pelbagai sektor. Antaranya, saya nak sebut ringkas-ringkas pelan pembangunan yang telah kita buat, iaitu Pelan Induk Perindustrian II (2001-2010) diselesaikan dalam zaman kerajaan baru BA yang dipimpin oleh PAS, dulu tak siap-tiap sebab nak pakai konsultan memerlukan duit banyak. Dalam kerajaan baru kita kata dengan wang royalti kita yang telah dirampas, kita belanja mengikut keupayaan yang ada pada kita, kita kerah pegawai-pegawai kita sendiri yang diketuai oleh UPEN turun ke bawah, dialog dengan di peringkat daerah, rakyat bagi input, pegawai bagi input. NGO bagi input, kita telah berjaya Pelan Induk Perindustrian yang kedua (2001-2010). Kemudian kita telah berjaya membuat Pelan Induk Pertanian yang di bawah Yang Berhormat Pertanian, yang ketiga Pelan Induk Pelancongan di bawah Yang Berhormat Pelancongan, Pelan Induk Belia di bawah Yang Berhormat Belia, Pelan Induk Pembangunan Socio Ekonomi di bawah Exco yang jaga Kebajikan, Wakil Tepuh. Yang terakhir yang kita lancarkan Pelan Induk bagi ICT yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar baru-baru ni, kita ada enam dalam masa tiga tahun. Bila kita mari tak ada satu dasar yang betul-betul kemas, tak ada kita meletakkan polisi-polisi ini. Tak tak menyebut bidang-bidang yang tertentu saya bercakap ini dari segi pembangunan ekonomi ini, adapun pelaksanaan dari segi pendidikan, syariah, perundangan, perumahan tu saya dok sebut saya menyebut ini benda-benda yang sudah kita dibuat, sudah ada enam dan akan ada lagi perkara-perkara yang sedang *diformulatekan* untuk kita jadikan pelan kepada pembangunan negeri Terengganu, insya Allah.

Jadi Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, saya rasa saya tak perlu mengambil waktu yang terlalu panjang tetapi jelaslah bahawa pihak pembangkang tidak punya suatu alasan yang kukuh untuk mengatakan bahawa pembangunan negeri Terengganu yang berdasarkan kepada pembangunan insan dan pembangunan ekonomi ini tidak berlaku, sedang berlaku, sedang ditingkatkan *on track* orang putih kata, sedang dalam railnya yang betul yang sedang kita menuju untuk kebaikan negeri kita, rakyat kita, insya Allah. Wabillahi taufik wahidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO` YANG DIPERTUA: Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR:
Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian. Pertama-tama saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada dari kalangan kerajaan ataupun pembangkang yang telah melibatkan diri di dalam perbahasan Dewan ini. Dan tidak ketinggalan juga saya mengucapkan terima kasih kepada jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan yang telah menyediakan jawapan-jawapan daripada persoalan-persoalan yang ditimbulkan.

Perbincangan hangat yang berlaku dalam masa empat hari. Walaupun di sana ada perkara-perkara yang memanas tetapi berlaku dengan cara yang terbuka adalah menunjukkan demokrasi yang sihat walaupun kita mengalami tindakan-tindakan yang tidak bersifat demokratik. Kita mengharapkan supaya perbincangan yang berlaku adalah lebih baik sekiranya diketahui rakyat di luar Dewan ini. Oleh kerana itu saya telah menegaskan beberapa kali adalah lebih baik supaya persidangan Dewan di negara kita, bukan saja Parlimen termasuklah Dewan Undangan Negeri Terengganu disiarkan secara langsung oleh RTM dan oleh saluran-saluran TV sebagaimana yang diamalkan di dalam negara-negara demokrasi yang lain dalam dunia. Bagi Kerajaan Negeri Terengganu saya menyatakan sikap yang terbuka bahawa kita sedia memberi kebenaran kepada RTM dan saluran-saluran TV dalam negara kita untuk menyiarkan secara langsung, bukan saja ucapan daripada pihak kerajaan termasuklah juga ucapan dan pandangan daripada pihak pembangkang.

Banyak Ahli-ahli Yang Berhormat terutama pembangkang menimbulkan kenyataan-kenyataan yang saya buat di dalam akhbar melalui wawancara yang dilakukan oleh NST, di mana dalam kenyataan itu saya telah menyokong Perdana Menteri dan menunjukkan sikap yang positif dalam beberapa dasar yang diamalkan di dalam negara kita. Itu adalah sikap keterbukaan kami, di mana kami tidak membangkang secara melulu semua perkara yang positif kita sokong dan kita bersetuju. Semua perkara yang menjadi kepentingan bersama kepada negara dan umat kita menyokong. Walaupun di dalam sokongan itu kita mempertahankan Perdana Menteri sebagai pemimpin negara sekiranya berlaku campur tangan daripada negara asing kerana negara asing tidak berhak untuk campur dalam urusan negara kita. Kita sendirilah yang perlu membuat perubahan dalam negara kita sendiri. Walaupun kita menyedari adanya kelemahan-kelemahan yang berlaku di kalangan kepimpinan ini hak dalam negara kita. Sebagaimana kita tidak bersetuju campur tangan Amerika terhadap Iraq dengan menyerang dan menceroboh, walaupun kita mengetahui bahawa Presiden Hussein dan partinya adalah sebuah parti diktator yang memerintah secara kuku besi. Kita menganggap serangan itu adalah lebih dahsyat daripada kuku besi, merupakan suatu kezaliman yang melampaui batas maka kita sama-sama menentang.

Kita mahu sikap ini juga dilakukan oleh Kerajaan Pusat terhadap Kerajaan Negeri. Tetapi malangnya pihak Kerajaan Pusat yang dipimpin oleh Barisan Nasional, walaupun di sana ada perkara-perkara yang berlaku dengan baik dan positif, kita mengucapkan terima kasih, seperti kemasukan pelaburan asing di negeri Terengganu dengan jumlah yang besar, seperti peruntukan kewangan yang diberi mengikut Perlembagaan, itu diberi. Tetapi kadang-kadang berlaku beberapa kelemahan, kelemahan yang tidak patut termasuk kelemahan dalam perkara yang boleh dianggap

sebagai bukan besar tapi itu pun menjadi masalah juga. Sebagai satu contoh saya ingin mendedahkan, apabila pihak Kerajaan Negeri meminta supaya diberi satu taklimat berkenaan dengan denggi yang heboh merebak di seluruh negara. Di mana pihak jabatan kerajaan negeri melalui Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pentadbiran), Tuan Haji Mokhtar bin Ismail telah menghantar surat kepada pihak Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu supaya diberi satu taklimat berkenaan dengan denggi. Tetapi apa jawapannya, jawapan yang diberi ialah jawapan daripada pihak Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu yang ditujukan kepada Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pentadbiran). *Dengan hormatnya saya diarah untuk merujuk perkara di atas. Dimaklumkan bahawa mengikut keputusan Jemaah Menteri dan arahan seterusnya daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan supaya maklumat mengenai wabak denggi tidak didedahkan kepada mana-mana pihak termasuk Exco Kesihatan Negeri-negeri. Namun sekiranya negeri-negeri masih memerlukan maklumat berkenaan, pihak berkenaan hendaklah mendapat kelulusan terus daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan.* Saya telah menimbulkan perkara ini di Parlimen dan menyoal Kementerian Kesihatan dalam perkara ini, di mana pihak Kementerian Kesihatan telah menafikan, bila saya sebut surat ini mereka mengatakan pegawai tak faham. Saya tak tahu pegawai yang tak faham, saya ingat pegawai faham yang tak reti bahasanya ialah Kementerian Kesihatan. Ini yang menjadi masalah, ini adalah di antara amalan-amalan yang tidak demokratik, yang tidak patut berlaku.

Sebagai satu perkara lagi ialah pinjaman air yang diberi dari Pusat kepada negeri-negeri, ini adalah mengikut amalan-amalan *federalisme* dalam negara kita. Kerajaan Pusat telah memberi peruntukan pinjaman air, di mana pinjaman bekalan air diberi secara tanpa *interest* tetapi dibuat suatu kenyataan yang bertulis bahawa kecuali Terengganu dan Kelantan diberi pinjaman secara *interest*. Ini adalah sikap-sikap yang tidak betul dan tidak tepat dengan amalan demokrasi dan tidak menghormati keputusan pilihan raya yang telah diberi oleh rakyat dalam pilihan raya yang lalu. Begitu juga terdapat jabatan-jabatan kerajaan daripada Persekutuan, diarahkan supaya tidak memberi kerjasama kepada Kerajaan Negeri. Sebagai satu contoh ialah pihak Polis, di dalam mengendalikan urusan mencegah maksiat di mana pihak Penguasa Mencegah Maksiat, Jabatan hal Ehwal Agama memerlukan kerjasama daripada Polis dalam mengendalikan perkara yang perlu kepada menjaga keselamatan. Apa yang berlaku ialah pihak Polis diarahkan supaya tidak memberi kerjasama kepada Pencegah Maksiat di peringkat negeri. Ini adalah bercanggah dengan Akta Polis sendiri. Akta Polis yang saya sendiri mendapat nasihat daripada Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang dan memberi pandangan, adalah mengikut Akta Polis bahawa pihak Polis hendaklah memberi kerjasama di mana saja negeri yang dia bertugas tanpa mengira sama ada negeri yang diperintah partinya sama dengan Kerajaan Pusat ataupun tidak. Apa yang berlaku ialah pihak Polis telah diarahkan dengan begitu rupa.

Kita menyedari bahawa di sana masih ada undang-undang yang dipertikaikan sama ada ia menepati Perlembagaan ataupun tidak. Dan di sana sudah ada undang-undang yang menepati Perlembagaan yang tidak boleh dipertikaikan dalam perkara Takzir. Dalam perkara ini pun juga terdapat tidak ada kerjasama daripada pegawai-pegawai Kerajaan Pusat. Namun denikian, ini bukanlah hasrat pegawai-pegawai kerajaan, ini adalah merupakan sikap yang tidak betul pemimpin-pemimpin politik yang tidak demokratik. Saya tidak tahu di mana semangat patriotisme, di mana semangat nasionalisme yang dikatakan oleh mereka. Nasionalisme adalah menjadi perjuangan kepada UMNO yang menjadi teras kepada pemerintahan negara kita.

Yang Berhormat daripada Paka telah menimbulkan tentang nasionalisme dan menjadi satu perbincangan ringkas berhubung dengan nasionalisme. Saya suka menjelaskan nasionalisme adalah suatu ideologi yang berteraskan kepada kebangsaan, menjadi dasar, menjadi akidah perjuangan. Kebangsaan sekiranya ia adalah satu perasaan yang ada di dalam hati, ini tidak menjadi salah dari segi agama. Kita kasih kepada keluarga kita, kita kasih kepada bangsa kita, kita kasih kepada kaum kita, tidak menjadi salah. Bahkan Allah s.w.t. sendiri menurunkan ayat kepada Rasulullah s.a.w. yang bermaksud – *Dan berilah peringatan kepada keluargamu yang hampir. Di mana diutamakan keluarga yang hampir. Apa yang menjadi salah apabila kecintaan kepada bangsa menjadi suatu ideologi, menjadi suatu dasar, menjadi suatu prinsip perjuangan.*

Saya ingin menyebut satu huraian yang dibuat oleh satu *encyclopaedia* yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Belia Islam Antarabangsa, yang berhubung dengan nasionalisme. Nasionalisme adalah satu ideologi, teori yang berlandaskan kepada kecintaan kepada bangsa, yang berdasarkan kepada hubungan darah, keluarga, bahasa dan sejarah. Di mana fahaman ini dicetuskan menjadi satu ideologi pada akhir abad ke-20 di Eropah. Kemudian bertiup ke negara-negara yang dijajah oleh penjajah barat dan di bawah ke negara Islam bermula daripada negara Arab maka timbullah nasionalisme Arab. Dan di bawa ke negara kita melalui pendidikan dan pelajaran dengan tujuan untuk menyingkirkan Islam daripada berperanan di dalam masyarakat dan umat. Melalui sekolah-sekolah, melalui Malay College, melalui pusat-pusat pendidikan fahaman kebangsaan ini ditanam. Kemudian aliran agama dan Islam disisihkan, ditonjolkan sejarah-sejarah Majapahit, Seri Wijaya, sejarah Firaun di Mesir, sejarah Hang Tuah yang tidak diketahui benar ataupun salahnya dan berbagai-bagai sejarah. Peranan Islam di dalam sejarah dilupakan. Contohnya peranan Batu Bersurat di Terengganu, peranan Sultan-Sultan Terengganu yang melaksana dan menegakkan Islam, ini tidak disebut. Tokoh-tokoh Islam yang berjasa, tidak disebut. Ini adalah fahaman kebangsaan yang ditanamkan hingga kecintaan kepada bangsa mengatasi kecintaan persaudaraan Islam. Inilah yang telah menyebabkan orang Arab menolong penjajah barat di dalam menjatuhkan Kerajaan Uthmaniah Turki dalam Perang Dunia yang pertama. Melalui fahaman kebangsaan Arab ini maka jatuhnya kerajaan Islam. Dan di atas dasar fahaman kebangsaan Arab ini juga Iraq mempertahankan negara dan telah gagal, telah tidak berjaya, telah kecundang.

Ini menandakan bahawa fahaman kebangsaan bukan saja gagal bahkan ia merupakan satu fahaman yang lemah dan bercanggah dengan ajaran Islam. Di mana Nabi kita Muhammad s.a.w. telah bersabda dalam satu hadis yang bermaksud – *Bukan dari kalangan kita orang yang menyeru ke jalan assabiyah. Bukan dari kalangan kita oarng yang berjuang di atas dasar assabiyah dan bukan dari kalangan kita orang yang mati di atas assabiyah.* Lalu para sahabat bertanya – *Apakah yang dikatakan assabiyah itu, wahai Rasulullah?* Jawab Rasulullah s.a.w. – *Makna assabiyah itu ialah kamu menolong kaum mu di atas dasar kezaliman.* Walaupun dia zalim, walaupun dia tak betul, oleh kerana dia kaum kita, puak kita ditolong juga. Di mana fahaman inilah yang meresap di dalam nasionalisme. Pada awalnya baik tetapi di dalamnya penuh dengan kelemahan-kelemahan dan keburukan.

Nasionalisme juga adalah satu dasar yang tidak ada prinsip dalam perkara ekonomi, dalam perkara politik, dalam perkara akidah. Oleh kerana itu nasionalisme dia boleh bertukar daripada kapitalis, liberalis menjadi komunis, menjadi sosialis, menjadi ethis dan boleh menjadi apa saja bukan dia boleh menjadi Islam. Kerana nasionalisme lebih bersifat pragmatisme, terlalu hanyut yang mem-

bawa kepada menycleweng dan tersisih daripada akidah sedikit demi sedikit dan membawa kepada kezaliman. Berlakunya penindasan

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Pohon laluan, Yang Dipertua.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Ya.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dijelaskan tadi bahawa nasionalisme atau assabiyah ialah mereka yang menolong kepada kezaliman. Mereka yang menolong kepada kezaliman adalah assabiyah. Boloh Yang Amat Berhormat nyatakan, apakah kezaliman yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan Pusat ataupun oleh UMNO terhadap orang Melayu khususnya.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Di antara yang jelas, Tuan Yang Dipertua ialah nasionalisme dia menjadi lebih kecil daripada assabiyah kaum menjadi assabiyah parti. Daripada nasionalisme dia bertukar menjadi Melayuisme, bertukar menjadi UMNOisme. Mula-mula bumiputeraisme, dia bertukar jadi UMNO, bumiputera pun jadi UMNO. Bukan sahaja orang-orang Melayu, bukan sahaja orang Cina, orang India yang tertindas termasuklah orang Melayu yang tidak UMNO, yang disisihkan di dalam jawatan, yang disisihkan di dalam ekonomi, yang disisihkan dalam berbagai-bagai perkara. Ini terlalu ketara di dalam negara kita, terlalu jelas. Dan untuk penjelasan lagi, Tuan Yang Dipertua, saya baca undang-undang Tubuh UMNO, Undang-undang Tubuh UMNO Fasal 3 menyatakan – *UMNO adalah sebuah parti politik yang progresif, berjuang menurut lunas-lunas demokrasi dengan tujuan menghasilkan cita-cita kebangsaan*, disebut 'cita-cita kebangsaan'. Di dalamnya disebut agama – *Berusaha mempertahankan, menegak dan mengembangkan Islam agama rasmi negara dan membenarkan kebebasan beragama*. Kemudian dijelaskan lagi – *mendokong Perlembagaan Malaysia, Perlembagaan Negeri dan mempertahankan prinsip-prinsip yang terkandung di dalamnya terutama mengenai agama rasmi Islam*. Dengan jelas bahawa Islam yang dimaksudkan di dalam perjuangannya bukan berdasar kepada Islam yang ada dalam Quran dan hadis Nabi s.a.w. Tetapi Islam yang berdasarkan kepada huraian Lord Reed yang ditinggal oleh penjajah, ini yang menjadi masalah, Tuan Yang Dipertua. Ini suatu perkara yang perlu dijelaskan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan lagi sekali, Yang Dipertua. Adakah dengan usaha pihak kerajaan dan juga UMNO untuk mengangkat martabat umat di Malaysia setanding dengan bangsa-bangsa lain di negara ini adalah suatu kezaliman?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Tuan Yang Dipertua, Islam adalah agama yang menyeluruh bukan satu agama untuk mengangkat martabat umat. Kita boleh mengangkat martabat umat tetapi jangan kita menyisihkan umat yang lain, itu tidak boleh. Kita mengangkat umat kita dengan tidak menzalimi umat yang lain, ini suatu perkara yang perlu jelas. Sebagai contoh Tuan Yang Dipertua, masalah tanah yang ada di negeri Terengganu ini ada sebuah perkampungan Cina di Bukit Berangan kawasan Kuala Nerus. Mereka tinggal di situ hampir 50 tahun, mereka duduk di situ tidak mendapat hakmilik. Sudah diusahakan beberapa tahun, mengapa tak diberi hakmilik, mereka sudah beranak cucu. Setelah kita memerintah dalam masa dua tiga tahun barulah kita menyelesaikan masalah ini. Satu lagi kawasan

perkuburan di Wakaf Tapai, mereka mohon untuk tanah kubur nak tanam yang sudah mati itu pun payah juga. Ini adalah kezaliman terhadap kaum, ini adalah hasil daripada nasionalisme, fanatik kebangsaan.

Kemudian di sana ada kenyataan-kenyataan yang menunjukkan bagaimana pemimpin-pemimpin UMNO menolak syariat. Di antaranya ialah kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 3 Mac, 1994, *saya ingin memastikan bahawa negeri-negeri yang diperintah oleh BN tidak akan melaksanakan hudud Hudud*. Kenyataan pada 14 Ogos 1994 di Pasir Mas, Kelantan – *Sukar dilaksanakan hukum syarak kerana masyarakat Malaysia bukan 100 Islam*.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, laluan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Nanti habis saya baca dulu.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Saya minta Yang Amat Berhormat baca habis jangan baca sedikit ... yang menyebabkan kenyataan itu dikeluarkan. Jangan mengelirukan Dewan ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, dia tak beri laluan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Ya ... nanti saya baca habis. Pada 3 Mac 1994 di Pusat Bahasa Nilam Puri, *Hudud tidak boleh dilaksanakan kerana sukar mendapat saksi yang tidak fasik*. Kenyataan lagi ... kenyataan yang dibuat oleh Dr. Sulaiman Daud pada 21 Ogos 1993, *pada pendapat saya undang-undang Islam tidak sesuai dilaksanakan di Malaysia sekarang lebih baiklah undang-undang yang ada dikekalkan*.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Yang Berhormat laluan. Dr. Sulaiman Daud ni UMNO ke?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Ya ... dia dalam setangkailah, dalam satu tangkai. Kemudian kenyataan, Dato' Seri Najib Tun Razak, Utusan Malaysia 20 April 1993 – *Negara akan huru hara sekiranya undang-undang Islam dilaksanakan*. Saya baca lagi, kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri 24 April 1992, *jika mereka hendak sangat hukum Hudud mereka kenalah cuba hukum mereka sendiri atau mahkamah mereka sendiri. Maka seronok nak potong tangan orang seolah-olah jika tidak potong tangan tidak Islam. Sekarang kita nak tengoklah mereka boleh buat atau tidak*. Kenyataan Dato' Seri Hamid Albar, ini UMNO ni – *PAS tidak akan melaksanakan hukum Hudud kerana ia jelas bertentangan dengan Perlembagaan Lord Reed*. Mereka ada kuasa dalam Perlembagaan ini tapi mengapa mereka tidak buat perubahan. Kenyataan 18 Ogos 1991, *pelaksanaan hukum Hudud boleh menyebabkan umat Islam menjadi mundur kerana tidak boleh bersaing dengan orang bukan Islam. Apabila orang Islam dipotong tangannya dan dilakukan hukum Hudud sedangkan orang bukan Islam tidak dikenakan*. Kemudian peristiwa yang malang yang berlaku dalam negara kita,

ialah pada tahun '88, pemecatan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas yang jadi Exco kita sekarang. Di mana dakwaan pemecatan dibuat berdasarkan ucapan Tun Salleh Abas pada 13 Januari 1988 di majlis pelancaran sebuah buku yang berkaitan dengan undang-undang, kerana cuba menjawab kritikan yang dibuat oleh Perdana Menteri tentang penafsiran undang-undang. Tuduhan yang dikenakan kepada Tun oleh pihak Tribunal, saya baca tuduhan itu - *Kamu telah membuat rujukan khas terhadap peranan pentafsiran hakim-hakim dan kamu telah menganjurkan penerimaan sistem perundangan Islam. Yang kedua, percubaan kamu untuk mengatur semula undang-undang secara umumnya mengikut prinsip-prinsip Islam*. Ini antara hujah-hujah mengapa Ketua Hakim Negara dipecat.

Dan yang paling jelas sekali ialah kes bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, yang berkaitan dengan moral, yang berkaitan dengan akhlak. Sepatunya kes ini hendaklah dibawa ke Mahkamah Syariah, mengapa tidak dibawa ke Mahkamah Syariah supaya saksinya disemak mengikut hukum syarak, supaya keterangan-keterangan disemak mengikut hukum syarak, supaya dibersihkan daripada elemen-elemen khianat politik, dibersihkan daripada itu semua tetapi diseret ke mahkamah yang tidak berkaitan dengan dosa dan pahala. Maka berlakulah apa yang berlaku dan sehingga hari ini tidak boleh selesai. Saya yakin dan percaya sekiranya kes itu dapat dilaksanakan berdasarkan hukum syarak ianya dapat dilakukan dan dikendalikan dengan sebaik-baiknya. Menunjukkan bahawa kita perlu kepada pelaksanaan hukum syarak. Pelaksanaan hukum syarak ini juga mesti difahami kerana masih banyak yang tak faham. Perbahasan di dalam Dewan ini pun berkaitan dengan hukum syarak menitik beratkan tentang fasal berapa, nombor berapa bukan berdasarkan kepada hukum itu, bukan berdasar kepada roh undang-undang, bukan berdasar kepada hikmah. Konomnya undang-undang yang ada bercanggah dengan Kelantan, percanggahannya kerana Kelantan fasal sekian, Terengganu fasal sekian, fasal nombor saja. Tadi masalah khatib tamu pun bahas fasal undang-undang nombor berapa, nombor berapa bukan *mafhum* daripada undang-undang itu. Saya teringat peristiwa yang berlaku di zaman Rasulullah s.a.w. apabila Rasulullah s.a.w. balik daripada Israk Mikraj menceritakan bertemu dengan Nabi-habi dan Rasulullah, bertemu peristiwa dosa dan pahala, bertemu dengan itu, dengan ini ... tetapi Abu Jahal menanya Nabi, berapa jumlah tiang masjid, berapa jumlah pintu masjid, berapa depa luas dia, Tanya berapa depa, berapa jumlah pintu masjid bukan berdasarkan kepada ajaran dan hikmah yang terkandung daripada peristiwa Israk Mikraj.

Begitulah dalam perkara hukum syarak, untuk melaksanakan hukum syarak ini kita mesti melaksanakan tiga perkara yang penting, yang pertama azam, cita-cita dan ada matlamat untuk melaksanakan hukum syarak. Mesti ada azam, ada cita-cita, ada matlamat, ada niat dan Nabi kita Muhammad s.a.w. telah bersabda - barang siapa yang ada niat nak buat amal yang baik, diperintah oleh Tuhan dia sudah diberi satu pahala, bila dia buat diberi 10 pahala dan sehingga 700 kali ganda, sehingga tidak terhingga, mesti ada niat dulu. Ini daripada awal sudah tidak ada niat. Kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin UMNO tak ada niat.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong):
Yang Berhormat Yang Dipertua, laluan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Ya.

YANG BERTAMBAH HORMAT MULLIAT ENGGU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih, Yang Amat Berhormat di atas ucapan. Sebenarnya kita mengharapkan ucapan pemimpin negeri menggulung Titah Ucapan baginda Tuanku bagi kepentingan negeri dan apa yang dititahkan di dalam ucapan tersebut. Saya menganggap ... saya melihat satu provokasi besar daripada pemimpin negeri terhadap Kerajaan Pusat. Dan masa yang begitu banyak saya rasa tidak wajar perlu diperbahaskan isu-isu yang dibangkitkan banyak dengan suasana yang lebih adil. Jadi saya mohon Yang Amat Berhormat, lakukanlah kebijaksanaan di Dewan ini mulia ini bukan melakukan provokasi sebagaimana yang dibangkitkan sekarang. Terima kasih.

YANG AMAT BERTAMBAH HORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Tuan Yang Dipertua, adakah satu yang tidak bijaksana saya bercakap berkenaan dengan pelaksanaan syariat? Saya bercakap berkenaan dengan desakan untuk melaksanakan hukum Islam? Adakah satu perkara yang tidak bijaksana? Hukum ini bukan hukum saya, bukan hukum PAS, bukan hukum Ahli-ahli Exco, hukum ini adalah hukum Allah s.w.t. yang menjadi tanggungjawab seluruh umat Islam. Dan sekiranya Kerajaan Pusat melaksanakan hukum syariat ini kita sokong mereka lebih daripada 100%, kita terima. Apa yang menjadi masalah hari ini halangan-halangan terhadap pelaksanaan hukum syarak, memandang remeh temeh, melekeh menandakan tidak faham tapi tidak mengaku tidak faham. Ini yang menjadi masalah. Yang pertama mesti ada cita-cita, ada matlamat, yang kedua *fiqhalawiyak*, yang ketiga siasah syariah. Ini tiga perkara yang penting. Yang pertama ada matlamat, ada cita-cita.

Kita ada matlamat, ada cita-cita, kita nak buat, kita cari bagaimana nak selesaikan halangan-halangan ini, secara perbincangan, secara demokratik, kita tidak mengambil secara revolusi kerana kita menyedari bahawa negara kita adalah negara demokrasi. Pendekatan demokrasi adalah pendekatan yang sihat tetapi cara demokrasi pun tak diterima. Kita ajak muzakarah, kita ajak bincang secara akademik, secara ilmu ini yang perlu diadakan tetapi mereka mengadakan perbincangan secara berasingan. Kita tak mahu berasingan, kita buat secara sama-sama bertanggungjawab. Yang kedua *fiqhalawiyak* ini ialah berdasarkan kepada yang mana dulu yang mana kemudian, di mana Kerajaan Negeri telah melaksanakan hukum syarak mengikut *fiqhalawiyak*, memulakan menutup hiburan-hiburan maksiat, menutup premis-premis maksiat. Ini langkah yang diambil tanpa perlu kepada pinda Perlembagaan dan undang-undang. Langkah pentadbiran yang boleh dibuat secara drastik. Di mana hiburan-hiburan ini termasuklah yang melibatkan hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan. Kita tidak tahu selama ini, kita ingat program sambutan perayaan Tuanku ini, Tuankulah yang atur program rupanya Kerajaan Negeri yang atur. Jadi selama ini Kerajaan Negerilah yang mengizinkan pesta-pesta yang berlaku dalam negara kita pada hari Keputeraan Tuanku, ini yang berlaku. Maka kita telah membuat perubahan, ini *fiqhalawiyak*, dalam perkara pajak gadai mengapa ada lagi pajak gadai, tak ditutup secara drastik. Ini kita lakukan ... yang pertama secara motivasi kerana perkara ini berkait dengan orang yang bukan Islam, yang mengusahakan ini orang bukan Islam, bukan orang Islam. Kita perlu memahami dilema di antara nak memberi hak kepada orang yang bukan Islam dan nak melaksanakan hukum syarak. Kedua-dua perkara ini hendaklah ditangani.

Dalam masalah menutup premis judi dan arak kami mengadakan dialog dengan peniaga-peniaga yang bukan Islam, persatuan perniagaan yang bukan Islam. Dalam dialog itu kami tanya mereka, adakah ini haram dari segi agama kamu? Mereka kata agama mereka tidak menggalakkan judi,

maka judi diharamkan semua. Dalam masalah arak, agama mereka membenarkan maka kita benarkan kepada orang yang bukan Islam untuk orang yang bukan Islam. Ini pun dijadikan isu politik, berapa lama disiarkan dalam surat khabar. Dalam perkara pajak gadai di mana Pengerusi Jawatankuasa Syariah ... Yang Berhormat Dato' Pengerusi Jawatankuasa Pelaksanaan Syariah, Dakwah dan Pendidikan bersama dengan pegawai telah mengadakan dialog dengan pengusaha-pengusaha pajak gadai yang bukan Islam. Memperkenalkan kepada mereka *Ar-Rahnu* iaitulah pajak gadai secara Islam, bukan tak boleh untung, ada untung tetapi tidak bertindak. Kita minta supaya mereka terima. Sekarang kita beri kebebasan kepada mereka, mereka nak buat perubahan ataupun tidak. Ini secara motivasi. Kemudian wang yang dibayar, lesen yang dibayar kerana nak mendapat kebenaran ini tidak dicampur semua dalam duit kewangan negeri, kita masuk dalam tabung khas yang berkait dengan tabung orang yang bukan Islam, dibelanjakan untuk orang yang bukan Islam. Kita tak beri gaji kepada pegawai-pegawai duit-duit haram ini bahkan kita mengharamkan riba, pinjaman riba dihapuskan. Ini pelaksanaan Islam.

YANG BEREHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Lualuan, Yang Berhormat. Saya nak tanya, akaun yang berkenaan. Bolchkah diberitahu kepada Dewan ini, akaun yang dimaksudkan itu? Akaun yang dimaksudnya asing daripada yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat sebentar tadi? Sila kemukakan ke Dewan kita.

YANG AMAT BEREHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Kalau Yang Berhormat baca buku *hurget*, oleh kerana buku *hurget* tu tebal sangat saya percaya Yang Berhormat baca tak habis, kalau Yang Berhormat baca habis di dalam tu ada satu ruangan khas, iaitulah kewangan daripada sumber-sumber yang tidak halal mengikut hukum syarak termasuklah cukai babi, yang Wakil Ajil sebut kelmarin.

YANG BEREHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat itu *hurget*, *hurget* ni perkara yang belum berlaku. Ini saya nak yang telah pun dijalankan, pajak gadai ni telah pun diterima tendernya sejak dari tahun 2001, ini tidak termasuk dalam *hurget*. Ini akaun yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat tadi.

YANG AMAT BEREHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Ya dalam *hurget* pun ada, dalam akaun Tabung Darul Iman pun ada, itu dah ada dua tabung, satu tabung daripada sumber yang halal, satu tabung daripada sumber yang diberi daripada duit haram, orang yang ada riba nak taubat daripada riba, termasuklah sumber yang haram yang lain-lain, ini diberi kepada orang yang bukan Islam.

YANG BEREHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat, saya nak minta RM129,294.00

YANG BEREHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: yang Berhormat Wakil Telemong duduk dulu, biar dia jawab dulu.

YANG BEREHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Saya nak minta RM129,294.00 dibuktikan berada di dalam akaun yang berasingan. Kalau ada saya ucap terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bagi kepada Yang Amat Berhormat jawab dulu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Tuan Yang Dipertua, saya boleh bagilah angka-angka semua sekali cara detail ... bagi kemudian secara bertulis. Macam tanya pintu masjid tadilah, berapa tiang masjid, berapa pintu masjid bukan daripada masalah maksud daripada pelaksanaan hukum. Tak apalah, dia nak kita bagilah secara bertulis.

Saya nak mengambil masa untuk menjelaskan hal-hal yang lain. Di mana untuk melaksanakan hukum syarak kita perlu mengambil *fiqulawiyak*. Yang ketiga, mestilah siasah syariah iaitulah polisi pelaksanaan hukum syarak. Sebagai contoh dalam masalah tanah, nak menyelesaikan masalah tanah dalam kitab fikah *batihya humawab* saya sudah terang dalam Dewan yang lalu tapi nak jelaskan lagi, nak tambah lagi dalam Dewan ini, di mana mengikut mazhad Shafie, oleh kerana Imam Shafie tinggal di Hijab, Hijab adalah padang pasir yang luas, penduduknya tidak ramai. Maka Shafie menyatakan bahawa hukum meneroka tanah diizinkan secara bebas kepada rakyat, rakyat boleh meneroka asal tanah itu bukan milik sesiapa. Bila dia teroka, secara automatik menjadi miliknya. Ini mengikut mazhad Shafie yang diamalkan di dalam negara. Mengikut mazhad Hanafi yang tinggal di Iraq, kawasan yang penduduknya berjuta-juta, tanahnya tidak banyak, Abu Hanifah mengatakan, untuk meneroka tanah mestilah mendapat kebenaran dan pengesahan daripada kerajaan. Shafie berdalilkan hadis yang bermaksud – *sesiapa yang menghidupkan bumi yang mati, jadi milik dia*. Ini dalil dengan hadis.

Di mana dari segi siasah syariah, hendaklah dikaji mengapa timbul sebab hadis ini timbul. Ia berkait dengan sebab hadis ini. Sebab hadis ini ialah dalam kawasan tanah yang luas, penduduknya tidak ramai. Apabila sebabnya berubah maka hukum juga hendaklah berdasarkan kepada sebab yang berubah. Oleh kerana itu mestilah mendapat kebenaran daripada pihak yang berkenaan. Maka kita mengendalikan berdasarkan kepada *ihyahumawab*, berdasarkan kepada syura bukan saja melibatkan pegawai-pegawai kerajaan yang berkait dengan tanah, termasuklah pemimpin-pemimpin masyarakat. Maka di dalam hal ini kita telah menyelesaikan berpuluh-puluh ribu masalah tanah di mana pihak PTG kita menganggarkan untuk menyelesaikan masalah ini 50,000 masalah dalam masa setahun, nak selesai 50,000. Alhamdulillah, kita mencapai angka 50,000, ini kepada mereka yang tidak ada tanah di mana kita menerima permohonan 100,000 lebih. Kita mahu dalam setahun 50,000 nak selesaikan. Bila saya buat kenyataan akhbar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri telah mengkritik Kerajaan-kerajaan Negeri di seluruh negara yang tidak boleh menyelesaikan masalah tanah. Alhamdulillah, Pejabat Tanah kita telah diminta untuk memberi taklimat kepada pihak Pusat, Kementerian Tanah dalam mengendalikan perkara tanah ini. Alhamdulillah, ada negeri yang datang melawat, ada pihak jabatan tanah negeri yang datang melawat ke Terengganu untuk melihat bagaimana penyelesaian di Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, boleh beri laluan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Persilakan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Dalam taklimat ... dalam sistem itu termasuk juga Pejabat Tanah menyerahkan kuasa kepada JSR untuk mengurus atau memproseskan permohonan?"

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Soalan darjah satu. Tuan Yang Dipertua, JSR bukan berhak untuk beri ... untuk beri milik tanah begitu mudah-mudah. JSR memainkan peranan sebagai jentera masyarakat yang membantu jentera kerajaan di mana dulu tak ada perkara ini. Dulu tak ada, di mana kita hidupkan perkara ini iaitulah semangat syura, di mana semangat syura ini boleh melicinkan jentera-jentera kerajaan. Ini adalah kejayaan-kejayaan yang kita capai, di antara menyejajarkan masalah tanah ialah penglibatan semua pihak, bukan saja pegawai-pegawai kerajaan di dalam mengendalikan urusan ini termasuklah pihak swasta terlibat sama.

Dalam masalah zakat sebagai contoh umpamanya, kalau kita baca dalam bab zakat, ayat Quran mengatakan pembahagian zakat yang bermaksud – *Sesungguhnya zakat itu bagi orang fakir, bagi orang miskin, bagi amil dan ...* bagi di sebut lapan bahagian. Mengikut mazhad Shafie, perkataan "lam" di ini adalah *tanlim* dengan makna milik. Makna milik di sini, bahagian fakir miskin tak boleh bagi, mesti itu saja, kalau banyak tu, banyak itulah tak cukup pun tak boleh ambil daripada bahagian yang lain. Kalau bahagian yang lain walaupun tak ada orang, bahagian hamba orang sekarang tak ada lagi hamba orang nak dimerdekakan, tak boleh diagih kerana ini menjadi nulik disimpan begitulah kalau mengikut mazhad Shafie. Bahagian orang yang berhutang yang berhak menerima bantuan zakat tak ramai, kalau banyak tu, banyak itulah sedangkan kita menerima zakat RM33 juta, RM33 juta ni kalau dibahagi lapan lebih kurang RM4 juta lebih. Di mana RM4 juta ni nak beri kepada amil RM4 juta, nak beri kepada *ibnusabil* RM4 juta, sudah tentulah ini terlalu banyak sangat. Maka kita perlu kembali kepada mazhad-mazhad yang lain, yang berdasarkan kepada siasah syariah ini pelaksanaan yang dilakukan. Oleh kerana itu bahagian fakir miskin yang daigihkan oleh zakat RM13 juta, RM13 juta diberi kepada fakir miskin bahagian yang lain ada yang ratus ribu saja, ini pengagihan zakat. Tapi kita tidak boleh membatalkan bahagian yang lain, tak boleh batal, kalau dia ada kena beri juga tetapi diagihkan kepada yang lebih berhak. Hal-hal yang seperti ini tidak difahami oleh mereka yang tak faham. Oleh kerana itulah mereka jadikan ini sebagai isu-isu dan kita perlu menyedari bahawa ... sila ...

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Yang Dipertua. Bagaimana dengan satu hadis iaitu arah Rasulullah kepada Muad bin Jabar. Sebelum Muad dihantar ke Yaman yang bermaksud – *ajarkanlah mereka wahai Muad, sesungguhnya Allah menfardhukan ke atas kamu sedekah daripada harta-harta mereka mengambil daripada yang kaya dan beri kepada orang-orang miskin*. Masalah sekarang ni anak Exco tu, adakah tergolong dalam golongan *fuguraim*. Penjelasan, Yang Dipertua.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Saya terpaksa mengajar agama pula di sini. Yang Dipertua, ayat itu berkait dengan zakat, berkait dengan umum bukan saja berkait dengan orang Islam termasuklah dengan orang yang bukan Islam. Hadis ini ditujukan kepada Muad bin Jabar yang bertugas di Yaman. Yaman ini mengandungi masyarakat majmuk bukan saja orang Islam termasuklah orang yang bukan Islam, daripada orang Islam dia ambil zakat, daripada orang bukan Islam dia ambil *khui*, diambil *jizyah*. Di mana pembahagian

khai dan *jiziyah* lain pembahagian zakat, di mana pembahagian zakat ini dihuraikan oleh Quranulkarim, tidak dinafikan salah satu daripadanya adalah untuk fakir miskin dalam pembahagian zakat. Tetapi zakat tak diberi kepada orang bukan Islam, orang yang bukan Islam diberi daripada *khai*, diberi daripada *jiziyah*. Ini adalah satu hadis yang umum yang perlu kepada huraian-huraian pembahagian, di mana hadis tidak boleh membatalkan Quran. Di mana pembahagian zakat kepada lapan itu adalah pembahagian yang dinaskan oleh al-Quranulkarim, al-Quran ada nas yang paling tinggi dan al-Quran menyebut di dalam ayat yang lain yang bermaksud – *Di mana sedekah ini berhak diberi kepada orang yang fuqarak yang memerlukan pertolongan di kalangan orang-orang yang berjuang pada jalan Allah. Orang-orang yang jahil*. Tuhan menyebut orang-orang yang jahil, jahil ni yang tak retilah, *menyangka mereka ini kaya tidak berhak dibantu dan ditolong pada mereka berhak dibantu dan ditolong. Kamu dapat melihat pada air muka mereka, mereka tidak meminta-minta kerana mereka ada maruah dan mereka ada harga diri*. Di sini menunjukkan bagaimana pembahagian *fisabilillah* merupakan satu pembahagian yang diberi penekanan oleh Allah s.w.t.

Seterusnya kita perlu menyedari bagaimana Yang Berhormat pembangkang bila timbul masalah elaun, masalah imbuhan seolah-olah bila sebut kerajaan Islam tak ada duit. Bila sebut kerajaan Islam ni tak ada pitis, tak ada elaun, tak ada gaji. Satu fahaman yang sangat jumud, yang sangat beku, yang sangat bebal berkenaan dengan ajaran Islam. Di mana di dalam sistem pemerintahan Islam penuh dengan peraturan-peraturan kewangan dan mengizinkan pengagihan kewangan tetapi pengagihan itu mestilah berhak dengan cara yang benar, dengan cara yang betul, ini yang kita beri penekanan. Bahkan al-Quranulkarim telah menetapkan *khamus* kepada Nabi s.a.w. *khamus* daripada *faip* iaitu hasil yang diambil daripada negeri-negeri yang diperintah oleh Islam, satu per lima diberi kepada Nabi s.a.w., Tuhan beri satu per lima bagi Rasulullah. Gambarkanlah memerintah sebuah negara yang diperintah oleh Islam, rakyatnya berjuta, satu per lima daripada hasil Tuhan kata, *ambil kepada kamu wahai Muhammad s.a.w.* Namun demikian Rasulullah tidak menyumbat di dalam perutnya seorang dengan sekenyang-kenyangannya, dibahagi-bahagikan kepada orang lain secara sukarela. Maknanya di sana ada peruntukan khas yang diberi di dalam peruntukan pemerintahan negara Islam, elaun, imbuhan, hadiah, sagu hati kita namakan apa saja ini wujud di dalam pemerintahan Islam tetapi jangan ambil dengan cara tipu, jangan ambil dengan cara rasuah, jangan ambil dengan cara yang tidak benar. Menunjukkan bagaimana Islam mempunyai suatu peraturan kewangan yang baik, yang sistematik bahkan banyak peraturan kewangan yang diambil oleh barat ini diambil daripada sistem pemerintahan Islam.

Tuan Yang Dipertua, seterusnya saya ingin menarik perhatian betapa perlunya kita memahami agama oleh kerana itu maka Kerajaan Negeri memberi penekanan dalam masalah pendidikan Islam. Pendidikan Islam ini diberi penekanan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku di dalam titah baginda, baginda memberi penekanan dalam pendidikan Islam, Fardhu Ain dan pendidikan Bahasa Arab, diberi penekanan dalam titah baginda. Di mana menunjukkan kepada kita bahawa pendidikan Islam adalah satu penekanan yang sangat besar oleh kerana itulah di dalam ayat yang pertama yang diwahyikan kepada Nabi kita Muhammad s.a.w. mengatakan ayat tentang ilmu ... *baca dengan nama Tuhanmu*. Di mana baca dengan nama Tuhan ini, bukan saja ilmu fardhu Ain termasuk ilmu-ilmu dunia, ilmu sains, ilmu teknologi dalam segala cabangnya, semua ilmu ni dibaca dengan Islam. Di sini menunjukkan bahawa pendidikan Islam adalah pendidikan yang menyeluruh. Oleh kerana itu langkah yang diambil oleh Kerajaan Pusat nak melemah-lemahkan

Sekolah Agama Rakyat, nak melemahkan pendidikan Islam, nak mengurangkan pendidikan Islam. Ini adalah satu langkah khianat terhadap pendidikan Islam. Satu langkah yang sangat tidak wajar. Bila saya beri penekanan tentang pendidikan Islam di sini bukan maknanya kita menyisihkan pendidikan yang lain. Kita hendaklah menyedari bahawa Islam mengatakan pendidikan Islam ini fardhu Ain kepada tiap-tiap orang lelaki dan orang perempuan daripada buaian sehingga liang lahad. Adapun ilmu-ilmu yang lain adalah fardhu kifayah, wajib di atas tiap-tiap orang Islam tahu tentang agama akhlak, agama peraturan agama. Wajib atas tiap-tiap orang Islam bukan saja ulama termasuk doktor, termasuk engineer, termasuk ahli politik, ahli ekonomi, tiap-tiap orang mesti tahu Islam. Tetapi bukan tiap-tiap orang tahu ekonomi, bukan tiap-tiap orang tahu politik, bukan tiap-tiap orang tahu jurutera, bukan tiap-tiap orang tahu sains dan teknologi bukan tiap-tiap orang. Ini menunjukkan bagaimana penekanan pendidikan Islam menyeluruh sangat penting dan masa yang sama memberi penekanan kepada ilmu-ilmu yang lain, ini yang dimaksudkan. Tapi apa yang berlaku hari ini, kita nak menyisihkan pendidikan Islam. Sudahlah berlakunya pemisahan pendidikan duniawi daripada pendidikan agama, pendidikan agama juga nak diperkecilkan, nak dilemahkan. Saya bimbang perkara ini ada kaitan dengan program globalisasi yang dianjurkan oleh Amerika.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa Yang Amat Berhormat dapat maklumat cukup jelas daripada jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam Dewan Rakyat. Apa yang Yang Berhormat sebut tadi untuk memperkecilkan, merendahkan semua sekali adalah putar belit Yang Amat Berhormat, sedang jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Pendidikan jelas bahawa tindakan kerajaan bukan memperkecilkannya tetapi membaikpulih, mempertingkatkan dan membetulkan apa yang sedang dilakukan di Sekolah-sekolah Agama Rakyat sekarang. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bukan sebaliknya.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Tuan Yang Dipertua, saya duduk dalam Parlimen. Sebarang Takir dia tak duduk dalam Parlimen dia berdasarkan kepada surat khabar saja.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Saya baca apa yang telah disediakan oleh Yang Berhormat Menteri. Tapi apa yang diterangkan oleh Yang Amat Berhormat ertinya lain daripada apa yang telah terangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Ya, untuk penjelasannya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Mata pelajaran agama nak dijadikan mata pelajaran di sekolah-sekolah, mata pelajaran Bahasa Arab nak dijadikan mata pelajaran. Perlu Yang Berhormat tahu bahawa mata pelajaran Bahasa Arab mengandungi tujuh lapan mata pelajaran Bahasa Arab saja. Ada nahu dia, ada *sarah*, ada *balagh*, dalam *balagh* ada bayan, ada maad, *istiarah*, *ilmubanih*, *ilmuarof*. Ini adalah mata-mata pelajaran dalam Bahasa Arab. Bagaimana nak dijadikan Bahasa Arab sebagai satu mata pelajaran sampingan di sekolah. Ini akan menghancurkan ilmu al-Quran, ilmu al-Quran itu sendiri, ilmu tafsirnya, ilmu yang berkait dengan *ashabunuzul*, *nansihmansüh* berkait dengan macam-macam di mana agama mengandungi mata-

mata pelajaran yang banyak, ini satu hal yang perlu. Kita perlu menyedari bahawa kalau nak mengajar fardhu Ain di sekolah-sekolah, itu tak apa tetapi nak memperkecilkan pendidikan Islam menjadi kurus, ini adalah suatu pengkhianatan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, takkanlah pada peringkat sekolah rendah apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat tadi kita nak ajar. Pertama sekali perkara-perkara yang *basic*, perkara-perkara untuk menguasai Bahasa Arab seterusnya dengan cabang-cabang ilmu yang Yang Amat Berhormat sebutkan tadi boleh dilakukan. Tapi tidak munasabah kalau kelapan-lapan cabang Bahasa Arab hendak kita terapkan kepada budak-budak sekolah rendah, berlaku adillah sedikit. Jangan buat *statement* seperti itu seolah-olah Perdana Menteri, Menteri Pendidikan tidak faham langsung masalah ini, hanya Yang Amat Berhormat saja yang tahu dalam masalah ini.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Ya, Perdana Menteri dalam ucapan mengatakan sekolah-sekolah agama mengajar ilmu salah. Sekolah Agama Rakyat perlu ditutup antara alasannya mengajar ilmu salah. Kerana mengajar ilmu salah, saya tidak tahu dekat mana salahnya. Ini ucapan yang salah, ucapan yang tidak betul

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Laluan, Yang Dipertua.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: mengajar ilmu salah, mengajar ilmu yang menganas, mengajar ilmu ... dan inilah teori yang dikemukakan oleh Bush, yang dikemukakan oleh pemimpin-pemimpin Amerika. Dan saya baca dalam internet, bagaimana Kementerian Luar Amerika, Kementerian Keselamatan Amerika mengarahkan negara-negara Islam, mengarahkan Mesir supaya ubah sistem pelajaran di Al-Azhar, mengarahkan Arab Saudi supaya ubah sistem pelajaran. Sila.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih. Dato' Yang Dipertua, berkaitan dengan Bahasa Arab ni yang Kementerian Pendidikan katanya nak mengajar Bahasa Arab di sekolah tapi apa yang saya daripada keratan akhbar Utusan Malaysia, 8 haribulan tiga 2003 yang dibuat kenyataan oleh Dato' Abdul Aziz Shamsuddin, Timbalan Menteri Pendidikan. Menurut beliau sehingga kini pihaknya belum dapat menentukan tarikh bila pengajaran Bahasa Arab itu akan dimulakan dan kajian terperinci akan dilakukan. Baru nak buat kajian, macam mana nak tutup sekolah agama tu? Harap dapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Saya rasa dah jelas. Soalan itu sudah memberi penjelasan kepada perkara yang ditimbulkan oleh Seberang Takir dan itulah semangat, itulah hakikat daripada tindakan terhadap Sekolah-sekolah Agama Rakyat. Saya ingin menarik perhatian bagaimana kenyataan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin barat supaya diambil tindakan oleh kerajaan-kerajaan di dunia Islam terhadap sekolah-sekolah agama di seluruh dunia Islam. Ini adalah satu campur tangan penjajah asing terhadap umat Islam dan saya yakin dan percaya apa yang berlaku dalam negara kita ni dibayangi oleh kuasa-kuasa barat yang menaja globalisasi yang hendak ditaja sekarang ni yang merupakan satu bentuk penjajahan baru

bukan saja penjajahan ketenteraan yang lebih daripada itu ialah penjajahan pemikiran termasuklah terhadap umat Islam, termasuklah umat-umat yang lain. Oleh kerana itu kita umat Islam mestilah mempertahankan identiti kita. Oleh kerana itu kita sangat menghargai titah Tuanku yang berkait dengan fardhu Ain dan Bahasa Arab ini.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Yang Dipertua. Dasar yang dikeluarkan oleh NST 18 haribulan tiga berkenaan dengan pencapaian *performance* Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Kebangsaan, Sekolah Menengah Agama Kebangsaan dan Sekolah Agama Negeri. Apa yang saya dapati di situ bahawa Sekolah Agama Rakyat adalah *percentage* yang terendah dari segi Islamic Studies, Bahasa Arab Tinggi, Aturan Sunnah dan Syariah Islamiah. Jadi apa yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat tadi, atas asas apa untuk mempertahankan Sekolah Agama Rakyat ini?

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Yang pertama, Yang Berhormat perlu tahu bukan semua Sekolah Agama Rakyat merosot dalam pencapaian peperiksaan, ada yang meningkat, ada yang baik. Kita dok nafi ada yang merosot dan banyak yang merosot. Merosot ini kita perlu menyedari bahawa Sekolah Agama Rakyat ini dia menerima dua jenis pelajar. Yang pertama, pelajar yang berjaya, yang matang, yang baik, yang bijaksana. Yang kedua pelajar yang tercicir, yang tak terima lagi di sekolah-sekolah lain masuk Sekolah Agama Rakyat, mereka ini dididik di Sekolah-sekolah Agama Rakyat. Kemudian kejayaan dalam pendidikan ini tak boleh dinilai dalam masalah sijil saja, sijil satu, yang keduanya menjadi manusia yang baik, manusia yang bermoral, yang bermaruah, pelajar ni tak boleh dicirikan. Walaupun ada pelajar-pelajar, ramai yang tidak berjaya di dalam pelajaran tetapi mereka berjaya dalam pendidikan. Dia ada dua, pelajaran satu, pendidikan satu di mana Sekolah Agama Rakyat memberi ruang pendidikan kepada pelajar-pelajar yang tercicir, mereka menjadi orang yang berakhlak, bermoral bila mereka keluar daripada sekolah-sekolah ini walaupun mereka tak ada sijil. Dan mereka menjadi rakyat yang memberi faedah kepada negara, bukan semua nak jadi pegawai tinggi, termasuklah menjadi rakyat biasa. Yang jadi rakyat biasa ni perlu dididik maka adakah kita ada cukup pusat-pusat ... tak cukup. Oleh kerana itu peranan Sekolah Agama Rakyat perlu diberi, ini satu hal yang sangat penting.

Tuan Yang Dipertua, seterusnya saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di dalam perbahasan dan memberi sumbangan di dalam menjayakan Dewan ini. Sekian, wabillahi taufik wahidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA Sekarang saya tangguhkan Dewan ini sehingga jam 2.30 petang dengan sama-sama membaca *tasbeeh khafarah* dan surahatul Ashr'.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.00 PETANG.

24 APRIL 2003

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Dewan disambung semula dengan sama-sama membaca umul Quran – Al-Fatihah.

RANG UNDANG-UNDANG

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM (TERENGGANU) (PINDAAN) 2003

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya memohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK
MEMINDA ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
(TERENGGANU) 1422H/2001M, DIBACA BAGI KALI YANG
PERTAMA.**

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Fasal 1 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 2 Enakmen ibu, definisi Ketua Pegawai Penguatkuasa Syariah dan Pegawai Penguatkuasa Syariah termasuk Pegawai yang dilantik di bawah seksyen 56 (1) dan 56 (1A) Enakmen ibu.

24 APRIL 2003

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru seksyen 56 (1A) di dalam Enakmen itu untuk membolehkan Majlis melantik mana-mana orang jika perlu, untuk menjadi Pegawai Penguatkuasa Syariah untuk menjalankan tangkapan tetapi pegawai tersebut tidak mempunyai kuasa untuk menyiasat.

Implikasi Kewangan - Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan Negeri dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan lagi.

Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BI NHAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Oleh kerana tidak ada Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, cadangan supaya Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali yang kedua kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM (TERENGGANU) 1422H/2001M. DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO` YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM (TERENGGANU) 1422H/2001M TELAH DITIMBANGKAN DARI SEFASAL KE SEFASAL TANPA APA-APA PINDAAN, DENGAN SUARA TERBANYAK.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DATO` HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

24 APRIL 2003

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI ABAS (Wakil Kampung Raja): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga, kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN HAL EHWAL AGAMA ISLAM (TERENGGANU) 1422H/2001M, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Bilangan 1 Tahun 2003.**

24 APRIL 2003

**ENAKMEN UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU
(BAB YANG PERTAMA) (PINDAAN) 2003**

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk) Bismillahirrahmanirrahim Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama), dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu) Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA), DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama), dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama).

Seksyen 2 bertujuan mengadakan peruntukan bahawa Al-Quran, Al-Sunnah, Ijma' dan Qias merupakan sumber asas perundangan Syariah.

Seksyen 3 bertujuan mengadakan peruntukan menubuhkan sistem tiga tingkat mahkamah syarak, iaitu sebuah Mahkamah Rayuan Syariah, sebuah Mahkamah Tinggi Syariah dan beberapa buah Mahkamah Rendah Syariah.

Seksyen 4 bertujuan mengadakan Fasal baru bagi memberi kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan melantik seorang Menteri Besar sekiranya Menteri Besar yang memegang jawatan meninggal dunia dalam perkhidmatan atau kekal tidak berkeupayaan menjalankan tugasnya.

Seksyen 5 bertujuan meminda Fasal XXVA Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) dengan menghendaki Duli Yang Maha Mulia Sultan merujuk kepada wali mangsa kesalahan di bawah Undang-undang Qisas dan Takzir sebelum menjalankan kuasa keampunan tersebut ke atas seorang yang beragama Islam yang telah disabitkan dengan kesalahan tersebut.

Seksyen 6 bertujuan meminda Fasal XXVII Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) untuk membolehkan wakil rakyat bukan Islam dan wanita dilantik ke Dewan Undangan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Impilasi Kewangan – Rang Undang-undang ini akan melibatkan perbelanjaan oleh Kerajaan Negeri yang mana amaunnya belum dapat ditentukan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbahasan, ada Ahli-ahli Yang Berhormat mahu bercakap? Sila.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Alhamdulillah kita dapat bersama di dalam Dewan ini untuk sama-sama membahaskan suatu Rang Undang-undang bagi undang-undang tubuh bagi negeri Terengganu (Pindaan) 2003 kerana apa yang dihasratkan oleh kerajaan untuk merealisasikan Islam sebagai rujukan kepada perundangan dan syariah serta pemerintahan. Maka sudah tentulah perlu pada pindaan 2003 dimasukkan beberapa seksyen yang telah disebutkan tadi. Kerana keutuhan sesuatu undang-undang itu sebelum dijalankan syariah maka perlu ada penjelasan. Pertamanya kerana menyahut seruan Allah s.w.t. yang bermaksud – *Tidak ada sebarang orang beriman lelaki atau perempuan apabila Allah dan RasulNya memutuskan sesuatu perkara tidak ada kepada mereka pilihan lain daripada urusan mereka. Dan barang siapa yang melakukan kederhakaan kepada Allah dan RasulNya sesungguhnya ia telah sesat, sesat yang nyata.* Berdasar ayat ini, oleh kerana Allah menjadikan manusia maka Allah menurunkan peraturan dan undang-undang. Maka undang-undang yang diredhai ialah undang-undang syariat Islam. Kepada kita tidak ada pilihan lain kerana kita orang yang beriman.

Perkara yang kedua, bagi menguatkan betapa perlunya undang-undang tubuh ini pindaan 2003, kerana bila kita bercakap tentang sesuatu Perlembagaan ataupun Undang-undang Tubuh bagi negeri sesuatu negeri sudah tentulah ia bertolak daripada akidah rakyat. Kerajaan yang dipilih masing-masing punya akidah masing-masing, sebelum dipilih maka ada parti-parti yang menawarkan bagaimana cara pemerintahan dan akidah rujukan mereka. Kita menawarkan Islam, itulah akidah kita. Yang peliknya, teori-teori manusia, *isme-isme* seperti komunis, sosialis bagi mereka bukan cahaya dipegang akidah tetapi ada negara. Alangkah ganjilnya Islam yang diturunkan oleh Allah yang menjadi akidah setiap individu masyarakat dan menjadi akidah negara

tiba-tiba tiada negara Islam. Oleh kerana itulah betapa perlunya ... bertolak daripada kehendak rakyat maka sesungguhnya kita menjadikan Perlembagaan berdasarkan akidah rakyat

Yang ketiga, kerana dalam ucapan Titah Di Raja menyebut, mengajak kembali kepada Al-Quran dan Sunnah dalam menghadapi cabaran-cabaran semasa. Oleh hal yang demikian, ucapan atau ajakan Tuanku Al-Sultan itu seharusnya dijadikan dalam bentuk Perlembagaan yang menjadikan Al-Quran dan Sunnah sebagai sumber rujukan perundangan Islam.

Seterusnya bila dirujuk kepada Undang-undang Tubuh bagi Kerajaan Negeri Terengganu 1911, ia masih berkuatkuasa sehingga sekarang berdasarkan mukadimahnyanya. *qhatimahnya*. Dan satu fasal yang khusus antara ucapan mukadimah, *kita Sultan Raja yang memerintah Kerajaan Terengganu supaya menzahir dan mengkurnia dan menghadihkan kegunaan bagi kerajaan dan bagi ahli-ahlinya dan rakyat isi negeri sekalian, insya Allah Taala akan jadi berkekalan dan tetap istiadat kerajaan kita dan berpanjangan turun temurun sehingga selama-lamanya menjadi dan bersifat undang-undang bagi Kerajaan Terengganu yang tiada harus diubah, dipinda, diorak, dipecah atau dibinasakan adanya*. Dan dalam *qhatimah* juga mengukuhkan bahawa undang-undang ini berkuatkuasa sehingga akhir zaman. *Kita Sultan Zainal Abidin, Al-Sultan Raja yang empunya hakmilik, memiliki dan memerintah Kerajaan Negeri dan sekian daerah takluk jajahan Terengganu memperbuatkan undang-undang ini menjadi suatu pesaka yang tiada harus diubah, dipinda, dipecah atau dihilang akan dia sekali-kali. Harap kita insya Allah Taala menjadi kebajikan berpanjangan dan berkekalan selama-lamanya*.

Satu fasal dalam 1911 juga yang khusus berkenaan pindaan, *maka adalah hak kuasa bagi Raja dengan iktijak Mesyuarat Kerajaan boleh menambah atau membesarkan undang-undang ini daripada suatu masa kepada suatu masa, bila-bila saja patut diperbuatkan dia iaitu dengan aturan yang tiada mengubah atau membinasakan asas dan maksud undang-undang ini*. Dalam pindaan 1948, juga mengukuhkan hujah ini, *undang-undang ini boleh digelar Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bah Yang Pertama) dan hendaklah berjalan kuasanya dengan serta merta dan hendaklah dibaca tersyarat kepada Perlembagaan Persekutuan dan dengan Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu, 1911*.

Oleh kerana itu, seksyen 4.1. dalam Perlembagaan ada menyebut, *Perlembagaan Malaysia – Perlembagaan ini adalah undang-undang tertinggi pada Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang telah diluluskan selepas hari merdeka yang ianya tidak selari dengan Perlembagaan, ia menjadi terhatal setakat yang tidak selari*. Sedang Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911 adalah sebelum hari merdeka. Oleh kerana itu hujah-hujah ini memberi kekuatan kepada kita apa yang dipinda bukan mengubah asas tetapi memperluaskan undang-undang 1911.

Pindaan seksyen 2. 2003 adalah memperluaskan tafsiran 1911 dalam fasal yang ke-51. 1911 menyebut – *sesungguhnya telah disifatkan dan disebutkan dan ditetapkan selama-lamanya, Kerajaan Terengganu ini Kerajaan Islamiah, Melayuiah, ialah yang dikatakan negeri dan kerajaan*. Dan fasal yang ke-37, 1911 – *adapun Mesyuarat Kerajaan Negeri itu ialah yang dikatakan timbalan yang am bagi Raja maksud membantu akan Raja dan Jemaah Menteri pada mentadbirkan negeri dan rakyat seperti membuat, meminda atau menambahkan undang-undang dan peraturan melainkan agama dan hukum syarak*. Dalam fasal ini tidak dibenarkan sesiapa

meminda, mengubah agama dan hukum syarak, bermakna peraturan syariah sudah sedia kala yang dinaskan tak boleh siapa-siapa ubah. Memberi pengertian undang-undang syariah ini sudah sedia ada dan tidak boleh mana-mana tangan mengubah dan menukarkannya.

Dengan meletakkan Al-Quran, Al-Sunnah, Ijma' dan Al-Qias sebagai sumber asas perundangan syariah kepada pindaan 2003 mengukuhkan lagi kepada pelaksanaan undang-undang syariah, insya Allah. Pindaan seksyen 3, 2003 memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah serta mempercepatkan penyelesaian kes-kes kesalahan jenayah yang begitu banyak. Seksyen 4 bagi melicinkan perjalanan pentadbiran negeri ketika perlu. Seksyen 5 supaya kuasa wali dam yakni wali kepada mangsa yang dcederakan sama ada kecederaan tubuh badan ataupun kematian, diberi kuasa mengampun terhadap kesalahan Qisas yang akan dijalankan nanti. Seksyen 6 menepati undang-undang 1911 pada fasal pertama perkara 7, yang boleh diambil daripada orang Islam dan bukan Islam kecualilah Menteri Besar dan Menteri-Menteri hendaklah daripada orang-orang Islam. Sila rujuk Mesyuarat Ketua-ketua yang memberi gambaran bahawa pada masa itu orang-orang yang bukan Islam boleh menganggotai Mesyuarat Ketua-ketua. Yang dimaksudkan Mesyuarat Ketua-ketua seperti mesyuarat Dewan Undangan Negeri. Boleh rujuk pada Fasal 24 Undang-undang Tubuh 1911.

Oleh hal yang demikian, dengan hujah-hujah yang diberikan itu maka sayugialah kita sebagai pemimpin umat Islam yang memang kita bercita-cita memperjuangkan Islam ini tidak akan selesai kalau ia tidak dimaktubkan dalam sesuatu perlembagaan, sesuatu Undang-undang Tubuh bagi Negeri Terengganu terutama di zaman kita ini ianya akan diberi pahala oleh Allah di hari kiamat kelak apabila masing-masing telah meninggalkan dunia. Persoalannya, hendaklah kita mesti *gentlemen* dan berani mempertahankan peraturan Islam bagi ia berkuatkuasa dalam negeri Terengganu, insya Allah nanti. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat Teluk Pasu. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat ... sila Kemasik.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua memberi keizinan kepada saya untuk turut sama membahaskan rang undang-undang ini.

Suka saya mengambil kesempatan untuk menyentuh satu dua perkara iaitu berhubung dengan fasal baru 3A Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) yang disebut sebagai undang-undang ibu dalam Enakmen ini dipinda ke 3A bagi maksud - 3. *Oleh kerana agama Islam adalah agama rasmi bagi negeri Al-Quran, Al-Sunnah, Ijma' dan Qias hendaklah menjadi sumber asas perundangan syariah negeri yang akan menjadi rujukan untuk menentukan ajaran sebenar dan amalan syariah dalam negeri Terengganu.* Saya ingin bertanya pihak kerajaan, dengan pindaan ini, adakah kerajaan yang ada pada hari ini ikhlas dalam memperjuangkan agama Islam sebagai agama rasmi di negeri Terengganu?

Saya memperkatakan ini sebab, sebelum daripada ini undang-undang syariah dipinda, pentadbiran syariah dipinda, lepas itu dibentangkan Hudud, hari ini pindaan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Terengganu yang melibatkan sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Saya takut seolah-olah Kerajaan Negeri Terengganu terlampau bercita-cita tinggi, yang satu belum lagi selesai diuruskan, yang kedua belum lagi digazet, belum lagi dibawa ke Parlimen, tiba-tiba yang ketiga dikemukakan pada hari ini. Sebab itu saya mempertikaikan keikhlasan rang undang-undang dibawa. Hudud ... Hudud belum lagi digazet, belum lagi dibawa ke Parlimen, katanya mungkin tidak akan dibawa ke Parlimen. Mengapa tak berani nak bawa ke Parlimen, saya cadangkan

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, ni kita sedang bincang mengenai pindaan undang-undang ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Ya, saya nak kait sedikit

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bawa Hudud ke Parlimen, tak kena mengena dengan ini.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya nak kait dari segi cita-cita tinggi tadi. Saya minta ataupun saya cabar Kerajaan Terengganu supaya mengemukakan Hudud ke Parlimen. Kita tengok siapa yang menyokong, siapa yang tidak menyokong. Saya tak nak tuduhan kerajaan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak menyokong Islam, tidak menyokong Hudud tapi belum lagi dibawa ke Parlimen. Cuba bawa ke Parlimen, kita nak tengok siapa yang menyokong Hudud, siapa yang tidak sokong Hudud.

Begitu juga dengan Enakmen hari ini, kita nak letakkan Al-Quran dan Sunnah tempat yang tinggi tapi kita sendiri di kalangan pemimpin-pemimpin dan ahli wakil rakyat, kita tengok peristiwa dalam Dewan ini, ada setengah-setengah hujah, ada setengah-setengah perbahasan yang sedikit pun tidak menampakkan tanda-tanda, ciri-ciri Islam. Keluar perkataan yang bukan-bukan daripada pemimpin-pemimpin yang beragama Islam, saya sendiri pada hari ini yang pertama

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dalam fasal mana tu Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang ini ... nak letakkan Al-Quran dan hadis di tempat yang tinggi. Jadi kita kena baiki kita dulu ... hari yang pertama, saya dikata 'biadab'. Adakah ini yang sepatutnya Islam tunjukkan sebagai suatu contoh yang baik sedangkan perkataan-perkataan ini keluar daripada mulut ulama, Pengerusi Dewan Ulama PAS sendiri. Jadi kalau inilah yang kita laung-laungkan untuk menegakkan Islam, nak meletakkan Islam di tempat yang tinggi, Quran dan hadis di tempat yang tinggi, kita kena baiki dulu, contoh di depan kita.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang kedua bertujuan untuk meminda Fasal 27 Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) untuk membolehkan wakil rakyat bukan Islam dan wanita dilantik di Dewan Undangan Negeri. Saya nampak yang ini bertujuan untuk menarik orang bukan Islam menyokong Kerajaan PAS. Begitu juga dengan lantikan wanita

24 APRIL 2003

sebab pemimpin-pemimpin PAS sendiri mengatakan dahulu bahawa wanita kita tak bagi dia bertanding, bila tak benar bertanding tak boleh jadi wakil rakyat. Jadi untuk menarik sokongan wanita kepada perjuangan PAS maka Enakmen ini dipinda. Begitu juga dengan orang bukan Islam

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato'

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya tak beri laluan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak beri laluan, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): sebab dalam

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sebab nak tanya Ahli Parlimen

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak usahlah ... masa Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tak payah ... dalam wakil rakyat yang ada kerajaan hari ini tidak ada yang bukan Islam bukan sebagaimana Barisan Nasional, Barisan Nasional ada yang bukan Islam. Jadi untuk menarik ... seolah-olah untuk menarik supaya orang bukan Islam menyokong perjuangan PAS. Ini yang betulnya bukan ada tujuan-tujuan lain.

Jadi saya berasa yakin bahawa Enakmen ini dipinda ada kepentingan politik terutama bagi menghadapi pilihan raya yang akan datang ini. Sekain

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HARUN (Wakil Air Putih): Penjelasan.

YANG BEHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada yang ... Bukit Besi.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, pertama saya mengucapkan terima kasih kerana memberi ruang untuk saya bercakap sedikit tentang pindaan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri ini.

Pertama saya ingin menarik perhatian bahawa dalam usaha kita membuat dan menggubal serta mengubah apa-apa yang patut semasa kita mempunyai kuasa ini adalah suatu kewajipan, menjadi

suatu kewajipan kepada kita bukan setakat kita mendengar celaan orang lain ataupun kerana takut kepada orang lain kata. Dan kita mesti terus berada di atas jalan kita dan menuju kepada matlamat kita yang utama, iaitu kita ingin negeri ini dan insya Allah, negara ini sebenar-benarnya sebuah negara Islam dan mengamalkan Islam dan menyunjung tinggi Al-Quran dan Al-Sunnah. Soal kritikan daripada UMNO dan sebagainya itu usah kita hiraukan kerana kalau kita hiraukan sangat mereka ini Hudud pun mereka tolak apatah lagi apa yang kita buat kebanyakannya perkara ini mereka akan sebut perkara yang tidak baik terhadap kita. Saya kira sebagai seorang muslim, tahu benar terhadap tanggungjawab sebagai seorang muslim terhadap Islam dan terhadap Al-Quran dan terhadap Al-Sunnah. Maka pada hari ini kita meletakkan satu asas yang baru untuk kita bergerak menuju masa depan yang lebih gemilang bagi Islam.

Cuma saya tertarik dengan pindaan baru yang dibuat ini menyebut tentang masalah wanita yang akan dibenarkan duduk di dalam Dewan kita ini. Saya melihat kepada persempadanan pilihan raya dan saya buat bandingan sedikit tentang keluasan Bukit Besi saja pun, saya tengok dia begitu luas sehingga bila saya bandingkan dengan Pulau Pinang, DUN Bukit Besi ni lebih besar dua kali ganda daripada negeri Pulau Pinang itu sendiri. Jadi kalau diletakkan wanita di situ agaknya letih jugalah *round*. Bagaimanapun saya sangat menyokong jika wanita ini tidak bertanding di Bukit Besi tapi diberi saja kepada mereka kerusi bukan kerusi Bukit Besilah.

Dan bagi bukan Islam saya kira Kerajaan Negeri begitu telus dan mereka ... kita ingin melihat suatu peluang, ruang memberi ruang kepada mereka bukan Islam untuk bercakap di dalam Dewan kita. Sebab itu kita memberi ruang dan akan melantik daripada kalangan bukan Islam kerana majoriti penduduk di Terengganu ni adalah orang-orang Islam. Kalau pertandingan dibuat sudah tentulah mereka akan kalah dan saya rasa ruang yang diberikan ini adalah peluang yang sangat baik. Cuma bila saya melihat kepada muka surat 10 dalam pembentangan ini, saya melihat satu dua perkataan yang perlu dilihat. Di bawah tajuk Mahkamah Syariah itu "maka hendaklah ditubuh dalam negeri Mahkamah Rayuan Syariah, sebuah Mahkamah Tinggi Syariah dan ..." ada perkataan di situ disebut "... seberapa ..." Jadi saya kira dalam pembentangan tadi disebut "beberapa". Jadi agaknya itu perlu sedikit pindaan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, nak buat pindaan dalam Jawatankuasa.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Terima kasih. Dan satu lagi di bawah itu pun sama kalau perlu diberi perhatian dalam perkara 3, perkataan "eksklusiv" itu bercampur sama ada perkataan Melayu ataupun Inggerisnya, perkataan "k" tertinggal dan hujungnya dengan "v", biasanya kita dalam Bahasa Melayu ni dieja dengan "f". Jadi itu saya mohon saya kira dan saya sangat menyokong pindaan ini. Saya mohon agar kerajaan meneruskan hasrat ini walaupun mendapat apa jua tentangan daripada pihak lawan. Sekian, wabillahi taufik wahidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Ahli-ahli yang mahu berucap. Sila Kuala Besut.

YANG BERTHORMAT HAJI NI MUHAMMAD ZAWAWI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan, semua hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian. Pertamanya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dewan kerana pada hari ini kita berdepan dengan beberapa pindaan yang memantapkan urusan untuk melaksanakan syariat Allah s.w.t. di dalam negeri Terengganu Darul Iman yang kita sayangi ini. Saya mengucapkan syabas kerana dengan keberanian dan ketegasan serta keikhlasan walaupun dinafikan oleh pihak pembangkang dan saya rasakan penafian kepada kejujuran kerajaan ini tidak seharusnya diucapkan. Kerana perkara ini bukan perkara yang memerlukan kepada jujur atau tidak jujur kerana untuk melaksanakan syariat Allah s.w.t. sudah tentulah kita termasuk di kalangan orang-orang yang jujur dengan agama Allah s.w.t.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pihak kerajaan mengubah daripada Enakmen yang berbentuk umum kepada Enakmen yang menjelaskan secara khusus yang menyebut bahawa Al-Quran dan Al-Sunnah, Ijma' dan Qias adalah sumber asas perundangan syariah. Pindaan ini jelas menggambarkan kepada kita perkara-perkara yang positif semata-mata, dia tidak melibatkan perkara-perkara negatif. Dan tidak timbul soal yang dianggap oleh pembangkang sebagai perkara untuk meraih sesuatu keuntungan politik kerana kita merasakan bahawa perubahan daripada Al-Quran kepada Al-Quran, Al-Sunnah, Ijma' dan Qias ini membuka ruang yang luas sama ada kepada golongan Islam ataupun kepada bukan Islam untuk berinteraksi dengan syariat Allah s.w.t. yang akan dilaksanakan ini. Kerana dengan adanya Ijma' dan Qias sudah tentulah perundangan Islam yang bakal akan dilaksanakan insya Allah, ianya akan membuka keadilan yang begitu luas kepada semua pihak dan kepada semua agama. Dan inilah keistimewaan agama Islam yang diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada manusia sejagat. Walaupun apabila disebut perkataan Islam, kadang-kadang dengan hasutan-hasutan yang dibuat oleh orang yang tidak bertanggungjawab kepada bukan Islam maka seolah-olah satu benteng yang begitu tebal di antara Islam dengan bukan Islam. Seolah-olah apabila Islam dilaksanakan ini maka dalam waktu yang sama Islam tidak memberi sebarang ruang kepada golongan bukan Islam.

Apa yang hendak saya tegaskan di dalam perbincangan kita pada petang ini apabila Islam dilaksanakan maka Islam akan menjamin keadilan, menjamin kebebasan kepada seluruh manusia sama ada yang beragama Islam ataupun yang bukan beragama Islam lebih daripada apa yang wujud di dalam negara kita Malaysia pada hari ini. Dan sebab itulah kita mengambil Al-Quran, Al-Sunnah, Ijma' dan Qias yang terkandung di dalamnya berbagai-bagai aspek kehidupan manusia yang membuka peluang dan memberi jaminan secara mutlak kepada semua kaum dan semua agama untuk bermuamalat dan untuk melakukan apa-apa perkara yang tidak bercanggah dengan agama mereka dan tidak bercanggah dengan dasar-dasar Islam itu sendiri.

Begitu juga saya ingin menyebut pindaan di dalam seksyen yang ke-6 yang disebut oleh wakil daripada Kemasik di mana menyentuh wakil rakyat bukan Islam dan golongan wanita. Yang Berhormat mestilah ingat bahawa dasar yang dibawa oleh Kerajaan Negeri Terengganu adalah dasar Islam. Dan di dalam Islam, Islam tidak pernah mengenyepikan golongan ini bahkan Islam di dalam sejarah membela golongan ini di luar daripada jangkauan manusia, yang tidak berlaku di zaman jahiliah bahkan tidak berlaku di zaman moden yang ada pada hari ini. Di mana keutamaan yang diberikan ini tidak sama sekali, saya tegaskan tidak sama sekali Kerajaan Negeri berniaga

dalam perkara ini untuk mendapat keuntungan yang murah, yakni perniagaan semata-mata untuk mencapai keuntungan dalam pilihan raya. Tetapi peluang ini dibuka adalah perterjemahan kita kepada suruhan Allah s.w.t. di dalam Al-Quran, hadis, Ijma' dan Qias secara praktikal yang akan kita buat di dalam negeri Terengganu Darul Iman. Dan perkara ini adalah perkara yang baik, perkara yang akan diterima oleh semua kaum, akan diterima oleh semua masyarakat.

Sebab itulah ketika Saidina Omar bin Al-Khattab r.a. ketika meluaskan kuasa apabila kuasa pemerintahan Islam bertapak di atas muka bumi ini lebih kurang dua pertiga dunia. Maka di waktu kalau kita membuka di dalam sejarah kegemilangan Islam ini kita dapati bagaimana Saidina Omar bin Al-Khattab r.a. melakukan keputusan berdasarkan kepada Ijma' dan Qias yang melantik perwakilan-perwakilan, yang melantik ketua-ketua di dalam negara umat Islam dan di dalam negara Islam yang dibuka di dalam sejarah. Daripada negara China sehingga negara Afrika yang melibatkan golongan wanita dan yang melibatkan golongan bukan Islam yang begitu ramai. Sebab itulah saya tegaskan bahawa insya Allah dengan pelaksanaan Islam di negeri Terengganu ini bukan saja kita mementingkan soal Hudud, Qisas dan Takzir seperti mana yang difahamkan oleh barisan pembangkang. Tetapi kita melaksanakan Islam ini secara *syumul* secara lengkap insya Allah dari masa ke semasa seperti mana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat melalui *fikhu alawiyak* di mana kita akan menentukan mengikut kesesuaian masa dan zaman yang berlaku yang sesuai. Insya Allah, pelaksanaan ini akan berjalan satu demi satu dan pelantikan wakil rakyat bukan Islam dan daripada golongan wanita ini adalah satu jujuk daripada agama Islam yang mesti kita menerima hakikat perkara sedemikian itu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, suka juga saya menyebut bahawa pengemaskinian kepada perundangan yang sedia ada di dalam negeri Terengganu Darul Iman ini sekali gus memberi jaminan komitmen yang sungguh-sungguh bagi Kerajaan Negeri apabila kita membuat beberapa percubaan sebelum daripada ini untuk kita menguatkuasakan perundangan-perundangan yang telah kita dipinda. Tetapi dengan penuh dukacita kita berdepan dengan berbagai-bagai rintangan daripada orang yang tidak bertanggungjawab dengan syariat Allah s.w.t. Maka untuk kita memudahkan lagi kepada pelaksanaan ini dari segi teknikal dan sebagainya maka perubahan-perubahan yang dibuat termasuk di dalam seksyen yang ketiga mewujudkan semula Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Syariah bagi membolehkan undang-undang Allah s.w.t. ini dilaksanakan dengan mudah dan tidak ada bantahan-bantahan secara membabi buta yang berlaku di dalam negara kita yang sebenarnya memberi kesan yang terlalu buruk kepada orang-orang yang jahil. Kita nak mengelak daripada tuduhan orang yang jahil kepada agama yang kadang-kadang boleh membinasakan akidah mereka. Maka sebab itulah di segi teknikal supaya perkara ini dapat bergerak dengan mudah, dapat dilaksanakan dengan teratur dan bagi mengelakkan gejala-gejala syirik, gejala dosa besar ekoran dari golongan yang tidak bertanggungjawab untuk menghentam hukum Allah, kononnya mereka menganggapkan ini adalah undang-undang PAS, ini adalah Hudud PAS maka untuk mengelak daripada perkara ini, kita rasakan terlalu penting untuk kita mewujudkan beberapa teknik supaya perkara ini boleh dilaksanakan dengan baik dan teratur di dalam negara kita tanpa ada kejadian-kejadian yang cukup besar kemurkaan di sisi Allah s.w.t. itu sendiri.

Jadi saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri dan saya pohon supaya perkara ini disokong bersama dan saya menyokong cadangan pada hari ini. Wabillahi taufik, sekian terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi? Sila Wakil Ajil.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para pemerhati, rakan-rakan yang dihormati sekali. Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua kerana memberi ruang, peluang dan kesempatan kepada saya untuk membahas berkaitan dengan Rang Undang-undang bernama Suatu Enakmen Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama).

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, secara ringkasnya saya ingin pergi secara ringkas iaitu berkenaan fasal baru 3A, iaitu bagi maksud Fasal 3 – *Oleh kerana agama Islam adalah agama rasmi bagi negeri ini Al-Quran, Sunnah, Ijma' dan Qias hendaklah menjadi sumber asas perundangan syariah negeri yang akan menjadi rujukan untuk menentukan ajaran sebenar dan amalan syariah bagi negeri Terengganu.* Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya kadang-kadang tertanya-tanya apakah selama ini enakmen-enakmen yang telah dibentangkan sebelum ini termasuk sebanyak enam enakmen yang dibentangkan di Dewan yang lalu, pada tahun 2001 yang lalu, tidak mengikut Al-Quran, Sunnah, Ijma' dan Qias. Apakah undang-undang ini mengikut kitab-kitab lain, sama ada mengikut kitab Mahabarata ataupun Ramayana. Kerana saya yakin dan saya pasti semuanya itu telah mengikut dan menurut apa yang terdapat dalam Al-Quran, Al-Sunnah, Ijma' dan Qias. Cuma di sini saya nampak sekadar untuk nak merasmikan saja kerana saya yakin tidak ada sumber lain lagi

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, minta dia ulang sekali lagi saya dok ... deras sangat hak tadi, hak sebelum tadi.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Minta penjelasanlah ... saya yakin dan saya pasti bahawa selama ini undang-undang yang telah diterima pakai sejak daripada 1911 sehingga kepada enakmen baru, enam enakmen yang lalu, semuanya merujuk kepada Al-Quran, Sunnah, Ijma' dan Qias.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Termasuk Undang-undang Hudud (Qisas) tu ke?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dengar saya terang sedikit lagi, saya masuk Hudud dan Qisas sedikit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya tanya.

YANG BERHORAMT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat yang Dipertua, oleh hal yang demikian maka ini sekadar nak meletakkan sahaja perkara telah dilaksanakan. Jadi ini saya nampak kerja pihak kerajaan, letak sedikit benda dia mengaku hak dia, masjid hak kita buat dicat putih, cat hijau dia mengaku hak dia. Tapi kita menyokong apa yang dia buat ini untuk ... cuma kalau boleh dalam Jawatankuasa nanti dipinda "hendaklah menjadi sumber asas perundangan negeri" buang perkataan "syariah", jangan syariah saja menjadi sumber ini kita

harap negeri, undang-undang lain pun menggunakan Al-Quran, Sunnah, Ijma' dan Qias.

Perkara yang kedua, Yang Dipertua, saya nampak di sini berlaku suasana yang cukup cacar marba di mana fasal-fasal yang disusun di sini tidak mengikut turutan. Contohnya fasal baru, nombor apa benda begitu balas tu, 49A di atas muka surat 10, kemudian pindaan fasal yang ke-14, kemudian diikuti muka lima tu fasal yang ke-25A, kemudian yang ke-6 fasal ke-27. Jadi di sini kenapa hal tersebut berlaku, adakah kerana tidak ada persediaan ataupun ada rasional lain yang menyebabkan terjadinya susunan yang tidak mengikut turutan ini. Sedangkan dalam seksyennya berturut tapi dalam pindaannya daripada 49A turun kepada 14, daripada 14 naik kepada 25A dan daripada 25A naik lagi kepada 27. Jadi ini satu perkara yang perlu diteliti sama ada pihak Kerajaan Negeri menyedari hal tersebut ataupun sekadar untuk nak mencari suatu publisiti bahawa kami Kerajaan Negeri Terengganu telah Islam maka kami buat hak ni sedangkan benda hak kita buat selama ini pun telah menurut Al-Quran, Sunnah, Ijma' dan Qias. Yang Berhormat Yang Dipertua

Selain daripada itu, Yang Berhormat Yang Dipertua,

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLAN BIN HAJI ISMAIL (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat, penjelasan. Boleh tak kalau kita sembahyang dulu tak mengucap lagi? Sah dok sembahyang kita? Pergi haji dulu, pergi puasa dulu mengucap dok lagi.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA Yang Berhormat Bukit Besi

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Habis doh? Terima kasih sahabat saya Bukit Besi. Jadi selama ini enam enakmen dulu dok mengucap lagilah, enam enakmen yang dibentang termasuk Hudud pun, dok mengucap lagilah maksudnya begitu, Bukit Besi? Maksudnya kena mengucap semula, sunat semula, baru buat semula. Itu maksud saya fahamlah daripada soalan Bukit Besi tersebut. Saya rasa menjawab doh soalan itu, Yang Dipertua,

Selain daripada itu Yang Dipertua, saya nampak di sini ada sesuatu yang tertinggal. Dalam fasal baru 49A seksyen 3 iaitu Mahkamah Syariah, saya tertanya-tanya kepada diri saya dan rakan-rakan saya yang melihat enakmen ini tertanya-tanya, adakah selama ini di negeri Terengganu masih belum ada sebuah Mahkamah Rayuan Syariah, sebuah Mahkamah Tinggi Syariah dan beberapa buah Mahkamah Rendah Syariah. Tapi saya difahamkan bahawa telah wujud Mahkamah Syariah dan saya difahamkan juga dan memang betul benda ni, bahawa Tuanku Al-Sultan telahpun merasmikan Mahkamah Syariah di negeri Terengganu. Adakah perasmian ini satu lakonan, satu sandiwara ataupun perasmian ini adalah satu benda untuk mempermain-mainkan Tuanku Al-Sultan sedangkan benda ni dok wujud lagi baru nak buat hari ini. Jadi ini suatu persoalan yang bermain dalam kepala saya yang tidak tahu jawapannya.

Selain daripada itu Yang Dipertua, saya nak kaitkan sedikit dengan Hudud. Di mana dalam fasal 66 Enakmen Hudud dan Qisas yang telah ditandatangani oleh Sultan, saya difahamkan, iaitu menyebut Mahkamah Syariah Bicara Khas dan fasal yang ke-67 menyebut Mahkamah Rayuan Syariah Khas. Jadi dalam Undang-undang Tubuh ini tidak wujud pun Mahkamah tersebut. Kenapa dan mengapa hal ini berlaku? Adakah Hudud ini saja nak dijadikan modal politik tetapi dalam Undang-undang Tubuh ni tidak dimasukkan. Saya mencadangkan Yang Dipertua, saya

mencadangkan agar dimasukkan juga dalam Undang-undang Tubuh ini, fasal baru ini, ditubuhkan Mahkamah Bicara Syariah Khas dan juga Mahkamah Rayuan Syariah Khas untuk memantapkan lagi pelaksanaan biar dia sealiran, selari untuk melaksanakan Hudud ataupun Undang-undang Jenayah Hudud Qisas yang dibentangkan itu. Sebab kalau hal ini tidak diwujudkan di sini nanti pihak Kerajaan Negeri akan mencari alasan mengatakan bahawa Undang-undang Tubuh dok wujud benda ni. Jadi kita tak mahu perkara ini dipermain-mainkan kerana perkara ini satu benda yang amat penting terutama kepada Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu dalam fasal lain mengatakan bahawa beberapa perkataan yang wujud di sini telah menimbulkan kekeliruan. Contohnya dalam muka surat 12.(b) "salah tidak kesenonohan", saya tidak tahu ini bahasa benda. "Salah tidak senonohan" makna salah tidak senonoh, maknanya senonohlah fahaman saya. "Salah tidak senonoh" ertinya senonoh. Apa salahnya kalau kita buang perkataan "salah" itu, melakukan "tidak senonoh". Jadi perkataan undang-undang, saya bukan pengamal undang-undang, saya pun bukan ahli undang-undang tapi saya yakin dalam Dewan ini ramai orang undang-undang memahami hal keadaan ini. Jadi nampak bahawa apa yang dibuat ini tidak begitu teliti, seolah-olah ada desakan untuk nak mengutarakan benda ini.

Kemudian pindaan lagi, Dato' Yang Dipertua, (c) "kecuali menjadi wakil wanita". Kenapa tidak dimasukkan "kecuali menjadi wakil wanita atau/dan wakil kaum lain", adakah ditinggalkan di situ perkataan "kaum lain". Peringkat awal memperjuangkan hak wanita dan hak bangsa lain, kaum lain, dalam huraian ini dikecualikan, tidak diletakkan dalam undang-undang itu hal tersebut.

Jadi Dato' Yang Dipertua, saya rasa itu sajalah apa ingin saya nyatakan di sini untuk memastikan bahawa apa yang dinyatakan ini biar lahir dari hati yang tulus ikhlas dan murni untuk nak memartabatkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' dan Qias pada peringkat yang tertinggi. Kerana kita yakin dan pasti – *agama Islam adalah agama yang tertinggi, tiada suatu agama lain selain daripada itu*. Tapi Yang Dipertua, kita kena yakin, kita kena ingat bahawa apa yang dikatakan ini walaupun dilahirkan tapi niat hati kita Allah saja yang tahu, Yang Dipertua.

Saya rasa itu saja Yang Dipertua, terima kasih banyak-banyak ... minta maaf banyak-banyak, wabillahi taufik wahidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Wakil Telemong.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Terima kasih atas peluang yang diberi oleh Dato' Yang Dipertua untuk sama-sama turut membahaskan dalam pembentangan Enakmen pindaan Undang-undang Tubung Bagi Diri Kerajaan Terengganu pada kali ini.

Dato' Yang Dipertua, kalau boleh saya ... izinkan saya untuk membahaskan dua tiga perkara dan kalau boleh saya simpulkan apa yang dibangkit oleh rakan saya, sahabat saya daripada Ajil sebentar tadi dan apa yang pernah dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa fasal 3.(a) yang dibentangkan pada hari ini seolah-olah kita nak memperkemas atau nak

memasukkan roh Islam dalam jasad tubuh Terengganu Darul Iman ini. Tahniah saya ucapkan, terima kasih, tahniah yang amat sangat saya dan mewakili juga ahli-ahli UMNO, rakyat sebenarnya kepada kerajaan pada hari ini kerana sedar dan juga melihat kepada kepentingan kepada fasal ini. Dato' Yang Dipertua, apabila disebut dalam kita sebagai individu yang mempunyai jasad dan mempunyai roh, tentu sekali di dalamnya, tentu sekali kita inginkan seorang individu itu rohnya baik, jasadnya pun baik dan kuat untuk melaksanakan sesuatu kejayaan di dunia juga di akhirat nanti. Jadi Dato' Yang Dipertua, kita tidak nak roh saja yang kuat, baik tapi jasadnya tidak kuat, dia akan melemahkan kita semua.

Berbalik kepada soal ini Dato' Yang Dipertua, apabila disebut soal Islam baik di dalam Perlembagaan Negara ataupun di dalam mana-mana ... saya rasalah, kita sebagai individu Melayu yang dengan secara perlembagaannya Melayu itu Islam, maka kita tidak boleh menafikan malah kita tidak boleh ... malah kita rasa, bukan kita rasa, iman kita akan terbatal apabila kita tidak mempunyai niat bahawa Islam itu adalah mesti bersumberkan kepada Al-Quran, Al-Sunnah, Ijma' dan Qias, tentu sekali ini, Dato' Yang Dipertua. Dan yang kita perdalamkan lagi setiap enakmen, setiap undang-undang, peraturan-peraturan kehidupan di dunia ini adalah untuk memperjelaskan lagi apa yang kita maksudkan untuk menyempurnakan kehidupan kita. Kerana dalam Al-Quran itu sendiri ataupun Al-Sunnah itu sendiri, Ijima' dan Qias itu sendiri kadang-kadang, bukan kadang-kadang tapi kita ketahui tidak mendetailkan maksudnya, apa lagi dengan berbagai-bagai dunia pada hari ini, contohnya dunia IT, dunia sebegitu begini ... maka kita sangat faham bahawa kita perlu dengan bersama-sama niat di atas roh Islam itu tadi untuk memandu apa jua tindakan kita berlandaskan tidak lari daripada Al-Quran, Al-Sunnah, Ijma' dan Qias.

Jadi Dato' Yang Dipertua, saya lihat dalam soal ini kita yang membentangkan undang-undang ini dan membahaskan undang-undang ini di Dewan yang mulia ini sebenarnya terdiri daripada individu Melayu yang menyertai parti politik, parti politik PAS, UMNO di negeri Terengganu ini. Kita lihat pembentangan ini, saya lihat merupakan satu retorik politik kemudian saya nampak dan kita pandang ke belakang, saya mengajak sidang Dewan pandang ke belakang, kita melihat imbas kembali dari mana pengwujudkan parti PAS itu sendiri yang mana wujudnya hasil daripada perlumbaan dan juga hasil daripada penyatuan di dalam UMNO itu sendiri. Jadi Dato' Yang Dipertua, dalam pakatan asal sejak daripada penubuhan UMNO malah individu-individu di dalam PAS sendiri berada di dalam UMNO pada ketika itu ...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, bahas mengenai pindaan undang-undang bukan bahas mengenai perbandingan PAS - UMNO, dok ni.

YANG BERHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telomong): Saya nak pergi ni Dato' ... terima kasih. Kita meletakkan asas Islam itu tatkala asal untuk menubuhkan negara Malaysia kita ini. Maka Dato' Yang Dipertua, kerana terpecahnya apa yang saya kata peristiwa '55 itu berlaku di Gunung Semanggol maka terjadilah sehingga pada hari ini diredorikkan Islam, itu tidak Islam dan sebagainya. Maka Dato' Yang Dipertua, saya menyatakan begini kerana kita tidak mahu dituduh bahawa UMNO kita ini tidak mahu kepada Islam sebenarnya. Tetapi apa yang saya lihat sebagaimana yang dikatakan oleh Wakil Kemasik dan rakan saya Wakil Ajil, Kerajaan Negeri pada hari ini sebenarnya telah pun melihat pilihan raya lebih mustahak daripada segala-galanya. Untuk mempertahankan kuasa dalam pilihan raya yang

akan datang, dengan melihat apa lagi yang patut kita masuk supaya rakyat melihat kita betul-betul memperjuangkan Islam dan UMNO itu tidak memperjuangkan Islam. Inilah yang dikatakan roh nak dimasukkan ... roh Islam nak dimasukkan ke dalam Undang-undang Tubuh negeri ini. Dan saya bimbang sebagaimana kata Yang Berhormat Ajil sebentar tadi, kita bimbang takut selama ini sebelum kita luluskan undang-undang ini, selama ini kita tidak ada roh Islam di dalam negeri Terengganu kita ini. Sebenarnya tidak berlaku, Dato' Yang Dipertua.

Dato' Yang Dipertua, saya nak beri contoh ini kerana apa yang penting pada kita adalah orang Islam untuk memperlihatkan pimpinan, hasil pentadbiran, segala-gala apa yang kita bertindak daripada jasad kita ini adalah berbentuk contoh teladan Islam itu sendiri. Dan kita rasa kesal dan kecewa di atas peranan yang dimegah-megahkan oleh Kerajaan Negeri pada hari ini sebenarnya banyak, kita telah membuktikan banyak malah telah diperkatakan oleh rakyat sekalian pada hari ini, tersimpang jauh daripada apa yang kita ingin lihatkan; daripada kata-katanya, tindakannya dan sebagainya. Jadi Dato' Yang Dipertua, inilah yang saya katakan tadi rohnya kita masuk jasadnya mesti kuat, ini baru kita dapat melambangkan Islam dan kita tidak mahu apa yang kita sebut "kita Islam, kita parti Islam" tapi kelakuan kita, contoh pimpinan kita dan apa yang kita bertindak tersimpang jauh, ini memalukan Islam itu sendiri.

Dato' Yang Dipertua, mengulas kepada Fasal 6 yang sekali lagi saya tengok ini satu retorik politik kepada parti kerajaan, parti PAS untuk melihat dalam pilihan raya yang akan datang mereka tidak ketinggalan untuk meraih kuasa politik melalui kepentingan wanita dan juga kaum-kaum bukan Melayu. Saya ingin mengingatkan kepada Kerajaan Negeri bahawa jangan tergesa-gesa dalam soal ini kerana ini sebenarnya usaha politik jangka pendek yang boleh sebenarnya kalau perlu kita melihat secara panjang di dalam negeri Terengganu kita ini mempunyai penduduk hampir 950,000 orang dengan pecahan daerahnya tujuh daerah, dengan pecahan kawasan pilihan raya lapan Parlimen, 32 Dewan Undangan Negeri. Dengan begitu rupa, saya rasa sudah pun cukup untuk mewakili rakyat dan diletakkan kita di dalam Dewan Undangan Negeri ini ditambah pula dengan tiga orang Ahli Ex-Officio di dalam Dewan kita yang mulia ini, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Undang-Undang Negeri dan juga Pegawai Kewangan Negeri. Termasuk lagi tambahan dua orang yang dibenarkan oleh perlembagaan kita, Yang Dipertua Negeri dan Timbalan Yang Dipertua Negeri. Maka kita bolehlah berurusan mewakili rakyat sekalian di negeri Terengganu ini untuk membentangkan apa jua, untuk mencadangkan apa jua kepentingan rakyat di dalam Dewan yang mulia ini.

Pada hari ini saya nampak Kerajaan Negeri mencadangkan enakmen fasal ini untuk menambah tidak kurang empat orang lagi. Dan yang anehnya sebagaimana rakan daripada Bukit Besi membangkitkan perkara ini saya nampak tadi dalam keadaan bergurau kepada wanita. Ini jelas sebenarnya mereka hanya ingin meletakkan wanita seolah-olah barang letakan itu saja kerana mereka sedar pengundi dan juga kaum wanita di negeri Terengganu ini merupakan satu golongan yang besar untuk menentukan kemenangan dalam pilihan raya yang akan datang. Dato' Yang Dipertua, ini yang meletakkan kita merasa ini satu retorik PAS. Kemudian kononnya untuk memberi ruang kepada bukan Melayu dan juga bukan kaum wanita ini, pada hal mereka ini jelas tidak mempunyai kuasa, tidak mempunyai hak mengundi pun di dalam Dewan Undangan Negeri ini walaupun mereka dilantik. Jadi Dato' Yang Dipertua, apakah maknanya ini semua, apakah maknanya kita memberi perkara ini kepada mereka pada hal mereka tidak mempunyai hak sebegini

21 APRIL 2003

rupa. Pada saya, eloklah saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri apa salahnya, apa kiranya kuasa yang diberi kepada Kerajaan Negeri, lantiklah seberapa ramai wakil daripada bukan Melayu ataupun kaum wanita, letaklah sebagai Pegawai Khas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, letakkan pegawai khas di Pejabat Menteri Besar untuk dijadikan wakil untuk bercakap, untuk merancang, untuk meletakkan apa jua kepentingan bagi pihak-pihak ini.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Telemong, saya nak rehatkan Dewan ini, saya bagi masa seminit lagi.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Tak apa terima kasih, seminit lagi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya rasa ini lebih memberi kesan kepada golongan-golongan ini untuk meletakkan kejayaan kita sebagai kuasa eksekutifnya berada di tangan Menteri Besar di Terengganu ini. Dato' Yang Dipertua, apa lagi kalau kita lihat dengan empat orang yang dilantik nanti akan memakan belanja tidak kurang daripada ... saya rasa RM240,000 setahun, RM1.2 juta satu penggal. Apa lagi melibatkan mereka ini dengan pencen, keperluan itu, kesihatan dan sebagainya dengan tidak ada apa hak pada ahli-ahli ini pada wakil-wakil ini. Ini suatu perkara, saya percaya suatu penghinaan dan suatu perkara yang saya rumuskan pada awal tadi jangka pendek kepada kepentingan PAS itu sendiri untuk melihat semata-mata kemenangan dalam pilihan raya.

Ayuh, saya minta Ahli-ahli Dewan sekalian walaupun kita bersemangat untuk melihat perkara ini sebenarnya tuan-tuan dan puan-puan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, perkara ini tidak perlu kepada kita di negeri Terengganu pada ketika ini kerana kita Ahli-ahli yang berada di dalam Dewan ini telah cukup untuk mewakili dan untuk diwakilkan oleh rakyat di dalam negeri Terengganu kita ini. Terima kasih, wassalamuallahum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan selama 20 minit sehingga tepat jam 4.00 petang.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 3.40 PETANG

PUKUL 4.00 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dewan disambung semula dengan meneruskan perbahasan terhadap Enakmen meminda Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu. Sila ... Seberang Takir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

Ikut sama mengambil bahagian dalam perbahasan ini, sukalah saya memberi sedikit pandangan kepada dua perkara daripada beberapa perkara yang dikemukakan. Iaitu khususnya mengenai fasal baru IIIA yang berbunyi - *Bagi maksud Fasal III oleh kerana Agama Islam adalah Agama rasmi bagi Negeri, Al-Quran, Al-Sunnah, Ijma' dan Qias hendaklah menjadi sumber asas perundangan Syariah Negeri yang akan menjadi rujukan untuk menentukan ajaran sebenar dan amalan Syariah dalam Negeri Terengganu.* Kalau saya tidak salah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam persidangan kita kali ini hari yang pertama, menjawab kepada satu pertanyaan soalan Ahli Dewan Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengatakan bahawa Negeri Terengganu ni ialah sebuah Negeri Islam sejak PAS mengambil alih teraju pemerintahan. Jadi pada pertimbangan saya, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebenarnya tidaklah perlu pindaan dibuat, dimasukkan kerana memang menjadi asas perundangan sebuah negara Islam, iaitu berasaskan kepada Al-Quran, Al-Sunnah, Ijma' dan Qias. Membawa juga hal ini dijadikan satu pindaan kepada saya adalah kerja yang mengada-ngada, kecualilah kalau kita barangkali terikut-ikut sama pemikiran setengah-setengah ahli akademik yang akhir-akhir ini bercakap berhubung dengan *islamization of knowledge* ertinya mengIslamkan pengetahuan. Jadi dalam hal ini barangkali boleh saya sebut usaha ini sebagai *islamization of state constitution* ertinya mengIslamkan Perlembagaan Negeri atau Undang-undang Tubuh bagi Negeri Terengganu. Jadi apabila sudah disebut, diakui diterima negeri Terengganu sebagai negeri Islam maka saya rasa fasal baru IIIA ini tidak perlu lagi, kalau kita masukkan juga nampak benar mengada-ngadanya kita.

Begitu juga halnya dengan XXVII (2) yang berbunyi - *Jika pada bila-bila masa, tidak ada orang bukan Islam atau wanita yang dipilih kepada Dewan Undangan Negeri, tertakluk kepada peruntukan berikut, Dewan Undangan Negeri boleh atas satu usul yang disokong oleh tidak kurang dari tujuh orang ahli Dewan Undangan Negeri dan diluluskan dengan majoriti mudah, melantik orang bukan Islam dan/atau wanita bagi mewakili rakyat bukan Islam dan/atau rakyat wanita dengan syarat bahawa ahli-ah li yang dilantik hendaklah tidak melebihi daripada empat (4) orang.* memberi peluang kepada Yang Berhormat tenggek ini saya rasa sudah berlalu masanya. Teringat saya kepada usaha Barisan Alternatif pimpinan PAS yang dalam pilihan raya yang lalu telah mengajak DAP bersama-sama. Saya rasa kalau keadaan yang berlakulah maknanya menganggapnya apa yang telah berlaku, begitu suasananya, begitu corak pemilihannya, kalau DAP sahabat PAS diberi peluang untuk bertanding di dalam Dewan Undangan Negeri Bandar, minta maaflah bukan ertinya Wakil Bandar sekarang tidak berguna tidak, tentulah jelas kepada kita bahawa parti PAS memberi peluang ertinya berkehendakkan kepada orang bukan Melayu untuk sama-sama berkongsi kuasa memerintah dan mentadbirkan negeri dan negara kita. Tapi malangnya seperti yang kita ikuti perbincangan dan perkembangan-perkembangan, jelas menunjukkan bahawa

komponen Barisan Alternatif akhirnya berpecah. Dan kerana perpecahan itulah saya rasa parti PAS tidak merasa yakin untuk menang dan memberi peluang kepada orang bukan Melayu menjadi wakil rakyat melalui pilihan raya biasa, melalui pilihan biasa seperti yang kita alami bersama lalu dicadangkan bentuk yang dipinda ini.

Begitu juga halnya dengan pegang kukuh yang selama ini dipertahankan oleh PAS untuk memberi peluang kepada wanita bertanding hanya setakat menjadi Senator sahaja maka ini juga dicerminkan bahawa parti PAS tidak bersedia untuk meletakkan calon wanita dalam pilihan raya yang akan datang, setidak-tidaknya di Terengganu. Cukuplah dua atau tiga orang wanita yang menjadi wakil rakyat tenggek di dalam Dewan Undangan Negeri ini. Ini kepada saya, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, adalah kerja sia-sia.

Kalau kita bercadang nak beri peluang kepada orang bukan Melayu, orang bukan Islam dan kepada wanita untuk bersuara kerana mereka bukan orang politik, sekadar nak mendengar suara mereka, luahan fikiran mereka, luahan perasaan mereka, saya rasa tak payah kita bawa ke dalam Dewan ini, pada mewujudkan forum-forum atau bentuk-bentuk perjumpaan yang tertentu di mana kita boleh dengan serius mendengar pandangan-pandangan mereka, kehendak-kehendak mereka. Jadi ini pun kepada saya satu lagi pindaan yang mengada-ngada.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa moleklah kita tolak kedua-dua pindaan yang jelas menunjukkan mengada-ngada ini. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya beri peluang kepada pihak kerajaan untuk membuat penggulungan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati lagi dikasihi sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

Saya ingin mengambil kesempatan sedikit untuk sama-sama memberi sumbangan pada perbahasan kita pada hari ini. Sebagaimana yang selama ini kita katakan bahawa kita boleh melaksanakan Islam dalam negeri ini walaupun jika sekiranya pindaan terhadap Undang-undang Tubuh Bagi Negeri Terengganu ini belum dibuat kerana menerima pakai apa yang disebut oleh saudara-saudara kita, sahabat-sahabat kita Ahli-ahli Dewan daripada pihak pembangkang. Kerana katanya walaupun tidak tersebut secara jelas di dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri maka dia telah pun dilakukan selama ini iaitu bagi orang Islam rujukan tertingginya Quran, Sunnah, Ijma' dan Qias, telah pun dipraktikkan walaupun belum ditulis secara rasmi dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, saya yakin untuk menghilangkan kekeliruan maka seharusnya satu perkara yang bertulis itu perlu diwujudkan, ini berpandu kepada apa yang dilakukan oleh Nabi kita Muhammad s.a.w. semasa mendirikan negara Islam di Al-Madinahtulmunawarah, boleh dikatakan ini merupakan Perlembagaan Negara bertulis yang pertama lahir ke dunia ini. Di antara lain yang Nabi tulis yang bermaksud - *Apa yang berlaku di kalangan orang-orang yang menandatangani dan bersetuju piagam ini maka jika berlaku apa-apa pertelingkahan dan perbalahan yang dikuatiri berlaku keporak-perandaan dan kehuru-haraan*

dalam negara ini mestilah dirujuk kepada kitab Allah dan kepada Sunnah Rasulullah s.a.w. Ini satu perkara yang jelas.

Kita juga yakin bahawa ada orang yang tidak mengucap dua kalimah syahadah secara terang-terang tapi dia mengucap secara senyap-senyap dan dia jadi seorang Islam tetapi berlaku juga kesamaran dan kekaburan tidak dapat dibezakan. Pada zaman Islam di Mekah orang yang penakut, orang yang tak berani, dia melafazkan dua kalimah syahadah senyap-senyap, dalam hati dia beriman tapi penghayatan hariannya mereka tak berani nak hayatkan dan semasa arahan penghijrahan dan perpindahan mereka tidak berpindah kerana mereka takut orang tahu bahawa dia adalah Islam. Ini berlaku dalam sejarah Islam sendiri.

Kita rasa bahawa perlu kepada pindaan ini dan pada hari ini pun kita melihat bahawa pentafsiran yang berbagai-bagai jika tidak bertulis, yang kita tulis pun ada sangka pentafsiran yang berbagai-bagai, ada setengah orang kata kita buat ni nak memancing undi dalam pilihan raya yang terdekat ini, yang ini mungkin boleh menghampakan harapan mereka cita-cita mereka nak menawan balik negeri Terengganu dan untuk kekal di seluruh negara. Jadi dia kata kita buat undang-undang untuk pilihan raya, benda dalam hati memang orang tidak tahu. Jadi bagi kitanya, kita berpandu kepada selain daripada hadis tadi, kita berpandu kepada firman Allah dalam Quran yang bermaksud – *Maka demi Tuhan engkau wahai Muhammad mereka tidak beriman sehingga mereka memperhakamkan kamu Dan mereka tidak rasa ragu, curiga, tidak puas hati terhadap penghakiman yang kamu buat.* Maka bertolak daripada itu, kita lakukan pindaan ini dan ini merupakan intipati dan matlamat yang sangat tinggi yang termaktub dalam perjuangan Parti Islam se-Malaysia (PAS) terutama dalam Undang-undang Tubuhnyanya.

Jadi soal kepentingan pilihan raya tidak timbul sama sekali dan kalau ini boleh ... kalau memasukkan ke dalam perlembagaan Quran, Sunnah, Ijma' dan Qias itu memancing undi maka kita cadangkan Kerajaan Persekutuan memasukkan sama perkara yang sama dalam undang-undang tubuh atau Perlembagaan Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, wakil daripada Telemong tadi dia kata nyawa saja besar tapi tubuh kecil, tubuh lemah. Kita pentingnya ada nyawa dulu, nak besar tubuh, nak gemok tubuh tak apalah tapi kalau tak dok nyawa dia benda mati nak besar tak boleh, nak kecil tak boleh, yang bolehnya kebumi saja. Jadi penting roh tu ada dulu, barulah boleh kita beri makan, beri baja, beri apa sehingga dia menjadi subur, insya Allah.

Kemudian wakil daripada ... mungkin daripada Telemong juga, kalau salah maafkan saya, kata bila kita beri peluang ini kepada kaum wanita dia kata kita nak memancing undi kaum wanita. Saya cadang cadangan yang serupa perkara ini boleh dibuat di peringkat Perlembagaan Persekutuan untuk memancing undi wanita. Tapi di peringkat Persekutuan dia nak memancing undi wanita melalui Menteri Wanita dia, dia kata "satu lelaki satu perempuan", "satu perempuan satu lelaki" macam mana nak pancing undi. Maknanya orang yang ada dah tu, banyak tu sajalah kalau dia sokong suami dia tapi yang tak dok lagi macam mana dia tidak ada pembelaan, macam mana nak dapat sokongan, itu cara yang tidak bijaksanalah bagi saya.

Kalau tak komen wakil daripada Bukit Besi tadi dia kata, calon wanita ni akan datang jangan beri bertanding di Bukit Besi, bukan maknanya saya faham lah, agak sayalah boleh jadi tak betul, bukan Bukit Besi ni tak bagi kerusi dia kepada wanita tapi Bukit Besi ni kawasan hutan, beri kepada wanita teruk wanita jumpa dengan anak harimau kumbang pun bertepik di tengah jalan dalam masa kempen pilihan raya. Jadi oleh sebab itu kita buat di sini "jika tidak ada kawasan yang sesuai dengan kaum wanita maka wanita tidak bertanding dalam pilihan raya tetapi wanita perlu ada dalam Dewan Undangan Negeri". Pada peringkat ini perlu kepada Dewan Undangan Negeri dulu maka dia boleh dilantik. Ini suatu penghargaan kepada wanita, tak payah berpuluh kempen, tak payah keluar tengah malam kerana kempen pilihan raya, tak payah menyerah kaum wanita dia untuk tampal poster, untuk naik pokok kayu menampal poster dan bendera maka dia boleh mudah saja bila tidak ada calon wanita, dia dapat lantik dengan mudah dalam Dewan Undangan Negeri menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri dan dia boleh membicarakan apa-apa perkara yang bersangkutan paut dengan wanita secara lebih detail dan secara yang lebih terperinci.

Begitu juga orang bukan Islam, memang orang bukan Islam diperlukan untuk mereka memberi pandangan-pandangan mereka. Bukan setakat beri pandangan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Exco-exco berkenaan tapi juga mereka kadang kala perlu didedah pandangan dan pendapat mereka, tuntutan-tuntutan mereka secara lebih terbuka dan lebih rasmi di dalam Dewan Undangan Negeri ini walaupun dia tidak boleh mengundi tetapi orang lain boleh mengundi untuk menyokong dan meluluskan permohonan-permohonan daripada mereka.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, akhirnya walaupun dikatakan ni mengada-ngada tapi saya ingin menyatakan bahawa sama ada mengada-ngada atau tidak mengada-ngada satu perlembagaan dalam bentuk bertulis, kaedah undang-undang dalam bentuk bertulis itu satu perkara yang perlu. Kalau tidak bertulis boleh ditafsir macam-macam, macam sekarang UMNO/Barisan Nasional, Barisan Nasional dan UMNO satu pihak, PAS atau pihak. Dalam Perlembagaan Malaysia dan dalam undakan Kerajaan Malaysia, tidak nampak dia nak melaksanakan syariat Islam. Tapi bila dia bersyarah dia dakwa juga, "saya nak Islam", "kita nak Islam dan sebagainya." Itu melahirkan pertelingkahan di antara UMNO dengan PAS sebab PAS kata tulis pun tidak, buat pun tidak macam mana kamu nak melaksanakan Islam. Kalau sekiranya pihak Barisan Nasional mengubah perlembagaan, mengubah undang-undang dan dasar-dasar negara bersesuaian dengan Islam dan mereka laksanakan maka pada masa itu jika tidak ada penyokong, maka kamulah yang akan menyokong dasar-dasar Islam itu. Jika sekiranya pihak Kerajaan Persekutuan mempunyai kelemahan-kelemahan, kekurangan-kekurangan, ketidak ada kepakaran dalam bidang Islam ini maka insya Allah, kita boleh memberi bantuan dengan ilmu yang sedikit yang ada pada kita.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pasal tak nak tulis ni takut riak, takut takabur, takut sombong, tak mahu beriya-ya ataupun ikut istilah yang digunakan oleh Wakil Seberang Takir tadi, dia kata "tak mahu mengada-ngada". Dalam perkara tak mahu mengada-ngada ni, saya teringat kepada satu berdebatan yang berlaku di antara seorang pendita Yahudi dengan seorang gembala kambing dari orang Islam. Orang Yahudi ni mencabar orang Islam berdebat dengan dia dalam masalah ketuhanan. Debat ini dia cabar tak mahu debat dengan cakap, bercakap tak mahu tapi dengan bahasa isyarat saja, bahasa orang bisu. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jadi bila kes ini tersebar dalam berita bahawa cabaran daripada pendita Yahudi untuk berdebat dengan orang Islam dan debat itu tidak dilakukan secara peruturan tapi cara isyarat saja maka yang mula-mula

tampil untuk menyahut cabaran Yahudi itu ialah gembala kambing. Jadi gembala kambing kata, tak usah beri ke orang lainlah beri dekat saya sudahlah lawan pendita Yahudi ini. Jadi bila dah mula majlis, Pengerusi tanya "siapa dia mula dulu?" gembala kambing ni, orang Islam ni, dia kata "dialah" pendita Yahudi tu bermula dulu sebab dia mencabar orang Islam, kita tukang sahut cabaran saja, dia mula dulu. Jadi Yahudi pun bersetujulah dia nak mula dulu, debat dengan tidak bercakap.

Orang Yahudi tu angkat tangan, dia tunjuk ... tunjuk jari (jari ni se lah hak ni), gembala kambing nak jawab lagu mana. Gembala kambing tunjuk dua, kawan tu tunjuk se dia tunjuk dua. Pendita Yahudi ni peluh rejab, dia tunjuk gitu kawan tunjuk gitu. Kemudian Yahudi ni tunjuk se lagi, dia tunjuk dua, tapi gembala kambing jawab guana, dua pusing-pusing sedikit. Jadi Yahudi bila kena hak ni, dua pusing-pusing ni, lepas pancak empat ke bawah, dia pun royat ke Pengerusi, setakat ni saja tuan Pengerusi saya serandar menang dia. Jadi wartawan ke apa mari pakat tanyalah, "pasal apa yang awak cepat sangat *surrender*?" Dia kata "tak boleh," dia kata "pandai dia, gembala kambing. Pandai guana? Masa saya tunjuk satu tu, ini bab akidah, maksud saya ialah kita orang-orang Yahudi juga beriman kepada Allah, Tuhan yang satu." Dah dia jawab tunjuk dua macam mana? Dia bantah hujah saya dengan mengatakan tidak boleh satu kena dua, dok boleh *asyahadualailahailah* saja kena ada waasyaduana *Muhammadarasulullah*. Doh yang kedua tu, dua lepas tu dia tunjuk dua-dua turun empat macam mana? Dua pusing ke atas, dia tunjuk empat ke bawah, awak *surrender* selalu macam mana? Dia kata "saya nak beritahu Allah Taala menjadikan bumi dalam masa dua hari, saya tunjuk ke atas. Langit dan bumi ni, Allah jadikan enam hari semuanya. Tapi untuk jadi langit saja dua hari. Dia pergi jawab betul, dia jawab panjang pada saya, dua ke atas tu memang, kemudian dia tunjuk pula ke bawah empat. Dia jawab Allah Taala menjadikan bumi dalam masa dua hari, bumi empat hari habis enam hari. Itu pentafsiran pendita Yahudi pasal tak dok tulisan. Mari wartawan tanya pula kepada gembala kambing ini, awak macam mana dia deras *surrender*, dia kata satu, saya tunjuk dua, saya benda lain tak faham saya bab kambing saja sebab saya kambala kambing. Saya duduk ingat dia tunjuk satu tu, dia nak kambing saya seekor, jadi saya kata jangankan seekor dua pun boleh. Itu pasal tak dok dalam tulisan. Lepas pada itu, yang ditunjuk dua begitu tu yang kamu tunjuk dua pusing empat hala ke bawah tu benda apa? Yahudi kata, Allah Taala jadi langit dua hari, bumi empat hari. Dia kata, saya ingat ke ... saya cakap bab kambing, kambing hala ke atas ni bertanduk dua, empat kaki hala ke bawah.

Jadi ini perlu kepada sesuatu perkara yang termaktub supaya pentafsiran itu tidak bercanggah pada masa akan datang. Itu komentar saya, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan hari ini saya rasa sangat gembira bahawa cita-cita, matlamat perjuangan untuk mewujudkan Perlembagaan yang berlandaskan kepada Islam dapat diadakan. Sekian.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Brehormat, Ketua-ketua Jabatan dan hadirin dan hadirat sekalian. Takkanlah kita nak laksanakan Islam ni boleh orang adu kita dengan kambing tanduk dua saja, mujur dok kata ... kambing *ghaliknya* beranak dua tapi tanduk dua katanya.

Yang Berhormat Dato' Yang Diopertua, saya sebelum meneruskan hujah jawapannya saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi input, yang memberi sumbangan kepada merealisasikan pengabdian kepada Allah s.w.t. ini. Dan saya juga ucapkan ribuan terima kasih kepada mata tajam Ahli Yang Berhormat daripada Ajil sebenarnya mungkin Jabatan Cetak dia tak faham, fasih dengan Arab jadi Perlembagaan kita ni banyak menggunakan perkataan Latin, Arab dan sebagainya. Jadi saya pohon beberapa pembetulan kepada huruf-huruf yang ditaip Yang Berhormat, tanpa kita pergi kepada proses pindaan dalam Jawatankuasa. Muka 10 Fasal XLIXA, sepatutnya di belakangkan seperti mana dicadangkan oleh Yang Berhormat Ajil, saya ucapkan ribuan terima kasih. Muka surat 10 fasal baru XLIXA sepatutnya di belakang kerana itulah fasal yang terakhir kita masukkan dalam pindaan. Kemudian bersama-sama dengan itu, perkataan "seberapa buah mahkamah" sepatutnya "seberapa banyak mahkamah", muka 12 ini Yang Berhormat Ajil juga rasanya yang nampak, mata dia tajam dia orang muda, takut dia intai burung dok tahu. (b) *melakukan salah tidak senonohan*, itu dalam versi-versi yang lain betul, "*melakukan ketidak senonohan*" dengan dipadankan "*salah*" melakukan ketidak senonohan. Dan (c) Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, baris akhir (c) *politik kecuali menjadi wakil wanita* itu "menjadi" itu tak sepatutnya dimasukkan. Ayatnya "*Tidak boleh menjadi ahli hersekutu (affiliate) atau ahli mana-mana parti politik kecuali wakil wanita.*" Kemudian dalam versi jawinya fasal tadi, saya pohon diikutkan juga, diletakkan di paling belakang. Kemudian pada muka 17, barisan tiga daripada bawah "*melantik orang bukan*" "*dalam*" tu sebenarnya "*Islami*", jadi tulisan jawi dia tak faham baca jawi agaknya "... melantik orang bukan Islam dan/atau ...". Sekali lagi jawinya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, muka 18 (c) "*ketidak senonohan*" tu dah betul "*kecuali wakil wanita*" "*menjadi*" itu juga hendaklah dipadankan. Dalam Bahasa Inggerisnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekali lagi Article XLIX itu di belakangkan seperti mana yang dikatakan tadi. Cuma muka 23 itu XXVII (2) baris empat daripada bawah "*non-muslim and/or woman*" tinggal palang. Kemudian barisan dua daripada bawah tu "*to represent non-muslim population and/or women of the state ...*" bahasa dia dah mencukupi tanpa dua kali kita *repeat* "*population*".

Dato' Yang Dipertua, Ketua Pembangkang menimbulkan isu kerajaan meminda Perlembagaan ini kerana mengada-ngada. Saya tidak faham tujuan dia "mengada-ngada" tu sama ada mempersenda-sendakan ataupun mengada-adakan. Dalam hal ini pindaan memanglah untuk mengadakan perkara yang tidak ada kerana kita merasakan *there is a lacuna*, ada kekosongan dalam ruang perundangan itu yang mesti ditafsirkan dan diletakkan supaya tidak timbul soal *tanduk kambing atau ke tanduk kambing ke bawah*. Dan ini untuk mengemaskan peruntukan perlembagaan asal dengan izin Dato' Yang Dipertua. Perlembagaan asal kita kerana dulunya dalam Bahasa Inggeris, saya baca teks asal Mukadimahnya *And Whereas it is necessary we should add to and extend law of the constitution 1911* terjemahannya *Dan bahawasanya adalah mustahak kita hendaklah menambah kepadanya ataupun memperluaskan kepada undang-undang Perlembagaan 1911*. Undang-undang kita yang ada pada hari ini masih lagi mengiktiraf undang-undang 1911 sebagai sumber perundangan bagi Undang-undang Tubuh Bagi Diri Kerajaan Terengganu. Di dalam 1911, dengan izin sekali lagi Chapter 51 dalam Bahasa Inggeris juga Yang Berhormat Dato' yang Dipertua, saya baca - *The state religion and other religion agama negeri dan agama-agama lain - Whereas is had been asserted and laid down and established that for all time this Government of Terengganu is of the comity of Islam in Malaya that is it is called the State and Official religion, no other religion whatever may be set up or referred to as the State religion, however many of other races and creeds are protected and allowed to shelter in the State and provinces of Terengganu*

Bahawasanya telah disahkan dan telah diterima sepanjang masa Kerajaan Terengganu adalah Kerajaan Islam di Malaya dan ianya dipanggil agama bagi negeri agama Islam dan tidak boleh mana-mana religion mana-mana agama sekali pun ditubuhkan ataupun dirujuk sebagai agama negeri. Namun demikian rakyat yang ramai di Terengganu ini ataupun keturunan etnik yang ramai ini hendaklah diberi perlindungan dan dibenarkan untuk berteduh di bawah negeri dan tanah taktuknya. Perkara ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, telah pun diperjelaskan semula di dalam Article 3 kita – Agama bagi negeri hendaklah agama Islam sebagaimana ianya yang terdahulu diamalkan di dalam negeri dengan syarat agama-agama lain bolehlah diamalkan dengan aman dan damai oleh mereka-mereka yang beragama itu dengan aman di mana-mana bahagian dalam negeri.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau kita menilai perkara ini bukanlah hasrat kita untuk mengada-ngadakannya tetapi untuk memperkukuhkan, itulah sebabnya diperkatakan bahawa mengambil kira Islam sebagai agama bagi negeri Terengganu ini maka Islam itu apa dia? Diperjelaskan, Islam yang diamalkan di negeri Terengganu hendaklah mempunyai sumber asas atau Al-Quran, Sunnah, Ijma' dan Qias. Kita tidak mahu lagi dalam keadaan kita mengaku Islam tetapi kita dikawal oleh agama dan akidah-akidah yang terasing dan bukan Islam. Itulah sebab maka kita lihat pada hari ini Akta Bidang Kuasa Jenayah Syariah 1966 yang diluluskan oleh Parlimen yang menghadkan bidang kuasa Mahkamah Syariah kepada tiga tahun penjara, RM5,000 denda dan enam kali sebatan ini, jelas dan nyata bertentangan dengan Islam dan ianya adalah undang-undang taghut. Dengan itu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dengan penjelasan ini walaupun ada terdapat kelemahan-kelemahan manusia, insan biasa seperti kita di Dewan Undangan Negeri yang diberi kuasa untuk membuat undang-undang ini mungkin terlalai, terlemah dan sebagainya, sifat manusia kejadian ini, maka kita ada tempat untuk bersandar. Kelemahan-kelemahan ini akan dilindungi dan disempurnakan kesempurnaannya bila mana kita rujuk kembali kepada sumber asalnya apa, kembali kepada Al-Quran, Sunnah, Ijma' dan Qias. Dengan itu para-para pengamal undang-undang, hakim-hakim dan ahli-ahli akademik yang bercakap Islam, tidak lagi bercakap Islam dalam nada sekularisme, tidak lagi bercakap Islam dengan tidak ada asas Islamnya dan tidak akan lagi memanggil negara Islam dengan tidak mempunyai ciri-ciri keislaman di dalam pentadbiran dan pemerintahan kenegaraan itu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Allah s.w.t. telah memperingatkan kita – *Allah sahaja yang mempunyai hak dan kuasa untuk membuat undang-undang dan peraturan.* Manusia mentadbir bumi dengan undang-undang yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t. inilah akidah Islam. Tetapi akidah yang tidak Islam, manusialah yang mentadbir bumi sebagaimana kata Firaun - *Tidak kamu sedar bahawa Mesir ini di bawah kekuasaan aku.* Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, itulah sebabnya maka Allah memperingatkan kita lagi yang bermaksud - *Apakah hukum jahiliah yang mereka pilih, sedang tiada hukum yang lebih baik daripada hukum Allah bagi mereka yang mempunyai keyakinan.* Saya melihat ahli-ahli pembangkang pada hari ini masih lagi tidak yakin, masih lagi meletakkan waham dan masih lagi tidak sempurna akidahnya memahami bahawa Islam akan sempurna keimanan, sedangkan Islam atau bab yang lain, keimanan satu bab yang lain yang akan memberi timbal balas yang akan menyempurnakan keislaman seseorang itu ialah keimanan, maka beriman kepada kitab Allah.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita tidak boleh memperkatakan bahawa hasrat kita di sini hanyalah untuk mengadakan-ngadakan, kita mahu memadamkan apa yang dikatakan mengadakan-ngadakan oleh manusia dengan undang-undang ciptaan manusia dengan mengembalikan hak Allah, mengembalikan peraturan-peraturan yang direndah oleh Allah s.w.t.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua seperti mana yang kita sentiasa diperingat keadilan keadilan adalah asas di dalam pentadbiran. Apa jua yang kita lakukan mestilah menggambarkan ialah suatu keadilan yang bukan kerana orang yang berkuasa melaksanakan keadilan mereka kayu pengukurnya tetapi ianya mestilah diukur kepada suatu perintah, suatu peraturan yang bebas daripada pelaksana dan penerima. Inilah sebab kita lihat Amerika pada hari ini yang membuat peraturannya sendiri menuduh Iraq mempunyai senjata pemusnah serjata-mata untuk menghalalkan perbuatan yang durjana. Tetapi jika sekiranya keadilan itu adalah keadilan Ilahi ianya mengena kepada siapa saja dan inilah amanah Allah kepada manusia melalui pelaksanaan keadilan Ilahi itu sendiri.

Oleh itu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, adalah suatu perkara yang tidak selayaknya menyindir bila mana keikhlasan kerajaan untuk melaksanakan perundangan Islam ini, melaksanakan syariah dengan tanya kita pergi ke Nigeria boleh apa? Pergi ke Sudan boleh apa? Baru lulus undang-undang baru nak pergi. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Sudan, Nigeria adalah dua negara yang sama-sama mempunyai warisan sejarah taklukan British ke atasnya seperti mana juga kita. Di Sudan ianya bermula daripada Pusat, Kerajaan Pusat mahukan Islam, Kerajaan Pusat melaksanakan syariah tetapi oleh kerana komposisi rakyat Islam dan Kristian yang masih memberi pertimbangan kuasa maka pelaksanaan syariah di Sudan hanyalah dikenakan ke atas puak-puak yang beragama Islam sahaja. Bukan bermakna Islam itu bukan boleh memerintah dan boleh mentadbir ke atas bukan Islam dan inilah Nabi Besar kita Muhammad oleh Allah s.w.t. - *Dan tidak Aku utuskan kamu wahai Muhammad melainkan untuk membawa rahmat ke seluruh alam*, bukan untuk orang Islam saja, bukan untuk orang Arab saja, ke seluruh alam. Tetapi suasana yang tidak mengizinkan kita membiarkan bahawa... membiarkan mereka melihat keadilan Islam, kesejagatan Islam akan mengatasi segala ideologi mereka... dan mereka bersama-sama mari dengan Islam. Kita tidak boleh bakhil Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dengan syurga Allah, kita mahu hanyalah Islam pada kita, tidak mahu orang kafir jadi Islam kerana kita takut syurga tak boleh pada kita seorang. Tetapi kita mahu syurga ini diperbesar oleh Allah, rahmat Allah diperbesar, semua kejadian Allah ini masuk syurga yang kita mahu.

Dato' Yang Dipertua, berbeza dengan Nigeria. Nigeria mempunyai suatu Perlembagaan, negeri-negeri di 36 wilayah Nigeria tidak mempunyai perlembagaan tersendiri, hanya satu Perlembagaan Pusat sahaja. Perlembagaan Pusat mereka sama dengan Perlembagaan kita. Article 14 dia berkata - *Tidak boleh sama ada Persekutuan ataupun negeri-negeri menjadikan agama Islam ataupun mana-mana agama sebagai agama rasmi*. Dan ada peruntukan sama dengan Article 4 yang katakana bahawa - *Mana-mana undang-undang Perlembagaan ini supreme, mana-mana undang-undang yang dibuat ditutuskan kemudian daripada Perlembagaan ini tidak sah*, seperti mana yang kita 4 juga. Tetapi Hakim Mahkamah Agung yang bukan terdiri daripada orang Islam 100%, membuat keputusan perundangan *judicial pronouncement* dengan izin, yang mengatakan bahawa Islam adalah hak rakyat orang-orang Islam. Maka ianya adalah hak *fundamental* hak asasi orang Islam maka mereka dibenarkan melaksanakan syariah Islam walaupun perlembagaan mereka

24 APRIL 2003

bertentangan sama sekali. Walaupun Perlembagaan boleh membatalkannya tapi ini adalah hak bukannya hak *civil right* tetapi hak *fundamental* kerana Islam adalah asas hidup manusia.

Saya harap Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ahli-ahli pembangkang sekalian hilangkanlah, kikiskanlah syak wasangka, waham, kekeliruan kerana Islam hanya Islam dapat menjamin kita kebahagiaan dunia dan akhirat. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA), DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA) TELAH DITIMBANGKAN DARI SEFASAL KE SEFASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA APA-APA PINDAAN, DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya memaklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI ISMAIL BIN HAJI MAMAT (Wakil Teluk Pasu): Dato' Yang Dipertua, saya pohon menyokong.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

24 APRIL 2003

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI
MEMINDA UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN
TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA). DIBACA BAGI KALI YANG
KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi
Enakmen Bilangan 2 Tahun 2003.

24 APRIL 2003

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memandangkan masa persidangan akan tamat tempohnya pada pukul 5.00 petang, dengan ini saya mencadangkan supaya tempoh persidangan ini dilanjutkan sehingga selesai semua kerja-kerja dalam Tertib Pekerjaan Dewan hari ini menurut di bawah Perkara 7(1A) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ABDULLAH (Wakil Tepuh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya tempoh persidangan dilanjutkan, kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan telah dipersetujui dengan suara terbanyak.

CADANGAN INI DITERIMA.

ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (2003) (NO. 1) 2003

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan dalam tahun 2003 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG YANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN DALAM TAHUN 2003 DAN BAGI MEMPERUNTUKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

24 APRIL 2003

Bacaan Bagi Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan dalam tahun 2003 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan awam Negeri dalam tahun 2003 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Enakmen Perbekalan (2003) 2002.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbahasan, silakan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tuan Guru Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai kerajaan dan pemerhati yang dikasihi sekalian. Terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan peruntukan tambahan pertama anggaran bekalan 2003. Apa yang dapat saya fahami daripada Kertas Dewan Undangan Negeri Bil. 1/2003, dalam Lampiran B ada menyatakan di sini, tambahan peruntukan diperlukan bagi membiayai keperluan peralatan mengajar sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris khususnya untuk program pengkomputeran Sekolah Menengah Agama.

Di sini saya menyokong penuh usaha-usaha kerajaan untuk meningkatkan kesedaran sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris yang mana dengan ini akan dapat membuka mata bagi pihak-pihak yang mengatakan bahawa Sekolah Agama ini hanya sekadar mengajar fardhu ain, mengajar sembahyang, puasa, zakat, haji semata-mata. Inilah salah faham yang berlaku pada hari ini sehingga ada pihak-pihak yang menuduh sekolah agama ini mengajar ilmu sesat, mengajar ilmu membenci pemimpin-pemimpin kerajaan dan sebagainya, sehingga dibuat keputusan untuk ditutup sekolah-sekolah agama ini kononnya sekolah agama ini mengajar perkara yang bertentangan dengan apa yang dikehendaki oleh mereka. Kita akui memang bila seorang itu celik agama, faham agama mereka akan dapat membezakan mana yang betul dan mana yang salah. Maka apa yang dibuat oleh pemimpin yang salah maka dengan sendirinya rakyat atau pelajar-pelajar di sekolah agama ini menegur kesalahan itu dan akan melihat kesalahan yang dibuat oleh pemimpin tersebut. Itulah yang menyebabkan saya rasa pihak tertentu yang cuba untuk menyekat peruntukan-peruntukan ini. Kerana apa yang saya difahamkan bahawa sepatutnya keperluan untuk peralatan

mengajar sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris ini disediakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri di bawah Kementerian Pendidikan kerana ini telah diperuntukkan satu tambahan khas seluruh negara untuk membeli alat-alat seperti komputer bimbit ataupun lap-top computer, LCD projector, speaker, screen. Ini adalah satu pakej untuk mengajar matematik dan sains dalam Bahasa Inggeris untuk memudahkan pelajar-pelajar ini dapat memahami dengan lebih cepat sains dan matematik ini.

Tapi inilah yang saya kadang-kadang dulunya tak percaya, tak munasabah Kerajaan Pusat, bawah Jabatan Pendidikan Negeri atau bawah Kementerian Pendidikan nak menyekat anak-anak kita untuk belajar di sekolah-sekolah menengah agama ini. Sebab itu kalau pihak pembangkang, pihak wakil daripada pembangkang mengatakan bahwa Kerajaan Pusat tak mahu tutup sekolah agama ni, saya rasa macam nak percaya sebab yang bercakap tu wakil-wakil rakyat wibawa.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat laluan? Saya ingat wakil Bukit Tunggul telah mengarutlah hujung-hujung ni ... tak usah bercakap yang tak betullah Yang Berhormat, terima kasih, orang tahu semua terima kasih. Kita akan menyokong usul ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Ya ... tapi yang saya nak jelaskan di sini usul ini tidak patut timbul sekiranya Kerajaan Pusat, Kementerian Pendidikan menjalankan amanah, beri peruntukan RM1.3 ini kepada Sekolah Menengah Agama. Ini perkara yang sebenarnya. Jadi ... memanglah dia takut bila dengar saya sebut ni kerana saya telah membuat penyelidikan mendapati bahawa peringkat awalnya JPN mengaku untuk memberi peruntukan ini untuk peralatan komputer Sekolah Menengah Agama ini, peringkat awal dan dipanggil guru-guru sekolah menengah agama untuk kursus.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat, fahamlah PAS dok sokongkan awalnya Bahasa Inggeris, matematik sains ni ... dok usah panjanglah.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Okey ... cukup, cukup, mari saya nak beritahu. Dari segi dasarnya kita PAS tidak berapa menyokong mengajar sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris kerana ini membebankan khususnya kepada pelajar-pelajar di luar bandar dan kebanyakan pelajar-pelajar Terengganu luar bandar, saya pun orang luar bandar. Bahasa Inggeris satu payah doh, matematik satu payah lagi, sains pun payah lagi, saya daripada aliran sains saya tahulah benda ni payah. Tetapi oleh kerana kita *gentlemen*, kita demokrasi dah bapak kita Pusat memutuskan semua sekolah mesti ajar sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris, kita terima walaupun hati kita tak setuju. Ini keputusan Pusat, kita *gentlemen* tak lawan membabi buta kita terima keputusan demokrasi tapi pembangkang empat orang ni tak pernah terima keputusan demokrasi rakyat negeri Terengganu. Ini yang saya rasa tidak betul di pihak pembangkang.

YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Yang Berhormat laluan.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Sila ... sila.

YANG BERTHORMAT MULJA TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Telemong): Dok usaha naik angin, kita tahu bidang kuasa Kerajaan Negeri, tanggungjawab Kerajaan Negeri, perbelanjaan Kerajaan Negeri, kita akan sokong. Jangan membabit benda yang tidak perlu, dok usaha naik angin Yang BERTHORMAT, saya tahu Yang BERTHORMAT hebat.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Saya rasa saya tak naik angin tapi memanglah cara saya begitu. Bila orang sudah menafikan ...

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang BERTHORMAT naik angin ada ubat kan?

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Banyak ubat ... klinik, insya Allah lepas ni boleh makan ubat *no problem*. Cuma yang masalahnya, yang kita timbulkan di sini ini suatu perkara sengaja nak menyusahkan Kerajaan Negeri, dohlah wang royalti dirampas, peruntukan disekat, bermacam-macam disekat ... ini pula hak untuk budak nak belajar sekolah agama pun disekat juga. Dohlah Sekolah MRSM-YT ditutup, jadi ini semua benda telah disekat untuk rakyat negeri Terengganu. Itulah saya kata tadi, macam dok percaya saja perkara ini boleh dibuat oleh UMNO, Kerajaan Pusat menyekat peruntukan ini untuk pelajar-pelajar kita.

Jadi Dato' Yang Dipertua, saya rasa perkara ini oleh kerana kita dah dinasibkan begitu, ditakdirkan begitu oleh mereka yang sengaja menyusahkan kita dan usaha kerajaan ini untuk meningkatkan walaupun orang sekat tapi kita usaha sungguh-sungguh, carilah duit tambahan untuk membolehkan anak-anak yang belajar di sekolah menengah agama ini, yang saya kira 86 buah set komputer yang akan dibelikan dengan peruntukan RM1.3 juta ini. Oleh itu saya sangat-sangat menyokong cadangan tambahan ini dan semoga ianya boleh dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh sekolah-sekolah menengah agama ini untuk meningkatkan mutu pembelajaran anak-anak kita di sekolah-sekolah agama, bukan saja bidang agama, Bahasa Arab tapi juga sains dan matematik dan pelajaran-pelajaran dunia yang lain. Insya Allah, semoga ianya berjaya dilaksanakan di negeri Terengganu Darul Iman ini.

Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada Ahli-ahli Yang BERTHORMAT lain yang mahu bercakap? Tak dok, serah balik kepada kerajaan untuk mengguhung.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, saya ingin menjelaskan sedikit latar belakang Enakmen yang dikemukakan ini. Memang kita tidak menafikan dari segi prinsip dan dasarnya PAS dan Kerajaan Negeri Terengganu tidak setuju dengan konsep yang dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan atau kerajaan untuk mengajar mata pelajaran matematik itu dalam Bahasa Inggeris. Tapi walau bagaimanapun sebagaimana yang saya jelaskan sebelum daripada ini dalam Dewan ini juga, pelajar-pelajar kita, di bawah pentadbiran kita, sekolah-sekolah agama ada 12 buah sekolah menengah dan ada 4 buah sekolah rendah agama bersepadu, kita tidak mahu pelajar-pelajar kita ini ketinggalan dalam

menghadapi arus pembangunan. Maka dengan sebab itu kita mengambil keputusan supaya kita juga menjalankan pembelajaran ini dalam mata pelajaran matematik tu dalam Bahasan Ingeris.

Pada peringkat awalnya kita diberi jaminan mengikut pegawai yang datang berkursus dan berunding dengan pihak Jabatan Pendidikan Negeri, kita diberi jaminan bahawa kita akan dibekalkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kementerian Pendidikan dengan alat-alat komputer ini. Jadi masa kita menyediakan *burget* untuk 2003 pada bulan dua belas yang lalu, kita tidak masukkan jumlah sebanyak RM1.3. RM1.3 juta ini ialah untuk membeli komputer sebanyak 89 unit jadi kali dengan empat belas RM14,600 satu, maknanya kira-kira itu ... dok masuk lagi *soft ware* dan sebagainya sebanyak RM1.3 juta. Jadi bila Kementerian Pendidikan dok bagi, Kerajaan Negeri Terengganu sehingga ini maknanya mempunyai wang yang boleh dibelanjakan untuk keperluan itu. Dan kita juga Kerajaan Negeri mengucap terima kasih juga kepada Kerajaan Persekutuan yang memberi bantuan juga kepada sekolah-sekolah agama kita. Tetapi bantuan tahun ini berbeza dengan tahun-tahun yang lalu, tahun lalu diberi sekolah-sekolah banyak ni ... kemudian tahun ni kita kena bayar dulu baru buat tuntutan. Jadi tahun ini semakin kedekutlah, semakin bakhil Kerajaan Pusat. Jadi walau bagaimanapun setakat ini diberi kita belanja dan kalau dia tak beri kita belanja duit lain, insya Allah.

Jadi itulah latar belakang Rang Enakmen ini dibentangkan di dalam Dewan Undangan Negeri yang mulia ini untuk mendapat kelulusan perbelanjaannya secara ekonomi. Sekian.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua, kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG YANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN DALAM TAHUN 2003 DAN BAGI MEMPERUNTUKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG YANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN DALAM TAHUN 2003 DAN BAGI MEMPERUNTUKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU TELAH DITIMBANGKAN DARI SEFASAL KE SEFASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SEBULAT SUARA.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

24 APRIL 2003

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DATO` HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit tunggal): Yang Berhormat Dato` Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga, kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG YANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN DALAM TAHUN 2003 DAN BAGI MEMPERUNTUKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN

YANG BERHORMAT DATO` YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Bilangan 3 Tahun 2003**

24 APRIL 2003

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TUAN GURU MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya tangguhkan persidangan Dewan ini kepada suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Dan sehingga itu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah di atas kerjasama yang Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan, pegawai-pegawai dan juga Dato'-Dato' yang telah beri kerjasama yang baik yang memberikan keceriaan kepada Dewan ini sepanjang persidangan kita selama empat hari. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan ditangguhkan dengan *tasbih khafarah* dan surahtul Ashr'.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 5.10 PETANG.

LAMPIRAN A

DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEPULUH
PENGGAL YANG KELIMA
PERSIDANGAN YANG PERTAMA
PADA 20, 21, 22, 23 DAN 24 APRIL 2003

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1 (a)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI
WAKIL KEMASIK

- SOALAN 1 : Sila nyatakan jumlah premis yang menjalankan permainan snuker yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Terengganu di seluruh negeri semenjak tahun 2000 hingga 2003 mengikut pecahan daerah.
- JAWAPAN : Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Terengganu tidak meluluskan premis untuk menjalankan permainan snooker sejak tahun 2000 – 2003.
- SOALAN 2 : Sila sebutkan kadar jenayah di Terengganu semenjak tahun 2002 hingga sekarang mengikut pecahan daerah dan sejauh manakah kerjasama Kerajaan Negeri dengan pihak Polis dalam menangani masalah itu.

JAWAPAN : Masalah jenayah bukan tanggungan Kerajaan Negeri kerana mengikut perlembangan, tanggungan itu adalah tanggungan Kerajaan Persekutuan. Tetapi kadar jenayah yang diperolehi daripada Polis ialah seperti berikut :-

Daerah Kuala Terengganu	-	1,207 Kes
Daerah Kemaman	-	303 Kes
Daerah Dungun	-	286 Kes
Daerah Besut	-	194 Kes
Daerah Marang	-	188 Kes
Daerah Hulu Terengganu	-	139 Kes
Daerah Setiu	-	67 Kes
	JUMLAH	<u>2,384 Kes</u>

Manakala kadar jenayah indeks Terengganu bagi tempoh Januari hingga Mac 2003 adalah seperti berikut :-

Daerah Kuala Terengganu	-	399 Kes
Daerah Kemaman	-	81 Kes
Daerah Dungun	-	113 Kes
Daerah Besut	-	44 Kes
Daerah Marang	-	67 Kes
Daerah Hulu Terengganu	-	37 Kes
Daerah Setiu	-	23 Kes
	JUMLAH	<u>764 Kes</u>

Sehingga kini belum wujud sebarang platform antara Kerajaan Negeri dan Polis Negeri Terengganu berbincang perihal jenayah secara hubungan dua hala.

SOALAN 3 : Kerajaan Negeri dilaporkan banyak meluluskan geran tanah kepada penduduk Terengganu.

- a) Nyatakan jumlah penduduk yang diberikan geran tanah dari tahun 2000 hingga tahun 2002 mengikut pecahan daerah.
- b) Adakah Kerajaan Negeri turut menerima dan meluluskan permohonan tanah daripada Wakil-Wakil Rakyat dan jika ada sila nyatakan.
- c) Sila nyatakan jumlah penerokaan tanah secara haram di Negeri Terengganu semenjak tahun 2000 hingga tahun 2002 mengikut daerah.

JAWAPAN

- : a) Setakat ini bancian jumlah penduduk yang diberi geran belum lagi dibuat secara menyeluruh tetapi rekod/maklumat yang ada hanyalah jumlah hakmilik yang dikeluarkan dalam tempoh 2000 – 2002 iaitu seperti berikut :-

Bil	Daerah	Geran Negeri dan Geran Mukim	HS (D) & HS (M)
1.	Besut	2905	2122
2.	Dungun	2423	3577
3.	Hulu Terengganu	2195	1928
4.	Kemaman	2914	3517
5.	Kuala Terengganu	3627	5375
6.	Marang	2860	2892
7.	Setiu	1970	2847
JUMLAH		18894	22258

- b) Kerajaan Negeri tiada menerima permohonan atau meluluskan permohonan tanah kepada Wakil-wakil Rakyat.

- c) Jumlah penerokaan tanah pemastautin tanpa hak (haram) tidak dapat dipastikan. Walau bagaimana pun jumlah permohonan pemastautin tanpa hak yang diangkat melalui Pejabat Tanah Daerah di Negeri Terengganu semenjak tahun 2000 hingga tahun 2003 mengikut daerah adalah sepertimana berikut :-

Daerah	Jumlah Permohonan
Kuala Terengganu	10 Lot
Dungun	3,437 Lot
Kemaman	2,432 Lot
Besut	3,800 Lot
Hulu Terengganu	9,009 Lot
Marang	3,422 Lot
Setiu	8,478 Lot
JUMLAH	30,588 Lot

SOALAN 4 : Berapakah jumlah premis atau balairaya yang sebelum ini dijadikan kelas Tadika KEMAS telah diarah supaya dikosongkan oleh pihak Kerajaan Negeri semenjak tahun 2000 hingga sekarang mengikut daerah.

JAWAPAN : Adalah menjadi dasar Kerajaan BA Pimpinan PAS di Terengganu untuk mengembalikan kegunaan Balai Raya dan Dewan Sivik kepada kegunaan kemasyarakatan, bukan untuk pusat pengajian, KEMAS telah diarah mengosong dan mengembalikan semua (375) premis Kerajaan Negeri yang digunakan untuk kelas KEMAS. Namun demikian, Kerajaan Negeri masih lagi mengihnsankan KEMAS menggunakan premis tersebut sebagaimana bilangan berikut :-

Kawasan Parlimen	Masih Digunakan
Besut	44
Setiu	10
Kuala Nerus	10
Kuala Terengganu	4
Hulu Terengganu	3
Marang	16
Kemaman	1
JUMLAH	88 Buah

Adalah diharapkan supaya KEMAS dapat menyegerakan penyerahannya.

SOALAN 5 : Berapakah jumlah premis perniagaan yang dibina secara haram diseluruh Negeri Terengganu mengikut pecahan daerah semenjak tahun 2000 hingga sekarang dan apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan ke atas premis-premis tersebut.

JAWAPAN

:

Daerah	Premis Perniagaan
Kuala Terengganu	294

Tindakan PBT adalah :

1. Memberi maklumat dan kefahaman peruntukan undang-undang dan peraturan.
2. Memberi pendidikan awam supaya tahu menghormati undang-undang dan risiko keselamatan, kesulitan dan lain-lain.
3. Secara Jabatan :-
 - a. Mengadakan operasi setiap minggu dan memantau berterusan.
 - b. Notis dan kompoun dikeluarkan/dikenakan.
 - c. Adakan perbincangan/pendidikan dengan pihak terbabit.
 - d. Tindakan mahkamah sebagai tindakan terakhir.

DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEPULUH
PENGGAL YANG KELIMA
PERSIDANGAN YANG PERTAMA
PADA 20, 21, 22, 23 DAN 24 APRIL 2003

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1(b)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. ENCIK ROSOL BIN WAHID
WAKIL AJIL

- SOALAN 1 : Nyatakan jumlah pungutan zakat mengikut daerah pada tahun 1999, 2000, 2001 dan 2002 dan kategorikan mengikut individu, syarikat, pembayar dalam negeri dan pembayar luar negeri.
- JAWAPAN : **Soalan ini DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**
- SOALAN 2 : Nyatakan jumlah pengagihan harta zakat mengikut Asnaf (8 Asnaf) pada tahun 1999, 2000, 2001 dan 2002.

JAWAPAN :

**Pengagihan Harta Zakat Mengikut Asnaf (8 Asnaf)
bagi tahun 1999, 2000, 2001 dan 2002**

	<u>1999</u>	<u>2000</u>	<u>2001</u>	<u>2002</u>
Perbelanjaan Kepada Fakir	2,884,611.42	2,815,359.21	2,324,236.49	2,342,793.86
Perbelanjaan Kepada Miskin	8,065,870.81	6,855,688.61	6,718,414.09	10,670,142.74
Perbelanjaan Kepada Amil	710,825.82	888,017.78	1,790,878.17	2,116,270.77
Perbelanjaan Kepada Muallaf	292,584.49	472,153.45	545,315.77	597,794.17
Perbelanjaan Kepada Al-Riqab	0.00	2,000.00	0.00	1,000.00
Perbelanjaan Kepada Al-Gharimin	937,442.00	227,785.40	31,162.11	29,994.32
Perbelanjaan Kepada Fisabilillah	1,103,881.26	1,950,397.75	7,552,074.17	6,209,280.28
Perbelanjaan Kepada Ibnu-sabil	114,983.80	61,599.70	6,485.30	6,727.30

SOALAN 3 : Pengerusi JK Pendidikan, Dakwah dan Perlaksanaan Syariah kerap ke luar negara. Nyatakan tujuan lawatan, nama Negara yang dilawati dan kos keseluruhan lawatan tersebut mengikut tahun iaitu 2000, 2001 dan 2002.

JAWAPAN : Tiada.

SOALAN 4 : Yayasan Amal Malaysia telah diamanahkan untuk mengurus Taman Pertanian Sekayu. Nyatakan siapakah Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan itu dan ahli-ahlinya. Berapa banyakkah lagi harta dan aset Kerajaan negeri yang akan diserahkan kepada yaysan tersebut untuk diurus.

JAWAPAN : Yayasan Amal Malaysia merupakan satu badan yang didaftarkan di bawah Pejabat Pendaftar Pertubuhan. Rujukan bolehlah dibuat kepada pejabat berkenaan untuk mendapatkan senarai Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan tersebut.

Tidak ada harta dan aset Kerajaan Negeri yang diserahkan kepada Yayasan tersebut.

SOALAN 5 : Berapakah jumlah geran atau caruman atau sumbangan kewangan yang telah dihulurkan oleh Kerajaan Negeri kepada institusi-institusi berikut pada tahun 2000, 2001 dan 2002:

- a) KUSZA
- b) TATI
- c) Sekolah Menengah Agama Negeri

JAWAPAN : Jumlah caruman atau sumbangan kewangan Kerajaan Negeri kepada KUSZA, TATI dan Sekolah-Sekolah Menengah Agama Negeri mengikut tahun adalah seperti berikut:-

INSTITUSI	TAHUN 2000 (RM)	TAHUN 2001 (RM)	TAHUN 2002 (RM)
KUSZA	16,000,000.00	12,000,000.00	-
TATI	4,500,000.00	-	-
SMA	20,880,845.00	21,383,422.00	24,016,429.00

DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEPULUH
PENGGAL YANG KELIMA
PERSIDANGAN YANG PERTAMA
PADA 20, 21, 22, 23 DAN 24 APRIL 2003

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1(c)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH
WAKIL SEBERANG TAKIR

- SOALAN 1 : Apakah definasi Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang dipakai oleh Kerajaan Negeri Terengganu? Sila nyatakan lokasi, ramai pelajar dan bila dimulakan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Terengganu itu?
- JAWAPAN : Definasi Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang dipakai oleh Kerajaan Negeri Terengganu ialah Sekolah-Sekolah Agama yang tidak ditubuhkan oleh Kerajaan atau Agensi-Agensi Kerajaan.
- SOALAN 2 : Sila nyatakan jumlah Bantuan Per Capital yang diterima oleh sekolah-sekolah itu sejak ditubuhkan hingga akhir tahun 2002
- JAWAPAN : Mengikut maklumat yang ada hanya dua buah Sekolah Agama Rakyat sahaja yang menerima bantuan Per Capital oleh Kerajaan Persekutuan. Jumlah sebenar bantuan yang diterima tidak dapat dipastikan.
- SOALAN 3 : Berapa banyakkah Kerajaan negeri Terengganu memberi bantuan kepada sekolah itu setelah Bantuan

Per Capital dihentikan dan adakah Kerajaan Negeri sanggup memberikan bantuan selanjutnya.

JAWAPAN : Tiada.

SOALAN 4 : Bersedialah Kerajaan Negeri Terengganu menawarkan guru-guru dan pelajar dari SAR untuk masuk ke Sekolah Agama Kerajaan Negeri Terengganu? Sudahkah tawaran dibuat? Kalau telah dibuat sila nyatakan ramai guru dan pelajar-pelajar yang terlibat.

JAWAPAN : Tiada.

SOALAN 5 : Ketua Pemuda PAS Malaysia telah mengadap DYMM Tuanku Sultan Terengganu menyampaikan memorandum berhubung dengan SAR. Adakah memorandum itu menyatakan sesuatu tentang pemberhentian Bantuan Per Kapita atau penutupan atau penghapusan SAR? Adakah YAB Menteri Besar Terengganu diminta pandangannya oleh DYMM Tuanku mengenai perkara ini?

JAWAPAN : **Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26 (1) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEPULUH
PENGGAL YANG KELIMA
PERSIDANGAN YANG PERTAMA
PADA 20, 21, 22, 23 DAN 24 APRIL 2003

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1 (d)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI AZMAN SHAPAWI BIN ABDUL RANI
WAKIL RANTAU ABANG

- SOALAN 1 : a. Berapakah jumlah kewangan yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri dalam kos pembiayaan guaman Royalty Petroleum ?
- b. Berapakah yang telah dibayar oleh Syarikat Guaman manakah yang dipilih oleh Kerajaan Negeri ?
- c. Bagaimanakah bentuk jadual pembayaran ?
- JAWAPAN : Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(2)(g) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.
- SOALAN 2 : a. Berapakah yang sepatutnya dibayar oleh Petronas kepada Kerajaan Negeri Royalty Petroleum pada tahun 2000, 2001 dan 2002 ?

- b. Apakah sikap Kerajaan Negeri dengan kenyataan daripada Timbalan Menteri Kewangan yang mana duit Royalty Petroleum akan diagih-agihkan ke negeri lain ?

JAWAPAN : Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(2)(g) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

- SOALAN 3** :
- a. Senaraikan nama-nama sekolah yang mana tapaknya telah lulus di zaman Kerajaan BA.
 - b. Berapakah jumlah keluasan tiap-tiap satu ?
 - c. Berapakah jumlah premium yang dibayar kepada Kerajaan Negeri tiap-tiap satu ?
 - d. Berapakah jumlah yang masih lagi tidak diluluskan atau dalam proses kelulusan ?
 - e. Daripada kelulusan yang diberikan, berapakah daripadanya yang dibina sekolah menengah, sekolah rendah dan sekolah agama ?

JAWAPAN : Bagi menjawab soalan (a), (b) dan (c) berikut disenaraikan nama-nama sekolah mengikut daerah beserta dengan keluasan tanah dan premium yang dikenakan.

Daerah Kuala Terengganu

Bil.	Nama Sekolah	Keluasan Tanah	Premium Yang Dikenakan
1.	Sek. Men. Keb. Kompleks Pengadang Baru	4.7281 hektar	RM378,000.00
2.	Sek. Men. Keb. Bukit Bayas	6.680 hektar	RM534,000.00
3.	Sek. Keb. Pengkalan Arang	6.680 hektar	RM534,000.00
4.	Sek. Keb. Pengadang Baru	4.6730 hektar	RM374,000.00
JUMLAH		22.7611 Hektar	RM1,820,000.00

Daerah Dungun

Bil.	Nama Sekolah	Keluasan Tanah	Premium Yang Dikenakan
1.	Sek. Men. Keb. Balai Besar.	8.0904 hektar	RM1,000,000.00
2.	Sek. Keb & Sek. Men. Keb. Kompleks Rantau Abang	6.7663 hektar	RM676,000.00
3.	Sek. Men. Keb. Kg. Nyior Paka	9.7006 hektar	RM1,450,000.00
4.	Sek. Keb. Paka III	4.1885 hektar	RM628,000.00

5.	Sek. Men. Keb. Kompleks Ketengah Jaya	10.515 hektar	RM526,000.00
6.	Sek. Keb. Kompleks Ketengah Jaya	5.0852 hektar	RM309,349.00
JUMLAH		44.346 Hektar	RM4,589,349.00

Daerah Hulu Terengganu

Bil.	Nama Sekolah	Keluasan Tanah	Premium Yang Dikenakan
1.	Sek. Men. Keb. Bukit Diman	7.630 hektar	RM140,00.00
2.	Sek. Men. Keb. Tersat	5.412 hektar	RM95,000.00
3.	Sek. Men. Keb. Kuala Jeneris	8.094 hektar	RM200,000.00
4.	Sek. Keb. Tok Randok	3.9171 hektar	RM1,000.00 (nominal)

Bil.	Nama Sekolah	Keluasan Tanah	Premium Yang Dikenakan
5.	Sek. Keb. Padang Setenga	5.101 hektar	RM1,000.00 (nominal)
6.	Sek. Keb. Landas	4.3039 hektar	RM150,000.00
7.	Sek. Keb. Ajil	4.800 hektar	RM216,000.00
8.	Sek. Men. Keb. Agama Kuala Jeneris	10.1170 hektar	RM450,000.00
JUMLAH		49.375 Hektar	RM1,253,000.00

Daerah Besut

Bil.	Nama Sekolah	Keluasan Tanah	Premium Yang Dikenakan
1.	Sek. Men. Keb. Tok Dor	3.9147 hektar	RM430,000.00
2.	Sek. Men. Keb. Jabi	4,7276 hektar	RM540,000.00
3.	Sek. Keb. Anak Ikan	2.5690 hektar	RM310,000.00
4.	Sek. Men. Keb. Tembila	10.1541 hektar	RM965,074.00
JUMLAH		21.3654 Hektar	RM2,245,074.00

Daerah Setiu

Bil.	Nama Sekolah	Keluasan Tanah	Premium Yang Dikenakan
1.	Sek. Men. Keb. Putera Jaya	6.100 hektar	RM610,000.00
2.	Sek. Men. Keb. Guntung	6.381 hektar	RM320,000.00
3.	Sek. Men. Keb. Langkap	3.945 hektar	RM197,250.00
4.	Sek. Men. Keb. Pelong (Sek. Bestari)	12,2111 hektar	RM423,885.00
5.	Sek. Keb. Lembah Bidung	8.0725 hektar	RM565,000.00
6.	Sek. Keb. Lembah Jaya	4.0460 hektar	RM480,000.00
7.	Sek. Keb. Alor Lik	2.9162 hektar	RM87,000.00
8.	Sek. Keb. Sungai Lerek	4.0460 hektar	RM240,000.00
9.	Sek. Keb. Caluk Kedai	3.1778 hektar	RM207,000.00
10.	Sek. Men. Sains Permaisuri	20.1345 hektar	RM1,416,450.00
JUMLAH		71,9391 hektar	RM4,546,585.00

Daerah Marang

Bil.	Nama Sekolah	Keluasan Tanah	Premium Yang Dikenakan
1.	Sek. Men. Keb. Wakaf Tapai	9.173 hektar	RM1,341,830.00
2.	Sek. Men. Keb. Jambu Bongkok	8.094 hektar	RM639,426.00
3.	Sek. Men. Keb. Alur Limbat	8.0967 hektar	RM1,600,000.00
4.	Sek. Keb. Gong Nangka	5.099 hektar	RM1,784,650.00
5.	Sek. Men. Keb. Serating Jaya	6.000 hektar	RM570,000.00
6.	Sek. Men. Seberang Marang	6.7230 hektar	RM10.00 (nominal)
7.	Sek. Men. Sains Marang	20.234 hektar	RM1,000,000.00
8.	Sek. Men. Vokasional Pendidikan Khas	8.100 hektar	RM608,000.00
JUMLAH		71.5197 Hektar	RM7,543,916.00

Daerah Kemaman

Bil.	Nama Sekolah	Keluasan Tanah	Premium Yang Dikenakan
1.	Sek. Men. Keb. Seri Bandi	7.823 hektar	RM469,000.00
2.	Sek. Men. Keb. Mak Lagam	8.7424 hektar	RM1,500,000.00
3.	Sek. Men. Keb. Cherul	6.8663 hektar	RM343,000.00
4.	Sek. Men. Keb. Binjai	7.8694 hektar	RM767,000.00
5.	Sek. Men. Keb. Rasau Kertih 5	8.300 hektar	RM498,000.00
6.	Sek. Keb. Bukit Anak Dara	3.2107 hektar	RM225,000.00
7.	Sek. Keb. Seri Jaya	3.3795 hektar	RM338,000.00
8.	Sek. Keb. Mak Dayang	4.4592 hektar	RM580,000.00
9.	Sek. Keb. Seri Bandi II	4.7461 hektar	RM285,000.00
10.	Sek. Men. Keb. Kampung Baru	6.9194 hektar	RM970,000.00
11.	Sek. Keb. Kertih II	4.0468 hektar	RM768,000.00
JUMLAH		66.3628 Hektar	RM6,743,000.00

JUMLAH	346.7601	RM28,740,924.00
KESELURUHAN	HEKTAR	

- d. Bagi permohonan yang masih tidak diluluskan atau dalam proses kelulusan adalah sebanyak Enam (6) permohonan.
- e. Jenis sekolah yang telah diluluskan :-
- | | | |
|--|---|----|
| i. Sekolah Menengah | - | 31 |
| ii. Sekolah Rendah | - | 21 |
| iii. Sekolah Agama (Sek. Men. Keb. Agama Kuala Jeneris, Hulu Terengganu) | - | 1 |

JUMLAH KESELURUHAN	<u>53</u>
---------------------------	-----------

SOALAN 4

- :
- Berapakah jumlah penuntut di MRSM/YT Dungun dan Besut pada tahun 2002 ?
 - Adakah keseluruhan pelajar telah berpindah ke tempat pengajian baru mereka sebagaimana yang diarahkan oleh Kementerian ?
 - Apakah cadangan Kerajaan Negeri ke atas bangunan MRSM yang dikosongkan itu ?
 - Berapakah jumlah kakitangan di MRSM Dungun dan Besut yang berkhidmat dan dibayar gaji oleh Kerajaan Negeri sebelum ini dan apakah nasib mereka sekarang ?

- e. Berapakah perbelanjaan yang terpaksa Kerajaan Negeri keluarkan dalam pembinaan kedua-dua MRSM tersebut ?
- f. Berapakah belanja pengurusan setiap tahun bermula ia ditubuhkan sehingga akhir 2002 ?
- g. Sila nyatakan kronologi penutupan MRSM Dungun dan Besut ?

JAWAPAN

- : a. Jumlah penuntut MRSM-YT Dungun dan MRSM-YT Besut ialah :-

MRSM-YT Besut	709	(258L 451P)
MRSM-YT Dungun	376	(178L 198P)

- b. Pelajar-pelajar telahpun diarahkan berpindah oleh MARA pada 15 Februari 2003. Sehingga kini kedua-dua premis tersebut telahpun dikosongi oleh para pelajar. Perpindahan pelajar adalah di bawah pengurusan pihak MARA. Tiada laporan yang diterima daripada pihak MARA berkaitan dengan perkembangan para pelajar yang terlibat.
- c. Sekarang ini Kerajaan Negeri melalui Yayasan Terengganu sedang berusaha untuk membuka sekolah baru di kedua-dua premis tersebut.
- d. Jumlah kakitangan di kedua-dua MRSM ialah :-

MRSM-YT Besut	51 orang
MRSM-YT Dungun	27 orang

Mereka sekarang ini masih lagi berkhidmat dengan Yayasan Terengganu dan dibayar gaji sebagaimana biasa.

- e. Perbelanjaan yang telah dikeluarkan bagi pembinaan kedua-dua MRSM tersebut ialah :-

MRSM-YT Besut	RM33,744,899.00
MRSM-YT Dungun	RM10,461,442.00

- f. Perbelanjaan mengurus mengikut tahun adalah sebagaimana berikut :-

Tahun	MRSM-YT Besut	MRSM-YT Dungun
1995	RM533,600.35	RM384,986.40
1996	RM573,093.45	RM310,071.81
1997	RM461,555.61	RM247,792.24
1998	RM430,888.20	RM310,470.21
1999	RM495,523.79	RM500,339.33
2000	RM575,234.78	RM341,020.02
2001	RM614,482.79	RM355,950.01
2002	RM690,452.38	RM452,731.64
JUMLAH	RM4,374,831.35	RM2,903,361.66

Jumlah tersebut tidak termasuk jumlah yang melibatkan pembangunan fizikal.

- g. Penutupan tersebut telah diputuskan oleh pihak Kementerian Perusahaan Awam melalui MARA dimana surat BPM/HEP/22-1(33) bertarikh 31 Julai 2002 yang ditandatangani oleh Tuan Haji Zamani bin Md. Noor telah dihantar kepada pihak Pengurusan Yayasan Terengganu memaklumkan dengan dukacita terpaksa menamatkan kerjasama MARA dengan Yayasan Terengganu atas alasan keadaan fizikal di kedua-dua projek MRSM-YT Besut dan Dungun yang serba kekurangan. Selain daripada itu surat tersebut juga mengatakan yang tiada pengambilan pelajar akan dibuat pada sesi pengambilan 2003.

Ekoran daripada surat tersebut pihak pengurusan Yayasan Terengganu telahpun membalas surat serta membuat pertemuan dengan Ketua Pengarah MARA pada 18 Oktober 2002 (sebelum daripada tarikh ini beberapa temujanji telahpun dibuat tetapi tidak ada kelapangan di pihak MARA), Y.Bhg. Dato' Haji Mohd Mydin bin Mohd Sheriff meminta agar kerjasama yang dijalin sejak dari tahun 1995 diteruskan demi masa depan anak-anak bangsa yang memerlukan perhatian dan juga bimbingan. Disamping itu Yayasan Terengganu bersedia untuk membincangkan kekurangan fizikal yang dimaksudkan di dalam surat bertarikh 31 Julai 2002.

Pada 24 Oktober 2002 salinan surat diterima daripada MARA mengatakan permohonan untuk meneruskan aktiviti pengajaran-pembelajaran di MRSM-YT Besut tidak dapat dipertimbangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan.

Memandangkan keputusan telah dibuat oleh pihak Menteri, dan untuk mengelakkan pembaziran dan menjimatkan kos penyelenggaraan kedua-dua belah pihak, Yayasan Terengganu mencadangkan agar pelajar-pelajar serta tenaga pengajar di MRSM-YT Dungun dipindahkan ke MRSM-YT Besut yang boleh memuatkan seramai 1050 pelajar dalam satu masa.

Dalam pada masa yang sama juga Yayasan Terengganu sekali lagi berharap agar kerjasama di antara MARA dan Yayasan Terengganu diteruskan dan pengambilan pelajar dapat diteruskan sebagaimana yang telah diputuskan di dalam Mesyuarat Penyelarasan MRSM-YT Bil 1/2002 bertarikh 10 Januari 2002 demi masa depan anak-anak bangsa dan rakyat Negeri Terengganu Darul Iman.

Dukacita rayuan tersebut tidak dipertimbangkan dimana pada 3 Feb 2003 surat bertarikh 21 Januari 2003 diterima daripada pihak MARA memaklumkan jadual perpindahan yang akan dibuat sebagaimana berikut :-

15 Feb 2003 Pelajar-pelajar akan mula bercuti pada 28 Januari 2003 (perpindahan pelajar)

17 Feb 2003 Guru-guru akan mula bercuti pada 28 Februari 2003 (perpindahan guru)

28 Feb 2003 Perpindahan Pengetua dan Penolong Pengetua.

15 Feb - Semua alat kelengkapan milik
28 Feb 2003 MARA akan dipindahkan secara berperingkat.

Perpindahan tersebut telahpun berjalan sebagaimana yang telah dijadualkan.

- SOALAN 5 : a. Berapakah jumlah anak Syarikat Kerajaan Negeri yang berjaya mengaut keuntungan pada akhir 2002 dan berapakah yang masih lagi mengalami kerugian ?
- b. Senaraikan anak syarikat yang untung dan juga yang rugi.

JAWAPAN	:	a.	<u>Bil Anak Syarikat Untung 2002</u>	<u>Bil Anak Syarikat Rugi 2002</u>
			17	9

b. i. **Anak Syarikat Untung**

- a. Jasa Merin (M) Sdn Bhd.
- b. KFS Support Sdn. Bhd.
- c. GPQ Sdn. Bhd.
- d. Ladang Rakyat Terengganu Sdn. Bhd.
- e. Telemate Telesystem Sdn. Bhd.
- f. Wawasan Wibawa Sdn. Bhd.
- g. Trefound Educare Sdn. Bhd.
- h. PTB Resort Sdn. Bhd.
- i. PTB Land Sdn. Bhd.
- j. Golden Pharos Bhd.
- k. Kumpulan Pengurusan Kayu Kayan Trg. Sdn. Bhd.
- l. Pesama Timber Corporation Bhd.
- m. GP Doors Sdn. Bhd.
- n. GP Glass Sdn. Bhd.
- o. TDM Plantation Sdn. Bhd.
- p. Epic Bhd.
- q. KSB Sdn. Bhd.

ii. **Anak Syarikat Yang Rugi**

- a. Pertama Terengganu Sdn. Bhd.
- b. Hubungan Raya Terengganu Sdn. Bhd.
- c. Permodalan Terengganu Bhd.
- d. PTB Asset Management Sdn. Bhd.
- e. Kenyir Outdoor & Leadership.
- f. PTB Suramix Sdn. Bhd.
- g. Permint Plywood Sdn. Bhd.
- h. Pesaka Terengganu Bhd.
- i. Percetakan Yayasan Islam Terengganu.

DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEPULUH
PENGGAL YANG KELIMA
PERSIDANGAN YANG PERTAMA
PADA 20, 21, 22, 23 DAN 24 APRIL 2003

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1(e)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH
WAKIL KUALA BERANG

SOALAN 1 : Sila nyatakan keputusan terperinci peperiksaan PMR bagi MRSM-YT di Besut dan Dungun bagi pelajar yang menduduki peperiksaan tahun 2002.

JAWAPAN : Seramai **144** orang pelajar bagi setiap MRSM telah menduduki PMR 2002. Keputusan peperiksaan adalah sebagaimana berikut:

	MRSM-YT Besut		MRSM-YT Dungun	
9A	-	-	-	-
8A	86	59.7%	120	83.3%
7A	33	22.9%	21	14.6%
6A	15	10.4%	1	0.7%
5A	4	2.8%	1	0.7%
4A	4	2.8%	0	0.0%
3A	2	1.4%	1	0.7%
2A	-	-	-	-
1A	-	-	-	-

Tiada A	-	-	-	-
Jumlah	144		144	

Kedua-dua MRSM mengekalkan prestasi 100% lulus. MRSM-YT Dungun muncul sehingga MRSM terbaik bagi seluruh Malaysia dengan pencapaian 83.3% yang mendapat 8A. Ini merupakan pencapaian yang paling cemerlang yang pernah diperolehi oleh MRSM.

SOALAN 2 : Berapakah jumlah projek dan kosnya di bawah pelaksanaan PMC yang sedang dalam pembinaan di negeri ini?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri Terengganu tidak pernah menggunakan khidmat PMC untuk melaksanakan projek di negeri ini.

DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEPULUH
PENGGAL YANG KELIMA
PERSIDANGAN YANG PERTAMA
PADA 20, 21, 22, 23 DAN 24 APRIL 2003

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1(f)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B.M. TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG
WAKIL TELEMONG

SOALAN 1 : Sila senaraikan pembinaan masjid, surau dan dewan orang ramai bersama kos pembinaannya sejak tahun 2000 yang dibina oleh Kerajaan Negeri.

JAWAPAN :

	Daerah	Masjid/Kos	Surau/Kos	Dewan/Balai Raya/Kos
1.	Kuala Terengganu	i) Pengadang Baru - 2 juta ii) Gemuruh - 1.5 juta	-	-

2.	Setiu	Penarik – 1.5 juta	-	-
3.	Kemaman	-	i) RKR Fikri – RM84,410.00 ii) Kg. Penunjuk RM48,579.94	- -
4.	Hulu Terengganu	i) Kg. Lubuk Periak - RM89,300.00 ii) Kg. Pelandan – RM44,800.00	i) Kg. Belukar Bukit – RM50,000.00 ii) Kg. Chenkering Sekayu - RM50,000.00	Balairaya:- i) Kg. Tapah – RM44,761.50 ii) Kg. Tengawang- RM43,900.00 iii) Kg. Teris – RM44,700.00
				iv) Kg. Langgar – RM45,299.00 v) Kg. Gaung – RM45,000.00 vi) Kg. Sekayu – RM44,820.00 vii) Kg. Batu 23 – RM43,800.00 viii) Kg. Kuala Por RM43,700.00
5.	Besut	-	-	-

6.	Dungun	-	-	-
7.	Marang	-	i) Kg. Jambu Laut/ Jambu Bongkok – RM80,000.00 ii) Taman Kalungan Mukim Rusila – RM50,000.00	Balairaya:- i) Kg. Kijing – RM15,000.00 ii) Kg. Macang Lada - RM100,000.00 iii) Kg. Macang Lada - RM8,000.00

SOALAN 2 : Nyatakan berapa buah Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang terlibat dibawah Program Pembatalan Bantuan Perkapita Kerajaan Persekutuan. Sila nyatakan berapa jumlah bantuan, guru dan murid yang terlibat.

JAWAPAN Sila rujuk jawapan bertulis Soalan 2 wakil Seberang Takir.

Bilangan guru dan pelajar mengikut sekolah adalah sebagaimana berikut:-

i. Madrasah Mazahirul Ulum, Binjai Bongkok, Bukit Payong, Marang Terengganu:-

Bilangan guru 7 orang
 Bilangan pelajar 75 orang

ii. Madrasah Falahiah Pondok Paku, Kerandang, Jerteh, Terengganu:-

Bilangan guru 17 orang
 Bilangan pelajar 80 orang (Remaja)
 Bilangan pelajar 84 orang (Dewasa)
 Bilangan pelajar 50 orang (Pelajar Kafa) iaitu pelajar petang dari sekolah kebangsaan.

SOALAN 3 : Apakah peranan Kerajaan Negeri dalam usaha menambah pendapatan rakyat/pengusaha pelancongan di Tasik Kenyir Nyatakan program dan jumlah perbelanjaan khusus untuknya.

JAWAPAN : Kerajaan Negeri bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dalam menggalakkan aktiviti pelancongan di Tasik Kenyir. Oleh itu apa-apa peningkatan dalam aktiviti pelancongan di kawasan tersebut boleh menambahkan pendapatan rakyat atau pengusaha pelancongan di Tasik Kenyir. Jenis-jenis program dan jumlah perbelanjaan tidak dapat ditentukan lagi.

SOALAN 4 : Sila nyatakan peruntukan Kerajaan Negeri untuk sistem pengairan taliair di Kampung Gaong, Tok Lawit/ Pasir Sipol dan Matang di Daerah Hulu Terengganu bagi tahun 2002 dan 2003. Apakah rancangan seterusnya untuk menambah pendapatan petani di kawasan ini.

JAWAPAN :

	Nama Tempat/ Kos Sistem	Peruntukan 2002	Peruntukan sehingga 31 Mac 2003
1.	Kampung Gaong - Pengairan - Baja NPK Blue	RM81,499.67 RM4,180.00	RM15,901.07 -
2.	Kampung Tok Lawit/ Pasir Simpul - Pengairan - Pemberian kapur, NPK, racun rumpai	RM41,035.71 -	RM36,036.37 RM6,998.00

3.	Kampung Matang - Pengairan - Pemberian kapur, NPK, racun rumpai	RM42,625.38 -	RM27,302.12 RM59,540.00
----	--	------------------	----------------------------

Untuk menambah pendapatan petani di kawasan-kawasan ini antaranya ialah :-

i.	meningkatkan hasil padi melalui pengurusan air yang cekap di peringkat ladang dan mengikut jadual.
ii.	diberi bantuan tambahan bagi baja padi dan racun rumpai.

SOALAN 5 : Nyatakan status akhir pembinaan projek "Motor Way" Kerajaan Negeri.

JAWAPAN : Status pembinaan 'Motorway' dalam peringkat kajian kerja-kerja berikut:-

- i) Pemeriksaan Teliti Bagi Penjajaran Motorway (90% siap)
- ii) Kerja-kerja Ukur Tanah (60% siap)
- iii) Pengumpulan Serta Kajian Data (100% siap)
- iv) Fasa Pertama Kerja-kerja Kajian Tanah (100% siap)
- v) Kajian Bahan Dan Logistik (100% siap)
- vi) Pelan Pengambilan Balik Tanah (85% siap)
- vii) Kajian Teknikal Dan Perincian Rekabentuk (95% siap)

Dicetak oleh:
PERCETAKAN YAYASAN ISLAM TERENGGANU SDN. BHD.
Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu.
Tel: 09-6664611 & 6664652 Fax: 09-6662611